**PERSIDANGAN KALI KETIGA (BELANJAWAN)**
**BAGI TEMPOH PENGGAL YANG KEDUA**
**DEWAN NEGERI KELANTAN KELIMABELAS**
**==========**
**[ 19 JAMADIL AWAL 1446H / 21HB NOVEMBER 2024]**

**AHLI-AHLI YANG HADIR**

| BIL | NAMA | KAWASAN |
|---|---|---|
| 1. | **YB DATO' SRI AMAR D'RAJA DATO' HJ MOHD AMAR B ABDULLAH**<br>***S.J.M.K.,D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)*** | **PANCHOR / SPEAKER** |
| 2. | **YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' HJ MOHD NASSURUDDIN B HJ DAUD**<br>***S.J.M.K.,D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)***<br>(Pengerusi Jawatankuasa Perancangan, Pentadbiran Awam, Kewangan, Ekonomi & Tanah) | **MERANTI / MENTERI BESAR** |
| 3. | **YB DATO' DR. HJ MOHAMED FADZLI B DATO' HJ HASSAN**<br>***D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)***<br>(Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wilayah, Sumber Asli, Integriti, Pembangunan Insan & Undang-undang) | **TEMANGAN / TIMBALAN MENTERI BESAR** |
| 4. | **YB MEJ. (B) DATO' HJ MD ANIZAM B AB RAHMAN**<br>***D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)***<br>(Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia. Perdagangan & Keusahawanan) | **KEMAHANG** |
| 5. | **YB DATO' DR. IZANI B HAJI HUSIN**<br>***D.J.M.K. (Kelantan)***<br>(Pengerusi Jawatankuasa Kerjaraya, Infrastruktur, Air & Pembangunan Luar Bandar) | **KIJANG** |

| | | |
|---|---|---|
| **6.** | **YB DATO' TUAN HJ SARIPUDIN B TUAN ISMAIL**<br>***D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)***<br>(Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan & Komoditi) | **SELISING** |
| **7.** | **YB DATO' HJ WAN ROSLAN B WAN HAMAT**<br>***D.J.M.K.,J.M.K., A.S.K.***<br>(Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital & Inovasi) | **PENGKALAN KUBOR** |
| **8.** | **YB TUAN MOHD ASRI B MAT DAUD**<br>***J.M.K. (Kelantan)***<br>(Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan & Hubungan Seranta) | **DEMIT** |
| **9.** | **YB TUAN HILMI B ABDULLAH**<br>(Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan & Alam Sekitar) | **GUCHIL** |
| **10.** | **YB PUAN HJH ROHANI BT IBRAHIM**<br>***J.M.K., S.M.K.***<br>(Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga & Wanita) | **TANJONG MAS** |
| **11.** | **YB TUAN ZAMAKHSHARI B MUHAMAD**<br>(Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, NGO & Perpaduan Masyarakat) | **APAM PUTRA** |
| **12.** | **YB DATUK KAMARUDIN B MD NOR**<br>***D.M.S.M.,A.M.N.***<br>(Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian & Warisan) | **AYER LANAS** |
| **13.** | **YB DATO' MOHAMED FARID B MOHAMED ZAWAWI**<br>***D.I.M.P.*** | **KOK LANAS / TIMBALAN SPEAKER** |
| **14.** | **YB DATO' BENTARA KANAN USTAZ DATO' HJ AHMAD B YAKOB**<br>***S.J.M.K..,D.J.M.K.,S.M.K.,J.P.*** | **PASIR PEKAN** |
| **15.** | **YB DATO' SR HJ AZAMI B MOHD NOR**<br>***D.J.M.K.,J.M.K.*** | **KADOK** |

| | | |
|---|---|---|
| **16.** | **YB DATO' HJ ABDUL FATTAH B MAHMOOD**<br>***D.J.M.K.,J.M.K.*** | **BUKIT PANAU** |
| **17.** | **YB DATO' HJ ABD. RAHMAN B YUNUS**<br>***D.J.M.K.,J.M.K.*** | **PASIR TUMBOH** |
| **18.** | **YB TUAN HJ MOHD FAUZI B ABDULLAH**<br>***J.M.K*** | **MANEK URAI** |
| **19.** | **YB TUAN HJ MOHD HUZAIMY B CHE HUSSIN**<br>***J.M.K.,A.K.*** | **PANTAI IRAMA** |
| **20.** | **YB TUAN ROZI B MUHAMAD**<br>**J.M.K.** | **TENDONG** |
| **21.** | **YB TUAN AZHAR B SALLEH**<br>***A.S.K.*** | **PULAI CHONDONG** |
| **22.** | **YB TUAN HJ ZURAIDIN B ABDULLAH** | **CHETOK** |
| **23.** | **YB TUAN MOHD RUSLI B ABDULLAH** | **WAKAF BHARU** |
| **24.** | **YB TUAN KU MOHD ZAKI B KU HUSIN** | **DABONG** |
| **25.** | **YB TUAN MOHD RODZI B JAAFAR** | **GAAL** |
| **26.** | **YB TUAN HJ MOHD ADANAN B HASSAN**<br>***J.M.K.*** | **KELABORAN** |
| **27.** | **YB TUAN WAN ROHIMI B WAN DAUD**<br>***A.K.,J.S.M.*** | **MELOR** |
| **28.** | **YB TUAN KAMARUZAMAN B MOHAMAD**<br>***J.S.M.*** | **GUAL PERIOK** |
| **29.** | **YB TUAN NIK BAHRUM B NIK ABDULLLAH**<br>***A.S.K.*** | **CHEMPAKA** |
| **30.** | **YB TUAN BAHARI B MOHAMAD NOR** | **GUAL IPOH** |
| **31.** | **YB PUAN NOR ASILAH B MOHAMED ZIN** | **LIMBONGAN** |
| **32.** | **YB TUAN ZAMERI B MAT NAWANG** | **JELAWAT** |

| | | |
|---|---|---|
| **33.** | **YB TUAN MOHAMAD NASRIFF B DAUD @ DAUD YATIMEE** | **PENGKALANPASIR** |
| **34.** | **YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN**<br>***A.K.*** | **BUNUT PAYONG** |
| **35.** | **YB DATO' SHAARI B MAT HUSSAIN**<br>***D.P.T.J.*** | **PALOH** |
| **36.** | **YB DATO' ABDUL HADI B AWANG KECHIL**<br>***D.P.S.K., P.S.K. (Kelantan), J.M.N., K.M.N.*** | **KUALA BALAH** |
| **37.** | **YB TUAN ZUBIR B ABU BAKAR** | **MENGKEBANG** |
| **38.** | **YB TUAN SAIZOL B ISMAIL** | **SALOR** |
| **39.** | **YB TUAN HARUN B ISMAIL** | **TAWANG** |
| **40.** | **YB TUAN AHMAD ZAKHRAN B MAT NOOR** | **KEMUNING** |
| **41.** | **YB TUAN MOHD ALMIDI B JAAFAR** | **BUKIT BUNGA** |
| **42.** | **YB TUAN NOR SHAM B SULAIMAN** | **SEMERAK** |
| **43.** | **YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI B HJ. ABDUL GHANI** | **NENGGIRI** |
| **44.** | **YB DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM** | **KOTA LAMA** |
| **45.** | **YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN B HASHIM**<br>***J.M.K.*** | **GALAS** |

**AHLI MENURUT**
**PERKARA 13(3)**
**UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN TUBUH KERAJAAN KELANTAN,**
**BAHAGIAN PERTAMA**

YB DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD
[DATO' KAYA SETIA SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN]
*S.P.S.K.,D.P.S.K.(KELANTAN),P.S.K.,B.S.K.,A.S.K.*

YB DATO' IDHAM BIN HAJI ABD GHANI
[PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI KELANTAN]
*D.P.S.K. (Kelantan)*

YBM TENGKU KAYA PERKASA
DATO' DR TENGKU MOHAMED FAZIHARUDEAN BIN TENGKU FEISSAL
[PEGAWAI KEWANGAN NEGERI KELANTAN]
*D.J.M.K. (Kelantan)*

**SETIAUSAHA DEWAN NEGERI**
**KELANTAN**

[MOHD FADZIL AZNAN BIN ABDUL AZIZ]
*A.S.K.*

**PERSIDANGAN KALI KETIGA**
**BAGI TEMPOH PENGGAL KEDUA [BELANJAWAN]**
**DEWAN NEGERI KELANTAN**
**YANG KELIMABELAS**
**PADA 19, 22, 23, 24, DAN 25 JAMADIL AWAL 1446H /**
**[ 21HB, 24HB, 25HB, 26HB DAN 27HB NOVEMBER 2024]/**
**HARI KHAMIS, AHAD, ISNIN, SELASA, DAN RABU**
**==========**

**SETIAUSAHA :**

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Persidangan Kali Ketiga [Belanjawan] Bagi Tempoh Penggal Kedua, Dewan Negeri Kelantan Kelimabelas

الفا تحه...

**I. .. DOA.**

**SETIAUSAHA :** Susunan Urusan Persidangan Yang Pertama, Berdoa….

**[ SAMBIL BERDIRI ]**

**II - PENGESAHAN PERINGATAN PERSIDANGAN KALI KEDUA BAGI TEMPOH PENGGAL KEDUA DEWAN NEGERI KELANTAN YANG KELIMABELAS.**

**SETIAUSAHA :** Susunan Urusan Persidangan Yang Kedua, Pengesahan Peringatan Persidangan Kali Kedua, Bagi Tempoh Penggal Kedua Dewan Negeri Kelantan Kelimabelas.

**YB DATO' SPEAKER :** Minta cadangan…

**YB MOHAMAD NASRIFF BIN DAUD @ DAUD YATIMEE :** Yang Berhormat Dato' Speaker**,** saya mohon mencadangkan Peringatan Persidangan Kali Kedua Bagi Tempoh Penggal Kedua, Dewan Negeri Kelantan Kelimabelas yang telah diadakan pada hari-hari Selasa, Rabu dan Khamis 26, 27 dan 28 Zulkaedah 1445 Hijriah bersamaan 04hb, 05hb, dan 06hb Jun 2024 Dewan Negeri Kelantan supaya diterima dan disahkan.

**YB DATO' SPEAKER :** Sokongan…

**YB DATO' ABDUL HADI BIN AWANG KECHIL :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

**YB DATO' SPEAKER :** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada di hadapan kita sekarang ialah satu cadangan supaya Peringatan Persidangan Kali Kedua Bagi Tempoh Penggal Kedua, Dewan Negeri Kelantan Kelimabelas yang telah diadakan pada hari-hari Selasa, Rabu dan Khamis 26, 27 dan 28 Zulkaedah 1445 Hijriah bersamaan 04hb, 05hb, dan 06hb Jun 2024 Dewan Negeri Kelantan supaya diterima dan disahkan.

Dengan demikian, sekarang saya kemukakan cadangan tersebut bagi diundi.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT YANG BERSETUJU, KATA "SETUJU", AHLI-AHLI YANG TIDAK BERSETUJU, KATA "TIDAK."**

Dipersetujukan.

Peringatan Persidangan Kali Kedua Bagi Tempoh Penggal Kedua, Dewan Negeri Kelantan Kelimabelas yang telah diadakan pada hari-hari Selasa, Rabu dan Khamis 26, 27 dan 28 Zulkaedah 1445 Hijriah bersamaan 04hb, 05hb, dan 06hb Jun 2024 Dewan Negeri Kelantan supaya diterima dan disahkan.

**[ PERINGATAN PERSIDANGAN KALI KEDUA BAGI TEMPOH PENGGAL YANG KEDUA DEWAN NEGERI KELANTAN KELIMABELAS DISAHKAN]**

**[ SETIAUSAHA MENGANGKAT TEKS-TEKS PERINGATAN TERSEBUT KEPADA YB DATO' SPEAKER]**

**III - ANGKAT SUMPAH AHLI DEWAN NEGERI DUN N.43**

**SETIAUSAHA :** Susunan Urusan Persidangan Yang Ketiga, Angkat Sumpah Ahli Dewan Negeri DUN N.43 Nenggiri.

**YB DATO' SPEAKER :** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, berikutan dengan kekosongan Kawasan Dewan Undangan Negeri N.43 Nenggiri, Suruhanjaya Pilihanraya telah mengaturkan satu Pilihanraya Kecil bagi Kawasan Dewan Undangan Negeri N.43 Nenggiri **pada 12 Safar 1446H bersamaan 17 Ogos 2024M** dan Pilihanraya tersebut telah dimenangi oleh calon Barisan Nasional (BN) iaitu **Mohd Azmawi Fikri Bin Abdul Ghani.**

Pada hari ini Yang Berhormat Nenggiri yang baru akan menyempurnakan Ucapan Mengangkat Sumpah sebagai Ahli bagi Dewan ini.

Sekarang saya mempersilakan **Yang Berhormat Mohd Azmawi Fikri Bin Abdul Ghani** ahli bagi kawasan N.43 Nenggiri tampil ke hadapan bagi menyempurnakan Upacara Mengangkat Sumpah.

Dipersilakan.

**[ YB MOHD AZMAWI FIKRI BIN ABDUL GHANI**
**AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI BAGI KAWASAN**
**NENGGIRI MENYEMPURNAKAN UPACARA**
**MENGANGKAT SUMPAH]**

بسم الله الرحمن الرحيم

**" DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA AGUNG DAN DENGAN KEMULIAAN NABI MUHAMMAD S.A.W"**

**ADALAH SAYA, MOHD AZMAWI FIKRI BIN ABDUL GHANI YANG TELAH DIPILIH SEBAGAI SEORANG AHLI DEWAN NEGERI BAGI NEGERI KELANTAN DENGAN SESUNGGUHNYA BERSUMPAH BAHAWA SAYA DENGAN SETIANYA AKAN MENUNAIKAN KEWAJIPAN-KEWAJIPAN SAYA SEBAGAI AHLI ITU DENGAN SEDAYA UPAYA SAYA; BAHAWA SAYA AKAN BERSETIAWAN DAN AKAN BERTAAT SETIA DENGAN SEBENARNYA KEPADA NEGERI KELANTAN**

**DAN BAHAWA SAYA AKAN MEMELIHARA, MENJAGA DAN MEMPERTAHANKAN PERLEMBAGAAN NEGERI KELANTAN**

**"ADALAH SAYA, MOHD AZMAWI FIKRI BIN ABDUL GHANI BERSUMPAH BAHAWA SAYA AKAN BERSETIAWAN DAN AKAN BERTAATSETIA DENGAN SEBENARNYA KEPADA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN KELANTAN DAN KEPADA WARIS-WARIS GANTINYA MENURUT UNDANG-UNDANG".**

**IV ... UCAPAN OLEH YB DATO' SPEAKER**

**SETIAUSAHA :** Susunan Urusan Persidangan Yang Keempat, ucapan oleh Yang Berhormat Dato' Speaker.

**YB DATO' SPEAKER :**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan Junjung Kasih kepada KDYMM Sultan Muhammad V di atas pengurniaan Darjah-Darjah Kebesaran sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Yang Ke-55 Tahun 2024 kepada Ahli-Ahli Dewan Negeri Kelantan.

Pada kesempatan ini saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada YB Dato' Hj Tuan Mohd Saripuddin Bin Tuan Ismail, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agro Makanan & Komoditi, YB Dato' Wan Roslan Bin Wan Hamat, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau & Inovasi dan YB Dato' Hj Abdul Rahman Bin Yunus di atas pengurniaan Ahli Yang Kedua Dato' Paduka bagi Darjah Kebesaran Jiwa Mahkota Kelantan (DJMK).

Saya juga mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Zamakhshari Bin Muhamad, Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, NGO & Perpaduan Masyarakat dan Yang Berhormat Hj Zuraidin Bin Abdullah bagi anugerah Ahli Yang Ketiga bagi Darjah Kebesaran Jiwa Mahkota Kelantan (JMK).

Sekian, terima kasih.

**V - KERTAS-KERTAS YANG DIBENTANG DI ATAS MEJA.**

**SETIAUSAHA :** Susunan Urusan Persidangan Yang Kelima, Kertas-Kertas Yang Dibentangkan Di atas Meja.

Kertas-Kertas tersebut ialah Kertas Dewan Bil. 18 Tahun 2024 hingga Kertas Dewan Bil. 34 Tahun 2024 sebagaimana yang dibentangkan di atas meja Ahli-Ahli Yang Berhormat : -

| | | |
|---|---|---|
| 1. Kertas Dewan Bil. 18/2024 | .. | Anggaran Perbelanjaan Perbekalan Tambahan Pertama (2024) Tahun 2024. |
| 2. Kertas Dewan Bil. 19/2024 | .. | Kenyataan Lengkap bersabit dengan perbelanjaan yang mustahak dan tidak dijangka bagi kebenarannya kerana pendahuluan daripada Kumpulan Wang bagi yang lain diperbuat mengikut Peraturan Kewangan Tahun 1957 dan dibentang mengikut Peraturan (113) (1) daripada Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan. |
| 3. Kertas Dewan Bil. 20/2024 | .. | Kenyataan Wang Pendahuluan Yang diperbuat Mengikut Seksyen 6 (2) Daripada Wang Pembangunan 1966. |
| 4. Kertas Dewan Bil. 21/2024 | .. | Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2024. |
| 5. Kertas Dewan Bil. 22/2024 | .. | Anggaran Hasil Bagi Tahun 2025. |
| 6. Kertas Dewan Bil. 23/2024 | .. | Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2025. |

| | | |
|---|---|---|
| 7. Kertas Dewan Bil. 24/2024 | .. | Anggaran Perbelanjaan Tanggungan Negeri Kelantan Bagi Tahun 2025. |
| 8. Kertas Dewan Bil. 25/2024 | .. | Anggaran Perbelanjaan Bekalan Negeri Kelantan Bagi Tahun 2025. |
| 9. Kertas Dewan Bil. 26/2024 | .. | Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Negeri Kelantan Bagi Tahun 2025. |
| 10. Kertas Dewan Bil. 27/2024 | .. | Penyata Kewangan Yayasan Islam Kelantan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022. |
| 11. Kertas Dewan Bil. 28/2024 | .. | Penyata Kewangan Perbadanan Stadium Kelantan bagi Tahun Berakhhir Pada 31 Disember Tahun 2023. |
| 12. Kertas Dewan Bil. 29/2024 | .. | Penyata Kewangan Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023. |
| 13. Kertas Dewan Bil. 30/2024 | .. | Penyata Kewangan Majlis Daerah Dabong Tahun 2023. |
| 14. Kertas Dewan Bil. 31/2024 | .. | Penyata Kewangan Majlis Daerah Kuala Krai Tahun 2023. |
| 15. Kertas Dewan Bil. 32/2024 | .. | Penyata Kewangan Majlis Daerah Tanah Merah Tahun 2023. |
| 16. Kertas Dewan Bil. 33/2024 | .. | Penyata Kewangan Negeri Kelantan Darul Naim Tahun 2023. |

17. Kertas Dewan Bil. 34/2024 .. Laporan Ketua Audit Negara 3/2024 Kelantan.

**VI - SOALAN-SOALAN YANG DIBERITAHU**

**SETIAUSAHA :** Susunan Urusan Persidangan Yang Keenam, Soalan-Soalan Yang Diberitahu.

Soalan-soalan yang dikemukakan untuk mendapat **Jawapan Bertulis.**

Soalan-soalan oleh :

**YB TUAN HJ MOHD ADANAN BIN HASSAN**
**YB TUAN MOHD RUSLI BIN ABDULLAH**
**YB TUAN NIK BAHRUM BIN NIK ABDULLAH**
**YB PUAN DR. HAFIDZAH BINTI HJ. MUSTAKIM**
**YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN**
**YB TUAN MOHAMED NASRIFF BIN DAUD @ DAUD YATIMEE**
**YB TUAN KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD**
**YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR**
**YB PUAN NOR ASILAH BINTI MOHAMED ZIN**
**YB TUAN MOHD RODZI BIN JA'AFAR**
**YB TUAN AZHAR BIN SALLEH**
**YB DATO' ABDUL HADI BIN AWANG KECHIL**
**YB TUAN ZUBIR BIN ABU BAKAR**
**YB TUAN HJ MOHD FAUZI BIN ABDULLAH**
**YB DATO' SHAARI BIN MAT HUSSAIN**

Jawapan bagi soalan tersebut adalah sebagaimana yang dibentang di atas meja di hadapan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bertanya. Soalan-soalan yang dikemukakan untuk mendapat **Jawapan Mulut.**

Soalan-soalan oleh :

**YB TUAN HJ MOHD ADANAN BIN HASSAN**
**YB TUAN MOHD RUSLI BIN ABDULLAH**
**YB TUAN HJ NIK BAHRUM BIN NIK ABDULLAH**
**YB PUAN DR. HAFIDZAH BINTI HJ MUSTAKIM**
**YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN**
**YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD**

**YB TUAN MOHAMAD NASRIFF BIN DAUD@DAUD YATIMEE**
**YB TUAN HJ ZURAIDIN BIN ABDULLAH**
**YB TUAN KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD**
**YB DATO' HJ ABD RAHMAN BIN YUNUS**
**YB TUAN HJ HARUN BIN ISMAIL**
**YB TUAN HJ MOHD HUZAIMY BIN CHE HUSIN**
**YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG**
**YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD**
**YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR**
**YB PUAN NOR ASILAH BINTI MOHAMED ZIN**
**YB TUAN NORSHAM BIN SULAIMAN**
**YB TUAN MOHD RODZI BIN JAA'FAR**
**YB TUAN HJ AZHAR BIN SALLEH**
**YB TUAN AHMAD ZAKHRAN BIN MAT NOOR**
**YB TUAN MOHD ALMIDI BIN JAAFAR**
**YB DATO' ABDUL HADI BIN AWANG KECHIL**
**YB TUAN ZUBIR BIN ABU BAKAR**
**YB TUAN HJ MOHD FAUZI BIN ABDULLAH**
**YB TUAN KU MOHD ZAKI BIN KU HUSSIN**
**YB DATO' SHAARI BIN MAT HUSSAIN**
**YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM**

**[ YB DATO' SPEAKER AKAN MENGAMBIL ALIH SETERUSNYA....]**

**YB DATO' SPEAKER :** Sekarang saya menjemput Yang Berhormat daripada Melor. Silakan.

**YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD :**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Sri Amar D'Raja Dato' Speaker, pohon jawapan kepada soalan saya nombor 1.

Soalan 1 :

*[ Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, namakan agensi-agensi pembangunan persekutuan seperti FELDA, KESEDAR dan/atau FELCRA yang mengendalikan Rancangan Pembangunan Tanah Berkelompok di bawah Akta Tanah (Kawasan Petempatan Berkelompok) 1960 (Akta GSA) dalam negeri Kelantan, dan keluasan tanah-tanah rancangan yang masih gagal dibayar premium oleh*

*agensi-agensi tersebut, serta adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk mengambil semula tanah-tanah yang gagal mematuhi jadual pembayaran premium tersebut? ]*

**YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Melor yang mengemukakan soalan. Bagi Negeri Kelantan hanya FELDA sahaja yang membangunkan tanah menggunakan Akta GSA. Manakala FELCRA dan KESEDAR tidak menggunakan Akta GSA.

Tanah-tanah dalam kawasan GSA yang perlu dibayar premium oleh agensi berkaitan adalah terbahagi kepada 2 kategori iaitu Kawasan penempatan (Seksyen 6) Kawasan penempatan terbahagi kepada 2 iaitu kawasan penempatan kediaman peneroka dan kawasan yang digunakan oleh agensi untuk tujuan fasiliti pentadbiran kawasan ladang (seksyen 5).

Permohonan pemberi dekat milikan yang masih gagal dijelaskan premium adalah FELDA Chiku 6 keluasan 859.88 hektar, Chiku 1 keluasan 2309.94 hektar. Bagi tanah-tanah yang digunakan untuk tujuan fasiliti pentadbiran agensi sekiranya premium gagal dijelaskan kelulusan pemberimilikan itu akan luput. Sekian.

**YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD :**

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih. Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau boleh saya pohon sedikit data tentang berapakah jumlah keseluruhan tunggakan premium bagi setiap agensi dan kalau boleh *aging* ataupun jangka masa premium-premium yang masih belum dijelaskan oleh agensi-agensi pembangunan tanah persekutuan ini. Dan apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri jika terdapat tunggakan untuk mendapatkan semula semua tunggakan tersebut. Terima kasih.

**YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :**

Jumlah tunggakan premium serta bayaran-bayaran lain yang tidak dijelaskan oleh agensi pembangunan tanah persekutuan ini adalah sebagaimana berikut :

- FELCRA Berhad sebanyak RM14, 755, 207.00
- FELDA RM1, 554, 035.00 dan KESEDAR RM7, 137, 558.84

Jumlah keseluruhan sebanyak RM23, 446, 800.84.

Kerajaan Negeri telah pun mengambil langkah sepatutnya seperti mengeluarkan notis 5A dan juga mengadakan rundingan dengan agensi-agensi yang terlibat. Mana-mana kelulusan yang tidak disertai dengan bayaran kepada notis 5A maka kelulusan itu adalah luput. Namun bagi kawasan yang tertakluk kepada Akta GSA penamatan kawasan bagi membolehkan kerajaan melupuskan tanah kepada pemohon yang lain perlu mematuhi kehendak Akta itu. Sekian.

**YB DATO' SPEAKER :**

Sila Kuala Balah.

**YB DATO' ABDUL HADI BIN AWANG KECHIL :**

Terima kasih Dato' Speaker, kita mendapati ada masalah dari segi pindah milik kepada peserta-peserta KESEDAR. Dan juga penempatan kepada peserta-peserta FELCRA. Bagaimana kerajaan nak menyelesaikan masalah tersebut? Terima kasih.

**YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :**

In Shaa Allah kita akan mengadakan rundingan dari semasa ke semasa dengan agensi tersebut kerana kita mahu mengekalkan hubungan yang harmoni di antara Kerajaan Negeri dan juga agensi-agensi termasuk agensi diperingkat persekutuan kerana kita berpandukan kepada apa yang dinyatakan oleh Rasulullah SAW

الْمُؤْمِنُ مَأْلَفٌ، وَلَا خَيْرَ فِيمَنْ لَا يَأْلَفُ، وَلَا يُؤْلَفُ

Maksudnya : Orang mukmin itu يَأْلَفُ، وَلَا يُؤْلَف mereka terjemah Bahasa Kelantan, seney baso, mudoh kiro.

وَلَا خَيْرَ فِيمَنْ لَا يَأْلَفُ، وَلَا يُؤْلَفُ

Nabi sebut tidak ada kebaikan bagi orang yang payoh baso dan payoh keng.

Jadi dalam setiap masalah yang kita hadapi kita selesaikan melalui rundingan kerana tidak ada masalah yang tidak boleh diselesaikan. Sebab tu kalau kita baca dalam Quran Allah Taala berfirman ….

فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا

Sesungguhnya bersama-sama dengan payoh itu ada mudah. Maka bersama-sama dengan payah itu ada mudah.

Kenapa dalam ayat ini diulang dua kali

فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا

Kerana Rasulullah bersabda Allah Taala mencipta payoh itu satu, tapi Allah Taala cipta mudah itu dua. Bila bertembung di antara payoh dengan mudoh dia akan menang mudoh. Sebab mudoh dua.

Pahtu Nabi bersabda

**لن يغلب عسر يسرين**

*Satu payoh tidak akan dapat mengalahkan dua mudoh.*

Sebab itu kalau kita sentiasa berunding In Shaa Allah semua masalah akan dapat kita selesaikan melalui rundingan

وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ

*Bermesyuaratlah mereka dengan segala urusan.*

Wallahua'lam.

**YB DATO' SPEAKER :**

Ok Galas.

**YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan saya Yang Amat Berhormat Menteri Besar berkenaan dengan pemilikan ada penyerahan geran kepada peneroka Chiku 1.

Saya dimaklumkan bahawasanya urusan pembayaran premium dan sebagainya telah dilaksanakan. Justeru berapa banyak lagi masa yang perlu peneroka-peneroka kita menunggu untuk mendapat geran daripada pihak Kerajaan Negeri. Terima kasih.

**YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :**

In Shaa Allah bila semua *procedure* telah di sedia dilalui termasuk bayaran kita akan selesaikan dalam masa terdekat. Kita *check* balik. In Shaa Allah.

**YB DATO' SPEAKER:**

Dipersilakan Yang Berhormat Bunut Payong.

**YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN:**

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Sri Amar D'Raja Dato' Speaker, pohon jawapan bagi soalan saya nombor 2.

Soalan 2 :

*[ Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, sejauh manakah perkembangan pelaburan yang dibuat oleh yik dan apakah manfaat yang dirasai oleh YIK dari sudut pentadbiran dan pengurusan?]*

**YB DATO' HJ WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :**

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih pada Bunut Payong, Kelaboran, Yayasan Islam Kelantan adalah melalui pajakan tanah iaitu seluas 53 531.47 ekar yang memberi pulangan tahunan minima kepada Yayasan Islam Kelantan sebanyak RM8 juta setahun. Manakala pelaburan

sampingan yang lain seperti pembalakan dan perumahan memberi pulangan untuk jangka masa yang pendek, jangka masa pendek. Pencapaian hasil pelaburan itu untuk tahun 2019 hingga 2023 adalah sebagaimana berikut :

| Item/ Tahun | 2019 (RM) | 2020 (RM) | 2021 (RM) | 2022 (RM) | 2023 (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| Pajakan tanah | 7,219,111.74 | 6,944,206.37 | 18,031,199.07 | 13,015,559.54 | 14,901,337.35 |
| Pembalakan | 400,000.00 | 0.00 | 0.00 | 1,275,000.00 | 425,000.00 |
| Perumahan | 0.00 | 5,401,276.25 | 2,851,866.25 | 0.00 | 0.00 |
| Jumlah | **7,619,111.74** | **12,345,482.62** | **20,888,065.32** | **14,290,559.54** | **15,326,337.35** |

Hasil pelaburan YIK adalah untuk menampung kekurangan sumbangan ataupun bantuan daripada Pihak Berkuasa Negeri bagi tujuan pengurusan dan juga pembangunan. Terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Silakan Bunut Payong.

**YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN :**

Terima kasih kepada pihak kerajaan yang telah memberi jawapan secara panjang lebar bermula daripada tahun 2019 sehingga pada tahun 2022. Soalan tambahan saya bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan bahawa manfaat daripada pelaburan YIK, bukan saja memperkukuhkan aspek pentadbiran dan penulisan tetapi juga digunakan secara efektif untuk memperbaiki infrastruktur pendidikan dan kebajikan pelajar khususnya di kawasan luar bandar, terima kasih.

**YB DATO' HJ WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :**

Yang Berhormat Dato' Speaker, sudah pastinya pendapatan sampingan ini kita menambahkan, menambah baik lagi prasarana sekolah-sekolah Yayasan Islam Kelantan yang berjumlah 93 buah dengan infra kerusi, meja, pengurusan dan sebagainya. Terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Silakan Kemuning.

**YB TUAN AHMAD ZAKHRAN BIN MAT NOOR :**

Terima kasih Dato' Speaker, soalan saya selain pelaburan-pelaburan yang disebutkan oleh Dato' sebentar tadi adakah kerajaan bercadang untuk menambah pelaburan-pelaburan baru bagi menampung kewangan yang sesak. Terima kasih.

**YB DATO' HJ WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :**

Yang Berhormat Dato' Speaker, sudah pastilah kita sebab anok ramai dan duit tok berapa banyok. Tapi anak-anak kita cerdik boleh melakar kejayaan di peringkat nasional sehingga terbaik di peringkat negara.

Jadi kita membuka satu perniagaan baru iaitu melalui stesen minyak. Jadi kita telah berjaya membuka stesen minyak di berhampiran dengan pejabat Yayasan Islam Kelantan. Dan dia telah menjana keuntungan yang agak tinggilah. Di mana pada tahun 2021 kita mendapat keuntungan sebanyak RM250,328.00, 2022 kita dapat RM485,412.00, 2023 RM338, 671.00 dan tahun ini sehingga Oktober sudah mencecah RM320,359.50, In Shaa Allah ambo kaji. Terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Saya persilakan Yang Berhormat Pasir Tumboh.

**YB DATO' HJ ABD. RAHMAN BIN YUNUS :**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan soalan saya nombor 3.

Soalan 3 :

*[ Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, Bagaimanakah kerajaan negeri menyokong pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) bagi meningkatkan ekonomi tempatan?]*

**YB MEJ. (B) DATO' HJ MD ANIZAM BIN AB RAHMAN :**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Pasir Tumboh. Insentif dan Bantuan Kerajaan Negeri Kelantan pada usahawan MTS ialah di antaranya ialah Skim Bantuan dibawah Program Usahawan Berdikari bagi membantu usahawan memulakan sesuatu perniagaan atau meningkat potensi usahawan dengan penyaluran peruntukan kepada DUN dengan siling peruntukan RM16 ribu setiap DUN.

Geran bantuan usahawan Berdikari, Gerakan Berdikari Rakyat Kelantan, sokongan perarakan niaga sebagai inisiatif, inisiatif untuk mengekalkan perniagaan dan meningkat hasil perniagaan dengan peruntukan sebanyak RM30 ribu setiap DUN. Jumlahnya ialah RM720 ribu dan yang kedua, RM1 390 000. Jumlah ialah RM2 030 000.

Begitu juga inisiatif kerajaan untuk membolehkan produk usahawan Kelantan di pasarkan secara berpusat oleh Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) meliputi 256 orang terlibat dan produk lainnya adalah 1736.

Begitu juga geran bantuan daripada jabatan-jabatan termasuk Jabatan Pertanian, termasuk Program Usahawan Tani dan begitu juga 9 program dibawah PKNS dibawah SME Corps Malaysia sebanyak 9 program. Terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Silakan Pasir Tumboh.

**YB DATO' HJ ABD. RAHMAN BIN YUNUS :**

Terima kasih kepada kerajaan yang telah menjawab soalan saya begitu baik sekali. Soalan tambahan ialah apakah langkah-langkah strategik yang diambil oleh kerajaan bagi mempromosi produk IKS melalui platform serta memperluaskan pasaran ke peringkat Antarabangsa.

**YB MEJ. (B) DATO' HJ MD ANIZAM BIN AB RAHMAN :**

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih pada soalan tambahan. Kita memang mengenalpasti beberapa sekarang masih dalam *online* contohnya dan kita mengadakan seminar libat urus dengan pihak-pihak berkenaan melalui seminar dan juga ekspo dagangan dan juga kita melawat ke tempat-tempat produk-produk yang dikeluarkan oleh pengilang-pengilang yang manfaat pada PKNS kita dan ini satu *trend* di Kelantan ini berbagai-bagai perniagaan yang ada ini telah mendapat perakuan daripada antarabangsa.

Contoh bila kita ke luar negara kita bawak juga produk-produk daripada Kelantan, terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Silakan Chempaka.

**YB TUAN NIK BAHRUM BIN NIK ABDULLLAH :**

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker, apa ni daripada jawapan yang telah diberikan jadi kita dapat melihat beberapa bentuk bantuan yang telah diberikan kepada IKS. Dan memang daripada pengamatan saya sepanjang setahun lebih sebagai wakil rakyat ini memang dapat banyak memberi bantuan. Cuma setakat ini saya pohon untuk dapatkan maklumat daripada pihak kerajaannya sejauh mana keberkesanan program-program bantuan yang telah diberikan kepada pengusaha-pengusaha IKS tersebut. Adakah apa ni semata-mata kita bui saja bantuan tapi tanpa pemantauan.

Adakah selepas enam bulan tersebut dia masih lagi menjalankan perniagaan tersebut ataupun sudah meningkat naik ataupun merudum tak tahu barang itu ada. Sekian, terima kasih.

**YB MEJ. (B) DATO' HJ MD ANIZAM BIN AB RAHMAN :**

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada soalan tambahan Chempaka. Memang melalui perniagaan ini dia berterusan. Kalau 2023 dia masih mengekalkan, contoh dia ada dua, tiga orang pekerja lepas tu

menambah produk dan bulan-bulan puasa menjelang bulan Ramadhan dan sebagainya. Permintaan-permintaan contoh yang buat kuih yang kita bagi peralatan dan sebagainya tak menang tangan demo kato jadi banyak order-order yang dapat sudah tentu meningkat. Peningkatan hasil itu ketara. Siap-siap kita bagi peralatan. Dan kita ada juga membuat tinjauan-tinjauan kepada tempat-tempat itu.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Silakan Jelawat.

**YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, tadi malam hujan lebat, pohon jawapan soalan nombor 4.

Soalan 4 :

*[ Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah kerajaan berhasrat untuk membangunkan tanah rezab haiwan di Gunong Jelawat seluas lebih 50 ekar sebagai pusat ternakan haiwan ruminan atau kawasan penanaman rumput untuk makanan ternakan ruminant? ]*

**YB DATO' HJ TUAN SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :**

بسم الله الرحمن الرحيم

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Jelawat. Tanah rizab haiwan adalah merupakan tanah yang dirizabkan bertujuan dibawah Seksyen Kanun Tanah Negara. Sehubungan dengan itu, ia boleh dibangunkan untuk apa-apa tujuan yang tidak bercanggah dengan tujuan perizaban tersebut. Melalui inisiatif kerajaan atau lesen pendudukan sementara dibawah Seksyen 65 atau pajakan tanah rizab dibawah Seksyen 63 Kanun Tanah Negara.

Secara umumnya Jabatan Perkhidmatan Veterinar bangunkan TRR, Tanah Rizab Ragutan untuk tanaman rumput dan diberi guna kepada pengusaha dan bidang penternakan. Kawasan Rizab Haiwan Jalan Gong atau dalam DUN Jelawat tersebut berpotensi untuk dibangunkan namun tiada sebut dan tiada sumber pengairan terdekat. Kerajaan mengalu-alukan kerjasama dari mana-mana pihak berhasrat untuk

membangunkan projek berkaitan sektor penternakan atau pertanian di kawasan tersebut. Ok terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Silakan.

**YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Exco. Saya melihat bahawa tanah ini sekarang ini lebih kurang 20 tahun telah agak terbiar dan cuma beberapa ekor haiwan ternakan Ruminan sahaja yang berada di atas tanah tersebut.

Jadi soalan tambahan saya, adakah kerajaan bercadang untuk mengadakan kajian berimpak ekonomi bagi sektor penternakan ataupun pembangunan di atas tanah tersebut bagi membolehkan masyarakat di sekitarnya mendapat yang lebih luas. Dan jika perlu kepada pembatalan rizab haiwan mungkin boleh dilaksanakan. Terima kasih.

**YB DATO' HJ TUAN SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :**

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih soalan tambahan dari Jelawat. Ya, In Shaa Allah pihak kerajaan melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar akan menjalankan impak ekonomi dalam membangunkan kawasan tersebut dengan mengambil kira garis panduan dan juga peraturan dibawah PBT. Sekian, terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Silakan Dabong.

**YBM TUAN KU MOHD ZAKI BIN KU HUSIN :**

Yang Berhormat Dato' Speaker, adakah peruntukan khusus dibawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar bagi membangunkan kawasan tanah terbiar bagi sektor penternakan? Terima kasih.

**YB DATO' TUAN HJ SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :**

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih soalan tambahan daripada Dabong. Kerajaan Negeri Kelantan telah memperuntukkan pembangunan dibawah Rancangan Pembangunan Kompleks Dan Pusat Pemprosesan Makanan sebanyak RM130 ribu setahun. Kerana peruntukkan ini adalah untuk membeli bekalan biji benih dan peralatan berkaitan dengan penanaman dan membantu penternak ataupun usaha meningkatkan bekalan makanan untuk ternakan khususnya penanaman rumput napier.

Selain itu, pembelian peralatan mesin pemprosesan makanan untuk membantu pengusaha mengusahakan pemprosesan makanan serta membantu penternak sekitar dalam penerimaan bahan mentah makanan dan bahan makanan siap.

Untuk makluman Yang Berhormat Dabong tahun 2020 jabatan telah mengedarkan mesin *chopper* ataupun penghancur makanan, mesin pallet, pam air, mesin rumput, set pagar dia punya rumput *napier,* rumput minyak yang melibatkan 31 peserta atau penerima. Sekian, terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Silakan Galas.

**YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan saya Yang Berhormat Exco, setakat ini dimanakah dalam negeri kita ini projek usaha sama mungkin dibawah agensi Kerajaan Negeri kawasan contoh tempat Pusat Ternakan Haiwan Ruminan yang berjaya serta kawasan penanaman rumput untuk ternakannya seperti rumput napier sebentar tadi.

**YB DATO' TUAN HJ SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :**

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih soalan tambahan daripada Galas. Di bawah Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan kita sedang membangunkan Pusat Penternakan Ruminan Hibrid Charolais di

Rong Chenok di kawasan Rong Chenok Agro Valley sebanyak 100 ekar tanaman rumput yang sedang dibangunkan di sana dan ternakan juga sedang diternak secara *feedlot* di sana.

Dan satu projek yang sama dengan ECRDC dan dibangunkan untuk projek penanaman rumput di Jeram Pasu, dengan keluasan tanah sekitar 60 ekar. Terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Saya persilakan Yang Berhormat Semerak.

**YB TUAN NOR SHAM BIN SULAIMAN :**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Pohon jawapan saya pada soalan nombor 5.

Soalan 5 :

*[ Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah status terkini projek pembinaan loji rawatan kumbahan berpusat (STP Centralized) oleh IWK bagi merealisasikan peralihan daripada penggunaan sistem tangki septik individu (IST) atau palong kepada sistem STP? ]*

**YB DATO' DR. IZANI BIN HAJI HUSIN :**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker terima kasih kepada Semerak. Buat masa ini kita di Kelantan Sistem Rawatan Kumbahan Berpusat yang betul-betul mengikut spesifikasi yang diberikan oleh IWK belum ada. Namun demikian, kerajaan telah membuat permohonan kepada kerajaan persekutuan untuk mengadakan sistem berpusat ini ditunjuk dengan kos RM500 juta. Dan program ini bermula daripada tahun 2015 permohonan kita. Dan permohonan ini telah diluluskan seketika dan selepas Pilihanraya PRU 14 ditarik balik.

Namun demikian, kita masih lagi berusaha sepanjang RMK 12 tu empat kali RP1, RP2, RP3 kita memohon namun kita tetap tak putus asa In Shaa Allah. Kita pohon lagi dalam RMK …

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Silakan soalan tambahan Semerak.

**YB TUAN NOR SHAM BIN SULAIMAN :**

Terima kasih atas jawapan yang telah diberikan. Daripada jawapan yang diberikan bolehkah bagitahu dewan Yang Berhormat Dato' bagitahu dewan kenapa ataupun sebab-sebab ianya telah ditangguhkan ataupun ditolak dan sejauh manakah perancangan Kerajaan Negeri bagi pembinaan loji kumbahan rawatan berpusat?

**YB DATO' DR. IZANI BIN HAJI HUSIN :**

Terima kasih Semerak. Seperti yang dinyatakan tadi maknanya kita telah mohon sejak 2015 dan kita telah pun membuat pengambilan tanah sebanyak seluas 18.36 ekar dengan kos sebanyak RM17 juta. Maknanya tanah itu dah tersedia. Dan tanah buat masa ini adalah di atas nama PTD. Masih sudah ada. Jadi kronologi dianya dari 2015 setuju, setuju, setuju sampai satu peringkat dia minta syarat. Syaratnya ialah sistem kumbahan yang jadi seroh ko dio.

Jadi mesyuarat Exco pada masa itu memutuskan beri, segala syarat yang dia nak kita bagi. Lepas bagi, bagi, bagi, lulus, lulus, tarik balik, dia tarik balik. Tarik balik tu kita pun tak tahu kes gapo. Sebabnya dari sudut kitanya bila permohonan daripada perbincangan apa semua sekalinya dia setuju. Kita pun setuju, dia wi syarat kita turut syarat namun demikian masih belum sebab kos dia agak tinggi RM500 juta.

Jadi kitanya seperti biasanya tidak berputus asa In Shaa Allah kerana sistem kumbahan berpusat adalah suatu yang keperluan maka kerajaan tidak berputus asa terus memohon dari segi bajet agar apa tu sistem kumbahan berpusat ini jadi lebih baik lagi In Shaa Allah. Terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Silakan Pengkalan Pasir.

**YB TUAN MOHAMAD NASRIFF BIN DAUD @ DAUD YATIMEE :**

Soalan tambahan saya Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau kita lihat dari segi kemudahan dipilih dari satu benda yang penting. Adakah data mengatakan Kelantan ini negeri yang terakhir yang memohon ataupun yang belum mempunyai STP secara *centralized*.

Yang keduanya, kalau kita lihat beberapa isu *federalisme* bagaimana Kelantan telah kalau di *highway* tidak ada apakah dalam konteks penyediaan STP ini, negeri-negeri lain sudah disediakan ataupun Kelantan ini bagaimana kedudukan dari segi semangat *federalisme* pihak kerajaan Persekutuan?

**YB DATO' DR. IZANI BIN HAJI HUSIN :**

Terima kasih Pengkalan Pasir. Semangat *federalisme* ni ambo tengok dibawah Yang Berhormat Dato' PBT ini semakin baik. Apa tu pertemuan, perjumpaan, perbincangan dengan PMX tu sentiasa berlaku. Dan seperti disebutkan tadi sistem pembentukan berpusat ini adalah satu keperluan yang atas tu lah.

Kalau kita tengok 2015 perkara ini hampir 10 tahun. Jadi kita atas kepentingan itulah sepanjang RMK-12 ni, RMK 1, 2, 3, 4, 5 kita mohon. Lulus, tarik balik dan dalam RMK-12 ini kita memohon lagi. Memohon lagi menunjukkan bahawa sistem ini sangat penting kepada rakyat Kelantan.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Silakan Gual Ipoh.

**YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR :**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan saya adalah sejauh manakah apa ni perkhidmatan yang disediakan oleh IWK

terhadap kualiti rawatan kumbahan setelah perpindahan daripada Syarikat Majari Services, terima kasih.

**YB DATO' DR. IZANI BIN HAJI HUSIN :**

Hoktu kena mintak tangguh ni. Hokni kena mintak tangguh sebabnya mula-mula sekali kita telah serah kepada IWK dan laporan tu tok, tok mari kitalah. Cuma secara mudahnya ialah kita takdok IWK tokleh nok *manage* apa tu pusat pembentungan berpusat kerana takdok. Tangki-tangki septik hok biasa ni ialah sistem tu ialah penuh gi sedut, penuh gi sedut lagu tu lah.

Jadi Majaari akan apa tu mengenakan cas-cas tertentu pada hok keno gitu jah, gitu jah setakat hari ini dan kita tidak ada lagi pembentungan berpusat, terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Saya persilakan Yang Berhormat Kemuning.

**YB TUAN AHMAD ZAKHRAN BIN MAT NOOR :**

Yang Berhormat Dato' Speaker,

*Waktu pagi kita bersenam, lepas bersenam kita bersarapan*
*Soalan saya nombor 6, izinkan saya mohon jawapan.*

Terima kasih.

Soalan 6 :

*[ Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, berkenaan perkembangan pelaksanaan program kitar semula di negeri Kelantan serta usaha-usaha untuk memastikan rakyat terbiasa dengan pengasingan bahan buangan mengikut kategori guna semula.]*

**YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :**

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Nak jawab pantun ni payoh. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon untuk menjawab soalan Kemuning sekali dengan soalan daripada Paloh, nombor 11 hari ni. Untuk makluman Kemuning dan juga Paloh, menyedari betapa pentingnya pengurusan sisa pepejal yang mampan dalam usaha melestarikan alam sekitar Kerajaan Negeri sentiasa usaha untuk yang pertama mengurangkan jumlah sisa pepejal yang ada di tapak pelupusan dan yang kedua menggalakkan aktiviti kitar semula dikalangan rakyat. Ini selaras dengan usaha dari pihak kerajaan Persekutuan menerusi KPKT yang telah melancarkan *Blue Print* bagi Ekonomi Kitaran Bagi Sisa Pepejal di Malaysia 2025-2035.

Konsep ekonomi kitaran atau circular economy merupakan konsep guna, pulang dan cipta semula dengan izin *(use, return, and re-create)* yang mana berbeza dengan linear economy iaitu beli, guna dan buang *(buy, use and throw).* Sebelum ini kita guna konsep igat, igat ni *basic* lah. Hok baru ni 10R. Hok baru loni, 2025-2035.

Strategi Ekonomi Kitaran iaitu menolak dengan izin *(Refuse)*, memikir semula *(Rethink),* mengurangkan *(Reduce)*, menggunakan semula *(Reuse)*, membaiki *(Repair),* membaik pulih *(Refurbish),* membuat semula *(Remanufacture),* menyesuaikan semula *(Repurpose),* mengitar semula *(Recycle),* dan memeroleh semula *(Recover)* akan dijadikan asas dalam setiap pelaksanaan inisiatif ekonomi kitaran bagi memastikan sumber digunakan dengan cekap dan penjanaan sisa pepejal dapat dikurangkan dan mulai tahun 2022 pendidikan, Kerajaan Negeri telah melancarkan Program Komuniti Alam Hijau atau PKAH.

Dengan kerjasama Kelantan Utilities Mubaraakan Holdings Sdn. Bhd (KUMH), Program PKAH ini bermula dengan program kempen kitar semula yang bermula di sekolah-sekolah dan mulai tahun ini PKAH telah mula dikembangkan ke komuniti masyarakat seluruh Kelantan.

Untuk fasa pertama untuk makluman pada 2023 sebanyak 30 buah sekolah yang terlibat dengan PKAH dan tahun 2024 sekali ganda bila sekolah-sekolah telah meningkat sebanyak 60 buah sekolah. Dan tahun 2023 semua sekolah ini jumlah pelajar terlibat iaitu seramai 14 ribu orang pelajar yang terlibat dengan lebih kurang 1300 guru untuk dijadikan PKAH.

Dan sepanjang tahun 2024 setiap bulan KUMH telah menyediakan 10 hadiah bagi sekolah yang mencapai tahap aktiviti bahan kitar semula yang tertinggi. Ni ikut data kutipan dari KUMH dari kitar semula yang telah berjaya diasingkan sepanjang tahun 2023 iaitu 190 tan. Kalu kilo gak 190,000 kilo lah. Dan sehingga September 2024 sebanyak 360 tan maknanya peningkatan sekali ganda. Hasil daripada program kitar semula yang telah dijayakan oleh KUMH dengan kerjasama daripada sekolah-sekolah.

Dan untuk komuniti setempat, pihak MPKB telah mewujudkan pusat kitar semula pandu lalu disebut *Drive-Thru Recycle Centre* di Panji dan dibuka pada setiap Khamis iaitu hari bekerja dengan kerjasama KUMH dan juga Jabatan Alam Sekitar. Kerajaan juga telah memulakan langkah bagi menjayakan perancangan supaya setiap DUN dapat mempunyai satu pusat Kitar Semula Pandu Lalu. Negeri Kelantan juga merupakan satu-satu negeri di Malaysia yang menjalankan kempen kitar semula sisa makanan. Sampah ni dia ada plastik, dia ada kaca, dia ada kertas. Sor lagi sisa makanan.

Kita telah memulakan program Penternakan Black Soldier Fly (BSF) yang mana satu-satu negeri yang menjadikan program BSF dan kita telah beroperasi sepenuhnya di Pasir Mas dengan kerjasama Majlis Daerah Pasir Mas dan juga Tanah Merah bersama YB Tanah Merahlah. Tu untuk program kitar semula dan kalau boleh dibuat serentak dengan kempen gotong royong sepanjang tahun Kelantanku Bersih. Sekian, terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Silakan Kemuning.

**YB TUAN AHMAD ZAKHRAN BIN MAT NOOR :**

Terima kasih Yang Berhormat Exco atas penerangan yang diberikan sebentar tadi. Saya mengambil peluang di sini untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri di atas kejayaan Kerajaan Negeri menjayakan program 3R di Kelantan ini dan saya berharapkan agar ianya menjadi satu budaya kepada masyarakat kita untuk mengamalkan 3R ini di seluruh negeri In Shaa Allah.

Jadi soalan saya, baru-baru ini kita tahu bahawa telah berlaku satu kebakaran yang besar di pusat pengumpulan bahan kitar semula di Pengkalan Chepa. Jadi soalan saya apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri, usaha-usaha Kerajaan Negeri untuk memastikan kejadian sebegini tidak lagi berlaku dan juga memastikan bahawa Program Kitar Semula ini tidak memberi mudarat kepada rakyat terutamanya di sekitar pusat pengumpulan bahan kitar semula, terima kasih.

**YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :**

Terima kasih Kemuning. Sebagaimana kita ketahui bahawasanya berlaku pembakaran di tapak industri Pengkalan Chepa pada hujung Oktober lalu iaitu kebakaran stor, pengumpulan bahan kitar semula, bukan kilang, stor pengumpulan di Pengkalan Chepa yang mana bomba terpaksa mengambil masa selama 7 hari untuk memadamkan bahan terbakar. Ha itulah saya kata bahawasanya industri kitar semula merupakan satu industri yang berpotensi yang boleh menjana pendapatan *trash to cash,* malangnya berlaku perkara luar jangka terbakar dan kita akan memberikan lesen sementara untuk *stop* dan syarikat dalam proses untuk memohon lesen untuk operasi kilang.

Secara konsep pirolisis. Pirolisis bermakna kita apa menggunakan bahan kitar semula plastik, kertas dan sebagainya. Proses balik menjadi sumber asal daripada plastik daripada minyak. Dan minyak digunakan untuk jadikan bio diesel dan sebagainya. Itu antara satu proses dan masih lagi MRF, *Material Recover Fasility.* Kita kumpul semua sampah, kita tutup, kita masukkan sejenis cecair. Sampah-sampah makanan akan turun menjadi baja tinggal lagi bahan-bahan pepejal kita akan asingkan antara kaca, plastik dan lain-lain dan boleh dijual semula. Yang di kilang tu dia

beli barang-barang kitar semula untuk diproses menjadi bahan-bahan bakar seperti bio diesel dan barangan kita di pihak Kerajaan Negeri sentiasa bersama dengan JAS untuk memproses berjalan dilaksanakan oleh kilang-kilang yang terlibat mengikut tatacara dan peraturan semasa yang terpakai di Malaysia, In Shaa Allah.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Silakan Paloh.

**YB DATO' SHAARI BIN MAT HUSSAIN :**

Terima kasih Dato' Timbalan Speaker, soalan tambahan saya boleh ke Kerajaan Negeri menyatakan sejauh manakah kejayaan Pusat Kitar Semula Pandu Lalu yang dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Kota Bharu yang difahamkan beroperasi setiap Khamis bermula jam 10.30 pagi hingga 02.30 petang.

Adakah Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk menambah waktu operasi di TRC ini supaya dapat memberi kemudahan kepada rakyat Kelantan yang bekerja pada waktu tertentu. Terima kasih.

**YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :**

Terima kasih soalan daripada Paloh. Daripada jawapan awal tadi saya telah nyatakan bahawasanya kita ke arah apa ni mengadakan program Kitar Semula konsep ekonomi kitaran. Dan antara kaedah itu mengadakan Pusat Pandu Lalu, *Drive Thru Recycle Centre* di TRC lah istilah dia. Dan kita Kelantan telah jadikan Zon A, MPKB. MPKB dia ada tiga zon. Zon pembesar 1,2, 3, A, B, C lah. Di A ada, kita ada apa ni stor MPKB dan kita bina pusat pandu lalu *pilot project,* projek pertama di Kelantanlah.

Dan hasrat kita untuk menjadikan pusat pandu lalu ada di setiap DUN, 45 DUN dan sebagai projek *pilot* kita, kita buat di MPKB dan dalam proses untuk pendidikan dan kesedaran pada masyarakat. Sebab itulah kita buka antara pukul 10.30 pagi hingga pukul 03.30 petang hari Khamis. Kita nak tengok setakat mana respon kesedaran masyarakat Alhamdulillah telah berjalan selama 3 bulan dan kita sedang membina lagi pusat kedua di

Kubu Maras adalah peruntukan RM40 ribu untuk membina tapak di TRC dan berikutnya di Wakaf Che Yeh. Peringkat Kota Bharu kerana populasi yang tinggi In Shaa Allah jika berlaku sambutan yang baik kita akan buka ke tempat-tempat lain.

Dan Ketereh dalam proses untuk membuka, kita tengok sambutan kita tengok daripada pagi sehingga petang hari Khamis, nampaknya sambutan memberansangkan In Shaa Allah kita akan apa ni buka tempat lain In Shaa Allah kita cuba lanjutkan tempoh untuk proses peringkat kajian. Terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Saya persilakan Kota Lama.

**YB DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM :**

Soalan ke soalan tambahan?

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Soalan.

**YB DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM :**

Ok. Assalamualaikum Dato' Speaker, pagi-pagi ni kejut. Dato' Speaker, sudah bermula musim tengkujuh, soalan saya nombor 7.

Soalan 7 :

*[ Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, status penglibatan wanita dalam sektor pekerjaan di Negeri Kelantan dan langkah yang diambil untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam program pembangunan dan peningkatan tahap sosio ekonomi.]*

**YB PUAN HJH ROHANI BT IBRAHIM :**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker, dan terima kasih kepada Kota Lama di atas soalan yang diberikan. Mengikut statistik pekerjaan dan perburuhan yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Manusia kadar penyertaan tenaga buruh wanita di Kelantan pada tahun 2022 pada adalah sebanyak 43.4% iaitu seramai 261.7 ribu orang wanita yang bekerja.

Kerajaan Kelantan mempunyai dasar iaitu dasar wanita Kelantan yang menyokong penglibatan dan juga penyertaan wanita dalam pembangunan sosial ekonomi secara bersepadu. Bagi menggalakkan lebih banyak penglibatan wanita dalam bidang sosial ekonomi, antara usaha-usaha yang telah kita laksanakan adalah:

a) Meningkatkan kesedaran dan akses kepada pendidikan dan latihan kemahiran yang bersesuaian pada wanita. Itu antaranya penubuhan 45 Darul Niswah, PPWK ataupun Pusat Pembangunan Wanita Kelantan untuk kemahiran jahitan sulaman, kulinari, kraftangan dan dapur hijau.

b) Penubuhan Pusat Latihan Wanita OKU, Armalah iaitu peluang Negeri Kelantan terokai Pusat Latihan Jahitan, Sulaman dan Kulinari pada wanita Armalah dan OKU peringkat Negeri Kelantan.

c) Penyediaan kursus asas pengasuhan dan pemberian Skim Halimatul Saadiah, pengasuh-pengasuh yang mengasuh dari rumah. Pengtauliahan Sijil Kemahiran Asas Permata (KAP) kepada pengasuh-pengasuh kanak-kanak di taska dan juga pengasuh di rumah.

Selain daripada itu pengtauliahan Sijil Kemahiran Malaysia berasaskan pengiktirafan pencapaian terdahulu SKMPPP Tahap 3 dalam bidang jahitan.

Melalui U-BES juga kita mengadakan pelbagai kursus kemahiran kepada wanita seperti dekorasi kek, pembuatan Minyak Kelapa Dara, bakery,

perakaunan, kewangan, urutan bidang bersalin serta gunting rambut wanita turut disediakan.

Langkah kedua iaitu memudahkan akses kepada pinjaman dan geran bantuan perniagaan khususnya untuk wanita. Antaranya melalui U-KEKWA kita menyediakan Tabung Usahawan Wanita (TUW) dalam bentuk peralatan untuk usahawan kecil wanita.

Melalui U-BES dana niaga Kelantan menyediakan dana niaga seperti *starter cake barber, starter cake saloon* dan kiosk baiki telefon. Melalui Exco Pertanian juga Industri Agro Makanan Komuditi dan juga bantuan industri diberikan melalui Projek Dapur Hijau, Bengkel Usahawan Tani Koko dan Penerima Kek Koko, Program Pembangunan Usahawan Wanita Tani (Al-Falah) dan juga Projek Ayam Telur kepada Beliawanis.

Langkah ketiga membangunkan infrastruktur sokongan penting seperti pusat jagaan anak-anak di tempat kerja serta kemudahan lain yang sesuai. Kita telah menyediakan 12 taska dibawah naungan Kerajaan Negeri yang berada di saluran negeri dengan kemudahan wanita menempatkan anak-anak mereka semasa bekerja.

Langkah yang keempat pihak Kerajaan Negeri telah membina dan akan sentiasa memperkukuhkan libat urus dengan pelbagai agensi negeri dan Persekutuan untuk menambah baik penglibatan wanita dalam pembangunan sosio ekonomi secara bersepadu, terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Silakan Kota Lama.

**YB DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM :**

Terima kasih YB Exco atas jawapan yang komprehensif tersebut. Suka saya kongsikan diperingkat *Nasional President The Muslim World Summit Women Summit* Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad menyebutkan bahawa sehingga Jun 56.3% wanita Malaysia terlibat dalam pekerjaan. Jadi tahniah Kelantan kita 43.4%.

Jadi cuma saya nak bertanya adakah usaha untuk menjadikan Pusat sehenti untuk mengumpulkan wanita-wanita ini ya produk dia sebagai

satu optik untuk kejayaan wanita Kelantan yang sememangnya sudah terkenal keusahawanannya dan saya juga mahu tahu sejauh mana kerjasama dibuat tadi yang YB Exco sebutkan Kerajaan Negeri bagi melibatkan wanita Kelantan dalam Program Peningkatan Ekonomi seperti Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) yang dianjurkan oleh kerajaan diperingkat Persekutuan yang berjaya meningkatkan pendapatan golongan sasar tersebut.

Kalau ada kerjasama tersebut apakah bentuk projek yang telah dilaksanakan setakat ini? Terima kasih YB Exco.

**YB PUAN HJH ROHANI BT IBRAHIM :**

Terima kasih soalan tambahan. Mengenai pusat pengumpulan barang-barang ataupun produk-produk itu telah tidak ada lagi satu pusat pengumpulan yang khusus cuma kita akan buat pengumpulan jualan itu mengikut program-program yang diadakan oleh Kerajaan Negeri.

Mengenai kerjasama yang diutarakan tadi isunya mengenai sejauh mana kerjasama dengan persekutuan untuk inisiatif peningkatan ekonomi wanita khususnya ianya belum lagi dibuat secara terus kepada kami. Namun dengan segala sumber dan ruang yang terhad kami diperingkat negeri, kerajaan sentiasa mencari ruang untuk memunafaatkan segala inisiatif oleh pihak kerajaan Perekutuan kerana ia juga adalah hak rakyat Kelantan dan tidak boleh dinafikan.

Antara program yang dibuat dengan kerjasama yang baik oleh pihak agensi yang saya sebutkan sebagai contoh pertama Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) iaitu Program Pembangunan Produk Hasil Jahitan Dan Sulaman untuk lebih berdaya saing. Kedua, Perbadanan Kraftangan Malaysia yang membantu pemasaran produk jahitan dan pendedahan pada pasaran yang lebih luas.

Ketiga, Institut Penyelidikan Dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK), UMK mereka membantu mengeluarkan data kemiskinan semasa dan juga projek sosio-ekonomi komuniti Armalah.

Keempat IKBN Tanah Merah iaitu kerjasama untuk mendapatkan Sijil Kemahiran Malaysia kepada wanita daripada PPWK.

Kelima, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) membantu usaha mengiktiraf kemahiran jahitan dan sulaman untuk mendapat Sijil Kemahiran Malaysia.

Dan keenam Jabatan Kebajikan Masyarakat selain urusan kebajikan rakyat sepanjang masa JKM juga membantu melatih dan memantau proses kemahiran pengasuh dari rumah.

Saya ucapkan terima kasih kepada semua pihak yang membantu secara professional demi untuk munafaat rakyat yang memerlukan tanpa mengira sentiment politik secara adil, secara tidak adil. Yang penting lebih ramai golongan yang memerlukan dapat dibantu secara bersepadu oleh pihak yang diberi tanggungjawab. Sekian, terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Silakan Jelawat.

**YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :**

Terima kasih Yang Berhormat Speaker, Yang Berhormat Exco. Mengikut indeks kebahagiaan rakyat Malaysia yang dikeluarkan oleh Department of Statistics Malaysia, DOSM menyatakan bahawa indeks kebahagiaan Kelantan adalah jauh mengatasi indeks nasional keseluruhan. Dan kalau mengikut di sini data ini ialah bagi penduduk bandar skor bagi Kelantan ialah 7.07 manakala bagi negeri Selangor 5.73. Dan bagi luar bandar skor bagi Kelantan ialah 6.94. Bagi Selangor ialah 5.86 dan bagi nasional bandar 6.46 dan luar bandar 6.54.

Jadi berdasarkan pada indeks yang dikeluarkan oleh Jabatan Statistik itu sendiri menunjukkan bahawa Kelantan jauh mengatasi negeri Selangor, Melaka, Pulau Pinang, Johor dan lain-lain negeri. Setuju ataupun tidak dengan saya Exco, bahawa segala bantuan, segala dasar, segala langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Kelantan sebenarnya banyak membantu wanita di negeri Kelantan ini.

**YB PUAN HJH ROHANI BT IBRAHIM :**

Amat bersetuju dan terima kasih atas data-data tersebut. Sekian, terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Kita teruskan dengan Yang Berhormat Pulai Chondong. Silakan.

**YB TUAN HJ. AZHAR BIN SALLEH :**

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Pulai Chondong ni kalau tak berpantun tok soh.

*Nasi lemak, nasi dagang, nasi kerabu banyak ulam,*
*Quran Hadis jadi rujukan Kerajaan Kelantan,*
*Moga selamat masa depan,*
*Mohon jawapan saya soalan nombor 8.*

Soalan 8 :

*[ Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah usaha yang telah dilakukan oleh Air Kelantan Sendirian Berhad (AKSB) bagi mengatasi masalah air kotor dan berkelodak di jajahan Machang?]*

**YB DATO' DR. HJ. IZANI BIN HAJI HUSIN :**

Kitanya tok pandai pantun. Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Pulai Chondong. Kerajaan melalui AKSB menyedari masalah air di Machang. Air di Machang ni masa perancangan kita awalnya ialah kita membina loji dengan kapasiti 45 juta liter per hari.

Namun demikian *demand* air ataupun keperluan air di sana antara boleh dikatakan *plus minus*nya 70 juta liter sehari. So kita ada *disperency* dalam banyak sekian banyak, mungkin. Oleh kerana demikian, maka sistem diabila kita buat dalam 45 juta nok guna 70 maka sistem penapisan dia akan jadi lebih *threshold invalid.*

Menyedari hal demikian, kita ada dua strategi. Pertamanya kita pindah. Kita sedang buat pindah telaga hok lamo ni kepada telaga lain. Telaga ininya kita tengok dari segi air hok baru ni lebih baik daripada telaga lama. Maka kita pindah dengan kos RM2.5 juta dan benda itu dalam perlaksanaan dan In Shaa Allah kita selesai akhir tahun ini, In Shaa Allah. Dari progress itu kita yakin kita boleh selesai dalam akhir Disember ini, In Shaa Allah.

Yang kedua oleh kerana kita, kita juga buat dua *parallel*. Hok lamo ni kita ambik air daripada telaga tiub. Jadi kita hok pertama ini kita akan tingkatkan daripada 45 juta liter per hari kepada 70 juta liter per hari dengan kita hidupkan balik hok lamo. Buka sauh lama makna kita guna air, kita guna air sungai hok baru, In Shaa Allah.

Dan juga untuk menyelesaikan masalah air juga kita juga telah memohon untuk melaksanakan satu lagi loji baru. Loji baru kalau kita panggil Pulai Chondong II. Apa tu Pulai Chondong II deh yang berkapasiti 50 juta liter per hari dengan kos sebanyak mana tok ingat doh eh. Sebentar deh. Hafal doh. Tok ingat. Gitula nok oyaknyo kita buat dan benda ininya Pulai Chondong II ini dijangka siap akhir 2027. Dengan dua ini kita akan mempunyai kapasiti air hampir lebih daripada 100 juta liter per hari dan dia boleh menyelesaikan masalah-masalah dari sudut dan juga kualiti air di Machang, In Shaa Allah.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Silakan Pulai Chondong.

**YB TUAN HJ. AZHAR BIN SALLEH :**

Terima kasih saya ucapkan di atas jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Exco. Soalan tambahan saya kebetulan di Pulai Chondong telah diluluskan saya difahamkan telah diluluskan untuk pembinaan TAPS, Kampung Joh, Labok.

Jadi kalau boleh saya nak tahu sejauh mana perkembangan terkini berkaitan dengan keadaan semasa berkaitan dengan pembinaan TAPS dan apakah masih dalam perancangan kerajaan ataupun saya bimbang

takut terjadi sepertimana yang disebutkan dengan pusat kumbahan tadi? Sekian, terima kasih.

**YB DATO' DR. HJ. IZANI BIN HAJI HUSIN :**

Terima kasih Pulai Chondong. Gini ya mudoh punca kuasa duk kotre dekeneh. Punca kuasa duk kotre, kitanya memohon namun demikian pada masa kerajaan pada 2022 mulo dia lulus TAPS. Jadi di peringkat kabinet benda itu lulus tapi dari segi itunya tok mari lagi. Duk setakat tu dulu. Cuma kita berharap benda itu berlaku sebabnya bukan setakat TAPS, bila lulus TAPS itu dia sekali dengan apa tu loji rawatan air serentak.

Jadi kita harap pihak Persekutuan mahu menyegerakan. Kita hanya memohon dan sentiasa memantau permohonan agar ia menjadi realiti di Kelantan ini sebab Kelantan ni tiada lagi TAPS, terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Silakan Mengkebang**.**

**YB TUAN ZUBIR BIN ABU BAKAR :**

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih Dato' Speaker, kerana memberi peluang kepada saya untuk soalan tambahan. Sebagaimana yang kita sedia maklum isu ketiadaan dan gangguan bekalan air ini boleh menjejaskan kesejahteraan dan kelangsungan hidup penduduk. Jadi soalan saya apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan isu *storing* bekalan air bagi memastikan bekalan air yang cukup dan stabil untuk penduduk. Ok terima kasih.

**YB DATO' DR. IZANI BIN HAJI HUSIN :**

Terima kasih YB. Dalam jawapan lalu kita sebut doh bahawa kita *existing* yang ada ni 43 loji rawatan. Dalam proses loji ada 13 lagi. Keseluruhannya

lebih kurang 54 loji yang akan beroperasi di Kelantan pada tahun 2027 In Shaa Allah. *Progress* yang berlaku ini kita memantau In Shaa Allah pada tahun 2007 kita boleh merealisasikan *demand* air mencukupi untuk Negeri Kelantan.

Namun demikian ada sor lagi masalah kita yang kita loni masuk Rancangan Malaysia Ke-13 ini kita memohon peruntukan-peruntukan RP 1 gapo semua ini adalah untuk membaiki ataupun menukar paip-paip di (AC) Asbestos Cement yang usia dia lebih 40 tahun yang kita kata *increase pressure* dia pecoh. *Increase pressure* menyebabkan NRW kita dalam 12.

Namun demikian, AKSB telah berusaha dan tahun ni kita menurunkan NRW tu 1%. 1% ini besar. Kita tengok kerajaan Selangor juga dengan cara yang lama juga dia turun dari satu % ke 1.5 % *per year.* Jadi kita berharap proses-proses ini dengan penukaran paip baru dan sebagainya dengan ini kita akan dapat apa tu menyediakan bekalan air bersih rakyat Kelantan pada tahun hok sedap dengarnya jangkaan kitanya 2027 tu dia siap, 2028 tu kita boleh *run*, In Shaa Allah kita dapat air bersih yang lebih baik In Shaa Allah.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Silakan Galas.

**YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :**

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Exco sebentar tadi. Saya bersetuju pembinaan loji dan juga penukaran paip adalah antara perkara yang perlu kita laksanakan bagi memberi servis yang baik ataupun bekalan air yang baik kepada rakyat kita.
Dalam pengetahuan Yang Berhormat setakat ini *progress* penukaran paip AC yang berlaku dalam negeri kita ini setaro mano. Adakah ia berjalan mengikut jadual yang telah pun ditetapkan dan saya nak ucap tahniah Kelantan telah pun berusaha membuka sebuah kilang HDPE untuk kita tambah baik penggunaan paip di negeri kita ini.

Yang kedua, selain daripada soalan ini berkaitan dengan air yang kotor dan bergelodok di jajahan Machang, dalam pengetahuan Yang Berhormat jajahan mana lagi yang menerima air kotor dan bergelodok dalam negeri kita, terima kasih.

**YB DATO' DR. IZANI BIN HAJI HUSIN :**

Terima kasih, banyok Galas pun eh. Tanyo sor, sor. Takut sor tok ingat dua tok ingat. Minta maaf deh. Apa tu setakat ni nya kemampuan atau bukan kita ni, kita mintak daripada Persekutuan bajet untuk baiki paip kerana dengan migrasi air ntu kerja-kerja ini adalah daripada dia. Dan kita nak maklum sini bahawa In Shaa Allah AKSB mampu untuk membayar program-program yang diluluskan oleh PAB dan ataupun ni dan kita kena ingat bahawa AKSB ni syarikat Kerajaan Negeri duk belakang dia.

Oleh yang demikian kita mintak daripada PAB gapo toksoh rusim bab bayar. Hok kita mintaknya luluskan mengikut perancangan-perancangan kita buat supaya *progress* atau perancangan kita menjadi realiti. Kitanya dari segi kekuatannya dia untuk bajet satu hal sebab bila paip ni tidak kita yang buat. Dia lulus permohonan kita, dia yang buat kebenaran merancang dan dia yang melantik kontraktor dan dia yang memantau. Jadi kita difahamkan bahawa setahun ini tok sapa 100 kilometer dan benda itu sedang berlaku.

Jadi kalau 100 kilometer *per year* sedangkan kita perlu 4 000 kilometer, itulah jarak masa yang kita perlu untuk menurunkan apa tu NRW kita sampai kepada satu tahap lebih baik. Gitulah. Sor lagi gapo sakni, tok ingat?

**YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :**

Selain Machang mano lagi tempat air karat?

**YB DATO' DR. IZANI BIN HAJI HUSIN :**

Laporan kita hok sapa kita situ jah. Jadi kitanya orang, orang, orang, orang apa tu apa tu *complain* kita gi. Cuma kena ingat sor lagi sebagai

pengajaran, air kita ini kotor kalu sebelum meter ya, kalu selepas meter tu maka kita rakyat pengguna tu kena cek meter.

Kena ingat gini jah lepas pado paip itu kalu air *slow* tu makna ada sumbat maka kena lapor kepada AKSB sama ada nak gi bersih meter atau kita tukar meter demi untuk kebersihan kena ada kerjasama dua pihaklah. Gitu saya harap, terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Saya persilakan Manek Urai.

**YB TUAN HJ MOHD FAUZI BIN ABDULLAH :**

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan soalan saya nombor 9.

Soalan 9 :

*[ Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah pencapaian terkini Tahun Melawat Kelantan 2024 dan adakah kerajaan berpuas hati dengan Kehadiran pelancong luar ke kelantan?]*

**YB DATUK KAMARUDIN BIN MD NOR :**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Manek Urai yang ingin mengetahui pencapaian terkini bagi Tahun Melawat Kelantan dan sama ada kerajaan berpuas hati dengan pencapaian ataupun dengan kehadiran pelancong dalam tempoh TMK ini.

Terutamanya pencapaian terkini sempena Tahun Melawat Kelantan boleh dikategorikan kepada empat jenis. Yang pertama, peningkatan peluang pekerjaan dan ekonomi kepada rakyat pada masa ini hasil kehadiran pelancong dari dalam dan luar negara telah membuka ruang

yang banyak dan juga peluang kegiatan ekonomi tempatan yang kemudian yang menjadi berkembang.

Ia bukan sahaja bermula dari penggiat industri seperti perhotelan, pengangkutan, penyediaan perkhidmatan seperti pemandu pelancong, Malim gunung *Travel agent* juga kepada semua perniagaan seperti pengusaha makanan, peniaga kain, baju, kraftangan dan lain-lain kegiatan ekonomi.

Jadi sebagai contoh, kejayaan dalam bidang peluang pekerjaan dan juga ekonomi ini, saya suka berkongsi maklumat yang saya perolehi daripada Dabong yang dikatakan kejayaan program "*Train To Dabong"* dan juga lain-lain usaha promosi di Dabong telah menyebabkan penduduk Dabong boleh dikatakan tidak ada seorang pun yang tidak ada kerja sekarang.

Kalau hari ini saya suka mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Mulia ADUN dari Dabong, Alhamdulillah *good job*. Yang keduanya Negeri Kelantan kini lebih di dalam negara dan juga di luar negara. Pengenalan seperti Kelantan sebagai suatu negeri yang harus dikunjungi melalui usaha-usaha promosi yang dilakukan oleh pihak Pusat Penerangan Pelancongan Kelantan TIC sama ada di dalam negeri dan juga di luar negara.

Peluang di ambil untuk memperkenalkan negeri Kelantan ini sebagai satu destinasi pelancongan melalui pelbagaian aktiviti perayaan, kesenian dan juga lain-lain produk sampingan. Yang kebanyakkannya telah di muat naik kepada pelbagai platform media sosial. Dan suka saya memaklumkan daripada *research* yang kita telah buat penonton, *viewers online* melalui pelbagai platform sosial media di antaranya macam *Youtube, Tiktok,* apa lagi *Facebook* dan lain-lain berjumlah lebih daripada 45 juta *viewers.*

*So* saya kira ini satu pencapaian yang juga boleh kita memberangsangkan kita. Yang ketiga pemahsyuran tempat-tempat menarik yang baru. Dan saya suka menyebut beberapa kawasan yang sedang dipromosikan yang sebelum ini tidak ada tetapi sekarang ini Alhamdulillah sedang mendapat kunjungan. Antaranya ialah jajahan Jeli, Lalang Resort, Lata Kashmir, Lata Lata Turbo jajahan Kuala Krai, Lata Berangin, Lata Abang Piah, Gua Musang, Lojing dengan aktiviti Rafflesia, bunga Rafflesia dan juga larian

tahunan yang dikenali dengan nama Larian Ultra TNBYY yang melibatkan larian merentas hutan, bukit sungai gunung, ini satu acara tahunan, ini tahun yang ketiga.

Dan tidak lupa jambatan Guillemard yang walaupun sudah 100 tahun di situ tapi orang tak perasan, orang tak tengok, orang tak ambil apa-apa tindakan tapi Alhamdulillah pada tahun ini ia telah menjadi ikon untuk pelancongan Kelantan. Tahniah kepada YB Gual Ipoh yang berusaha keras untuk mempromosi Guillemard ini.

Selain daripada itu, kita juga mengenengahkan beberapa kegiatan kebudayaan yang telah dilupakan tapi kita perkenalkan balik antaranya ialah apa yang kita panggil dengan silang budaya. Yakni majlis menyambut menantu yang kita dokumenkan yang melibatkan siapa tu Sabri dengan Angeline. Dan juga persembahan semasa orang kampung di antaranya ialah adat bersunat, orang suruh kerat, dia naik gajah. Orang biasa dia naik atas bahu bapak dia je. Ini juga telah mendapat liputan yang baik.

Kemudian yang ketiga, yang keempatnya pencapaian tadi memberi nilai ekonomi kepada kegiatan kebudayaan yang mana penggiat kebudayaan menggenakan sejumlah bayaran itu maknanya kita memberi nilai ekonomi kepada kegiatan kebudayaan dan kesenian dan ini juga telah menyebabkan dia boleh cari makan dengan penglibatan. *So,* itu berkenaan dengan pencapaian.

Yang keduanya mengenai sama ada kerajaan berpuas hati dengan pelancong dalam dan luar Kelantan. Jawapannya ya kita setakat ini berpuas hati tapi kita merasakan kita boleh buat lebih banyak lagi. Dan ini mengambil kira juga suasana Kelantan ini kita dengan beberapa persepsi dan juga beberapa parameter. Parameter ni maknanya kawasan-kawasan yang tidak boleh kita langkaui. Meskipun begitu pengunjung dari luar datang ke Kelantan dengan jumlah yang agak ramai. Misalnya saya ambik contoh jumlah kemasukan orang melalui kenderaan darat. Melalui kenderaan darat kita ambik contoh bas saja. Sekejap ya. Kita ada sebelas apa namanya pengusaha bas ke Kota Bharu dan juga ke beberapa bandar lain ke Kelantan ni.

Jumlah kesemua *trip* masuk Kelantan ini ialah 140 satu hari. Bayangkan dia kali 30 sahaja. Satu bas 30 orang jah. Walhal satu bas tu 40 orang key. Ni satu hari 140 *trip.* Cuba bayangkanlah kalau sebulan berapa, satu tahun berapa? Boleh jadi sebahagiannya doh orang Kelantan sendiri tapi tak kiralah apa namanya pergi mari ni *the movement traffic, movement* tu sangat *annoying*.

Yang keduanya, melalui udara Kota Bharu Sultan Ismail Petra Airport adalah airport paling *busy* nombor satu domestik punya *flight* di Semenanjung. Nombor dua, di Malaysia kita kurang sikit berbanding dengan jumlah domestik dengan a*irport* Miri. Jadi Miri nombor satu, kita nombor dua. Tapi semenanjung kita nombor satu. Dengan 37 *flight* satu hari dan terkini kita dapat perkhidmatan baru yang mungkin menggembirakan setengah penduduk kawasan Shah Alam dan Subang,

Batik Air dengan menggunakan pesawat Boeing 737 telah bermula dari Subang-Kota Bharu, Kota Bharu- Subang. Kalu sebelum pada itu kita Firefly ATR 72. Tapi sekarang ini pakai boeing jadi Batik Air. Ini bukan ngepeng Batik Air ni, ini nak bagitahu sahaja. Jumlah, jadi kita ada 37 *flight per day* mengalahkan apa ni *airport* domestik seperti Terengganu dan juga Ipoh, dan lain-lain macam Alor Setar.

*So* Alhamdulillah jumlah pengunjung itu tak ambik kira lagi melalui pintu masuk daripada Rantau Panjang, Pengkalan Kubor dan juga Bukit Bunga kita tak dapat lagi statistik jumlah pengunjung untuk tahun 2024 kita tak boleh bagi lagi pasal kita tak dapat maklumat lagi.

Biasanya yang buat benda ini Jabatan Statistik Negara *Department of Statistics Malaysia (DOSM)*. Dan lazimnya angka-angka akan dikeluarkan pada suku ke, suku pertama tahun depan, In Shaa Allah. Terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Silakan Manek Urai.

**YB TUAN HJ MOHD FAUZI BIN ABDULLAH :**

Terima kasih Dato' Speaker, memberi ruang kepada saya untuk mengajukan soalan tambahan. Terima kasih juga kepada pihak kerajaan, pihak Exco yang memberi jawapan yang panjang lebar. Alhamdulillah banyak kejayaan Exco Pelancongan kita cuma soalan tambahan saya apakah hasil promosi lawatan ke luar negara yang kita tengok ramai pelancong mari ni. Maknanya adakah ini kejayaan kita daripada lawatan pihak kerajaan ke beberapa buah negara luar. Terima kasih.

**YB DATUK KAMARUDIN BIN MD NOR :**

Terima kasih kepada Yang Berhormat Manek Urai atas soalan tambahan. Ya benar apa namanya hasil daripada sebahagiannya kerana promosi kita tapi yang hakikatnya Kelantan ini punyai aset yang cukup banyak dalam bidang pelancongan. Cuma tak di*publish*kan, tak di war-warkan dengan baik. Kita tak *market*kan produk kita dengan baik.

Jadi Alhamdulillah kita mula untuk mengatasi kekurangan ini itu pun ada juga kekangan pasal kita tak boleh nak pergi semua tempat oleh kerana kekangan apa namanya kewangan. Jadi kita pilih-pilihlah. Jadi setengah tahun ini tahun depan plok kita bagi-bagilah. Dan nanti apabila dapat statistik itu kita boleh ukur dengan lebih tepat lagi kejayaan kita hasil daripada apa ni promosi kita, In Shaa Allah. Terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Silakan Pengkalan Pasir.

**YB TUAN MOHAMAD NASRIFF BIN DAUD @ DAUD YATIMEE :**

Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan saya setelah kita melihat kepentingan sektor pelancongan bagi memajukan Kerajaan Negeri bagaimanakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk mempastikan pelancong itu berulang kembali dan sekurang-kurangnya ia tidak berakhir bagi tahun 2024 mempastikan dan apakah hasrat Yang Berhormat Dato' Exco untuk mempastikan kepada pengusaha-pengusaha chalet, pelancongan dan sebagainya untuk mempastikan kesinambungan

bukan setakat tahun ini sebagaimana kita tengok di Thailand bagaimana kitanya maknanya ramai rakyat kita yang sentiasa berkunjung ke sana.

**YB DATUK KAMARUDIN BIN MD NOR :**

Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Pasir. Dan setuju kita wajar pastikan apa namanya pelancong pengunjung itu biar dia mengulangi *repeat* apa namanya *tourist.* Kalu dia mari sekali lepas tu tok mari maknanya ada tak kena la tu ya. Tapi dalam apa namanya apa ni lingkungan apa ni *environment* apa namanya *tourism*, semua pihak wajar berperanan dengan tujuannya memprojek imej Kelantan sebagai tempat yang senang dikunjungi, penduduknya berbudi bahasa, suka tolong, bersih, tempat-tempat menarik, kegiatan perayaan, makanan yang lazat-lazat dengan harga yang murah. Ini di antara benda yang wajar kita beri perhatian. Tapi itulah ada apa ni *feedback* yang saya dapat setengah-setengah tempat makanan kita ni agaknya mahal sikit.

Keduanya, layanan kepada pengunjung tidak professional. Dia apa namanya tidak, tidak begitu mesra. YB Timbalan Menteri Besar kita pun ada komen pasal sayalah. Pengalaman dia sendiri dan saya pun buat tinjauan betul setengah-setengah itu memang oleh kerana kita punya pengusaha kedai makan terutamanya tapi ini boleh kita *apply* kepada semua pengusaha perkhidmatan.

Berhubung dengan kedai makan ini dia punya apa namanya pasal tidak ada latihan. Jadi bila tidak ada latihan kalau misalnya pekerja itu gaji dia rendah dia pun ttak berapa seronok bekerja, *so* dia memberi khidmat dengan muka yang, yang tidak menggalakkan ya. Kita tengok pun kita rasa risau untuk nok order apa-apa. Jadi banyak benda yang kita kena buat saya nak cerita tu. Tapi apa-apa pun sudah ada kemajuan dalam bidang kebersihan. Tahniah kepada Exco PBT. Kota Bharu kalau kawan saya datang, wow Kota Bharu sekarang sudah lebih bersih daripada dulu. *So,* Alhamdulillah loni tidak seperti mulo. Jadi sudah ada peningkatan.
In Shaa Allah la tahun depan YB apa namanya kita akan tambah lagi walaupun Tahun Melawat Kelantan ni dah 2024 ini dah habislah tahun ni.

Ini bermakna bahawa tahun depan kita tidur. Tahun depan 2025 kita sedang fikirkan untuk nak bagi tag line lain pulak. Usaha untuk me apa ni

me, me, menjual Kelantan ini dengan tujuan untuk menggalak mereka datang iaitu tersukan dengan lebih berencana lagi, In Shaa Allah. Terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya berhasrat untuk menangguhkan sidang kita pada pagi ini. Sidang kita akan disambung semula pada jam 11.05 pagi. Sekian.

**PERSIDANGAN DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 10.34 PAGI DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 11.05 PAGI.**

**PERSIDANGAN DEWAN DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 11.05 PAGI**

**VII - PEMILIHAN AHLI DEWAN NEGARA**

**SETIAUSAHA :** Susunan Urusan Persidangan Yang Ketujuh, Pemilihan Ahli Dewan Negara.

**YB DATO' SPEAKER :** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian,

Sukacita saya memaklumkan bahawa pada 15 Muharram 1446H bersamaan 21 Julai 2024 yang lalu, saya telah menerima satu surat daripada Yang Berhormat Dato' Setiausaha Sulit Kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V, memaklumkan bahawa Baginda sebagai Pemerintah Negeri ini telah menitahkan Dewan Undangan Negeri ini supaya membuat pemilihan untuk melantik seorang Ahli Dewan Negara bagi mewakili Dewan ini yang akan dikosongkan berikutan tamat tempoh jawatan Ahli Dewan Negara pada 18 Safar 1446H bersamaan 23 Ogos 2024 dan pemilihan ini selaras dengan peruntukan bahagian 1(2) Jadual Ketujuh dalam Perlembagaan Persekutuan.

Ahli – Ahli Yang Berhormat sekalian.

Dengan demikian persoalan yang ada di hadapan kita sekarang ialah pemilihan untuk melantik seorang Ahli Dewan Negara bagi Negeri Kelantan.

Sekarang saya minta **YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR** mengemukakan cadangan.

Dipersilakan.

**YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan bahawa **Dr. Hajah Wan Martina Binti Wan Yusoff No. K.P: 661109-03-5636** dari **Taman Kintan Mas Kampung Mujor Jelawat Bachok, Kelantan** dipilih sebagai Ahli Dewan Negara bagi mewakili Negeri Kelantan untuk tempoh satu penggal lagi.

**YB DATO' TIMBALAN MENTERI BESAR :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

**YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :** Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan ini sukacita saya serahkan surat Pengakuan Kesanggupan untuk berkhidmat sebagai Ahli Dewan Negara daripada **Dr. Hajah Wan Martina Binti Wan Yusoff No. K.P: 661109-03-5636**

**[ SURAT PENGAKUAN TERSEBUT**
**DISERAH KEPADA SETIAUSAHA DEWAN NEGERI**
**UNTUK DIANGKAT KEPADA YB DATO' SPEAKER ]**

**YB DATO' SPEAKER :** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada dihadapan kita sekarang ialah satu cadangan untuk pemilihan sebagai Ahli Dewan Negara. Sekarang saya kemukakan cadangan pemilihan **Dr. Hajah Wan Martina Binti Wan Yusoff No. K.P: 661109-03-5636** sebagai Ahli Dewan Negara bagi diundi.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT YANG BERSETUJU, KATA "SETUJU",AHLI-AHLI YANG BERHORMAT YANG TIDAK BERSETUJU, KATA "TIDAK."**

Dipersetujukan.

Maka sekarang saya mengisytiharkan bahawa **Dr. Hajah Wan Martina Binti Wan Yusoff, No. K.P: 661109-03-5636** dipilih sebagai Ahli Dewan Negara bagi mewakili Negeri Kelantan mulai daripada 19 Safar 1446H bersamaan 24 Ogos 2024M.

**VIII. .. CADANGAN-CADANGAN YANG DIBERITAHU.**

**SETIAUSAHA :** Susunan Urusan Persidangan Yang Kelapan, Cadangan-Cadangan Yang Diberitahu.

Cadangan Yang Pertama, YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Menteri Besar akan mencadangkan –

**[ Cadangan Yang Pertama ]**

**YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan -

**BAHAWA DEWAN INI, MENGIKUT SEKSYEN 6 (2) DARIPADA AKTA KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN TAHUN 1966 MELULUSKAN DAN MENGUNTUKKAN MULAI DARIPADA 1 HB. JANUARI 2024 ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAMBAHAN PERTAMA NEGERI KELANTAN BAGI TAHUN 2024 SEBAGAIMANA TERKANDUNG DI DALAM DAN DIBENTANGKAN SEBAGAI KERTAS DEWAN BIL. 20 DAN 21 TAHUN 2024.**

Ulasan-ulasan bagi Cadangan ini akan disampaikan bersama ulasan Rang Undang-Undang Yang Pertama iaitu Enakmen Perbekalan Tambahan Pertama (2024) Tahun 2024 yang akan dikemukakan nanti.

**YB DATO' TIMBALAN MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

**YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan perbahasan bagi Cadangan ini ditangguhkan dan dibuat bersekali dengan perbahasan Rang Undang-Undang Yang Pertama iaitu Enakmen Perbekalan Tambahan Yang Pertama (2024) Tahun 2024 yang akan dibentang kemudian daripada ini kelak.

**YB DATO' TIMBALAN MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

**YB DATO' SPEAKER :** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada di hadapan kita sekarang ialah satu cadangan supaya perbahasan bagi Cadangan ini ditangguh dan dibuat bersekali dengan perbahasan bagi Rang Undang-Undang Yang Pertama iaitu Enakmen Perbekalan Tambahan Pertama (2024) Tahun 2024 yang akan dibentang kemudian daripada ini kelak.

Dengan demikian, sekarang saya kemukakan cadangan tersebut bagi **diundi.**

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT YANG BERSETUJU KATA "SETUJU", AHLI-AHLI YANG TIDAK BERSETUJU KATA "TIDAK"**

Dipersetujukan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, ulasan dan perbahasan bagi Cadangan ini ditangguh dan akan dibuat bersekali dengan perbahasan Rang Undang-Undang Yang Pertama iaitu Enakmen Perbekalan Tambahan Pertama (2024) Tahun 2024 yang akan dibentangkan kemudian daripada ini kelak.

**[ Cadangan Yang Kedua ]**

**SETIAUSAHA :** Cadangan Yang Kedua, Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Menteri Besar Akan Mencadangkan –

**YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan –

**BAHAWA DEWAN INI, MENGIKUT SEKSYEN 4 (1) DARIPADA AKTA KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN TAHUN 1966 MELULUSKAN DAN MENGUNTUKKAN MULAI DARIPADA 1 HB. JANUARI 2025 ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN NEGERI KELANTAN BAGI TAHUN 2025 SEBAGAIMANA TERKANDUNG DI DALAM DAN DIBENTANGKAN SEBAGAI KERTAS DEWAN BIL. 22, 23, 24, 25 DAN 26 TAHUN 2024.**

Ulasan-ulasan bagi cadangan ini akan **disampaikan bersama** ulasan Rang Undang-Undang Yang Kedua iaitu Enakmen Perbekalan (2025) Tahun 2024 yang akan dikemukakan nanti.

**YB DATO' TIMBALAN MENTERI BESAR :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

**YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan perbahasan bagi Cadangan Yang Kedua ini ditangguh dan **dibuat bersekali dengan perbahasan bagi Rang Undang-Undang Yang Kedua** iaitu Enakmen Perbekalan (2025) Tahun 2024 yang akan dibentangkan kemudian daripada ini.

**YB DATO' TIMBALAN MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

**YB DATO' SPEAKER :** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada di hadapan kita sekarang ialah satu cadangan supaya ulasan dan perbahasan bagi Cadangan ini ditangguh dan dibuat bersekali dengan perbahasan Rang Undang-Undang Yang Kedua iaitu Enakmen Perbekalan (2025) Tahun 2024 yang akan dibentangkan kemudian daripada ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya kemukakan cadangan tersebut bagi diundi.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT YANG BERSETUJU, KATA "SETUJU", AHLI-AHLI YANG TIDAK BERSETUJU, KATA "TIDAK".**

Dipersetujukan.

Ulasan dan Perbahasan bagi Cadangan ini ditangguh dan akan **dibuat bersekali** dengan perbahasan bagi Rang Undang-Undang Yang Kedua iaitu Enakmen Perbekalan (2025) Tahun 2024 yang akan dibentangkan kemudian daripada ini.

**IX. ... RANG UNDANG-UNDANG**

**SETIAUSAHA :** Susunan Urusan Persidangan Yang Sembilan, Rang Undang-Undang.

**[ Rang Undang-Undang Yang Pertama ]**

Rang Undang-Undang Yang Pertama, **YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR** akan mencadangkan Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tambahan Pertama (2024) Tahun 2024.

**RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN PERTAMA (2024) TAHUN 2024**

==========

**[ BACAAN KALI PERTAMA ]**

**YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :**

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

> **SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2024 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN JUMLAH WANG ITU UNTUK MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU**

hendaklah dibaca bagi Kali Yang Pertama.

**YB DATO' TIMBALAN MENTERI BESAR :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

**YB DATO' SPEAKER :** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-Undang tersebut hendaklah dibaca bagi Kali Yang Pertama.

**SETIAUSAHA : SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2024 DAN MEMPERUNTUKKAN JUMLAH WANG ITU UNTUK MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU.**

**[PERATURAN-PERATURAN DAN PERINTAH-PERINTAH TETAP 122]**

**YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap 122 dipakai bagi maksud membolehkan saya menjalankan Rang Undang-Undang ini pada semua tingkatan dalam Persidangan ini pada hari ini juga.

**YB DATO' TIMBALAN MENTERI BESAR :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

**YB DATO' SPEAKER :** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada di hadapan kita sekarang ialah satu cadangan supaya Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap 122 dipakai bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini dijalankan pada semua tingkatan dalam Persidangan Dewan pada hari ini juga.

Dengan demikian, saya kemukakan cadangan tersebut bagi diundi.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT YANG BERSETUJU, KATA "SETUJU", AHLI-AHLI YANG TIDAK BERSETUJU, KATA "TIDAK".**

Dipersetujukan.

**[ BACAAN KALI KEDUA ]**

**YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memberitahu bahawa saya akan mencadangkan bacaan bagi Kali Yang Kedua bagi Rang Undang-Undang ini dalam Persidangan Dewan pada hari ini juga.

Saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

> **SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2024 DAN MEMPERUNTUKKAN JUMLAH WANG ITU UNTUK MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU**

hendaklah dibaca bagi Kali Yang Kedua.

بسم الله الرحمن الرحيم

قال الله وتعالى :

والذين إذا أنفقوا لم يسرفوا ولم يقتروا وكان بين ذلك قواما

*Di antara sifat hamba Allah SWT yang dipuji Allah ialah orang-orang yang apabila berbelanja mereka tidak boros dan tidak pula bakhil dan kedekut sebaliknya mereka adalah secara sederhana.*

Yang Berhormat Dato' Speaker, Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mendapatkan kuasa dalam dewan ini bagi membolehkan satu peruntukan tambahan sebanyak RM100 017 048 708 dikeluarkan bagi menampung kekurangan peruntukan perbelanjaan mengurus Tahun 2024 yang telh diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan terdahulu daripada ini.

Peruntukan tambahan ini merupakan peruntukan bagi Perbelanjaan Perbekalan Pertama (2024) yang telah diterima oleh Perbendaharaan Negeri Kelantan bagi maksud berikut. Dibawah kepala,

| | |
|---|---|
| B 01 – Pejabat Sultan | RM33, 049, 691.00 |
| B02 – Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri | RM836,048.00 |
| B03 – Dewan Undangan Negeri | RM808,191.00 |
| B04 – Perkhidmatan Serbaneka | RM1,346,503.00 |
| B05 – Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian | RM372,088.00 |
| B06 – Pejabat Tanah Dan Jajahan Bachok | RM203,281.00 |
| B07 – Pejabat Tanah Dan Jajahan Kota Bharu | RM256,556.00 |
| B08 – Pejabat Tanah Dan Jajahan Machang | RM164,671.00 |
| B09 – Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir Mas | RM197,369.00 |
| B10 – Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir Puteh | RM177,445.00 |
| B11 – Pejabat Tanah Dan Jajahan Tanah Merah | RM286,041.00 |
| B12 – Pejabat Tanah Dan Jajahan Tumpat | RM156,073.00 |
| B13 – Pejabat Tanah Dan Jajahan Kuala Krai | RM168,491.00 |
| B14 – Pejabat Tanah Dan Jajahan Gua Musang | RM142,980.00 |

| | |
|---|---|
| B15 – Pejabat Tanah Dan Jajahan Jeli | RM139,957.00 |
| B16 – Jabatan Perhutanan Negeri | RM533,460.00 |
| B17 – Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri | RM494,130.00 |
| B18 – Jabatan Pertanian Negeri | RM277,750.00 |
| B19 – Jabatan Kerjaraya Negeri | RM961,190.00 |
| B20 – Jabatan Mufti Negeri | RM34,500.00 |
| B21 – Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri | RM4,399,750.00 |
| B22 – Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri | RM79,000.00 |
| B24 – PLANMalaysia@Kelantan | RM89,424.00 |
| B25 – Perbendaharaan Negeri | RM66,200,000.00 |
| B26 – Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri | RM198,500.00 |
| B27 – Pejabat Pembangunan Negeri | RM5,067,800.00 |
| B28 – Pejabat Tanah Dan Jajahan Kecil Lojing | RM51,352.00 |
| B29 – Jabatan Kehakiman Syariah Negeri | RM245,232.00 |
| B31 – Jabatan Perikanan Negeri | RM77,685.00 |
| B32 – Jabatan Sumber Air Negeri | RM33,550.00 |
| **Jumlah keseluruhan** | **RM117,048,708.00** |

Jumlah tersebut adalah untuk memenuhi keperluan perbelanjaan iaitu sebanyak RM3 624 796 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan dibawah objek sebagai 11 000 gaji dan upahan yang tidak mencukupi di Pejabat Sultan, Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri, Pejabat Tanah Dan Jajahan Bachok, Pejabat Tanah Dan Jajahan Kota Bharu, Pejabat Tanah Dan Jajahan Machang, , Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir

Mas, Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir Puteh, Pejabat Tanah Dan Jajahan Tanah Merah, Pejabat Tanah Dan Jajahan Tumpat, , Pejabat Tanah Dan Jajahan Kuala Krai, Pejabat Tanah Dan Jajahan Jeli, Jabatan Kerjaraya Negeri, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri, PLANMalaysia@Kelantan, Perbendaharaan Negeri, Pejabat Pembangunan Negeri, , Pejabat Tanah Dan Jajahan Kecil Lojing, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri, Jabatan Perikanan Negeri dan Jabatan Sumber Air Negeri.

Sebanyak RM63 290 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan dibawah objek sebagai 12 000 Elaun Tetap Dan Imbuhan yang tidak mencukupi di Pejabat Tanah Dan Jajahan Tanah Merah Dan , Pejabat Tanah Dan Jajahan Jabatan Perikanan Negeri sebanyak RM15 466 diperlukan bagi menmpung kekurangan peruntukan dibawah objek sumbangan berkanun untuk kakitangan yang tidak mencukupi di Pejabat Sultan dan Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Pejabat Tanah Dan Galian Negeri, Pejabat Tanah Dan Jajahan Bachok , Pejabat Tanah Dan Jajahan Kota Bharu, , Pejabat Tanah Dan Jajahan Machang, , Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir Mas, , Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir Puteh, , Pejabat Tanah Dan Jajahan Tanah Merah, Pejabat Tanah Dan Jajahan Tumpat, , Pejabat Tanah Dan Jajahan Kuala Krai, Pejabat Tanah Dan Jajahan Jeli, Jabatan Kerjaraya Negeri, PLANMalaysia@Kelantan, Pejabat Tanah Dan Jajahan Kecil Lojing, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri, Jabatan Perikanan Negeri dan Jabatan Sumber Air Negeri.

Sebanyak RM6 232 610 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan dibawah objek sebagai 17 000 bayaran imbuhan tahunan dan bantuan kewangan yang tidak mencukupi di Pejabat Sultan dan Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Pejabat Tanah Dan Galian Negeri, Pejabat Tanah Dan Jajahan Bachok , Pejabat Tanah Dan Jajahan Kota Bharu, , Pejabat Tanah Dan Jajahan Machang, , Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir Mas, , Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir Puteh, , Pejabat Tanah Dan Jajahan Tanah Merah, Pejabat Tanah Dan Jajahan Tumpat, ,Pejabat Tanah Dan Jajahan Kuala Krai, Pejabat Tanah Dan Jajahan Gua Musang, Pejabat Tanah Dan Jajahan Jeli, Jabatan Perhutanan Negeri, Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri, Jabatan Pertanian Negeri, Jabatan Kerjaraya Negeri, Jabatan Mufti Negeri, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri, PLANMalaysia@Kelantan, Jabatan Veterinar Negeri, Jabatan Pembangunan Negeri, Pejabat Tanah Dan Jajahan Kecil Lojing, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri, Jabatan Perikanan Negeri dan Jabatan Sumber Air Negeri.

Sebanyak RM1 300 000 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan dibawah objek sebagai RM21 000 perbelanjaan perjalanan dan sara hidup yang tidak mencukupi di Pejabat Sultan dan Dewan Undangan Negeri.

Sebanyak RM2 000 000 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan dibawah objek sebagai RM23 000 Perhubungan Dan Utiliti yang tidak mencukupi di Pejabat Sultan.

Sebanyak RM1 000 000 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan dibawah objek sebagai RM25 000 Bahan-Bahan Makanan Dan Minuman yang tidak mencukupi di Pejabat Sultan.

Sebanyak RM2 000 000 diperlukan untuk menampung keperluan peruntukan dibawah objek sebagai RM26 000 bekalan bahan mentah yang tidak mencukupi di Pejabat Sultan.

Sebanyak RM1 000 000 diperlukan untuk menampung kekurangan dibawah objek sebagai RM27 000 bekalan dan bahan-bahan lain yang tidak mencukupi di Pejabat Sultan.

Sebanyak RM4 800 000 diperlukan untuk memenuhi keperluan peruntukan dibawah objek sebagai RM28 000 penyelenggaraan dan pembaikian kecil yang dibeli yang tidak mencukupi di Pejabat Sultan.

Sebanyak RM24 483 574 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan dibawah objek sebagai RM29 000 Perkhidmatan Ikhtisas dan perkhidmatan lain yang dibeli dan hospitaliti yang tidak mencukupi di Pejabat Sultan, Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Dewan Undangan Negeri, Perkhidmatan Serbaneka, Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Pejabat Tanah Dan Jajahan Bachok , Pejabat Tanah Dan Jajahan Kota Bharu, , Pejabat Tanah Dan Jajahan Machang, , Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir Mas, , Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir Puteh, , Pejabat Tanah Dan Jajahan Tanah Merah, Pejabat Tanah Dan Jajahan Tumpat, , Jabatan Kerjaraya Negeri, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri, PLANMalaysia@Kelantan, Pejabat Pembangunan Negeri, Pejabat Tanah Dan Jajahan Kecil Lojing, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri, Jabatan Perikanan Negeri dan Jabatan Sumber Air Negeri.

Sebanyak RM70 529 872 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan dibawah objek sebagai RM42 000 pemberian dalam negeri

yang tidak mengcukupi di Perbendaharaan Negeri dan Pejabat Pembangunan Negeri.

Semua perbelanjaan ini dilakukan bukan semata-mata disengajakan tetapi ianya merupakan perbelanjaan yang terpaksa dibuat setelah diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh Kerajaan. Demikian dibentangkan usul Perbekalan Tambahan Pertama (2024) Tahun 2024 untuk kelulusan dewan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pohon mencadangkan. Sekian, terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN MENTERI BESAR :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

**YB DATO' SPEAKER :** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada dihadapan kita sekarang ialah satu Rang Undang-Undang yang bergelar Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan wang disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2024 dan bagi memperuntukkan sejumlah wang itu bagi maksud yang tertentu bagi tahun itu. Sekarang saya kemukakan Rang Undang-Undang tersebut dan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2024 bagi **perbahasan.**

**[ PERBAHASAN OLEH AHLI-AHLI YANG BERHORMAT ]**
**[ PENGGULUNGAN OLEH PIHAK KERAJAAN ]**

Tidak ada perbahasan, tidak ada penggulungan dari pihak kerajaan.

**YB DATO' SPEAKER :** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada di hadapan kita sekarang ialah satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

> **SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2024 DAN MEMPERUNTUKKAN JUMLAH WANG ITU UNTUK MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU**

hendaklah dibaca bagi Kali Yang Kedua.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT YANG BERSETUJU, KATA "SETUJU", AHLI-AHLI YANG TIDAK BERSETUJU, KATA "TIDAK".**

Dipersetujukan.

Rang Undang-Undang tersebut hendaklah dibaca bagi Kali Yang Kedua.

**SETIAUSAHA : SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2024 DAN MEMPERUNTUKKAN JUMLAH WANG ITU UNTUK MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU**

[ TINGKATAN JAWATANKUASA ]

**YB DATO' SPEAKER :** Sekarang Dewan bersidang sebagai **Jawatankuasa.**

**[ COKMAR DITURUNKAN ]**

**SETIAUSAHA :** Fasal 2 dan Jadual

**YB DATO' SPEAKER:** Fasal 2 dan Jadual menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 1 dan Fasal-Fasal Mengundangkan.

**YB DATO' SPEAKER :** Fasal 1 dan Fasal-Fasal Mengundangkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Persidangan Dewan disambung semula.

**[ COKMAR DINAIKKAN ]**

**[ BACAAN KALI KETIGA ]**

**YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memberitahu bahawa satu Rang Undang-Undang yang bergelar -

**SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2024 DAN MEMPERUNTUKKAN JUMLAH WANG ITU UNTUK MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU**

telah ditimbang dalam Peringkat Jawatankuasa fasal demi fasal dan telah dipersetujukan tanpa apa-apa pindaan.

Dengan demikian, Yang Berhormat Dato' Speaker, sekarang saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

**SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2024 DAN MEMPERUNTUKKAN JUMLAH WANG ITU UNTUK MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU**

hendaklah dibaca bagi Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

**YB DATO' TIMBALAN MENTERI BESAR :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

**YB DATO' SPEAKER :** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada di hadapan kita sekarang ialah satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

**SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2024 DAN MEMPERUNTUKKAN JUMLAH WANG ITU UNTUK MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU**

hendaklah dibaca bagi Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT YANG BERSETUJU, KATA "SETUJU", AHLI-AHLI YANG TIDAK BERSETUJU, KATA "TIDAK".**

Dipersetujukan.

Rang Undang-Undang tersebut hendaklah dibaca bagi Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

**SETIAUSAHA : Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan Pertama (2024) Tahun 2024 dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2024.**

**Rang Undang-Undang Yang Pertama diterima dan diluluskan.**

**DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI OLEH BADAN UNDANGAN BAGI NEGERI KELANTAN**

---

**PENGUNDIAN BAGI CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAMBAHAN PERTAMA TAHUN 2024**

**YB DATO' SPEAKER :**

Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian, sekarang saya kemukakan pula Cadangan mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama Tahun 2024 yang dibentang dan dibahas dengan Rang Undang-Undang Pertama bagi diundi.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT YANG BERSETUJU, KATA "SETUJU" AHLI-AHLI YANG TIDAK BERSETUJU , KATA "TIDAK"**

Dipersetujukan.

**Cadangan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama Tahun 2024 diterima dan diluluskan.**

**[ Rang Undang-Undang Yang Kedua ]**

**SETIAUSAHA :** Rang Undang-Undang Yang Kedua, **YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR** akan mencadangkan Rang Undang-Undang Perbekalan (2025) Tahun 2024.

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2025) TAHUN 2024**
==========

[ BACAAN KALI PERTAMA ]

**YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR** : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan suatu Rang Undang-Undang yang bergelar –

> **SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN TAHUN 2025 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN JUMLAH WANG ITU UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN ITU.**

hendaklah dibaca bagi Kali Yang Pertama.

**YB DATO' TIMBALAN MENTERI BESAR** : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

**YB DATO' SPEAKER** : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-Undang tersebut hendaklah dibaca bagi Kali Yang Pertama.

**SETIAUSAHA : SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN TAHUN 2025 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN JUMLAH WANG ITU UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN ITU.**

**[PERATURAN-PERATURAN DAN PERINTAH-PERINTAH TETAP 122 ]**

**YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR** : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap 122 dipakai bagi maksud membolehkan saya menjalankan Rang Undang-Undang ini pada semua tingkatan dalam Persidangan ini pada hari ini juga.

**YB DATO' TIMBALAN MENTERI BESAR** : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

**YB DATO' SPEAKER :** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada di hadapan kita sekarang ialah satu cadangan supaya Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap 122 dipakai bagi maksud membolehkan Rang Undang-Undang ini dijalankan pada semua tingkatan dalam Persidangan Dewan pada hari ini juga.

Dengan demikian, saya kemukakan cadangan tersebut bagi diundi.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT YANG BERSETUJU, KATA "SETUJU", AHLI-AHLI YANG TIDAK BERSETUJU, KATA "TIDAK**".

Dipersetujukan.

**[ BACAAN KALI KEDUA ]**

**YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR** : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memberitahu bahawa saya akan mencadangkan bacaan bagi Kali Yang Kedua bagi Rang Undang-Undang ini dalam Persidangan Dewan pada hari ini juga.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

**SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN TAHUN 2025 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN JUMLAH WANG ITU UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN ITU.**

hendaklah dibaca bagi Kali Yang Kedua.

Ucapan Bajet

الحمد لله والصلاة والسلام علي رسو له الذي ختم به الرسالة وعلي اله
واصحابه ومن تبعهم الي يوم القيامة اما بعد

وَٱلْأَرْضَ مَدَدْنَٰهَا وَأَلْقَيْنَا فِيهَا رَوَٰسِيَ وَأَنۢبَتْنَا فِيهَا مِن كُلِّ شَيْءٍ مَّوْزُونٍ
وَجَعَلْنَا لَكُمْ فِيهَا مَعَٰيِشَ وَمَن لَّسْتُمْ لَهُۥ بِرَٰزِقِينَ

وَإِن مِّن شَيْءٍ إِلَّا عِندَنَا خَزَآئِنُهُۥ وَمَا نُنَزِّلُهُۥٓ إِلَّا بِقَدَرٍ مَّعْلُومٍ

*"Dan bumi ini Kami bentangkan, dan Kami letakkan padanya gunung-ganang yang kukuh terdiri, serta Kami tumbuhkan padanya tiap-tiap sesuatu yang tertentu timbangannya (19) Dan Kami jadikan untuk kamu pada bumi ini segala keperluan hidup, juga Kami jadikan makhluk-makhluk yang kamu bukanlah orang yang sebenar menyediakan rezekinya (20) Dan tidak ada sesuatupun melainkan pada sisi Kami sahaja perbendaharaannya dan Kami tidak menurunkannya melainkan dengan menurut kadar dan masa yang tertentu (21)"*

(Surah Al-Hijr : 19-21)

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Segala pujian bagi Allah SWT, Tuhan Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, Yang memberi dan mengatur rezeki dan memberikan taufiq dan inayah untuk Kerajaan Negeri Kelantan di bawah strategi Penghayatan Membangun Bersama Islam membentangkan belanjawan bagi tahun 2025 dalam Persidangan Kali Ketiga (Belanjawan) Bagi Tempoh Penggal Kedua Dewan Negeri Kelantan Yang Kelima Belas pada hari bersejarah ini.

Belanjawan Kelantan untuk tahun 2025 ini dirangka dengan mengambil kira prinsip-prinsip Islam yang bertujuan untuk memastikan kesejahteraan rakyat, kemakmuran ekonomi, serta kelestarian sosial dalam membangunkan sebuah masyarakat yang

adil, sejahtera dan harmoni dapat dicapai dengan strategi Penghayatan Membangun Bersama Islam.

1.1 Fakta Ekonomi Kelantan

1.1.1 Pelbagai faktor yang kompleks menjadikan prospek pertumbuhan ekonomi global untuk tahun 2024 amat mencabar. Kawalan ketat dasar monetari dan kewangan yang ketara, ketidaktentuan dasar yang berterusan di seluruh dunia, perubahan iklim serta ketidakstabilan harga komoditi merupakan antara cabaran yang dihadapi.

1.1.2 Walau bagaimanapun, ekonomi dunia diramal kekal berdaya tahan apabila Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dalam laporannya pada Julai 2024 mengunjurkan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dunia bertumbuh pada kadar **3.2 peratus** pada tahun 2024 berbanding pertumbuhan **3.3 peratus** pada tahun sebelumnya.

1.1.3 Ekonomi dunia mencatat pertumbuhan sebanyak **4.4 peratus** dalam tempoh 2021-2023 dan dijangka berkembang perlahan sebanyak **3.2 peratus** dalam tempoh 2024-2025. Manakala ekonomi Malaysia telah mencatat pertumbuhan sebanyak **5.2 peratus** dalam tempoh 2021-2023 dan dijangka berkembang dalam lingkungan **4.5 peratus** hingga **5.5 peratus** dalam tempoh 2024-2025.

1.1.4 Kelantan mencatatkan peningkatan nilai KDNK kepada **RM27.6 bilion** pada tahun 2023, meningkat **2.6 peratus** dari **RM26.9 bilion** tahun sebelumnya.

1.1.5 Peningkatan ini didorong oleh pertumbuhan sektor perkhidmatan sebanyak **3.8 peratus**, yang dipacu oleh subsektor perdagangan borong dan runcit, penginapan, makanan dan minuman, serta perkhidmatan kerajaan.

1.1.6 Walau bagaimanapun, sektor pertanian pula menguncup **0.5 peratus** disebabkan kemerosotan dalam subsektor perhutanan & pembalakan.

1.1.7 Sektor pembuatan juga menyusut **2.6 peratus**, disebabkan oleh kemerosotan dalam produk elektrik, elektronik dan optikal serta produk kayu, perabot, keluaran kertas dan percetakan. Manakala sektor pembinaan berkembang **6.7 peratus** sebahagian besarnya disokong oleh aktiviti pembinaan pertukangan khas.

1.1.8 Kelantan mempunyai potensi ekonomi yang besar terutamanya dalam sektor pertanian, perikanan, dan pelancongan. Walaupun negeri ini berhadapan dengan pelbagai cabaran, langkah-langkah pembangunan infrastruktur, peningkatan pendidikan, serta penggalakan sektor perniagaan dan teknologi memberi harapan untuk pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan pada masa hadapan.

1.1.9 Negeri Kelantan amat memerlukan pendaya upaya bagi menarik pelaburan berpotensi ke negeri Kelantan melibatkan infrastruktur asas seperti lebuh raya, sistem bekalan air bersih yang stabil dan mencukupi untuk keperluan industri, bekalan elektrik yang baik dan kawasan industri baharu yang dilengkapi dengan infrastruktur kemudahan asas yang lengkap.

1.1.10 Kerajaan Negeri yakin hubungan baik dengan Kerajaan Persekutuan yang terbina selama ini berteraskan semangat federalisma adalah isyarat yang sangat positif kepada negeri dan rakyat Kelantan.

1.1.11 Sebagai usaha memajukan dan menarik pelaburan ke negeri Kelantan, pihak Kerajaan Persekutuan perlu mengambil beberapa inisiatif untuk memperbaiki dan memperkukuh

ketersediaan infrastruktur di Negeri Kelantan, antaranya;

a) Mempercepatkan pembinaan Lebuh Raya Lingkaran Tengah Utama, Lebuh Raya Kota Bharu- Kuala Krai dan Lebuh Raya Pantai Timur Fasa 3.

b) Menyelesaikan dengan segera infrastruktur bekalan air bersih, melibatkan kerja-kerja penggantian paip lama yang kritikal di seluruh negeri Kelantan dan pembinaan loji rawatan air baharu terutamanya di kawasan industri baharu.

c) Membina Pencawang Masuk Utama (PMU) di kawasan perindustrian dan pembangunan baharu.

d) Menyediakan kawasan industri yang lengkap dengan infrastruktur termasuk kemudahan asas seperti jalan, bekalan air, elektrik, dan telekomunikasi.

1.1.12 Kerajaan Negeri Kelantan yakin projek tersebut dapat meningkatkan keupayaan untuk menarik pelaburan dan merangsang pertumbuhan ekonomi di negeri Kelantan serta meningkatkan taraf hidup penduduk.

1.1.13 Kerajaan Negeri bersyukur seiring dengan kemakmuran ekonomi, Kelantan diiktiraf sebuah negeri sejahtera berdasarkan pencapaian dalam Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia Tahun 2022 di mana Kelantan mencatat skor indeks kebahagiaan **7.07** di kawasan bandar dan **6.94** di kawasan luar bandar.

Pencapaian ini mengatasi pencapaian negara dengan skor **6.46** di kawasan bandar dan **6.54** di kawasan luar bandar.

1.1.14 Selain itu Kelantan diiktiraf sebagai Bandar Paling Selamat yang menduduki tempat pertama di Semenanjung Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

## 2. FAKTA BELANJAWAN 2025

2.1 Tema Belanjawan

**"Keberkatan, Kesejahteraan Dan Keseimbangan Untuk Kemakmuran Negeri"**. Inilah Tema Belanjawan Kelantan 2025 yang bertepatan dengan firman Allah SWT yang saya bacakan pada permulaan ucapan tadi yang memberi inspirasi kepada prinsip-prinsip di dalam tema belanjawan.

Pertama adalah prinsip **Keberkatan** dengan mengakui dan meyakini bahawa Yang Maha Memberi Rezeki adalah Allah SWT. Segala sumber yang diperolehi dan perancangan perbelanjaan yang disepakati sehinggalah kepada aspek pelaksanaannya hendaklah teratur dan tersusun dengan adil agar mendapat keberkatan daripada Allah SWT.

Kedua adalah prinsip **Kesejahteraan** dengan menghayati sifat rahmah Allah SWT yang menyediakan segala keperluan hidup manusia di muka bumi. Demikian juga Belanjawan yang dirangka ini bertanggungjawab memenuhi keperluan rakyat untuk mencapai kesejahteraan hidup.

Ketiga adalah prinsip **Keseimbangan** dengan mengamati ketentuan Ilahi dalam aspek pemberian rezeki kepada setiap hamba-Nya. Oleh itu, Belanjawan yang baik hendaklah memastikan keseimbangan dalam peruntukan itu berlaku kepada semua peringkat agar tiada pihak yang terabai.

Justeru, Belanjawan ini berkonsepkan **Belanjawan Negeri Hidayah** yang ditunjangi prinsip **Keberkatan, Kesejahteraan dan Keseimbangan** ke arah mencapai **kemakmuran** negeri berbanding belanjawan Negeri Jibayah yang hanya bermatlamatkan kesenangan hidup berneracakan kutipan hasil yang membebani rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Belanjawan 2025 akan memperuntukkan sejumlah **RM1.45 bilion** sebagai perancangan berbelanja secara berhemat dan sebagai usaha serta langkah kerajaan ke arah bajet seimbang, selaras dengan kedudukan aliran tunai kerajaan.

Belanjawan 2025 disusun secara bertumpu bagi memenuhi pelaksanaan dan penyempurnaan sebahagian daripada Strategi Penghayatan Membangun Bersama Islam 2023 – 2033 dan Halatuju Portfolio Kerajaan Negeri 2024-2028 yang mencakupi 5 elemen *Maqasid Syariah*.

Maka belanjawan ini akan memberi tumpuan kepada **5 teras utama** iaitu;

**Teras Pertama:** Pembangunan Sahsiah Berpandukan Al-Quran dan Pembudayaan Amal Islami

**Teras Kedua:** Pemerkasaan Kesejahteraan Komuniti.

**Teras Ketiga:** Pemberdayaan Rakyat Secara Bersasar dan Komprehensif.

**Teras Keempat:** Pembangunan Berasaskan Modal Optimum dan Unjuran Pelaksanaan Berkesan.

**Teras Kelima:** Kecemerlangan Pentadbiran dan Kemampanan Kewangan Kerajaan.

2.2 <u>Strategi Belanjawan</u>

Bagi menjayakan **5 teras** yang dinyatakan di atas, Belanjawan 2025 akan berpaksikan kepada **3 strategi** berikut:-

a ) Pertama: **Memberi tumpuan kepada pengembangan pendidikan agama dan amal Islami** dengan memastikan keutamaan peruntukan kepada sekolah-sekolah agama Yayasan Islam Kelantan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa

Sultan Ismail Petra (KIAS) dan pondok-pondok demi melahirkan generasi yang berilmu dan berakhlak mulia berteraskan pendidikan Rabbani.

Oleh itu, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan dasar yang holistik kepada rakyat antaranya Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan, Dasar Keluarga Mawadah Kelantan, Dasar Anak Muda Kelantan dan Dasar Pencegahan Gejala Sosial Kelantan serta Budaya Komuniti Rabbani yang bakal menjadi penanda aras kepada program-program pembangunan sosial rakyat bagi tahun mendatang.

b) Kedua: **Memacu pembentukan Zon Ekonomi Khas (SEZ) Malaysia-Thailand** yang dicadangkan di Rantau Panjang bertujuan untuk meningkatkan kerjasama ekonomi antara Malaysia dan Thailand. Selain menggalakkan pelaburan dalam sektor utama seperti industri getah dan makanan, SEZ ini juga termasuk usaha untuk mengatasi isu banjir di kawasan sempadan dengan memperdalam muara Sungai Golok.

lnisiatif ini akan membantu komuniti tempatan yang sering terjejas oleh banjir dan dalam masa yang sama menyumbang kepada pembangunan ekonomi serantau.

c) Ketiga: **Menumpukan pengurusan sumber alam secara bertanggungjawab ke arah pembangunan yang lestari,** dengan memastikan segala aktiviti pembangunan mematuhi garis panduan yang digariskan dalam syariat Islam sekaligus mengekalkan rekod Kelantan sebagai sebuah negeri yang menjadi penyumbang terbesar kepada kelestarian negara.

Belanjawan 2025 menumpukan kepada usaha Pemindahan Fiskal Ekologi *(Ecological Fiscal Transfer)* bagi menggalakkan pembangunan yang seimbang antara pertumbuhan ekonomi, pengurusan sumber dan kelestarian alam sekitar.

Selain itu, Belanjawan 2025 juga memberi tumpuan kepada Eksplorasi Kawasan Hutan Rekreasi Baharu di Tok Bali melibatkan Pembangunan Taman Wetland dan penubuhan Hutan Simpan Kekal baharu dalam kelas fungsi hutan paya gambut dan pembangunan Tanah Tinggi Gunung Chamah bagi

tujuan pembangunan infra dan Kompleks Pejabat Renjer Hutan.

Kerajaan Negeri juga akan mengambil langkah proaktif dan berusaha meningkatkan peluang penerokaan tenaga baharu seperti hidrogen, pembangunan unsur nadir bumi dan tenaga solar yang mampu menjana sumber ekonomi baharu di negeri ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

2.3 <u>Anggaran Hasil Negeri</u>

2.3.1 Anggaran Hasil Negeri pada tahun 2025 dijangka sebanyak **RM997.26 juta** yang meliputi Hasil Cukai sebanyak **RM230.51 juta,** Hasil Bukan Cukai sebanyak **RM354.93 juta** dan Terimaan Bukan Hasil sebanyak **RM411.82 juta**.

Jumlah tersebut menunjukkan berlakunya kenaikan dalam hasil sebanyak **RM30.01 juta** iaitu sebanyak **3.10 peratus** berbanding anggaran hasil tahun 2024 sebanyak **RM967.25 juta**.

2.3.2 Hasil tanah adalah penyumbang terbesar dengan jumlah **RM379.05 juta** daripada keseluruhan jumlah hasil. Ia menunjukkan peningkatan sebanyak **RM2.04 juta** iaitu sebanyak **0.54 peratus** berbanding anggaran pada tahun 2024 sebanyak **RM377 juta.**

2.3.3 Terimaan daripada Kerajaan Persekutuan dianggarkan berjumlah **RM365.40 juta** iaitu meningkat sebanyak **10.16 peratus** berbanding pada tahun 2024 iaitu sebanyak **RM331.70 juta** dalam bentuk sebahagian pemberian yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan.

2.3.4 Hasil hutan menjadi penyumbang keempat terbesar dengan jumlah **RM93.20 juta** daripada keseluruhan jumlah hasil. Ia menunjukkan peningkatan sebanyak **RM0.50 juta** iaitu **0.54 peratus**.

2.3.5 Sebanyak **RM58.52** juta diperoleh daripada hasil perlombongan, hasil pelaburan dan hasil air.

2.3.6 Anggaran kutipan hasil pada tahun 2025 diunjurkan meningkat sebahagiannya disebabkan oleh peningkatan anggaran kutipan hasil tanah yang ditetapkan sebanyak**100 peratus** jumlah patut pungut, menguat kuasakan kutipan bayaran terhadap tunggakan cukai tanah berjumlah melebihi **RM50 ribu**, menetapkan KPI kutipan bayaran notis dan denda lewat bayar cukai tanah sebanyak **30 peratus** daripada jumlah patut pungut.

2.4 Anggaran Perbelanjaan Mengurus

2.4.1 Anggaran Perbelanjaan Mengurus pada tahun 2025 dijangka sebanyak **RM1.09 bilion** berbanding **RM 1.14 bilion** pada tahun 2024.

2.4.2 Anggaran ini berkurang sebanyak **RM55.46 juta** disebabkan oleh penurunan anggaran Peruntukan Wang Terkanun sebanyak **RM77.03 juta** kepada **RM236.33 juta** berbanding **RM313.36 juta** tahun 2024 berikutan penyusunan semula anggaran perbelanjaan pembangunan.

2.4.3 Ini juga disebabkan oleh pengurangan peruntukan pinjaman sebanyak **RM13.90 juta** di mana mulai tahun 2024, peruntukan pinjaman telah disalurkan melalui Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Kerajaan Negeri Kelantan.

2.4.4 Daripada keseluruhan Perbelanjaan Mengurus, Perbelanjaan Bekalan adalah berjumlah **RM1.05 Bilion,** manakala Perbelanjaan Tanggungan sebanyak **RM37.83 juta**.

2.4.5 Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap telah diperuntukkan sebanyak **RM631.24 juta**, Peruntukan emolumen sebanyak **RM247.60 juta,** Perkhidmatan dan Bekalan sebanyak **RM191.20**

**juta**, peruntukan Aset sebanyak **RM17.63 juta** dan perbelanjaan lain-lain sebanyak **RM2.61 juta**.

2.4.6 Jabatan-Jabatan Negeri hendaklah berbelanja dengan berhemat dan berintegriti seiring dengan Konsep Pengurusan Ihtirafi yang diterapkan oleh Kerajaan Negeri kepada semua penjawat awam.

2.5 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan

2.5.1 Peruntukan Pembangunan bagi tahun 2025 pula adalah berjumlah **RM361.33 juta** iaitu **24.89 peratus** daripada jumlah bajet negeri.

2.5.2 Kerajaan Negeri berharap pembangunan dalam Negeri Kelantan dilaksanakan secara tersusun mengikut jadual perancangan dan pelaksanaan projek dengan memfokuskan kepada projek-projek berimpak tinggi seperti Madinah As- Salam di Mukim Tiong Kota Bharu, Projek Madinatul Riyadah, Projek Madinah Ramadan, Infrastruktur Jalan/Perparitan dan Jambatan serta projek Rumah Mampu Milik untuk rakyat.

2.6 Rumusan Belanjawan

2.6.1 Secara keseluruhannya, Belanjawan 2025 merupakan belanjawan defisit yang dianggarkan berjumlah **RM93.02 juta,** berbanding Belanjawan 2024 defisit sebanyak **RM178.49 juta**.

Jumlah defisit ini berkurang sebanyak **RM85.47 juta** ataupun **47.88 peratus** berbanding tahun 2024. Pengurangan defisit menunjukkan usaha Kerajaan Negeri ke arah mencapai keseimbangan bajet dari tahun ke tahun bagi menjamin pengukuhan aliran tunai dan rizab tunai Kerajaan tanpa sedikitpun mengurangkan peruntukan program dan projek yang melibatkan kepentingan rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

## 3. TERAS PERTAMA: PEMBANGUNAN SAHSIAH BERPANDUKAN AL-QURAN DAN PEMBUDAYAAN AMAL ISLAMI

3.1 Belanjawan 2025 menekankan Pelaksanaan Amal Islami sebagai satu cara hidup dan perlu dilakukan secara konsisten dalam semua kegiatan kehidupan. Pelaksanaan dan ketaatan ini akan melahirkan kehidupan rakyat yang baik yang disebut sebagai *hayaatan tayyibah (*حياةً طَيِّبة*).*

3.2 Strategi di bawah teras ini memberi penekanan kepada pengeluaran modal insan Rabbani melalui pendidikan yang seimbang kepada rakyat Kelantan dalam pelaksanaan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan.

3.3 Menerusi Pembangunan Sahsiah Berpandukan Al-Quran dan Pembudayaan Amal Islami, Belanjawan 2025 memperuntukkan sebanyak **RM181.70 juta.**

3.4 Daripada peruntukan tersebut, sebanyak **RM142.70 juta** diperuntukkan bagi tujuan memperkukuhkan agenda pendidikan negeri menerusi 93 buah sekolah Yayasan Islam Kelantan, menempatkan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) sebagai kolej universiti pilihan utama serta kecemerlangan modal insan menerusi Institut Latihan Darulnaim (ILDAN).

3.5 Kelantan merupakan sebuah negeri yang sentiasa memartabat ilmu al-Quran dalam kalangan rakyat termasuk usaha mempersada kejayaan Kelantan menerusi Majlis Musabaqah Tilawah dan Hafazan al-Quran peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa.

Bagi tahun 2025, sebanyak **RM0.5 juta** diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri ke arah memperkukuhkan agenda tersebut dengan menubuhkan Pusat Taranum al-Quran di bawah kelolaan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan.

3.6 Sebanyak **RM15.50 juta** pula diperuntukkan bagi program pendidikan dan keagamaan yang memfokuskan kepada Program Pendidikan, Prasekolah, Inisiatif Kecemerlangan Pelajar, Membina Generasi Al-Quran dan Remaja Iman serta Program Kecemerlangan Solat dan Aktiviti Kecemerlangan Amal Islami.

3.7 Kerajaan Negeri juga akan memberi tumpuan kepada Pembangunan Fasiliti Agama dengan peruntukan sebanyak **RM17.0 juta** untuk meneruskan pembinaan Masjid Madinah Ramadan, Masjid Gantian Kg. Laut, Pembaikian/Naik Taraf Masjid serta Bantuan Masjid dan Surau.

3.8 Turut tidak ketinggalan adalah Pembangunan Fasiliti Pendidikan dengan peruntukan sebanyak **RM6.0 juta** iaitu bagi Projek Penyelenggaraan Sekolah-Sekolah YIK dan Program Pembangunan Pondok/Pusat Tarbiah.

3.9 Dalam memenuhi keperluan dan kepentingan semasa, Kerajaan Negeri juga memberi tumpuan kepada Pembangunan Fasiliti Digital di masjid-masjid dan sekolah di bawah kelolaan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan dan Yayasan Islam Kelantan dengan peruntukan sebanyak **RM0.50 juta.**

Yang Berhormat Dato' Speaker,

## 4. TERAS KEDUA: PEMERKASAAN KESEJAHTERAAN KOMUNITI

4.1 Kesejahteraan komuniti bermatlamat agar rakyat menikmati kehidupan yang seimbang, bahagia, selamat dan sejahtera adalah selari dengan matlamat pembangunan lestari.

4.2 Belanjawan 2025 turut menumpukan kepada Melestarikan Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar, Pengurusan Sumber Air Bersepadu Bagi Menangani Isu Kemarau Dan Kekurangan Air, Menangani Isu Banjir dan Bekalan Secara Holistik.

4.3 Tumpuan ini adalah untuk mewujudkan Kelantan Sejahtera ke arah pemerkasaan kesejahteraan komuniti. Oleh itu, di bawah teras Pemerkasaan Kesejahteraan Komuniti diperuntukkan sebanyak **RM69.21 juta** menerusi 4 sektor utama iaitu;

4.3.1 Pertama: Sebanyak **RM27.50 juta** bagi Melestarikan Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar melalui pembangunan Taman Tema Wetland di Tok Bali, Pembangunan Tanah Tinggi Gunung Chamah, Pembangunan Hutan/Hutan Simpan dan Program/Projek usaha Pemindahan Fiskal Ekologi *(Ecological Fiscal Transfer)*.

4.3.2 Kedua: Kerajaan Negeri terus memberi perhatian khusus kepada Pengurusan Sumber Air Bersepadu Bagi Menangani Isu Kemarau Dan Kekurangan Air dengan peruntukan sebanyak **RM15.61 juta** yang sebahagiannya adalah pengambilan tanah bagi tujuan pembinaan 4 loji rawatan air (LRA) iaitu LRA Panggung Lalat, Gua Musang, LRA Merbau Chondong, Pasir Puteh, LRA Pengkalan Nangka, Tumpat dan LRA Serendah, Kota Bharu di bawah projek Bekalan Air Luar Bandar serta menaiktaraf tali air terutama sistem pengairan dan saliran pertanian di Skim Pengairan Belukar, Skim Pengairan Ulu Sat 1 dan Skim Pengairan Hilir Sat 2, Machang.

Peruntukan ini turut meliputi projek pembinaan LRA Kompak bagi Sistem Proses Air Telaga Tiub di Kg. Laut dan Projek Bekalan Air Komuniti melibatkan penambahan sumber air di LRA AKSB Kg Puteh/Chicha, kerja-kerja menaiktaraf 2 tandak air di Machang dan Dabong, kerja- kerja penyelenggaraan dan membaiki tebing sungai melibatkan 8 muka sauk bagi loji rawatan air untuk jaminan sumber air, pembinaan 2 telaga tiub di tapak tangki Kubang Kual dan Taman Rantau Panjang, Pasir Mas dan lain-lain.

4.3.3 Ketiga: Persekitaran dan cabaran kepada perubahan iklim membawa kepada kesan banjir dan kerosakan harta benda. Bagi menangani isu banjir dan bekalan secara holistik, sebanyak **RM8.35 juta** diperuntukkan untuk Projek Pengurusan Bencana dan projek infrastruktur berkaitan.

4.3.4 Keempat: Dalam merealisasikan Kelantanku Sejahtera, sebanyak **RM17.75 juta** diperuntukkan untuk program Kelantanku Bersih, program Kesihatan Awam, program Kesihatan, program Kesejahteraan Rakyat, program Pembangunan Luar Bandar dan usaha-usaha Menangani Gejala Sosial serta memperkasa program Komuniti Rabbani (K-Rabb).

Yang Berhormat Dato' Speaker,

## 5. TERAS KETIGA: PEMBERDAYAAN RAKYAT SECARA BERSASAR DAN KOMPREHENSIF

5.1 Kerajaan Negeri Kelantan sentiasa menitikberatkan soal berkebajikan sebagai agenda utama dalam pembangunan negeri. Belanjawan 2025 memperkenalkan pelbagai program dan insentif ke arah Pemberdayaan Rakyat Secara Bersasar dan Komprehensif melalui Program Pemberdayaan Wanita, Pemerkasaan Usahawan Berwawasan dan Pembangunan Belia Berwibawa serta program galakan pertanian dan penternakan yang menyasarkan peningkatan sosio ekonomi rakyat.

5.2 Bagi menjaga kebajikan dan kesejahteraan rakyat, terdapat 7 sektor yang telah dikenalpasti di dalam teras ini dengan jumlah peruntukan keseluruhan sebanyak **RM96.01 juta**.

5.3 Sebanyak **RM62.02 juta** diperuntukkan bagi kebajikan rakyat yang merangkumi: Bantuan Al-Musa'adah, Bantuan Rumah Dhuafat, Skim Al-It'am, Program Pembelaan Rakyat Miskin dan Skim Kifaalah. Kerajaan Negeri turut membela kebajikan rakyat melalui Bantuan Armalah dan Anak Yatim, Bantuan Khas Al- Barakah, Bantuan Bekalan Air, Elektrik, ICT Desa dan Bantuan penyakit Kronik.

5.4 Sebanyak **RM7 juta** diperuntukkan untuk Pemberdayaan Wanita merangkumi Program Pembangunan dan Kebajikan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Subsidi Mamografi, Elaun Mudarribah dan Insentif Penubuhan Taska di tempat Kerja.

5.5 Kerajaan Negeri juga memperuntukkan sebanyak **RM0.50 juta** bagi bantuan kepada individu berkeperluan khas termasuk bantuan kerusi roda, katil dan anggota tiruan.

5.6 Beberapa langkah strategik diambil untuk menyokong usahawan di negeri Kelantan sekaligus memperkasa industri kecil dan sederhana (IKS) dengan tujuan memperkukuh ekonomi dan meningkatkan taraf hidup rakyat.

5.7 Peruntukkan sebanyak **RM7.95 juta** bagi melahirkan Usahawan Berwawasan yang merangkumi program Usahawan Berdikari, Skim Mikrokredit kepada usahawan yang menawarkan kemudahan pinjaman untuk membantu usahawan kecil dan sederhana (SME) yang ingin memulakan, mengembangkan serta memulihkan semula perniagaan mereka. Selain itu, peruntukan ini turut memberi perhatian kepada peniaga dan penjaja kecil dan Program Jaringan Pasaran Desa.

5.8 Dalam melahirkan belia yang bermaruah yang merupakan aset negara, Kerajaan Negeri sentiasa memberi perhatian khusus kepada pembangunan belia negeri ini dengan memperuntukkan sebanyak **RM9.7 juta** yang merangkumi Program Pembangunan Belia Beliawanis, Gerbang Az-Ziwaj, Pembangunan Belia, Program Pembangunan Sukan dan pembangunan atlet serta Dana Belia Niaga.

5.9 Bagi merealisasikan Kelantan sebagai Jelapang Makanan Negara sebanyak **RM6.79 juta** diperuntukkan bagi petani dan nelayan yang merangkumi Galakan Pertanian dan Penternakan, Bantuan Baja, Program Kemudahan Asas Pertanian, Perikanan dan Haiwan, Promosi Pertanian dan Latihan dan Bantuan Nelayan Pantai, Sungai dan Akuakultur.

5.10 Kelantan diiktiraf sebagai negeri model perpaduan di mana rakyat berbilang kaum hidup aman dan damai di bawah dasar Membangun Bersama Islam yang sentiasa menjaga serta memelihara kebajikan semua lapisan masyarakat. Sebanyak **RM2.05 juta** diperuntukkan merangkumi Program Perpaduan Masyarakat, Program Integrasi Antara Kaum, Pembangunan Orang Asli, Dakwah Orang Asli dan Bukan Islam.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

## 6. TERAS KEEMPAT: PEMBANGUNAN BERASASKAN MODAL OPTIMUM DAN UNJURAN PELAKSANAAN BERKESAN

6.1 Belanjawan 2025 terus menyokong pembangunan negeri melalui pelaksanaan projek-projek pembangunan, meningkatkan infrastruktur dan kemudahan awam, rumah mampu milik, membuka pusat industri baharu, menggalakkan aktiviti pelancongan, meningkatkan potensi pelaburan serta pertumbuhan pembangunan digital.

6.2 Peruntukan sebanyak **RM28.60 juta** bagi penerusan pelaksanaan pembangunan baharu di Kampung Tiong iaitu Madinah As-Salam yang akan muncul sebagai bandar sejahtera.

6.3 Sebanyak **RM37.20 juta** bagi pembangunan Madinah AI-Riadhah Bukit Merbau atau lebih dikenali sebagai Kompleks Sukan Bukit Merbau merupakan kolaboratif pembangunan bersama di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dalam membangunkan kemudahan sukan bertaraf kebangsaan bagi tujuan penganjuran SUKMA Kelantan 2028 dan seterusnya membudayakan gaya hidup sihat bagi rakyat negeri ini dengan fasiliti yang lebih sempurna.

6.4 Sebanyak **RM232.45 juta** diperuntukkan kepada penyelenggaraan jalan, perparitan dan jambatan, terminal dan fasiliti pengangkutan awam termasuk KB Sentral sebanyak **RM7.0 juta**.

6.5 Manakala **RM4.8 juta** bagi Pertumbuhan Pembangunan Ekonomi dan Ekonomi Digital yang meliputi Pertumbuhan Pembangunan dan Ekonomi Jajahan, projek-projek Pelaburan, Dana Galakan Multimedia dan ICT Desa.

6.6 Kerajaan komited dalam menyediakan rumah mampu milik bagi rakyat dengan tujuan membantu golongan berpendapatan rendah dan sederhana memiliki kediaman yang selesa. Sebanyak **RM9.6 juta**

diperuntukkan untuk 4 pakej iaitu Bunut Susu, Kg. Gong Kadok, Meranti II dan Telong.

6.7 Negeri Kelantan merupakan sebuah negeri yang kaya dengan pelbagai budaya, tempat-tempat berteraskan alam semula jadi yang menjadi tarikan para pelancong. Justeru, Kerajaan Negeri memberi perhatian khusus dalam memperkasa sektor pelancongan dengan peruntukan sebanyak **RM18.55 juta** merangkumi Pengambilan Balik Tanah Pantai Cahaya Bulan bagi tujuan menaik taraf prasarana pantai, program 'Indahnya Kelantan 2025', pembinaan Jeti Pelancongan Tok Bali dan lain- lain.

6.8 Bagi merancakkan sektor perindustrian, sebanyak **RM14 juta** disediakan bagi pembukaan Kawasan Industri Baharu Zon Ekonomi Khas (SEZ) Malaysia - Thailand, manakala bagi sektor pelaburan diperuntukkan sebanyak **RM0.90 juta** untuk menarik pelabur asing dan domestik menerusi pelbagai program misi pelaburan dan promosi.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

## 7. TERAS KELIMA: KECEMERLANGAN KECEKAPAN PENTADBIRAN & KEMAMPANAN KEWANGAN KERAJAAN.

7.1 Kerajaan Negeri akan terus memacu kecemerlangan pentadbiran dan kemampanan kewangan kerajaan melalui strategi yang berkesan melalui peningkatan rizab tunai dan kecekapan kaedah pungutan cukai.

Langkah ini akan dapat dicapai melalui kecemerlangan tadbir urus yang berintegriti, latihan dan kompetensi yang menyeluruh serta peningkatan sistem penyampaian digital Kerajaan.

7.2 **RM154.08 juta** diperuntukkan bagi emolumen kakitangan tetap mengambil kira pelarasan gaji di bawah Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) dan tambahan **RM12.50 juta** bagi tujuan pengisian penuh perjawatan di jabatan-jabatan negeri sehingga **85 peratus**.

7.3 Sebanyak **RM8.2 juta** diperuntukkan bagi membantu mengukuhkan aliran tunai Badan Berkanun Kerajaan dan PBT.

7.4 **RM21.11 juta** bagi tenaga pengajar Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) yang merangkumi **3,417** orang Guru Al-Quran, Guru Fardu Ain, Guru Pondok, Mudir dan Penolong Mudir dan Guru Halaqat serta **1,595** orang Imam dan Bilal.

Menerusi peruntukan ini, Kerajaan Negeri bersetuju untuk menaikkan elaun guru al-Quran dan fardu ain sebanyak **RM70**, daripada **RM200** kepada **RM270** seorang, manakala Pengelola, Pegawai dan pembantu Dakwah Halaqat Kawasan masing- masing bakal menikmati kenaikan elaun berjumlah **RM300** seorang bermula Januari 2025 menjadikan kenaikan bagi Pengelola Dakwah Halaqat daripada **RM1,550** kepada **RM1,850**, Pegawai Halaqat daripada **RM900** kepada **RM1,200** dan Pembantu Halaqat pula daripada **RM600** kepada **RM900**.

Kenaikan ini mengambil kira peranan penting Dakwah Halaqat serta guru al-Quran dan fardu ain dalam aspek penyuburan kefahaman agama kepada masyarakat yang melibatkan kenaikan implikasi kewangan sebanyak **RM4.29 juta.**

7.5 Sebanyak **RM5.21 juta** untuk pendigitalan penyampaian perkhidmatan melibatkan Sistem e-MARRIS, pelebaran rangkaian jalur lebar TM Net melibatkan 40 buah agensi kerajaan, infrastruktur bagi sistem aplikasi Kerajaan serta program pembangunan sains dan teknologi bagi meningkatkan literasi dan kemahiran digital.

7.6 Bagi mewujudkan persekitaran kerja selamat dan kondusif, **RM18.47 juta** diperuntukkan kepada kerja-kerja pendawaian semula Dewan Besar Kompleks Islam Darulnaim, Pejabat Tanah dan Jajahan Tumpat dan Pejabat Urus Setia Pelancongan Negeri, projek kerja-kerja membina dan menyiapkan bangunan tambahan Pejabat Tanah dan Jajahan Bachok serta naik taraf Dewan

Mahkamah Tinggi Mahkamah Rendah Syariah Machang.

7.7 **RM1.5 juta** bagi Pengembangan Bakat dan Kompetensi bertujuan meningkatkan taraf pendidikan, memantapkan ilmu pengetahuan, mengasah kemahiran analitik dan pengurusan risiko serta mengoptimumkan prestasi dan produktiviti penjawat awam.

7.8 Dalam memastikan beca yang juga merupakan pengangkutan tradisional sebagai ikon pelancongan negeri Kelantan tidak dipinggirkan, Kerajaan Negeri bersetuju untuk menaikkan elaun penarik-penarik beca dari **RM100** kepada **RM500** sebulan bermula Januari 2025 kepada 17 orang penarik beca yang berdaftar dengan Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (TIC).

7.9 Sebagai menghargai jasa dan bakti Pegawai dan Kakitangan Kerajaan Negeri yang telah menjalankan tanggungjawab dengan penuh integriti dalam membangunkan negeri, maka dengan penuh sukacitanya saya mengumumkan Bantuan Khas Kewangan sebanyak **RM500** seorang kepada semua penjawat awam Gred 56 dan ke bawah termasuk lantikan kontrak.

7.10 Bayaran Bantuan Khas Kewangan ini juga akan dipanjangkan kepada lantikan-lantikan politik yang mana jumlahnya akan ditentukan oleh pihak Kerajaan Negeri.

7.11 Bayaran tersebut akan disalurkan pada bulan Februari 2025 dengan implikasi kewangan sebanyak **RM4.97 juta.**

7.12 Sebagai sebuah Kerajaan Negeri yang adil, prihatin dan berkebajikan bahawa dengan ini saya umumkan pemberian diskaun sebanyak **90 peratus** ke atas tunggakan denda cukai tanah kepada seluruh rakyat negeri Kelantan.

7.13 Tempoh tawaran diskaun ini akan dapat dinikmati oleh rakyat Kelantan bagi tempoh **satu (1) bulan** bermula **01 Disember 2024** hingga **30 Disember 2024** tertakluk kepada kaedah bayaran sebagaimana Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Kelantan Bilangan 1 Tahun 2024.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

## 8. UCAPAN PENGHARGAAN

Izinkan saya mengambil peluang ini untuk menyampaikan setinggi- tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat, para pegawai dan kakitangan kerajaan, badan-badan berkanun, pihak berkuasa tempatan, pegawai serta anggota keselamatan, pemimpin masyarakat dan seluruh rakyat Kelantan yang telah bersama-sama berusaha untuk membina kesatuan, keamanan dan kemakmuran demi kesejahteraan negeri tercinta.

Di samping itu, Kerajaan Negeri turut merakamkan rasa terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan atas jalinan kerjasama yang erat. Kerjasama ini memainkan peranan penting dalam memastikan rakyat Kelantan dapat menikmati pelbagai manfaat hasil daripada program pembangunan yang sedang atau akan dilaksanakan, termasuk yang sedang dalam proses kajian serta perundingan.

## 9. PENUTUP

Allah SWT berfirman:

فَسَتَذْكُرُونَ مَآ أَقُولُ لَكُمْ ۚ وَأُفَوِّضُ أَمْرِىٓ إِلَى ٱللَّهِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ بَصِيرٌۢ بِٱلْعِبَادِ

Maksudnya: *"(Kiranya kamu tetap berdegil sekarang) maka kamu sudah tentu akan mengetahui kebenaran apa yang aku katakan kepada kamu; dan aku sentiasa menyerahkan urusanku bulat-bulat kepada Allah (untuk memeliharaku); sesungguhnya Allah Maha Melihat akan keadaan hamba-hambaNya".*

(Surah Ghafir: ayat 44)

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Kerajaan Negeri berharap dengan peruntukan Belanjawan 2025 ini, insya-Allah Negeri Kelantan akan terus maju, sejahtera, dan berkebajikan demi kesejahteraan rakyat, bukan hanya di dunia tetapi juga di akhirat.

Marilah kita bersama-sama berdoa agar Allah SWT mengurniakan kesihatan, keberkatan dan rahmat-Nya kepada kita semua. Semoga Belanjawan Negeri Kelantan Tahun 2025 yang bertemakan **"Keberkatan, Kesejahteraan dan Keseimbangan Untuk Kemakmuran Negeri"** Ini dilimpahi rahmat dan keberkatan daripada-Nya.

Sama-samalah kita berbincang dan berbahas dengan penuh tertib dan adab, serta mengemukakan cadangan yang bernas demi kesejahteraan rakyat dan kemajuan Negeri Kelantan berpandukan prinsip maqasid syariah sebagai panduan utama.

Akhir kata, saya menyeru semua Ahli Dewan yang mulia ini untuk terus berganding bahu dengan kerajaan dalam usaha memastikan kesejahteraan rakyat terus terpelihara dan Kelantan terus makmur.

*Sepakat berkawan erat perpaduan,*
*Anutan rakyat Kelantan bestari,*
*Teras Keberkatan, Kesejahteraan,*
*Keseimbangan, Asas belanjawan memakmurkan Negeri.*

Untuk itu, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan.

**YB DATO' TIMBALAN MENTERI BESAR** : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

**YB DATO' SPEAKER :**

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya berhasrat untuk menangguhkan persidangan pada hari ini. Persidangan akan disambung semula pada hari Ahad 22 Jamadil Awal 1446H bersamaan 24 November 2024M bermula jam 09.00 pagi. Perbahasan bagi belanjawan yang dibentangkan akan dibuat pada hari tersebut. Dengan ini persidangan ditangguh dengan bacaan tasbih Kafarah dan Suratul Asr.

**PERSIDANGAN DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 01.00 TENGAHARI DAN AKAN BERSIDANG SEMULA PADA HARI AHAD, 24 NOVEMBER 2024 JAM 09.00 PAGI.**

**PERSIDANGAN KALI KETIGA (BELANJAWAN)**
**BAGI TEMPOH PENGGAL KEDUA**
**DEWAN NEGERI KELANTAN KELIMABELAS**
**==========**
**[ 22 JAMADIL AWAL 1446H / 24HB NOVEMBER 2024]**

**AHLI-AHLI YANG HADIR**

| BIL | NAMA | KAWASAN |
|---|---|---|
| 1. | **YB DATO' SRI AMAR D'RAJA DATO' HJ MOHD AMAR B ABDULLAH**<br>***S.J.M.K.,D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)*** | **PANCHOR / SPEAKER** |
| 2. | **YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' HJ MOHD NASSURUDDIN B HJ DAUD**<br>***S.J.M.K.,D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)***<br>(Pengerusi Jawatankuasa Perancangan, Pentadbiran Awam, Kewangan, Ekonomi & Tanah) | **MERANTI / MENTERI BESAR** |
| 3. | **YB DATO' DR. HJ MOHAMED FADZLI B DATO' HJ HASSAN**<br>***D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)***<br>(Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wilayah, Sumber Asli, Integriti, Pembangunan Insan & Undang-undang) | **TEMANGAN / TIMBALAN MENTERI BESAR** |
| 4. | **YB MEJ. (B) DATO' HJ MD ANIZAM B AB RAHMAN**<br>***D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)***<br>(Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia. Perdagangan & Keusahawanan) | **KEMAHANG** |
| 5. | **YB DATO' DR. IZANI B HAJI HUSIN**<br>***D.J.M.K. (Kelantan)***<br>(Pengerusi Jawatankuasa Kerjaraya, Infrastruktur, Air & Pembangunan Luar Bandar) | **KIJANG** |
| 6. | **YB TUAN HJ SARIPUDIN B TUAN ISMAIL**<br>***J.M.K. (Kelantan)***<br>(Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan & Komoditi) | **SELISING** |

| | | |
|---|---|---|
| 7. | **YB HJ WAN ROSLAN B WAN HAMAT**<br>***J.M.K., A.S.K.***<br>(Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital & Inovasi) | **PENGKALAN KUBOR** |
| 8. | **YB MOHD ASRI B MAT DAUD**<br>(Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan & Hubungan Seranta) | **DEMIT** |
| 9. | **YB TUAN HILMI B ABDULLAH**<br>(Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan & Alam Sekitar) | **GUCHIL** |
| 10. | **YB PUAN HJH ROHANI BT IBRAHIM**<br>***J.M.K., S.M.K.***<br>(Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga & Wanita) | **TANJONG MAS** |
| 11. | **YB ZAMAKHSHARI B MUHAMAD**<br>(Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, NGO & Perpaduan Masyarakat) | **APAM PUTRA** |
| 12. | **YB DATUK KAMARUDIN B MD NOR**<br>***D.M.S.M.,A.M.N.***<br>(Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian & Warisan) | **AYER LANAS** |
| 13. | **YB DATO' MOHAMED FARID B MOHAMED ZAWAWI**<br>***D.I.M.P.*** | **KOK LANAS / TIMBALAN SPEAKER** |
| 14. | **YB DATO' BENTARA KANAN USTAZ DATO' HJ AHMAD B YAKOB**<br>***S.J.M.K.,.D.J.M.K.,S.M.K.,J.P.*** | **PASIR PEKAN** |
| 15. | **YB DATO' SR HJ AZAMI B MOHD NOR**<br>***D.J.M.K.,J.M.K.*** | **KADOK** |
| 16. | **YB DATO' HJ ABDUL FATTAH B MAHMOOD**<br>***D.J.M.K.,J.M.K.*** | **BUKIT PANAU** |
| 17. | **YB TUAN HJ MOHD FAUZI B ABDULLAH**<br>***J.M.K*** | **MANEK URAI** |
| 18. | **YB TUAN HJ MOHD HUZAIMY B CHE HUSSIN**<br>***J.M.K.,A.K.*** | **PANTAI IRAMA** |

| | | |
|---|---|---|
| 19. | **YB TUAN ROZI B MUHAMAD**<br>**J.M.K** | **TENDONG** |
| 20. | **YB TUAN AZHAR B SALLEH**<br>***A.S.K.*** | **PULAI CHONDONG** |
| 21. | **YB TUAN HJ ZURAIDIN B ABDULLAH** | **CHETOK** |
| 22. | **YB TUAN MOHD RUSLI B ABDULLAH** | **WAKAF BHARU** |
| 23. | **YB KU MOHD ZAKI B KU HUSIN** | **DABONG** |
| 24. | **YB TUAN MOHD RODZI B JAAFAR** | **GAAL** |
| 25. | **YB TUAN HJ MOHD ADANAN B HASSAN**<br>***J.M.K.*** | **KELABORAN** |
| 26. | **YB TUAN WAN ROHIMI B WAN DAUD**<br>***A.K.,J.S.M.*** | **MELOR** |
| 27. | **YB TUAN KAMARUZAMAN B MOHAMAD**<br>***J.S.M.*** | **GUAL PERIOK** |
| 28. | **YB TUAN NIK BAHRUM B NIK ABDULLLAH**<br>***A.S.K.*** | **CHEMPAKA** |
| 29. | **YB TUAN BAHARI B MOHAMAD NOR** | **GUAL IPOH** |
| 30. | **YB NOR ASILAH B MOHAMED ZIN** | **LIMBONGAN** |
| 31. | **YB TUAN ZAMERI B MAT NAWANG** | **JELAWAT** |
| 32. | **YB TUAN MOHAMAD NASRIFF B DAUD @ DAUD YATIMEE** | **PENGKALAN PASIR** |
| 33. | **YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN**<br>***A.K.*** | **BUNUT PAYONG** |
| 34. | **YB DATO' SHAARI B MAT HUSSAIN**<br>***D.P.T.J.*** | **PALOH** |
| 35. | **YB DATO' ABDUL HADI B AWANG KECHIL**<br>***D.P.S.K., P.S.K. (Kelantan), J.M.N., K.M.N.*** | **KUALA BALAH** |
| 36. | **YB TUAN ZUBIR B ABU BAKAR** | **MENGKEBANG** |
| 37. | **YB TUAN SAIZOL B ISMAIL** | **SALOR** |

| | | |
|---|---|---|
| 38. | **YB TUAN HARUN B ISMAIL** | **TAWANG** |
| 39. | **YB TUAN AHMAD ZAKHRAN B MAT NOOR** | **KEMUNING** |
| 40. | **YB TUAN MOHD ALMIDI B JAAFAR** | **BUKIT BUNGA** |
| 41. | **YB TUAN NOR SHAM B SULAIMAN** | **SEMERAK** |
| 42. | **YB TUAN MOHD AZIZI B ABU NAIM** | **NENGGIRI** |
| 43. | **YB DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM** | **KOTA LAMA** |
| 44. | **YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN B HASHIM** *J.M.K.* | **GALAS** |

**TIDAK HADIR DENGAN MAAF :**

| | | |
|---|---|---|
| 1. | **YB TUAN HJ ABD. RAHMAN B YUNUS** *J.M.K.* | **PASIR TUMBOH** |

**AHLI MENURUT**
**PERKARA 13(3)**
**UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN TUBUH KERAJAAN KELANTAN,**
**BAHAGIAN PERTAMA**

YB DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD
[DATO' KAYA SETIA SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN]
*S.P.S.K.,D.P.S.K.(KELANTAN),P.S.K.,B.S.K.,A.S.K.*

YB DATO' IDHAM BIN HAJI ABD GHANI
[PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI KELANTAN]
*D.P.S.K. (Kelantan)*

YBM TENGKU KAYA PERKASA
DATO' DR TENGKU MOHAMED FAZIHARUDEAN BIN TENGKU FEISSAL
[PEGAWAI KEWANGAN NEGERI KELANTAN]
*D.J.M.K. (Kelantan)*

**SETIAUSAHA DEWAN NEGERI**
**KELANTAN**

[MOHD FADZIL AZNAN BIN ABDUL AZIZ]
*A.S.K.*

**PERSIDANGAN KALI KETIGA**
**BAGI TEMPOH PENGGAL KEDUA [BELANJAWAN]**
**DEWAN NEGERI KELANTAN**
**YANG KELIMABELAS**
**PADA 19, 22, 23, 24 DAN 25 JAMADIL AWAL 1446H /**
**[ 21HB, 24HB, 25HB, 26HB DAN 27HB NOVEMBER 2024]/**
**HARI KHAMIS, AHAD, ISNIN, SELASA, DAN RABU**
**==========**

**SETIAUSAHA :** Susunan Urusan Persidangan Yang Pertama, Doa….

**I. .. DOA**

**[ SAMBIL BERDIRI ]**

**SETIAUSAHA :** Susunan Urusan Persidangan yang Kedua, Ucapan Yang Berhormat Dato Speaker.

**II. UCAPAN YB TIMBALAN SPEAKER :**

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Ahli-ahli Berhormat sekalian, saya telah menerima sepucuk surat permohonan daripada Adun Pasir Tumboh, Yang Berhormat Dato' Haji Abd Rahman Bin Yunus untuk mohon cuti persidangan pada hari ini kerana menghadiri Konvokesyen anak di Universiti Sultan Azlan Shah Kuala Kangsar, Perak.

**III. - SOALAN-SOALAN YANG DIBERITAHU**

**SETIAUSAHA :** Susunan Urusan Persidangan Yang Ketiga, Soalan-Soalan Yang Diberitahu.

Soalan-soalan yang dikemukan untuk mendapat **Jawapan Mulut.**

**YB TIMBALAN SPEAKER :**

Dipersilakan Chetok, Yang Berhormat Chetok…

**YB. TUAN ZURAIDIN BIN ABDULLAH :**

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Speaker, mohon jawapan saya soalan nombor 1.

Soalan 1:

*[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, Apakah status jawatankuasa yang mengkaji penggubalan semula 16 seksyen yang telah di batalkan dalam EKJS?]*

**YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN :**

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Chetok.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menubuhkan jawatankuasa khas iaitu Jawatankuasa Induk Pindaan Enakmen Kanun Jenayah Syariah 12019 yang dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Besar, manakala Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam Dakwah Penerangan Dan Hubungan seranta Dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Induk tersebut. Yang Berhormat Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan telah dilantik sebagai Setiausaha manakala Ahli Jawatankuasa yang lain terdiri daripada Yang Berhomat Dato' Kaya Perba Mufti Negeri Kelantan, Yang Amat Arif Dato' Ketua Hakim Syarie Negeri Kelantan, Yang Berbahagia Dato' Pengerusi Jawatankuasa Undang-Undang Majlis Agama Islam Negeri Kelantan, Yang Amat Berusaha Pengarah JAHEIAK, Yang Berusaha Ketua Pendakwa Syarie, Yang Berusaha Pengarah BAHU, Yang Berusaha Pegawai Undang-Undang Majlis Agama Islam.

Selain itu, dua orang Ahli Dewan Undangan Negeri telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Induk iaitu Yang Berhormat Adun Melor, Dan Yang Berhormat Adun Chempaka yang juga merupakan Timbalan Exco.

Antara skop dan tanggungjawab jawatankuasa ini adalah membuat kajian berkenaan kesan pembatalan 16 peruntukan terhadap peruntukan-peruntukan sedia ada, membuat kajian terhadap 16 peruntukan yang terbatal dan peruntukan yang berkaitan, mencadangkan draf gubalan 16 peruntukan terbatal termasuk mana-mana peruntukan yang berkaitan

dan membentuk satu jawatankuasa terknikal bagi pelaksanaan kajian, untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker dan juga Ahli-Ahli Yang Berhormat, jawatankuasa ini telah pun bersidang dan jawatankuasa telah bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Teknikal yang terdiri daripada wakil-wakil Jabatan Kerajaan negeri antaranya daripada Pejabat Penasihat Undang-undang Majlis Agama Islam, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Kehakiman Dan Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri termasuklah beberapa orang pengamal undang-undang serta ahli-ahli akademik bagi melaksanakan kajian.

Seterusnya, menyediakan draf gubalan 16 peruntukan tersebut. Pindaan enakmen ini, dijangka akan dibentangkan dalam persidangan dewan undangan negeri tahun hadapan, In Shaa Allah.

Terima kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Silakan Chetok, Soalan tambahan.

**YB TUAN ZURAINDIN BIN ABDULLAH :**

*Soalan Tambahan :*

Terima Kasih kepada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri Besar di atas jawapan yang telah diberikan. Selain daripada pihak Kerajaan telah memberikan fokus kepada 16 seksyen yang telah terbatal. Adakah pihak Kerajaan juga melihat secara keseluruhan enakmen ini supaya tidak ada lagi cabaran dari pihak yang tidak bertanggungjawab sepertimana yang telah berlaku pada 16 seksyen yang lepas.

**YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN :**

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih diatas soalan tambahan tersebut ya.

Kita akan mengkaji secara keseluruhan bukan sahaja terhadap 16 seksyen yang telah terbatal. Sebaliknya, melihat secara keseluruhan enakmen tersebut bagi memastikan apa yang telah berlaku itu tidak akan berlaku lagi pada masa yang akan datang tetapi dalam masa yang sama kita nak memastikan bahawa undang-undang syariah dapat dilaksanakan semaksimanya dalam kerangka perlembagaan.

Itulah yang sebenarnya menjadi cita-cita kita. In Shaa Allah. Untuk mengiktiraf Mahkamah Syariah dan juga melaksanakan undang-undang syariah dalam bidang kuasa yang dibenarkan.

In Shaa Allah, Terima Kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Silakan, Limbongan.

**YB PUAN NOR ASILAH BINTI MOHAMED ZIN :**

Baik terima kasih Dato' Speaker,

Soalan tambahan saya, adakah Kerajaan Negeri Kelantan berhasrat untuk meminda dan memperkukuhkan peranan Insitusi Mahkamah Syariah dalam Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Negeri Kelantan. Dan sekiranya ada bilakah pelaksanaan tersebut akan dilaksanakan? Terima kasih.

**YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN :**

Terima kasih kepada Limbongan di atas sebenarnya saya, Kerajaan menganggap ia adalah satu-satu cadangan yang baik. Yang sebenarnya kerajaan memang sudah pun timbangkan kita sedang usaha untuk memperkukuhkan kedudukan Mahkamah Syariah, dengan kita meletakkan ianya dalam kerangka undang-undang tubuh Negeri Kelantan.

Walaubagaimanapun, kajian secara telitinya sedang kita buat dengan secara terperinci dan juga kita akan ambik pandangan daripada pihak-pihak yang berkepentingan. In shaa Allah. Ianya adalah satu cadangan yang baik dan memang kerajaan sudah pun mengambil tindakan kearah itu. Terima Kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Silakan Kota Lama.

**YB. DR HAFIDZAH BINTI HJ. MUSTAKIM :**

Terima kasih kepada Dato' Speaker, soalan tambahan saya adalah sebelum saya menanyakan soalan ini saya ingin menyatakan sokongan kepada Enakmen Kanun Jenayah Syariah 2, yang bakal digubal semula kelak.

Persoalan saya apakah dalam peggubalan ini, tadi Dato' Timbalan Menteri Besar telah menyebutkan bahawa perkara ini akan dilihat secara keseluruhannya tetapi soalan spesifik saya adakah 16 seksyen ini akan digubal semula dan mungkin adakah Kerajaan berhajat untuk memperkasakan Mahkamah Syariah di Negeri Kelantan ini.

Saya bagi contoh kalau ada orang awam yang diliwat ataupun dituduh meliwat contohnya yang terkandung dalam 16, salah satu dalam 16 seksyen ini amalan yang biasa dia tidak akan dibawa ke Mahkamah Syariah kerana limitasi Mahkamah itu mungkin dia tidak ada Polisnya, dan sebagainya mungkin boleh dicerahkan sikit perkara ini? Terima kasih.

**YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN :**

Terima kasih Yang Berhormat Kota Lama kalau Yang Berhomat Kota Lama masih lagi ingat sesi yang lepas kita telah membuat satu keputusan secara bulat suara di Dewan ini untuk kita mengubal semula 16 Seksyen yang telah terbatal itu, Terima kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Dipersilakan Gual Periuk.

**YB TUAN KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD :**

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Speaker mohon jawapan saya nombor 2.

Soalan 2:

*[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, bagaimanakah perkembangan proses baik pulih sumber air bersih AKSB untuk kawasan Bandar Bebas Cukai Rantau Panjang kerana terdapat kawasan kediaman dan kawasan pusat membeli belah Rantau Panjang masih terputus bekalan air bersih. Ini menjejaskan keselesaan penduduk dan pelancong yang hadir ke Bandar Rantau Panjang?]*

**YB DATO' DR. HAJI IZANI BIN HUSIN :**

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Gual Periuk. AKSB maklum bahawa bekalan air di Rantau Panjang tidak mencukupi. Dan untuk itu kita telahpun mengaktifkan mengaktifkan *tiub well* yang sedia ada yang berjumlah kapasiti 1.35 JLH. Namun demikian, dengan pengaktifan tersebut juga air tidak mencukupi Rantau Panjang. Justeru itu kita merancang memohon daripada (ECERDC) untuk satu lagi projek

ini, projek loji Kelar 2 yang telah diluluskan dan In Shaa Allah berkapasiti 25 JLH. Dan In Shaa Allah benda tu akan siap dalam jangkaan kita 2028.

Dengan siapnya loji Kelar 2 yang berkapasiti 25 JLH kita jangka bahawa air atau *supply* air di Gua Musang akan mencukupi setakat ni telah diluluskan tender harga tender melebihi daripada harga yang tersenarai maka ditender semula.

Dan In Shaa Allah Bulan 12 ni akan tamat. Apa tu, tempoh untuk ditender semula . Terima Kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Silakan Gual Periuk.

**YB TUAN KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD :**

Terima kasih Exco atas jawapan yang diberikan. Kalau itu tempoh masa untuk proses menyiapkan itu agak masih dalam tempoh yang agak panjang jadi apakah langkah strategik mungkin jangka pendek, jangka sederhana yang diambil oleh AKSB untuk mempercepatkan proses pemulihan sumber air di Rantau Panjang terutama sekali di musim-musim perayaan dan juga musim cuti sekolah.

Terima kasih.

**YB DATO' DR. HAJI IZANI BIN HUSIN :**

Terima kasih Gual Periuk, dalam bajet yang dibentangkan baru ini kita telah memohon daripada Kerajaan untuk lebihan RM 2 Juta. Dan tujuan RM 2 Juta ini ialah untuk membina *tubewell –tubewell* dipinggir kawasan yang tidak mencukupi air. Dan salah satu tempat yang kita spot untuk dibuat ialah Rantau Panjang.

Terima Kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Silakan Pengkalan Pasir

**YB TUAN MOHAMAD NASRIFF BIN DAUD @ DAUD YATIMEE :**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya tambahan saya adalah kalau kita lihat permasalahan bekalan air ni berlanjutan. Dan salah satu penyelesaian jangka masa pendek dengan penyediaan lori tangki oleh AKSB. Dan saya difahamkan di jajahan Pasir Mas dan juga Rantau Panjang beberapa buah lori disediakan.

Tapi adakah kerajaan bercadang untuk menambahkan lagi bilangan lori AKSB untuk dihantar bekalan air kepada tangka-tangki statik yang diletakkan diseluruh kampung.

**YB DATO' DR. HAJI IZANI BIN HUSIN :**

Terima kasih Pengkalan Pasir.

Mengenai lori LR apatu LRK, lori air ni sebenarnya kalau kita banyakkan lori air ni sebenarnya membesarkan atau meningkatkan lagi NRW kerana ia air yang percuma. Ia sangat merugikan, merugikan kerajaan kerana air itu diberi secara percuma dan ia tanggungan kerajaan.

Justeru itu, yang sepatutnya ialah kita mengurangkan lori air betul kei? Betul kei PKN? PKS setuju mena dengan saya. Kita mengurangkan ni kerana impak kepada kewangan negeri tu sendiri. Dan kita tok duk sajo. Kita seperti saya duk sebut sokmo bahawa AKSB kita telah merancang.

Sedemikian rupa dan In Shaa Allah bekalan-bekalan air mengikut loji-loji yang kita ada sekarang ini daripada 43 dijangka siap kepada 54 butir lori, loji air ni kita jangka by 27, 26,27,28 tu air kita akan mencukupi. Dan dari masa ke semasa kita akan melihat keperluan lori ni, kalau dia dah sapa dah air , kita akan mengurangkan air tu sikit demi sedikit lori air LLEK ini. Terima kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Dipersilakan Yang Berhormat Mengkebang.

**YB TUAN ZUBIR BIN ABU BAKAR :**

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Speaker pohon jawapan untuk soalan nombor 3.

Soalan 3 :

*[ Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan sejauh mana pencapaian Perbadanan kemajuan Pertanian Negeri Kelantan?]*

**YB DATO' HAJI TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :**

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Mengkebang. Yang bertanya pencapaian Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan (PKPNK), PKPNK memulakan operasinya pada pertengahan tahun 2019.

Setakat ini, terdapat empat projek pembinaan yang telah berlangsung dan menampakkan hasil.

Pertama, Projek Tanaman Hidroponik dan Fertigasi yang dimulakan pada tahun 2010, buat masa kini pihak Badan Perbadanan telah pun mempunyai sebanyak 17 buah struktur pelindung hujan untuk Tanaman Hidroponik secara Hidroponik dan Fertigasi.

Bagi tanaman sawi, anggaran jumlah keluaran keseluruhan adalah 57 ri, 53 ribu, 700 pot. 6 pot bersamaan 1 kg sawi, bagi tanaman cili kulai pula jumlah pokok yang boleh ditanam adalah sekitar 2000 pokok.

Yang kedua, Projek Tanaman Tebu Telur melalui kerjasama dengan pihak Persatuan Peladang Kawasan Sri Gunung. Pihak PKPNK telah mengadakan projek tanaman ataupun seluas 80 ekar yang dijangka akan ditanam secara berperingkat-peringkat bermula tahun ini.

Projek ini merupakan projek yang dapat meningkatkan sosio ekonomi penduduk setempat. Dan juga Negeri Kelantan melalui tanaman tebu komuniti yang mana pasaran kepada projek ini ialah antaranya ke Johor dan seterusnya ke Singapura.

Yang ketiga Projek Penternakan Lembu Pedaging Secara *Hybrid* namun pedaging *hybrid*. Pihak perbadanan telah menjalankan projek penternakan untuk pedaging *hybrid* bermula dengan 30 ekor lembu induk *charolais* untuk fasa pertama dan sekarang mempunyai 30 ekor anak baru yang dilahirkan.

Yang keempat, Kilang Penghasilan Cuka, Dokong dan Rambutan di Pengkalan Chepa. Ini sebagai Pusat Alternatif untuk mengurangkan kesan lambakan barang bermusim di Negeri Kelantan.

Dan empat projek yang sedang dalam pembinaan dan kerjasama Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan Malaysia.

Pertama pembinaan struktur reban ayam tertutup secara automatik sebagai menyahut seruan Kerajaan Malaysia agar ternakan ayam dijalankan secara tertutup menjelang tahun 2030.

Yang kedua, Pembangunan Pusat Akuakutur Ikan Air Tawar ia sebagai sumber benih bagi air tawar seperti Keli dan Tilapia merah yang sekarang ini kita mengambil daripada negeri luar seperti daripada Kedah dan Perak.

Yang ketiga, penambahbaikan Infrastruktur Pengairan Sumber Air untuk tanaman dan ternakan yang dilaksanakan di Danau Tok Uban sebagai mengatasi masalah sumber air yang biasanya berlaku di musim kemarau yang panjang.

Yang keempat, projek Pembangunan Sumber Makanan Ternakan yang sedang dibangunkan di Kawasan Pembangunan Agrovalley Rong Chenok Pasir Mas yang sekarang ini melibatkan seluas 40 ekar dan mempunyai kawasan-kawasan yang boleh dibangunkan lagi.

Seterusnya, empat projek baharu yang sedang dirancangkan. In Shaa Allah akan dilaksanakan bermula tahun hadapan.

Pertama, projek ternakan ruminen ternakan lembu jenis baka Kedah-Kelantan (KK) secara intergasi lepas bebas di atas tanah berkeluasan 70 Ekor di Kg Wek, Machang.

Yang kedua, projek penternakan ayam kampong atau ayam kacukan jenis Saso diatas tanah berkeluasan 5 ekar bagi fasa pertama juga di Kg Wek, Machang.

Yang ketiga, projek pembangunan ternakan Ikan Kerapu projek ini akan dijalankan di atas tanah seluas 10 ekor bertempat di Kg Pantai, Genting Tumpat.

Seterusnya yang keempat, dalam proses perbincangan untuk membangunkan ladang tenusu dengan kerjasama ECRDC.

Sekian Terima Kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Silakan Mengkebang.

**YB TUAN ZUBIR BIN ABU BAKAR :**

Terima kasih Yang Berhormat Exco atas jawapan yang lagi hebat dan mantap.

Soalan tambahan, saya bagaimanakah PKPNK akan berfungsi dengan merencakan agenda pemasaran produk hiliran. Dengan izin, *down street activities* bagi pertanian di Negeri Kelantan.

Terima kasih.

**YB DATO' HAJI TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :**

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih soalan tambahan dari Mengkebang.

Antara perancangan dan yang sedang dilaksanakan oleh PKPNK dalam merancakkan produk pemasaran produk hiliran usahawan-usahawan kita ialah:

Yang Pertama, menyediakan Platform Pasar Rakyat Kel-Agro dan serta penglibatan di dalam pameran dalam ekspo-ekspo. PKPNK kini punya satu penjanaan iaitu produk yang dinamakan Kel-Agro kini pasar rakyat kel-agro sedang aktif membantu rakyat Kelantan dengan menyediakan barang-barang keperluan harian dengan harga yang punyai harga subsidi daripada Kerajaan.

Yang kedua, membina Usahawan IKS dibawah PKNPK yang dinamakan usahawan IKS KEL-AGRO.

Yang ketiga, meningkatkan kualiti produk *upstream* kepada *downstream* supaya para usahawan dapat memasarkan produk-produk mereka dengan lebih baik. Dengan cara *packaging* yang dapat sesuai meluaskan pasarannya ke negeri lain ataupun kepada luar negara.

Yang keempat, mengadakan pusat kumpulan produk hiliran yang In Shaa Allah dengan wujudnya pusat ini. Para usahawan dapat dibantu memasarkan produk-produk mereka dengan lebih meluas.

Sekian Terima kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Silakan Galas.

**YB TUAN MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Exco Kelantan akan mengeluarkan Agro Darulnaim yang mana peruntukan khas telah diberikan untuk Negeri kita membina kilang beras ini.

Soalan tambahan saya, saya dimaklumkan bahawasanya kita akan dijangka mampulah mengeluarkan kilang ini dijangka mengeluarkan kilang sehingga 40 ribu tan beras.

Soalan tambahan saya, pertama berapakah keperluan keseluruhan padi ataupun beras untuk Negeri Kelantan? Dan yang kedua, ada pihak Perbadanan Kemajuan Pertanian punyai perancangan untuk membuka Ladang Musang King. Kerana kita tahu Musang King di Negeri Kelantan punyai pasaran yang luas di luar Negara. Yang banyak mengusahkan Musang King ialah bukan daripada Perbadanan.

Jadi apakah Perbadanan mempunyai perancangan untuk membuka Ladang Musang King yang diuruskan sendiri oleh Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan?

Terima kasih.

**YB DATO' HAJI TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih soalan tambahan daripada Galas berkenaan dengan In Shaa Allah Kerajaan Negeri Kelantan dalam proses lah mengusahakan supaya beras keluaran Negeri Kelantan seperti beras Kelantan Darulnaim dapat dikeluarkan. Kita dalam proses In Shaa Allah kita boleh tengok sekiranya berhasil mungkin di tahun hadapan lah In Shaa Allah.

Berkenaan dengan beras ni kalau kita tengok per kapita, rakyat Kelantan ni kira makan beras atas seorang tu kira-kira 79 kilo sehari eh setahun. Setahun, setahun. Kalau kita tengok jumlah penggunaannya ialah dengan rakyat Malaysia, kita kata campur dengan rakyat Kelantan yang berada di seluruh Negara lah. 1.9 juta ni penggunaan nya sebanyak 152,470 metrik tan. Kalau makan banyak pun sekat tu jah. In Shaa Allah sedangkan pengeluaran kita adalah melebihi iaitu sebanyak 186,930 metrik tan.

Sebab itulah di bawah statistik Jabatan Pertanian menyebut tahap sara diri kita SSL atau pun SSR 122.60 % bagi beras di Negeri Kelantan ini. In

Shaa Allah itu cadangan yang baik untuk PKNPK menerokai bidang Ladang Musang King. Di mana kita ada peluang di kawasan rancangan khas Bandar Datuk Bentara di Gua Musang yang ada kawasan pertanian disediakan. In Shaa Allah kita akan membuat kajian.

Sekian terima kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Dipersilakan Yang Berhormat Kuala Balah.

**YB DATO' ABDUL HADI BIN AWANG KECHIL :**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 4. Pohon jawapan.

Soalan 4 :

*[Minta YAB Ustaz Dato' Panglilma Perang Menteri Besar nyatakan, apakah usaha Kerajaan negeri untuk mempertingkatkan pencapaian akademik pelajar-pelajar Yayasan Islam Kelantan (YIK) dan bagaimana pula pencapaian pelajar tahfiz dalam bidang akademik dan kokurikulum?]*

**YB DATO' HJ. WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :**

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Kuala Balah di atas soalan yang diberikan.

Jadi terima kasih juga kepada Yang Berhormat Panglima Perang di atas pembentangan bajet 21 November Khamis yang lepas. Yang meletakkan sektor Pendidikan paling utama. Kerajaan Negeri untuk melahirkan pelajar-pelajar yang mempunyai akhlak yang terpuji yang berasaskan kepada أدَّبني ربي فأحسن تأديبي .

Proses untuk mengadabkan manusia bermula daripada belajar dengan proses pengajaran dan pembelajaran dan juga kokurikulum yang dibentuk.

Dalam usaha meningkatkan pencapaian akademik pelajar-pelajar Yayasan Islam Kelantan. Kerajaan telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM337,200.00 untuk menggerakkan kelas-kelas tambahan, seminar, motivasi dan kem kecemerlangan serta teknik menjawab soalan. Dan terkini kita telah melancarkan Tuisyen Rakyat Sejahtera untuk dibuka kepada seluruh pelajar-pelajar di seluruh Dewan Undangan Negeri di Kelantan. Selain daripada itu, tumpuan juga diberikan kepada peningkatan kerjaya guru dengan mengadakan muzakarah mata

pelajaran dan bengkel kemahiran PDP dengan pemantauan berkala dari pihak YIK di sekolah-sekolah.

Dan yang terbaru juga pada 3 November hingga 14 November lepas kita telah menghantar 20 orang guru Bahasa Arab kita untuk mengikuti Kursus Kemahiran menguasai Bahasa Arab, Teknik Pengajaran dan Pembelajaran di Markaz Tatweer, Markaz Bahasa Arab Global di Mesir di bawah kendalian Universiti Al-Azhar.

Pencapaian Pelajar Tahfiz juga dalam bidang akademik dan kokurikulum adalah sebagaimana, sebagai pelopor Pendidikan Tahfiz Al-Quran peringkat sekolah menengah dan juga di peringkat negara kita.

Pihak Yayasan Kelantan (YIK) telah melahirkan ramai para Huffaz yang bertebaran di seluruh pelusuk di negara kita. Yang mana jumlah Huffaz sehingga 2023 tahun ni yang dilahirkan oleh Maahad Tahfiz di bawah kelolaan Yayasan Islam Kelantan adalah seramai 5126 orang.

Akhir tahun, ni juga kita akan buat gradusi tak capur lagi mungkin hampir 300 orang yang telah berjaya menghafaz 30 juzuk Al-Quran. Dari jumlah tersebut seramai 1809 org keluaran daripda Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat, yang memiliki Kemahiran dalam pelbagai Qiraat Teknik Bacaan. Manakala 3031 orang keluaran Maahad Tahfiz Sains dan 286 orang dari Mahahad Tahfiz pelbagai aliran. Pencapaian akademik khususnya dalam Peperiksaan SMTQ (Sijil Menengah Tahfiz Quran) dan juga SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) di Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat dan juga Maahad Tahfiz Sains bagi tahun 2023 adalah sebagaimana berikut.

Dalam peperiksaan SMTQ kedua-dua Sekolah Maahad Tahfiz Sains, Maahad Tahfiz Sains Al-Quran Wal Qiraat mencapai keputusan 100%.

Dan GPS juga. GPS ini ialah gred purata sekolah yang paling rendah ni paling baik. Bukan paling rendah ni palling merosot. Paling rendah ni paling baik. Yang mana dikira dari bilangan murid yang memperolehi gred A+ hingga G iaitu Gagal di setiap sekolah. Jadi Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Pulai Chondong mencapai GPS nya 1.17 dan pernah satu masa Maahad Tahfiz Al-Quran ini cemerlang di peringkat kebangsaan. Dan juga Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Al-Asriah dengan gred purata sekolahnya 1.56 cemerlang dah tu. Dan Maahad Tahfiz Sains, keempat-empat Maahad Tahfiz Sains kita mencapai keputusan 100% dalam SMU. Dimana gred purata sekolah Kolej Tahfiz Sains Nurul Aman 1.191, Maahad Tahfiz Sains Tanah Merah 1.24, Maahad

Tahfiz Sains Bustanul Arifin 1.67. Dan Maahad Tahfiz Sains Al-Muhammadi Bachok 1.75 yang kelulusannya semuanya 100%.

Manakala diperingkat SPM, Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat kita kedua-duanya di Pulai Chondong dan Al-Asriah Banggol Chicha mencapai kelulusan 100% pada tahun 2023. Dengan gred purata sekolahnya Pulai Chondong 2.86 dan juga Banggol Chicha 3.09 dan manakala Maahad Tahfiz Sains di berperingkat SPM keempat-empat buah Sekolah Maahad Tahfiz Sains kita juga mencapai keputusan 100%.

Dengan gred purata sekolahnya,

- Kolej Tahfiz Sains Nurul Aman Kok Lanas - 3.79
- Maahad Tahfiz Sains Tanah Merah - 2.63
- Maahad Tahfiz Sains Bustanul Arifin Tumpat - 3.53
- Maahad Tahfiz Sains Al-Muhammadi Kg. Nipah Bachok - 4.27

Dan yang paling membanggakan kita pencapaian di Maahad Tahfiz Al-Quran Al-Saadah iaitu kemahiran ataupun TVET dalam bahasa sekarang ini Beta Hulu mencatatkan keputusan cemerlang di dalam SPM 2023. Bukan setakat mencapai 100%, gred purata sekolanya 1.98 dan pelajarnya terbaik di Peringkat Negeri Kelantan memperolehi keputusan 12 A memiliki Quran 30 juzuk. Keputusan SPM nya tinggi dan memperolehi 12 A inilah kehebatan Maahad Tahfiz Sains kita.

Manakala pencapaian kokurikulum, saya baca di peringkat kebangsaan lah. Di peringkat Negeri ni banyok. Bolot ko dia dah. Contohnya dalam Pertandingan Tae Kwan Do MTS Tanah Merah Perempuan ni mendapat 12 Pingat Emas, 9 Pingat Perak dan 16 Pingat Gangsa di Peringkat Kebangsaan.

Manakala dalam Syarahan Bahasa Inggeris Maahad Tahfiz Al-Quran Al-Asriah Naib Johan di peringkat Kebangsaan. Walaupun Inggeris ini dalam kelate boleh Naib Johan. Dan juga di Peringkat Kebangsaan Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Al-Asriah Banggol Chicha mencapai Johan dalam Pertandingan Sepak Takraw.

Itulah yang Dato' Speaker, pencapaian anak-anak kita di Yayasan Islam Kelantan (YIK). Sekian Terima kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Silakan Kuala Balah.

**YB DATO' ABDUL HADI BIN AWANG KECHIL :**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya sungguh bangga dengan pencapaian YIK (Yayasan Islam Kelantan) dan tahniah kepada Kerajaan Negeri Kelantan. YIK berada dipersada bukan saja di Negeri Kelantan kebangsaan tetapi di dunia.

Yang Berhormat Dato' Exco tadi sebutkan mengenai Tuisyen Rakyat Sejahtera iaitu satu program yang dilaksanakan di Peringkat *Stage Government Four*. Pohon apa ni sedikit ulasan apakah kedudukan sekarang dan adakah kita bercadang untuk mengadakan kajian keberesara apabila keputusan SPM dikeluarkan nanti.

Terima kasih.

**YB. DATO' HJ. WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :**

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Kuala Balah di atas soalan tambahan.

Jadi, bila kita bincang di peringkat SG4 ataupun Negeri bila kita dalam mesyuarat bersama menteri kita pohon untuk memasuki sekolah-sekolah di bawah pentadbiran Kementerian Pendidikan tetapi masih tidak diberikan ruang tetapi kita mempunyai tanggungjawab untuk melahirkan pelajar cemerlang.

Jadi kita mencetuskan satu idea untuk kita membuat Tuisyen Rakyat Sejahtera yang mana kita buka kepada semua calon-calon SPM pada tahun ni yang kita akan laksanakan bulan 10, bulan 11 dengan peruntukan yang telah diumumkan sekejap tadi. Memberi ruang walaupun kita tidak masuk tidak boleh sekolah tapi kita bukak di Peringkat Pusat Khidmat Dun di seluruh Negeri Kelantan.

Alhamdulillah, bila kita lancar pada 18 Oktober dulu yang lalu kita mendapat feedback. Urusetia yang kita lantik Yayasan Islam Kelantan (YIK) dan juga ILDAN (Institut Latihan Darul Naim) telah menampakkan sambutan yang amat membanggakan.

Jadi In Shaa Allah kita bercadang tahun ini kita mulakan Tuisyen Rakyat Sejahtera hanya untuk peperiksaan SPM untuk 4 subjek utama sahaja. Jadi In Shaa Allah tahun-tahun hadapan kita akan perluaskan bukan setakat untuk peperiksaan sahaja untuk meningkatkan kemahiran pelajar-pelajar juga. Kita akan cuba kemukakan satu teknik baharu untuk melahirkan pelajar-pelajar yang terbaik di peringkat Negeri Kelantan.

Terima kasih.

**YB. DATO' SPEAKER :**

Silakan Pulai Chondong.

**YB. TUAN HAJI AZHAR BIN SALLEH :**

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih kepada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Exco. Soalan tambahan saya bagaimanakah Kerajaan Negeri merancang untuk memperkukuhkan lagi Program Intergrasi antara akademik dan tahfiz.

Dan adakah terdapat kerjasama dengan Institusi Pengajian Tinggi atau Pihak Swasta untuk memberikan peluang pembangunan kemahiran kokurikulum yang lebih meluas kepada anak-anak kita pelajar di Tahfiz.

Sekian, terima kasih.

**YB. DATO' HJ. WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :**

Terima kasih Dato' Speaker, soalan tambahan dari Pulai Chondong. Kerajaan Negeri melalui Yayasan Islam Kelantan iaitu YIK sememangnya sentiasa mengambil langkah wajar dalam memastikan aspek intergrasi antara akademik dan tahfiz diperkukuh dan ditambah baik. Khususnya melalui kokurikulum yang dilaksanakan. Antara langkah yang diambil adalah seperti memperkukuhkan Program Intergrasi Akademik Tahfiz.

Yang pertamanya, kokurikulum holistik dan seimbang iaitu penyusunan modul. Modul yang kita bentuk menggabungkan mata pelajaran akademik teras seperti Sains, Matematik, Bahasa Inggeris dan lainnya dengan sukatan Hafazan Al-Quran. Kita cuba *matching*. Di antara mata pelajaran tersebut dengan Al-Quran. Contoh tafsir kita cari ayat-ayat yang menceritakan Sains kita tafsir dengan mengabungkan Hafazan Al-Quran yang telah dihafal oleh pelajar-pelajar kita. Dan mewujudkan modul khas yang menghubungkan ilmu akademik dengan nilai-nilai Al-Quran seperti konsep Sains yang diterapkan dalam Mata Pelajaran Tafsir ini Tafsir Sains.

Dan juga penilaian dual, Sistem Penilaian yang mengukur pencapaian akdemik bersama-sama tahap hafazan dan nilai, sistem peperiksaan dan pelaporan berkala yang dilaksanakan. Jadi kita mintak lah pihak sekolah melaporkan dari semasa ke semasa. Begitu juga dengan kaedah Pengajaran Intaktif menggunakan pendekatan "*blended learning"* iaitu

kombinasi pembelajaran secara bersemuka dan dalam talian untuk memastikan flekstibiliti waktu dapat dilaksanakan.

Dan juga mengimplitasikan teknik hafazan moden seperti *audio interaktif* aplikasi Hafazan atau kaedah *memory visual*. Jadi pelajar ni boleh tiru nak teknik mano Sudais ko, Ghomidi ko, dengan audio visual yang dibentangkan oleh para guru. Dan juga pembimbing akademik dan tahfiz dengan melantik guru yang pakar dari kalangan Guru YIK dan KPM dalam kedua-dua bidang atau menyediakan Guru akademik dan Guru Tahfiz yang berkejasama rapat dalam Program Intergrasi ini sebagai pembimbing.

Sebab itulah kriteria kita nak pilih Guru Tahfiz ni mesti khatam 30 juzuk supaya ia dapat disempurnakan kepada pelajar-pelajar kita. Tapi guru-guru kita ni ramai dicuri, bukan dicuri maknanya dia terima tawaran lain. Laku, menyediakan latihan berterusan untuk menguasai pendekatan pedagogi yang releven dan kemahiran interpersonal. Begitu juga dengan sistem jadual fleksibel menyusun jadual khas yang mengimbangi masa pembelajaran akademik dan hafazan dalam bentuk jadual harian dan cuti mengikut kesesuaian kemampuan pelajar. Sebab tulah jadual persekelohan tahfiz kita tak sama dengan jadual persekolahan biasa.

Dan pada masa saya berada di Yayasan Islam Kelantan dulu kajian daripada Kementerian, dia kata dia tak pernah jumpa lagi sistem pembelajaran kita ni 24 jam. Semua pelajar yang mengikuti sekolah Tahfiz ni berada dalam jadual. Tidur pun dalam jadual. Inilah keistimewaan, kehebatan Tahfiz kita.

Jadi kerjasama dengan Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan Agensi Pengurusan Pengajian Tinggi iaitu Program Bersama IPT iaitu meneroka laluan mudah dan penerangan oleh IPT untuk Pelajar Tahfiz menyambung pelajaran ke peringkat Diploma atau Ijazah dalam Bidang seperti Sains Islamic, Tafsir Qiraat dan Pengajian Islam manakala bidang Professional, Perubatan Kejuteraan atau Sains Komputer.

Dan terbaru kita mengadakan MOU dengan Wise University dan ASU di Amman Jordan, ASU ni Applied Science University yang menawarkan pelbagai bidang sebagimana yang disebut tadi Perubatan, Kejuruteraan, atau Sains Komputer yang juga mengunakan Bahasa penghantar Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab. Dan juga ilmu Qiraat di Universiti tersebut.

In Shaa Allah tahun depan ni pelajar-pelajar kita boleh memohon untuk menyambung pelajaran ke Universiti tersebut. Kerjasama Pendidikan dan Latihan, IPT menyediakan ruang untuk kajian bersama dalam bidang

Pendidikan Tahfiz dan Pembangunan Pelajar seperti berkerjasama dengan pihak UPSI. Pelajar Tahfiz juga boleh menjalani latihan atau bengkel Universiti yang melibatkan aspek Keilmuan dan Nilai Keislaman.

Manakala dengan kerjasama Negeri melalui agensi YAKIN yang menawarkan bidang Biasiswa Khas pada Pelajar Tahfiz yang ingin melanjutkan Pelajaran. Contoh nak sambung ke kuliah kedoktoran tip di Al-Azhar Mesir, dia akan menawarkan pinjaman kepada pelajar-pelajar yang layak. Dan penglibatan pihak swasta dan Industri Program Pembangunan kemahiran kokurikulum iaitu Latihan Kemahiran Insaniah, pihak swasta boleh menyumbang melalui Bengkel Kepimpinan Pengurusan Masa dan Komunikasi untuk Pelajar Tahfiz dalam kem-kem jati diri mungkin ada yang baru akan dilaksanakan. Manakala Sijil Kemahiran mempelawa pihak Agensi Kerajaan atau swasta berkenaan bagi menyediakan kursus pendek atau berkala dalam bidang teknikal, keusahawanan seperti Teknologi Maklumat, Pemasaran Digital ataupun Kemahiran Sukan. Yang peluang kerjaya pula menggalakkan syarikat mengambil pelajar tahfiz sebagai pekerja latihan atau kakitangan tetap dalam bagi yang bidang sesuai seperti Pengurusan Islamic, Teknologi Pendidikan dan juga Kemahiran. Dan juga mengadakan Program Mentorship untuk memberi panduan kerjaya kepada pelajar tahfiz.

Itu sahajalah Yang Berhormat Dato' Speaker , terima kasih.

**YB. DATO' SPEAKER :**

Saya mempersilakan pulak Yang Berhormat Tawang.

**YB TUAN HARUN BIN ISMAIL :**

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan soalan saya nombor 5.

Soalan 5 :

[*Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah Kerajaan negeri mempunyai perancangan untuk memastikan tiada pelanggaran terhadap akta kawalan hiburan di negeri Kelantan bagi sesuatu penganjuran aktiviti hiburan di negeri ini?*

**YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :**

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih kepada pada Tawang atas soalan.

Untuk makluman Tawang Kerajaan Negeri dalam proses menambah baik segala perundangan berkaitan Kawalan Hiburan dengan menubuhkan Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Teknikal mengkaji enakmen hiburan dan tempat-tempat hiburan di Negeri Kelantan. In Shaa Allah Kerajaan Negeri akan membentangkan Enakmen Hiburan Dan Tempat-Tempat Hiburan yang baharu untuk kelulusan Persidangan Dun. In Shaa Allah pada hari keenam.

Seterusnya, Kerajaan Negeri juga sedang menggubal Perundangan Subsidri Peraturan-Peraturan Dan Tempat-Tempat Hiburan dan Kerajaan Negeri juga sedang menyediakan garis panduan yang baru. Peraturan dan garis panduan yang baru ini masih peringkat jawatankuasa teknikal In Shaa Allah perundangan yang baru adalah lebih komprehensif dan praktikal bagi menambah baik Enakmen Kawalan Hiburan Dan Tempat-Tempat Hiburan di Negeri Kelantan yang telah diterima pakai sejak tahun 1958 dahulu. Sekian.

**YB DATO' SPEAKER :**

Dipersilakan Tawang.

**YB TUAN HARUN BIN ISMAIL :**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Kerajaan Negeri telah mengeluarkan larangan untuk sebarang aktiviti hiburan dan alat-alat muzik pada malam Jumaat. Persoalannya, sejauh manakah peraturan ini dipatuhi dan diikuti?

**YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH:**

Terima kasih kepada Tawang atas soalan tambahan. Mengenai larangan hiburan pada malam jumaat. Kita peringkat Negeri mengeluarkan satu garis panduan. Dan garis panduan ini bukannya baru masih malah ia juga telah digazettekan sejak tahun 1957 lagi iaitu di bawah Government of Kelantan Gazette.

Tahun 1957 tu ado dh larangan tu, cuma kita salin dan masukkan dalam garis panduan. Persembahan hiburan dalam kawalan tempat hiburan Negeri Kelantan bukan sahaja malam Jumaat kalau ikutkan pada government gazette. 57 dahulu iaitu Khamis malam Jumaat larangan hiburan bermula daripada pukul 6.00 petang sehingga petang Khamis sehingga 6.00 petang pada hari Jumaat keesokkannya. Bukan hari Jumaat saja malah pada hari Maulidur Rasul, malam Israq Mikhraj, malam Nifsu Syaban, hari pertama AidilFitri, hari pertama Hari Raya Aidil Adha dan

sepanjang Bulan Ramadhan tidak dibenarkan mengenakan sebarang bentuk alat hiburan. Dan kalau ikutkan pada adat kita pun, dan kalau ada hiburan pada malam Jumaat tu dia akan pelik kei. Sebagai sebuah negeri, negeri sebagai seramai di Mekah kalau kita tak kenakan kawalan hiburan pun. In Shaa Allah penduduk akan membuat sekatan-sekatan tersebut kerana Jumaat adalah Penghulu segala hari dan kita amat menghormati malam Jumaat dan uruf kita. Kita memperbanyakkan amalan Amal Ibadah pada malam Jumaat.

Terima kasih.

Dan untuk tambahan sekiranya, ada mana-mana pihak yang melanggar syarat boleh dikenakan hukuman denda RM 10,000 ringgit atau 3 tahun penjara di bawah seksyen 12. Enakmen Kawalan Hiburan Tempat Hiburan 1998.

**YB DATO' SPEAKER :**

Silakan Bunut Payong

**YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN :**

Terima kasih YB Dato' speaker.

Tadi kita diberitahu bahawa Kerajaan Negeri sedang membuat garis panduan lebih lengkap untuk Enakmen Hiburan. Cuma kadang-kadang berlaku ketidak selarasan. Sebelum ni lah ketidak selarasan antara PBT dalam meletakkan garis panduan kepada mereka yang melaksanakan atau mereka yang membuat program hiburan.

Jadi saya nk tahu , adakah untuk lepas pada ni Kerajaan akan memastikan bahawa semua garis panduan yang telah ditentukan tersebut dapat diikuti setiap PBT supaya tidak berlaku salah faham di antara PBT, PBT di dalam negeri Kelantan.

Terima kasih.

**YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :**

Sebagaimana yang saya bagitahu tadi bahawa kita akan, selepas kita wartakan Enakmen Kawalan Hiburan Tempat Hiburan baharu kita akan mengadakan peraturan-peraturan kepada kawalan hiburan. Seterusnya garis panduan dan setiap program akan dikenakan syarat-syarat. Kita akan selaraskan kita akan sediakan template. Kita akan minta semua PBT dapat meluluskan dalam mesyuarat penuh masing-masing supaya penyelarasan dapat dibuat di semua 12 PBT yang kita ada In Shaa Allah.

Kita akan mengadakan bengkel-bengkel termasuk bengkel untuk memulakan tindakan pendakwaan kepada mana-mana penganjur yang gagal mematuhi enakmen hiburan kita atau melanggar peraturan atau tidak mengikut pada garis panduan ataupun melanggar syarat-syarat lesen yang kita telah luluskan. In Shaa Allah.

Dan In Shaa Allah kita akan mencadangkan dalam permohonan untuk mendapatkan permit hiburan, kita akan masukkan selain daripada kelulusan sokong dari Penghulu, Sokongan- sokongan daripada Pengawa, sokongan daripada Ketua Majlis Daerah dimasukkan juga sokongan daripada Ketua WHIP. Dan juga YDP masing-masing supaya ketua WHIP mendapat makluman apakah bentuk hiburan dan siapakah yang mengadakan mendapat tempat-tempat berlakunya hiburan tersebut supaya semua PBT mendapat berkongsi maklumat hiburan semasa di seluruh Negeri Kelantan.

Terima kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Dipersilakan Semerak.

**YB TUAN NORSHAM BIN SULAIMAN :**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan kepada saya nombor soalan 6 .

Soalan 6 :

*[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah strategi AKSB bagi menambah baik dan memperluaaskan kemudahan pengurusan enap cemar di loji-loji rawatan air seluruh negeri?]*

**YB. DATO' DR HAJI IZANI BIN HUSIN :**

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Semerak.

Buat masa ni kita ada 43 LRA dan daripada 3 LRA loji rawatan air ini 14 mempunyai apatu Sistem Enap Cemar. Manakala yang selebihnya belum ada. Namun demikian AKSB merancang untuk membuat sedikit demi sedikit kerana kosnya agak tinggi sebagai contoh di Bukit Chupak loji yang hanya 10 juta liter untuk membuat sistem *slush decanter* ini lebih kurang RM 4 juta. Jadi kita kena ejas macam mana untuk itu, kerana ni benda-benda hok lama. Hok buat jame haritu 43. Adapun 13 LRA yang baru dalam perancangan proses ini semuanya mempunyai syarat mesti adakan Sistem Enap Cemar.

Terima kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Dipersilakan Semerak.

**YB TUAN NORSHAM BIN SULAIMAN :**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker atas jawapan yang telah diberikan, cuma bolehkah saya tahu apakah Teknologi yang digunakan oleh AKSB dalam Pengurusan Enap Cemar di loji – loji rawatan air yang telah membantu meningkatkan keberkesanan sisa rawatan air di sebanyak 25 % saya difahamkan.

Terima kasih.

**YB DATO' DR HAJI IZANI BIN HUSIN :**

Terima kasih semerak atas soalan tambahan. Hokni keno baco deh.

AKSB dalam 14 apatu Sistem Enap Cemar ni ada mace-mace teknologi antara teknologi yang kita buat ialah ada *sludge pond*, ada *filter press*, ada *decanter* , ada *sand drying bag* , *filter press* , ada *sendory bag* , ada *yotube sendory bag sludge lagoon decanter* , *sendory filter press* dan sebagainya. Itu lah adalah benda-benda yang disebut oleh teknologi-teknologi Enap Cemar yang digunakan atau disyaratkan oleh AKSB bergantung pada kawasan, tempat, saiz dan sebagainya. Bo lah tanya *decanter* tu gapo, tokleh jawab.

**YB DATO' SPEAKER :**

Dipersilakan Wakaf Bharu.

**YB TUAN HAJI MOHD RUSLI BIN ABDULLAH :**

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan saya. Apakah impak positif langkah ini terhadap kualiti air yang dilepaskan ke persekitaran dan bagaimana ini meningkatkan imej Kelantan sebagai Negeri yang komited terhadap Kelestarian Alam Sekitar?

**YB. DATO' DR HAJI IZANI BIN HUSIN :**

Terima kasih. Dalam bahasa yang mudoh ialah apabila kita buat apatu Sistem Enap Cemar makna apabila air yang dilepaskan adalah air yang tidak terkomoaminisi dengan semua bahan-bahan led ko, iron ko gapo

semo. Dia tak terlibat, bagi dengan sendirinya air yang dilepas sendiri ni air yang bersih. Itulah kesannnya, jadi kalau saya nak baca mengenai Pemulihan Sumber Air yang bersih ni dan sebagainya. Itu dipanggil teori tapi secara mudahnya ialah kita telah melepaskan air yang bersih yang selamat digunakan.

Terima kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Saya persilakan Yang Berhormat Chetok sekali lagi.

**YB TUAN ZURAIDIN BIN ABDULLAH :**

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan soalan saya nombor 7.

Soalan 7 :

*[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, Apakah statistik terkini premis makanan yang telah memohon dan mendapat persijilan halal di Kelantan?]*

**YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD :**

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Chetok.

Firman Allah SWT

ٱلشَّيْطَٰنِۚ تِ ٱ خُطُوَ تَتَّبِعُواْ وَلَا طَيِّبًا حَلَٰلًا ٱلْأَرْضِ فِى مِمَّا كُلُواْ ٱلنَّاسُ يَٰٓأَيُّهَا

مُّبِينٌ عَدُوٌّ لَكُمْ إِنَّهُۥ

[Surah Al-Baqarah: 168]

Yang bermaksud

[ *"Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah Syaitan; kerana sesungguhnya Syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu."]*

Yang berhormat Chetok bertanyakan tentang statistik terkini permohonan dan pemilikan Sijil Pengesahan Halal Malaysia atau SPHM.

Dan untuk maklumnya pengesahan Halal Malaysia ini mengikut 8 kategori yang kita telah kita tetapkan yang pertamanya ialah produk makanan dan minuman termasuklah makanan supplement. Yang keduanya ialah premis makanan. Yang ketiga barang gunaan. Yang keempat komestik dan dandanan diri. Yang kelima rumah sembelih. Yang keenam *pharmaceutical*. Yang ketujuh pengilangan kontrak. Dan yang kelapan adalah dapur hotel.

Dan kalau kita mengikut data sehingga Oktober 2024 yang lalu. Premis makanan berjumlah 25 yang ada di Kelantan yang mendapat HPSM kemudian produk makanan dan minuman 333. Untuk barang gunaan 1, kosmetik dan dandanan diri ada 7, rumah sembelih 10, *pharmaceutical* 11, pengilangan kontrak ada 35, dan dapur hotel 17. Menjadikan semua jumlahnya ialah 439 dan kalau kita mengikut jajahan di Kota Bharu ada 186 premis mengikut 8 kategori tersebutlah. Di Tumpat ada 23, di Bachok 20, di Tanah Merah ada 16, di Machang 28, Pasir Mas 22, Pasir Puteh 23, Kuala Krai 8, Gua Musang 7, dan Jeli 6. Yang baki yang lain lagi adalah merupakan dia melibatkan syarikat-syarikat daripada luar Kelantan yang membuat OEM ataupun pengilangan kontrak.

Itu setakat ni. Wallahu A'lam.

**YB DATO' SPEAKER :**

Silakan Chetok soalan tambahan.

**YB TUAN ZURAIDIN BIN ABDULLAH :**

Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan.

Terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO atas jawapan tadi. Soalan saya adalah apakah tindakan dan juga langkah yang diambil oleh pihak Pengurusan Negeri bagi memastikan premis makanan dan juga produk makanan yang disebutkan tadi mematuhi piawaian Persijilan Halal.

**YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD :**

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih Chetok atas soalan tambahan tersebut. Pihak Pengurusan Negeri mengambil langkah dan tindakan yang sewajarnya lah untuk pastikan semua premis-premis makanan produk itu mengikut piawan yang sepatutnya.

Oleh kerana itu, kita telah melaksanakan pemantaun keatas pemegang sijil SPHM ini di semua tempat secara berkala. Dan notis akan dikeluarkan iaitu notis ketidak-akuran. Ini bagi yang tidak mematuhi prosedur pengsijilan halal. Dan kedua seterusnya akan menggantungkan atau menarik balik sijil pengesahan halal ini bagi mereka yang melakukan kesalahan- kesalahan serius, kesalahan besar. Yang ketiganya program-program pendidikan turut diadakan bagi pemegang sijil pengesahan halal seperti Bengkel Manual Prosedur Pengsijilan Halal Malaysia Industri 2020 supaya mereka yang memiliki sijil halal ini terus komited dengan pengsijilan halal sebagaimana yang telah terkandung dan aturannya.

Dan keempatnya ialah bekerjasama juga dengan agensi-agensi seperti agensi utama JAKIM, dengan PBT, dengan KKM, dengan Kementerian Perdagangan, KPDN dan juga Pihak Berkuasa Negeri akan menjalankan pemeriksaan ini secara mengejut. Bagi yang memiliki SPHM, tidak bagitahu tarikh untuk pergi tapi secara mengejut untuk kita betul-betul pastikan mereka ini prihatin terhadap sijil tersebut, dan seterusnya Pihak Berkuasa Negeri juga menetapkan syarat untuk pembaharuan lesen premis perniagaan ini bagi premis perniagaan makanan.

Khususnya di bawah PBT supaya memilik SPHM ini, dan apa ini pun sedang berjalan diperluas ke Jajahan dan begitu juga bagi Bahagian Halal di Jabatan Hal Ehwal Islam Kelantan memperkukuh kerjasama dengan JAKIM, KKM bagi meningkatkan kualiti makanan Halalan Toyyiban di Negeri Kelantan.

Terima kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Silakan Dabong.

**YBM TUAN KU MOHD ZAKI BIN KU HUSSIN :**

Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan saya ialah apakah pencapaian yang telah berjaya diperolehi oleh Bahagian Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan setakat ini?

**YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD :**

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih di atas soalan tambahan Dabong tadi. Setakat inilah Bahagian Halal di JAHEAIK kita telah didatangi oleh bahagian Naziran Jakim. JAKIM ni dia ada bahagian Naziran dia. Dia tidak membuat standard penarafan pencapaian kepada mana-mana Bahagian Halal seluruh Negeri tetapi dia akan ada satu pemantaun

supaya pematuhan pengsijilan halal ni berlaku di negeri-negeri. Dan apabila bahagian Naziran Jakim ini turun ke Negeri Kelantan. Dan telah membuat satu penyasiatan. Jadi didapati apa Alhamdulillah di Negeri kita ini proses pematuhan itu berlaku dengan baik.

Dan kalau kita tengok JAKIM telah menyatakan sebagaimana di dalam satu kenyataan di dalam page Ketua Pengarah Jakim pada 21 November 2024 yang lalu. Baru-baru ini sahaja merakamkan tahniah kepada JAHEIK yang telah membuat promosi usaha membantu usahawan-usahawan untuk mereka mendapat Pengesahan Pengsijilan Halal ini.

Dan banyaklah kalau kita tengok rakan-rakan kita usahawan-usahawan yang telah pun mereka memiliki sijil halal ini dengan Program Ziarah Halal yang telah dilakukan oleh JAKIM, JAHEIK, Minta maaf.

Dan kemudian kita tengok rangkaian-rangkaian kedai contoh Nasken Coffee, Nasi Kandar Suriani, Eddle Fried Chicken semua itu telah mendapat Pengsijilan Halal, dan menariknya Ketua Pengarah JAKIM baru-baru ini dalam kenyataan 21 November turut mengucapkan tahniah kepada Khairul Aming. Khairul Aming yang telah pun mendapat Produk Halal Pengsijilan Halal melalui produk masyhurnya iaitu produk "Sambal Nyet Berapi" dan saya juga mengambil kesempatan di dalam dewan yang mulia ini ucap tahniah kepada saudara Khairul Aming kita yang boleh menjadi contoh kepada anak-anak muda dalam bidang keusahawanan ini untuk memperlebarkan memperluaskan apa-apa sahaja bidang-bidang industri yang dia rasakan boleh khususnya dalam pemasakan, pengeluaran halal dan dia berusaha "Khairul Aming" ini untuk mendapatkan pengsijilan halal ini katanya bukan setakat untuk makanan itu sahaja di tengok halal tetapi untuk satu *"safety food"* sebagai satu keselamatan dan kebersihan halal dari semua sudut yang akan dikonsisten yang akan diyakini oleh pihak yang lain.

Jadi itu, antara-antara kejayan dan pencapaian yang telah dilakukan oleh pihak JAHEIK dalam hal ini. Terima kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Persilakan yang berhormat Pengkalan Kubur. Pengkalan Pasir, Maaf. (ketawa)

**YB TUAN MOHAMAD NASRIFF BIN DAUD @ DAUD YATIMEE :**

Soalan tambahan ke? Soalan terus?

Yang berhormat dato' speaker, pohon jawapan pada soalan saya nombor 8.

Soalan 8 :

*[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah status keberhasilan Tahun Melawat Kelantan 2024 dari segi bilangan pelancong dalam dan luar negari serta pertambahan pendapatan bagi industry yang terlibat secara lansung serta apakah isu serta tarikh utama kejayaan TMK?]*

**YB DATUK KAMARUDDIN BIN MD NOR :**

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Pengkalan Pasir yang mengemukan soalan untuk dengan tujuan untuk mengetahui.

Pertamanya, keberhasilan Tahun Melawat Kelantan 2024 mengenai bilangan pelancong. Kedua pendapatan bagi mendapat industri yang berkaitan dan yang ketiganya mengenai isu-isu serta faktor yang tarikan pelancong yang menjayakan Tahun Melawat Kelantan.

Bagi yang menjawabnya Yang Berhormat Dato' Speaker, angka pelancong dalam dan luar negeri bagi tahun 2024 belum ada sebab yang mengeluarkan perangkaan pelancong dalam dan luar negeri ialah Jabatan Statistik Negara (DOSM).

Meskipun begitu kita boleh menggunakan perangkaan tahunan 2023 yang juga dikeluarkan oleh Jabatan Statistik Negara (DOSM) sebagai rujukan untuk kita unjurkan bagaimana pencapaian dari segi kehadiran pelancong bagi tahun 2024. Bagi tahun 2023 jumlah yang dicatat pelancong datang ke Kelantan ialah sebanyak RM 11.64 juta. Ia satu angka yang sangat membanggakan dan mengejutkan saya.

Tapi selepas saya buat sedikit kajian saya dapati faktor utama yang mendorong kemasukkan orang ramai ke Kelantan yang begitu mendadak ialah kerana kita rakyat Malaysia seluruhannnya termasuklah kita di Kelantan ini baru lepas dari kangkungan dan kekangan covid.

Dan jadi ore baru beraso bebas selepas 2 tahun kena kurung jadi maka mereka pun jadi nak jalan lah. Dan dari akibat itulah kita mendapati sangat ramai lah orang untuk datang. Alhamdulillah, cuma untuk tahun

2024 ia mungkin perlu faktor lain dah lah. In shaa Allah lah saya yakin pada tahun ini kita kalu tidak dapat sama dengan tahun 2023, kalau tidak dapat lebih sekurangnya kita dapat sama. Pun begitu, Kerajaan mensasarkan hanya 10 juta sahaja.

Kemudian pendapatan bagi Industri yang berkaitan akibat daripada kehadiran pelancong yang ramai ini banyak sektor yang telah mendapat sedang mendapat manfaat daripada keberadaan pelancong yang ramai. Ataupun pengunjung yang ramai terutamanya dari Sektor Perkhidmatan dan juga Sektor Kegiatan Kebudayaan dan Kesenian, Sektor Industri Kreatif yang berasaskan kepada kraftangan.

Dan juga Sektor Perkhidmatan Pengangkutan dan pengangihan pendapatan daripada keberhasilan ini kalu berpandukan pada laporan DOSM tahun 2023. Pertamanya jumlah yang dianggarkan dikutip maknanya *industry: tourism receive* penerimaan dari sektor pelancongan ialah sebanyak RM 84 billion. Satu angka yang besar. RM 84.9 billion. Dan daripada jumlah ini ianya beredar kepada membeli belah 32 %, pembelian bahan api 19.4 %, makanan dan minuman 16.9 %, perbelanjaan oleh isi rumah yang dilawati. Maknanya anak beranok ore kelatey hok balik jupo keluarga 16.6 %. Penginapan 6.6 %, pengangkutan 6.1%, lain-lain 4 %. Jadi itulah lebih kurang distribusi pendapatan hasil daripada pelancongan.

Kemudian yang ketiga mengenai isu dan faktor pelancong tarikan orang untuk datang ke Kelantan ni. Yang pertamanya, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan melalui MOTAC yang sangat banyak membantu usaha Kerajaan Negeri untuk mempromosi pelancongan di luar, baik dalam negeri mahupun di luar negara. Kalau nak ikutkan perlembagaan kerja untuk mempromosi negeri-negeri sebenarnya di bawah Persekutuan. Tapi kerana kita tahu lah nak harap ko dia, kita akan agak ketinggalan lah. Seperti hok lepas-lepas dah.

Maka itu, kita ambik inisiatif sendiri tapi terik ni alhamdulillah, Kerajaan Persekutuan sangat banyak membantu. Promosi di luar negara, kalau dulu kita takdok makluman pun, kalau ada pun esok nak gi hari ni baru sapa. Tapi terik ni Alhamdulillah kita dapat notis yang cukup, 2 bulan, 3 bulan malah untuk tahun hadapan kita dah dapat dah notis berkenaan dengan expo ke ataupun apa-apa pameran ke, mengenai travel pelancongan. Seluruh dunia. Jadi masalah kita la pulak nye, takleh nok g semo. Dan terpaksa membuat pilihan yang mana yang patut kita rasakan lebih ekonomik dan lebih berpontensi untuk kita hadir.

Kemudian Kerajaan juga Kerajaan Pusat, Kerajaan Persekutuan melalui MOTAC juga menyediakan geran sempadan. Geran sepadan. Bukan sempadan sepadan. Maknanya kalau kita memohon bantuan, kita ada seriya dia wi seriya, kalau ado sejuto dia wi sejuto. So, *dollar to dollar*. Alhamdulillah lah dulu kita tok tahu ni jadi sekarang kita ada ini. Dan selain daripada *matching* geran, ialah bantuan *outright* geran. Jadi kita panggil gitu jugok kepada industri pelancongan yang baru-baru.

Misalnya macam Khairul Aming buat Sambal Nyet tu dia baru lagi tapi dia tidak memerlukan wang bantuan daripada MOTAC lah. Tapi kalau dia nak kalau boleh jumpa dengan dia, saya nak cadangkan dia untuk buat 'sambal jatey' pulok. Ni pun boleh jadi satu yang menarik ya. Dan jugak kemudian MOTAC. Kemudian pelancongan melalui MOTAC. Maaf Kerajaan melalui MOT *(Ministry Of Transport)* memberi kelulusan kepada kita 2 perkara. Pertamanya pembesaran landasan kapal terbang, Pengkalan Chepa untuk membolehkan *aircraft* yang lebih besar untuk mendarat. Ini telah lulus. PM datang hari tu, dia umumkan juga mengenai pembesaran dan juga menambah panjangnya landasan kapal terbang sebanyak, sepanjang 400 meter lagi daripada yang sedia ada. Ini tidak ada dalam skop kerja membesar *airport* ni, pada peringkat awalnya kita hanya pada terminal sahaja. Bangunan sahaja. Tempat masuk, *runway* dan apabila kita pergi jupo mitok dan alhamdulillah dia bagi dia setuju. So tambah lagi berapa dia kata lagi hok nak masa tu saya kata mengikut mengikut pengurus besar *airport* dia kata mintak 400 jah. Kita mitok 400 lulus. Pahtu beberapa bulan yang lepas saya jumpa dengan pilot dia mengucapkan tahniah tapi dia kata "tak cukup lagi ni, Dato", tak cukup macam mana pulok, tambah lagi 600 meter lagi biar sapa jadi 1 kilometer.

Maknanya panjang tu tadi kita tambah dah jadi nak tambah 600 meter lagi baru sama dengan Terengganu dia kata. Ohhh pulokkk. So tak pelah kita royak In Shaa Allah lah kita tambah dulu 400 dulu nanti kito g mitok pulok. Kemudian dan yang keduanya ialah MOT juga membenarkan atau mengangkat larangan yang sebelum ini kepada bas pelancong daripada Thailand untuk masuk ke Kelantan ni. Sebelum ni dia tok boleh dan apabila kita mintak apa nama apabila kita mintak supaya Tahun Melawat Kelantan ni ada keistimewaan sikit. Kerajaan Pusat melalui MOT ni telah mempersetujui cadangan ini. Jadi sekarang ni pelancong daripada Thailand ni buleh masuk kemari dengan bas dia. Dulu tak boleh.

Saya ada lah berjumpa dengan pihak apa nama ni pihak pengusaha bas ni yang agak, yang agak apa namanya dia merasa agak terkesan dengan kelulusan ini. Jadi adalah perjumpaan dialog dan mereka kemudian

merasa okay lah. Tidak menjejaskan lah apa ni, pengangkutan dan perkhidmatan mereka di sini. Dan itu apa namanya berkenaan dengan isu yang apa namanya boleh kita sebutkan sebagai antara faktor kejayaan selain daripada persediaan kita sendiri dengan penggalakan kepada badan-badan seni dan juga kebudayaan yang ternyata bahawa mereka sangat mahu bekerjasama dengan sedikit bantuan yang telah Kerajaan Negeri berikan kepada mereka. Jadi Alhamdulillah saya ingin melihat keputusan ataupun hasil jumlah pelancong yang akan dibentangkan oleh Jabatan Perangkaan Negara pada tahun hadapan meningkat seperti yang kita jangkakan. Terima kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Silakan soalan tambahan Pengkalan Pasir.

**YB TUAN MOHAMAD NASRIFF BIN DAUD @ DAUD YATIMEE :**

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Exco Pelancongan. Kita berharap atas semangat federalisma yang telah ditunjukkan oleh Kerajaan Persekutuan dapat diteruskan bagi tahun hadapan terutamanya dalam dari segi pemberian royalti kita kepada angka yang lebih besar.

Soalan tambahan saya, sektor pelancongan memanglah bergantung kepada pengusaha-pengusaha sektor swasta. Dan kalau kita lihat dengan tema kita *"Food Festival"* dan juga *family* bagaimana Kerajaan Negeri Kelantan dapat memastikan kalau kita tengok pada data kita, kebanyakkan rakyat kita masih lagi still masih melancong ke Thailand. Apakah Kerajaan bercadang untuk menyediakan satu insentif untuk pelabur-pelabur dari segi sektor pelancongan untuk memastikan sektor pelancongan ini berkembang dengan lebih pesat lagi.

**YB DATUK KAMARUDDIN BIN MD NOR:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Pasir. Pelaburan kiranya di bawah fommitee pelaburan tapi pelaburan dalam bidang pelancongan Kerajaan mengalu-alukan dan dapat kita kenal pasti beberapa benda yang kita sangat mengalukan *investor* apa ni pelabur yang mahu apa namanya yang ingin melabur di Kelantan.

Yang pertamanya ialah hotel, kita sebenarnya tidak cukup hotel. Hotel 3 bintang hotel yang boleh diguna oleh pelancong yang ada duit sikit dan juga oleh pelancong yang pertengahan. Dan ini kita *lacking*. Dan agaknya kita lupa bahawa di antara negeri-negeri di Malaysia ini kita sahaja yang belum ada Hotel Seri Malaysia. Kan Hotel Seri Malaysia ini dibawah

MOTAC. Setiap negeri ada satu paling tidak, setengah negeri ada dua. Tapi kelate ni tak dok so habuk lagi. So apabila kita *complain* pasal ni kepada Menteri Pelancongan, dia telah mengarahkan Pengurus Besar Hotel Seri Malaysia untuk datang jumpa. Dan dia datang jumpa, dan kita membuat perbincangan dan kita beri apa namannya cadangan lah berapa tempat dan lokasi lah untuk dia dirikan Hotel. Kita tok leh nak pakso dia dirikan di mana-mana pasal ini pelaburan dia, so dia yang kena buat pilihan. *But* kita permudahkan jadi setakat ini kita menunggu lagi lah keputusan dia nak dirikan hotel tu di mana.

Jugak kita mengalu-alukan mana-mana lain pelabur dalam bidang perhotelan ini kerana kita. Cita-cita saya lah untuk jadikan Kelantan ni di antara Negeri yang mempunyai kemudahan untuk *International Events*. Macam kalau *Switzerland* kita kenal dengan bandar, kota dia *"Bern"* kan. Lagi apa yang terkenal *Switzerland*. Tapi kita tidak pernah dengar sebelum ini Kota Kecil nama *"Davos"*, tapi sekarang sudah menjadi manshor *Davos* ini. Pusat perjumpaan ketua-ketua negara satu dunia bersidang di *Davos*. *It's a small town, but of course very scenic* dan sangat cantik. Tapi apa namanya apabila dibina satu kemudahan diorang pergi. So kita walaupun Kelantan ni kira jauh tapi ya lah kita belum ada lagi *International Airport* lagi tapi apabila dah ada *International Airport* kita boleh jadikan ini satu tempat yang menyediakan *Convention Centre* untuk orang buat *Convention* di sini dari seluruh dunia. *So* In Shaa Allah itu insentif nya kalau.

Yang Berhormat Pengkalan Pasir tanya kita setakat beri kemudahan dan peranan insentif tu kita tidak ada kemampuan lah. Walaupun saya tahu sesetengah negeri macam Sabah, macam Sarawak diorang bayar RM 10 Ringgit bagi satu pelancong luar datang. RM 10 Ringgit untuk satu *Travel Agent*. *So* kalau kita lah RM 11 juta tadi nak buwi RM 10ya satu palo *bankrupt* kita. Jadi dengan kita tidak bagi pun, kita dapat so Alhamdulillah lah. Kita ikut teknik masing-masing lah, macam Melaka dia gunakan *Film Star* daripada Hong Kong jadi dia punya apa namanya dia punya duta. Duta Pelancong. Kita tak ada yang spesifik, yang ada pun Sabri Yunus je lah dengan itulah. Tapi apa pun itulah yang lebih menarik daripada 10 juta viewers, *so* Alhamdulillah.

Tapi takpelah, kita tengok lah kita pilihlah dari kalangan kita. Siapa yang agak bagus untuk menjadi duta kita. Terima kasih.

**YB. DATO' SPEAKER :**

Silakan Galas.

**YB TUAN HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :**

Terima kasih saya ucapkan, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Exco atas beberapa insiatif yang baik ditunjukkan oleh Kerajaan Negeri untuk memasti tahun melawat Kelantan 2024 kita berjaya.

Yang Berhormat Exco pernah menyatakan bahawasanya Kelantan dalam TMK 2024 ini mensasarkan 10 juta yang tadi disebut oleh Yang Berhormat Exco. Dan Yang berhormat Exco juga ada menyebut 6 bulan yang pertama Kelantan baru berjaya 700.000 pelancong masuk ke Negeri Kelantan berbanding dengan Negeri Terengganu, 6 bulan pertama 52 juta, jadi untuk sapa angka 10 juta tu. Adakah Yang Berhormat yakin kita akan capai angka tersebut?

Yang keduanya Yang Berhormat, saya ucap tahniah lah 45 juta *views* Tahun Melawat Kelantan. 45 juta *views* bagus, tetapi *views* ini tidak menambah pendapatan sosiol ekonomi rakyat kita. Kita memerlukan supaya orang mari, beli dan duduk di Negeri Kelantan.

Hasrat saya adakah Yang Berhormat yakin bahawasanya perkara-perkara yang telah pun kita unjurkan, kita cadangkan yang kita buat untuk tahun 2024 ini boleh diteruskan lagi kepada masa yang akan datang? Terutamanya dari segi Wakaf Che Yeh, kita tahu Wakaf Che Yeh kita memerlukan penambahbaikkan daripada Kerajaan Negeri dan berkaitan dengan hasrat Yang Berhormat sebut tadi pusat membantu Kelantan tadi In Shaa Allah saya yakin kami bertiga akan menjadi ejen untuk pastikan supaya pusat mesti mengutamakan Negeri Kelantan.

Melaka juga Tahun Melawat Kelan, Melaka tahun 2024 kita tengok tadi pun Yang Berhormat pun ada sebut Melaka cari duit.

**YB DATO' SPEAKER :**

Mintak ringkaskan soalan.

**YB TUAN HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :**

Soalan saya, kenapa kita tidak mengambil langkah yang sama kalau kita nampak itu langkah yang baik, kenapa kita tidak melaksanakan perkara demikian? Terima Kasih.

**YB DATUK KAMARUDDIN BIN MD NOR :**

Terima kasih kepada Yang Berhormat Galas atas cadangan dan saranan. Cuma saya nak betulkan sikit yang apa namanya mungkin Yang Berhormat Galas salah dengar kot soal 700.000 tu. Pada pertengahan

tahun ini, kalau mengikutkan catatan kita daripada pintu masuk daripada sempadan Thailand. 3 pintu masuk tu, itupun kita dah dapat lebih 3 juta. Cuma saya tak nak tahu sebut di sini saya belum habis satu. Dan keduanya, tak wajarnya lah untuk kita menyebut satu angka yang tidak disahkan oleh DOSM Jabatan Statistik.

Tetapi kadar oleh kerana dah Yang Berhormat dah sebut soal angka tadi. Saya nak sebutlah daripada satu sumber sahaja. Imigresen sahaja dari Pengkalan Kubur dengan Rantau Panjang dan juga Bukit Bunga pun dah hampir 3 juta. So Alhamdulillah lah saya haraplah. Itu kita tak masuk lagi melalui bas yang sebut semalam ada 140 apa namanya *trip*. *Trip* masuk ni berapa bukan *trip* keluar ni tapi *trip* masuk. 140, 37 *flights per day* daripada Pengkalan Chepa tu tak termasuk semua lagi.

*Anyway* takpe, saya yakin dengan mengambil kira semua ini bahawa kita akan dapat 10 juta *'at least'* kalau tidak sama dengan yang tahun 2023. Saya terima kasih banyak atas, dan sewajarnya begitu sebgai wakil rakyat bagi Kawasan-kawasan di Negeri Kelantan. Keutamaan kita ialah untuk bagaimana mendapat untuk kita bantu memajukan Negeri Kelantan dalam pelbagai sektor termasuklah sektor Pelancongan. *So* hubungan baik Yang Berhormat daripada Galas, daripada Kota Lama, dan daripada Nenggiri dengan pusat itu wajar dimanfaatkan untuk kepentingan kita di Negeri Kelantan ini.

Alhamdulillah, terima kasih banyak. Dan gapo lagi dah tadi? Itu je la dok? Betul la dok? Ya ya, Wakaf Che Yeh.

**YB TUAN HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :**

Dan Yang Berhormat satu lagi saya rasa Yang Berhormat boleh betulkan fakta ini diluar, kerana Awani melaporkan Quote Yang Berhormat di sini. Terima kasih.

**YB DATUK KAMARUDDIN BIN MD NOR :**

Dia yang salah dengar tu. Okay, okay Wakaf Che Yeh *yes*. Apa namanya ini sedang diikhtiarkan oleh MPKB untuk hidupkan balik ya. Kalau satu masa dulu, dia sohor. Tapi tempatnya itu sudah diambil ahli oleh TEMAN nampaknya. Tapi di tempat itu masih lagi dikunjungi dan dilawati. Cuma kurang sikit lah. Dan apabila bertambah ramai maka semua tempat akan dipenuhi oleh orang.

In Shaa Allah, Terima kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Terima kasih. Ahli-ahli Berhormat sekalian, saya berhasrat untuk menangguhkan sidang kita pada pagi ini dan sidang akan bermula semula pada Jam 11.00 pagi. Terima kasih.

**PERSIDANGAN DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 10.30 PAGI DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 11.00 PAGI.**

**PERSIDANGAN DEWAN DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 11.00 PAGI**

**YB. DATO' SPEAKER :**

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Persoalan yang ada di hadapan kita sekarang ialah satu Rang undang-undang yang bergelar satu enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan wang disatukan untuk perkhidmatan tahun 2025.

Dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu. Sekarang saya kemukan rang undang-undang tersebut bagi perbahasan.

Sila, sila Pulai Chondong.

**YB. TUAN HAJI AZHAR BIN SALLEH :**

بسم الله الرحمن الرحيم

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

اَلحَمْدُ لله رب العالمين والصَّلَاةُ والسَّلاَمُ عَلَي اَشْرَفِ الأَنْبِيَاءِ وَالْمرْسَلِيْنَ سَيِّدِنَا محمد وَعَلَي اَلِهِ وَصَحْبِهِ اَجْمَعِيْنَ

۞ إِنَّ ٱللَّهَ يَأۡمُرُكُمۡ أَن تُؤَدُّواْ ٱلۡأَمَٰنَٰتِ إِلَىٰٓ أَهۡلِهَا وَإِذَا حَكَمۡتُم بَيۡنَ ٱلنَّاسِ أَن تَحۡكُمُواْ بِٱلۡعَدۡلِۚ إِنَّ ٱللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُم بِهِۦٓۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ سَمِيعَۢا بَصِيرٗا {

Surah An-Nisaa' Ayat 58 yang bermaksud :

*Sesungguhnya Allah memerintah kamu supaya menunaikan amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila berhukum dengan manusia, bahawa kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.*

Yang Berhormat Dato Speaker, izinkan saya memulakan ucapan saya dalam Bahasa mandarin sepatoh dua. *"Ta jiao hao" (Apa khabar semua) , "Zǎoshang hǎo" (Selamat pagi)* .

Hok jawab tu, tak pehe belako sebenarnyo tu,

Alhamdullillah, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Besar atas Pembentangan Bajet 2025. Bajet ini merupakan cerminan komitmen Kerajaan Negeri dalam merealisasikan dasar penghayatan Membangun Bersama Islam dengan lebih menyeluruh dan saya mengucapkan kasih diatas peluang yang diberikan oleh Dato' Speaker untuk saya turut berbahas dalam persidangan kali yang ke-3 Belanjawaan bagi tempoh Penggal Kedua Dewan Negeri Kelantan yang Ke-15 tahun 2024.

Dan saya akan membahaskan dalam beberapa isu,

Yang Berhomat Dato' Speaker yang pertama berkaitan dengan justifikasi bajet berimbang. Saya dan Ahli Dewan sekalian yakin Kerajaan Negeri Kelantan akan terus menunjukkan kebijaksanaan dalam mengemudi pentadbiran dengan mengambil pendekatan bajet berimbang dan strategik. Langkah ini mencerminkan keperihatinan Kerajaan terhadap cabaran semasa termasuk ekonomi global yang tidak menentu dan hasil negeri yang terhad.

Pendekatan ini bukan sekadar pekurangan perbelanjaan tetapi satu langkah berani kearah pengurusan fizikal yang mampan selari dengan matlamat mencapai bajet seimbang tanpa bergantung kepada pinjaman atau bantuan luar melalui pengurangan deposit sebanyak RM 85.47 juta ataupun 47.88 % berbanding tahun 2024.

Sebagai Ahli Dewan saya percaya ia adalah bukti kesungguhan Kerajaan Negeri dalam memastikan pengurusan kewangan yang berhemat dan mampan. Langkah ini mencerminkan keazaman untuk memastikan pembelanjaan Negeri kekal dalam had kemampuan sambil mengelakkan pergantungan kepada pinjaman atau bantuan luar.

Kerajaan turut mengelakkan pembaziran melalui penilaian semua projek-projek yang kurang *relevan* sambil memastikan setiap sen yang dibelanjakan mendatangkan hasil yang nyata. Penetapan di *Key Performance Indicators* ataupun KPI yang jelas untuk Agensi pelaksana. Bukan sahaja meningkatkan kecekapan tetapi juga gambaran bahawa Kerajaan Negeri bersedia menghadapi cabaran ekonomi dengan penuh integriti selaras dengan dasar penghayatan Membangun Bersama Islam.

Dan yang kedua ialah Bajet yang dibentangkan ialah orientasikan Kepimpinan Berintegriti. Kerajaan Negeri terus menekankan kepimpinan berintergeriti dengan asas Syariah yang menjamin keadilan kepada

rakyat dalam era dimana kepercayaan kepada pemimpin menjadi cabaran di peringkat nasional. Alhamdulillah Kelantan berjaya mengekalkan rekod pentadbiran bersih selama lebih 3 dekad.

Cuba cari mana sebuah Negeri yang setakat ni Alhamdulillah kita tidak rasa ego dan riak yang masih mengekalkan sifat rasuah dalam pentadbiran. Namun begitu kita masih lagi menerima diskriminasi dalam pengaggihan dana Persekutuan walaupun kita tengok saat akhir-akhir ini. Alhamdulillah banyak perubahan-perubahan yang positif. Perubahan positif yang telah ditunjukkan oleh pimpinan di peringkat Malaysia. Di mana kita melihat masih ada projek-projek lewat ataupun sakit yang telah dikenal pasti.

Antaranya seperti Projek IBS di Machang seluas 200 ekar, projek *Central Spine Road* pakej 3 di Gua Musang Kelantan ke Kampung Gelong. Projek pembinaan depot penyelanggaraan dan naik taraf *station* di Tumpat. Projek naik taraf Sistem Pump Selap Elektrik di enam buah rumah pam saliran bagi guna saliran dan tempat air banjir pertanian serta kerja-kerja berkaitan di LADA Kemasin Semerak yang melibatkan kelewatan selama 118 hari dan lain-lain lagi. Yang diboleh sebut projek sakit.

Yang ketiga Pertanian saya utamakan ialah pertanian sebagai pemangkin ekonomi negeri sebagai sebuah negeri yang berteraskan pertanian. Sektor ini terus menjadi tunjang utama ekonomi Kelantan. Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak 30% daripada bajet 2025 untuk sektor ini termasuk memperkukuhkan program Kelantan Agropreneur Muda dan Kelantan *"food valley"*. Namun di sana kita melihat terdapat kekangan terhadap Pembangunan Infrastruktur Pengairan yang telah menyukarkan usaha sebagai contoh Projek Empangan Lebir yang diusulkan masih belum mendapat kelulusan penuh daripada persekutuan. Walaupun ia kritikal untuk pengairan sebanyak 40 ribu hektar sawah padi. Susulan itu saya memohon dan mencadangkan agar pihak Kerajaan dapat mempercepatkan lain-lain taraf Sistem Pengairan seperti di Pasir Puteh dan Bachok.

Seterusnya, berkaitan dengan Pendidikan dan Pembangunan Insan. Alhamdulillah kita merasa bangga dengan apa yang telah dinyatakan oleh Exco Pendidikan dalam Sidang Negeri ini berkaitan dengan kejayaan-kejayaan yang telah dilakar oleh YIK. Namun di situ saya pohon supaya pihak YIK memberi lebih tumpuan kepada pembagunan T-VET di bawah Institusi Yayasan Islam Kelantan kerana zaman sekarang kita perlu membuka ruang yang lebih luas kepada anak-anak didik kita di YIK

supaya mereka boleh bersama dalam perkembangan pendidikan negara pada masa kini.

Di sini saya ingin cadangkan pihak YIK kalau sesuai supaya kalau tidak sukatan pun atau satu modul khusus pada pelajar-pelajar YIK untuk memahami perjuangan. Rakyat Palestine yang sedang diratah dengan ganas oleh pihak zionis israel. Kalau boleh lah supaya anak-anak kita di sekolah YIK ini memahami dan dapat mendalami apa yang telah dilalui oleh rakyat Palestin.

Yang seterusnya, berkaitan dengan sambungan kepada pertanian lupa saya nak sebut. Berkaitan dengan ihsan Kelantan saya nak mengucapkan tahniah kepada pihak YIK kerana telah memperkenalkan sistem pencen bercarum. Saya mengharapkan supaya sistem ini dapat diteruskan bahagikan guru-guru Yayasan Islam Kelantan dapat menikmati skim guru bercarum yang saya difahamkan yang telah dimulakan dan semoga dapat diteruskan untuk menjaga Kebajikan guru-guru YIK.

Dan saya juga ingin mencadangkan supaya dibuat pengedaran semula kepada pentadbir-pentadbir Yayasan Islam Kelantan. Dan saya faham telah diadakan sedikit perubahan. Kalau boleh dapat diperincikan dengan lebih jelas pengedaran Pengetua, Penolong Kanan, di sekolah-sekolah Yayasan Islam Kelantan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berkaitan dengan KIAS. Saya mencadangkan supaya. Setiap hari saya lalu ikot KIAS ya, Alhamdulillah telah nampak keceriaan yang telah dibuat untuk pastikan bahawa KIAS duduk sama tinggi dengan Kolej ataupun universiti-universiti lain. Dia di palo retok di bersempadan dengan KIAS tu ada sungai yang cantik disitu. Apa salahnya Pihak Majlis Daerah Ketereh berkolaborasi dengan pihak Majlis Daerah dan jugak dengan pihak-pihak untuk buat satu rekreasi situ. Dia sepagar tu ada sungai comey, tapi kalau boleh buat comey sikit situ boleh menjadi daya tarikan kepada KIAS. Kerana kita g mana-mana kolej kebanyakkan nya ada ruang-ruang tasik dan sebagai.

Orang mudo kata untuk *healing* situ, bahasa loni nak healing duk cokoh situ sambil melihat keindahan alam dan boleh melupakan sejenak benda-benda yang menyerabutkan otak kita. Dan saya ucap tahniah kerana KIAS telah ada pusat Bahasa Antarabangsa. Cuma banyak pertanyaan-pertanyaan daripada orang-orang awam yang berminat untuk berkhusus Bahasa Arab di KIAS. Jadi kalau lah KIAS ada orang-orang yang berpangkat besar ni, dia kena sediakan lah tempat kondusif lah bertaraf

3 bintang. Buat satu tempat, dan kita boleh kembalikan kegemilangan pusat Bahasa Arab di Nilam Puri dulu sebagai ganti.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Pembangunan Islam dan Dakwah saya juga ingin menyebut JAHEIK mestilah menjadi agensi utama yang melaksanakan agenda penghayatan Membangun Bersama Islam secara kreatif dan boleh difikirkan bagaimana dalam suasana teknologi semasa ini langkah-langkah yang boleh dimainkan oleh JAHEIK untuk menarik lebih ramai golongan muda untuk mendekati masjid melalui teknologi moden masa kini. Mana kita lihat kalau saya kuliah masjid saya tanya berapo ore ni? Dok? Hok ado duk dengar ni yang pihak insurans terima lagi. Kebanyakkan nye hok gi tu insurans tu tokse dah. Duk terbongkak nunggu masa, modal tak dok. Dan di lain-lain tempat pun lagutu lah, anak-anak muda ni kita kena fikir cara lagu mana nak tarik anak-anak muda supaya mendekati masjid.

Dalam pada itu, pendekatan pendakwah kepada anak muda perlu lebih kreatif dan lebih dijalankan dengan akar umbi melalui kerjasama komuniti dan masyarakat setempat sesuai dengan kita melancarkan Program Dasar Komuniti Rabbani, dan persoalan saya sejauh mana pihak PBT khusunya melalui Pegawai Pembangunan Tadbir Pembangunan Islam yang ada di PBT-PBT kita dapat memainkan peranan supaya boleh menarik belia-belia anak muda kita untuk mendekati masjid dan minat kepada agama. In Shaa Allah.

Seterusnya, berkaitan dengan keberkesanaan Syariah Islam. Terima Kasih di atas penerangan yang telah dijawab oleh Dato' Timbalan Menteri Besar dan jugak Exco Agama Cuma, saya rasa kita perlu bergerak dengan lebih pantas supaya segala persoalan yang ditimbulkan dengan berkaitan dengan status terkini jawatankuasa ditubuhkan. Apa langkah oleh Kerajaan Negeri dan bilakah perkara tersebut itu akan dibentangkan di dewan yang mulia ini dapat dijawab dan dapat dilaksanakan secepat mungkin oleh pihak Kerajaan.

Kita ingin melihat peranan Mahkamah Syariah dapat diperluaskan dan diperkukuh dengan menyeluruh bukan sekadar dalam aspek perundangan tetapi juga dalam kecekapan pentadbiran dan kapasiti Pegawai Syariah.

Alhamdulillah, kita merasa sangat bersyukur di atas nikmat 34 tahun pentadbiran Membangun Bersama Islam dan sekarang Yang Berhormat Menteri Besar baru menyambungkan lagi dengan Penghayatan Membangun Bersama Islam. Jadi tahniah kepada Penjawat Awam dan

lantikan politik yang menjadi tunjang belakang Kerajaan ini. Dedikasi dan komitmen semua dalam memastikan dasar Kerajaan dapat dilaksanakan dengan cemerlang dan amat dihargai.

Dan saya ingin mengambil kesempatan untuk sedikit persoalan lokaliti di kawasan saya seperti yang tuan puan tahu antara isu setempat yang saya nak sebut dalam sidang DUN yang mulia ini ialah berkaitan dengan jalan daripada Pulai Chondong hingga ke Labok. Semua ahli Yang Berhormat melalui jalan ini, ada setengah rakyat ambo termasuk orang yang lalu setiap hari berkerja ke Kuala Krai. Sakit mental dah loni diluahkan setiap hari dia kena ada berapa jam disitu untuk melepasi simpang ke Jeram Mengaji ke Selising. Jadi saya harap pihak Kerajaan dapat pihak Kerajaan Persekutuan, Pihak Exco Negeri dapat berfikir bagaimana kita nak menyelesaikan supaya rakyat saya senang, *"dio rotate* buat *flyover* situ ustaz" Cadangan rakyat lah, saya sebut tu.

Di simpang itulah sebenarnya tu! Sampai nak simpang masuk ke Selising ni dia akan lekat. Kalau pagi tu meme. Kalau orang dari Kota Bharu nak ngajar Kuala Krai, lepas subuh dia turun selalu doh. Sebab dia buleh agok dah dia akan ada situ selamo sejam hingga sejam setengah.

Jadi saya cadangkan pihak Kerajaan dapat berbincang dengan pihak Kerajaaan Persekutuan untuk. Kalau boleh lagumana kita nak menyelesaikan masalah jalan yang begitu sibuk yang menjadi laluan utama daripada Kota Bharu ke Gua Musang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya melihat nak sebut berkaitan dengan kebersihan sehingga hari ini saya secara peribadi saya masih belum berpuas hati dengan keadaan kebersihan khususnya di jalan-jalan utama. Setiap pagi kita daripada Kuala Krai sampai lah Kota Bharu, kita akan berjumpa dengan sampah-sampah.

**YB DATO' SPEAKER :**

Sila ringkaskan, masa Yang Berhomat ada 2 minit lagi.

**YB TUAN HAJI AZHAR BIN SALLEH :**

2 minit dah? Takpo, dei In Shaa Allah. Dei la pantun sekali dih? Baik jadi keadaan sapoh yang menggambarkan suatu suasana yang tok comey mato memandang deh. Sapo hok lalu setiap hari, dia akan tengok sapoh berlonggok di tepi jalan. Saya taktahu adakah kerana masalah PBT yang tidak memungut sapoh di sebeloh malam ataupun masih ada rakyat kita yang masih lagi yang membuang sampah selepas subuh dan sebagainya.

Akhir sekali, saya nak mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan yang telah memberi, kenaikkan elaun kepada Guru Al-Quran dan Fardhu Ain, Penolong Pegawai dan Pembantu Halaqah. Walaupun tidak banyak Alhamdulillah ini merupakan satu suntikan semangat kepada mereka yang telah diberi kenaikkan tadi, mudah-mudahan pihak Halaqah terus memberi komitmen dan dapat terus memberi sumbangan yang besar bagi menambah lagi ilmu-ilmu rakyat Kelantan dari segi keagamaan dan sebagainya.

Saya akhiri dengan serangkap pantun,

*"Makan betik cicoh budu,*
*hidangan tradisional makin terkenal,*
*alangkah cantik jika bersatu padu,*
*ayuh mari undi Perikatan Nasional."*

أقول قولي هذا وأستغفر الله لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Saya mohon menyokong ucapan bentangan bahas yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Dato' Panglima Perang.

Kalau Galas nak jawab semula pantun sakni pun buleh jugok deh. Sekian terima kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Awal Yang Berhormat *campaign* dih? (sedikit tertawa). Okay, sila Gual Periuk.

**YB TUAN KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD :**

بسم الله الرحمن الرحيم

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ucapakan jutaan terima kasih di atas kebenaran yang diberikan untuk saya berucap pada pagi ini. Saya mulakan ucapan saya dengan merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang, Menteri Besar Negeri Kelantan yang telah berjaya Membentangkan Bajet 2025 bertemakan Keberkatan, Kesejahteraan dan Keseimbangan untuk Kemakmuran Negeri yang bernilai RM 1.51 billion. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Negeri Kelantan di atas kejayaan KDNK 2023 sebanyak RM 27.6 billion berbanding RM 26.9 billion pada

2022. Peningkatan sebanyak 2.6 % dalam keadaan ke tidak tentuan ekonomi dunia.

Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Kelantan, Kerajaan Negeri Kelantan di atas beberapa pencapaian lain yang sangat signifikan yang sangat penting kepada rakyat Negeri Kelantan. Iaitu di antaranya ialah Indeks Pencapaian Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia. Di mana Kelantan telah skor indeks 7.07 di Kawasan bandar berbanding 6.46 dan luar bandar 6.94 berbanding 6.54 skor kebangsaan.

Dan Kelantan juga mencapai satu kejayaan sangat besar bila diiktiraf sebagai Negeri paling selamat di Semenanjung dan yang kedua di Malaysia. Jadi saya rasa ini suatu pencapaian yang sangat besar dan teras kepada Kejayaan Pencapaian ini ialah dengan Dasar Membangun Bersama Islam. Dan kejayaan ini yang paling penting ialah bagaimana Kerajaan Negeri Kelantan berjaya mengekalkan rekod sifar rasuah sejak daripada 1990. Dan ini jugak salah satu pencapaian yang sangat besar dan ianya perlu diperkasakan.

Jadi kejayaan-kejayaan ini pastinya akan memberikan satu implikasi yang besar kepada kesejahteraan hidup rakyat Negeri Kelantan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebelum itu saya ingin memetik ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan di dalam Pembentangan Bajet 2025 berkenaan dengan usaha memajukan zon ekonomi khas Malaysia Thailand yang dicadangkan di Rantau Panjang yang bertujuan untuk meningkatkan Kerjasama Ekonomi antara Malaysia dan Thailand selain menggalakkan pelaburan di dalam sektor utama seperti Industri getah dan makanan. SEZ ini juga termasuk usaha untuk mengatasi isu banjir di Kawasan Sempadan.

Kawasan Sempadan adalah merupakan zon strategik yang dimiliki oleh Kerajaan kita. Kawasan sempadan Malaysia Thailand yang melibatkan empat Negeri Malaysia iaitu Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan dengan panjang keseluruhan sempadan 160 km yang meliputi Kawasan seluas 697,000 22.72 hektar. Bagi Kelantan Kawasan sempadan nye saja meliputi 99 km menjadikannya pintu masuk utama bagi perdangangan rentas sempadan dan pelancongan.

Di mana pada tahun 2024, sahaja perdangangan sempadan di Rantau Panjang telah menyumbangkan angka yang signifirun kepada Ekonomi Negeri Kelantan. Strategi dan Pembangunan Kawasan sempadan untuk menangani cabaran ini dan memaksiumkan potensi kawasan sempadan. Saya mencadangkan beberapa cadangan berikut yang pertamanya ialah,

Peningkatan Infrastruktur. Di sini juga saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih di atas kelulusan pembinaan jambatan kedua di Rantau Panjang yang menghubungkan Rantau Panjang dan juga Selatan Thai.

Saya yakin dengan siapnya projek jambatan yang kedua ini, ianya akan membuka peluang yang baru dengan lebih baik dan terutama sekali dari bidang keselamatan dan perdangangan di antara kedua-dua negara. Zon Ekonomi Khas (SEZ) Kerajaan perlu mengambil langkah drastik bagi mengelakkan pekan Rantau Panjang yang dahulunya meriah namun sekarang sudah agak sepi akibat daripada ke tidadaan pengunjung. Penubuhan Zon Ekonomi Khas Malaysia Thailand dengan inisiatif pelaburan dan pengecualian cukai akan menarik pelabur asing dan tempatan serta menjadikan kawasan ini hak perdagangan utama serantau.

Yang keduanya ialah, meningkatkan keberkesanan Pengangkutan Sempadan. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas cadangan untuk melanjutkan ECRL Kota Bharu hingga ke Rantau Panjang. Dan cadangan untuk menghidupkan semula laluan kereta api di antara Rantau Panjang dan Selatan Thai. Kedua-dua pengangkutan ini akan menjadikan Rantau Panjang sebagai *Inlandport* dengan izin yang akan menjadikan Rantau Panjang sebagai zon ekonomi yang berkesan. Bagaimana barang-barang dagangan daripada Kuala Lumpur kepada Pantai Barat akan di bawa ke Rantau Panjang melalui ECRL dan kemudian barang ini akan diangkut melalui laluan kereta api untuk dibawa ke Selatan Thai dan begitu lah juga sebaliknya.

Dengan keupayaan pengangkutan ini akan menghidupkan semula Rantau Panjang di zaman kecemerlangan pada zaman dahulu. Dan di zaman kecemerlangannya dahulu dengan transaksi perdangangan yang begitu hebat di antara Rantau Panjang dan Selatan Thai.

Seterusnya ialah Pembinaan Jambatan Sempadan Tak-Bai. Perdana Menteri yang ke-9 telah mengumumkan untuk membina sebuah jambatan yang menghubungkan Pengkalan Kubur dan Tak-Bai bagi menyokong hubungan rentas sempadan yang perlu direalisasikan bagi meningkatkan ekonomi rentas sempadan ini. Saya juga ingin bertanya apakah status cadangan Pembinaan Jambatan Tak-Bai ini.

Yang seterusnya, Yang Berhormat Dato' Speaker Pemeriksaan Pelancongan rentas sempadan. Eco pelancongan dan budaya kawasan sempadan Kelantan berpotensi besar untuk mempromosikan Eco

Pelancongan melalui Hutan Simpan dan kawasan semula jadi bagi seperti Rantau Panjang, di Jeli dan Tanah Merah yang kaya dengan flora dan fauna yang unik. Rantau Panjang sendiri memiliki satu kawasan pelancongan yang agak baik tetapi tidak dimanfaatkan sepenuhnya iaitu Empangan Bukit Kwong dan Bukit Kwong itu sendiri yang sebelum ini sudah terkenal sebagai lokasi pelancongan. Aktiviti hiking yang telah pun popular di kalangan rakyat Kelantan dan juga Terengganu.

Jadi saya ingin bertanya kepada Exco yang berkaitan adakah sudah terdapat perancangan untuk membangunkan Empangan Bukit Kwong dan Bukit Kwong itu sendiri sebagai Kawasan tarikan eco pelancong di Rantau Panjang dan Kelantan.

Destinasi membeli belah kawasan seperti Rantau Panjang dan Pengkalan Kubur akan diperluaskan sebagai destinasi membeli-belah utama termasuk kedai bebas cukai yang mden dan mesra pelancong dengan cadangan ini, untuk memperkasakan bagaimana hari ni dua kawasan ini adalah satu kawasan perniagaan yang menjual Barangan Gelora traditional sejak daripada puluhan tahunan dahulu. Dan satu refomasi perlu dilakukan di kedua-dua lokasi ini untuk menjadikan lokasi ini lebih menarik untuk menarik perhatian orang ramai dari sudut destinasi membeli belah.

Dan saya juga mencadangkan promosi budaya seperti Dikir Barat, Wayang Kulit, dan Makanan Tradisional Kelantan untuk mempromosikan bagi menarik Pelancong domestik dan kerjasama serantau. Mesyuarat dua hala di antara Kerajaan Malaysia dan Thailand akan meningkatkan kerjasama dan kawalan sempadan dan perdagangan melalui mesyuarat dua hala. Platform Indonesia, Malaysia dan Thailand *"growth triangle"* IMTGT seharusnya diperkasakan bagi mewujudkan eko sistem ekonomi yang lebih kondusif. In Shaa Allah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin menyentuh isu yang kedua atau topik kedua iaitu Pengurusan Bencana Banjir. Semasa dalam perjalanan ke dewan ini tadi, satu PPS sudah dimulai bukak Sekolah Kebangsaan Gual To'Deh yang telah memindahkan 6 buah keluarga pertama Daerah Pasir Mas. Isu banjir adalah cabaran besar kepada Negeri Kelantan khususnya Kawasan yang sering dilanda banjir seperti Rantau Panjang, Pasir Mas dan Kota Bharu. Saya merakamkan ucapan tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana yang telah proaktif memperuntukkan sebanyak RM 8.35 juta untuk Pengurusan Bencana dan Projek Infrastruktur yang berkaitan dengan dalam menghadapi perubahan iklim yang semakin tidak menentu.

Saya ingin mencadangkan agar Kerajaan Negeri memberikan keutamaan kepada beberapa langkah strategik seperti berikut:

Yang pertama, merangka pelan mitigasi banjir secara holistik yang dapat membantu menangani masalah banjir ini secara berkesan.

Yang kedua, pembangunan rangkaian stesen *hidrologi* termasuk sistem siren amaran banjir untuk mengumpul dan memproses data *hidrologi* bagi tujuan ramalan dan amaran banjir.

Yang ketiga penyediaan ban-ban banjir, tembok penghalang banjir (*flood wall*), *bypass channel* dan juga usaha melebarkan dalam sungai untuk meningkatkan keberkesanan kawasan banjir.

Jadi saya juga ingin bertanya satu soalan apakah status pembinaan Projek Tebatan Banjir yang sedang berjalan sekarang ini? Kalau kita lihat kalau kita ke Sungai Golok sekarang ni kita lihat bagaimana Selatan Thai telah membangunkan prosfom tebatan dan sudah ke fasa yang kedua. Dulu mereka membangunkan benteng tebatan, apabila benteng ini tidak cukup menampung untuk menampung banjir ini untuk menekan banjir ini mereka telah membuat fasa yang kedua mereka telah membangunkan lebih tinggi. Kalau kita duduk di tebing itu, kita dapat lihat dengan jelas bagaimana tebing mereka jauh lebih tinggi berbanding tebing Sungai Golok kita. Jadi ini akan mewujudkan satu keadaan yang sangat berbahaya kepada rakyat Rantau Panjang. Jadi kalau kita lihat keadaan sekarang, bilakah projek tebatan banjir yang sedang berjalan akan dijangka siap? Dan apakah langkah,

**YB TUAN NIK BAHRUM BIN NIK ABDULLAH :**

Maaf, mohon mencelah Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya mohon untuk mencelah.

**YB DATO' SPEAKER :**

Sila, silakan Chempaka.

**YB TUAN NIK BAHRUM BIN NIK ABDULLAH :**

Jadi apa ni, dasar yang disebutkan tadi. Saya nak tanya satu je. Untuk tebatan banjir tersebut, sempadannya adakah di antara Kelantan dengan Golok ataupun di antara Malaysia dengan Thailand?

**YB TUAN KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD :**

Baik terima kasih. Ada dalam ucapan saya selepas ini.

**YB DATO' SPEAKER :**

Yang berhormat ada 2 minit lagi.

**YB TUAN KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD :**

Okay baik, ianya adalah Sempadan Antarabangsa diantara Malaysia dan juga Thailand. Tetapi ditadbir oleh Kerajaan Negeri Kelantan. Jadi ia sepatutnya menjadi tanggungjawab bersama Kerajaan Malaysia untuk mengatasi masalah ini sebaik mungkin. Jadi saya hanya ingin menyebut bahawa sekiranya kalau kita ingin menunggu proses/projek pembinaan ini siap sepenuhnya yang kita sendiri tidak tahu bila akan siap maka rakyat Rantau Panjang akan terdedah kepada bahaya banjir yang sangat-sangat besar kerana jumlah air Sungai Golok ini akan masuk ke Kawasan Negeri Kelantan.

Dan keduanya, projek benteng yang sedang berjalan di Lubok Jong akan menyekat air daripada empangan daripada Pasir Mas Empangan, daripada empangan. Waallahhualam terlupa. Daripada empangan yang sepanjang laluan benteng itu yang iaitu tidak akan dapat menampung air keluar maka Rantau Panjang akan menjadi seperti akuarium yang akan menampung air. Jadi saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri supaya mengambil langkah yang segera, langkah yang proaktif untuk memastikan sebagaimana projek benteng akan siap sepenuhnya, maka ia dapat mengambil langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini dengan baik.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin menyentuh tentang kejayaan besar Negeri Kelantan iaitu Kejayaan Menengahkan Perpaduan Nasional. Kalau kita lihat di Negeri Kelantan, bagaimana rakyat dari pelbagai bangsa dan agama hidup dengan baik, hidup dengan harmoni dan ini sudah lihat dengan jelas melalui *ikon-ikon 'medksos'* kita, yang mana kita lihat bagaimana *'mek*' sebagai contoh daripada berbangsa India yang boleh bercakap bahasa melayu dengan cukup baik dengan cukup fasih. Bagaimana dengan banyak lagi *ikon-ikon* lain seperti Mekyun dan sebagainya. Yang mana saya lihat inilah model yang sepatutnya dipertengahkan ke peringkat kebangsaan dan juga di negeri-negeri lain.

Dan saya ucapkan tahniah atas kejayaan Kelantan dalam membangunkan Model Perpaduan ini. Jadi yang terakhirnya, Yang Berhormat Dato' Speaker saya ingin merakamkan sekali lagi ucapan tahniah diatas sikap tarif Kerajaan Negeri Kelantan dalam mentadbir negeri dan bergerak dengan daya usaha serta kecekapan yang tanpa mengira bangsa, agama dan parti kerana Kerajaan Persekutuan sepatutnya mencontohi Negeri

Kelantan dengan bersikap professional dalam pentadbiran tanpa membawa usul politik dan berusaha memelihara hubungan *federelisma* sebagai contoh Kelantan yang telah memberikan peruntukkan kepada semua wakil rakyat, termasuk wakil rakyat. Semoga wakil-wakil rakyat Kelantan dan yang lain-lain dapat pertimbangkan sewajarnya daripada Kerajaan Persekutuan.

**YB DATO' SPEAKER :**

Masa Yang Berhormat sudah cukup. Masa cukup deh.

**YB TUAN KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD:**

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker.

**YB TUAN HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM:**

بسم الله الرحمن الرحيم

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, pertamanya kehadapan bawah Yang Maha Duli Yang Mulia Tuanku yang mewakili rakyat Galas, patik ingin mengunjung kasih dan juga menjunjung setinggi-tinggi tahniah serta setinggi-tinggi penghargaan atas ulang tahun kelahiran Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Duli Al-Sultan. Sebagai rakyat semestinya kita mendoakan Tuanku Al-Sultan terus menerus dicucuri Rahmat Allah SWT. Dirgahayu Tuanku.

Keduanya, Galas ingin mengucapakan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Besar serta seluruh pihak Pentadbiran atas kejayaan membentangkan belanjawaan tahun 2025. 1.45 diunjur disediakan untuk belanjawan kita pada kali ini. Galas ingin memulakan perbahasan pada kali ini ingin menyentuh berkenaan dengan beberapa perkara yang berkaitan dalam Kawasan Galas.

Yang pertamanya, Yang Berhormat Dato' Speaker berkenaan dengan bandar perabot di Gua Musang. Bandar perabot saban tahun disebut dalam belanjawaan tetapi pada tahun ini tidak ada peruntukkan ataupun apa-apa yang berkaitan dengan bandar perabot di Gua Musang ini. Upacara pecah tanah di bandar perabot ini telah berlangsung pada 10 September tahun 2020.

Ramai di kalangan kita yang menjadi saksi kepada pecah tanah tersebut. Pengumuman tersebut penting kepada Galas dan rakyat Gua Musang kerana Kerajaan menjanjikan 1500 peluang pekerjaan bakal diraih oleh warga tempatan dan juga anak negeri Kelantan. Keluasan projek sebanyak tiga ratus lima puluh hektar tapak tanah bandar perabot dengan komitmen membina 3 buah kilang yang pembinaan yang dijadualkan sepatutnya berlaku pada pertengahan tahun 2022. Tetapi kita faham di dalam dewan yang mulia ini telah pun diberitahu kepada kita bahawasanya pandemik covid 19 telah merencatkan Pembangunan ini. Sekarang kita berada di tahun 2024 jadi saya ingin bertanya kepada dewan yang mulia ini.

Apakah masalah utama sebenarnya? Yang berlaku di bandar Perabot Gua Musang hari ini. Saya tengok tapaknya masih lagi seperti sewaktu pelancaran dahulu. Dan Syarikat yang memproleh projek ini ialah *MCkift Management Comitte Sdn Bhd*. Saya tengok begini ya Yang Berhormat Dato' Speaker tahun ini pembinaan masih lagi belum bermula tetapi tiga kelulusan Projek Ladang Hutan kepada MCkift dikesan yang baru sahaja mendapat kelulusan EIA pada tahun 2023 melibatkan 1169 hektar. Persoalannya adakah projek ladang hutan tersebut diserahkan sebagai *kickback* untuk membangunkan bandar perabot Gua Musang. Projek ladang hutan 400 hektar di Ulu Nenggiri, projek hutan 305 hektar di Sungai Betis Ulu Neggiri. Projek ladang hutan 404 hektar Sungai Betis juga di Ulu Nenggiri. Adakah Syarikat MCkift ini mendapatkan keuntungan daripada projek ladang hutan dahulu ataupun janji untuk membina bandar perabot ini dapat dilaksanakan selepas projek ladang hutan ini menguntungkan mereka.

Dan sekiranya projek ini tidak berjalan apakah tindakan yang boleh diambil terhadap syarikat ini? Yang Berhormat Dato' Speaker, yang keduanya saya nak menyentuh berkenaan dengan isu RKK Dato' Bentara juga dalam Kawasan Galas. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Menteri Besar kerana RM 15.61 juta LRA pangung lalat juga terkandung di dalam perutukkan dalam belanjawaan pada kali ini. Ianya untuk pembangunan loji rawatan air di Panggung Lalat. Panggung Lalat juga menempatkan bandar perabot Gua Musang.

Bandar perabot Gua Musang telah berlansung perasmiannya pada 18 Mei 2023. Ramai dikalangan kita di dalam Dewan Undangan Negeri ini dalam Dewan ini juga menjadi saksi kepada acara perasmian ini. Kerajaan menjanjikan 5000 peluang pekerjan tadi 1500, loni 5000 peluang pekerjaan untuk rakyat Galas, rakyat Gua Musang dan rakyat Negeri

Kelantan. 4000 Unit Rumah Mampu Milik, 4340 unit rumah kos sederhana terkandung dalam pembangunan projek ini. Saya nak tanya status apakah status terkini pembangunan Bandar Dato' Bentara ini.

Terdapat beberapa komponen pembangunan tercatat dalam pengumuman di Bursa BHKL oleh Syarikat antarannya adalah Pembangunan Kilang Biodisel, Pembangunan Ladang Hutan melibatkan 250 ribu hektar. Kilang pulpa, kilang makanan haiwan dan kilang baja. Yang menarik perhatian saya Yang Berhormat adalah komponen Pembangunan Ladang Hutan seluas 200 ribu hektar yang diumumkan di Bursa BHKL oleh Syarikat namun ia tidak diumumkan oleh Kerajaan Negeri. Apakah perkembangan terkini projek ini?

Adakah projek ini semata-mata untuk mendapatkan projek ladang hutan? Seperti mana Projek Perabot Ladang Hutan tadi yang mana MCkift tadi mendapat 3 kelulusan Projek Ladang Hutan dengan ribuan hektar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya jugak nak sentuh berkenaan dengan RKK Lojing. Di mana juga berada di dalam Kawasan Galas, RKK Lojing ini merupakan antara rancangan Kawasan khas yang mana rancangan ini kita tahu ianya melibatkan keluasan seluas 400 hektar untuk pemuliharaan Bunga Rafflesia. Apakah jangka panjang untuk memastikan insiatif ini tidak terganggu oleh menerokaan tanah yang masih berlaku? Di sini Yang Berhormat Dato' Speaker dan juga Ahli-Ahli Dewan sekalian, Galas berharap RKK Lojing ini dapat dilaksanakan dengan sebaiknya kerana ianya amat penting menjadi Pusat Pelancongan yang baru kepada Negeri Kelantan dan berada di pintu masuk Negeri Kelantan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara yang ingin dibawa seterusnya ialah berkaitan dengan orang asli. Orang asli ada RM 2.5 juta termasuklah dalam peruntukan tersebut bayaran orang asli dan dakwah orang asli. Di sini Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri Kelantan yang juga tidak meminggirkan masyarakat orang asli dan rakyat kita. Cuma saya ada beberapa isu utama masyarakat orang asli yang memerlukan perhatian daripada kita Kerajaan Negeri Kelantan.

Pertamanya ialah berkaitan dengan Perwartaan Tanah Adat. Yang keduanya dengan ketagihan alkohol. Dan yang ketiga masalah dengan PATI pendatang asing tanpa izin. Bagi perwartaan tanah adat sehingga kini banyak lagi kawasan-kawasan yang belum lagi diwartakan menyebabkan komuniti ini terus terdedah kepada ancaman kehilangan tanah dan juga kehilangan kawasan rayau mereka.

Yang kedua, Yang Berhormat Dato' Speaker ketagihan alkohol masalah ketagihan alkohol di kalangan orang asli semakin membimbangkan membangunan pesat di kawasan seperti Tanah Tinggi Lojing telah memudahkan akses kepada alkohol terutama dengan kehadiran pekerja asing yang membawa budaya minum arak. Kerajaan Negeri juga telah mengambil langkah, saya telah suarakan perkara ini sebelum ini dan terima kasih Kerajaan Negeri kita telah pun mengambil langkah dengan menghantar mualim untuk memberikan Pendidikan Agama serta kesedaran mengenai bahaya alkohol kepada komuniti. Soalan saya sejauh mana keberkesanan ataupun kejayaan kita dalam memberikan Pendidikan Agama serta kesedaran ini kepada para belia orang asli.

Yang ketiga dengan isu PATI tadi selain daripada menimbulkan isu keselamatan persaingan mendapatkan sumber pekerjaan dan perkhidmatan asas. Secara tidak lansung Yang Berhormat Dato' Speaker Masyarakat orang asli juga telah pun berkahwin dengan warga asing tanpa izin ini. Perkahwinan yang melanggar adat mereka ini menyebabkan kesejahteraan dalam komuniti orang asli juga terganggu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya RM 7.5 juta peruntukkan bagi melestarikan pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar. Saya nak bangkitkan isu konflik Hidupan Liar di Gua Musang. Kita tahu Gua Musang sentiasa berdepan dengan konflik antara manusia dan jugak kehidupan liar. Kehidupan liar di Gua Musang memerlukan pendekatan yang lebih holistik yang melibatkan kerjasama antara Kerajaan agensi yang berkaitan dan masyarakat setempat. Gajoh tubik luar, rimau tubik luar, beruang tubik luar. Tubik luar ni bermaksud nye mari ke kawasan perumahan lah. Kalu Kawasan hutan tu takpolah mugo kawasan dio. Tapi apabila kita mengadu kepada Jabatan Perhilitan Yang Berhormat. Antara jawapan yang sentiasa keluar ialah kekurangan sumber untuk melakukan operasi menangani konflik ini. Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk memberi sokongan tambahan kepada Perhilitan. Saya pernah suarakan di dalam dewan yang mulia ini pada 6.12.2023 supaya pihak berkuasa ditubuhkan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Besar yang menjawab dengan baik dan mengambil serius dan berhasrat untuk menubuhkan jawatankuasa bersama untuk menangani konflik ini.

Soalan saya Yang Berhormat, sejauh manakah jawatankuasa ini telahpun ditubuhkan dan adakah ianya telah berlansung dan kalau telah berlansung saya memohon lah agar maklumat-maklumat nya juga *dishare* ataupun dikongsi bersama dengan Galas, Nenggiri dan juga Kawasan-kawasan yang berada di Kelantan Selatan. Yang Berhormat Dato' Speaker

seterusnya ialah berkaitan dengan KB Sental. Dan kita tahu isu ini isu yang melingkari di negeri kita ni. KB Sentral ini telah dilancarkan pada tahun 2020. Tetapi telah mengalami kelewatan yang ketara dengan tarikh siap asalnya. Kini maklumat yang terakhir Yang Berhormat Dato' Exco kata tahun 2027. Penangguhan ini Yang Berhormat telah menimbulkan persepsi yang negatif kepada Kerajaan Negeri kita.

Seolah-olah ketidakmampuan kita ataupun membeli masa. Adakah ini perkara yang tidak terlibat dengan Kerajaan Negeri, kelemahan ini tidak terlibat dengan Kerajaan Negeri ataupun apakah punca sebenar mengapa projek KB Sentral ini mengalami kelewatan yang begitu lama. Dan apakah langkah yang segera yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan tarikh siap pada 2027 dapat dipatuhi. Saya ingat dalam dewan ini saya tanya kepada Exco yang berkaitan "boleh siap ke dok tahun 2026" dan pada waktu itu dia di *extend* tahun 2025 *extend* tahun 2026. Ambo tanya, Galas tanya siap ke dok tahun 2026. Exco dengan *confident*. *Confident* tu takpolah biasa dialah kena *confident*. Tapi ni kita nak masuk 2025 dah dan projek ni masih belum lagi dapat dilaksanakan. Kita nak bersama dalam hal ini Yang Berhormat. Kita nak apakah Widad Group pada awalnya dulu dan kini ditukar kepada Perak Transit dan diminta supaya sebagai Kontraktor Utama yang mana mungkin pada saya dirunding terus. Takpelah bagaimana pun nak buat tetapi asalkan KB Central ini perlu dilaksanakan.

Dan Yang Berhormat Dato' Speaker, apa yang lebih menarik lagi ialah 2023 di dalam dewan ini kita ada sebut berkenaan dengan anggaran RM 20.0kw diperuntukkan untuk KB Central. 2024 RM 10.4 juta dan dalam belanjawaan pada kali ini 2025 ada RM 7,000 juta diperutukkan untuk KB Sentral ini. RM 37.4 juta dah Yang Berhormat selama 3 tahun. Tok siap lagi KB Sentral kita ni banyak mana lagi kita perlu untuk membina KB Sentral ini. Kita selesai dulu saya tengok pembangun nak wak ni pembangunan bercampur, ada *shopping* kompleks, ada kondo kita selesai dahulu KB Sentral ni. In Shaa Allah saya yakin dengan siapnya KB Sentral ini persoalan-persolan yang negatif kepada Kerajaan Negeri kita dapat kita selesai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, yang seterusnya ialah mengenai misi pelaburan. Saya ucap tahniah kepada Kerajaan Negeri berusaha mempasti pelaburan di Negeri kita ini dapat dibawa masuk. Dalam belanjawaan pada kali ini ada RM 900.000 ribu Misi Pelaburan di bawa masukkan di Negeri kita ini. Setakat ini Yang Berhormat berapakah pasaran Pelaburan yang direalisasikan pada tahun 2024? Dan berapa

banyak pekerjaan yang berjaya diwujudkan dari hasil kemasukan pelaburan di tahun 2023 dan juga pada tahun 2024? Bagaimana Kerajaan Negeri mempastikan agar pelaburan yang masuk benar-benar memberi impak yang lansung dengan kesejahteraan rakyat terutamanya di Kawasan Kelantan Selatan di Kawasan luar bandar. Mei 2024 ada Misi Pelaburan ke Bangkok Thailand *Invest* Kelantan ada ke Bangkok. PKINK, PMBK, ECERDC, dan MAIDA menyertai Ekspo Thaifex Anuga Asia 2024. Tapi sayangnya Galas dia tak ajok sekali. 6 Mac 2024 Yang Berhormat Dato' Exco telah menyatakan ada 15 buah Syarikat dari luar negara telah melabur di Kelantan. Mungkin kita boleh tahu sejauh mana setakat ini 15 syarikat luar negara ini melabur di Negeri Kelantan.

Saya menyokong apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar bagi melaksanakan pelaburan strategik dalam sektor Pembuatan. Sewaktu kedatangan Yang Berhormat Menteri Ekonomi ke Negeri kita, Yang berhormat Menteri besar ada menyatakan bahawasanya Kelantan Kerajaan Negeri telah mengenal pasti Kawasan-kawasan berpotensi sebagai Kawasan Perindustrian Baru. 2000 Ekar di Gua Musang, 1500 Ekar di Jeli, 2800 Ekar di Tok Bali, 800 Ekar di Cherang Tuli Pasir Puteh. Dan ini ialah usaha yang amat baik Yang Berhormat Menteri Besar. Saya menyokong penuh usaha ini cumanya saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri apakah dasar mesra pelabur yang kita ambil ataupun yang sedang digubal oleh Kerajaan Negeri untuk menarik pelaburan. Untuk menarik langsung pelabur FDI dan pelabur domestik DDI ke Negeri Kelantan.

**YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD :**

Mohon mencelah Yang Berhormat Dato' Speaker….

**YB TUAN HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :**

Maaf Yang Berhormat, saya mempunyai banyak masa yang begitu suntuk. Silakan.

**YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD :**

Sikit jah sikit.

**YB DATO' SPEAKER:**

Silakan Melor.

**YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD :**

Saya nok bertanya misi Pelaburan tu Kerajaan yang bayar ke swasta yang bayar? Itu saja.

**YB TUAN HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :**

Saya tak pasti ini misi pelaburan Kerajaan yang ada dalam peruntukkan buku belanjawan, maknonye Kerajaan lah hok wak tubik pitih tu Yang Berhormat...

**[BUNYI KETAWA DALAM DEWAN]**

Tenaga kerja Kemahiran adakah… boleh ke Yang Berhormat jawab dehhh? (*dituju kepada yb melor)*. Tidak swasta lah, Kerajaan lah. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai pelan jangka panjang untuk melatih tenaga kerja mahir dalam sektor-sektor tertentu yang menjadi keutamaan pelabur seperti pembuatan teknologi dan yang paling penting Yang Berhormat bagaimana Kerajaan Negeri menangani isu penghijrahan tenaga mahir dari Kelantan ke negeri lain yang menjejaskan tenaga kerja tempatan.

Yang Berhormat Dato' Speaker pelaburan amat kita perlukan kerana ini juga merupakan peluang pekerjaan yang besar kepada anak-anak muda kita. Yang berhormat Dato' speaker saya juga tertarik dengan peruntukkan RM 14,000 sebagaimana yang disebutkan oleh sahabat kita tadi untuk SEZ Kawasan Perindustrian baru. Zon ekonomi khas Malaysia Thailand moga-moga Rantau Panjang, Pengkalan Kubor kembali rancak ekonominya. Rakyat kita mendapat limpahan rezeki daripada SEZ ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, YIK antara yang menerima peruntukkan besar daripada Kerajaan Negeri Kelantan. YIK terima pada tahun 2021 dalam buku belanjawaan RM 121 juta. 2022 – RM 126.6 juta, pada 2023 – RM 122.6 juta, 2024 – RM 125.2 juta. Dan tahun ini RM 142.700 juta. Maknanya dalam tempoh 5 tahun ini lebih daripada RM 142.700 juta kita peruntukkan untuk YIK. Dengan penambahan bajet tahun 2025 ini menunjukkan YIK menerima lebih RM 600,000 juta daripada Kerajaan. YIK juga mempunyai pelaburan dalam bidang. Soalan saya adakah pihak Kerajaan sudah berpuas hati dengan pencapaian YIK. Kita nak tengok YIK lebih berjaya. Ini merupakan anak Kerajaan Negeri Kelantan, kita nak tengok YIK berkembang.

Justeru apakah mekanisma pemantauan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri dalam memantau penggunaan peruntukkan Kerajaan ini, serta

bolehkan Kerajaan menyatakan tambahan peruntukkan sebanyak RM 17.5 juta pada tahun ini berbanding dengan tahun lepas, nak digunakan untuk apa? Dan ke mana peruntukkan ini dibawa?

**YB DATO' SPEAKER :**

2 minit lagi…

**YB TUAN HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :**

Yang Berhormat Dato' Speaker royalti. Tadi pun ada sahabat kita sentuh royalti. Saya bersetuju royalti ini kalau hak Kelantan mesti diberikan kepada Kelantan. Dan kita kena serius bab ini sebab itu saya ingin mencadangkan isu dalam dewan yang mulia ini polemik royalti ini bergantung kepada hak wilayah laut. Dan Kerajaan Negeri Kelantan telah menolak Akta Wilayah laut 2012 dan pada tahun 2015 di dalam dewan ini. Maka amat penting dalam tuntutan royalti ini Kerajaan Negeri Kelantan membawa pertikaian keabsahan Akta Wilayah Laut ini ke Mahkamah Persekutuan. Kelantan mesti melawan Kerajaan Persekutuan dalam hal Akta Wilayah Laut ini. Saya bersama dengan Kerajaan Negeri Kelantan!

Yang Berhormat Dato' Speaker yang akhirnya kita tahu, saya terharu lah dengan ucapan Menteri besar. Ayat akhir yang digunakan oleh Yang Berhormat Menteri Besar menyeru kita semua Ahli-Ahli Dewan untuk berganding bahu dengan Kerajaan. Yang Berhormat Dato' Speaker Kerajaan Pusat telah memberikan peruntukkan wajib kepada Kerajaan Negeri. Pemberian mengikut kepala pemberian penyelenggaraan jalan negeri, pemberian berdasarkan tahap Pembangunan Ekonomi, pemberian Pindahan Fiskal Ekologi (EFT), dan kita kira jika Kerajaan Negeri menerima peruntukkan seperti tahap EFT yang bertujuan membaiki kesejahteraan. Mengapa peruntukkan ini tidak disalurkan secara menyeluruh tanpa mengira Parti Politik ADUN.

Saya nak betulkan *statement* sahabat kita tadi, betul. Pembangkang ada menerima peruntukkan daripada Kerajaan Negeri tetapi tidak sepenuhnya sebagimana sahabat-sahabat terima. Pusat….

**YB DATO' SPEAKER :**

Masa, masa cukup Yang Berhomat……

**YB TUAN HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :**

Pusat telah memberikan yang sama dengan negeri…

Saya yakin Yang Berhormat sebagaimana Yang Berhormat betulkan dengan kedudukan Pembangkang daripada belakey ke depe. Saya juga amat yakin Yang Berhormat pertimbangkanlah perkara ini seadil-adilnya. Dan apabila diantara kita berasa tidak adil, maka tidak adil la tu… terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Galas mohon menyokong…..

**YB DATO' SPEAKER :**

Masa cukup, ok. Hok lain? Tkdok ore nak berucap? Semo taknak berucap? Jelawat? Ok Jelawat sila…

**YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG:**

Bismillahhirrahmanirrahim. Yang Berhormat Dato' Speaker pertama sekali terima kasih kerana membenarkan atau mengizinkan Jelawat turut untuk membahas belanjawaan 2025 Negeri Kelantan ini.

Saya mulakan dengan membaca petikan daripada ayat Al-Quran Surah Al-A'Araf Ayat 96.

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ ٱلْقُرَىٰٓ ءَامَنُواْ وَٱتَّقَوْاْ لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَٰتٍ مِّنَ ٱلسَّمَآءِ وَٱلْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُواْ فَأَخَذْنَٰهُم بِمَا كَانُواْ يَكْسِبُونَ

*"Jika sekiranya ahli negeri ataupun penduduk negeri itu beriman dan bertaqwa. Nescaya akan dibukakan kepada mereka pintu-pintu keberkatan daripada langit ke bumi. Walaubagaimanapun mereka mendustakan nabi-nabi dan maka kami timpalkan azab seksa kepada mereka disebabkan apa yang telah mereka lakukan dan usahakan"*

Yang Berhomat Dato' speaker, pertama Jelawat menyokong belanjawaan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Besar yang bertemakan Keberkatan, Kesejahteraan dan Keseimbangan untuk Kemakmuran Negeri. Dan Jelawat ingin menyentuh tentang kelas pertama iaitu Pembangunan Sahsiah berpandukan Al-Quran dan Pembudayaan Amal Islami. Di sini Jelawat ingin, saya ingin merakamkan banyak-banyak tahniah dan terima kasih kepada pihak Kerajaan kerana sebagaimana disebut oleh Pulai Chondong telah menaikkan elaun kepada kakitangan Guru Halaqah dan juga Guru Al-Quran. Ini merupakan satu pengiktirafan dan juga penghargaan daripada pihak Kerajaan kepada mereka atas usaha dan sumbangan mereka kepada Masyarakat bagi memastikan rakyat Negeri ini bertaqwa dan menjadi seorang yang bersifat Rabbani, tahniah.

Begitu juga dengan Penubuhan Pusat Taranum Al-Quran. Saya hujahkan bahawa ini akan menyemarakkan rasa cinta rakyat kepada Al-Quran. Dan menjadikan rakyat akan semakin ramai yang celik Al-Quran. Tahniah dan terima kasih. Dan Kerajaan juga menyediakan peruntukkan khusus menangani gejala sosial RM 0.3 juta dan ini juga merupakan satu kesungguhan daripada pihak Kerajaan untuk memastikan rakyat Negeri ini terutamanya remaja supaya tidak terlibat dengan gejala sosial di Negeri ini. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan.

Dan berhubung dengan teras yang pertama ini saya juga mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan kerana memperuntukkan sebanyak RM 1 juta untuk pemerkasaan syariah dan undang-undang. Dan tahniah sekali lagi kepada Kerajaan kerana berazam dan komitmen untuk menggubal semula 16 peruntukkan yang telah dibatal oleh Mahkamah Persekutuan. Dan saya pohon agar 16 seksyen ini disegerakan dan diuntuk kita bentangkan di dalam dewan yang mulia ini. Seterusnya pada tahun 2015 satu jabatan baharu iaitu Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kelantan ditubuhkan. Kelantan adalah negeri yang terawal menubuhkan Jabatan Pendakwaan Syariah ini. Ini di zaman dasar rakyat Membangun Bersama Islam. Jadi saya pohon agar zaman Penghayatan Membangun Bersama Islam ini kita perkasakan lagi kedudukan undang-undang Syariah dan juga Penguasaan Syariah dengan menubuhkan Jabatan Penguatkuasa Syariah Negeri Kelantan.

Sehingga hari ini Penguatkuasaan Syariah ini merupakan salah satu bahagian daripada JAHEIAK. Saya percaya pegawai-pegawai di bahagian Penguatkuasa Syariah ini sering kali bertukar dan sebagainya. Dan ini merencakkan dan menganggu siasatan atau perjalanan kerja siasatan yang disediakan oleh Pihak Pegawai siasatan di bahagian Penguatkuasa Syariah ini. Dan saya mencadangkan agar bahagian Pendakwaan Syariah ini diasingkan daripada JAHEIAK dan ditubuhkan sebagai Jabatan sendiri dengan bajet yang tersendiri.

Dan saya percaya khusus dan juga latihan sepatutnya lebih diberikan kepada mereka agar mereka dapat menjadikan tangkapan, serbuan, siasatan dan sebagainya dengan lebih baik untuk membantu pihak Pendakwaan untuk mengemukan kes di Mahkamah.

Dan setakat ini saya difahamkan bahawa hanya nisbahnya seorang pegawai per 50,000 penduduk sahaja. Dan saya percaya bahawa ini tidak mencukupi untuk kita memperkasakan Penguatkuasaan Syariah di negeri ini. Seterusnya saya juga mencadangkan agar disegerakan Penubuhan Mahkamah Syariah ataupun menjadikan Mahkamah ini daripada 3 layer

kepada 4 layer. Dan kalau diperlu dipinda undang-undang yang berkaitan maka pinda lah dengan seberapa segera seperti Undang-undang berkaitan dengan Enakmen Pentadbiran, Enakmen Tatacara Jenayah dan sebagainya. Ini memberi peluang kepada mereka yang didapati bersalah dan tidak berpuas hati dengan hukuman untuk merayu 2 kali. Kalau sebelum ini daripada Mahkamah Rendah Syariah kepada Mahkamah Tinggi Syariah ataupun daripada Mahkamah Tinggi Syariah. Setakat itu sahaja ataupun daripada Mahkamah Tinggi Syariah kepada Mahkamah Rayuan Syariah. Itu sahaja. Maka dengan adanya Mahkamah Utama Syariah ini ada satu lagi hak rayuan untuk kepada Mahkamah Utama Syariah.

Dan memberi lebih peluang lagi kepada mereka untuk mendapat keadilan sebaik-baiknya. Dan saya juga ingin menyentuh tentang Demokrasi ataupun Negeri Berkebajikan. Kelantan ini merupakan sebuah Negeri yang mengutamakan kebajikan. Banyak program kebajikan-kebajikan telah dibuat dilaksanakan oleh Pihak Kerajaan Negeri Kelantan. Kita melihat pada musim pilihan raya ramai dari perantau-perantau kita yang balik Berhari Raya, balik untuk mengundi menunaikan tanggungjawab demokrasi mereka. Dan mereka menghabiskan wang yang banyak terutamanya daripada Sabah dan Sarawak mereka menggunakan kapal Terbang dan sebagainya. Dan sebagai sebuah Kerajaan yang berprihatin dan berkebajikan dan apa salahnya jika Kerajaan memperuntukkan sedikit wang untuk dibayar sebagai saguhati untuk mereka balik menunaikan amanah ataupun demokrasi mereka. Bukan sahaja kepada mereka yang cenderung kepada Kerajaan Negeri tetapi juga kepada sebelah sana. Kepada Galas sebagai contohnya kepada parti Kota Lama dan sebagainya kalau berminat lah. Tapi kalau dah rasa kaya tak perlu.

Tapi itulah itu dan peruntukkan ini boleh kita salurkan kepada apa-apa Insitusi yang menguruskan hal ini supaya kalau parti yang uruskan atau sebagainya ia akan menjadi rasuah. Tapi kalau Kerajaan yang bayar atau bagi saguhati dan sebagainya maka itu boleh dibenarkan boleh di undang-undang.

Masa saya tidak sebanyak masa Galas, Galas 20 minit saya hanya 10 minit. Terima kasih Galas.

**YB. TUAN HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :**

Sebab dia sebut Galas takdi. (Kedengaran ketawa dari dewan).

**YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :**

Dan seterusnya saya juga ingin menyentuh tentang apa yang ada di Dun saya. Pertama saya nak ucapakan terima kasih lah kepada pihak Kerajaan kerana pertamanya kerana menyiapkan Kompleks Sukan Jelawat. Siap dengan astaka dan tempat duduk yang berbumbung dan sebagainya. Dan kompleks sukan ini jadikan Padang untuk Kejohanan Liga Elit Dun dan juga Piala MB. Cuma lagi lebih baik dan lebih berterima kasih jika dipasang lampu limpah ataupun lampu stadium lah macam stadium lah supaya kompleks sukan ini dapat boleh dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk di Kawasan tersebut.

Dan kompleks sukan ini merupakan kompleks yang terbaik di Bachok sebenarnya, padang yang paling cantik di Bachok… Terima kasih….

**YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :**

Seterusnya saya ucap tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan kerana membina dan menyiapkan Taman Reakreasi di Jelawat. Ini pun saya sebut di dalam dun ini pada tahun lepas dan tahun ni dah siap. Terima kasih dan ini satu tindakan yang, langkah yang boleh dilaksanakan untuk mewujudkan komuniti sejahtera dan masyarakat yang sihat di kalangan penduduk tempatan dan cuma saya mengharapkan supaya taman reakrasi ini ditambah baik dan diluaskan serta ada kawasan lagi di sebelah kanannya boleh ditambah lagi dan saya mencadangkan agar diadakan satu dataran atau dinamakan *"Jelawat square"* yang luas dan boleh dijadikan tempat karnival eskpo dan sebagainya. Terima kasih.

Dan seterusnya di Jelawat ini juga ada tapak pasar yang lama yang tidak digunakan dan saya memohon agar pihak Kerajaan mengambil tindakan untuk membina Dewan Serbaguna kerana pada setakat ini tidak ada Dewan Serbaguna satu pun tidak ada di Dun Jelawat. Sama ada Kerajaan atau persendirian. Maknonye kalau nak kahwin dan sebagainya kalau nak buat di dewan terpaksa sewa di luar Dun. Dan saya pohon agar dewan serbaguna dibina di tapak Pusat Pauh Lima di dalam Dun Jelawat.

Seterusnya saya juga megucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan kerana mengadakan dua jalan di Tapak Perlupusan Sampah Beris Lalang. Satu jalan yang digunakan oleh lori-lori untuk membuang sampah dan satu jalan khusus untuk orang kampung. Malangnya jalan yang dibina oleh orang kampung ini selepas seminggu dibina disiapkan sekali lagi jalan ini telah mengalami kerosakan yang amat teruk yang disebabkan oleh lori-lori yang membuang sampah yang turut melalui jalan tersebut. Jadi saya pohon agar Yang Berhormat Exco dapat memberi arahan

kepada Majlis-Majlis Daerah supaya tidak membenarkan lori-lori sampah untuk melalui jalan tersebut. Mintak maaf Galas ya. Berhubung dengan bandar pelabur dengan Bandar RKK, Dato' Bentara, KB Sentral dan sebagainya.

Dan yang disebutkan oleh Galas, saya percaya pihak Exco ada jawapannya. Cuma saya melihat nya bandar-bandar ini setakat ini tidak melibatkan dalam kewangan Pihak Kerajaan tidak ada bayar kepada Pihak Swasta dan sebagainya. Dan tidak ada duit yang dikeluarkan cuma setakat yang saya tahu untuk Kes Enam Kapal Tempur Pesisir (LCS) ada RM 6 billion yang telah dibayar kepada Pihak Swasta, *Boustead Naval Shipyard* tapi tak ada kapal pun jadi saya ingin mengucapkan tahniah kepada

**YB TUAN HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :**

Kapal tempur tu ada berkaitan dengan negeri kelantan ke?

**YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :**

Dok, saya tentang kelewatan, saya sebut tentang kelewatan yang disebutkan adalah kelewatan.

**YB TUAN HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :**

Bajet yang saya sebut tu ada.

**YB DATO' SPEAKER :**

Mintak laluan, kena mintak laluan dahulu, kalau dia tak bagi tak boleh.

**YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :**

Saya menyebut tentang kelewatan…. Kelewatan ada saya sebut tadi jadi saya jawab tentang kelewatan.

**YB TUAN HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :**

Mintak laluan sedikit…….

**YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :**

Saya tak bagi laluan, saya tak bagi!....

**YB DATO' SPEAKER :**

Dia tak bagi laluan,

**YB TUAN HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :**

Tokleh lah lagutu, tey sebeloh……

**YB DATO' SPEAKER :**

Buleh selesai luar dewan dehh….

**YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :**

Takdi Galas dah bercakap sekarang giliran saya untuk bercakap. Terima kasih, berhubung dengan seterusnya ialah saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua. Tahniah kepada Kerajaan kerana berjaya membentangkan bajet ini dengan baik dan semua program-program yang dibuat dan setakat inilah saya dapati tiada penarafan yang dibuat oleh agensi ataupun mana-mana NGO ke atas Kerajaan Kelantan yang memberi markah D. Tapi di Kerajaan Persekutuan ada markah D, D ni kalau ore kelatey gak dia D for debek lah ore kata. Dan yang memberi pengiktirafan ini ialah satu NGO yang rapat dengan Kota Lama. Dengan parti Kota Lama, kalau kepada Galas tu memang NGO ni tak rapat lah. Tapi kalau dengan Kota Lama dia rapat lah. Tapi saya tak tahu lah sama ada Kota Lama rapat dengan parti Galas ni dia tidak berapa baik ke macam mana ke. Saya taktahu lah. Itu sahaja Yang Berhormat.

**YB DATO' SPEAKER :**

Dua minit lagi masa, habis dh? Okay.

**YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :**

Itu saja, terima kasih…

**YB DATO' SPEAKER :**

Salor nk berucap ke?

**YB TUAN SAIZOL BIN ISMAIL :**

بسم الله الرحمن الرحيم

اَلحَمْدُ لله رب العالمين والصَّلَاةُ والسَّلاَمُ عَلَي اَشْرَفِ الاَنْبِيَاءِ وَالْمرْسَلِيْنَ سَيِّدِنَا محمد وَعَلَي اَلِهِ وَصَحْبِهِ اَجْمَعِيْنَ

وَٱبۡتَغِ فِيمَآ ءَاتَىٰكَ ٱللَّهُ ٱلدَّارَ ٱلۡأٓخِرَةَۖ وَلَا تَنسَ نَصِيبَكَ مِنَ ٱلدُّنۡيَاۖ وَأَحۡسِن كَمَآ أَحۡسَنَ ٱللَّهُ إِلَيۡكَۖ وَلَا تَبۡغِ ٱلۡفَسَادَ فِي ٱلۡأَرۡضِۖ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلۡمُفۡسِدِينَ

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

*"Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatNya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan ".*

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Amar D'Raja Dato' Speaker. Yang berhormat Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Haji Nassuruddin bin Haji Daud, Menteri Besar Kerajaan Negeri Kelantan dan Yang Berhormat Dato' Dr. Timbalan Menteri Besar, barisan Exco dan seterusnya Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Alhamdulillah syukur ke Hadrat Allah SWT akan dengan inayahnya dapat dan terima kasih Dato' Speaker atas peluang yang diberikan kepada saya.

Terlebih dahulu saya rakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas Pembentangan Perbahasan Belanjawaan 2025 yang dibentangkan pada dewan kali ini. Saya mulakan dengan ayat Al-Quran surah Al-Qasas ayat yang ke 77 sebagai satu seruan dan ingatan untuk kita semua memulakan segala tindakan kita dengan meletakkan kebahagiaan akhirat sebagai pokok dalam mendasari segala perancangan kita. *Begin with the end in mind* dengan izin tanpa mengetepikan segala kepentingan dunia yang kita sedang lalui sekarang kerana untuk kebahagiaan disana adalah sepenuhnya berkait dengan apa yang dirancang sekarang.

Perkara kedua yang ditingkatkan kita memastikan keseimbangan ini Allah menyeru kepada kita membuat ihsan dan yang selalu diganding dengan konsep keadilan dan tidak dirosakkan keseimbangan dengan perkara-perkara yang merosakkan. Menurut neraca Islam sendiri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam belanjawaan 2025 yang dibentangkan pada hari khamis yang lepas. Yang Amat Berhormat Menteri Besar memulakan dengan senario Kelantan sendiri. Dan

sebagaimana yang disebut oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sebelum walaupun hakikat yang kita lihat KDNK di Kelantan masih lagi belum mencapai jumlah RM 30 billion ataupun perkapita, kita masih lagi tidak mencapai masih di bawah RM 20,000 namun Kelantan diiktiraf sebagai bandar yang paling selamat dan antara negeri yang sejahtera.

Saya ucapkan tahniah kepada sahabat-sahabat saya daripada Jeli, Kuala Balas, Bukit Bunga, Ayer Lanas kerana Jeli berada di tangga kedua selepas Cameron Highland sebagai bandar yang paling Bahagia. Mana yang diberi makna bahawa penghayatan Membangun Bersama Islam berjaya menafikan sifir ekonomi kita. Yang kita sentiasa sebut bila perbahasan bajet kita biasa ungkitkan tentang persoalan KDNK peratusan KDNK, sedangkan kita lihat bahawa kalau kita tengok dari sudut logiknya dia agak kontradik bila sebuah negara atau negeri yang diukur dengan nilaian ini sedangkan negeri yang sama jugak merupakan negeri yang mencapai indeks negeri yang paling bahagia ataupun bandar yang paling bahagia.

Makna saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri yang memilih tema Keberkatan, Kesejahteraan dan Keseimbangan untuk kemakmuran negeri sebagai tema belanjawaan maknanya kita meletakkan enakmen-enakmen ini sebagai pertimbangan kita sendiri. In Shaa Allah, bila saya sebut begini bukan bermaksud saya ingin menafikan KDNK sebagai suatu ukuran Ibarat kita kata kalu anok sekolah mok ayoh duk pakat tekey buleh A perikso biar keputusan hebat, keputusan yang boleh A menyebabkan kadang-kadang kita akan terpesong daripada matlamat kita sendiri. Tapi bila kita fikir begitu bukan bermakna perikso tu bendo tok wajib. Keputusan tu bukan satu perkara yang tak perlu, perlu tapi bagaimana kita lihat pertimbangan dan apa yang saya perkarakan sebentar tadi bagaimana kita membuat penilaian antara peratusan ini kedudukan ini berbanding senario yang berlaku dalam masyarakat dan rakyat kita. In Shaa Allah.

Inilah kelebihan dan peluang dalam tahap ataupun status negara atau negeri membangun Kelantan. Saya lihat lebih *flexible* untuk kita menggembleng untuk kita melihat ruang-ruang menentukan keutamaan dan hala tuju negeri, walaupun sektor ekonomi dari sudut pertanian dilihat mengucup, namun sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Besar. Pertanian dan perikanan merupakan sektor yang berpotensi besar memberi impak kepada ekonomi Kelantan. Saya ucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan Negeri Kelantan khususnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar sekali lagi, yang menyatakan persediaan

negeri untuk menjadi tapak bakul makanan sebagaimana lepas pertemuan dengan kunjungan hormat daripada Yang Berhormat Menteri Ekonomi seminggu dua yang lepas.

Yang Berhormat Dato' Speaker secara ringkasnya hasil bagi tahun 2025 adalah sebanyak RM 997.26 juta dengan anggaran hasil RM 230 juta adalah daripada hasil cukai. Maknanya 23% daripada hasil negeri kita adalah daripada hasil cukai. Fokus saya pada pagi ini adalah bagaimana untuk kita tingkatkan dan saya juga menyambut baik saranan dari Kerajaan Negeri untuk meningkatkan hasil tanah sebanyak 100% jumlah patut pungut dan menguatkuasakan kutipan bayaran terhadap tunggakan cukai tanah yang melebihi RM 50,000.

Saya merujuk kepada Laporan Ketua Audit Negara bil. 3/204 yang menyatakan akaun belum terima mencatatkan sejumlah RM 100,077.73 dua PTJ kita mencatatkan tunggakkan yang tertinggi yang masing-masing mencatatkan jumlah tunggakkan sebanyak, RM 46.91 juta dan RM 41.57 juta dan dari sudut bertempohnya sebanyak RM 62.28 juta bagi 189 ribu milik dengan tunggakan dalam kadar 1 ke 5 tahun.

Dan manakala, RM 50.3 juta bagi 9789 hak milik bagi hak tunggakkan lebih daripada 20 tahun.

Justeru, saya cadangkan supaya satu *task force* yang memberi fokus kepada tunggakkan ini yang juga menjalankan pemantauan secara berterusan, unit ini boleh ditempatkan di terus di bawah pejabat Menteri Besar sebagai contoh kalau kita ambik pengalaman yang pernah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pahang yang juga mengambil pendekatan hal yang sama sekitar tahun 2021, 2021 yang ternyata berkesan bila isu-isu perkara seperti ini timbul.

Yang Berhormat Dato' Speaker, cadangan kedua saya adalah peningkatan hasil adalah dengan mencadangkan penilaian semula kedudukan status tanah-tanah yang dididuduki oleh Kerajaan Persekutuan yang masih belum dipindah milik sepenuhnya. Kita ada tanah-tanah yang masih lagi di bawah Kerajaan Persekutuan dan berapa anggaran nilai premium sebenar yang seharusnya kita kutip yang boleh menjadi pendapatan tambahan kepada Kerajaan Negeri.

**YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD :**

Melor mohon mencelah Yang Berhormat…

**YB TUAN SAIZOL BIN ISMAIL :**

Silakan Melor…

**YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD :**

Yang Berhormat Dato' Speaker saya merujuk kepada ucapan Salor tadi khusunya berkaitan dengan tunggakkan cukai tanah kita tahu bajet kita unjurannya RM 997,000.00 hasil dan penyumbang terbesar ialah RM 329.05 juta. Tapi sebagaimana yang disebut oleh Salor, bila kita *cross refer* dengan Laporan Ketua Audit Negara muka surat 62 perenggan 6.3.8 Dalam audit ni dia sebut secara jelas bahawa pada tahun 2023 tunggakkan cukai tanah berjumlah RM 175.33.00 juta meningkat, yang meningkat tu tunggakan bukan hasil ya sebanyak RM 21.21 juta berbanding RM 154.004 juta pada tahun lepas tahun 2022, saya nak sebutkan begini nya Salor saya nampak berlaku trend kenaikkan tunggakkan cukai dan saya rasa pegawai-pegawai kita ni di Pejabat Tanah bukan tak buat kerja, buat lah macam-macam jawatankuasa khas pun tapi kita nampak dia dah langgar dinding.

**YB DATO' SPEAKER :**

Penjelasan Yang Berhormat…

**YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD:**

Jadi persoalan saya adakah setuju bahawa kalau saya cadangkan bahawasanya sebenarnya kita mesti kena *develop* portal e-tanah sebagaimana negeri-negeri lain supaya setiap urusan tanah boleh dibuat di hujung jari bagi setiap rakyat Negeri Kelantan. Terima kasih.

**YB TUAN SAIZOL BIN ISMAIL :**

Terima kasih kepada Melor atas cadangan dan perkara yang sama pada hemat saya untuk kita laksanakan dan cadangan yang baik sebagaimana cadangan oleh Melor tadi. Bagi saya bukan satu perkara yang harus ditimbang, ditangguhkan dan memerlukan pelaksanaan pada kadar yang segera. In Shaa Allah.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker kita berada di penghujung RMK 12 mengikut dapatan bagi Rancangan Malaysia yang ke 11 sebanyak RM 9 billion yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan untuk Negeri Kelantan. Manakala bagi RMK 12 saya rujuk satu keratan akhbar. RMK 12 Kerajaan Perpaduan meluluskan 436 projek bernilai RM 22.17 Billion di

Kelantan disebut oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Asli Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yang Berhormat Nik Nazmi.

Apa yang saya ingin utarakan di sini adalah berdasarkan PB-3.2 ia ini pembayaran perkhidmatan kepada Kerajaan Negeri kepada penglibatan kakitangan Kerajaan Negeri dalam melaksanakan projek-projek persekutuan. Garis panduan tuan puan boleh lihat daripada pihak Perbendaharaan yang jelas sebut dalam para 2.3 Mesyuarat Kewangan Negara pada 25 ogos 2009 telah bersetuju ke atas pindaan kadar pembayaran perkhidmatan seperti berikut Kerajaan Persekutuan bersetuju membayar 10 % daripada kos 1 projek Persekutuan kepada Kerajaan-kerajaan negeri di semenanjung dan 12 % bagi Sabah dan Sarawak apabila kakitangan Kerajaan terlibat.

**YB DATO' SPEAKER:**

Ada 2 minit lagi Yang Berhormat, 2 minit.

**YB TUAN SAIZOL BIN ISMAIL :**

Dalam melaksankan projek-projek ini. Apa yang boleh saya simpulkan di sini adalah kalau dengan matematik mudah kita lah dengan nilai RM 22 billion kalau kita letak purata 5 tahun adakah RM 400 juta ini kita akan letakkan di dalam peruntukkan belanjawan kita? Berbalik kepada persoalan RMK 11, RM 9 bilion yang boleh kita lihat menjana hasil ataupun perolehan yang patut kita diterima dari pihak Kerajaan Negeri sebanyak RM 900 juta. Adakah ini telah tuntut dan terima bayaran-bayaran ini? Yang Berhormat Dato' Speaker nak kena *express* sikit ni. Saya ingin sentuh sikit berkenaan dengan usahawan memandangkan fokus pada Kerajaan Negeri bagi membangunkan usahawan Kelantan cuma saya lihat kebanyakan usahawan-usahawan yang dapat bantuan daripada pihak Kerajaan mereka seolah berada di alam dan dunia mereka sendiri. Sedangkan kita ada satu lagi kelompok-kelompok usahawan yang saya melihat mereka sendiri berada di dunia mereka.

Dan inilah realiti kita berbicara mengenai IR 4.0 sedangkan sekarang kita sudah sampai kepada revolusi AI sendiri sebagai contoh. Di pihak Pusat sendiri memperkenalkan beberapa insentif sendiri Kerajaan seperti potongan cukai bagi universiti dan institut latihan yang menawarkan khusus teknologi digital, program Malaysia techlimpik dalam melahirkan pakar dalam bidang Robotik dan AI di kalangan anak muda. Hatta UM sendiri tubuhkan satu fakulti khusus berkaitan dengan kecerdasan buatan sendiri. Dan ini senario sekarang yang memerlukan penglibatan dan bagaimana kita mengembelingkan.

**YB. DATO' SPEAKER :**

Masa cukup Yang Berhormat…. Masa cukup…

**YB TUAN SAIZOL BIN ISMAIL :**

Berkaitan dengan AI sendiri, saya ucap terima kasih atas peluang yang diberikan dengan ini Salor menyokong Belanjawan 2025 yang dibentangkan dan diterima. Asslaamualaikum warahmatulallah…..

**YB DATO' SPEAKER :**

Takdok ore bangun?? Napok mace tok berminat jah semo ni. Okay Kuala Balah.

**YB DATO' ABDUL HADI BIN AWANG KECHIL :**

Terima kasih Dato' Speaker tak ade orang lain bangun jadi saya bangun lah. Saya menyokong penuh lah Belanjawaan 2025 dengan tema Keberkatan, Kesejahteraan dan Keseimbangan Untuk Kemakmuran Negeri dengan meletakkan keseimbangan dalam aspek spiritual, sosial dan material sebagai kerangka besar Belanjawaan 2025.

Sebagai asas rujukan kepada Belanjawaan Negeri Kelantan, kita lihat kepada kedudukan semasa ekonomi negeri berasakan data dipetik dari Jabatan Perangkaan Malaysia. Pada tahun 2021 hingga 2023 KDNK Kelantan berkembang pada tahap 3.2% berbanding dengan KDNK 2015 pada tahap 2.6 % pertambahan 0.6 %. KDNK perkapita pada tahun 2015 ialah sebanyak RM12,200, 2020 kelantan RM15,000 dan 2023 RM16,386 juga berlaku peningkatan kepada KDNK sebanyak 4 % setahun bagi tempoh 2021 hingga 2023.

Dalam beberapa sektor perkembangan di Negeri Kelantan melebihi purata negara. Bagi tempoh 2021 hingga 2023 sektor perlombongan berkembang sebanyak 7.5 % berbanding dengan Malaysia atau negara 1.6 %. Pembinaan 8.9 % Malaysia 1.9 %, pembuatan 6 % Malaysia 0.8 %. Sektor-sektor ini diharap terus menerajui Kelantan dalam pembangunan ekonomi.

Itulah kedudukan Negeri Kelantan, dari aspek KDNK dan KDNK perkapita, kedudukan kita walaupun rendah daripada negara atau negeri-negeri lain. Tetapi lebih kedepan dalam sektor-sektor yang saya sebutkan tadi.

Apa pun kesejahteraan tidak boleh semata-mata dilihat seperti yang disebut oleh YB Salor tadi, melalui angka KDNK atau peratus

pembangunan secara material. Tetapi dengan kejayaan dasar penghayatan Membangun Bersama Islam ini kita melihat secara holistik melibatkan keberkatan dalam membina kesejahteraan di kalangan rakyat termasuk dalam perkara-perkara tidak mengambil kira dalam pengukuran pembangunan fizikal dan KDNK.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berdasarkan kedudukan yang di atas Kerajaan Kelantan telah merangka bajet 2025. Sewajarnya Kerajaan turut memberi pengiktirafan komitmen kepada penjawat awam dengan pelarasan gaji kakitangan sebanyak 15 % berikutan pemakaian SSPA, walaupun memberi implikasi kewangan berjumlah RM54.62 juta, satu angka yang besar, namun Kerajaan dapat melaksanakannya mulai tahun hadapan.

Kita berbangga walaupun pelarasan gaji SSPA melibatkan pertambahan tang besar tadi namun dengan konsep perbelanjaan berhemah, Kerajaan masih boleh mengurangkan anggaran perbelanjaan mengurus sebayak RM62.62 juta atau 5.47 % berbanding belanja jumlah mengurus tahun 2024.

Kita perhatikan anggaran belanjawan mengurus menyusut sebanyak RM55.46 juta dari RM1.146 billion kepada RM1.09 billion. Dan perbelanjaan pembangunan menurun sebanyak RM107.3 juta dari RM468.7 juta kepada RM361.33 juta, namun Kerajaan boleh mengekalkan peratus yang tinggi iaitu pada kadar 24.9 % kepada perbelanjaan pembangunan dari jumlah bajet Negeri.

Belanjawaan 2025 adalah defisit sebanyak RM93.02 juta berbanding 2024 defisit sebanyak RM178.5 juta berkurangan sebanyak 48%. Satu perkara yang boleh kita banggakan.

Inilah bajet cabaran 2025 dan kita semua perlu membuat fokus supaya masalah kearah matlamat untuk mencapai kejayaan bajet dapat dilaksanakan.

Bagi tujuan mencapai keseimbangan bajet, Kerajaan perlu berusaha:-

1. Mengurus sumber sedia ada dengan lebih efisyen menggunakan teknologi yang lebih efektif dan berdaya saing.
2. Menerokai sumber baru yang boleh menjana hasil tambahan.
3. Meningkatkan penjimatan tanpa mengurangkan produktiviti.

**MENGURUS SUMBER YANG SEDIA ADA DENGAN LEBIH EFISYEN**

Kelantan mempunyai tanah yang mencukupi untuk pembangunan ekonomi berasaskan pertanian. Kita juga ada cabaran antara cabaran banyak pekebun kecil dan ladang yang masih bergantung kepada industri getah. Sedangkan syarikat-syarikat luar Kelantan mulai menukar tanaman getah kepada sawit. Ini menyebabkan harga pasaran getah yang tidak menentu dan pekerja tempatan sukar diperolehi. Bilangan hari boleh menoreh di Kelantan umumnya rendah. Hanya sekitar 6 % kerana keadaan cuaca. Ini menyebabkan keluaran hasil hanya 1000 kilogram sehektar setahun berbanding dengan keluaran yang aidil iaitu 2000 kilogram sehektar setahun. Bagi tujuan ini saya cadangkan supaya Kerajaan mengkaji samaada getah masih sesuai untuk diberi tumpuan tempatan kepada ladang dan pekebun kecil. Dan apakah pilihan penggunaan ladang getah untuk penjanaan ekonomi masa hadapan sama ada cadangan Yang Berhormat Menteri Ekonomi semasa menjejak kaki di libat urus RMK 13 baru-baru ini supaya menukar kepada pokok getah yang boleh diproses sebagai sumber tenaga bersesuaian ataupun sebaliknya.

**KELAPA SAWIT**

Dalam industri kelapa sawit pula, purata hasil jualan ladang di negeri adalah 11.5 tan sehektar berbanding dengan negeri lain lebih kurang 15 tan sehektar. Struktur muka bumi memainkan peranan penting kerana kecerunan melebihi 25 % tidak ekonomik untuk diusahakan menyebabkan keuntungan tempat lain perlu "*subsidised*" dengan izin kawasan cerunan begini. Tanaman kelapa sawit memerlukan modal yang besar dan juga untuk kos penanaman dan pembajaan.

Tindakan PKINK meletakkan semua syarikat-syarikat ladang di bawah syarikat kumpulan peladangan dengan PKINK Berhad adalah salah satu tindakan yang bijak bagi meletakkan syarikat-syarikat ini dalam *economic of skill*. Menjimatkan kos perunit dan meningkatkan hasil menjadikan syarikat ini lebih efisyen dan *"cost effective".*

Kerajaan Pusat perlu membantu kemasukkan pekerja asing secara sah dan bersasar untuk mengatasi masalah kekurangan pekerja dalam industri kelapa sawit.

Kepada pekebun kecil kelapa sawit, Kerajaan Pusat patut membantu menyediakan benih kelapa sawit yang berkualiti daripada pengeluar yang *"accredited"* agar tanaman mereka potensi mengeluarkan hasil yang ekonomik.

**PERIKANAN**

Perikanan adalah antara aktiviti yang penting di Kelantan. Perairan di Kelantan meliputi pantai sepanjang kira-kira 98 kilometer.

Jumlah nelayan di Kelantan dianggar 10,000 orang. Kebanyakkan mereka terlibat dalam aktiviti perikanan persisiran laut dalam. Kebanyakkan mereka bergantung kepada hasil laut dan beroperasi di pelbagai pelabuhan seperti Tok Bali dan juga Kuala Besar. Daripada jumlah tersebut seramai 3612 orang yang berdaftar dengan LKIM (Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia) dan 80% adalah nelayan pesisir.

Dan cabarannya penghijrahan nelayan Kelantan ke negeri lain agak berleluasa menjadikan antara faktor berlaku kekurangan pendaratan ikan di setiap tahun. Lokasi yang cetek antara sebab nelayan tidak dapat meneruskan kerja-kerja tangkapan dan pendaratan. Saya berharap Kerajaan Pusat dapat mencari jalan untuk mengurangkan masalah ini.

**PELABURAN SUMBER PEMBANGUNAN EKONOMI**

Seiring dengan Tema Bajet Belanjawaan 2025 Keberkatan, Kesejahteraan dan Keseimbangan untuk kemakmuran negeri. Kelantan dalam tindakan untuk menjadikan negeri ini menjadi destinasi pelaburan dengan slogan

"KELANTAN MAJU RAKYAT SEJAHTERA"

Ini boleh capai dengan sektor-sektor utama seperti pembuatan, pertanian, pelancongan, yang boleh menyumbang kepada ekonomi negeri. Saya tidak bercadang untuk bercakap panjang mengenai pelaburan. In Shaa Allah telah banyak kita dengar daripada portfolio pelaburan apapun saya memberi pujian kepada portfolio pelaburan berusaha menggalakkan kemasukkan pelaburan melalui Invest Kelantan sebagai pusat sehenti permohonan disamping itu tahniah juga kerana melaksanakan saranan saya dalam Sidang yang lepas supaya mengadakan satu Ekspo Peringkat Kebangsaan, Alhamdulillah Ekspo tersebut yang disebut sebagai Infex 2024 Invest At Kelantan Forum Ekspo dan dilaksanakan pada 4 November 2024 yang lalu. Apa pun saya menjemput semua ADUN untuk menyertai forum ekspo tersebut.

Saya juga tidak bercadang untuk menceritakan tentang pengindustrian kerana sudah banyak disebut oleh Exco. Apapun saya fikirkan supaya pihak Kerajaan boleh Dasar Pelaksanaan, Dasar Perindustrian Negeri, seiring dengan dasar diperingkat Nasional. Saya juga tidak pasti sama ada Dasar Industri ini telah dilancar oleh Kerajaan atau belum. Jika belum

saya harap agar pelancaran ini dapat disegera. Pembangunan ekonomi terutamanya melibatkan pelaburan perindustrian dan pelancongan tidak mampu dilaksanakan oleh Kerajaan tanpa kerjasama dengan swasta. Kerjasama ini boleh dilaksanakan melalui beberapa pendekatan strategik membantu memindahkan risiko dan beban kewangan daripada Kerajaan kepada pihak swasta. Namun kerajaan hendaklah pastikan kepentingan rakyat dan Kerajaan terjamin dan dijaga.

Yang Berhormat Dato' Speaker kemana pun kita pergi jangan lupa Parlimen Jeli dan DUN Kuala Balah. Kawasan pendalaman yang penuh dengan kekayaan sumber asli, Kuala Balah ialah pintu masuk Pantai Timur samada barat atau semenanjung dari Gua Musang atau utara melalui Batu Melintang. Saya ingin merujuk kepada ucapan dari sahabat saya Galas tadi mengenai gajah. Pada tahun 2024 sahaja di Kuala Balah saja telah empat kali dikunjungi oleh gajah, pihak Perhilitan dengan jumlah yang besar lebih kurang 30 orang setiap kali tugas tersebut telah datang dan berada di Kawasan Kuala Balah 3 atau 4 hari untuk menyelesaikan setiap kali tangkapan. Pada tahun ini sahaja perhilitan telah menangkap 10 ekor gajah di Dun Kuala Balah. Saya tidak pasti sama ada gajah ini daripada Galas ataupun gajah dari Kuala Balah ataupun dari Dabong ataupun dari negeri lain dan sebagainya.

Atau kita hendak menyatakan tiada makanan di Kelantan kerana diusahakan tanpa terkawal adalah satu perkara perlu kajian dengan lebih menyeluruh. Dalam perbahasaan bajet tahun lepas saya sebutkan muka bumi Kuala Balah dan Jeli amnya berbukit-bukit sesuai dengan pembangunan pusat pelancongan. Disini lah terletaknnya Lata Kashmir, Lata Renyuk dan Lata Janggut dan sebangainya. Terima kasih kepada YB Exco Pelancongan turut mempromosikan kawasan tersebut. Hari ini saya cadangkan satu lagi lokasi baharu iaitu satu tempat yang pernah menerima kehadiran Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang MB Kelantan dalam Program Meraikan pada 19 April 2023 di Kampung Kubur Datu Sejuk. Tempat ini amat sesuai supaya portfolio pelancongan dan agensi pusat di bawah pembangunan luar bandar seperti KESEDAR dapat sama-sama membangun kawasan ini. Dun Kuala Balah telah membantu sedikit untuk membaiki kawasan tersebut. Aktiviti pertanian di kawasan tersebut Projek Tadahan Rahmat Kuala Balah berjalan dengan baik di bawah selian Jabatan Pertanian Jeli.

**YB DATO' SPEAKER :**

2 minit lagi Yang Berhormat.

**YB DATO' ABDUL HADI BIN AWANG KECHIL :**

Penggunaan tanah di terbiar seluas 30 hektar dengan cara berkelompok berkuasa ini boleh dibanggakan dengan ukuran di antara mereka setarik dengan ukuran mereka dan terima kasih saya ajukan kepada Yang Berhormat Exco Pertanian kerana bantuan baja organik dan peralatan pertanian untuk memajukan usaha petani ini. Saya juga ingin memohon supaya tapak pemasaran hasil pertanian kelompok dapat dibangunkan di sini. Saban tahun kita menempuhi kesusahan musim tengkujuh akhir tahun lepas dan awal tahun ini berlaku tanah runtuh di DUN Kuala Balah. Cukup terkesan dengan penduduk kampung dan pengguna jalan raya. Alhamdulillah walaupun agak sedikit lewat jalan runtuh ke Kampung Janggut Seberang Batu Melintang masih belum selesai sepenuhnya.

Saya perlu meminta supaya perkara ini dilihat dengan lebih baik. Saya perlu ulang sekali lagi bahawa Jeli telah empat kali dinobatkan sebagai Bandar Paling Bahagia pada tahun 2019. 2019 sijilnya di sampaikan pada tahun 2020. Pada tahun 2021 sekali lagi, 2023 dan juga 2024 tahun pengiktirafan KPKT melalui Pelan Malaysia. Pada tahun 2024 Jeli juga menerima Anugerah Asean Clean Tourist City Standard 2024, 2026 dikeluarkan oleh Kementerian oleh MOTAC. Tahniah kepada semua pihak yang bekerja keras meletakkan Jeli di kecemerlangan ini.

Cabarannya adalah mengekalkan rekod ini untuk masa hadapan. Beberapa hari lepas YB Exco Yang Berhormat Exco Pendidikan memaklumkan semua jajahan di Kelantan telah mempunyai sekolah tahfiz. Sementara Gua Musang dan Kuala Krai dalam proses pembinaan.

**YB DATO' SPEAKER :**

Masa Yang Berhormat, cukup.

**YB DATO' ABDUL HADI BIN AWANG KECHIL :**

Yaa, saya ingin memohon penghargaan kepada Jeli. Saya dengan sukacita nya menyokong Belanjawaan Tahun 2025 untuk diluluskan. Waallahhualam,

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

**YB DATO' SPEAKER :**

Ada sapo-sapo nak ke? Ok, Dabong…

**YBM TUAN KU MOHD ZAKI BIN KU HUSSIN :**

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Speaker saya meneruskan dengan Perbahasan Bajet 2025, Dabong ingin mengucapkan terima kasih banyak kerana Pejabat Speaker belanja air, napok segar mato belako. Tengahari ni.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Alhamdulillah terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker, Dabong diberi peluang untuk sama-sama dalam Bajet 2025 bagi Negeri Kelantan pada kali ini. Yang Berhormat Dato' Speaker suka Dabong menarik perhatian semua untuk sama-sama kita tekuni iaitu:

Pertama KDNK sektor pertanian di Malaysia catat kadar sederhana tetapi hanya menyumbang 7.5 % terus kepada ekonomi Negara (2021-2023) dan bagi Negeri Kelantan. Sektor pertanian mengalami kerosotan iaitu 1.2 % 2021, 2023.

Yang kedua RMK 13 menekankan keperluan untuk meningkatkan produktiviti pertanian melalui inovasi teknologi seperti IoT dan automosi pertanian. Dan yang ketiga RMK 13 mencadangkan pembangunan pelancongan berasaskan komuniti dan budaya sebagai peluang untuk pemancu ekonomi tempatan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Kelantan perlu menggalakkan transformasi sektor pertanian melalui penggunaan teknologi seperti IoT dan automasi. Yang bukan sahaja akan meningkatkan hasil dan produktiviti tetapi juga memberi nilai tambah kepada dapatan rakyat luar bandar terutamanya petani-petani kecil. Dalam menyokong RMK 13 Kerajaan Negeri boleh memperkenalkan agro pelancongan berasaskan komuniti dengan memanfaatkan potensi kawasan seperti Dabong. Mengabungkan elemen dan pertanian untuk memberi peluang pekerjaan dan menjana ekonomi tempatan. Melalui pelaburan strategik dalam RMD dan infrastruktur digital. Kelantan boleh menjadikan sektor pertanian dan pelancongan sebagai pemangkin utama ekonomi, sekaligus memastikan keseimbangan antara kemajuan ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

*Gunung Stong megah berdiri,*
*Air Terjun Jelawang indah mempesona,*
*Rakyat Dabong cekal berdiri,*
*Mohon bajet demi hidup sejahtera.*

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Yang pertama pertanian sumber kehidupan dan ekonomi negeri Bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan turut memberi perhatian kepada sektor pertanian dengan peruntukkan sebanyak RM2.5 juta untuk galakkan pertanian dan ternakan, dan RM 1.8 juta untuk subsidi baja.

Inisiatif ini selari dengan agenda "Kelantan Jelapang Makanan" untuk menjadikan negeri ini hub pengeluaran makanan utama. Justeru, apakah langkah Kerajaan untuk memanfaatkan potensi Lojing Highland sebagai pusat hasil pertanian bernilai tinggi seperti sayur dan durian.

Adakah Kerajaan Negeri berhasrat melibatkan kerjasama dengan Thailand untuk eskport pasaran hasil pertanian?

قال الله تعالى :

وَكُلُواْ مِمَّا رَزَقَكُمُ ٱللَّهُ حَلَٰلًا طَيِّبًا ۖ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ ٱلَّذِيٓ أَنتُم بِهِۦ مُؤۡمِنُونَ

[Surah Al-Mā'idah: 88]

*Dan makanlah dari rezeki yang telah diberikan Allah kepada kamu, iaitu yang halal lagi baik, dan bertaqwalah kepada Allah yang kepadaNya sahaja kamu beriman.*

Dabong turut menekankan agar Kerajaan Negeri memperluaskan program organik dengan insentif yang menarik kepada petani muda untuk terlibat dalam sektor ini.

*Sawah menghijau subur tanaman,*
*Hasil petani penuh harapan,*
*Bajet pertanian beri tumpuan,*
*Rakyat Dabong perlukan sokongan.*

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Yang kedua pelancongan potensi Kelantan sebagai destinasi pilihan. Bajet yang dibentangkan memperuntukkan RM5.47 juta untuk program pelancongan dan kebudayaan termasuk RM1 juta untuk Tapak Warisan Kampung Laut. Dan RM0.25 juta untuk agro pelancongan Rong Chenok.

Tidak dinafikan bahawa pelancongan adalah sektor strategik untuk menjana pendapatan negeri dan memelihara warisan budaya Kelantan.

Namun ia perlu dipergiatkan lagi promosi kawasan-kawasan yang menarik di seluruh negeri Kelantan.

وَاِلَيْهِ هُوَ الَّذِيْ جَعَلَ لَكُمُ الْاَرْضَ ذَلُوْلًا فَامْشُوْا فِيْ مَنَاكِبِهَا وَكُلُوْا مِنْ رِّزْقِهٖۗ وَاِلَيْهِ النُّشُوْرُ

*"Dialah yang menjadikan bumi untuk kamu yang mudah dijelajahi, maka jelajahilah di segala penjurunya dan makanlah sebagian dari rezeki-Nya. Dan hanya kepada-Nyalah kamu (kembali setelah) dibangkitkan."*

(Surah Al-Mulk: 15)

Ayat ini menggalakkan kita untuk menerokai bumi, yang selari dengan konsep pelancongan. Dabong adalah kawasan yang kaya dengan potensi semula jadi, sesuai untuk dimajukan sebagai hub pertanian moden dan eco pelancongan. Jemputlah ke Dabong dan rasai sendiri keajaiban ciptaan Allah yang ada di bumi Kelantan iaitu di kawasan Dabong.

*Gua Gelap jadi tarikan,*
*Pelancong datang memuji keindahan,*
*Mohon bajet pelancongan disalurkan,*
*Ekonomi tempatan terus digagahkan.*

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar menonjolkan kepimpinan Kelantan yang bijak mengimbangi keperluan ekonomi dan kesejahteraan rakyat, terutama melalui sektor pertanian dan pelancongan. Dengan pendekatan strategik seperti pembangunan teknologi pertanian dan promosi budaya, Kelantan mampu menjadi contoh negeri yang progresif tanpa meninggalkan asas Islam sebagai pandua utama. Marilah kita menyokong Bajet ini sebagai langkah berani untuk membawa Kelantan ke tahap yang lebih cemerlang di dunia dan akhirat.

*Dengan Islam jadi pedoman,*
*Bajet disusun penuh keberkatan,*
*Dabong maju, rakyat diutamakan,*
*Doa dipanjat kepada Tuhan.*

Yang Berhormat Dato' Speaker, Dabong menyokong Bajet yang dibentangkan oleh Dato' Menteri Besar Kelantan.

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

**YB DATO' SPEAKER :**

Ahli-ahli Yang Berhormat saya berhasrat untuk menangguhkan persidangan. Persidangan akan disambung semula pada jam 2.30 petang. Terima kasih.

**PERSIDANGAN DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM12.57 TENGAHARI DAN DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 2.30 PETANG.**

**PERSIDANGAN DISAMBUNG SEMULA PADA 2:30 PETANG**

**YB DATO' SPEAKER :**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Perbahasan disambung semula. Silakan.

Ado nok bangun ? Okay Kota Lama.

**YB DR. HAFIDZAH BINTI HAJI MUSTAKIM :**

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

الحمد لله رب العالمين, والصلاة والسلام على رسول لله, وعلى أله وصحبه أجمعين

Yang Berhormat Dato' Speaker Dato' Sri Amar D'Raja Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Amar Abdullah, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan pegawai-pegawai kerajaan izinkan saya merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Dato' Panglima Perang Yang Berhormat Dato' Mohd Nassuruddin Mohd Daud atas pembentangan Belanjawan 2025 pada 21 November yang lalu. Terima kasih Dato' Speaker atas kesempatan diberikan untuk Kota Lama mengambil bahagian dalam Perbahasan Belanjawan Negeri Kelantan 2025 sebagai memainkan peranan semak dan imbang mewakili suara rakyat Kota Lama, saya menggunakan panduan dan semangat

وَالْعُدْوَانِ الْإِثْمِ عَلَى تَعَاوَنُوا وَلَا ۖ وَالتَّقْوَىٰ الْبِرِّ عَلَى وَتَعَاوَنُوا

*Maksud : Dan tolong-menolong lah dalam kebajikan dan takwa dan jangan kamu tolong-menolong dalam berbuat dosa dan perlanggaran.*

(Al-Maidah, Ayat 2)

Sehubungan dengan ini, saya minta kenyataan terakhir YB Jelawat tadi ye ditarik balik kerana bagi saya melanggar Peraturan Dewan 46 (XIII) (a) menyindir ahli lain membuat niat serong dan tiada peluang saya untuk mendapatkan penjelasan apa yang sebenarnya dia nak sebutkan tu sebenarnya…

**YB DATO' SPEAKER : (MENCELAH)**

Hanya Speaker yang boleh arahkan tarik balik, Yang Berhormat.

**YB DR. HAFIDZAH BINTI HAJI MUSTAKIM :**

Saya mohon…

**YB DATO' SPEAKER : (MENCELAH)**

Tidak mohon… sepatutnya Yang Berhormat membangkitkan sewaktu dia berucap menggunakan Peraturan Mesyuarat.

**YB DR. HAFIDZAH BINTI HAJI MUSTAKIM :**

*Mencari timba si anak dara*
*Di bawah sarang burung tempua*
*Perbahasan Belanjawan sudah dibuka*
*Kota Lama tampil berbahas sama.*

Yang Berhormat Dato' Speaker, Belanjawan 2025 yang berjumlah RM1.45 bilion yang dibentangkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar baru-baru ini adalah belanjawan defisit untuk kesekian kalinya defisit belanjawan bagi tahun 2025 menunjukkan penurunan yang ketara daripada RM178.49 juta pada tahun 2024 kepada RM93.02 juta pada tahun 2025. Usaha Kerajaan Negeri kearah mencapai keseimbangan bajet ini boleh dipuji. Namun, bila kita halusi Belanjawan tahun depan ini ianya juga berkurang sebanyak RM162.5 juta berbanding RM1.6 bilion tahun lalu. Pengurangan yang ketara ini dilihat pada perbelanjaan pembangunan yang dikurangkan kepada RM361.3 juta daripada RM468.3 juta tahun 2024. Pengurangan sebanyak RM107 juta. Telah disebutkan ini adalah ia mungkin antara usaha mencapai keseimbangan dalam penyediaan Belanjawan, namun perlu untuk kita sama-sama tahu perbelanjaan pembangunan sektor manakah yang telah dipotong atau dikurangkan.

Pendapatan dijangka meningkat daripada RM967.25 juta pada tahun 2024 kepada RM997.26 juta pada tahun 2025. Peningkatan sebanyak RM30.1 juta dengan sumbangan terbesar daripada hasil tanah dan terimaan daripada Kerajaan Persekutuan. Ini menunjukkan komitmen Kerajaan Persekutuan yang tidak berbelah bagi dan sememangnya wajar diberikan kredit yang sewajarnya. Justeru tak betul kalau sebut Kelantan

di anak tirikan. Jadi bila dilihat pada pendapatan dari hasil bukan cukai yang menurun, saya mahu bertanya apakah plan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan…

**YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD : (MENCELAH)**

Minta laluan… Melor minta laluan.

**YB DATO' SPEAKER :**

Melor minta laluan, boleh Yang Berhormat ?

**YB DR. HAFIDZAH BINTI HAJI MUSTAKIM :**

Sebab saya pendek je dan saya mahu menghabiskannya. Terima kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Dia tidak benarkan Yang Berhormat.

**YB DR. HAFIDZAH BINTI HAJI MUSTAKIM :**

Lain kali…

Apa plan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pendapatan di bahagian ini, adakah daripada pelancongan ataupun pelaburan langsung asing atau FDI perlu ada pelan strategik yang akan meningkatkan hasil lebih mampan. Kalau kita lihat pada Bajet tahun 2025 ini hasil paling besar adalah cukai dan terimaan daripada Kerajaan Pusat. Keadaan ini bagi saya amat tidak lestari dan boleh membebankan rakyat dalam masa jangka panjang sebab cukai digunakan untuk jana pendapatan Kerajaan Negeri. Walaupun model cukai ini ada kebaikannya namun perlu ada timbang tara supaya rakyat tidak terbeban di masa akan datang dengan kenaikan cukai.

Secara amnya, penurunan Bajet tahun 2025 ini menunjukkan komitmen yang baik untuk mengurangkan defisit. Namun begitu, Kerajaan Negeri perlu fokus kepada isu utama yang menjadi punca kepada defisit…

**YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :**

Yang Berhormat Speaker, Peraturan Mesyuarat 46 (5)

**YB DATO' SPEAKER :**

46…

**YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :**

46 (5) Peraturan Berbahas seseorang ahli hendak lah jangan membaca ucapannya. Nampaknya Kota Lama membaca ucapan.

**YB DATO' SPEAKER :**

Kurangkan melihat teks.

**YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :**

Sebab sebut Jelawat tadi, jadi Jelawat ni..

**YB DR. HAFIDZAH BINTI HAJI MUSTAKIM :**

Betul la tu Jelawat. Rilek rilek rilek. Ore lain baca jugok mugo nok sampai masanya... nak cepat masanya. Jadi… haa hile doh hok mano sor doh ni. Haa Allah behi gi kacau lah ni. Jadi sebenarnya Kerajaan Negeri bagi saya perlu fokus, dia kena lihat kepada isu utama, perlu ada kerjasama daripada semua pihak untuk duduk semeja bagi menangani isu ini. Bajet defisit pada tahun ini secara amnya hanya lah menangani simptom atau gejala kekurangan sumber tetapi tidak menangani isu sebenar yang diperlukan Kelantan iaitu isu penjanaan pendapatan Kerajaan Negeri.

Jadi sebagai contoh perlu ada pelan untuk meningkatkan pendapatan melalui *foreign direct investment* tadi kerana dalam Bajet 2025 walaupun ada inisiatif untuk menaikkan ekonomi khas (SEZ) Malaysia-Thailand, namun ianya bagi saya masih tidak cukup untuk menangani isu meningkatkan pendapatan Kerajaan Negeri. Kita perlu usaha yang lebih besar. Selain itu, saya nampak RM0.9 juta ataupun RM900 000 je diperuntukkan untuk menarik pelabur asing dan domestik. Bagi saya ia adalah satu jumlah yang relatifnya kecil untuk menarik pelabur, pelaburan yang lebih besar.

Jadi antara kejayaan Kerajaan Persekutuan dalam menangani sosioekonomi rakyat adalah dengan berjaya menurunkan kadar inflasi kepada 1.8% dan pengangguran turun ke tahap yang stabil 3.3%. Namun, di Kelantan ini kalau kita tengok di Jabatan Perangkaan, kadar pengangguran kita masih ye walaupun menurun dariapada 4.1 tapi dia masih lagi tinggi 3.7%. Kalau PMX boleh menarik pelaburan sebanyak RM180 bilion untuk separuh pertama tahun 2024, maka apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam meningkatkan peluang pekerjaan bagi rakyat selain daripada menarik pelabur-pelabur luar ye. Sebab peningkatan yang menjadi satu ukuran kepada bertambah peluang-peluang bagi rakyat kita untuk mencari nafkah di negeri ini berbanding terpaksa merantau keluar mungkin ke Selangor ataupun ke Pulau Pinang.

Menarik juga, ramai dah sebutkan tentang Belanjawan tahun ini dari sudut KDNK yang merekodkan peningkatan 2.6% daripada tahun 2023. Namun, secara keseluruhannya Ahli Dewan sekalian, Kelantan adalah negeri yang ke-13 tertinggi menyumbang 1.8% daripada keseluruhan KDNK Malaysia. Harapan kita adalah supaya Kelantan dapat mensasarkan pencapaian lebih baik dengan meletakkan mungkin target yang lebih tinggi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sepertinya ada penurunan bajet berkaitan kesejahteraan rakyat. Penurunan ini harus dilengkapi dengan pelan yang ampuh daripada Kerajaan Negeri untuk menyantuni rakyat daripada aspek program sosial dan pembangunan untuk rakyat. Kuncinya adalah kepada *priority* satu dan program bersasar. Jadi mungkin saya sebutkan keperluan Kota Lama dalam sudut ini dimana bila kita kaji penduduk Kota Lama mereka memang mahukan pembangunan dan peningkatan kualiti hidup ini. Dari sudut sosioekonomi, daripada sudut infrastruktur, daripada sudut pendidikan sepanjang hayat termasuk TVET dan mereka juga mahukan kesihatan yang mampan termasuk kesihatan mental.

Maka jangan lupa juga bagi kita juga kita sedang menghadapi fenomena warga ataupun negeri kita yang menua kerana mungkin kita pun bertambah hayatnya. Maka fenomena termasuk di Kota Lama kita dapati warga tua, warga emas menjaga warga emas dan kita tahu bila dia dah berumur ni dia tokleh wat kijo doh, maka dengan itu dah lah tokleh kijo, dio masuk dalam golongan miskin dan banyak penyakit pula. Jadi ekonomi penjagaan atau *care economy* mesti menjadi satu perkara yang kita perlu bincangkan.

**YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG : (MENCELAH)**

Kota Lama mohon mencelah..

**YB DATO' SPEAKER :**

Ada 2 minit… Yang Berhormat ada 2 minit.

**YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG : (MENCELAH)**

Boleh mencelah Kota Lama ?

**YB DR. HAFIDZAH BINTI HAJI MUSTAKIM :**

Memang takde masa lah 2 minit je ni..

**YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG : (MENCELAH)**

Sikit ah sikit…

**YB DR. HAFIDZAH BINTI HAJI MUSTAKIM :**

Tak boleh… sikit pun tak boleh..

**YB DATO' SPEAKER :**

Dia tak benar.

**YB DR. HAFIDZAH BINTI HAJI MUSTAKIM :**

Jadi ye tuan-tuan dan puan-puan maka dengan itu bagi saya apa yang perlu tumpukan dalam hal ini adalah pembangunan rakyat Kota Lama juga mahukan pembangunan Kota Lama itu pergi ke Kota Lama. Jadi saya mesti sebutkan bahawa mereka setakat ini ada sebahagian rakyat Kota Lama yang masih dinafikan tak dapat Rumah Dhuafat, dia mungkin ada tak dapat beras Al-It' am dan berbagai-bagai lagi kemudahan yang dinikmati di tempat lain.

Saya pergi ke seterusnya iaitu tentang kesejahteraan sosial. Ye saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini, teras pertama Belanjawan iaitu pembangunan sahsiah yang diperuntukkan dengan peruntukan yang

begitu besar melalui sekolah YIK, KIAS dan ILDAN. Kita mungkin boleh berbangga ye dengan pencapaian yang disebutkan dalam Dewan ini tapi kita tidak boleh menutup mata terhadap apa yang berlaku di bawah. Kajian Mobiliti Dan Kesihatan 2022 mendapati remaja kita paling tinggi tuan-tuan. Nasionalnya dia panggil kelaziman atau *prevalence* gejala seksual remaja ni 7.5%

**YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG : (MENCELAH)**

Sekali lagi Kota Lama. Mohon mencelah, Kota Lama… sekali lagi. Pasal isu yang sama.

**YB DATO' SPEAKER :**

Jelawat minta laluan.

**YB DR. HAFIDZAH BINTI HAJI MUSTAKIM :**

Tak bagi laluan kerana pendek tinggal 2 minit je. Minta maaf Jelawat ye. National figure kita 7.6%...

**YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG : (MENCELAH)**

Juga isu yang sama. Kota Lama.. Isu yang sama..

**YB DR. HAFIDZAH BINTI HAJI MUSTAKIM :**

Tetapi kita tuan-tuan adalah 9.5%. Saya ulang ini bukan memburukkan kerajaan. Tapi saya nak kita sedar bahawa kita berhadapan dengan perkara ini. Jadi kalau ada kejayaan daripada sudut pendidikan kita ye kita berbangga dengan kehebatan kita boleh bina 30 000 pelajar-pelajar kita di sekolah YIK tapi kita jangan lupa ada lagi masyarakat kita bila saya pergi ke Hospital Raja Perempuan Zainab contohnya…

**YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD : (MENCELAH)**

Melor minta laluan..

**YB DATO' SPEAKER :**

Masa Yang Berhormat cukup. Masa dah cukup.

**YB DR. HAFIDZAH BINTI HAJI MUSTAKIM :**

Bahawa anak-anak kita tuan-tuan dan puan-puan masuk hospital kerana kesan sampingan daripada sumbang mahram dijangkiti penyakit dan sebagainya. Jadi saya berharap ye last word ni…

**YB DATO' SPEAKER :**

Masa dah cukup Yang Berhormat.

**YB DR. HAFIDZAH BINTI HAJI MUSTAKIM :**

Ye saya akan habiskan. Saya mengambil serius dapatan ini dan saya berharap kita semua dapat melihat permasalahan di tempat kita ini secara holistik dan In Shaa Allah mudah-mudahan kita dapat menjalankan tugas kita, menjaga penjuru kita ye, masing-masing menjaga. Dan In Shaa Allah hari ini saya menunaikan tugas saya, menjalankan peranan semak dan imbang untuk bersama-sama In Shaa Allah menyokong Bajet 2025 yang telah dibentangkan.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**YB DATO' SPEAKER :**

Ada lagi ? Chempaka.

**YB TUAN NIK BAHRUM BIN NIK ABDULLAH :**

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Mulia Dato' Speaker, pertamanya saya mengucapkan terima kasih dan tahniah atas peruntukan dibawah Teras Pemerkasaan Kesejahteraan Komuniti yang diperuntukkan sebanyak RM69.21 juta bagi menjaga kebajikan dan kesejahteraan rakyat. Tujuh sektor yang dikenalpasti sebanyak RM96.01 juta. Kita juga melihat muka surat 17 Ucapan Belanjawan peruntukan sebanyak RM62 juta untuk kebajikan rakyat, RM7 juta untuk pemberdayaan wanita dan pelbagai inisiatif yang dirancang bagi memastikan rakyat mendapat bantuan yang mereka perlukan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, namun disebalik angka-angka yang saya sebutkan tadi saya ingin berkongsi sedikit pengalaman saya sepanjang lebih 1 tahun berkecimpung menjadi wakil rakyat terutama sekali ketika turun bersama Skuad Kita Cakna yang bertugas turun padang menemui rakyat di berbagai kawasan terutamanya di kampung-kampung dan di rumah-rumah mereka. Malah petang semalam pun ada yang datang ke rumah. Apa yang kita temui sangat menyentuh hati. Kebanyakan penerima bantuan adalah terdiri dari wanita yang usia mereka dalam lingkungan 35 hingga 55 tahun yang hidup dalam kesusahan akibat pengabaian oleh suami-suami mereka. Mereka datang dari pelbagai latar belakang, namun satu persamaan yang jelas adalah mereka terpinggir dan tidak mendapat pembelaan yang sewajarnya. Mereka ini sering kali berada dalam keadaan yang sangat sukar untuk makan minum sendiri apatah lagi untuk membesarkan anak-anak tanpa bantuan dari suami yang sepatutnya menjadi pelindung dan penyedia untuk keluarga mereka.

Ketika mereka datang memohon bantuan ramai yang menghadapi halangan kerana status perkahwinan mereka yang masih sah dengan suami walaupun suami mereka telah lama tidak memberi nafkah ataupun berperanan sebagai ketua keluarga. Ini adalah merupakan satu masalah sosial yang serius dan mencabar yang perlu ditangani secara lebih holistik. Walaupun kita di peringkat PKD, mungkin boleh memberi bantuan sekali-sekala seperti melalui Program Al-It'am, Bantuan Orang Miskin (BOM) dan sebagainya. Masalah ini sebenarnya lebih besar daripada masalah bantuan kewangan. Masalah ini berkaitan dengan pendidikan dan pemahaman masyarakat mengenai konsep wali ataupun boleh kita namakan sebagai konsep lelaki Qawwam.

Yang Berhormat Mulia Dato' Speaker, saya percaya bahawa konsep wali dan lelaki Qawwam ini perlu diberikan perhatian yang lebih mendalam. Lelaki di Negeri Kelantan harus diberi kesedaran, dididik dan dibimbing dalam melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai pelindung keluarga yang bukan sahaja bertanggungjawab untuk menyediakan nafkah tetapi juga untuk menjaga kesejahteraan mental, fizikal dan spiritual ahli keluarga mereka. Mereka perlu dipupuk untuk menjadi pemimpin yang bertanggungjawab yang menjaga agama, kehidupan dan keharmonian keluarga.

Sebagai ketua keluarga, lelaki adalah wali yang sepatutnya memastikan keselamatan dan maruah ahli keluarga yang berada di bawah tanggungjawabnya. Jika mereka gagal menjalankan peranan ini maka

segala tanggungjawab ini akan beralih kepada wali yang seterusnya berdasarkan asobah yang ditentukan dalam hukum syarak. Dengan memperkasa peranan lelaki sebagai wali banyak masalah sosial yang melibatkan institusi keluarga boleh diselesaikan termasuklah isu penderaan, pengabaian dan ketidakadilan dalam keluarga.

Sebab itu pada hemat saya Yang Berhormat Mulia Dato' Speaker, agenda pemerkasaan lelaki sebagai Qawwam adalah sama penting dengan agenda memperkasakan wanita. Kita perlu memastikan lelaki di Negeri Kelantan sejak dari usia kanak-kanak lagi, dibentuk dengan nilai-nilai kepimpinan yang baik agar mereka menjadi ketua keluarga yang bertanggungjawab menjaga kebajikan ahli keluarga serta memimpin mereka untuk mentaati perintah Allah. Hanya dengan cara ini kita dapat mencipta keluarga yang sejahtera dan masyarakat yang harmoni sesuai dengan tema Belanjawan kita.

Kita tidak mahu Gerakan Child-free yang heboh 2-3 bulan yang lepas terus berleluasa. Saya percaya bahawa antara sebab pemikiran ini timbul adalah lantaran bila suami kurang mengamalkan sikap melindungi wanita maka tiada Sakinah dalam keluarga lalu timbul lah agenda "*child-free"* ini kerana mereka rasa terbeban dan serabut. Anak bukan lagi anugerah Wal'iyadzubillah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin menegaskan bahawa ini bukan lah maksud menggambarkan wanita sebagai lemah ataupun tidak berupaya menguruskan keluarga sebaliknya ia menekankan peranan lelaki sebagai pemimpin dan pelindung kepada keluarga yang akan membimbing mereka ke arah kebaikan dunia dan akhirat. Dalam konteks ini lelaki bukan sahaja harus menjaga kebajikan material tetapi juga membimbing isteri dan anak-anak agar tetap teguh dalam agama, akhlak dan kehidupan yang sejahtera.

Yang Berhormat Mulia Dato' Speaker, seingat saya konsep lelaki Qawwam ini sebenarnya pernah diwar-warkan oleh Exco Wanita pada suatu ketika dahulu. Saya difahamkan konsep tersebut juga telah diadaptasikan oleh JAKIM sekitar tahun 2022 semasa kita memerintah di peringkat Pusat dahulu. Justeru itu, saya ingin bertanya kepada pihak Kerajaan sama ada konsep ini telah dijelmakan sebagai Dasar Kerajaan Negeri ataupun sebenarnya ia berada di mana pada masa sekarang ini. Sekiranya ada pohon lah dijelmakan di alam nyata dengan program ataupun penerangan yang sewajarnya. Tetapi jika sekiranya ia masih lagi belum wujud saya

mencadangkan agar ianya diwujudkan bagi memastikan kelestarian dan keberdayaan kepada kesejahteraan yang menjadi tema Belanjawan kita pada kali ini.

Saya juga berbesar hati sekiranya pandangan dari panel penggubal Pindaan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Kelantan sebelum ini untuk memperkemaskan semula enakmen tersebut khususnya pada Bahagian 6 dengan memasukkan peruntukan berkaitan turutan wali bagi menjamin kesejahteraan wanita dan anak-anaknya dapat diterima oleh pihak yang menjadi penggubal seterusnya itu penyemak kepada gubalan tersebut. Agar selepas ini bila mana berlaku pengabaian, pihak-pihak boleh terus ke mahkamah untuk mewajibkan pembayaran nafkah ditanggung oleh pihak yang sepatutnya.

Seterusnya, yang kedua Yang Berhormat Mulia Dato' Speaker, saya juga menyambut baik peruntukan sebanyak RM12.50 juta dalam Belanjawan 2025 bagi tujuan pengisian perjawatan di jabatan-jabatan kerajaan negeri sehingga mencapai 85% kapasiti, ini di dalam muka surat 20 Ucapan Belanjawan. Langkah ini amat penting untuk meningkatkan pelaksanaan dasar kerajaan memperkukuhkan kecekapan tadbir urus serta mengukuhkan hasil negeri dan perkhidmatan kepada rakyat. Namun begitu, saya juga berharap agar Kerajaan Negeri juga perlu mengambil kira penjawat urusetia Kerajaan Negeri termasuk dalam pelarasan gaji 15% seiring dengan SSPA ini. Penjawat awam… penjawat urusetia juga telah memainkan peranan yang amat *significant* sekali gus menjadi tongkat serandang dalam memastikan kelangsungan pelaksanaan Dasar Membangun Bersama Islam selama ini.

Apa yang saya difahamkan bahawa Kerajaan Persekutuan ada menyatakan akan memberi pelarasan gaji 15% kepada pegawai berstatus kontrak sebagaimana yang ada pada Perenggan 190 hingga 192 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 2024. Pegawai kontrak juga dianggap sebagai pegawai kerajaan dibawah undang-undang yang sama walaupun mereka dilantik secara kontrak dan tetap tertakluk juga kepada apa-apa undang-undang dan pekeliling yang melibatkan pegawai kerajaan. Maka seharusnya mereka juga menikmati peningkatan 15% tersebut.

Yang Berhormat Mulia Dato' Speaker, akhirnya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Exco Kerjaraya dan Infrastruktur atas keprihatinannya untuk turun bersama-sama meninjau keadaan trafik di Simpang Empat Sabak tempoh hari. Dan hasilnya

Alhamdulillah, JKR Negeri telah selesai membuat turapan jalan dari airport ke Simpang Empat Sabak yang telah siap licin sekarang ini, tidak lagi degup-degup. Cuma sekarang ini pihak kami masih lagi menunggu laporan *traffic flow* untuk penambahbaikkan seterusnya untuk *traffic light* di kawasan tersebut. Cuma pada kesempatan pada hari ini saya sekali lagi memohon jasa baik dari Kerajaan Negeri untuk melihat keperluan naiktaraf jalan yang menghubungkan di antara DUN Kijang dan DUN Chempaka dari simpang tiga Kedai Buloh ke simpang tiga Airport Pengkalan Chepa yang jika mana dilihat pada masa sekarang ini teramat besar volume trafiknya. Kebanyakannya bermula dari DUN Kijang, saya merasakan bahawa sudah sampai masanya jalan tersebut dinaiktaraf kepada jalan tersebut dan semoga hubungan baik selama ini di antara Kijang dan Chempaka bertambah erat adanya.

Akhir sekali, Yang Berhormat Mulia Dato' Speaker, saya ingin mengucapkan tahniah di atas Ucapan Belanjawan pada kali ini. Dan dengan ini saya mohon untuk menyokong. Sekian terima kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Gual Ipoh.

**YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR :**

بسم الله الرحمن الرحيم

*Pohon selasih di dalam kolam,*
*Anak haruan berbelang-belang,*
*Terima kasih saya ucapkan,*
*Kepada Tuan Speaker yang membenarkan yang memberi peluang.*

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Saya nak memulakan ucapan saya Perbahasan saya hanya bersekitar kepada pelan pembangunan bagi Gual Ipoh. Sebagaimana yang… Dato' Exco suko selalu. Sebagaimana yang tuan-tuan maklumi dan saya pun sukar nak menjelaskan kepada umum bahawasanya Gual Ipoh perlu mendapat perhatian ataupun sentuhan yang lebih berbanding dengan DUN-DUN lain. Kenapa saya berkata demikian, kerana faktor geografi

Gual Ipoh yang sukar dihubungi melalui daerah selatan… di selatan… sebelah selatan. Sebagaimana yang kita tahu, ada jalan-jalan yang boleh dihubungi dengan daerah di sebelah selatan bagi pihak… bagi DUN Gual Ipoh. Dan dia bukan sahaja untuk perkembangan dan pembangunan Gual Ipoh semata-mata. Malahan dia turut dikongsi oleh daerah-daerah di sebelah selatan apabila jalan-jalan ini diberi perhatian.

Yang pertama ambo nok sebut jalan daripada Kampung Panjang ke Kampung Sokor yang akan berhubung dengan Pasir Kelang apabila jambatan satu hari nanti siap di Pasir Kelang jalan ini menjadi perhubungan yang utama laluan alternatif bagi ore Kuala Krai nok ke Tanah Merah. Namun saya mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang telah pun meluluskan penyelenggaraan jalan ini.

Pertama, senarai jalan-jalan yang diluluskan di bawah peruntukan MARRIS konsesi Jajahan Tanah Merah bagi tahun 2024. Yang pertama, kerja-kerja menyelenggara jalan Kampung Panjang ke Kampung Sokor di DUN Gual Ipoh sebanyak RM1 765 000. Yang kedua, kerja-kerja penyelenggaraan jalan daripada Kampung Ladang Kerilla ke Kampung Kuala Tiga sebanyak RM346 500. Dan yang ketiga, adalah kerja-kerja penyelenggaraan jalan daripada Kampung Sokor ke jambatan kecil di Kampung Buyung yang bersempadan dengan Kuala Krai sebanyak RM 53 000. Yang pada keseluruhannya berjumlah… berjumlah RM2 164 500.

Jadi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih terutamanya kepada Kerajaan Negeri melalui Exco Infrastruktur ni yang selalu apabila ambo bangun dio suko sokmo kerana telah meluluskan jalan-jalan ni. Namun saya minta supaya jalan ini dinaiktaraf dan kalu boleh berlaku pengambilan alihan tanah estet supaya jalan ini menjadi Jalan Persekutuan memandangkan ia bersambung dengan jambatan di Pasir Kelang suatu hari nanti walaupun projek itu dikategorikan sebagai projek sakit. Tapi pada suatu hari dia tetap akan siap dan ia menjadi laluan alternatif sebagaimana saya kata tadi.

Keduanya adalah jalan daripada Biak ke Perala. Jalan ini telah lulus ataupun telah ada dalam Rancangan Malaysia Yang Ke-12, namun entah macam mana sehingga ke saat ini masih belum dapat terlaksana. Kalau ada sekatan ataupun halangan-halangan di pihak negeri kita harap kita permudahkan supaya jalan daripada Kampung Perala ke Biak ni menjadi realiti. Sebab jalan ini bukan sahaja memberi kemakmuran dan

kesejahteraan ekonomi kepada Gual Ipoh malahan kepada Biak, Dabong dan Jelawang dan sebagainya. Ambo nok jugok lah gi buleh minum kopi dengan Ku Zaki ataupun Yang Berhormat Dabong. Tadi boleh gi Mengkebang. Loni tokleh gi.

Jadi yang ketiganya adalah jalan daripada Hulu Bertam ke Jerimbong di Kuala Balah… YB Kuala Balah. Jadi jalan ni hanya sekitar dalam 30 kilometer juga tetapi kita malangnya sampai hari ini tak ada laluan boleh menghubungi antara Hulu Bertam dengan Jerimbong di Kuala Balah.

Dan yang terakhir, banyak ni jalan ni. Yang terakhir adalah satunya jalan yang hanya sekitar 12 kilometer sahaja iaitu jalan di antara Hulu Bertam ataupun Air Naga ke Air Chanal. Dimana boleh lah di Air Chanal pun dale Majlis Daerah… dale pentadbiran Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah, di Air Naga pun di dalam sama-sama Tanah Merah. Jadi malangnya jalan tidak ada ambo dengan Bukit Bunga ni berjiran sebenarnya tapi pun tak boleh pergi. Jadi daerah-daerah selatan ni sebenarnya yang menyebabkan tidak ada jalan dan manakala di sebelah Machang pula kita terpisah oleh Sungai Kelantan. Jadi itu lah yang menyebabkan geografi di Gual Ipoh sehinggakan pasar raya pun boleh tidak ada, stesen minyak yang *proper* pun tidak berlaku, malahan kedai 24 jam pun tiada. Jadi harap-harap dengan adanya jalan-jalan perhubungan ini ia pun boleh memberi nafas baru kepada kawasan ataupun DUN Gual Ipoh.

Yang keduanya, untuk perkembangan dan kemajuan generasi muda. Sebagaimana yang kita tahu bahawa anak-anak muda kita ini adalah kegemaran utama dia adalah bersukan termasuk bola sepak dan sebagainya. Jadi di Gual Ipoh, kita sudah dapati satu kawasan masih lagi *reserve* Kerajaan. Dan melalui Mesyuarat Jawatan Hal Ehwal Tanah, kita telah gazetkan di Pejabat Tanah dan Jajahan iaitu satu kawasan untuk membina kompleks sukan bagi DUN Gual Ipoh dan kawasannya yang pada jangkaan awalnya hanya campur tolak 10 ekar. Malahan setelah mendapat makluman daripada SO ataupun pihak Pejabat Ukur yang sebenarnya kawasan dia adalah sebanyak 15 ekar. Jadi untuk kompleks sukan Gual Ipoh ni bukan lah kata kita nak buat sampai jadi macam mini stadium serentak, namun kita boleh *layout plan* untuk pembinaan berkenaan ni kompleks sukan ni bersama Majlis Daerah Tanah Merah. Dan Majlis Daerah Tanah Merah telah pun mengangkat permohonan secara rasmi kepada Pejabat Tanah dan Jajahan untuk mendapat perakuan bagi untuk penyelenggaraan mini stadium bagi Gual Ipoh.

Untuk makluman, di Tanah Merah masih tidak ada mini stadium atau kompleks sukan. Pasir Mas ada, di Ketereh pun ada. Tetapi kita tidak ada padang ataupun rizab rekreasi permainan bagi generasi muda belia kita. Jadi padang ini In Shaa Allah akan lengkap dengan padang bolanya, dengan trek balapan, ada futsal, ada volleyball, ada takraw, mungkin ada taman permainan kanak-kanak bersekali dengan kiosk-kiosk jualan, ada surau, ada tandas dan sebagainya. Jadi pelan untuk penyelenggaraan ini In Shaa Allah kita akan mula juga dengan Yang Berhormat Exco yang mana portfolio saya untuk menyiapkan padang bola pada tahun 2025 In Shaa Allah terlebih dahulu. Dan yang… jangan ketawa lah.

Yang ketiganya… yang ketiganya ambo nok sebut berkaitan dengan Guillemard lah. Untuk Dewan sudah dimaklum bahawa Guillemard akan menjadi satu ikon pelancongan bagi Negeri Kelantan. Jadi sudah tentu penambahbaikannya amat lah perlu. Sebelum tu, saya nak menjunjung kasih kepada Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Kelantan Tengku Muhammad Fakhry Petra Ibni Sultan Ismail Petra bersama bonda Tuanku Raja Perempuan Yang Teramat Mulia Tengku Anis Bin Tengku Abdul Hamid yang telah mencemar duli hadir merasmikan 100 Tahun Guillemard Bridge sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Muhammad V. Jadi pihak saya merakamkan ucapan terima kasih bagi pihak penduduk dan masyarakat Gual Ipoh khususnya kepada Kerajaan Negeri Kelantan yang telah menjayakan program berkenaan. Tak lupa juga kepada jabatan-jabatan dan agensi yang terlibat khususnya Majlis Daerah Tanah Merah bersama dengan Perbadanan Aset Keretapi (RAC) dan juga Keretapi Tanah Melayu Berhad. Jadi Alhamdulillah hari ini Guillemard telah tersohor dan dikenali, namun beberapa pelan untuk mengangkat Guillemard lebih lagi adalah perlu dilaksanakan.

Yang pertamanya saya ingin mencadangkan satu laluan jalan keluar daripada Guillemard. Sebagaimana kita pergi pada tempoh hari melalui jalan yang sama dan kita keluar melalui jalan yang sama iaitu jalan daripada Guillemard kepada Cherang Lali yang hanya sekitar tak sampai 1 kilometer bersama dengan satu jambatan tapi apa yang lebih penting apabila terlaksananya jalan ini masyarakat yang terkepung banjir di Kusial Baru akan bebas banjir. Buat masa ini apabila berlaku banjir di Chekok Ipoh tidak boleh dilalui, maka di sebelah sana Sungai Kelantan, di sebelah sini jalan keretapi mereka terkepung. Tetapi dengan adanya jalan ini bukan sahaja kesesakan Guillemard boleh diatasi, malahan masyarakat boleh keluar bila berlaku banjir.

Yang keduanya adalah jalan Persisiran Sungai Kelantan iaitu daripada Persisiran Kusial Baru sehingga ke Kota Harmoni dan jalan ini telah pun saya mulakan sehingga ke muara Sungai Kusial. Cuma jalan ini hanya sekitar 1.58 kilometer. Jalan ini berharap menjadi satu jalan persisiran sungai untuk trek jogging, berbasikal dan riadah bagi masyarakat Tanah Merah.

Yang ketiganya kita telah mengangkat permohonan kepada pihak RAC Perbadanan Aset Keretapi dan juga kepada KTMB supaya membuka semula Stesen Hentian Sungai Kusial. Dan saya sebut di sini supaya pihak kita juga sama-sama untuk memastikan pihak Persekutuan ni iaitu Kementerian Pengangkutan yang mempunyai kuasa untuk meluluskan pembinaan semula Stesen Hentian Sungai Kusial berkenaan.

Yang ketiganya, sekarang ini jeti juga sedang dibina. Mungkin suatu hari nanti kita boleh akses Guillemard melalui jeti bermula daripada Tangga Bradley di Kuala Krai ataupun daripada Kota Harmoni malahan di sebelah Paloh Rawa In Shaa Allah. Dan saya suka untuk memaklumkan kepada Ahli Dewan dimana terbaru RAC telahpun mengangkat permohonan kepada Jabatan Warisan Negara untuk mendaftarkan jambatan Guillemard Bridge dibawah harta warisan negara. Telah pun diangkat surat berkenaan. Jadi itu lah berkenaan dengan… bukan apa sebenarnya supaya kegiatan ekonomi dan kemakmuran masyarakat Gual Ipoh yang terkepung tadi, supo terkepung banjir jugok lah sebab tidak ada laluan yang merentasi dia. Masuk ada… sehinggakan dia dilihat sebagai satu gua.. bukan gua sebenarnya gual di sana.

**YB DATO' SPEAKER : (MENCELAH)**

Masa Yang Berhormat 2 minit lagi.

**YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR :**

Sedikit lagi. Okay seterusnya ambo nok beritahu juga kepada Dewan bahawasanya Gual Ipoh ini adalah merupakan satu kawasan yang tinggi berbukit-bukit. Ia adalah gual yang dimaksudkan tadi menyebabkan satu keadaan dimana kita sering terputus bekalan air dimana tekanan air terlalu rendah kerana kawasannya yang tinggi dan berbukit-bukit. Jadi sebenarnya ambo nok merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri juga dibawah JESAN Jabatan Sumber Air Negeri Kelantan yang

telahpun membina 2 telaga tiub ni. Satunya di Bechah Laut dan satu lagi di Bukit Nangka telah siap.

Jadi terima kasih, namun begitu bekalan air ini hanya boleh menampung sekitar 50 keluarga ke 80 keluarga sahaja. Selebih daripada cara telaga tiub begini, ada juga digunakan kaedah tandak… air tandak. Namun kaedah air tandak juga boleh menyebabkan ketika-ketika tertentu air ini terputus dengan sebab kemarau kawasan tandak kekeringan apabila berlaku banjir keadaan begini dia boleh menyebabkan air keruh dan tersumbat. Dan ada ketikanya dia dipijak gajah atau disepak gajah dia pecah maka penduduk kekeringan air. Maka justeru itu ambo mohon mencadang ambo di Gual Ipoh ni juga terdapat dua kawasan rizab untuk kawasan tadahan air. Yang pertama adalah di… apa ni…

**YB DATO' SPEAKER : (MENCELAH)**

Masa cukup Yang Berhormat.

**YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR :**

Sedikit minta dihabiskan, pohon… jadi di.. apa ni.. Lata Hujan tu ada campur tolak 200 ekar, manakala di Hulu Bertam kawasannya adalah campur tolak 500 ekar. Dengan terlaksananya kawasan tadahan air ini kita berharap bukan sahaja Gual Ipoh akan selesai masalah air, malahan keseluruhan ataupun sebahagian daripada daerah Negeri Kelantan dapat diselesaikan berkenaan dengan masalah air.

Akhir sekali, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk memberitahu bahawasanya Majlis Daerah Tanah Merah telah pun mendapat penganugerahan diamond dalam Pengiktirafan Diamond bagi Kategori Zon Rendah Karbon dalam penyertaan Majlis Daerah pada Low Carbon City 2030 nanti dapat doh penganugerahan.

**YB DATO' SPEAKER : (MENCELAH)**

Sila akhiri ucapan. Biar Exco yang isytihar.

**YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR :**

Okay.. dah diisytihar. Jadi saya mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan bahawa saya menyahut cabaran ini dengan memasang

semua lampu solar di 17 kubur di kawasan Gual Ipoh. Sedangkan Gual Ipoh hanya ada 13 mukim tetapi ada kubur-kubur yang lebih 17 kubur saya telah pasang kemudahan lampu solar. Jadi ambo rasa itu lah saje daripada saya walaupun ada sedikit lagi tapi saya mohon maaf lah kalau ada salah dan silap. Kade-kade kita kena sampaikan apa yang rakyat nak bukan kita nak bagi. Akhir sekali…

**YB DATO' SPEAKER : (MENCELAH)**

Okay Yang Berhormat. Sila akhiri… sila akhiri.

**YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR :**

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih daun keladi kepada Kerajaan Negeri yang sudi menolong kami. Kalau ada keperluan kami lagi, mohon harap bantu lah kami lagi. Sekian.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**YB DATO' SPEAKER :**

Yang Berhormat kena belajar pantun dengan Dabong. Okay sila Nenggiri.

**YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN HAJI ABDUL GHANI :**

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, ketua-ketua jabatan dan agensi Kerajaan, yang diraikan pegawai-pegawai, kakitangan serta para pemerhati, petugas sekian. Alhamdulillah, pertamanya saya ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada seluruh rakyat dan pengundi Nenggiri kerana telah memberi mandat kepada saya menjadi wakil rakyat yang mewakili Barisan Nasional dan meletakkan kepercayaan kepada saya untuk menjalankan tugas sebagai yang berkhidmat sebaik mungkin. Tiada janji, In Shaa Allah lihat bukti.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Nenggiri merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar diatas Pembentangan Belanjawan Negeri Kelantan 2025 yang

bertemakan keberkatan, kesejateraan dan keseimbangan untuk kemakmuran negeri yang mempunyai 5 teras utama. Namun tahun ini amat berbeza sekali Pembentangan Bajet ini kerana kita tidak lagi mendengar perbelanjaan surplus yang menjadi kebanggaan kita selama 5 tahun berturut-turut dari 2017 sehingga 2022. Saya mengharapkan tahun 2023 juga kita mencapai surplus spending dengan izin untuk tahun ke-6 berturut-turut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Negeri Kelantan tidak pernah lari daripada belenggu untuk memperkukuhkan pembangunan rakyat. Apakah dasar dan pelan tindakan untuk menangani isu air dan saliran, kemudahan jalan rakyat dalam konteks agenda keberkatan, kemakmuran dan kebajikan yang akhirnya ianya memberi manfaat kepada rakyat Kelantan. Antaranya membina infrastruktur yang berkualiti dan menyelesaikan masalah kedaifan infra luar bandar, menyelesaikan masalah sekolah-sekolah daif, membina perumahan berkualiti dan mampu milik untuk B40 dan rumah untuk generasi muda, peluang pekerjaan kepada anak muda Kelantan dalam pelbagai sektor mahir dan separuh mahir serta pengukuhan ekonomi orang muda Kelantan.

Benar orang muda berhak bertanya apakah sumbangan negeri buat mereka. Nmaun jangan sesekali lupa bertanya apakah sumbangan kita buat negeri kita kerana hubungan ekonomi rakyat bersikap *reciprocal* saling memberi dan saling menerima. Zaman ekonomi digital menuntut anak muda mencipta kejayaan bukan sekadar menunggu dan mencari. Majunya negeri kerana anak muda dan rakyat membina empayar ekonomi. Kita mahu berpuluh juta usahawan muda dilahirkan saban tahun membuktikan anak muda sedang membina hegemoni ekonomi tanpa sekadar mengharapkan pemerintah tetapi siapa pun yang menjadi Kerajaan kita tidak boleh berpeluk tubuh dan tidak boleh mengendahkan suara anak muda kerana golongan muda dan belia ini akan membawa pertumbuhan kepada ekonomi negeri dan negara. Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar diatas peruntukan sebanyak RM7.95 juta bagi melahirkan usahawan berwawasan untuk anak muda Negeri Kelantan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di sini Nenggiri ingin menyatakan langkah induk yang menjadi teras utama yang perlu ditekankan dalam pemerkasaan golongan belia Kelantan juga rakyat. Pertamanya pengangguran dapat diatasi, mahasiswa disantuni dan peluang pekerjaan harus dinikmati.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kadar pengangguran di Negeri Kelantan ialah 4.1% lebih tinggi daripada purata nasional demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia. Ini perlu diatasi dengan baik mungkin bagi merancakkan pertumbuhan ekonomi negeri dan perkembangan teknologi baru yang perlu diperkenalkan. Sekali gus peluang pekerjaan untuk mahasiswa dan anak Kelantan dan peluang pekerjaan untuk belia separa mahir dapat kita rancakkan demi kelestarian negeri. Mahasisiwa merupakan tonggak utama dalam pembentukan pendidikan negara bangsa yang akan memberi manfaat dalam limpahan tenaga kerja yang menguntungkan kepada negeri. Namun begitu, Nenggiri ingin katakan di sini inisiatif atau bantuan kewangan kepada pelajar tercicir atau masalah kewangan untuk melanjutkan pelajaran ke universiti tidak perlu dipandang sepi bak kata pepatah menyeberangi jambatan emas.

Selain itu juga, Kerajaan perlu memperkenalkan inisiatif Bas Mymahasiswa Kelantan iaitu pengangkutan percuma untuk pelajar universiti di luar Kelantan sepertimana yang telah berlaku semasa PRN dan diharapkan ia dapat diteruskan di musim-musim perayaan dan lain-lain bagi menggambarkan bahawa keprihatinan dan kecaknaan negeri. Saya menyokong YB Jelawat tadi. Ini untuk mahasiswa.

Keduanya, konflik kehidupan liar dan mausia tanggungjawab kita bersama. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Galas kerana kita lihat hari ini 6 kes termasuk 5 kematian akibat serangan harimau direkodkan berlaku di Gua Musang dalam tempoh 2 tahun sejak Julai 2021. Yang terakhir sekali, di kawasan saya di Jerek mangsa meninggal dunia akibat diserang beruang matahari. Hal ini perlu kita atasi kebersamaan antara Pejabat Kerajaan Negeri dan Perhilitan perlu kita satukan bagi menangani isu ini.

Ketiganya, mengenai perumahan untuk generasi muda Kelantan. Dalam Belanjawan Negeri Kelantan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat MB peruntukan sebanyak RM10.6 juta untuk rumah mampu milik dan Nenggiri memohon agar diberikan kuota kepada belia Kelantan untuk memiliki rumah sendiri. Justeru saya mengharapkan nanti ada tawaran untuk anak muda iaitu satu projek perumahan rakyat yang dalam kaedah *rent to own* dengan izin sepertimana yang telah dipraktikkan di negeri Melaka. Kerana kita tahu golongan muda atau belia hari ini tidak mampu untuk membuat loan di bank akibat kekangan-kekangan dan mohon tawaran yang dilaksanakan di Negeri Melaka ini dicontohi oleh Negeri Kelantan. Dan saya yakin dengan kebijaksanaan Yang Amat

Berhormat Menteri Besar dan kita dalam membela golongan muda kita ianya akan menjadi kenyataan In Shaa Allah.

Yang keempat adalah generasi MADANI bebas dadah. Ini adalah statistik daripada Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) yang menyatakan bahawa Kelantan di tangga pertama penyalahgunaan dadah sintetik. Kadar penyalahguna atau penagih dadah atau bahan bagi setiap 100 000 penduduk menyaksikan Kelantan mencatat jumlah paling tinggi dengan catatan kes sebanyak 980 orang. Yang lebih menakutkan hari ini adalah dadah jenis opiat iaitu dadah campuran. Kalau kita lihat dadah…

**YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG : (MENCELAH)**

Minta laluan. Nenggiri boleh ? Minta laluan.

**YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN HAJI ABDUL GHANI :**

Saya takde masa. Saya orang baru. Yang ni pun tetap kena ada.

**YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG : (MENCELAH)**

Orang baru kena bagi laluan. Orang baru kena bagi laluan syarat dia.

**YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN HAJI ABDUL GHANI :**

Kita… kita…

**YB DATO' SPEAKER :**

Dia tak bagi Yang Berhormat.

**YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN HAJI ABDUL GHANI :**

Yang lagi membimbangkan adalah laporan daripada Polis Kelantan yang mendedahkan isu ubat gila. Ubat gila ni di kalangan pelajar-pelajar sekolah terutamanya. Ada kes yang terbaru, Yang Berhormat Speaker, ada seorang pelajar berdiri atas….

**YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD : (MENCELAH)**

Melor minta laluan…

**YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN HAJI ABDUL GHANI :**

Dan dalam keadaan yang tidak waras…

**YB DATO' SPEAKER :**

Melor minta laluan, Yang Berhormat.

**YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN HAJI ABDUL GHANI :**

Minta maaf ambo ore baru ambo nok sudoh hok ni dulu. Minta maaf YB. Lepas pada ni kita bice.

Jadi perkara ini perlu diambil serius. Ubat gila ni cukup popular di kalangan anak-anak muda kita terutamanya pelajar sekolah atau lebih dikenali dengan nama "mushroom" dan diharapkan kerjasama antara AADK dan pihak Kerajaan Negeri beserta dengan kepimpinan-kepimpinan belia …

**YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR :**

YB Nenggiri… minta laluan sedikit ah.

**YB DATO' SPEAKER :**

Gual Ipoh minta laluan.

**YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN HAJI ABDUL GHANI :**

Sakni ambo dengar YB. Hok ni giye ambo. Sobar YB, baru nok panah, nok buang buruk sikit ah ni.

Kelima… ambo teruskan kelima lah. Kelima, sukan mencerminkan matlamat negeri. Di sini ambo ingin, Nenggiri ingin menanyakan status Kompleks Sukan Bukit Merbau dan persediaan Kelantan dalam penganjuran SUKMA pada tahun 2028 dari segi fasiliti dan juga persiapan atlet SUKMA Kelantan. Kita semua tahu SUKMA di Sarawak kita berada di tangga kedua tercorot selepas Brunei. Kita memperoleh 7 emas, 13 perak, 17 gangsa. Ini harus kita berikan fokus kerana 2028 hanya berbaki 4 tahun daripada sekarang terutamanya dalam menyediakan atlet berkualiti. Dan kita semua tahu Kelantan sebenarnya mempunyai bakat-

bakat yang cukup besar dalam pelbagai acara sukan. Sudah tiba masanya kita perbesarkan bajet-bajet untuk persatuan-persatuan sukan dalam mencari ataupun melahirkan bakat-bakat untuk memberikan kejayaan kepada Negeri Kelantan pada SUKMA bagi tahun 2028.

Saya juga ingin menyentuh fasiliti-fasiliti sukan seperti yang dinyatakan oleh Gual Ipoh sebentar tadi. Mungkin di daerah lain sudah ada…

**YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR : (MENCELAH)**

Adik bongsu sikit ah. Adik bongsu…

**YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN HAJI ABDUL GHANI :**

Kompleks-kompleks sukan tapi sama dengan saya…

**YB DATO' SPEAKER :**

Gual Ipoh minta laluan.

**YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR : (MENCELAH)**

Gual Ipoh sikit jah nok mitok…

**YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN HAJI ABDUL GHANI :**

Kompleks sukan untuk anak-anak muda kita untuk bersukan. Jadi hasil daripada keberadaan fasiliti-fasiliti sukan yang lengkap ini memungkinkan kita melahirkan lebih ramai lagi atlet. Di Gua Musang terutamanya kita ada masyarakat orang asli yang begitu *special* dan saya rasa kalau digilap kalau dulu kita telah melahirkan 2 orang atlet kriket mewakili Malaysia In Shaa Allah suatu hari nanti kita akan lahirkan lebih ramai atlet-atlet daripada masyarakat orang Asli.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

*Dari Nenggiri ke Dewan Undangan Negeri,*
*Demi rakyat ambo berdiri,*
*Isu kami jangan dipandang sepi,*
*Suara rakyat jangan diketepi.*

Dalam Perbahasan ini juga ambo ingin menyampaikan keperluan rakyat di kawasan DUN ambo. Yang pertamanya Dato' Speaker, mengenai jalan rosak di jalan D235 yang amat merisaukan penduduk ianya di bawah seliaan JKR Negeri dan ambo mohon jalan ini disegerakan pembaikpulihan. Rasanya semua ADUN melalui jalan ini semasa PRK Nenggiri antara Jerek dengan Bertam, banyak jalan yang mendap ianya membahayakan keselamatan penduduk.

Saya juga ingin menyentuh mengenai isu pampasan tanah dan tanaman bagi projek pembinaan jalan raya ke Kampung Kuala Sungai. Mungkin YB Chetok biasa lalu semasa PRK Nenggiri yang lepas. Projek itu sebenarnya telah dilaksanakan, telah diaward pada bulan Januari yang lalu. Bukan projek PRK Nenggiri. Tetapi sampai ke hari ini masih lagi tidak dapat dilaksanakan akibat daripada lambatnya penilaian tanah dan tanaman kepada penduduk. Seterusnya saya juga ingin bertanyakan apakah nasib 177 pemilik rumah atau rumah kedai yang terlibat dengan pembinaan lebuh raya ECRLTU yang mana sehingga ke hari ini masih lagi tiada jalan keluar ataupun tiada kata putus dari pihak Kerajaan. Isunya hari ini dibangkitkan dan harus saya suarakan di dalam Dewan yang mulia ini.

Dan saya juga ingin bertanyakan satu lagi apakah status tanah kepada penduduk Bertam Lama yang telah dirobohkan, 22 rumah telah dirobohkan untuk bagi laluan pembinaan jalan di kawasan Bertam Lama. Itu juga isu yang hangat diperkatakan semasa PRK yang lalu.

**YB DATO' SPEAKER : (MENCELAH)**

Ada 2 minit lagi.

**YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN HAJI ABDUL GHANI :**

Saya juga ingin menyampaikan permasalahan rangkaian telekomunikasi di kawasan saya iaitu terdapat 3 kawasan yang masih lagi belum ada line telefon, nok ko internet jauh sama sekali iaitu kawasan Kampung Kaling di Bertam Lama, Zon 3 RKT Jeram Tekuh dan kawasan Pulau Setelu. Dan saya juga mengharapkan pemasangan lampu-lampu jalan di kawasan Nenggiri terutamanya di jalan utama iaitu Jalan D237 Jalan Sungai Asap Limau Kasturi, D232 Limau Kasturi ke Bertam dan D235 Bertam Lama dan satu lagi 1740 Renok ke Perasu.

Dan saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas kelulusan dan pelaksanaan projek jalan MARRIS yang telah dilaksanakan di seluruh kawasan Nenggiri terima kasih MB dan tidak lupa juga terima kasih Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di atas kelulusan Projek JPD kepada rakyat Nenggiri. Hari ini Nenggiri jalan semua tar baru…

**YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD : (MENCELAH)**

Melor minta laluan.

**YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN HAJI ABDUL GHANI :**

Seterusnya Nenggiri juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas….

**YB DATO' SPEAKER : (MENCELAH)**

Melor minta laluan, Yang Berhormat?

**YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN HAJI ABDUL GHANI :**

Peruntukan sebanyak RM 4.5 juta dalam Belanjawan untuk Gunung Chamah tetapi ada banyak lagi kawasan-kawasan pelancongan yang dapat dimajukan di Nenggiri…

**YB DATO' SPEAKER : (MENCELAH)**

Bagi laluan ke ?

**YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN HAJI ABDUL GHANI :**

Antaranya Pos Gob Kampung Bering Lama di Pos Pasik dan Felda Perasu. Dan diharapkan ianya mendapat perhatian daripada Exco Pelancongan. Saya juga ingin menyentuh mengenai…

**YB DATO' SPEAKER : (MENCELAH)**

Melor minta laluan, Yang Berhormat.

**YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN HAJI ABDUL GHANI :**

Sikit lagi. Lepas ni kita laluan luar.

**YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD : (MENCELAH)**

Habis dah laa sikit lagi.

**YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN HAJI ABDUL GHANI :**

Saya juga ingin bertanyakan mengenai warta tanah Orang Asli…

**YB DATO' SPEAKER : (MENCELAH)**

Masa ada 1 minit lagi.

**YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN HAJI ABDUL GHANI :**

Sepertimana Yang Berhormat Galas nyatakan kerana hari ini kawasan Rayau untuk masyarakat Orang Asli semakin lama semakin berkurangan dan ianya menjadi sebuah permasalahan kepada masyarakat Orang Asli kita.

**YB DATO' SPEAKER : (MENCELAH)**

Masa Yang Berhormat cukup.

**YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR : (MENCELAH)**

Adik bongsu sikit ah.

**YB DATO' SPEAKER : (MENCELAH)**

Masa dah cukup.

**YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN HAJI ABDUL GHANI :**

Jadi saya rasa itu sahaja daripada saya. Minta maaf banyak ore baru In Shaa Allah ambo akan ngaji dengan YB-YB hok bangun sakni In Shaa Allah. Kito jupo Sidang lain pulok. Terima kasih. Sekian.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**YB DATO' SPEAKER :**

Sila Melor.

**YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD :**

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Sri Amar D'Raja Dato' Speaker, saya berdiri untuk menyokong Belanjawan Kelantan bagi tahun 2025. Saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang Menteri Besar diatas Pembentangan Belanjawan Kelantan 2025 pada Khamis yang lepas yang berteraskan bertemakan keberkatan, kesejahteraan dan keseimbangan untuk kemakmuran negeri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan lah saya mulakan Perbahasan ini dengan memetik panduan wahyu dalam pengagihan belanjawan negeri mahupun negara berpandukan ayat 7, Surah Al-Hasyr :

الْقُرْبَىٰ وَلِذِي وَلِلرَّسُولِ فَلِلَّهِ الْقُرَىٰ أَهْلِ مِنْ رَسُولِهِ عَلَىٰ اللَّهُ أَفَاءَ مَا
الْأَغْنِيَاءِ بَيْنَ دُولَةً يَكُونَ لَا كَيْ السَّبِيلِ وَابْنِ وَالْمَسَاكِينِ وَالْيَتَامَىٰ
وَاتَّقُوا ۚ فَانْتَهُوا عَنْهُ نَهَاكُمْ وَمَا فَخُذُوهُ الرَّسُولُ آتَاكُمُ وَمَا ۚ مِنْكُمْ
الْعِقَابِ شَدِيدُ اللَّهَ إِنَّ ۖ اللَّهَ

*Maksud : Apa yang Allah kurniakan kepada Rasul-Nya Muhammad dari harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah dan bagi Rasulullah dan bagi kaum kerabat Rasulullah dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin serta orang-orang musafir yang terputus bekalan. Ketetapan yang demikian itu supaya harta tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya di kalangan kamu. Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W kepada kamu maka terima lah dan amalkan lah. Dan apa jua yang dilarangnya kamu lakukan maka patuhi lah larangan itu. Dan bertakwa lah kamu kepada*

*Allah. Sesungguhnya Allah amat lah berat azab seksanya bagi orang-orang yang melanggar perintah-Nya.*

Saya menyokong penuh Bajet Belanjawan 2025 yang berteraskan 3 teras utama keberkatan, kesejahteraan, keseimbangan untuk keimbangan negeri yang In Shaa Allah akan dapat dijayakan berasaskan prinsip penghayatan bersama Islam.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan ini diberi mandat dan kepercayaan yang besar oleh seluruh rakyat negeri Kelantan pada PRN ke-15 12 Ogos 2023. Amanah dan mandat rakyat itu sudah tentunya tidak datang bergolek kalau pun ia bulat dan tiada kan datang melayang kalau pun ia pipih. Kepercayaan yang diberikan oleh rakyat kepada sesebuah kerajaan untuk memerintah adalah dibuat berasaskan janji-janji dan harapan yang kita garapkan melalui manifesto pilihan raya sebagaimana siri-siri pilihan raya yang kita lalui sejak merdeka. Bajet yang dirangka bagi tahun 2025 akan memasuki tahun kedua dan ketiga dalam tempoh mandat yang diberikan oleh rakyat negeri ini.

Oleh itu saya sangat lah berharap agar kerajaan kita terus memperhalusi dengan penuh tekun dan teliti agar dapat memenuhi setiap janji-janji demi kebajikan rakyat dan negeri. Semoga Bajet ini dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin dengan penuh tiwikrama oleh pimpinan Kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang Menteri Besar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tadi saya perhati ucapan Galas dengan penuh teliti sahabat saya. Saya ucap terima kasih atas cadangan sentuhan berkenaan dengan isu Akta Wilayah Laut. Tapi sebelum itu, saya nak sebut satu perkara dalam ucapan Galas sebentar tadi Galas menyentuh tentang peruntukan tahunan kepada YIK Yayasan Islam Kelantan. Tahun 2023 RM154 juta, RM159 juta 2024. Manakala 2025 ujurannya RM142.70 juta. Dan kalau kita total up semua ini dia hampir-hampir RM1 bilion RM457 351 015.

Apa yang disebutkan oleh Galas seolah-olah menggambarkan YIK mendapat peruntukan yang besar untuk buat projek sebab tidak diperincikan. Jadi saya nak tolong perincikan ucapan Galas supaya Dewan yang mulia ini dan juga rakyat di luar sana tidak terpinga-pinga banyak nya YIK dapat setengah billion dalam tempoh 3 tahun. Saya nak sebut begini sebenarnya peruntukan yang besar yang diperuntukkan kepada Yayasan Islam Kelantan itu meliputi perbelanjaan mengurus yang besar.

Penyata kewangan YIK untuk bajet tahun 2023, belanja mengurus sahaja RM131.5 juta, tahun 2024 perbelanjaan mengurus RM137 juta yang merangkumi 85.8% bajet yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri kepada Yayasan Islam Kelantan. Yang lain-lain adalah untuk perkhidmatan dan perbekalan 5.6%, pemberian dan kenaan bayaran tetap 3.3%, perbelanjaan-perbelanjaan yang *contingency* 0.7% sahaja, dan aset serta harta modal 4.6%.

Jadi saya nak katakan apa yang disebut oleh Galas sebentar tadi menggambarkan suasana yang sebenarnya. Jangan parking satu fakta yang umum supaya akhirnya kita boleh keluar buat tiktok. Jadi saya nak sebut betul-betul bahawa perbelanjaan mengurus bagi Yayasan Islam Kelantan ni 85%, 86% kecik je balance kalau-kalau ada. Dan kita semua tahu bahawa di negeri kita ni Yayasan Islam Kelantan merupakan agensi pendidikan yang utama…

**YB TUAN MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM : (MENCELAH)**

Speaker… Speaker…

**YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD :**

Haa sila…

**YB TUAN MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM : (MENCELAH)**

Terima kasih Melor. Saya juga nak minta Melor ambil juga ucapan saya selepas daripada saya baca berkenaan peruntukan-peruntukan yang diterima oleh YIK iaitu YIK juga ada pelaburan-pelaburan yang dibuat seperti di perladangan, stesen minyak, hartanah, perlombongan, perniagaan air mineral dan lain-lain. Dan juga menjadi pendapatan kepada YIK. Terima kasih.

**YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD :**

Okay okay pade doh tu. Terima kasih.

Pelaburan tu Galas tak sebut figure, yang Galas sebut figure ialah angka umum ratus-ratus juta. Jadi tinggal parking situ. Jadi ramai lah boleh buat tiktok kata YIK ni beratus juta setahun, itu tidak betul… dok. Pelaburan tu Exco jawab lah bukan kijo ambo jawab nanti maroh ko Exco galo tanoh

ore. Jadi saya nak betulkan dan perincikan bantu Galas berikan persepsi yang *actual*…

Duduk dulu. Guillemard duduk dulu. Actual kepada rakyat di luar sana.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Tak diberi laluan.

**YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD :**

Saya buwi… saya buwi. Saya saeng saya buwi belako….

**YB TUAN MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM : (MENCELAH)**

Melor, sekali lagi nak tanya Melor adakah fakta yang saya bacakan tadi tak betul. Adakah fakta yang saya bacakan tadi tak betul ?

**YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD :**

Bukan tak betul. Saya tak kata tak betul. Saya kata anda nak *create* persepsi tak betul berasaskan fakta yang separuh betul. Itu sahaja… sebab itu saya perincikan….

Duduk dulu… duduk dulu lah.

**YB TUAN MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM : (MENCELAH)**

Mekanisma pemantauan terhadap apa yang saya sokong.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Melor bagi laluan atau tidak ?

**YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD :**

Duduk dulu.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Mohon duduk. Biar Melor teruskan perbahasan.

**YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD :**

Galas juga menyebut tentang Akta Wilayah Laut…

**YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD : (MENCELAH)**

Melor, sikit je sikit..

**YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD :**

Hok ni kena bagi ni kalau dok dio dok bagi tiket…

**YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD :**

Terima kasih Yang Berhormat Melor, terima kasih Dato' Speaker. Saya pun mungkin untuk membantu Melor dari sudut supaya tidak timbul persepsi negatif kepada rakyat. Saya sokong Melor apabila perlu ada penjelasan. Ada dua perkara saya lihat daripada Galas, YB Galas tadi. Yang keduanya ialah Terminal Bas Bersepadu, apabila Yang Berhormat Galas menyatakan daripada tahun 2023 RM20 juta, 2024 RM10 juta, kemudian 2025 RM7 juta. Sudah RM37 juta untuk melaksanakan Stesen Bas Bersepadu… Terminal Bas..

**YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD : (MENCELAH)**

Jadi hok sebenarnya ?

**YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD :**

Banyakkah lagi wang yang diperlukan untuk menyiapkan stesen bas… apa ni Terminal Bas Bersepadu. Ini juga menggambarkan di luar sana seolah-olah kita telah membelanjakan RM33 juta…

**YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD :**

Iyaa mengelirukan… misleading ore putih kata. Dato' Speaker.. Yang Berhormat Dato' Speaker, yang kedua yang disebut oleh Galas tentang tuntutan royalti Akta Wilayah Laut jadi dia mencadangkan supaya Kerajaan Kelantan bawa kes ni ke mahkamah. Saya sangat setuju 300% dengan Galas tapi saya nak bagitahu sebagai pengamal undang-undang proses mahkamah ni lama, rumit dan *complicated* serta menelan belanja

yang tinggi. Jadi isunya mudah je Galas presiden partinya adalah anggota Kerajaan MADANI. Dok... dah Galas pun dah setuju walaupun Akta Pembangunan Wilayah Laut ini dibentang, diluluskan, dibawa oleh Kerajaan Barisan Nasional oleh bekas menteri Dato' Sri Nazri Aziz pada Oktober 2012, UMNO yang bawa ni, UMNO yang memperkenalkan Akta Wilayah Laut ni tanpa berunding dengan negeri.

Barisan Nasional bawa ni dia bercanggah dengan Perkara 1(2) Perlembagaan Persekutuan, Perkara 1(3) dan (2) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukan apa-apa akta yang boleh membei kesan kepada pengubahan sempadan negeri ia hendak lah diluluskan di dalam Dewan Undangan Negeri terlebih dahulu dan mendapat perkenan Tuanku Al-Sultan bagi setiap negeri. Dalam pembentangan Akta Wilayah Laut ni Kerajaan Barisan Nasional tak buat, tidak dirujukan kepada negeri sebab itu 4 negeri tolak Sarawak, Sabah, dan kita Kelantan 2015 dan Terengganu pada bulan April yang lepas. Sebab akta ini mengubah sempadan memberi kesan kepada hak-hak kedaulatan dan bidang kuasa ke atas kawasan pelanta benua yang terdiri daripada dasar laut dan tanah di bawahnya yang berhampiran dengan wilayah negeri-negeri Borneo dan juga negeri-negeri di Pantai Timur dan Pantai Barat Semenanjung Malaysia.

Apa pun saya ucap terima kasih kepada Galas membangkitkan isu ini menunjukkan bahawa apa yang dilakukan oleh Kerajaan Parti Galas dulu adalah salah dan perlu diperbetulkan. Jadi saya nak minta mudah je telefon sahaja Presiden Parti Galas minta dia lakukan sesuatu untuk merungkaikan semula Akta Wilayah Laut ini supaya Kelantan sempadan Negeri Kelantan tidak lagi terhad kepada 5.3 batu nautika sahaja. Begitu juga dalam hal apa nama… apa ni… disebut juga sambil-sambil Kota Lama tadi saya bangun dia nak mencelah tapi poin yang sama juga bertindang dengan Galas iaitu kesimpulannya kedua-dua mengatakan bahawa Kerajaan Perpaduan, Kerajaan MADANI tidak menganaktirikan Kelantan. Bui sokmo pitih takdok langsung sekatan. Saya nak tarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada buku tebal yang diedarkan kepada kita semua pada hari Khamis lepas, Laporan Audit Ketua Negara 3/2024 dipublish diterbitkan pada Oktober 2024 muka surat 35, perenggan 4.5.3.3 (b), pada tahun 2023 terimaan daripada agensi Kerajaan yang menyumbang sejumlah RM 319.58 juta menurun sebanyak RM129.96 juta bersamaan dengan 28.9% berbanding tahun 2022 yang berjumlah sebanyak RM449.54 juta. Sebahagian besar terimaan agensi kerajaan merangkumi pemberian wang ihsan, pemberian 50% kos pengurusan jabatan negeri,

pemberian mengikut ramai penduduk dan pemberian yang projek-projek persekutuan yang dilaksanakan oleh negeri. Pemberian wang ihsan yang merupakan penyumbang utama kepada terimaan bukan hasil merekodkan penurunan sebanyak RM113.42 juta…

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

2 minit lagi ye.

**YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD :**

Iaitu bersamaan dengan 34.2% kepada RM217.96 juta berbanding tahun 2022 yang berjumlah sebanyak RM331.38 juta.

**YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG : (MENCELAH)**

Melor, minta laluan Melor.

**YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD :**

Ye sila...

**YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :**

Tahun 2022 tu sape yang memerintah ?

**YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD :**

Tahun 2022 diperintah oleh Kerajaan Perikatan Nasional bersama Barisan Nasional..

**YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR : (MENCELAH)**

Saya juga Melor satu saat jah deh. Saya keliru jadi, AADK dengan JAKOA ni bawah Kerajaan Negeri ko ?

**YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD :**

Aaaa nanti nanti nak masuk ni. Diperintah oleh Kerajaan bersama Barisan Nasional, bila kita bersama dengan BN rakyat aman dan makmur negeri mendapat hak, bila BN melukut di tepi gantang dalam Kerajaan MADANI

dan semua hak negeri hapuskan. Ini kena ambil perhatian. Sikit lagi Dato' Speaker, dia sebut tadi Nenggeri sebut, orang baru dia sebut pasal dadah nombor 1 ubat gilo lah apa nama segala pil-pil. Cuma saya nak sebut sebut satu je, Nenggiri ni perasan ke dok agensi yang mempunyai kuasa mengawal selia AADK Agensi Anti Dadah Kebangsaan, JAKOA, Polis Diraja Malaysia yang PGA yang kawal semua ini agensi persekutuan. Jadi jangan parking masalah Kelantan nombor 1 dadah kemudian berhenti situ tubik buat tiktok, seolah-olah Kerajaan Negeri semua yang bersalah toktahu nak jaga akhlak penduduk ini tok betul. Jadi saya nok betul sini sahabat Nenggiri. Masa habis dah masa. Kalu masa panjang lagi 2 hari pun saya boleh berhujah dengan Nenggiri In Shaa Allah… dok? Jadi oyak betul bahawa ini semua… bukan saya nak salahkan penjawat awam, agensi-agensi ini tapi sesuatu mesti diberi fokus utama oleh Kerajaan Persekutuan bantu negeri ini, bantu sempadan-sempadan negara. Chempaka tadi sebut sempadan tu bukan sempadan Kelantan dengan Golok tapi sempadan itu adalah sempadan Malaysia dan Thailand.

Tuan Yang Dipertua, untuk itu saya mohon menyokong Belanjawan 2025 yang telah dibentangkan.

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Silakan Limbongan.

**YB PUAN NOR ASILAH BINTI MOHAMED ZIN :**

*Kelantan maju rakyat sejahtera,*
*Limbongan prihatin rakyat utama,*
*Keberkatan, kemakmuran barakah hendaknya,*
*Negeri hidayah kita payungi bersama.*

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberi laluan untuk saya berbahas pada petang ini.

بسم الله الرحمن الرحيم

لِلْعَالَمِينَ رَحْمَةً إِلَّا أَرْسَلْنَاكَ وَمَا

Tidak aku utuskan wahai Muhammad kecuali untuk rahmat sekalian alam.

Segala puji bagi Allah S.W.T Ar-Rahman Ar-Rahim yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Negeri yang dipayungi dengan penuh rahmat, kesejahteraan dan kemakmuran sejak 34 tahun. Saya menyokong Belanjawan Tahun 2025 dengan dasar keberkatan, kesejahteraan, keseimbangan untuk kemakmuran negeri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, memulakan Perbahasan ini Limbongan ingin menyentuh teras pertama iaitu pembangunan sahsiah berpandukan Al-Quran dan pembudayaan amal Islami. Berdasarkan dasar pendidikan Rabbani, Kelantan sebagai modul pendidikan Islam terus diperkukuh dengan Belanjawan RM130.2 juta untuk Yayasan Islam Kelantan yang menaungi 93 buah sekolah YIK yang terus ianya meningkat daripada RM85.014 juta pada tahun 2014 kepada RM125.2 juta pada tahun 2024.

RM130.2 juta pada Belanjawan 2025. Kalau kita lihat lebih 400 000 lepasan sekolah YIK sejak 2013 dengan pelajar tahunan antara 33 000 ke 36 000 murid setiap tahun. Jadi rekod pelajar di sekolah YIK pada tahun 2024 ialah 33 058 murid. Dan ini saya berbangga menjadi bekas pelajar Yayasan Islam Kelantan. Kiranya kalau ada segelintir yang mengatakan apakah kejayaan Yayasan Islam Kelantan yang kita bangga-banggakan. Kalau kita lihat Kelantan sebagai peneraju pusat tahfiz dengan 12 buah maahad tahfiz di bawah YIK telah melahirkan 5122 hafiz dan hafizah sejak 1992.

Di samping itu juga, Kelantan merupakan sebagai hub Pendidikan Islam turut mempunyai 57 maahad tahfiz swasta, 46 institusi pondok dan 32 sekolah agama swasta yang berdaftar penuh dengan Majlis Agama Islam Kelantan. Justeru itu, kalau kita lihat di Kelantan ramai ribuan murid-murid yang dididik di Institusi Pra-Sekolah Islam, Islamic Pre-School swasta dan juga kalau lihat juga di Kelantan juga terdapat sekolah pra iaitu PASTI dimana kalau kita lihat di Pasir Puteh mempunyai 122 murid. Keseluruhan di sini menunjukkan bahawa Kelantan mampu berdiri dengan dasar Pendidikan Rabbani.

Tuan Yang Dipertua, negeri rahmah tadahan wahyu, itu lah Kelantan serambi Mekah. Kelantan juga diiktiraf sebagai negeri bahagia dalam Indek Kebahagian Rakyat Malaysia 2022 dengan indeks 7.07 di kawasan bandar dan 6.94 untuk kawasan luar bandar. Begitu juga pengiktirafan

dan penarafan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), dimana pada tahun 2024 bandar Jeli berada kedudukan yang kedua antara 10 bandar paling bahagia di Malaysia. Dalam Indeks Kebahagian Malaysia yang dijalankan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Kelantan juga merupakan negeri yang kedua paling selamat dengan indeks jenayah.

Jabatan Perangkaan Malaysia iaitu DOSM dengan skor 96 di bawah Sabah dan skor 95 dengan Kuala Lumpur mencatat angka tertinggi 221 dan Selangor 196 yakni ianya skor kadar jenayah bagi setiap 100 000 penduduk. Kota Bharu juga diiktiraf sebagai bandar yang ke-16 di Asia Tenggara adalah bandar yang terbaik dan ke-433 di dunia hasil laporan daripada Oxford Economics Global Cities Index 2024.

Berkaitan dengan statistik kehamilan remaja luar nikah di Malaysia yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia sejak 5 tahun lalu merekodkan 17 646 kes daripada jumlah keseluruhan 44 263 kes kehamilan remaja. Negeri Selangor dilaporkan dalam Sidang Dewan Negeri pada November 2024 terdapat 1354 kes remaja hamil luar nikah untuk tahun 2023 hingga September 2024. Jadi salah kalau mengatakan Kelantan adalah rekod yang tertinggi bagi kehamilan atau seksual.

Perangkaan yang direkod sejak 10 tahun lalu memaparkan Kelantan tidak berada dalam kedudukan 5 rekod tertinggi oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Jelas sekali lagi saya ulang, Perangkaan yang direkod sejak 10 tahun lalu memaparkan Kelantan tidak berada dalam kedudukan 5 tertinggi rekod oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

**YB DR. HAFIDZAH BINTI HAJI MUSTAKIM :**

Minta laluan…

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Tidak diberikan.

**YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :**

Jiran pun tak bagi.

**YB PUAN NOR ASILAH BINTI MOHAMED ZIN :**

Walau bagaimanapun, permasalahan gejala sosial yang dikatakan oleh Nenggiri berkaitan dengan dadah, saya menyokong Melor yang mengatakan AADK di bawah kuasa mana, maka kalau AADK adalah agensi daripada Persekutuan….

**YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN HAJI ABDUL GHANI : (MENCELAH)**

Saya boleh ko ?

**YB PUAN NOR ASILAH BINTI MOHAMED ZIN :**

Sabar adik… Sekiranya AADK merupakan agensi daripada Persekutuan maka kita mohon daripada pihak Persekutuan menguatkuasakan dari sudut perkhidmatan tersebut. Jangan menyalahkan Kerajaan Negeri Kelantan. Limbongan mengesyorkan agar usaha-usaha advokasi dan kesedaran agar gejala sosial yang meruncing ini dapat dikekang sebaiknya.

Yang Berhormat Dato' Speaker… ado dua lagi. Haa ambik sor. Seminit. Eh eh satu saat.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Ringkas ye.

**YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG: (MENCELAH)**

Okay terima kasih Limbongan. Mengikut Utusan Malaysia 12 November 2024 yang memetik daripada Kota Lama dengan tajuknya remaja Kelantan paling ramai terlibat seksual sebelum kahwin dan ini dipetik daripada Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Mobiliti 2022 sebagaimana Kota Lama sebut. Saya telah meneliti tinjauan tersebut dan saya baca saya cari tak ada perkataan sebelum kahwin digunakan ataupun *before marriage* tak ada. Jadi adakah… jadi sebenarnya perkataan ini mungkin akhbar tersalah sebut ataupun Kota Lama tersalah sebut ataupun sebenarnya ditambah, sengaja ditambah untuk menggambarkan bahawa Kelantan ini ramai yang melakukan zina sebelum kahwin. Jadi adakah Limbongan setuju dengan saya? Terima kasih.

**YB DR. HAFIDZAH BINTI HAJI MUSTAKIM : (MENCELAH)**

Sedikit penjelasan.

**YB PUAN NOR ASILAH BINTI MOHAMED ZIN :**

Okay duduk dulu Kota Lama. Saya habis dulu, sikit lagi.

Okay Yang Berhormat Dato' Speaker, Limbongan menyatakan dengan fakta dan angka yang jelas yang ianya turut disokong dengan kajian oleh Universiti Teknologi Petronas dan Pusat Kajian Strategik Kelantan dalam Indeks Sosio Takwa Rakyat Kelantan yang menghasilkan 7 indikator. Antaranya amalan keagamaan harian, pentadbiran, budaya Islam, ekonomi, kemasyarakatan, pendidikan dan tawun dalam skor-skor yang terbaik dan cemerlang.

Seterusnya, dalam memperkasakan Desa Takwa dan Komuniti Rabbani dengan peruntukan minimal RM0.25 juta, Limbongan mencadangkan dengan penggemblengan di akar bumi dengan pimpinan-pimpinan di bawah iaitu penghulu halaqat dengan suatu program yang gerak kerjanya ampuh perlu diterapkan agar Islam terus membumi dan subur dalam masyarakat sebagai negeri Rabbani tadahan wahyu yang penuh barakah.

Seterusnya, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah tunjang dan Kerajaan ke-3 yang memerlukan anjakan prestasi sistem penyampaian dan perkhidmatan yang perlu dipertingkatkan. Tambahan pula dengan kenaikan gaji dalam Skim Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang baru bermula Disember 2024 ini, Limbongan terus untuk memperjuangkan kebajikan dan kesejahteraan rakyat demi gabung jalin bersama kerajaan demi menaiktaraf sosioekonomi kehidupan rakyat. Dengan itu, Limbongan mengharapkan terutamanya Majlis Daerah Pasir Puteh dapat memantapkan perkhidmatan yang sebaiknya turun padang bersama rakyat demi kesejahteraan dan kebaikan bersama terutamanya dengan isu penjajaran baru, perluasan kawasan, penambahan premis yang dikenakan cukai tafsiran bermula tahun 2025.

Yang Berhormat Dato' Speaker, projek ECRL dijangka bakal beroperasi sepenuhnya pada tahun 2027 dimana Stesen ECRL Cherang Tuli, Pasir Puteh yang terletak di DUN Limbongan bakal menjadi stesen penumpang dan kargo tidak seperti Stesen ECRL Tunjung, Kota Bharu yang menjadi stesen penumpang sepenuhnya. Ianya merupakan satu kebanggaan di

bumi Tok Janggut, Stesen ECRL Pasir Puteh yang bakal diangkat sebagai hub logistik dan kargo yang turut dihubungkan dengan pelabuhan Tok Bali yang kini berstatus Tok Bali Supply Base terutamanya dalam perkhidmatan industri minyak dan gas.

Di sini ECRL adalah projek Persekutuan, maka Limbongan mengharapkan bagi Kerajaan Persekutuan yang melantik pemantau bagi projek-projek ini agar dapat memantau dengan sepenuhnya kerana kesan yang kita dapat ialah dengan projek ini kesan yang tidak diingini seperti banjir kilat, jalan yang berselut tidak dapat dihindari. Maka di sini saya tekan sekali lagi saya mengharapkan sejajar dengan projek 2027 yang akan dijayakan oleh ECRL sepatutnya melihat kesan yang dihadapi oleh rakyat terutamanya di Pasir Puteh iaitu di Banggol Pa' Esah yang berada di bawah DUN Selising, di Permatang Gading dan Permatang Sungkai yang berada di bawah Limbongan dan di Jeram yang berada di bawah Gaal. Maka ini yang kami harapkan agar Kerajaan Persekutuan yang melantik pemantau tersebut memantau lah dengan lebih baik.

Yang Berhormat Dato' Speaker, catatan Zach Havard dalam majalah online Travel Weekly, Discover Kelantan Cradle of Malay Culture menunjukkan satu pengiktirafan antarabangsa kepada Negeri Cik Siti Wan Kembang sebagai Anjung Warisan dan Kebudayaan Tanah Melayu…

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

2 minit.

**YB PUAN NOR ASILAH BINTI MOHAMED ZIN :**

Ini lah khazanah dan warisan Melayu dengan potensi pelancongan yang perlu diwar-warkan dan diangkat di persadanya. Bukan sekadar dikir barat yang unik dan persilatan Melayu yang sinonim dengan negeri ini, malah industri batik, songket, pembuatan rebana ubi, gasing dan kelingkan perlu diangkat dan dipertahankan agar warisan ini tidak pupus ditelan zaman dan harus dikembangkan kepada generasi baru. Kita tidak mahu penghasilan produk ini diambil dan dijenamakan seperti sayuran di Lojing menjadi produk Cameron Highland ataupun batik dan songket diangkat dan dijual di pasaran sebagai produk negeri lain.

Usaha penjenamaan tempatan "Made in Kelantan" atau "By Kelantan" dan produk paten harta intelek perlu dikemaskini, disohor dan diikonikkan.

Dalam sektor pelancongan, usaha-usaha berterusan dan komitmen yang jitu telah berjaya mengangkat Dabong sebagai satu produk Train to Dabong dan Gunung Stong. Begitu juga dengan Guillemard Bridge, Tanah Merah dan Warisan Seni Kampung Laut, Tumpat. Dengan ini Limbongan banyak lokasi eko-pelancongan dan Hutan Lipur Jeram Pasu dan Jeram D.O Bukit Batu Balai, Permatang Sungkai perlu digarap dan dimajukan sebaiknya. Habis masa dah ko ?

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Boleh landing, Limbongan.

**YB PUAN NOR ASILAH BINTI MOHAMED ZIN :**

Okay. Begitu juga ikonik Pasar Pendekar di Kampung Gutong di pinggiran bandar Pasir Puteh yang prasarananya dan kemudahan-kemudahan seiring perlu dinaiktarafkan kerana ia kini tempat wajib dilawati di Kelantan seperti yang diwar-warkan oleh influencer pelancongan Kelantan di luar sana dengan tiktok, fb, instagram dan lain-lain.

Akhir sekali, untuk merealisasikan Kelantan sebagai jelapang makanan negara dan juga bertepatan dengan Rancangan Malaysia Ke-13, saya mengharapkan, Limbongan mengharapkan dengan strategik yang betul dan bertepatan Jeram Pasu diangkat dan dimajukan sebagai *hotspot* utama sektor penternakan negeri dan juga lokasi hutan lipur eko-pelancongan yang diutamakan di negeri ini. Akhir kata…

*Pinta dititik bahas diutara,*
*Bicara Limbongan wakili rakyatnya,*
*Semoga terbaik diolah kata,*
*Agar hasrat tercapai hendaknya.*

ولكم لي الله وأستغفر هذا قولي أقول

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Silakan Mengkebang.

**YB TUAN ZUBIR BIN ABU BAKAR :**

أعوذ بالله من الشيطان الرجيم

بسم الله الرحمن الرحيم

والصلاة والسلام على رسول لله, وعلى أله وصحبه أجمعين

أعوذ بالله من الشيطان الرجيم

أَنْ فَأَبَيْنَ وَالْجِبَالِ وَالْأَرْضِ السَّمَاوَاتِ عَلَى الْأَمَانَةَ عَرَضْنَا إِنَّا
جَهُولًا ظَلُومًا كَانَ إِنَّهُ ۖ الْإِنْسَانُ وَحَمَلَهَا مِنْهَا وَأَشْفَقْنَ يَحْمِلْنَهَا

Yang bermaksud : *Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab kami amanah langit dan bumi serta gunung-ganang untuk memikulnya, maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya. Dan pada ketika itu manusia dengan persediaan padanya sanggup memikulnya. Ingat lah sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan kebanyakan manusia suka melakukan perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan.*

*(Surah Al-Ahzab, Ayat 72)*

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Bin Haji Daud, Menteri Besar Negeri Kelantan, Yang Amat Berhormat Dato' Dr. Mohamed Fadzli Bin Hassan, Timbalan Menteri Besar, kesemua barisan Exco, Ahli-ahli Yang Berhormat dan semua yang hadir pada hari ini. Di awal tadi saya bacakan sepotong firman Allah untuk kita sama renungi bertaakul, mengambil ibrah dan menginsafi diri kita tentang tiga perkara. Pertamanya tidak ada makhluk lain selain manusia sanggup pikul dan terima tanggungjawab sebagai khalifah di muka bumi. Yang kedua, tanggungjawab yang dipikul oleh manusia ini amat berat bukan main-main, bukan seronok-seronok, bukan mengejar nama atau popularity atau untuk diviralkan dan bukan untuk sanjung… disanjungi dan bukan untuk mengumpul kekayaan sendiri. Dan akhir sekali yang ketiga, Allah

mengingatkan kita tentang semua tabiat manusia suka membuat kezaliman dan perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan. Benda hok tok patut buat tulah kita suka buat, ni lah perangai manusia. Dan Al-Quran telah menyebut 1400 tahunnya dahulu sebagai peringatan kepada kita semua.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin menfokuskan Perbahasan Bajet saya pada hari ini kepada 3 perkara utama, mengambil kira 5 elemen maqasid syariah tersebut. Perkara pertama, pemerkasaan sahsiah dan pendidikan. Yang Berhormat Dato' Speaker, Belanjawan 2025 yang dibentangkan telah memperuntukkan sebanyak RM142.70 juta berbanding RM134.30 juta bagi tahun sebelumnya. Ini adalah untuk sekolah YIK dan institusi pengajian tinggi di bawah Kerajaan Negeri Kelantan. Ini membuktikan keseriusan Kerajaan Negeri dalam sektor pendidikan negeri. Kenaikan sebanyak RM8.4 juta lebih kurang 11.3% kenaikannya. Saya pohon cadangkan agar silibus pendidikan sama di peringkat sekolah YIK ataupun KIAS turut diperluaskan dengan menambah elemen STEM iaitu *science, technology, engineering and mathematics* selaras dengan keperluan semasa di peringkat global. Pendedahan STEM secara formal di peringkat persekolahan baik sekolah harian ataupun sekolah tahfiz ataupun pengajian-pengajian tinggi mampu membuka minda dan merangsang pemikiran para pelajar untuk menjadi lebih matang dan berwibawa.

Saya juga mencadangkan agar Kerajaan Negeri Kelantan memperkenalkan dan mempelopori aplikasi hafazan Al-Quran secara digital atau dalam talian untuk membantu penghafaz Al-Quran sama ada pelajar tahfiz dengan berjinak dengan kelas hafazan secara fleksibel mahupun menghafaz Al-Quran secara mengulang kaji atau tasmik secara dalam talian. Dengan guru-guru yang muktabar sama ada dalam negeri atau luar negara. Begitu juga pengujian taranum yang telah diluluskan oleh kerajaan sebelum ini yang bakal dibuka melalui pusat taranum boleh juga dibuka secara online In Shaa Allah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin mencadangkan agar Kerajaan Negeri lebih agresif dalam sektor pendidikan dan pembinaan sahsiah dengan mendapatkan kerjasama dengan penyumbang atau penaja yang bermurah hati di kalangan syarikat korporat atau para dermawan untuk memperuntukkan biasiswa kepada pelajar cemerlang di institusi bertaraf dunia. Sangat baik sekiranya Kerajaan Negeri mendapatkan kuota tambahan khusus untuk menghantar pelajar ke

institusi bertaraf dunia. Bukan sahaja bertumpu di Mesir sahaja. Para pelajar juga diberi biasiswa dan bantuan kewangan ini perlu lah diletakkan kayu ukur supaya melibatkan diri dalam komuniti sebagai sumbangan mereka kepada masyarakat. Sekiranya bersesuaian mungkin pihak Yayasan Islam Kelantan juga boleh menganjurkan sesi libat urus ataupun *town hall* untuk melihat dan mendapatkan maklum balas cadangan dan penambahbaikan daripada kesemua pihak yang terlibat terhadap kurikulum pendidikan sedia ada.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai kerajaan yang prihatin dan berkebajikan kita perlu lah memahami denyut nadi keperluan masyarakat untuk mengisi masa rehat dengan aktiviti yang berfaedah dan tidak melanggar syariat. Industri hiburan misalnya bukan lah suatu yang keji dan hina. Keperluan rohani manusia memang memerlukan hiburan untuk berasa seronok, bebas tekanan dan mengawal emosi. Program hiburan yang bersifat edukatif dan patuh syariah seperti tayangan cerita yang berunsur positif secara percuma atau persembahan teater boleh diusahakan dengan kerjasama penggiat seni. Kita perlu wujudkan Dasar Hiburan Kerajaan Negeri Kelantan patuh syariah supaya menjadi ikutan dan panduan kepada masyarakat. Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan itu saya mencadangkan Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan dan pelbagai agensi Kerajaan yang berkaitan melihat keperluan program kemasyarakatan dan hiburan yang sesuai dengan keperluan dan jiwa masyarakat pada hari ini.

Perkara kedua yang ingin saya tekankan di sini ialah pemerkasaan IoT dengan izin Internet of Things. Semua benda nak guna internet dok. Semua benda di hujung jari loni. Semua… anak-anak muda semua sekali... internet belako, anak kecil kita pun pandai belako doh deh. Dalam era digitalisasi, kemajuan dan profesional diikut dengan percakapan dan kepantasan. Saya ingin mencadangkan agar penggunaan aplikasi digital dan teknologi dipertingkat dan ditambahbaik dalam semua sektor kehidupan secara berperingkat baik dalam sistem pentadbiran, dalam sektor pertanian, ekonomi, pendidikan, pelancongan dan sebagainya. Saya juga mencadangkan aplikasi dalam talian ditambah baik dengan memudahkan transaksi kepada masyarakat. Sebagai contoh… setuju dengan YB Jelawat sebelum ni, urusan e-sistem urusan di pejabat tanah pada hari ini masih lagi kita perlu beratur untuk menyempurnakan proses pendaftaran pindah milik, gadaian dan sebagainya. Permohonan nak mendapatkan carian hak milik di pejabat tanah atau permohonan melibatkan urusan di mahkamah syariah masih lagi perlu ke kaunter,

sedangkan telah banyak agensi lain memulakan program dalam talian. Ini bagi mengurangkan pembaziran masa dan meningkatkan kecekapan dan ketelusan dalam perkhidmatan.

Dengan demikian, saya mengusulkan agar satu badan atau jawatankuasa digital dibentuk di peringkat negeri dengan melantik pakar-pakar teknologi sebagai ahli-ahlinya yang mampu memberi cadangan, nasihat dan kawalan dalam sektor digitalisasi pada Kerajaan Negeri Kelantan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, penerapan IoT juga perlu dipertingkatkan dalam sektor pertanian supaya ianya lebih menarik dan lebih pantas. Anak muda hari ini bukan seperti dahulu yang seronok bermain dalam selut dan baruh. Kita lihat sektor pertanian di luar negara bagaimana mereka memanfaatkan teknologi robotik, mekanisasi dan dron dalam pertanian dan perladangan untuk mengairkan kawasan pertanian, memelihara pokok, memetik buah dan sebagainya. Kemudian teknologi ini wajar didedahkan kepada masyarakat dan usahawan tani melalui kursus, bengkel dan lawatan kerja. Kaedah moden ini bukan sahaja membantu meningkatkan hasil, menjimatkan masa malah mengurangkan pengimportan buruh asing.

Dan yang terakhir, pemerkasaan ekonomi dan pelancongan. Yang Berhormat Dato' Speaker, Negeri Kelantan mempunyai potensi yang besar dari aspek ekonomi dan pelancongan. Agensi Kerajaan Negeri seperti PKINK dan PMBK perlu menjadi pelopor dalam merancakkan sektor ekonomi dan tidak berada di zon selesa. Kita perlu berani bersaing menongkah arus di samping memperkasakan sumber tenaga yang kita ada supaya kita tidak ketinggalan mendapatkan sebahagian kek ekonomi yang terhidang.

Jumlah usahawan yang mampu kita rangsang juga perlu direkod, dipantau dan digandakan jumlahnya dari masa ke semasa. Bantuan kepada usahawan perlu dibuat secara konsisten dan menyeluruh bukan sahaja memadai dengan sumbangan kewangan dan peralatan di peringkat awal sahaja. Usahawan perlu dibantu untuk meluaskan rangkaian perniagaan dan pemasaran serta meningkatkan kualiti produk pengeluaran di samping menggalakkan pensijilan Halal JAKIM yang dikawal selia oleh JAHEAIK di Negeri Kelantan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai Kerajaan Negeri yang prihatin dengan perubahan iklim global saya ingin mengulang cadangan saya

sebelum ini berkaitan dengan isu berkaitan ESG dengan izin *environment* iaitu alam sekitar, *social* dan *governance* iaitu tadbir urus. Isu ESG adalah isu global yang diterima sebagai satu agenda yang perlu diambil berat pada hari ini. Ianya dengan satu matlamat untuk melihat kesejahteraan alam pada masa hadapan untuk diwarisi oleh anak cucu kita. Saya mohon agar pihak Kerajaan Negeri dalam rangka setiap aktiviti dan program dibawah Belanjawan 2025 perlu memasukkan pematuhan ESG pada semua jabatan atau agensi ataupun syarikat berkaitan Kerajaan Negeri.

Isu ESG tidak sahaja menyebabkan tanggung kos malah ia juga tidak boleh menghasilkan pendapatan seperti pelepasan karbon yang berlebihan di udara boleh diproses kepada tenaga boleh baharu.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER : (MENCELAH)**

2 minit Yang Berhormat.

**YB TUAN ZUBIR BIN ABU BAKAR :**

Okay terima kasih, Dato' Speaker.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai wakil rakyat Mengkebang dalam kawasan Kuala Krai, saya mencadangakan agar Kerajaan Negeri dibawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang menyegerakan pembangunan pusat pentadbiran baru dan Bandar Baru Kuala Krai yang berteraskan eko-pelancongan kesihatan. Rentetan limpahan ekonomi dengan kesiapan Lebuh Raya Lingkaran Tengah dan Lebuh Raya Rakyat Kota Bharu – Kuala Krai yang dijangka siap sepenuhnya In Shaa Allah pada tahun 2027.

Seterusnya, pada masa yang sama dengan siapnya jambatan yang disebut oleh Guillemard dok… Jambatan Pasir Era ke Pasir Kelang, wakil rakyat nama sohor Guillemard Gual Periuk. Jambatan Pasir Era ke Pasir Kelang di DUN Mengkebang dan beberapa jalan yang telah diluluskan iaitu antara jalan Pasir Kelang ke Bahagia dan dalam RM ke-13 In Shaa Allah dalam RP1 antara jalan Pasir Kelang ke Sokor dan Sokor ke Kampung Panjang In Shaa Allah akan diluluskan In Shaa Allah. Kita doakan. Jalan-jalan ini dengan infra sedia ada ia In Shaa Allah dapat merancakkan pertumbuhan ekonomi rakyat setempat In Shaa Allah. Dan saya selaku wakil rakyat Mengkebang merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada

Yang Amat Berhormat Menteri Besar khususnya Exco kita Dato' Dr. Izani Exco Infra dan semua agensi yang terlibat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, beberapa cadangan dan usul telah saya sebutkan dalam Dewan yang mulia pada hari ini untuk diperhalusi di peringkat Kerajaan dengan satu matlamat iaitu menjayakan Pembangunan negeri Kelantan berdasarkan Belanjawan Tahun 2025 yang berteraskan keberkatan, kesejahteraan dan keseimbangan untuk kemakmuran negeri Kelantan. Saya menaruh keyakinan bahawa Kerajaan Negeri yang ada pada hari ini…

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER : (MENCELAH)**

Cukup masa…

**YB TUAN ZUBIR BIN ABU BAKAR :**

Dan menjunjung agenda kebajikan rakyat pada setiap masa. Sejarah Andalusia, Kerajaan Uthmaniyah telah menunjukkan bahawa kita Tamadun Islam telah terbukti pernah menguasai dunia dengan kehebatan, kepintaran pemimpin dan rakyatnya. Saya dengan ini mengusulkan Belanjawan 2025 diterima In Shaa Allah. Saya akhir dengan…

ولكم لي الله وأستغفر هذا قولي أقول

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Dipersilakan Kemuning.

**YB TUAN AHMAD ZAKHRAN BIN MAT NOOR** :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker yang telah memberikan ruang kepada Kemuning untuk turut serta dalam Perbahasan pada Sidang DUN kali ini. Berkaitan dengan Belanjawan 2025 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Kelantan yang bertemakan keberkatan, kesejahteraan dan keseimbangan untuk kemakmuran negeri. Terlebih dahulu Kemuning ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang telah membentangkan Belanjawan Kelantan untuk tahun 2025 tersebut yang

telah dirangka dengan mengambil prinsip-prinsip Islam yang bertujuan untuk mencapai kesejahteraan rakyat, kemakmuran ekonomi dan kelestarian sosial berlandaskan strategi penghayatan Membangun Bersama Islam. Dengan memberikan tumpuan kepada 5 teras utama sepertimana yang telah dinyatakan dalam pembentangan tersebut. Saya dengan ini suka memetik strategi Belanjawan 2025 sebagaimana yang dibentangkan bagi menjayakan 5 teras yang telah disebutkan. Antaranya Kerajaan Negeri Kelantan memperkenalkan antara lain dasar pendidikan Rabbani, dasar anak muda Kelantan dan dasar pencegahan gejala sosial Kelantan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pada bulan Jun 2024 baru-baru ini, Pusat Khidmat DUN Kemuning telah melancarkan dan menjayakan sebuah program yang dinamakan Bulan Kempen Anti Dadah DUN Kemuning 2024 yang diadakan selama 1 bulan. Untuk menjayakan program ini, Pusat Khidmat DUN Kemuning telah bekerjasama dengan pelbagai jabatan dan agensi-agensi kerajaan termasuk lah Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Polis Diraja Malaysia, Mahkamah dan Jabatan Penjara. Kami juga bekerjasama dengan sebuah NGO iaitu Sukarelawan Parti Islam Malaysia atau singkatannya SUPIM bagi melaksanakan bagi kerahan tenaga untuk mendapatkan kerahan tenaga kerja bagi menjayakan program tersebut.

Tujuan diadakan program tersebut adalah supaya masyarakat mengenali dadah. Seterusnya, tahu cara untuk mengelakkan diri atau keluarga atau rumah mereka daripada najis dadah. Masyarakat di sini termasuk lah dan terutamanya ibu bapa, mak-mak kita yang telah tua, ketua keluarga supaya mereka mengenali dadah. Kadang-kadang masyarakat kita ini tidak kenal bagaimana rupanya pil kuda, macam mana rupa metamphetamine, tidak dapat membezakan antara yang mana kanabis yang mana tembakau, tidak boleh beza antara daun ketum dengan daun-daun lain. Dan tidak kenal apa, macam mana rupanya peralatan untuk menyediakan dadah ataupun disebut oleh budak-budak yang hisap dadah ini sebagai dapur, mereka tidak kenal. Jadi dengan adanya program-program sebegini kita mengharapakan orang-orang yang tua-tua ini tahu dan apabila mereka tahu benda itu ada dalam rumah mereka dan mereka tahu bahawasanya benda itu adalah benda yang tidak baik. Dan mereka selama ini menyangkakan anaknya berkurung dalam bilik rupanya ada dapur atau peralatan dadah di dalam bilik tersebut.

Jadi antara pengisian yang diadakan sepanjang bulan kempen anti dadah tersebut adalah edaran risalah anti dadah di pasar tani dan pasar pagi Isnin setiap bulan tersebut oleh sukarelawan yang dilantik oleh SUPIM bersekali dengan pembukaan booth atau kaunter oleh AADK, ceramah anti dadah oleh PDRM di masjid mukim setiap kali sebelum solat Jumaat, pertandingan video pendek berkaitan anti dadah. Dan pada akhir bulan Jun, kami telah mengadakan karnival sebagai majlis penutup Bulan Kempen Anti Dadah. Dimana karnival tersebut diisi dengan pengisian oleh wakil dari Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN), Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah Machang, Pegawai Khidmat Masyarakat Machang dan Ketua AADK Daerah Machang.

Untuk menarik minat rakyat untuk hadir ke karnival ini, kami juga mengadakan pertandingan mewarna untuk kanak-kanak, kuiz berkaitan pengetahuan tentang dadah dengan hadiah-hadiah yang disediakan, cabutan bertuah, persembahan dikir barat tentang dadah dan tayangan video-video pendek yang menyertai pertandingan yang telah diadakan. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya melihat Program Bulan Kempen Anti Dadah ini sangat baik untuk dilaksanakan di setiap DUN. Oleh itu, pada tahun 2025 nanti saya mencadangkan Kerajaan Negeri Kelantan agar memberikan peruntukan khusus kepada setiap DUN untuk menjayakan program ini dan menjadikan program ini sebagai program khusus Kerajaan Negeri Kelantan sebagaimana Program Bina Ummah, Program Cakna Rakyat dan juga Kelas Tuisyen Rakyat Sejahtera. Saya percaya sekiranya ada peruntukan khusus daripada Kerajaan Negeri Kelantan, kita boleh membuat penambahbaikan yang lebih baik lagi daripada program yang telah dilaksanakan oleh DUN Kemuning pada tahun ini In Shaa Allah.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, melalui teras kedua iaitu pemerkasaan kesejahteraan komuniti dalam merealisasikan Kelantanku Sejahtera sebanyak RM17.75 juta diperuntukkan untuk beberapa program. Antaranya adalah Program Kelantanku Bersih, di bawah Kelantanku Bersih ini perkara yang paling utama sekali adalah untuk mengurangkan pembuangan sampah, pengurusan sisa pepejal dan pelaksanaan program kitar semula di negeri ini. Berkaitan dengan program kitar semula Yang Berhormat, saya percaya Kerajaan Negeri Kelantan sentiasa memberikan galakan kepada rakyat di negeri ini untuk mengamalkan kitar semula dengan menggunakan konsep ekonomi kitaran sepertimana yang telah disebutkan dan diterangkan oleh Exco

Kerajaan Tempatan semasa sesi soal jawab pada hari pertama Sidang DUN pada minggu lepas.

Cuma saya melihat usaha menghidupkan Program Kitar Semula oleh Kerajaan Negeri banyak tertumpu kepada bandar utama di negeri ini secara spesifiknya di Kota Bharu. Saya difahamkan bahawa kewujudan Pusat Kitar Semula Pandu Lalu atau dalam bahasa Inggeris Drive Thru Recycle Centre (DTRC) di Panji, Kota Bharu mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada masyarakat setempat. Jadi saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk meluaskan ataupun mewujudkan DTRC ini ke setiap daerah di negeri ini. In Shaa Allah sekiranya diwujudkan akan mendapat sambutan daripada rakyat Negeri Kelantan. Kalu takdok memang lah takdok sambutan, cubo buat dulu In Shaa Allah rakyat akan kita dengan cara ini kita mendidik rakyat untuk mengamalkan kitar semula dalam kehidupan kita seharian kita.

Ataupun secara alternatifnya Yang Berhormat… secara alternatifnya, sekiranya DTRC ini tidak diwujudkan di setiap daerah sekali pun saya mencadangkan agar Kerajaan Negeri mengadakan peruntukan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mengadakan program kitar semula secara berkala ataupun untuk PBT mengadakan kerjasama dengan mana-mana badan bukan kerajaan NGO bagi menjalankan Program Kitar Semula dalam daerah masing-masing. Contohnya di Machang, Program Kitar Semula dilaksanakan oleh sebuah NGO iaitu Skuad Wanita Islam Machang atau dikenali sebagai nama SWISMA. Program ini dijalankan sebulan sekali lebih kurang dengan kerjasama Majlis Daerah Machang dimana Majlis Daerah Machang menyediakan tempat di Dataran Kenanga, satu tempat di Machang itu namanya Dataran Kenanga di tengah-tengah bandar Machang untuk SWISMA menjalankan aktiviti tersebut.

Program tersebut biasanya dibuat pada hari Jumaat selama separuh hari dan diuruskan oleh lebih kurang 5 orang petugas daripada SWISMA. Sekiranya ada peruntukan sedikit daripada Kerajaan Negeri Kelantan bagi menjayakan program ini sekurang-kurangnya boleh memberikan sedikit saguhati lah kepada petugas-petugas ini yang berpanas, berpenat lelah. Letih jugok kijo-kijo ni dah lah wanita, muda-muda lagi buat kijo kitar semula, ambil kotak semua kan, ambil kotak ambil plastik gapo semua angkut letak atas lori gapo. Jadi sekiranya ada sedikit peruntukan untuk petugas-petugas ini lega lah sikit, buleh lah wat minum air teh lepas wat kijo In Shaa Allah. Itu juga menunjukkan satu sokongan daripada

Kerajaan Negeri Kelantan kepada usaha-usaha untuk buat kijo-kijo kitar semula ini In Shaa Allah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan pendidikan pertanian. Merujuk kepada fakta ekonomi Kelantan yang dibentangkan melalui Belanjawan 2025, Kelantan mempunyai potensi ekonomi yang besar terutama dalam sektor pertanian. Saya melihat fakta ini selari dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri Pertanian dalam Program Libat Urus RMK 13 anjuran Kementerian Ekonomi dengan Kerajaan Negeri Kelantan pada 17 November 2024 baru-baru ini yang menggambarkan Kelantan untuk muncul sebagai Bakul Makanan Negara melalui aktiviti pertanian.

Pada dasarnya saya melihat cadangan tersebut sebagai satu perkara yang munasabah memandangkan negeri ini kaya dengan tanah yang subur dan sesuai untuk aktiviti pertanian. Cuma saya percaya sokongan daripada Kerajaan Pusat. Kerajaan Persekutuan juga amat-amat penting terutamanya dalam bentuk kewangan bagi merealisasikan hasrat tersebut. Dan sekiranya Kerajaan Negeri…. Kerajaan Negeri bersetuju dengan idea yang dilontarkan oleh Yang Berhormat Menteri Ekonomi tersebut maka Kerajaan Negeri harus wajar untuk mengambil langkah-langkah sewajarnya ke arah menjayakan hasrat Kelantan pengeluar hasil tani di negara ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, melentur buluh biar lah dari rebungnya. Saya melihat bahawa usaha untuk menjadikan negeri ini sebagai negeri utama pertanian di negara ini harus lah bermula daripada sekolah lagi. Sekarang ini kita melihat kejayaan Yayasan Islam Kelantan menghasilkan sebuah tahfiz vokasional iaitu Maahad Tahfiz Darul Saadah Lilbanat yang mempunyai 2 bidang TVET iaitu masakan dan jahitan. Saya dengan ini mencadangkan agar Yayasan Islam Kelantan juga boleh memilih sekolah-sekolah tertentu yang bersesuaian, tidak kisah lah tahfiz ataupun tidak untuk memasukkan silibus berkaitan dengan pertanian untuk dipelajari oleh pelajar-pelajar sekolah tersebut. Mungkin pihak Yayasan Islam Kelantan boleh memilih beberapa sekolah yang bersesuaian sebab kadang-kadang bagi sekolah-sekolah yang mana pencapaian akademik dia pun kurang memberangsangkan tapi mungkin pelajar sekolah tersebut mempunyai kecenderungan atau kebolehan dalam bidang pertanian.

Maka pihak Yayasan Islam Kelantan boleh pilih sekolah-sekolah ini yang mana dia boleh detect, yang mana dia boleh mengenal pasti pelajar-pelajar ni kecenderungan dia tu boleh, mungkin alah-alah ko kampung sikit ko. Untuk memasukkan 1 silibus berkaitan dengan pertanian dalam sekolah itu untuk dipelajari oleh pelajar-pelajar. Dan pelajar tersebut boleh mengaplikasikan apa yang dipelajari itu di rumah dia. Dio boleh buat balik pulok gapo, dio boleh oyak kemudian bagitahu kepada keluarga dia ini kaedah dia, cara menanam betul, pokok ni nak tanam macam mana. Dan dia boleh jadi membesar dengan ilmu yang diperolehi daripada sekolah itu dia boleh membesar sebagai seorang usahawan tani yang berjaya yang boleh In Shaa Allah yang boleh menjayakan hasrat Kerajaan Negeri Kelantan untuk menjadi pengeluar hasil tani yang terkemuka di negara ini In Shaa Allah.

Jadi program pendidikan, pemerkasaan program pendidikan melalui TVET pertanian ini dilihat sangat *significant* bagi meningkatkan pengeluaran hasil pertanian di negeri ini dan pembentukan budaya pertanian di kalangan rakyat. Bidang TVET pertanian perlu dirai sebagai satu bidang yang boleh menjana kelestarian ekonomi negara dan sumber dalam menjamin kecukupan bekalan makanan negara serta diangkat menjadi agenda terpenting dalam sektor pendidikan di Negeri Kelantan ini In Shaa Allah. Jadi saya dengan ini untuk memohon menyokong penuh Belanjawan Negeri Kelantan 2025 yang telah dibentangkan. Sekian terima kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Terima kasih. Pengkalan Pasir.

**YB TUAN MOHAMAD NASRIFF BIN DAUD @ DAUD YATIMEE :**

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, kerana memberikan keizinan saya di masa-masa tambahan. Saya straight terus kepada beberapa perkara isu yang penting bagi Pengkalan Pasir. Yang pertamanya kalau kita lihat apabila tibanya musim tengkujuh Exco yang paling merisaukan adalah Kak Ani begitu juga dengan saya dan saya telah menerima satu surat daripada JPS bertarikh 12 November 2024 iaitu Projek Penstabilan Tebing Sungai di Kampung Jias. Yang mana tebing ini kalau kita lihat dari segi sejarahnya kalau pada tahun 2021 bagaimana berlaku runtuhan

tebing di Pohon Celagi dan pada masa itu kawasan yang terlibat hanya lah sekitar 100 meter dan ketinggian setinggi 10 meter sahaja. Dan kos pembaikian yang telah dijalankan oleh Perikatan Nasional pada masa itu adalah berjumlah RM45 juta sahaja. Dan apabila berlakunya runtuhan tebing di Kampung Jias bermula pada tahun 2023 dan sehingga sekarang beberapa siri lawatan oleh menteri, pihak Kerajaan Negeri, di pihak JPS sebagainya.

Dan saya telah menerima satu sepucuk surat yang memaklumkan bahawa Kerajaan Federal telah tidak meluluskan untuk dibawah Kementerian Ekonomi bagi RP5 RMK 12, dengan ini bermaknanya projek ini akan hanya diangkat kembali pada tahun RMK 13 pada tahun 2027. Apa yang menjadi kerisauan saya adalah sekiranya berlaku banjir yang besar sekali lagi maka kita akan kehilangan bukan sahaja bandar Pasir Mas malah DUN mungkin tak ada. Jadi amat risau lah bagi saya, saya berharap agar pihak kerajaan negeri mempastikan projek ini menggunakan peruntukan darurat. Kalau lah di masa Pohon Celagi haritu dia boleh menggunakan akta darurat apabila berlakunya kemusnahan dan keruntuhan. Dan apakah kerajaan terutamanya di peringkat federal tidak mahu mengambil pengiktibaran daripada Pohon Celagi. Apakah mereka mahu menunggu sehingga berlaku runtuhan dan sebagainya baru lah diambil tindakan.

Yang keduanya Yang Berhormat Dato' Speaker, adalah isu saliran perparitan dalam bandar. Dan kalau tengok di Pasir Mas ini adalah beberapa kawasan di beberapa kampung Kampung Binjal, Kampung Kubang Terap dan sebagainya adalah kawasan-kawasan dahulunya kawasan padi. Kawasan-kawasan ini akan berlakunya banjir-banjir air bertakung. Dan telah diangkat satu peruntukan ataupun telah diangkat satu permohonan oleh pihak JPS yang berjumlah RM32.8 juta untuk menjadi *priority* kepada untuk menjadi keutamaan kepada kerajaan negeri. Dan saya berharap kedua-dua peruntukan ini iaitu Projek Penstabilan Tebing Sungai Jias dan juga peruntukan untuk perparitan JPS di dalam bandar Pasir Mas dapat disegerakan.

Satu lagi yang saya ingin menyentuh di sini Yang Berhormat Dato' Speaker adalah berkenaan dengan pembangunan digital. Dan beberapa sahabat saya tadi telah menyebut bagaimana Kelantan ini… suka saya bacakan beberapa fakta-fakta yang diberikan oleh SKMM Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia. Untuk liputan internet di Kelantan, pencapaian sekarang adalah sebanyak 96.72% berbanding dengan

nasional 98.38%. Untuk *fix network* ataupun maknanya kekal hanya 24% berbanding dengan nasional 47%. Dan untuk liputan 5G Negeri Kelantan hanya lah 66.4% berbanding 81.7% di peringkat nasional.

Dan apa yang saya risaukan adalah pembangunan digital adalah amat penting bagi kita mempastikan satu dari segi pelaburan dan keduanya dari segi pendidikan anak-anak kita. Dan kalau kita lihat sekarang bagaimana kesemua media dan sebagainya memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pendidikan anak-anak kita. Jadi melihat kepada ini dan saya difahamkan adalah bahawa kita sudah ada satu jabatan iaitu BKI Bahagian Koridor Infrastruktur. Dan saya dapat maklumat daripada Infra Quest bagaimana kita melihat bahawa kebanyakan *business model* ataupun model perniagaan yang dilakukan oleh pihak telco adalah mereka hanya akan mengarahkan sama ada Infra Quest ataupun ERC untuk membuat tower yang di kawasan maknanya memberi pulangan kepada mereka. Bermakna selagi mana kawasan itu tidak mendapat pulangan yang banyak mereka tidak akan buat.

Jadi persoalannya di sini adalah kalau mengikut rekod yang saya dapati bahawa Infra Quest sahaja memerlukan 40 site baru ataupun menara baru yang boleh membantu pencapaian jalur lebar. Dan hanya lah mereka hanya dapat menyiapkan hanya 16 biji sahaja untuk tahun ini. Di sini bermakna berlaku satu kajian patut dilakukan untuk mempastikan sama ada BKI dan sebagainya. Dan saya difahamkan apabila telco memberikan kontrak kepada pembina-pembina menara mereka hanya memberikan 120 hari iaitu 4 bulan, apabila mereka ni dari segi dia tidak dapat menyempurnakan tugas mereka maka mereka akan dikenakan denda.

Dan ini lah yang menyebabkan bahawa menyebabkan bahawa liputan-liputan kita agak kebelakang. Maka saya menyeru lah saya mencadangkan agar satu kajian secara terperinci melibatkan kedua-dua institusi atau kedua-dua syarikat dengan BKI, kalau dahulunya projek-projek begini hanya diselesaikan di peringkat pihak PBT dan sekarang hanya diambil oleh BKI. Dan proses itu saya difahamkan mengambil masa yang lebih lama. Saya berharap agar kerajaan akan mengambil serius perkara ini disebabkan oleh kita di zaman teknologi ini kita memerlukan satu kemudahan digital yang cukup canggih untuk mempastikan setiap daripada pelanggan kita boleh akses ataupun boleh mengetahui kedudukan pelaburan mereka, pencapaian mereka, bayaran cukai hasil dan sebagainya.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin membacakan satu ayat dari Surah Al-Imran, ayat 185.

فَمَنْ ۖ الْقِيَامَةِ يَوْمَ أُجُورَكُمْ تُوَفَّوْنَ وَإِنَّمَا ۗ الْمَوْتِ ذَائِقَةُ نَفْسٍ كُلُّ
مَتَاعُ إِلَّا الدُّنْيَا الْحَيَاةُ وَمَا ۗ فَازَ فَقَدْ الْجَنَّةَ وَأُدْخِلَ النَّارِ عَنِ زُحْزِحَ
الْغُرُورِ

Yang bermaksud: *Sesungguhnya setiap manusia itu akan merasai mati. Dan hanya pada hari kiamat sahaja lah akan diberikan dan disempurnakan balasannya bagi kamu. Dan barang siapa dijauhkan dari api neraka dan dimasukkan di dalam syurga, maka sesungguhnya dial ah orang-orang yang berjaya. Dan kehidupan dunia meliputi pangkat, harta dan sebagainya hanya lah kesenangan yang diperdayakan bagi orang-orang yang terpedaya.*

Lanjutan daripada ayat ini saya menyokong penuh Pembentangan Bajet yang menitikberatkan persoalan pembangunan minda. Dan mengambil inisiatif bagi menyokong sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Besar, Kerajaan Negeri Kelantan telah memperuntukan RM181.7 juta untuk pembangunan insan. Dan kami di peringkat Pengkalan Pasir pula, Alhamdulillah kami telah menyediakan satu tapak untuk kami menyediakan prasarana untuk pembangunan minda sebab kami yakin minda rakyat perlu ditingkatkan melalui satunya, program tadabbur dan mentarbiyah melalui Al-Quran. Dan kalau kita lihat bagaimana data-data menunjukkan kepada kita, kita mempunyai 5120 orang para huffaz. Saya mencadangkan kepada pihak Kerajaan Negeri agar pertamanya mempastikan huffaz-huffaz kita ini melakukan satu tanggungjawab yang lebih besar iaitu melakukan dakwah. Kita banyak huffaz tapi keberkesanan mereka untuk mendidik ataupun melakukan dakwah di kalangan masyarakat itu agak masih boleh ditingkatkan.

Yang keduanya, kita mempunyai jumlah guru-guru yang ramai di peringkat sekolah YIK dimana guru-guru agama adalah berjumlah 1428 orang daripada 2442. Dan saya menganggapkan kalau boleh kita menggunakan guru-guru YIK ini untuk diberikan tugasan bagaimana mereka mengajar di surau-surau, mereka mengambil bahagian dalam

kegiatan-kegiatan sosial dan kemasyarakatan untuk mempastikan kebersamaan mereka dalam mempastikan penghayatan bersama Islam. Saya juga ingin mencadangkan kepada pihak Kerajaan Negeri dan kalau kita di Pengkalan Pasir, kita telah memberikan satu terjemahan Al-Quran bersama dengan prakata dan juga makna terjemahan untuk kita mempastikan rakyat kita bukan sahaja mereka ini hidup dengan Al-Quran, yang lebih penting adalah mereka memahami Al-Quran. Dan saya teringat apabila program kita 2-3 hari lepas, kita ada program khatam Al-Quran di peringkat DUN Pasir Mas di peringkat parlimen. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar menyebutkan sudah sampainya kita perlukan setiap daripada rumah kita memerlukan satu Al-Quran yang ada terjemahan dan perlu diaplikasikan dalam kehidupan kita.

Satu perkara yang saya sungguh teruja apabila kita berjumpa dengan salah seorang penerima tu nama dia Rokiah, seorang guru Quran yang tertua. Ini lah orang yang pertama bila saya jumpa dia kepada saya dia menasihatkan kepada YB, YB-YB kena teruskan untuk melahirkan masyarakat bertakwa. Dan ini lah yang sepatutnya menjadi agenda kepada kita dan sepanjang saya menjadi wakil rakyat selama setahun lebih nok kato takdok lagi ore mari YB YB mari kito mikir nok masuk syurga gano, hok mari. Bukan lah bermakna keperluan material tidak penting tapi bagaimana kita nak menyelamatkan mereka di hari akhirat kelak.

Sebab itu lah dalam ayat tadi menjelaskan kepada kita, pertamanya kita akan mati, yang keduanya kita bukan setakat mati kita akan disoal dengan tanggungjawab setiap kita. Yang ketiganya, Allah Taala menjelaskan kepada kita ciri-ciri orang yang berjaya, apakah kita hanya berjaya dari segi material… tidak. Kejayaan kita akan diukur apabila kita dijauhkan daripada api neraka dan kita dimasukkan ke dalam syurga. Dan yang akhir sekali, Allah Taala menjelaskan menerangkan kepada kita bahawa dunia ini adalah sementara dan kita pastikan lah kebersamaan kita walaupun kita ADUN pembangkang ke, ADUN kerajaan negeri ke kita pastikan kita bawa isu pembangunan insan ini bersama. Kalau kita nak rakyat kita ni duk masjid, mari masjid maka kita sebagai ADUN ialah menjadi orang pertama menjaga solat jemaah. Kalau kita nak mendirikan, membina generasi solat maka kita lah, wakil-wakil rakyat lah, ketua-ketua jabatan lah yang perlu mengimarahkan masjid.

Yang keduanya, kalau kita nak menjadikan masyarakat kita berilmu, maka kita lah hendak lah menjadi orang yang pertama sekali mencintai

majlis-majlis ilmu. Jadi lah kita sebagai contoh yang baik kepada masyarakat, bukan setakat kita hanya bercakap di Dewan ini tapi apa yang lebih penting bagaimana akhlak kita, bagaimana kita membangunkan ummah kita, bagaimana kita nak membangkitkan kembali proses-proses pembangunan Islam.

Dan suka saya sebutkan kalau boleh kita membuat para huffaz kita mempastikan tadabbur itu dijalankan di seluruh peringkat saya rasa kesannya akan cukup banyak. Kalau boleh saya sebutkan beberapa ikon yang saya rasakan kalau Dr. Basik tu pagi tu lepas Subuh tu dia ada tadabbur Al-Quran lepas tu kita ada lagi Ustaz Abdul Muin tadabbur Al-Quran secara perkataan satu-satu, kita ada lagi Dr. Rusdi. Dan kalau kita boleh melahirkan huffaz-huffaz yang bukan setakat boleh membaca Al-Quran semasa sembahyang terawih tetapi boleh mengupas, mendidik rakyat dengan Al-Quran. Dan saya yakin kebersamaan kita dalam melahirkan minda masyarakat kelas pertama akan dapat direalisasikan. Akhir sekali lah saya menyokong dengan sepenuhnya tanggungjawab kita sebagai rakyat Malaysia, rakyat Kelantan menyokong sepenuhnya ucapan Perbahasan ataupun pembentangan Bajet yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Sekian.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**YB DATO' SPEAKER :**

Kelaboran.

**YB TUAN HAJI MOHD ADANAN BIN HASSAN :**

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

الحمد لله رب العالمين, والصلاة والسلام على رسول لله, وعلى أله وصحبه أجمعين

Sebagaimana kita tahu bahawa Bajet Negeri Kelantan sebahagian besarnya diperuntukkan untuk pendidikan bagi menaik martabat golongan-golongan rakyat yang amat memerlukan kepada pendidikan bagi mereka bersaing di peringkat antarabangsa. Kita tengok bagaimana kita berjaya di peringkat pendidikan ini melahirkan ustazah ustaz yang begitu ramai dan mereka ini boleh pergi tolong negeri lain. Negeri Sabah tok cukup ustaz, Kelate ata. Negeri Sarawak tok cukup guru agama, Kelate

ata. Dan banyak imam-imam seluruh negara yang mereka ini asalnya daripada Negeri Kelantan. Jadi hebatnya Kelantan kita mengeksport pegawai-pegawai tadi untuk berkhidmat di negeri-negeri lain. Bukan Kelantan takdok kijo, tapi kito memenuhi tuntutan negeri lain. Mereka tok cukup kita yang memenuhinya. Dan kita ucap terima kasih kepada pihak kerajaan kerana sentiasa memberi keutamaan kepada pendidikan ini menyebabkan kita rakyat Kelantan rata-ratanya ramai masuk universiti. Mereka ini diterima masuk ke universiti begitu ramai dan ada data-data yang kita terima dulu kita duduk nombor 1 dan sekarang ini mungkin kita duk teratas juga daripada negeri-negeri lain.

Oleh sebab itu kita mengharapkan dengan Tuisyen Rakyat yang dilancarkan baru-baru ini akan melonjakkan lagi SPM tahun ini untuk mencapai kejayaan yang lebih baik. Untuk tahun 2023, kita tengok bagaimana 36 daripada 81 Sekolah YIK mendapat 100%. Dan peratus kelulusannya membanggakan 96.66%. Dan ramai lagi calon-calon 8A, 7A dan kita dapat melahirkan 205 calon 9A hingga 12A. Mudah-mudahan calon-calon yang dilahirkan daripada Yayasan Islam Kelantan ini akan boleh belajar di seluruh universiti-universiti di seluruh negara. Kita harap bajet akan datang dapat ditingkat lagi untuk meningkatkan pencapaian di semua sekolah YIK terutama memberi kebajikan guru-guru kita yang mereka perlu kepada sedikit tambahan untuk melihat mereka gaji mereka bergerak dari setahun ke setahun.

Kita tengok bagaimana rakyat Kelantan begitu ambil prihatin terhadap pendidikan. Walaupun mereka petani, mereka nok anok mereka masuk universiti. Walaupun mereka penarik beca, mereka nok anok mereka masuk universiti. Atas kesungguhan ini digabung dengan PIBG yang ada di sekolah kita dapat melihat bahawa keputusan peperiksaan setiap tahun boleh dibanggakan. Bukan sahaja di sekolah Yayasan Islam Kelantan tetapi juga di sekolah-sekolah kementerian pendidikan seluruh negara. Jadi peranan PIBG ini amat penting sekali mereka sentiasa berganding bahu untuk membantu sekolah terutama nak mencari dana-dana. Dan kita lihat baru ni banyak PIBG menghubungi Yang Berhormat-Yang Berhormat untuk mencari dana di sekolah-sekolah mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, baru-baru ini kita lihat kita rasa sedih kerana ada beberapa guru besar di Tumpat ditukar serta-merta kerana ADUN dan Ahli Parlimen hadir ke majlis PIBG untuk beri derma. Bukan gi ceramah gapo... dok... nok bui derma maroh doh... dok... maroh doh... tukar. Ambo kena tukar juga dulu tapi ambo ni ore politik takpo... hok ni

penyokong kerajaan, guru besar ni penyokong kerajaan ditukar kerana Ahli Parlimen gi bui derma. Yang Berhormat Dato' kita buat program di sekolah dio, main bola ko main gapo cikgu besar tukar. Wakaf Bharu, Yang Berhormat Wakaf Bharu gi make gulai di kantin jemput dio, tukar jugok cikgu besar. Jadi jelas benda yang berlaku kita minta lah pihak-pihak penyokong kerajaan sebelah sana memberi sedikit ransangan supaya jange lah wat nyanyo ko cikgu-cikgu besar kita ni. Kita bimbang takut…

**YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD : (MENCELAH)**

Yang Berhormat minta laluan sikit.

**YB DATO' SPEAKER :**

Minta laluan boleh ?

**YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD :**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Kelaboran. Berkaitan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kelaboran tadi tentang adanya sedikit ketidakharmonian di sekolah apabila berlaku isu-isu yang sedemikian. Dan terbaru saya dapat maklumat, sekarang ni elaun kepada imam-imam di seluruh Kelantan ini sebelum ini dibayar oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIK), sebahagiannya daripada MAIK dan sebahagiannya daripada JAKIM Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Sekarang ini difahamkan pembayaran gaji kepada ataupun elaun kepada imam-imam tidak lagi diberi kepada MAIK untuk menguruskan pembayaran, sebaliknya diberi kepada Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP). Jadi adakah akan berlaku kemungkinan-kemungkinan bila perkara ini dibuat sedemikian kemungkinan akan berlaku adanya tekanan-tekanan sebagaimana berlaku juga di sekolah. Kita bimbang takut lepas pada itu tok imam pun kena tukar letih. Bukan setakat cikgu dok lah. Jadi satu lagi kalau boleh apa yang saya sebutkan tadi dimasukkan kepada ucapan Kelaboran untuk dapat kepastian daripada kerajaan ataupun Exco berkaitan apakah benar perkara ini berlaku. Terima kasih.

**YB TUAN HAJI MOHD ADANAN BIN HASSAN :**

Terima kasih Tendong. Kita harap ucapan itu tadi masuk sebahagian ucapan saya. Dan kita bimbang apabila berlaku banjir nanti pusat-pusat

pemindahan banjir sementara berlaku di sekolah, apakah kita wakil rakyat, ADUN boleh masuk ke pusat-pusat pemindahan nanti sedangkan masa tu mereka-mereka ini perlu kepada bantuan kita. Misalnya di waktu tengah malam, pemindahan berlaku tapi peruntukan untuk makan takdok jadi masa tu lah dia telefon pejabat DUN, telefon kepada pentadbir di peringkat DUN untuk dapat bantuan. Tapi kalau wakil rakyat atau ADUN tak boleh masuk, sukar perkara ini dapat kita tolong.

Seterusnya kita tengok hasrat Kerajaan Negeri tadi nak mengeluarkan beras sendiri dan kita ucap terima kasih atas usaha ini. Mudah-mudahan Kelantan akan jadi jelapang makanan negara. Tetapi apabila turun ke bawah di tempat-tempat ada sawah padi kita tengok berlaku benda-benda yang tak sepatutnya berlaku dimana pesawah-pesawah padi ni dicontrol oleh kartel-kartel yang mereka ambil hasil padi ni bawa ke kilang-kilang mereka dan seterusnya ke Negeri Kedah, tempat kilang-kilang mereka berada di sana. Petani-petani ataupun orang yang memiliki tanah tidak dibayar pun sewa tanah mereka. Oleh sebab itu kita harap apabila turun ke bawah kita melihat benda ini berlaku dan kita harap di peringkat DUN cuba memerhati apa yang berlaku di peringkat bawah supaya petani-petani tadi dibela dan kita menguasai petani untuk memastikan kilang padi kita berfungsi dan padi kita atau beras kita akan dapat dikeluarkan nanti. Jadi kita harap benda ni akan berlaku dan mendapat pembelaan daripada pihak kerajaan dan apa yang berlaku ada setengah anak syarikat kerajaan yang berusaha dengan usaha sama di peringkat bawah, menanam padi, dia menanam rumput dan menternak untuk menjadikan makanan ternak selepas ini. Mudah-mudahan usaha-usaha ini dapat diteruskan untuk memastikan kita dapat membantu petani-petani dan juga penternak-penternak mengurangkan harga bahan makanan ternakan mereka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita tengok akhir-akhir ini tarikan pelancong ke Selatan Thailand dan ada nyatakan dulu daripada berita-berita mengatakan bahawa kebanyakan pemuda-pemuda kita pergi buat maksiat di Golok.. Pekan Golok. Kita tahu memang ada lah pemuda-pemuda kita mengambil kesempatan pergi sana mungkin mereka ni kad pengenalan 03 tetapi tinggal bukan di Kelantan ataupun di luar-luar negeri sana. Dan ada juga mereka-mereka tinggal di Kelantan pergi ke sana, cuma bukan itu sahaja tempat mereka lawati. Sebahagian besarnya mereka pergi melawat Muzium Al-Quran di Narathiwat kemudian Restoran Kapal Terbang, masjid-masjid yang bersejarah, pondok-pondok yang banyak di sana, pantai-pantai peranginan yang banyak. Ini

menunjukkan orang Kelantan ni ada duit, suka melancong dan mereka bukan sahaja pergi melancong di tempat maksiat tetapi juga di tempat-tempat yang disebutkan tadi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita tengok bahawa kita perlu membuat sesuatu untuk menarik pelancong-pelancong daripada Thailand datang ke Kelantan. Ini seperti kita tengok mereka perlu kepada Kelantan untuk sebagai tempat belajar. Apa yang berlaku di KIAS misalnya, tempat menarik penuntut-penuntut daripada Selatan Thailand. Penuntut daripada Thailand sahaja seramai 148 orang, daripada Kemboja 32 orang, Indonesia 11 orang, daripada Singapura 4 orang, daripada Negeri China 1 orang, daripada Nigeria 1 orang, daripada Palestin 1 orang, daripada Yaman 2 orang, daripada Filipina 1 orang. Jadi dengan peluang belajar di KIAS ini, mereka hadir belajar di sini, keluarga-keluarga mereka akan berkunjung juga ke Kelantan sekali-sekala. Dan ini lah memenuhi tuntutan untuk menarik orang luar datang ke Kelantan.

**YB DATO' SPEAKER :**

Ada 2 minit lagi Yang Berhormat.

**YB TUAN HAJI MOHD ADANAN BIN HASSAN :**

Di samping itu kita tengok usaha-usaha menjadikan Pantai Geting sebagai sebuah pusat pelancongan dengan bantuan kerajaan pusat dan usaha daripada Majlis Daerah Tumpat. Peruntukan yang agak besar hampir RM 30 juta untuk menaiktaraf jalan, laluan pejalan kaki, menara tinjau, tempat perkhemahan, pintu gerbang, penghayatan cantik waktu malam, dataran dan tempat parking. Jadi sudah pasti dengan usaha yang dibuat ini dapat melihat akan datang mereka-mereka ini akan berkunjung ke Pantai Geting kerana Pantai Geting sudah menjadi pusat yang cantik dan dapat menarik mereka-mereka datang ke Kelantan.

Seterusnya kita ada pulau-pulau. Di pulau-pulau ini usaha yang terbaru yang kita buat mendapat bantuan daripada kerajaan pusat ialah untuk melihat kunang-kunang waktu malam. Kalau sekarang ni pergi ke kawasan kampung akan datang boleh mari waktu malam kita tengok kunang-kunang berada di pokok-pokok beremban. Jadi dengan adanya tempat-tempat ini In Shaa Allah dapat menarik minat orang luar datang ke Kelantan. Dan In Shaa Allah Kelantan kita akan menjadi bertambah maju dan meningkatkan pendapatan penduduk-penduduk sekitar

khususnya orang-orang pulau sekarang ni hampir 2000 satu hari datang dan menjadikan punca pendapatan utama kepada pemandu-pemandu bot yang ada. Dan kita menjadi satu benda yang berlaku yang perlu kita baiki dimana hari Jumaat pemandu-pemandu bot ni tokdea…

**YB DATO' SPEAKER :**

Masa.. masa cukup Yang Berhormat.

**YB TUAN HAJI MOHD ADANAN BIN HASSAN :**

Jadi kita harapan Jabatan Agama tolong bantu untuk memastikan pemandu-pemandu bot ni pergi Jumaat. Terima kasih atas masa yang diberikan.

**YB DATO' SPEAKER :**

Alhamdulillah seramai 17 orang ahli telah mengambil bahagian dalam Perbahasan Belanjawan 2025. Saya berhasrat untuk menangguhkan Persidangan. Persidangan akan disambung semula pada esok bermula pada jam 9.00 pagi. Pihak kerajaan diminta untuk membuat Penggulungan pada jam 11.00 pagi esok.

Sebelum mengakhiri Persidangan ini, saya suka memaklumkan bahawa semua tetamu dan juga pemerhati yang mengikuti Persidangan ini hendak lah mematuhi etika berpakaian seperti yang telah digariskan kerana saya dimaklumkan ada beberapa tetamu dan juga beberapa pemerhati yang tidak mematuhi etika berpakaian. Jadi saya mohon kerjasama untuk menghormati peraturan Dewan ini sepertimana yang telah digariskan. Kita akhiri Persidangan pada hari ini dengan sama-sama membaca Tasbih Kafarah dan Surah Al-Asr.

**PERSIDANGAN DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 04.50 PETANG DAN AKAN BERSIDANG SEMULA PADA ESOK HARI 25 NOVEMBER 2024, JAM 09.00 PAGI.**

**PERSIDANGAN KALI KETIGA (BELANJAWAN)**
**BAGI TEMPOH PENGGAL YANG KEDUA**
**DEWAN NEGERI KELANTAN KELIMABELAS**
**==========**
**[ 23 JAMADIL AWAL 1446H / 25HB NOVEMBER 2024]**

**AHLI-AHLI YANG HADIR**

| BIL | NAMA | KAWASAN |
|---|---|---|
| **1.** | **YB DATO' SRI AMAR D'RAJA DATO' HJ MOHD AMAR B ABDULLAH**<br>***S.J.M.K.,D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)*** | **PANCHOR / SPEAKER** |
| **2.** | **YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' HJ MOHD NASSURUDDIN B HJ DAUD**<br>***S.J.M.K.,D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)***<br>(Pengerusi Jawatankuasa Perancangan, Pentadbiran Awam, Kewangan, Ekonomi & Tanah) | **MERANTI / MENTERI BESAR** |
| **3.** | **YB DATO' DR. HJ MOHAMED FADZLI B DATO' HJ HASSAN**<br>***D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)***<br>(Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wilayah, Sumber Asli, Integriti, Pembangunan Insan & Undang-undang) | **TEMANGAN / TIMBALAN MENTERI BESAR** |
| **4.** | **YB MEJ. (B) DATO' HJ MD ANIZAM B AB RAHMAN**<br>***D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)***<br>(Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia. Perdagangan & Keusahawanan) | **KEMAHANG** |
| **5.** | **YB DATO' DR. IZANI B HAJI HUSIN**<br>***D.J.M.K. (Kelantan)***<br>(Pengerusi Jawatankuasa Kerjaraya, Infrastruktur, Air & Pembangunan Luar Bandar) | **KIJANG** |

| | | |
|---|---|---|
| **6.** | **YB DATO' TUAN HJ SARIPUDIN B TUAN ISMAIL**<br>***D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)***<br>(Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan & Komoditi) | **SELISING** |
| **7.** | **YB DATO' HJ WAN ROSLAN B WAN HAMAT**<br>***D.J.M.K.,J.M.K., A.S.K.***<br>(Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital & Inovasi) | **PENGKALAN KUBOR** |
| **8.** | **YB TUAN MOHD ASRI B MAT DAUD**<br>***J.M.K. (Kelantan)***<br>(Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan & Hubungan Seranta) | **DEMIT** |
| **9.** | **YB TUAN HILMI B ABDULLAH**<br>(Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan & Alam Sekitar) | **GUCHIL** |
| **10.** | **YB PUAN HJH ROHANI BT IBRAHIM**<br>***J.M.K., S.M.K.***<br>(Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga & Wanita) | **TANJONG MAS** |
| **11.** | **YB TUAN ZAMAKHSHARI B MUHAMAD**<br>(Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, NGO & Perpaduan Masyarakat) | **APAM PUTRA** |
| **12.** | **YB DATUK KAMARUDIN B MD NOR**<br>***D.M.S.M.,A.M.N.***<br>(Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian & Warisan) | **AYER LANAS** |
| **13.** | **YB DATO' MOHAMED FARID B MOHAMED ZAWAWI**<br>***D.I.M.P.*** | **KOK LANAS / TIMBALAN SPEAKER** |
| **14.** | **YB DATO' BENTARA KANAN USTAZ DATO' HJ AHMAD B YAKOB**<br>***S.J.M.K..,D.J.M.K.,S.M.K.,J.P.*** | **PASIR PEKAN** |

| | | |
|---|---|---|
| **15.** | **YB DATO' SR HJ AZAMI B MOHD NOR**<br>***D.J.M.K.,J.M.K.*** | **KADOK** |
| **16.** | **YB DATO' HJ ABDUL FATTAH B MAHMOOD**<br>***D.J.M.K.,J.M.K.*** | **BUKIT PANAU** |
| **17.** | **YB DATO' HJ ABD. RAHMAN B YUNUS**<br>***D.J.M.K.,J.M.K.*** | **PASIR TUMBOH** |
| **18.** | **YB TUAN HJ MOHD FAUZI B ABDULLAH**<br>***J.M.K*** | **MANEK URAI** |
| **19.** | **YB TUAN HJ MOHD HUZAIMY B CHE HUSSIN**<br>***J.M.K.,A.K.*** | **PANTAI IRAMA** |
| **20.** | **YB TUAN ROZI B MUHAMAD**<br>**J.M.K.** | **TENDONG** |
| **21.** | **YB TUAN AZHAR B SALLEH**<br>***A.S.K.*** | **PULAI CHONDONG** |
| **22.** | **YB TUAN HJ ZURAIDIN B ABDULLAH** | **CHETOK** |
| **23.** | **YB TUAN MOHD RUSLI B ABDULLAH** | **WAKAF BHARU** |
| **24.** | **YB TUAN KU MOHD ZAKI B KU HUSIN** | **DABONG** |
| **25.** | **YB TUAN MOHD RODZI B JAAFAR** | **GAAL** |
| **26.** | **YB TUAN HJ MOHD ADANAN B HASSAN**<br>***J.M.K.*** | **KELABORAN** |
| **27.** | **YB TUAN WAN ROHIMI B WAN DAUD**<br>***A.K.,J.S.M.*** | **MELOR** |
| **28.** | **YB TUAN KAMARUZAMAN B MOHAMAD**<br>***J.S.M.*** | **GUAL PERIOK** |
| **29.** | **YB TUAN NIK BAHRUM B NIK ABDULLLAH**<br>***A.S.K.*** | **CHEMPAKA** |
| **30.** | **YB TUAN BAHARI B MOHAMAD NOR** | **GUAL IPOH** |

| | | |
|---|---|---|
| **31.** | **YB PUAN NOR ASILAH B MOHAMED ZIN** | **LIMBONGAN** |
| **32.** | **YB TUAN ZAMERI B MAT NAWANG** | **JELAWAT** |
| **33.** | **YB TUAN MOHAMAD NASRIFF B DAUD @ DAUD YATIMEE** | **PENGKALANPASIR** |
| **34.** | **YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN**<br>***A.K.*** | **BUNUT PAYONG** |
| **35.** | **YB DATO' SHAARI B MAT HUSSAIN**<br>***D.P.T.J.*** | **PALOH** |
| **36.** | **YB DATO' ABDUL HADI B AWANG KECHIL**<br>***D.P.S.K., P.S.K. (Kelantan), J.M.N., K.M.N.*** | **KUALA BALAH** |
| **37.** | **YB TUAN ZUBIR B ABU BAKAR** | **MENGKEBANG** |
| **38.** | **YB TUAN SAIZOL B ISMAIL** | **SALOR** |
| **39.** | **YB TUAN HARUN B ISMAIL** | **TAWANG** |
| **40.** | **YB TUAN AHMAD ZAKHRAN B MAT NOOR** | **KEMUNING** |
| **41.** | **YB TUAN MOHD ALMIDI B JAAFAR** | **BUKIT BUNGA** |
| **42.** | **YB TUAN NOR SHAM B SULAIMAN** | **SEMERAK** |
| **43.** | **YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI B HJ. ABDUL GHANI** | **NENGGIRI** |
| **44.** | **YB DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM** | **KOTA LAMA** |
| **45.** | **YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN B HASHIM**<br>***J.M.K.*** | **GALAS** |

**AHLI MENURUT**
**PERKARA 13(3)**
**UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN TUBUH KERAJAAN KELANTAN,**
**BAHAGIAN PERTAMA**

YB DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD
[DATO' KAYA SETIA SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN]
*S.P.S.K.,D.P.S.K.(KELANTAN),P.S.K.,B.S.K.,A.S.K.*

YB DATO' IDHAM BIN HAJI ABD GHANI
[PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI KELANTAN]
*D.P.S.K. (Kelantan)*

YBM TENGKU KAYA PERKASA
DATO' DR TENGKU MOHAMED FAZIHARUDEAN BIN TENGKU FEISSAL
[PEGAWAI KEWANGAN NEGERI KELANTAN]
*D.J.M.K. (Kelantan)*

**SETIAUSAHA DEWAN NEGERI KELANTAN**

[MOHD FADZIL AZNAN BIN ABDUL AZIZ]
*A.S.K.*

**PERSIDANGAN KALI KETIGA**
**(BELANJAWAN)**
**BAGI TEMPOH PENGGAL KEDUA**
**DEWAN NEGERI KELANTAN**
**YANG KELIMABELAS TAHUN 2024**
**PADA 19, 22, 23, 24 DAN 25 JAMADIL AWAL 1446H BERSAMAAN 21HB, 24HB, 25HB, 26HB DAN 27HB NOVEMBER 2024/ KHAMIS, AHAD, ISNIN, SELASA DAN RABU**

==========

**SETIAUSAHA :**

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Persidangan Kali Ketiga (Belanjawan) Bagi Tempoh Penggal Kedua, Dewan Negeri Kelantan Kelimabelas, Hari Ketiga.

الفا تحه **.....**

**I. .. DOA.**

**[ SAMBIL BERDIRI ]**

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Dipersilakan Yang Berhormat Gaal.

**YB TUAN MOHD RODZI BIN JA'AFAR :**

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan kepada soalan saya nombor 1.

Soalan 1 :

*Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah halangan-halangan yang melambatkan proses pelombongan REE di Kelantan?*

**YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN :**

أعوذ بالله من الشيطان الرجيم

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين, والصلاة والسلام على رسول لله, وعلى أله وصحبه أجمعين

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada soalan daripada Gaal ye. Antara halangan-halangan yang melambatkan proses perlombongan NR-REE di Kelantan adalah antaranya seperti berikut iaitu lah yang pertama taburan keberadaan mineral NR-REE adalah sebahagian besar berada di dalam Hutan Simpan Kekal dimana berdasarkan kepada peruntukan Akta Perhutanan Negara 1984, perlombongan tidak boleh dijalankan di dalam Hutan Simpan Kekal melainkan ianya diwarta keluar terlebih dahulu dengan kawasan galian.

Yang kedua, pelaksanaan perintah moratorium eksport mentah mineral NR-REE oleh Kerajaan Persekutuan. Dan yang ketiga adalah proses Environmental Impact Assesment ataupun EIA untuk perlombongan REE memerlukan kajian mendalam tentang kajian alam sekitar dan mengambil tempoh masa yang agak lama. Kajian ini penting bagi memastikan perlombongan tidak merosakkan ekosistem tetapi proses yang panjang menyebabkan kelewatan dalam mendapatkan kelulusan projek. Terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Silakan Gaal soalan tambahan.

**YB TUAN MOHD RODZI BIN JA'AFAR :**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Oleh kerana perlombongan NR-REE ini melibatkan alam sekitar ekosistem, adakah pihak Kerajaan Negeri berhasrat untuk mewujudkan satu garis bantuan khusus untuk operasi perlombongan. Terima kasih.

**YB DATO' DR. MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN :**

Terima kasih soalan tambahan daripada Gaal. Ye Kerajaan Negeri memang sebenarnya mengambil langkah yang proaktif dan telah menyediakan SOP tersebut yang melibatkan Jabatan Geosains dan Mineral, Jabatan Tanah dan Galian dan juga beberapa jabatan-jabatan yang lain bagi memastikan ianya berjalan mengikut aturan. Dan dalam masa yang sama memastikan pembangunan industri ini tidak akan memberi kemudaratan kepada alam sekitar. Dalam masa yang sama, memberi manfaat yang tinggi kepada rakyat dan juga negeri. Terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Silakan Kuala Balah.

**YB DATO' ABDUL HADI BIN AWANG KECHIL :**

Terima kasih Dato' Speaker. Dalam usaha meningkatkan pembangunan ataupun menjaga kepentingan REE saya difahamkan kita akan menubuhkan satu makmal geokimia. Kalau dapat sedikit kedudukan dimanakah kedudukan makmal tersebut. Terima kasih.

**YB DATO' DR. MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN :**

Terima kasih kepada Kuala Balah ye. Makmal tersebut telah pun hampir siap berada di kawasan industri Pengkalan Chepa dan In Shaa Allah dalam masa beberapa bulan lagi akan dapat digunakan sepenuhnya. Sekarang ini proses pemasangan beberapa peralatan-peralatan sahaja lagi. Terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Silakan Galas.

**YB TUAN MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Besar atas jawapan yang telah diberikan. Kelantan telah dapat kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan untuk

meneroka REE ini dan kita jangka RM125 billion kita akan peroleh hasil daripada REE ini.

Soalan tambahan saya ialah berkenaan dengan bisnes model yang akan digunakan oleh Kerajaan Negeri adakah sama seperti pemberian pajakan lombong emas yang seperti kita tengok baru-baru ini lah, ore tunjuk jongkong emas kito, kito tengok sajo atau melalui anak syarikat atau yayasan-yayasan dibawah Kerajaan Negeri sebelum diserahkan kepada orang tengah untuk mencari pelabur. Serta apakah jaminan Kerajaan berkenaan dengan perkara ini supaya tidak di total subkan atau di ali baba kan. Terima kasih.

**YB DATO' DR. MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN :**

Terima kasih Galas. Istilah tengok sajo tu saya rasa tidak tepat. Setiap perlombongan dia akan melalui satu proses yang ketat dan ada pemantauan oleh pihak Kerajaan. Jadi dalam REE ini ye, kita mulakan dengan anak syarikat Kerajaan Negeri khususnya PKINK dan juga PMBK, begitu yee. Sekarang ini perlombongan REE dibenarkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk dieksport keluar hanya di Kenering, Gerik sahaja. Ianya adalah satu pilot study ye, tidak ada selepas itu mana-mana syarikat atau mana-mana negeri yang dibenarkan untuk berbuat demikian ye. Walaupun kita tahu bahawa harganya tinggi tetapi ia memerlukan proses yang rapi terutamanya impaknya kepada alam sekitar dan sebagainya.

Sebab itu lah sewaktu kita melaksanakan libat urus bersama dengan agensi Kerajaan Persekutuan kita dimaklumkan bahawa untuk EIA sahaja, kelulusan EIA sahaja memerlukan antara 2-3 tahun. Asalnya begitu. Tetapi Alhamdulillah saya menghadiri mesyuarat beberapa bulan yang lepas yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, jabatan-jabatan yang terlibat menjanjikan proses ini dipercepatkan, In Shaa Allah ye.

Walau bagaimanapun, sebagaimana yang saya katakan tadinya kita akan cuba untuk... ini juga hasrat Kerajaan Persekutuan. Kita nak dapat maksimum daripada REE kita maka model yang akan kita laksanakan adalah kita akan cuba untuk kerjasama antara agensi Kerajaan Negeri dengan mana-mana syarikat yang berkemampuan terbukti. Antaranya lah kalau saya boleh ambik satu contoh kita telah berbincang dengan syarikat yang sedang beroperasi di Pahang, Lynas. Dia memang terbukti

ye, kita sudah berbincang dan kita In Shaa Allah akan mengusahakan perbincangan yang lebih lanjut dengan Lynas. Yang lain-lain setakat ini masih lagi di peringkat awal. Tetapi agensi Kerajaan Negeri kita sudah pun bersedia untuk itu dan kita akan memastikan sebagaimana hasrat Kerajaan Persekutuan juga kita akan mendapat keuntungan yang maksimum. Kita akan cuba proses upseem downseem dalam negeri ataupun dalam negara kita. Terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Saya persilakan Tawang.

**YB TUAN HARUN BIN ISMAIL :**

Yang Berhormat Dato' Speaker, mohon soalan saya nombor... jawapan soalan saya nombor 2.

Soalan 2 :

*Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah tindakan kerajaan negeri terhadap kemalapan garisan putih diatas jalan yang membahayakan pengguna jalanraya bagi mengelakkan kecelakaan yang tidak diingini?*

**YB DATO' DR. IZANI BIN HUSIN :**

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih Tawang. Antara kerja-kerja JKR selain daripada senggaraan jalan juga ialah senggaraan garisan putih tengah dan tepi. Dan JKR memandang serius kepada kemalapan ataupun garisan putih yang pudar. Namun demikian, JKR terpaksa membuat peringkat demi peringkat dan memilih keutamaan-keutamaan jalan-jalan tertentu. Ini disebabkan oleh kekangan bajet yang diterima oleh JKR.

Untuk Ahli Sidang sekalian, kos ataupun penyelenggaraan garisan putih yang dimohon oleh Kerajaan… oleh JKR adalah sebanyak lebih kurang RM400 juta. Namun demikian, kelulusan yang diperolehi sekitar RM100

hingga RM120 juta per tahun. Jadi kekurangan ini menyebabkan JKR tidak mampu untuk melaksanakan keseluruhan jalan negeri dan jalan Persekutuan di Negeri Kelantan melainkan memilih jalan-jalan tertentu mengikut kepentingan-kepentingan ataupun keutamaan-keutamaan.

Dan baru ni kalau kita tak lupa semasa libat urus dengan Menteri Ekonomi pun perkara ini saya bangkit dan jawapannya ialah kerana kita setiap tahun jalan sentiasa bertambah, kos selenggaraan bertambah maka dia kata tak cukup pitih… gitu jelah. Jadi itulah untuk pengetahuan Tawang bahawa kenapa jalan di selenggara sebegitu rupa kerana ketidak cukupan bajet yang dimohon oleh JKR Negeri. Terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Silakan Tawang.

**YB TUAN HARUN BIN ISMAIL :**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan penggunaan car reftractive yang berkualiti tinggi memberikan impak jangka panjang terhadap kejelasan garisan jalan terutamanya dalam suasana cuaca yang buruk seperti pada waktu malam dan pada musim-musim yang seperti ini. Dan adakah sebarang kolaborasi dengan agensi-agensi yang tertentu seperti JPJ, JKR dapat menambahkan lagi dan telah menghasilkan peningkatan ketara dalam keselamatan jalan raya.

**YB DATO' DR. IZANI BIN HUSIN :**

Terima kasih Tawang untuk soalan tambahan. Secara mudah seperti saya katakan tadi *refractory* sama ada jalan juga memerlukan kos, jadi JKR akan meneliti sudah tentu bilanya ada *refractive* tengah jalan hok sinar tu dia lebih baik dan orang panggil visualnya mudah nampak kalu kito jale male. Tetapi sekali lagi kekangan kos, kekangan bajet yang menyebabkan kita memilih keutamaan-keutamaan mana yang perlu diselenggara atau disenggara terlebih dahulu. Terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Saya persilakan Semerak.

**YB TUAN NORSHAM BIN SULAIMAN :**

Terima kasih Dato' Speaker. Mohon jawapan keapada soalan saya nombor 3.

Soalan 3 :

*Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, Sejauhmanakah persiapan dan perancangan bagi meningkatkan infrastruktur sukan serta promosi bagi menghadapi SUKMA 2028?*

**YB TUAN ZAMAKHSHARI BIN MOHAMAD :**

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Terima kasih Dato' Speaker. Terima kasih Semerak atas soalan. Dalam usaha Kerajaan Negeri Kelantan menganjurkan SUKMA 2028, kerajaan telah membangunkan Kompleks Sukan Bukit Merbau, Madinah Al-Riadah yang akan mempunyai pelbagai kemudahan sukan. Selain daripada pembangunan Kompleks Sukan Bukit Merbau Madinah Al-Riadah, kerajaan juga dalam usaha untuk menambahbaik infrastruktur sukan yang ada. Buat masa ini, keutamaan infrastruktur sukan yang akan ditambah baik adalah venue yang akan dijadikan venue pertandingan bagi penganjuran SUKMA 2028 nanti. Manakala dari segi promosi penganjuran pula, setakat hari ini tiada promosi secara berskala besar memandangkan SUKMA 2028 akan berlangsng dalam tempoh 4 tahun lagi. Promosi secara berskala besar hanya akan dilakukan selepas penyerahan bendera rasmi Temasya SUKMA kepada Negeri Kelantan dibuat secara rasminya selepas SUKMA 2026 di Selangor.

Kerajaan Negeri juga melalui Sekretariat SUKMA Kelantan, Majlis Sukan Negeri, JKR Kelantan dan Bahagian Kordinasi dan Program Khas, Pejabat SUK Negeri Kelantan dari semasa ke semasa menyelaras segala pelaksanaan infrastruktur untuk memastikan bahawa keperluan venue serta kemudahan lain yang berkaitan dengan tempat-tempat pertandingan dapat dirancang dan disediakan dengan baik. Ini adalah bagi memastikan penganjuran SUKMA 2028 dapat dilaksanakan dengan jayanya. Pada masa ini, kerja-kerja pembinaan infrastruktur dan

pembangunan untuk SUKMA 2028 sedang giat dijalankan dengan kerjasama penuh yang diterima daripada JKR Malaysia dan Kementerian Belia dan Sukan. Senarai Cadangan Awal Venue Pertandingan bagi 28 acara utama, kita akan ada 28 acara utama SUKMA nanti juga telah disediakan oleh Sekretariat SUKMA Kelantan. Maknanya ini adalah hasil perbincangan sejak tahun 2022 lagi diantara Sekretariat SUKMA Kelantan bersama Majlis Sukan Negeri dan persatuan-persatuan sukan terlibat sebagaimana yang berikut.

Dia ada 28 acara utama SUKMA. Acara yang pertama, akuatik akan diadakan di Pusat Akuatik Kota Bharu, ini adalah di Madinah As-Salam, Tunjung. Acara angkat berat di Kompleks Belia dan Sukan, Panji. Badminton di Dewan Madinah As-Salam, Tunjung. Berbasikal akan menggunakan lebuh raya di Jeli dan juga Mountain Bike di Bukit Bakar. Gimnastik di arena tertutup Kompleks Sukan Bukit Merbau. Golf di Kelantan Golf Country Club, Pengkalan Chepa. Lawan pedang di Dewan Majlis Daerah Ketereh. Memanah di Kompleks Sukan Sunah Kampung Domis, Tanah Merah. Menembak di Lapang Sasar Menembak Kompleks Sukan Bukit Merbau. Olahraga akan diadakan di Stadium Utama Kompleks Sukan Bukit Merbau. Pelayaran In Shaa Allah akan diadakan di Pusat Sukan Air Pantai Geting, Tumpat. Setakat ini untuk lokasi ini belum mendapat kelulusan peruntukan daripada Pusat.

Yang ke-12 hoki akan diadakan di Stadium Hoki Kompleks Sukan Bukit Merbau. Judo Dewan Kompleks Sukan Komuniti Jeli. Ping Pong Dewan Pusat Sukan USM, Kubang Kerian. Taekwondo Dewan Utama Kompleks Islam Lundang. Karate Dewan Maktab Rendah Sains Mara Geting, Tumpat. Bowling padang di Gelanggang Bowling Padang Kompleks Sukan Bukit Merbau. Pencak silat di Dewan Yayasan Islam Kelantan, Tunjung. Sepak takraw di Dewan Jubli Perak Majlis Perbandaran Kota Bharu. Squash Kompleks Squash di Kompleks Sukan Bukit Merbau. Ten-pin bowling setakat ini cadangannya di Madinah As-Salam, Tunjung. Walau bagaimanapun, perbincangan sudah diadakan dengan pengusaha-pengusaha bowling untuk kita menaiktaraf lokasi yang sedia ada.

Wushu di Dewan Majlis Daerah Tanah Merah. Bola sepak Stadium Sultan Muhammad V, Stadium Mini Pasir Mas, Padang Perdana MPKB-BRI, Padang Majlis Daerah Ketereh Perbandaran Islam. Ragbi adalah di Padang Ragbi Kompleks Sukan Bukit Merbau dan juga Padang Ragbi Politeknik Kok Lanas. Bola jaring di Dewan Kolej Matrikulasi Kelantan, Pasir Puteh. Bola keranjang di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan

Chong Hwa Kota Bharu dan juga Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Chung Cheng Kota Bharu. Bola tampar Dewan Wisma Sukan Negeri Kota Bharu. Dan tenis di Gelanggang Tenis USM, Kubang Kerian. Maknanya ada 28 acara utama yang akan dipertandingkan dalam SUKMA 2028.

Manakala akan ada 5 acara pilihan iaitu muay thai yang In Shaa Allah akan diadakan di Kolej Kemahiran Tinggi MARA Pasir Mas, tinju di Dewan Majlis Daerah Pasir Mas, e-sport di Giant, Tunjung, petanque di UMK Jeli. Manakala kriket di Institut Pendidikan Guru Pengkalan Chepa. Sekian terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Silakan Semerak.

**YB TUAN NORSHAM BIN SULAIMAN :**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Dan juga terima kasih Yang Berhormat Exco atas jawapan yang panjang lebar. Dan bolehkah saya tahu apakah projek utama infrastruktur sukan yang telah dikenalpasti untuk dinaiktaraf atau dibina semula khusus untuk SUKMA selain daripada Stadium Bukit Merbau.

**YB TUAN ZAMAKHSHARI BIN MOHAMAD :**

Terima kasih atas soalan tambahan. Mana soalan Semerak tadi lebih kepada... selain daripada Stadium Bukit Merbau. Dia ada beberapa macam saya sebut tadi, maknanya pertambahan baik akan dilakukan di lokasi-lokasi yang diadakan kejohanan ataupun acara selepas ini. Antaranya macam saya sebut tadi, angkat berat di Kompleks Belia Sukan Negeri, Panji. Mountain bike di Bukit Bakar, Alhamdulillah hari itu kita telah mengadakan Kelantan National Mountain Bike, maknanya itu lokasi telah ditambah baik. Kemudian, di Kelantan Golf Country Club. Dan kemudian untuk memanah di Kompleks Sukan Domis, In Shaa Allah kita akan buat penambahbaikan. Yang seterusnya, pusat sukan air di Pantai Geting, Tumpat. Yang ini pun untuk sukan pelayaran kita akan buat In Shaa Allah penambahbaikan. Ping pong di Dewan Sukan Kubang Kerian, USM Kubang Kerian. Kemudian sepak takraw di Dewan Jubli Perak, MPKB dan juga bowling In Shaa Allah. Terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Silakan Pengkalan Pasir.

**YB TUAN MOHAMAD NASRIFF BIN DAUD @ DAUD YATIMEE :**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Salah satu isu utama dalam penyediaan insfrastruktur adalah pencawang masuk utama. Sebagaimana yang kita ketahui, kalau saya dulu di PKINK ada isu besar di Machang ini adalah pencawang masuk utama. Saya difahamkan Kerajaan telah menyediakan satu tapak seluas 6 ekar. Dan kalau boleh minta pihak Exco menceritakan tahap kesiapan sebab kalau lah kemudahan itu pun siap, kalau tidak ada pencawang masuk utama disediakan yang akan mengambil masa sehingga 5 tahun kalau masa itu dibagitahu oleh pihak TNB. Mohon kalau boleh pihak Exco bagitahu status pencawang masuk utama.

**YB TUAN ZAMAKHSHARI BIN MOHAMAD :**

In Shaa Allah perkara tersebut akan dibincangkan dengan JKR. Terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Saya persilakan Bukit Bunga.

**YB TUAN MOHD ALMIDI BIN JAAFAR :**

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan kepada soalan saya nombor 4.

Soalan 4 :

*Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menaik taraf Sistem pengairan di sawah padi yang telah lama tidak diselenggara di kawasan Bendang Kelewek, Bendang Keladi dan sekitarnya ?*

**YB DATO' HAJI TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :**

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih Bukit Bunga. Kawasan Bendang Kelewek dan Bendang Keladi, Tanah Merah merupakan kawasan tanaman padi luar jelapang dan dibawah Skim Kecil seliaan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kelantan. Pada ketika ini, keluasan Bendang Keladi adalah seluas 74 hektar, melibatkan 8 orang petani dengan anggaran pengeluaran hasil sebanyak 200 hingga 300 tan semusim. Manakala, keluasan Bendang Kelewek seluas 80 hektar dengan melibatkan bilangan petani seramai 9 orang dengan anggaran pengeluaran hasil sebanyak 200 hingga 300 tan semusim.

Untuk makluman YB Bukit Bunga, Kerajaan dalam proses pertimbangan kelulusan peruntukan bagi menambah baik sistem saliran di kedua-dua bendang tersebut In Shaa Allah akan ada kelulusan. Pihak JPS telah mengangkat beberapa cadangan dan permohonan peruntukan bagi menaiktaraf sistem saliran di kawasan tersebut.

Di Bendang Kelewek, menaiktaraf sistem saliran longkang lama jenis 'V' kepada longkang berbentuk 'U' sepanjang 150 meter. Ini kerana longkang sedia ada berusia agak lama telah pun rosak di beberapa bahagian penyambungan menyebabkan berlaku kebocoran di beberapa tempat. Cadangan menggantikan longkang berbentuk 'U' dilihat lebih sesuai dan mempunyai kelulusan SIRIM bagi menjamin kualiti sistem saliran. Anggaran kos yang diperlukan untuk kerja-kerja ini adalah sebanyak RM50, 000.

Di Bendang Keladi, menaiktaraf sistem pengairan lama sedia ada yang berlaku mendapan kepada longkang berbentuk 'U' sepanjang 350 meter termasuk menyelenggara dan membersihkan saliran lain di sekitar bendang tersebut. Anggaran kos yang diperlukan adalah sebanyak RM120, 000. Membaiki dan menstabil tebing Sungai Jedok yang telah terhakis berhampiran kawasan bendang dan rumah pam. Hakisan yang berlaku antaranya di kawasan rumah pam milik JPS telah terputus dan memerlukan penggantian dan pembaikian yang lebih kerap. Perkara ini dapat diatasi sekiranya pembaikian tebing sungai dilaksanakan dan

membantu kelancaran saluran sumber air ke bendang. Anggaran kos yang diperlukan adalah sebanyak RM50, 000. Sekian terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Silakan Bukit Bunga.

**YB TUAN MOHD ALMIDI BIN JAAFAR :**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Exco atas jawapan yang diberikan tadi. Soalan tambahan saya, selain daripada… selain bantuan daripada Jabatan Pertanian, apakah bentuk bantuan-bantuan lain yang boleh dimohon oleh para pesawah khususnya pesawah bukan dibawah seliaan KADA dan juga IADA Kemasin Semerak. Terima kasih.

**YB DATO' HAJI TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :**

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih soalan tambahan Bukit Bunga. Pemohon atau petani pesawah padi boleh memohon dengan pihak Kerajaan Negeri melalui portfolio saya sepeti baja folia (baja penggalak buah) dan baja pemulihan tanah, baja dolomite yang boleh membantu meningkatkan ph tanah sesuai dengan untuk penanaman padi. Dan beberapa input pertanian yang lain seperti pam racun, enjin pam bergerak, enjin air dan juga wayar saliran untuk membantu pengairan-pengairan di kawasan tersebut. Sekian terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Silakan Gual Ipoh.

**YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR :**

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Soalan saya adalah tadinya Yang Berhormat Exco telah menjawab dengan baik langkah-langkah pemulihan dan perancangan bagi menyelesaikan masalah bendang padi di Lubok Bongor dan Bendang Keladi di Tanah Merah namanya tetapi di kawasan Parlimen Jeli. Saya juga nak memohon lah kepada… soalan saya iaitu ada juga kawasan bendang padi di Kampung Bongor di Gual Ipoh ni yang mengalami

masalah yang sama. Cuma dari segi perkara yang perlu diberi perhatian adalah banyaknya bendang padi dan dikongsi kepada dua kawasan kampung, namun bekalan air untuk mengairi sawah berkenaan tidak mencukupi. Mohon perhatian. Terima kasih.

**YB DATO' HAJI TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :**

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih soalan tambahan daripada Gual Ipoh. Pihak Jabatan Pertanian telah melakukan pelbagai inisiatif dan mengenalpasti potensi yang ada dalam membangunkan kawasan tanah-tanah terbiar termasuk kawasan bendang padi di Kuala Balah dan Jajahan Jeli. Dimana Jajahan Jeli ini mempunyai 2 skim padi iaitu skim kecil Lubuk Bongor dan skim kecil Jerimbong. Untuk skim kecil di Lubuk Bongor mempunyai keluasan 34 hektar dan bertanam sebanyak 27 hektar yang telah diusahakan oleh pesawah seramai 12 peserta yang terdiri daripada penduduk tempatan.

Tanaman padi luar musim 2024 tersebut telah selesai dituai pada bulan Ogos 2024 yang lalu dan hasil yang diperolehi adalah sebanyak 45 metrik tan. Oleh demikian, dalam memastikan kesejahteraan ekonomi rakyat tempatan, tanaman padi skim kecil di Lubuk Bongor akan diteruskan sebagaimana perancangan Kerajaan Negeri kerana tahun 2024 merupakan tahun pertama tanaman padi di kawasan Lubuk Bongor diusahakan setelah 5 tahun kawasan tersebut terbiar.

Manakala kawasan skim padi di Jerimbong yang keluasan 32 hektar telah dihentikan akibat, dihentikan aktiviti tanaman padi sejak 2008 disebabkan pesawah telah menukar tanaman padi kepada tanaman lain seperti getah, tebu, jagung, sayur dan lain-lain tanaman. Terdapat juga pemilihan kediaman di kawasan ini kerana pesawah tidak lagi berminat untuk meneruskan projek tanaman padi.

Jadi yang di kawasan Lubuk Bongor tadi, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian telah menggunakan peruntukan Kerajaan sebanyak RM145 012 bagi kerja-kerja penyediaan, perataan semula sawah, naik taraf sistem pengairan. Selain kawasan padi, terdapat juga tanaman lain seperti durian dibangunkan dari tanah terbiar dan kawasan Kuala Balah dan kawasan-kawasan di Jeli yang melibatkan peruntukan sebanyak RM184 180 dengan keluasan 12.34 hektar bermula tahun 2021 sehingga 2023. Sekian terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Saya persilakan Paloh.

**YB DATO' SHAARI BIN MAT HUSSAIN :**

YB Dato' Speaker, mohon jawapan soalan saya nombor 5.

Soalan 5 :

*Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah bentuk kerjasama antara kerajaan negeri dan sektor swasta dalam meningkatkan kecekapan pengurusan sisa pepejal termasuk penggunaan teknologi inovatif dan pelaburan dalam infrastruktur ?*

**YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :**

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Terima kasih Dato' Speaker. Untuk makluman Paloh, Kerajaan Negeri telah menjalinkan kerjasama dengan sektor swasta dalam meningkatkan kecekapan dan pengurusan sisa pepejal termasuk penggunaan teknologi inovatif dan pelaburan dalam infrastruktur. Antaranya adalah bagi membangunkan Projek Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Berintergrasi dan Fasiliti Karbonisasi di Tanah Merah, pihak Majlis Tanah Merah telah menjalinkan kerjasama dengan Kelantan Utilities Mubaarakan Holdings Sdn Bhd dan Japan Orchid Inc. Sehubungan itu, Tapak Pelupusan Bukit Che Ros Tanah Merah telah diuruskan oleh Pengurusan Sisa Pepejal Mubaarakan atau PSPM singkatannya bermula 1 Januari 2023 dan banyak penambahbaikan telah dilakukan seperti memasang alat penimbang kenderaan (weightbridge), pemantauan operasi melalui cctv, pengurusan sisa kitar semula di tapak serta pengurusan yang menggunakan kaedah yang sistematik.

Manakala Majlis Daerah Pasir Mas telah melantik pihak swasta dan vendor bagi menjalankan kerja-kerja pemungutan sisa pepejal di kawasan Pasir Mas yang mana Kerajaan Negeri melalui Bahagian Kerajaan Tempatan telah menyediakan sejumlah peruntukan kepada Majlis Daerah Pasir Mas. Bagi kutipan sisa pepejal oleh pihak swasta, Majlis telah menyediakan tempat pelupusan sisa pepejal dan dikenakan caj perkhidmatan. Majlis juga telah menjalankan kerja usaha-usaha

kempen kitar semula di dalam setiap program gotong royong yang diadakan. Majlis Daerah Tumpat telah mendapat kelulusan penswastaan untuk pengurusan sisa pepejal di tapak pelupusan sampah Kok Bedullah, Tumpat yang dikendalikan oleh KUMH. Selain itu, Majlis juga telah melaksanakan program perkhidmatan pembersihan kawasan pelancongan dan kawasan tumpuan awam dengan menswastakan pembersihan secara tender di kawasan tersebut seperti Laman Warisan Kampung Laut, pasar-pasar Awam, Pantai Sri Tujoh dan Zon Bebas Cukai Pengkalan Kubor.

Dan Majlis Daerah Machang pula telah melantik pihak swasta dan vendor untuk kutipan *e-waste* dan barangan kitar semula di tapak pelupusan serta di program 3R bersama Skuad Wanita Islam Machang (SWIsMA) dan Kelantan Utilities Mubaarakan Holdings Sdn. Bhd. Majlis Daerah Dabong kini dalam proses melantik pihak swasta iaitu Kelantan Utilities Mubaarakan Holdings Sdn. Bhd. (KUMH), untuk meningkatkan kecekapan kutipan *e-waste* dan barangan kitar semula di tapak pelupusan. Pihak Majlis Daerah Dabong juga dalam proses melantik pihak swasta dengan menawarkan perkhidmtan kebersihan dan keceriaan tandas di kawasan tumpuan pelancong seperti di Lata Kertas, Taman Rekreasi Gua Ikan dan tandas KTMB Dabong. Manakala Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam telah bekerjasama dengan KUMH bagi pengurusan sisa pepejal. Namun terdapat PBT yang masih lagi menguruskan sisa pepejal sendiri seperti Majlis Daerah Kuala Krai, Majlis Daerah Gua Musang dan dalam usaha ingin bekerjasama dengan pihak swasta bagi meningkatkan kecekapan pengurusan sisa pepejal seperti mana yang telah dilaksanakan di sesetengah PBT di Kelantan. Terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Silakan Paloh.

**YB DATO' SHAARI BIN MAT HUSSAIN :**

Terima kasih Dato' Speaker. Dan terima kasih lah kepada YB Exco yang memberi jawapan yang tepat. Cuma soalan saya berbunyi ada satu soalan tambahan iaitu adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menggubal dasar mengenai pengeluaran dan penggunaan dan pengurusan sisa plastik di Negeri Kelantan dan juga undang-undang bagi menangani pencemaran plastik. Terima kasih.

**YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :**

Terima kasih Paloh atas soalan tambahan mengenai sisa plastik sekali guna ataupun kita panggil *single plastic use* yang mana masalah plastik dipanggil *white pollution*. Pencemaran putih itu kita boleh nampak sampah berbentuk pencemaran pada plastik yang mana kita baca buat kajian plastik ini dia mengambil masa 400 hingga 1000 tahun untuk terurai. Ini lah antara punca utama masalah tersumbatnya pembentungan kita. Dan juga kita Malaysia antara negara yang masih lagi gagal mengurus secara sistematik sampah-sampah berbentuk plastik. 30% daripada buangan isi rumah termasuk pasar-pasar awam, kedai-kedai serbaneka yang telah menjana sampah berbentuk plastik. Dan kita di Kelantan kita bersama-sama Persekutuan, dia ada satu dasar, hala tuju, pelan ke arah pengurusan sifar plastik dan semua negeri diberi masa sehingga 2030 untuk mula menamatkan penggunaan beg plastik.

Dan kita di peringkat MPKB, kita bermula 2014 lagi telah mengadakan kempen Hari Tanpa Beg Plastik iaitu kita menggalakkan para pengguna supaya tidak menggunakan beg plastik pada hari Sabtu, hari Ahad dan juga hari Isnin di semua pasaraya di peringkat pertama, di peringkat nasional. Namun, kita tengok kempen ini tidak berjaya kerana para pengguna diberi *option* ataupun pilihan dengan membayar 20 sen masih lagi mereka dapat menggunakan plastik dan hasil kutipan 20 sen diberikan kepada MPKB dan kita kumpul kita gunakan untuk program-program kempen. Namun, masih lagi berjaya. Dan pada tahun 2024 kita melancarkan semula Kempen Kota Bharu Bebas Plastik dan saya telah merasmikan Program Pra Pelaksanaan Kempen Kota Bharu Bebas Plastik pada 1 Januari dan kita 9 Februari telah melancarkan Perasmian Pelancaran Besar-besaran Kota Bharu Bebas Beg Plastik di Ruang Legar AEON Mall. Dan kita mengagihkan beg-beg *biodegradable* yang boleh lupus kepada semua pengunjung yang hadir dan mendapat sambutan yang menggalakkan. Dan juga kita memberikan sijil apresiasi kepada stake holder ataupun pasaraya, kedai-kedai yang bersama-sama menjayakan kempen ini. Dan harapan saya kita dapat meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat kita supaya kita dapat mengurangkan penggunaan beg plastik yang mana akan menjadi bebanan kepada kita untuk kita wariskan dunia ini kepada generasi yang mana tidak dapat menggunakan muka bumi sepenuhnya untuk dimanfaatkan kehidupan harian mereka.

Dan kita juga dibawah dasar Kelantanku Bersih antara perancangan utama untuk kita mengurus alam sekitar dengan sistematik dan selain daripada kita berkempen, gotong-royong Kelantanku Bersih juga berkempen supaya rakyat dapat mengamalkan amalan kitar semula termasuk lah mengurangkan penggunaan beg plastik sekali guna. Terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Silakan Kota Lama.

**YB DR. HAFIDZAH BINTI HAJI MUSTAKIM :**

Terima kasih Dato' Speaker. Terima kasih kepada YB Exco atas usaha-usaha yang dijalankan sebelum ini untuk menuju Kelantanku Bersih. Soalan saya adalah apakah tindakan Kerajaan Negeri melalui setiap PBT dalam memastikan pengurusan sisa pepejal dipertingkatkan dan diperkemaskan di negeri kita. Ini termasuk lah adakah di sana perancangan untuk membekalkan tong-tong berbeza untuk pengasingan sampah di kawasan-kawasan pengumpulan sampah di PBT, contohnya di Kota Bharu dan juga di tempat-tempat awam.

Soalan kedua saya adalah apakah sebab utama yang menjadi punca kepada Kerajaan Negeri Kelantan menolak Perjanjian Pengurusan Sisa Pepejal yang ditawarkan dibawah Akta 672 Akta Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam oleh Persekutuan. Terima kasih.

**YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH:**

Terima kasih Kota Lama atas soalan. Kita Kelantan kita ada 12 PBT dan kita ada kerangka khusus untuk semua PBT dapat melaksanakan tugas masing-masing selaras dengan dasar Kelantanku Bersih. Dan bawah Kelantanku Bersih kita ada 5 dasar utama. Yang pertama, menerapkan amalan kebersihan demi mencapai matlamat Kelantanku Bersih iaitu kita kempen dah berterusan sejak sekian lama kita lancarkan Kelantanku Bersih pada tahun 2018. Manakala peringkat Persekutuan melancarkan dasar iaitu dasar Malaysia Bersih 2019. Setahun selepas pelancaran Kelantanku Bersih kita.

Yang kedua, meningkatkan tahap kebersihan dalam memelihara alam sekitar. Yang ketiga, memperkemas sistem pengurusan dan

penguatkuasaan bagi mengurangkan isu kebersihan. Dan tahun ini kita buat penguatkuasaan di semua PBT dan setelah mengarahkan semua PBT supaya mengenakan kompaun, RM1000 kompaun kepada mereka yang masih lagi degil membuang sampah merata-rata, gagal membuang sampah ke dalam tong yang kita sediakan dan juga membawa sampah di atas bonet kereta.

Dan ketiga... keempat, memperkasa kebajikan dan latihan bagi melahirkan modal insan berkualiti, efektif dan berkemahiran. Ini lah kita menurunkan ilmu-ilmu kitar semula bukan hanya kepada rakyat kita, kepada petugas-petugas kita. Dan kelima, mewujudkan ekonomi kitaran dan juga sisa sebagai sumber *waste to energy*, Program Trash to Cash dan juga macam-macam istilah digunakan untuk menjadikan buangan ini sebagai sumber pendapatan.

Dan berkenaan dengan Akta 672 Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam masih lagi ada 5 negeri yang masih lagi bersama-sama dengan kita tidak menerima pakai Akta 672 iaitu Kelantan, Terengganu, Pulau Pinang, Selangor dan juga Perak. Menteri KPKT juga orang Perak belum lagi menerima Akta 672 kerana dia ada pro and juga cons dia. Antara cons dia iaitu Seksyen 3 menyebut sekiranya kita menerima Akta 672, kita terpaksa berikan kuasa eksekutif kepada Persekutuan untuk menguruskan sisa pepejal di seluruh Kelantan. Dan pengalaman kita, kita bagi sajaha sekerumit kuasa kita kepada Persekutuan, kita tidak mendapat pulangan yang kita harap-harapkan.

Berlaku dalam Perjanjian Pembangunan Petroleum, kalau saya boleh sebut sedikit walaupun lari, kita sign perjanjian antara Kelantan Petronas sebagai operator. Balasannya kita akan diberikan 5% tunai. Siapa bagi ? Petronas akan bagi, bukan Pusat. Manakala Pusat sebagai broker... broker... Pusat ni broker. Sekiranya Pusat dapat gayo Kelate sign agreement, Petronas akan bagi kepada Pusat 5%. Tiada perjanjian antara Kelantan dengan Pusat... takde. Pusat pihak ketiga kepada perjanjian, kita dengan Petronas. Berlaku sekarang Petronas bayar kepada Pusat 10%. Pusat akan bagi kepada kita 5%. Kita sign dengan Petronas, Petronas tidak membayar kepada kita, kita saman Petronas.

Di pertengahan jalan Pusat masuk permohonan sebagai pencelah kerana Pusat tak terlibat antara kita dan juga Petronas. Berlaku sekarang semua royalti kita dibayar kepada broker, broker tak bayar balik pulangan kepada Kelantan. Sebab itu saya dilantik sebagai ADUN, kalau ikut pada

hansard Perbahasan saya pertama kita sign agreement. Dia ada 3 *pillars* dalam perjanjian, *offer*... Petronas *offer* kepada kita, kita terima *acceptance* dan juga *consideration*...

**YB TUAN MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM : (MENCELAH)**

Boleh minta izin sikit. Tadi Yang Berhormat Exco ada sebut pasal kita saman Akta Petroleum tadi... saman Petronas. Soalan saya, kita tarik balik tu bakpo Yang Berhormat ? Kenapa kita tidak teruskan saman itu ?

**YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH:**

Tidak jawab sini. Kita tarik balik kerana kita dijanjikan dengan bayaran, dikembalikan bayaran semasa Tun M menjadi Perdana Menteri Malaysia. Kita ada perbincangan, masa tu ada hubungan harmoni kerana kita prinsip sebagai reformis. Kita menjanjikan kepada rakyat kita akan hapuskan rasuah, kita akan memerintah negara secara semangat federalisma. ..... memerintah lantik Tun M sebagai Perdana Menteri dibuat hubungan yang baik di antara negeri dan juga Pusat. Ada perbincangan antaranya menyambung LPT 3 dan dijanjikan royalti 25% kepada semua negeri pengeluar minyak semasa itu... semasa itu tetapi tidak diberikan. Alhamdulillah Tun M kerana Menteri Kewangan menolak untuk menanda tangani wang ihsan kepada Kelantan. Sebelum Tun M meletak jawatan dia sign RM400 juta kepada Kelantan waktu tersebut. Kita tarik balik kerana ada perbincangan sekiranya tidak tarik balik tidak dapat buat bayaran kerana kes masih lagi *hanging* dan perbicaraan kita tarik kita dapat RM400 juta dan tidak dibayar 25% sebagaimana manifesto... manifesto dalam PRU ke-14.

**YB DR. HAFIDZAH BINTI HAJI MUSTAKIM : (MENCELAH)**

Mohon mencelah..

**YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH:**

Sila..

**YB PUAN DR. HAFIDZAH BINTI HAJI MUSTAKIM :**

YB Exco, saya nak minta jawab soalan saya yang asal. Adakah pihak PBT mahu menyediakan tong-tong berbeza di kawasan pelupusan sampah ni ? Nok tanya hok tu asal... dengan juga di tempat awam.

**YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :**

Tong ni benda-benda harian lah. Runcit... runcit, buat make-make nasi air. Kita bercakap sebagai dasar Kerajaan, tong ni kita oleh beli lah.

**YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :**

Kota Lama panas lingo ko ?

**YB DR. HAFIDZAH BINTI HAJI MUSTAKIM :**

Dok.. kita tanya soalan. Hok ni Kota Lama dia perlu tong tu di tempat-tempat berbeza.

**YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :**

Tong ni dia ada warna merah, ada warna biru, ada warna koko.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Bagi peluang Exco jawab, Kota Lama.

**YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :**

Okay balik kepada 672. Saya nak berhenti sebab sebut kuasa eksekutif kita kena serah kepada Pusat. Pengalaman kita Petronas tak bayar. Kita buat migrasi air, kita sign migrasi air dengan harapan Pusat dapat membantu kita membekalkan air bersih ke seluruh Kelantan. Tapi berlaku… tapi gak tidak sebagaimana yang kita harap-harapkan. Yang ini lah kita walau kita masih lagi mengkaji sebagai sebuah negeri yang mana tidak berikan peruntukan yang sepatutnya menyebabkan segala perancangan kita terbantut. Dan kita tahun depan sebagaimana tahu kita ada skim saraan yang baru SSPA dengan kos operasi di tapak pelupusan yang meningkat dengan kenaikan harga diesel semua PBT

akan menghadapi masalah untuk menguruskan sisa pepejal di kawasan operasi masing-masing.

Dan saya semasa mesyuarat dengan YB Menteri, saya memohon supaya YB Menteri menimbang untuk memberikan geran bantuan kepada negeri-negeri yang lagi masih belum menerima Akta 672. Jawapan Menteri semua negeri hendak lah menghantar nota hasrat untuk perundingan. Dan kita pihak negeri masih lagi belum membuat keputusan untuk menghantar nota hasrat. Dan In Shaa Allah kita akan bincang semula dengan kekangan kewangan yang akan dihadapi oleh 12 PBT dan kita negeri tidak mampu untuk membantu 12 PBT dalam masa serentak kerana kekurangan sumber kewangan kita. 672 kita kiv dulu, kita akan bincang dengan Pusat selepas ini, In Shaa Allah. Terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Silakan Chempaka.

**YB TUAN HAJI NIK BAHARUM BIN NIK ABDULLAH :**

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pohon untuk dapatkan jawapan saya bagi soalan nombor 6.

Soalan 6 :

*Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, bilangan semasa pemegang Kad Nelayan serta bilangan vessel berdaftar bagi Daerah Kota Bharu. Adakah lesen vessel tersebut membolehkan mereka membawa pelancong ke pulau-pulau berdekatan?*

**YB DATO' HAJI TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :**

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Terima kasih Chempaka. Berdasarkan Jabatan Perikanan Negeri Kelantan sehingga Oktober 2024,

bilangan bagi pemegang Kad Nelayan untuk Daerah Kota Bharu adalah sebanyak 780 orang. Manakala bilangan vesel aktif yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan Negeri Kelantan adalah sebanyak 316 buah. Pecahan bagi 316 buah vesel yang berdaftar merupakan 74 buah vesel enjin dalam manakala 242 buah merupakan vesel sampan. Di bawah Akta Perikanan 1985, Peraturan 18 di bawah Peraturan-Peraturan Perikanan (Kelautan) Pelesenan Vesel Penangkapan Ikan Tempatan 1985 tiada vesel penangkapan ikan berlesen boleh membawa penumpang atau kargo kecuali dengan kelulusan Pengarah Jabatan Laut Malaysia (JLM).

Antara syarat utama yang perlu dipenuhi oleh pemilik bot ialah membawa Personal Locater Beacon (PLB), memiliki perakuan kecekapan (COC) dan perlindungan insuran. Dimana kita akan menjaga keselamatan para penumpang sebagai keutamaan. Sekian terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Silakan Chempaka soalan tambahan.

**YB TUAN HAJI NIK BAHARUM BIN NIK ABDULLAH :**

Terima kasih Dato' Speaker. Berdasarkan kepada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Exco sebentar tadi berkait dengan nelayan di Kota Bharu, saya nak ambil kira saya nak kecil sikit iaitu ke Kampung Pantai Sabak mengambil kira yang terletak lebih kurang 15 minit sahaja dari Airport Pengkalan Chepa berbanding dengan jarak ke Kuala Besut lebih kurang dalam sejam. Jadinya saya telah berjumpa dengan beberapa nelayan di sana termasuk dengan Persatuan Nelayan nya, mereka menyatakan minat hasrat untuk bawa pelancong ke pulau-pulau berdekatan itu. Jadi saya nak bertanya bagaimana apa ni adakah jabatan nya ataupun pihak Kerajaan lah boleh membantu penduduk dan nelayan di Kampung Pantai Sabak tersebut untuk membangunkan agro pelancongan khususnya di perkampungan tersebut. Sekian terima kasih.

**YB DATO' HAJI TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :**

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih soalan tambahan daripada Chempaka. Memang Sabak merupakan sebuah mukim dalam di Daerah Sering Kota Bharu Kelantan, merupakan sebuah pantai yang terletak 18 kilometer dari Kota Bharu. Pantai Sabak ini dia terkenal dengan kegiatan

perikanan secara tradisional. Nelayan di sini masa dahulu ke laut menaiki bot-bot kecil menggunakan enjin berkuasa rendah. Uniknya nelayan di Pantai Sabak ini berbanding nelayan di tempat lain mereka mewarnakan, mengecat vesel mereka dengan ukiran menarik yang dikenali sebagai vesel jenis koleksi tradisi. Pada masa ini, Kampung Sabak telah terkenal dengan daya keunikannya yang tersendiri. Terdapat restoran makanan laut, keunikan vesel jenis koleksi tradisi Masjid Ar-Rahman yang meningkatkan daya tarikan para pelancong dari luar dan dalam negara.

Dibawah Jabatan Perikanan, terdapat myKomuniti Perikanan (myKP) Sabak berdaftar itu seramai 96 orang yang menjalankan aktiviti pembuatan bubu, perikanan rekreasi yang dilaksanakan pada awal tahun itu pada bulan Mac hingga Oktober. Jabatan Perikanan Malaysia hanya melesenkan vesel dan peralatan menangkap ikan dibawah Akta Perikanan 1985, mana-mana vesel yang membawa penumpang hendak lah berdaftar dan mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan dibawah Jabatan Laut Malaysia yang saya sebutkan tadi ada 3 syarat utama. Sekian terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Silakan Manek Urai.

**YB TUAN HAJI MOHD FAUZI BIN ABDULLAH :**

Terima kasih Dato' Speaker. Apakah syarat-syarat bagi membolehkan nelayan darat… membolehkan mereka layak menerima bantuan daripada pihak Kerajaan? Terima kasih.

**YB DATO' HAJI TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :**

Terima kasih soalan tambahan daripada Manek Urai. Yang Behormat Dato' Speaker, soalan tadi berkaitan dengan nelayan persisiran pantai atau laut tetapi tidak ada masalah lah berkaitan dengan nelayan juga. Jadi kita Kerajaan Negeri Kelantan tidak meminggirkan nelayan darat ni, nelayan yang menangkap ikan dari sungai ataupun kawasan-kawasan tasik dimana mereka boleh memohon bantuan daripada Jabatan Perikanan Negeri Kelantan dibawah Bajet Pembangunan Nelayan Darat dan juga dibawah portfolio saya pun ada. Yang biasa kita bagi melalui Pusat Khidmat DUN, mana-mana DUN yang ada nelayan darat yang

berdaftar dengan Jabatan Perikanan boleh memohon sekurang-kurangnya RM10,000 setahun di setiap DUN. Mereka boleh membeli peralatan-peralatan atau input perikanan seperti untuk pukat, kail dan juga apa ni makanan ikan dan sebagainya… pelek. In Shaa Allah sekiranya pihak nelayan darat ni memohon In Shaa Allah kita akan uruskan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan seperti nelayan darat ni mereka sekurang-kurangnya 5 hari seminggu turun ke sungai dan mereka sebahagian daripada hasil tangkapan mereka dapat dijual. Bukan hanya untuk makan keluarga, mereka memperolehi sedikit sumber ekonomi hasil daripada tangkapan mereka menerusi pukat, menjala, bubu dan sebagainya. Sekian terima kasih.

**YB DATO' TIMABALAN SPEAKER :**

Silakan Bunut Payong.

**YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN :**

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan bagi soalan saya nombor 7.

Soalan 7 :

*Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, sejauhmana kejayaan TMK 24 dari sudut kehadiran pelancong dalam dan luar negeri serta kesan dari sudut ekonomi peniaga tempatan ?*

**YB DATUK KAMARUDDIN BIN MD NOR :**

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Bunut Payong yang ingin mengetahui mengenai kejayaan Tahun Melawat Kelantan dari sudut kehadiran pelancong dan juga dari sudut kesan ekonomi peniaga-peniaga tempatan. Kehadiran pelancong seperti yang telah dibangkitkan dalam soalan pada hari-hari sebelum ini tidak dapat kita beri angka rasmi lagi oleh kerana tahun pun belum habis lagi. Dan lazimnya yang memberi angka rasmi ini ialah Jabatan Statistik Negara, yang biasanya samada suku pertama ataupun suku kedua setiap tahun ia akan keluarkan statistik berkenaan dengan kehadiran pelancong.

Namun begitu, kita dapat merasakan bahawa kehadiran pelancong ke Kelate ni meningkat dengan menggunakan beberapa angka tunjuk selain daripada yang telah kita sebut daripada pintu masuk dan juga Lapangan Terbang Pengkalan Chepa dan bas... jumlah bas yang masuk ke Kelantan. Kita juga boleh gunakan beberapa sumber lain seperti hotel. Mengikut maklumat yang kita perolehi daripada hotel, daripada Persatuan MAH Malaysian Association of Hotels Cawangan Kelantan, dia merekodkan 75% *occupancy*, itu sangat baik. 75% ni sejak bulan September ye. Mengikut mereka hanya diperlukan 45% *occupancy* sahaja untuk break even maknanya untuk kelik modal tu 45%. Dia ada rekod 75% tu dah ada lah, margin tu keuntungan dia.

Ini sudah pasti memberi gambaran bahawa pelancong sudah bertambah ramai masuk. Itu menginap di hotel, tak masuk lagi yang menginap samada homestay ataupun menginap desa dan lain-lain. Yang angkanya kita tak dapat, pasal mereka tak ada persatuan. Jadi masalah lah kita nak kutip sore-sore ni. Minta maaf banyok lah Yang Berhormat Bunut Payong.

Kemudian, dari segi *travel agent* kita ada 55 travel agent di Kelate ni. Daripada 55 *travel agent*, sebelum ini hanya 5 sahaja yang membuat inbound, maknanya yang menguruskan pelancong daripada luar masuk ke Kelate, hanya 5.. 50 lagi tu semuanya outbound, maknanya mengurus pelancong Kelate nok gi buat Umrah ko nok gi Ho Chi Minh City ko Bangkok ke mana-mana lah Jakarta, Bandung macam-macam. Tapi sekarang ini sudah bertambah menjadi 12, maknanya *travel agent* dulunya buat *outbound*, kini juga buat *inbound*. So ini memberi gambaran bahawa ada *demand*, bila ada *demand*, ada *supply*.

Dan begitu juga dengan pasar-pasar mencatatkan jumlah pengunjung yang lebih ramai pada tahun ini daripada sebelumnya. Namun begitu, ada juga lah 1-2 tempat, kade-kade *timing* tok betul. Misalnya saya ada tengok ada dorang *post* video mengenai Pasar Siti Khadijah napok lengang saje, jadi terkejut juga saya. Pergi lah... saya pergi tengok, rupanya time, kalu pergi alik pete pukul 4 pukul 5 meme lah takdok doh ore nyo. Acu gi alik pagi, gi alik pagi sebelum pukul 12 tengahari... hoo pack nok masuk pun payoh. So timing tu pun penting.

Demikian juga dengan sahabat saya daripada Gual Periok punya *concern*, Rantau Panjang Alhamdulillah saya salute dia punya *concern* pasal

Rantau Panjang ini. Cuma Rantau Panjang ni panjang cerita sikit lah tapi ada juga time dia. Ada masa-masa ore tok pergi kerana ore tengok belah alik sana tu mendapat barang yang sama kenapa dia pergi Rantau Panjang dia boleh gi alik sana boleh muroh lagi. So itu di antara angka petunjuk berkenai dengan kehadiran. Rasanya.. cuma angka betul nya kita tunggu tahun depan lah.

Yang keduanya mengenai dengan kesan daripada sudut ekonomi. Ini pun satu hal yang kita belum dapat daripada peruncit dan juga daripada peniaga. Tabiat kita ore Kelate ni, kalu kita tanya dia kata boleh laa... dia takdok oyak tok berani nok oyak hok betul. Dio duk oyak boleh laa. Maknanya bo bo hidup lah. Jadi itu masalah... tapi kalu kito tengok misalnya, contoh ye di kawasan Pasar Siti Khadijah awal bulan je penuh di kedai emas dale pasar. Saya tok tahu ore jual emas dale Pasar Siti Khadijah, saya ingat ore jual ikan, jual sayur, jual bare-bare kering saje. Jadi apabila tengok gi hendap tengok dekat ore jual emas, ada berpuluh-puluh kedai. Dan dia orang mace beli bare jualan muroh, beratur nok beli emas... Alhamdulillah. Ini apa namanya stail kita lah. Tapi emas tu Kelate ni memang terkenal. Ore luar pun mari Kelate ni antara lainnya nak beli emas Kelate. Kalu Bunut Payong tanya banyok mano dio dapat, hok tu memang susah lah. Kalu tanya dio pun, dio tok oyak.

Kemudian... satu lagi.. ini satu yang saya rasa wajar dirakam di dalam Dewan ini kita menganjurkan, TIC menganjurkan satu program yang kita panggil Kelantan Arts and Culture Festival dan juga bersama dengannya ialah Expo Keris Tradisional sempena dengan Pelancaran Keris Tok Chu. Ini kalu tertanya-tanya Keris Tok Chu gapo benda tu, ambo minta maaf nok rujuk kepada pakar dia Yang Berhormat Dato' Mejar, dia boleh oyak sedikit sebanyak.

Pada hari itu, tempatnya adalah di Padang Merdeka... Padang Bank dan juga di Dataran Rehal dan keris ialah di dalam Istana Balai Besar. Dan ini suatu yang sebelumnya tak pernah berlaku, maka dalam hal ini wajar lah Dewan khususnya saya sendiri merakamkan setinggi-tinggi penghargaan Junjung Kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V yang membenarkan ketiga-tiga premis, tempat ini digunakan untuk tujuan ini. Kali pertama dalam sejarah. Alhamdulillah ini menunjukkan bahawa Kebawah Duli Tuanku dan juga Kerabat D' Raja sangat mengambil berat terhadap usaha membawa pelancong masuk ke Kelate ni. Jadi kita wajar mengucapkan junjungan penghargaan dan junjungan kasih yang setinggi-tingginya kepada Kebawah Duli.

Dan Pesta Keris ni telah mencatat lebih daripada 35 000 orang pengunjung. Mula-mula itu ada nombor, setiap kali masuk dia bagi nombor, kita nak rekod berapa ramai. 2 minggu apa punya pameran. Minggu pertama sudah habis nombor dah. Jadi tok tahu 35,000 ore tu sudah habis nombor, lepas pada tu ada lagi ore mari, itu sebabnya lebih daripada 35,000 orang... Alhamdulillah. Jumlah banyak mana hasilnya mace di Padang Merdeka, pengusaha makanan dan minuman telah merekodkan dalam tempoh 2 minggu hasilnya ialah RM1.5 juta. Pasal ini bawah kita kawalan kita so kita pastikan dia rekod berapa income dia. So itu lah RM1.5 bilion dalam tempoh 2 minggu. Terima kasih Yang Berhormat Dato'.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Soalan tambahan Bunut Payong.

**YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN :**

Teriam kasih di atas jawapan yang telah diberikan tadi daripada pihak Kerajaan. Cuma kita lihat secara keseluruhan Tahun Melawat Kelantan ini mengikut laporan telah dapat menarik ramai pelancong untuk datang ke Kelantan. Tetapi dalam masa yang sama kita mendapat berita bahawa di Rantau Panjang berlaku kemerosotan kehadiran pelancong sehingga menyebabkan berlaku peniaga hampir gulung tikar dan sebagainya. Dan juga berlaku dalam kawasan saya di Wakaf Che Yeh, memang ketara sekarang ini peniaga semakin berkurang kehadiran orang ramai pembeli terutama sekali pelancong juga semakin berkurang. Jadi soalan saya apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memastikan pusat-pusat membeli belah yang sebelum ini menjadi tarikan kepada pelancong supaya dapat pelancong datang semula ke tempat-tempat yang disebutkan tadi. Sekian terima kasih.

**YB DATUK KAMARUDDIN BIN MD NOR :**

Terima kasih Yang Berhormat Bunut Payong atas soalan tambahan. Soalan Rantau Panjang ni memang bukan sahaja Gual Periok bermasalah, saya pun bermasalah juga nak jawab. Tapi kalau kita tengok beberapa video yang dipos dalam media sosial terutamanya Senok Perut. Dia baru ni dia buat kunjungan ke Rantau Panjang pasal dia dengar mace YB Bunut Payong oyak lah. Dio gi dio interview ore tu ore ni dio ikut ado camera man dio ikut dan dia punya komen "oh jual supo

dengan hok tu jugok ko, hok ni jual supo mokcik tu jugok". Ertinya boleh dikatakan keseluruhan pasar yang di dalam kawasan bebas cukai tu jual benda yang sama, lebih kurang.

Jadi ini di antara masalah jugok lah. Kalu ore tu doh gi dio beli doh kedai ni, dio nok gi kedai lain benda yang sama jugok. Jadi itu sebabnya setengah-setengah kedai mencatatkan jualan yang baik, ada sesetengah kedai kade-kade baru sore gori hari ni. Nok wat guano mugo ore tu beli doh tempat lain benda yang sama. So ini ada kaitan lah dengan nanti boleh jadi kita bice dengan Exco Kerajaan Tempatan untuk mencadangkan supaya PBT membuat satu macam peraturan supaya jange semua ore jual benda yang sama untuk satu tempat tu.

Hok Wakaf Che Yeh ni lebih kure jugok sebenarnya. Cumanya boleh lah kita TIC nanti bantu mengatur beberapa aktiviti untuk menarik pengunjung datang. Ini mudah-mudahan apabila ramai orang datang peniaga dan pengusaha tempatan akan dapat manfaat. Terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Saya silakan Salor.

**YB TUAN SAIZOL BIN ISMAIL :**

Terima kasih Dato' Speaker. Terima kasih juga kepada YB Exco atas penjelasan tadi. Cuma saya rasa dan kita sendiri sedia maklum bahawa antara tarikan bila pelancong luar datang ke Kelate ni sendiri antara produk yang dicari produk IKS. Gi ke Pasar Siti Khadijah tok tahu lah pahni emas sendiri pun jadi produk pilihan juga tok tahu lah. Cuma kalu kita ambik pengalaman daripada pelancong-pelancong luar ataupun kita tengok di negeri jiran sebagai contoh. Bila kita pergi ke Terengganu sebagai contoh kita boleh tengok antara produk yang diletak dalam hotel dia antara snek lah. Kalau kita pergi hotel kebanyakan hotel sama je, kopi hok tu lah, snek pun sama. Tapi saya tengok antaranya di negeri jiran kita di Terengganu dia letak kerepek, dia letak sampel dodol. Walaupun kita sebut ini mungkin disebabkan oleh hotel milik Kerajaan Negeri.

Cuma ini inisiatif untuk mereka kembangkan produk IKS dihubung kaitkan sekali dengan pelancongan sendiri. Cuma pertanyaan saya apakah bentuk pendekatan kita sendiri untuk kita beri kesan yang lebih

beri impak yang lebih positif kepada para peniaga usahawan IKS kita. Langkah-langkah yang kita ambil mempromosikan dan beri kesan yang lebih lah kepada para usahawan kita sendiri lah. Terima kasih.

**YB DATUK KAMARUDDIN BIN MD NOR :**

Terima kasih YB atas saranan. Cumanya ada mungkin sedikit masalah di pihak hotel. Kita telah mengadakan perbincangan serius dengan hotel, ini pada awal tahun ini dengan tujuan untuk mereka memberi diskaun yang tinggi kepada pengunjung untuk tahun ini sempena Tahun Melawat Kelantan. So mereka dah setuju untuk bagi diskaun sepertimana yang biasa atas *over and top* diskaun yang biasa dia bagi *published rate* dia lain kemudian dia bagi diskaun kemudian kita minta lagi *another level of discoun*t and *we agree* dengan izin dan dia orang setuju *another* 20%. Jadi *mostly* dapat *next*nya 30 atau 35% diskaun daripada *published rate* dia.

And then kalau kita nak minta lagi supaya dia bubuh akok ko nekbat ko gapo ko dale bilik apo namanya mace-mace buleh… kita buleh mitok takdok masalah. But then kita susah lah nok paksa dia kea dok. But then saranan itu bagus saya rasa kita boleh continue bincang lagi dengan ambil cadangan daripada YB Salor tadi. Sekian terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Kita teruskan dengan Chetok.

**YB TUAN ZURAIDIN BIN ABDULLAH :**

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, mohon jawapan soalan saya nombor 8.

Soalan 8 :

*Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan apakah langkah-langkah yang telah di ambil oleh Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) bagi mengurangkan kadar Air Tidak Berhasil (NRW) ?*

**YB DATO' DR HAJI IZANI BIN HUSIN :**

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Chetok. NRW ni dipanggil Air Yang Tidak Berhasil dan NRW kita di Kelantan ini agak tinggi berbanding dengan negeri-negeri lain. Kita ada 4-5 negeri yang serupa dengan kita dan ada yang lebih baik daripada kita. Dan NRW ni punca dianya nombor satunya fizikal dan juga komersil kalu kita kata kebocoran fizikal dan juga kebocoran komersil. Kita semua maklum bahawa paip kita ni simen asbestos kita ni usianya lebih 40 tahun. Jadi dengan lebih 40 tahun tu, nombor satu dia buruk, lembut, mudoh pecoh. Yang kedua, dia sumbat. Jadi semua ini menjejaskan capaian air kepada pengguna.

Yang kedua, selain daripada buruk, meternya rosak gapo semo sekali tu, ado jugok komersil. Komersil ni ialah kecurian-kecurian air yang itu juga kita dikirakan NRW. Begitu juga air-air yang kita *subsidized* dan sebagainya itu juga dipanggil NRW. Jadi untuk mengatasi itu bila kita diagnose lagutu maka *treatment*nya *according* ni lah dengan izin. Makna treatment dia ialah kena tukar paip. Tu je lah. Nak tukar paip ni perlu kepada bajet dana yang agak besar untuk menyelesaikan. Dan kita ni paip-paip yang uzur yang telah dikesan adalah sepanjang 4000 kilometer lebih. Dan setakat ini kita berjaya tukar hanya… kita masih berbaki 3600 kilometer lagi. Jadi proses ni lambat, sebabnya dale setahun tu kita boleh tukar dale lebih kure 100 kilometer 80 kilometer setahun sahaja.

Jadi proses ni lama dan dianya perlu kepada antara hubungan seperti saya sebut tadi lah proses migrasi air ini semuanya kuasa-kuasa tu duduk pada simpanan AKSB. Jadi kita merangka program bersetuju dan seterusnya proses begitu lah lebih kure deh. Terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Silakan Chetok.

**YB TUAN ZURAIDIN BIN ABDULLAH :**

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Exco di atas jawapan soalan saya. Baru-baru ini ada kenyataan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri II yang telah membuat pengumuman untuk memberi geran kepada beberapa negeri yang terlibat lebih kurang

sebanyak RM2.5 bilion untuk mengatasi NRW. Jadi soalan saya adakah kita telah menerima geran tersebut untuk kita membaiki sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Exco tadi NRW kita. Sekian terima kasih.

**YB DATO' DR HAJI IZANI BIN HUSIN :**

Terima kasih Chetok. Apa tu betul seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Chetok bahawa ada pengumuman dibuat untuk peruntukan lebih kurang RM2.525 bilion yang diumumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru-baru ni. Namun dia masih belum ada apa-apa keputusan ataupun surat-surat menandakan bahawa duit tu masuk dok lagi. Ini program ini adalah dipanggil program NRW Nasional Pendekatan 1 dan In Shaa Allah dia akan mesyuaratnya perancangan pelaksanaan 16hb Disember ni mesyuarat untuk RM2.2 bilion ni, jadi dok gi lagi. Dan RM2.2 bilion ni bukan untuk Kelate sajo, untuk beberapa negeri dimana yang NRW nya lebih 40%.

Dia ada hok lebih 40% dan dibawah 40% jadi gak apa tu dia punya apa tu bank itu dianya jadi gapo dio nok oyak takdok bahasa pulok doh. Jadi hok lebih 40% ini di bawah program hok ni tetapi belum difinalize lagi. Harap-harap nya jadi kenyataan dan In Shaa Allah dia boleh membantu mengatasi pertukaran-pertukaran itu. Apa pun yang disebabkan oleh komersil kecurian itu kalu temu gak kita igak saman, kalu dok temu takdok aroh. Lagu tu lah proses-proses kita laksanakan. Terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Okay silakan Pulai Chondong.

**YB TUAN AZHAR BIN SALLEH :**

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan saya bagaimana Kerajaan Negeri memastikan Program Kesedaran Pengguna yang dijalankan oleh AKSB berkaitan dengan mendidik rakyat mengenai kepentingan melaporkan kebocoran dan menggunakan air dengan bijak. Adakah terdapat peningkatan dalam bilangan aduan kebocoran yang

diterima oleh AKSB sebagai tanda rakyat telah memainkan peranan bagi memastikan tidak berlaku perkara yang berkaitan. Sekian terima kasih.

**YB DATO' DR HAJI IZANI BIN HUSIN :**

Okay mengenai… terima kasih Pulai Chondong. Mengenai mendeteksi tempat-tempat bocor ni, pertama melalui pembaca-pembaca meter kita. Kedua, satu pasukan pengendali dengan alatnya kita beli untuk mengesan tempat-tempat bocor. Dan yang ketiganya, aduan… aduan ni Alhamdulillah akhir mutakhir ni kalau kita tengok aduan-aduan itu semakin berkurangan, terima kasih lah. Apa pun yang penting ialah tempoh aduan dan tempoh pambaikian itu yang penting kerana kalau aduan itu sampai tempoh pembaikiannya lambat maka *pressure* dalam paip itu akan berkurangan maka air itu juga akan lambat sampai kepada pengguna.

Jadi hok ni ni sebelum pada ni kita gunakan pasukan dalaman tokdea dengan pasukan AKSB untuk baiki paip ni tokdea nok oyak banyok hok punoh tu lagu tuh, dek neh. Jadi kita swastakan *outsourcing*kan kepada ni untuk mengatasi kebocoran yang berlaku. Apa pun mengenai kesedaran tu kena buat semula hok tu. Kita mengaku secara langsung atau secara purposely nya takdok pendidikan itu… takdok program tu. Cadangan-cadangan itu boleh dikira In Shaa Allah. Terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Silakan Galas.

**YB TUAN MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :**

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan kepada soalan saya nombor 9.

Soalan 9 :

*Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah perkembangan pembinaan terminal dan fasiliti pengangkutan awam Kelantan ?*

**YB MEJAR (B) DATO' HAJI MD ANIZAM BIN AB RAHMAN :**

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Terima kasih kepada Galas. Kerajaan Negeri telah meluluskan projek ini secara penswastaan yang akan dilaksanakan kerjasama antara Syarikat Perak Transit Berhad dengan CCCC Sdn Bhd. Manakala fasiliti sementara pengangkutan awam di Lembah Sireh diteruskan dengan sudah pun ada pembaikan dan kemudahan yang lebih baik sekarang sementara siap di Tunjung.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Silakan soalan tambahan.

**YB TUAN MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :**

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Exco atas jawapan yang diberikan sebentar tadi. Saya nak tanya berkenaan dengan Mutiara Rentas Desa (MRD) yang juga menyediakan bas henti henti di Kelantan, ianya juga antara bas yang digunakan menggantikan bas mini kita dulu. Soalan tambahan saya ialah berkenaan dengan pondok menunggu bas, sebenarnya sepatutnya di PBT ni cuma dalam pengetahuan Yang Berhormat Exco pondok menunggu bas untuk orang awam ini adakah disediakan? Ada dalam senarai ke? Dan PBT adakah mengadakan penyelenggaraan serta wujudkah oleh kerana Yang Berhormat juga berada di bawah Exco Pelaburan, wujudkah Program CSR bersama dengan syarikat-syarikat yang melabur di Negeri Kelantan untuk mewujudkan fasiliti-fasiliti awam ini ? Terima kasih.

**YB MEJAR (B) DATO' HAJI MD ANIZAM BIN AB RAHMAN :**

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih soalan yang baik tambahan daripada Galas. Memang daripada infastruktur PBT bawah Kerajaan Tempatan menjadi hasrat kita bila pelabur-pelabur datang ke Kelantan kita boleh bincang dengan satu CSR untuk kemudahan awam In Shaa Allah. Dan saya… dalam portfolio saya pun kita ada sedikit kepala untuk mengadakan perbincangan dan melaksanakan dengan pihak PBT In Shaa Allah.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Silakan Pantai Irama.

**YB TUAN HAJI MOHD HUZAIMY BIN CHE HUSIN :**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Soalan saya nya apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memastikan penyelasaran antara Terminal KB Sentral dan ECRL?

**YB MEJAR (B) DATO' HAJI MD ANIZAM BIN AB RAHMAN :**

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada soalan Pantai Irama tambahan. Memang perbincangan dengan pihak CCCC yang membina ECRL kita telah berbincang dan bagaimana yang terbaik supaya terminal disiap nanti ada kalau kita bayangkan di KL Sentral ye KL Sentral. Oleh kerana yang dibina tapak itu berdekatan dengan ECRL dan kita berharap siapnya terminal kita mengharapkan ianya menjadikan satu pemangkin kepada terminal ini dan kepada feeder-feeder bas yang berada di Tunjung akan lebih baik. Dan itu lah hasrat kita bersama dengan ECRL. Terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Silakan Pulai Chondong.

**YB TUAN AZHAR BIN SALLEH :**

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Daun selasih daun buluh,
Pohon jawapan saya nombor 10.

Soalan 10 :

*Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan bagi meningkatkan lagi sektor pelaburan di negeri Kelantan dan berapakah jumlah pelaburan yang dicapai pada tahun 2023-2024 ?*

**YB MEJAR (B) DATO' HAJI MD ANIZAM BIN AB RAHMAN :**

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Pulai Chondong. Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan sesi dialog dengan pihak-pihak komuniti pelabur bagi mendapatkan input maklum balas serta idea memantapkan lagi pengurusan pelaburan di Negeri Kelantan. Begitu juga pertemuan dengan pihak Kerajaan dengan agensi-agensi teknikal adalah bagi membincangkan tentang isu-isu dan idea dibangkitkan oleh komuniti pelabur berkenaan bagi memastikan tindakan penyelesaian dapat dilakukan dengan kadar segera. Kita telah adakan di Kota Bharu pada bulan Mac tempoh hari. Begitu juga mengadakan lawatan penanda aras kepada syarikat atau kilang yang terdapat di Kelantan.

Dan kita telah pun mengadakan Invest Kelantan Forum atau Expo iaitu kita namakan INFEX 2024 baru-baru ini. Dan juga akan menyertai pada bulan Disember nanti MASTEX 2024 di Kuala Lumpur bersama dengan Dewan Perdagangan Industri Asean iaitu Malaysian-Asean International Trade Expo dijangka pada 17 hingga 19 Disember yang melibatkan negara-negara luar. Setakat ini lebih kurang 300 pempamer dan 100 lebih pelabur daripada luar negara dan dalam negeri akan berada di tempat itu dan kita mengambil peluang ini ialah satu langkah-langkah yang kita lakukan. Terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Silakan soalan tambahan.

**YB TUAN AZHAR BIN SALLEH :**

Soalan tambahan saya Yang Berhormat Dato' Speaker, adakah pada masa sekarang halangan-halangan daripada pihak Kerajaan Pusat dari segi promosi pelaburan ke Negeri Kelantan kerana kita nak lawan Pusat kita tak mampu. PMX kita dia harini dia berada di Seoul, Korea Selatan dan di merata tempat lah. Yang kedua, apakah jenis pelaburan yang menjadi keutamaan Kerajaan pada masa yang akan datang ? Sekian terima kasih.

**YB MEJAR (B) DATO' HAJI MD ANIZAM BIN AB RAHMAN :**

Terima kasih kepada Pulai Chondong. Yang Berhormat Dato' Speaker, pada pelaburan yang dicapai pada 2023-2024 pada segmen kedua pertanyaan tadi kita tidak ada masalah dengan Pusat dari segi promosi. *If you cannot fight them, you join them.* Jadi kita sama-sama dengan MIDA, dengan MATRADE dan sebagainya. Kita sentiasa bersama kerana Malaysia ini 14 buah negeri, jadi Kelantan ni adalah bapak kita anak-anak ni kena ikut lah bapak kan? Jadi macam tu…

Jadi kita tidak ada konfrontasi dalam hal ini ye. Dan kita bekerjasama. Cuma soalan yang kedua part kedua tadi berkenaan dengan 5 projek yang ada di Kelantan pada 2023, Projek Pembangunan Usahasama Bandar Baru Pasir Pekan. 2023, Pangsapuri Pembangunan Pangsapuri Mampu Milik di atas sebahagian lot di Mukim Padang Garong, Daerah Panji. 2024, Pembangunan Uptown Wakaf Bharu dan Cadangan Projek Permohonan Bangunan Bercampur di atas tanah seluas 20 hektar di Mukim Parit, Daerah Limbat Kota Bharu. 2024, Projek Pembangunan Bercampur. 2024, Kuari Batu Kapur di Geran di Nenggiri bersama dengan Syarikat Kelstone. Semua berjumlah RM696 396 525. Itu senarai pelaburan yang ada 2023 dan 2024. Terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Silakan Jelawat.

**YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :**

Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Yang Berhormat Dato' Exco… tadi jawapan Yang Berhormat berhubung dengan pelaburan dalam negeri. Jadi soalan saya berkenaan pelaburan luar negeri, apakah langkah-langkah, tindakan ataupun perancangan yang telah dirancang untuk dilaksanakan untuk menarik pelaburan luar negara ke Negeri Kelantan ini. Itu saje… terima kasih.

**YB MEJAR (B) DATO' HAJI MD ANIZAM BIN AB RAHMAN :**

Yang Berhormat Dato' Speaker, baru-baru ini kita telah menghadiri satu promosi di Bangkok yang diketuai oleh Yang Berhormat Timbalan Exco iaitu Yang Berhormat di sebelah pada Yang Berhormat Jelawat iaitu Pengkalan Pasir yang telah menyertai di Bangkok itu adalah antaranya

kita untuk menarik **(AUDIO TIDAK BERFUNGSI)** dengan berjumpa dengan Dewan Perdagangan Malaysia-Thailand Chamber of Commerce, Charon Pok Pan Group, Beef Master company produk makanan, rangkaian restoran halal dan Saiyem Simen Group. Dan juga kita berbincang dengan MATRADE dan juga MIDA masa ke semasa untuk mengenalpasti apakah pelaburan-pelaburan yang terbaik atau menjadi keutamaan di Negeri Kelantan.

Contoh kita ada halal pub yang sudah sedia ada di Rantau Panjang iaitu *plug and play* sahaja, infra sudah cukup, semua sudah ada. Yang terbaru Perodua sedang mengadakan tempat jualan dan services sedia di sana sedang dalam pembinaan. Dan begitu juga kita ada industri Tapak Industri Tok Bali 200 ekar sedang dilaksanakan infranya. Jadi perkara-perkara ini kita akan war-warkan kepada luar negara supaya ianya dapat menarik pelabur-pelabur ke Negeri Kelantan pada masa akan datang iaitu pada tahun 2025, 2026 dan 2027. Apabila siap ECRL nanti, kemudahan infrastruktur akan lebih baik, kita ada supply base walaupun kita tiada *general cargo boat*, kita ada ECRL, pengangkutan yang baik selepas ini. Dan kita harap rangkaian jalan raya kita ini, lebuh raya *they only said* negeri yang tidak ada rangkaian lebuh raya ialah Kelantan. Kita nak buat macam mana ? Kalau kita kata apa pun itu lah benda yang berlaku. Jadi… haa kuasa lah punca kuasa. Jadi kita tak perlu menangis dan tak perlu terkenang lah masa yang lalu. Kalau kita terkenang masa yang lalu maka merana lah badan kita.

والله أعلم

السلام عليكم

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Terima kasih Yang Berhormat Exco. Saya berhasrat untuk menangguhkan Sidang Dewan kita pada pagi ini. Dewan akan bersambung semula pada jam 11.05 pagi.

**PERSIDANGAN DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 10.35 PAGI DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 11.05 PAGI.**

**PERSIDANGAN DEWAN DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 11.05 PAGI**

**YB DATO' SPEAKER :**

Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan Dewan disambung semula. Saya minta pihak Kerajaan untuk membuat penggulungan. Sebelum daripada itu saya minta kerjasama daripada semua Ahli-Ahli untuk tidak membuat sebarang pencelahan dan juga penjelasan daripada pihak Kerajaan sewaktu penggulungan ini. Terima kasih.

Sape nak gulung dulu… Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian&Warisan.

**YB DATUK KAMARUDIN BIN MD NOR :**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, pertamanya saya ingin merakamkan ucapan syukur dan juga terima kasih banyak-banyak kepada Yang Amat berhormat Dato' Menteri Besar atas pengumuman peruntukan sebanyak RM18.55 juta kepada Portfolio Pelancongan Kebudayaan dan kesenian Warisan. Kalau nak kira cukup, tak cukup memang tak cukup tetapi Insha Allah dengan peruntukkan sebanyak ini untuk tahun depan kita akan teruskan lagi usaha untuk mempromosi Kelantan dengan lebih agresif lagi Insha Allah.

Yang keduanya, saya juga bagi pihak penarik beca seramai 17 orang yang ada berdaftar dengan TIC ingin merakamkan penghargaan setinggi-tingginya dan ucapan terima kasih dan bersyukur kepada Allah S.W.T atas perkenan Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang selaku Menteri Besar mengumumkan pemberian sebanyak RM500 per orang sebulan kepada penarik beca yang ada berdaftar dengan TIC. Sebelum daripada ni kita bagilah elaun dan pentadbiran dulu-dulu pun duk bagi elaun RM100 sebulan. Jadi tahun depan Insya Allah dengan pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Dato' MB maka penarik beca akan mendapat RM500.

Penarik beca ataupun beca merupakan ikon pelancongan kita tetapi agak sedih jugaklah mengenangkan bahawa tak lama juga tidak bantu dan kita usahakan ikon ini akan hilang. Tak dok orang doh nak gatih teksi nih. Set-set hok ada loni pun set-set 70-an ke atas belako. Set 7 series belako. Tapi masih sihat masih boleh gateh jugak lagi. Ambo

dapat *feedback* sari dua nih selepas dia orang tahu Kerajaan nak bagi bantuan ni mengucap sujud syukur dan ada setengah tu berlinang air mata mengucapkan terima kasih. Kita doakan mudah-mudahan Allah Ta'ala memberkati usaha kita dan Kerajaan insya-Allah. Ambo nok terus pergi kepada perkara yang dibangkitkan oleh wakil-wakil daripada DUN-DUN yang mengambil bahagian didalam Perbahasan menyentuh mengenai portfolio pelancongan dan kebudayaan. Pertamanya daripada Gual Periok sahabat ambo daripada Gual Periok yang menyebut mengenai potensi di Bukit Kwong untuk dijadikan destinasi pelancongan. Ambo nak ngaku la tok gi lagi ko Tasik Bukit Kwong ni dan Insha Allah nanti kita pergi tengok dan kita akan bincang dengan pihak PBT Pasir Mas mengenai potensi ini. Ambo difahamkan dulu sudah ada cadangan oleh PBT Pasir Mas kepada pihak Swasta tapi tidak ada orang yang berminat untuk memajukan ini. So kita nak gi tengoklah bakpo yang jadi masalah tuh.

Yang keduanya, YB Galas menyebut mengenai kawasan konservasi. Memang dalam proses kawasan ini ditadbir urus oleh Jabatan Hutan dan ianya termasuk dalam kawasan hutan kekal maknanya terpeliharaanlah. Cuma dia ada masalah *on the ground* ada beberapa kumpulan orang asli yang menjadi Maling Hutan yang menjadi *guide* untuk membawa orang-orang ni. Dan ada beberapa kumpulan dia balah sama dia pasal setengah tu dapat upah yang lebih daripada setengahnya lain dan pula orang hok mari ke Malaysia ni kebanyakkannya bermalam ataupun menginap di Cameron Highland. Jadi Cameron Highland tu dia ada dah kontak untuk membawa *tourist* daripada Malaysia dan duk main tahap tu lah. Jadi hok lain tu tak dapat. So ini semua saya dapat makluman kemudiannya dan saya ada bincang dengan DO Lojing untuk bagaimana kita nak selaraskan tapi kita tak boleh buat selagi kawasan yang kita kenalpasti yang dikatakan 400 ekar itu dipagari. Sekarang ni tak pagar tak dok gapo... jadi *anybody can coming* belah kawasan mana pun sudut mana pun dia boleh. *I think'* kita nak kena wujudkan satu kawasan keselamatan hanya ada pintu masuk sahaja. Cumanya orang boleh masuk kot tu. Itu dalam perancanganlah...

Kemudian YB Galas ada juga menyebut mengenai kerisauan beliau bertentang dengan ruang kerja tapi ini tidak ada kene mengena dengan pelancongan kerana dia duk sebut pahtu saya duk fikir pahtu saya ada idea. Kita pada pandangan umumnya tenaga kerja kita berhijrah ni dilihat dengan negatif *but it can be positive*. Banyak negeri yang mengeksport pekerja kemudian dia kirim pitih balik dan pitih yang

diterima oleh tenaga pekerja yang diterima daripada luar negara itu digunakan untuk membangun negeri. Dan ini berlaku Bangladesh mendapat *main cause of income* dia daripada tenaga pekerja diluar sehingga dia telah membina negara dia sekarang ini menjadi satu negara yang sedang meningkat maju. Demikian juga dengan Philippine, demikian juga dengan India, demikian juga Indonesia. So itu kita panggil *remittance* ekonomi yang boleh membantu negara. Jadi jangan salah faham… saya tidak bermaksud bahwa kita galakkan tapi kita tidak sewajarnya lihat dari sudut negatif tentang penghijrahan tenaga pekerja ini.

Okey kawan saya dari Kuala Balah menyebut tentang potensi kubur Datu' sebagai destinasi pelancongan baru. Saya ambil maklum Insha Allah kita akan tengok. Dabong eko-pelancongan. Saya bersetuju memang itulah dia punya forte keistimewaan dia. Bahkan untuk pengetahuan Ku…ADUN Dabong logo untuk tahun depan ni... logo untuk Tahun Melawat Kelantan ni Wau Bulan kea? Logo untuk tahun depan ni ialah satu logo yang mengambarkan bukit, hutan, sungai... maknanya kita tumpu kepada eko-pelancongan *next year* sebabnya *feedback* daripada setengah-setengah pelancong hok mari ni dia buke mari nak pantai sangat, dia nok tengok bukit dengan hutan. Itu sebabnya jumlah pelancong yang ke Dabong bertambah dengan agak mendadak Alhamdulillah.

Termasuk orang Thai masa kita di *Kanchana Duri presentation*. Kita tunjuk pantai-pantai dia buat tak tahu jah. Pasal Pantai dia lebih comey... ni YB Gulemard ada sini mugo dia pun ada sekali tapi bila tunjuk Dabong dengan Gua Ikan dengan gapo kita dengar wouu…wou…. Ini maknanya jadi ecopelancongan ini menjadi *forte* kita Insha Allah tahun depan ni. Kemudian Chempaka dalam Perbahasan walaupun tidak secara langsung menyentuh portfolio Pelancongan tapi dalam soalan tadi beliau ada sebut mengenai permintaan nelayan pantai nelayan kecil ingin membawa penumpang ke laut. Boleh… ada rakan saya Dato' EXCO Pertanian pun dah jawab, cuma nak kena daftar dengan Pihak Berkuasa Maritim. Tak leh pakai lesen igak ike doh la. Kena pakai lesen lain takdok masalah.

Kemudian Gual Ipoh… Gual Ipoh kalau tak pasal *Gulimard Bridge* memang tak sah la. Untuk pengetahuan Gual Ipoh dia minta supaya jalan jadi kita Insha Allah akan bincang dengan Pegawai Pembangunan Negeri pasal ada *allocation* dari pelancongan untuk infra. Jadi Insha

Allah kita tengok.. banyak sangat tokleh doh la…keno gi ko JKRlah. Kalu sikit-sikit boleh. Yang keduanya berkenaan dengan promosi *gulimard bridge* ni sesama kita ni …. Insha Allah tahun depan *International Bridge Run* sekarang ni kita dah siapkan untuk kita adakan International Brigde Run sempena dengan tarikh perasmian *gulimard bridge*. Saya duk bincang dengan beberapa *movies makers* orang buat filem untuk masukkan *Gulimard Bridge* sama ada settinglah…setting. Dia tak serupa dengan filem *Brief Of The River Kwai* macam kat kenchana purri memang movie untuk itu kerana itu sahaja sohor. Walaupun filem tu tahun 1956 lagi tapi sohor satu dunia. Hok ni nih kita nak suruh biar ada *setting scenery* biar ada daripada duduk ambik laut ko mana-mana biar bubuh hok ni so. Nanti ore tengok ar... ore tahu *Gulimard Bridge* dan stesen keretapi di Kusial ni kita cuba bincang dengan RAC dan KTMB.

Adinda muda kita daripada Nenggiri mengenai beberapa kawasan di sekitar Nenggiri untuk dijadikan destinasi pelancongan kalau saya setuju tapi yang saya duk tengok potensi yang sangat besar ialah Tasik Nenggiri untuk nak buat *Highdro Dam* tu so kita boleh lihat kemungkinannya walaupun skalanya mungkin lebih kecil berbanding dengan Kenyir kita tengok Kenyir sebagai model *game houseboat* dan sebagainya *but will be later* la apabila dah siap.

Kemudian Limbongan menyebut berkenaan dengan kraftangan, batik, di daftarkan sebagai harta intelek, yes…batik Alhamdulillah kita dah daftar ada banyak lagi benda yang kita dalam proses pendaftaran dengan MyIPO supaya ianya tidak boleh diambil sebagai hak masing-masing. Jadi ini cuma… batek ini dia ada kaedah dia daftar dengan MyIPO ni dia panggil oleh kerana batik ini bukan milik Kelate saja, Terengganu pun claim batik jugak dan Indonesia pun batek juga. So dalam kaedah MyIPO ni dia panggil petunjuk geografi ertinya batik mana tempat Kelate semua batek Kelate. Kita apa nama ni daftar dan dia ada *charactoristic* dia batik Kelate nih. Ertinya masa nak daftar tu nak kena buat kajian segala macam. So Alhamdulillah nak cerita budu dan lain-lain ni kita dah daftarkan dengan MyIPO maknanya agensi harta intelek.

Kemudian kawasan baru Pasir Puteh, hok ni muga tempat kita sendiri kea insha-Allah kita pergilah tengok macam mana di samping membaiki hok sedia ada macam di Jeram Pasu dan Jeram Linang Insha Allah.

Mengkebang menyebut pentingnya kita melibatkan diri dalam proses mendigitalisasikan... payah... geliat lidah. Untuk pengetahuan Yang

Berhormat Mengkebang kita di TIC dengan kerjasama bahagian IT SUK telah menyiapkan apa yang kita panggil QR code yang telah diedarkan kepada Yang Berhormat. Jadi QR code ni kita edarkan kepada semua kepada hotel dan travel agen dan Insha Allah ke airlines juga tujuannya apabila seseorang tu nak tahu mana Kelate mana bagus-bagus nak gi make mana, tidur mana semua apa yang perlu scan QR code dan semua akan tubik di situ dan dia boleh mari sendiri DIY ataupun moleknya dia guna *travel agent* lah. Tapi moleknya dia mari on sendiri DIY sendiri dia guna hok ni jah. Mugo dia boleh contact semua pihak yang berkaitan. So Alhamdulillah kita dah maju setingkat dengan digitalisasi ini. Insha Allah..

Pengkalan Pasir ada sebut gapo eh…tak dok [SAMBIL MEMBELEK KERTAS]... Kelaboran mengenai nak tarik pelancong Thai ke Kelantan ni. Maklumat yang saya dapat dari pelancong yang nak mari ke Kelantan ni ialah dia nak mari nak shopping sebab beberapa *vendor group* barang-barang yang berjenama dia kurang di sana. Di Selatan Thai kalu dia nak benda tu dia kena gi Bangkok jauh daripada Narathiwat, Pattani nak gi Bangkok tu jauh. Nak lebih dekat di mari ke Kota Bharu dan itulah kita punya *department store* ataupun *mall* mace Aeon, mace KB Mall, tempat kunjungan mereka pasal di situ ada *branded item.* So kalau ini tumpuan dia kalau pihak swasta pihak penguasa…wajar ambil maklumat ni dan di kedai Bebas Cukai tu stock dengan barang-barang *branded* ni barulah ada tarikan untuk datang. Tidak dengan coklat dan pinggan mangkuk sahaja. Itu barang bebas cukai tu bukan barang untuk pelancong itu barang untuk kita untuk domestik.

So kemudian Pantai Geting Alhamdulilah la sudah *establish* dan kunang-kunang dan juga pasar terapung ini semuanya menjadi tarikan kepada kawasan daerah Tumpat. Alhamdulillah ini sedang berlaku dan kita akan jadikan tarikan promosi untuk pelancongan pada tahun depan Insha Allah.

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, …

**YB DATO' SPEAKER :**

Dipersilakan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan NGO dan Perpaduan Masyarakat.

**YB TUAN ZAMAKHSHARI BIN MUHAMAD :**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Amar Diraja Dato' Speaker, terima kasih semua ADUN-ADUN yang menyentuh Portfolio Belia, Sukan NGO dan Perpaduan Masyarakat. Di kesempatan ini saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Negeri khususnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas peruntukkan yang diberikan Portfolio Belia, Sukan NGO dan Perpaduan Masyarakat sebagaimana yang disebut di bawah Perkara 5.8 dalam melahirkan Belia yang bermaruah yang merupakan asset negara Kerajaan Negeri sentiasa memberikan perhatian khusus kepada pembangunan Belia negeri ini dengan memperuntukkan sebanyak RM9.7 juta yang merangkumi program pembangunan Beliawanis, Gerbang Az-Ziwaj, Pembangunan Belia, Program Pembangunan Sukan, dan Pembangunan Atlet serta dana Belia Niaga..Alhamdulillah terima kasih.

Dan dalam penggulungan ini saya akan bahagikan kepada 4 kategori berdasarkan portfolio iaitu Belia, Sukan NGO dan Perpaduan Masyarakat. Secara umumnya dalam perbahasan tidak disentuh peranan NGO jadi saya tidak mahu mengulas ataupun menggulung berkenaan NGO. Antara isu yang disentuh berkenaan dengan isu Belia dan Anak Muda. Pulai Chondong menyentuh mengenai program TVET walaupun menyentuh pada YIK. Walaubagaimana pun secara spesifiknya saya menyentuh pada YIK. Walaubagaimanapun saya ingin menyentuh bahawa Alhamdulillah dibawah Portfolio Belia ataupun di bawah Urusetia UBES dengan Kerjasama Belia Mahir kita telah menghantar 15 peserta kita ke Beifang Shanghai China itulah salah satu projek China, Kelantan TVET program yang telah berlangsung beberapa bulan yang lepas. Di mana fokus khusus ini di dalam bidang TVET *electric venicle* yang mensasarkan belia Kelantan yang mempunyai Sijil SKM. Maknanya ini satu Projek Printis dan insha-Allah kalau program ini hasil yang baik kita akan meneruskan lagi program ini pada tahun 2025. Khusus ini di Beifang Shanghai education 2025 Beijing China ini yang diberi tajuk Trannning programe for skill and industrial electrical wikel.

Alhamdulillah berjalan dengan baik serta anak-anak muda kita telah berjaya menamatkan khusus selama 2 minggu di Bejing. Pulai Chondong juga ada menyebut mendekatkan anak muda ke masjid. Alhamdulillah hasil dengan Kementerian Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan di mana antara inisiatif di bawah Jabatan Belia dan Sukan adalah

program gaya hidup iaitu rakan muda jadi insha-allah di bawah program belia kita akan mengadakan atau mewujudkan satu program yang sebagai nilai tambah daripada Rakan Muda insha-Allah kita akan mewujudkan rakan muda Al-Quran di bawah senarai UBES juga kerjasama Jabatan Belia dan Sukan. Mengkebang dan juga Salor dan menyentuh usahawan secara umumnya usahawan muda ataupun dalam menggunakan teknologi IR 4.0. Di bawah portfolio juga kita telah mengadakan beberapa khusus ataupun antaranya program *business pitching* yang kita panggil program pembentangan perniagaan *Kelstart* untuk dana pemasaran perniagaan yang mana program ini telah mendapat sambutan luarjangka daripada anak-anak muda Kelantan di mana kita meletakkan ataupun memilih 50 peserta untuk saringan tetapi kita menerima permohonan lebih daripada 250 permohonan.

Jadi ini menunjukkan satu sambutan yang baik anak-anak muda Kelantan usahawan selain daripada itu juga melalui UBES ini kita juga mengadakan Kerjasama dengan Perbadanan Digital Malaysia MDEC bagi mengadakan program *global online work force* (GLOW) di mana program GLOW ini adalah untuk melahirikan usahawan digital yang menawarkan bermacam-macam perkhidmatan bebas ataupun *freelance work* di mana program ini telah membantu hampir 20 orang usahawan muda untuk menjana pendapatan melalui platform antarabangsa. Selain daripada itu UBES juga dan melalui SEDC juga telah mengadakan kursus-kursus kepada usahawan sebanyak 22 kursus telah dijalankan yang melibatkan 602 orang usahawan**.**

Kota Lama ada menyentuh tentang anak-anak muda yang terpaksa merantau mencari pekerjaan. Begitu juga dengan Nenggiri dan Galas ada sentuh. Dan perkara ini telah diulas oleh EXCO Pelancongan sekejap tadi. Walaubagaimana pun sebagai tambahan ingin saya sebut disini tentang yang disebut dalam *International Level Organization* berkenaan dengan penghijrahan dengan izin *migrant workers contribute to grows on their development in their countries of destination by countries of origirn world benefit from their remmitance and the skill required the skill accured during the migration of experience*. Jadi menunjukkan bahawa sebenarnya secara tidak langsung ianya memberikan kesan-kesan positif. Sebab itulah antara program yang diuruskan oleh UBEST adalah program penempatan pekerjaan dengan kerjasama *… and space* di mana pada tahun 2024 seramai lebih kurang 418 orang anak-anak muda Kelantan telah menyertai program ini dan telah akhirnya mendapat pekerjaan di lokasi-lokasi terpilih.

Nenggiri juga ada menyebut tentang mahasiswa, pemerkasaan mahasiswa di mana kita mempunyai beberapa program yang melibatkan mahasiswa antaranya adalah Skim Bantuan Makanan yang kita telah adakan tahun 2024 di mana lebih 200 orang mahasiswa yang kurang berkemampuan telah menerima bantuan bakul makanan daripada pihak Kerajaan Negeri melalui UBEST. Selain daripada itu juga pihak Kerajaan Negeri melalui UBES telah menganjurkan mahasiswa Kelantan perantauan yang disertai oleh 500 orang mahasiswa bertempat di Puchong Selangor. Di samping itu program *meet and greet* bersama mahasiswa diadakan melalui siri jelajah ke seluruh negara. Program yang berbentuk santai ini mampu merapatkan ukhuwah dan mereka mahasiswa bersama pimpinan Kerajaan Negeri.

Seterusnya berkenaan dengan perumahan generasi muda insha-Allah Kerajaan sedang mempertimbangkan untuk Rumah Dhuafaat yang sekarang ni kita usahakan diperingkat DUN 3 penerima satu DUN dan kita sedang dalam proses perbincangan supaya setiap Parlimen akan ada kouta bagi Rumah Dhuafa', Insha Allah.

Kemudian isu sosial anak muda ini dibangkitkan oleh Kota Lama, Nenggiri dan juga Galas yang melibatkan orang asli. Pertamanya kalau kita tengok isu dadah dalam isu dadah ini kita perlu melihat secara universal sebab isu ini bukan hanya melibatkan secara spesifik Kelantan tapi ini adalah isu negara. Berdasarkan data yang ada dengan saya telah berlaku satu peningkatan yang sangat ketara dalam isu penyalahgunaan dadah. Di mana pada tahun 2022 seramai 137,176 orang yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Meningkat 6.1% pada tahun 2023 sebanyak 145, 526. Manakala bagi tahun 2024 sehingga Jun 2024 peningkatan penyalahgunaan dadah di seluruh negara adalah 24.6%.

Jadi isu ini adalah satu isu yang serius isu yang melibatkan yang negara kita ataupun isu yang universal bukan spesifik Kelantan jadi penyelesaian yang sama-sama kita perlu fikirkan adalah penyelesaian diperingkat nasional di mana agensi sebagaimana yang disebut oleh Melor semalam agensi-agensi yang terlibat adalah agensi federal AADK, Polis, Kastam dan sebagainya. Dan antara rumusan punca-punca anak-anak muda kita ataupun belia kita terlibat dengan penyalahgunaan dadah adalah ada 6 tetapi yang saya ingin *highlight* di sini ialah antaranya kadar penagihan tertinggi di negeri-negeri sempadan Malaysia Thailand. Jadi antara faktor kenapa Kelantan antara tertinggi berbanding negeri lain adalah faktor sempadan dan Insha Allah dengan

perkembangan terbaru yang kita lihat dengan lantikan Ketua Polis yang baru penguatkuasaan dan usaha untuk menutup sempadan dan kita harap usaha-usaha ini akan memberi kesan yang signifikan dalam mengurangkan penyalahgunaan dadah.

Kemudian Galas ada menyebut tentang pembangunan orang asli dan disebut tentang ketagihan alkohol dan kurang pendidikan agama. Dan insha-Allah di peringkat JAHEAIK ada beberapa program atau sedang menyusun beberapa program dan dibawah selepas daripada ini bermula 2025 di bawah portfolio Perpaduan Masyarakat kita akan memberi perhatian kepada pembangunan orang asli. Walaubagaimanapun secara spesifik isu-isu orang asli sebenarnya di bawah kelolaan ataupun bidang kuasa Jabatan Kemajuan Orang Asli di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah. Presiden Galas, Galas kena bincang dengan Presiden dia lagu mana untuk membantu orang-orang asli di Galas. Sebab kalau kita tengok antara misi, visi dan objektif JAHOA organisasi pengerak yang unggul dalam memajukan masyarakat orang asli standing dengan masyarakat perdana. Itu antara visi JAHOA. Dan misi dia melaksanakan pembangunan secara eksklusif bagi meningkatkan taraf sosioekonomi dan kualiti hidup ke arah kemajuan memartabatkan warisan yang unggul masyarakat orang asli.

Kemudian dia ada 7 objektif: yang saya ingin *highlight* ialah yang ketiga memperkasa masyarakat orang asli melalui program-program pembangunan yang komprehensif. Jadi insha-Allah Galas boleh bincang dengan Presiden dia supaya memperkasakan lagi JKHOA untuk membantu orang-orang asli di Galas dan juga Nenggiri. Walau bagaimana pun sebagaimana yang saya sebutkan tadi Insha Allah diperingkat Kerajaan Negeri kita juga sentiasa bersama untuk membantu masyarakat orang asli. Kemudian isu yang berkaitan dengan sukan, Gual Ipoh ada menyentuh berkenaan dengan Kompleks Sukan Gual Ipoh, Insha Allah pihak Kerajaan tiada halangan dan memberi sokongan untuk pelaksaan kompleks sukan tersebut. Begitu juga Jelawat Kompleks Sukan Jelawat, Insha Allah kita akan bantu setakat kemampuan kita.

Kemudian Nenggiri menyebut tentang persiaran SUKMA dan infra dan Insha Allah setelah dijawab pada pagi tadi mungkin esok atau lusa ada soalan infra saya akan jawab secara penuh di situ. Cuma Nenggiri juga menyebut tentang penglibatan orang asli bersama sukan. Walaupun Nenggiri tidak bersama kita pada pagi ini saya akan sebutkan juga di sini

untuk rekod Dewan. Untuk makluman di bawah Urusetia Belia dan Sukan kita telah mengadakan satu program khusus untuk orang asli iaitu Kejohanan Bola Sepak Terbuka Pasik 2024 pada 23 dan 24 Oktober yang melibatkan pasukan-pasukan daripada pos-pos orang asli. Seramai ataupun sebanyak 17 pasukan yang melibatkan 240 orang belia daripada pos-pos orang asli telah menyertai kejohanan tersebut. Dan Alhamdulillah hasil bantuan tersebut sebagai usaha untuk mengarus perdanakan anak-anak muda orang-orang asli ini di peringkat Negeri pihak UBEST mengambil keputusan untuk menjemput pasukan yang terdiri 100% daripada orang asli untuk terlibat sama dengan piala MB di mana piala bola sepak Menteri Besar selama ini merupakan penglibatan pemenang-pemenang di peringkat DUN. Maknanya 45 peringkat DUN kan menyertai pertandingan piala Menteri Besar. Walaubagaimanpun untuk sesi pada kali ini kita ada 3 pasukan jemputan. Yang pertama, pasukan pelbagai kaum terdiri daripada Cina, Siam, India dan sebagainya.

Yang kedua pasukan Pelapis daripada MAKSAK maknanya sekolah-sekolah YIK yang 18 tahun ke bawah sebagai pelapis untuk kejohanan tersebut serta juga pasukan daripada orang asli untuk kita mengarusperdanakan anak-anak muda dan belia-belia orang asli. Dan Nenggiri juga menyebut tentang pencapaian atlet SUKMA. Saya akui secara umumnya kita memang tidak ataupun masih belum berpuashati dengan pencapaian atlet-atlet kita di SUKMA. Tapi kita *with due respect* dan kita juga perlu memahami beberapa hakikat yang berlaku walaupun kita masih belum mencapai prestasi yang belum baik tetapi sebenarnya berlaku peningkatan yang agak ketara dari segi pungutan pingat. Sebagai contoh pada tahun 2022... SUKMA 2022 jumlah pungutan pingat Kelantan pada 2022 adalah 21 manakala pada tahun 2024 jumlah pungutan kita ialah 37 pingat.

Maknanya peningkatan sebanyak 76% walaupun masih kedudukan kedua di bawah tapi dari segi peningkatan Alhamdulillah atlet-atlet kita telah menunjukkan satu peningkatan yang baik manakala acara paraSUKMA yang melibatkan atlet-atlet OKU pada 2022 jumlah pungutan pingat kita adalah 36 dimana ranking kita pada tahun itu adalah 9 daripada 15. Manakala Alhamdulillah pada tahun ini 2024 jumlah pungutan pingat kita adalah 43 manakala ranking adalah 6 daripada 15. Maknanya ada peningkatan dari segi ranking. Dan Insha Allah di peringkat EXCO kita sentiasa berbincang dengan MSN untuk membuat penyelarasan, penambahbaikan dan rombakan sekiranya

perlu untuk memperkasakan lagi sukan terutamanya untuk mencapai di SUKMA 2028.
Kemudian Gual Periok menyentuh tentang modal perpaduan, Alhamdulillah salah satu usaha ataupun ikhtiar Kerajaan Negeri melalui portfolio Perpaduan Masyarakat kita ingin menghighlightkan Kelantan sebagai model perpaduan dan kita ingin mengeksportkan perpaduan model Kelantan ke negeri-negeri lain. Di mana ada beberapa inisiatif yang kita telah adakan untuk menjadikan Kelantan sebagai model perpaduan.

Pertamanya, mengadakan inisiatif khas untuk memperkukuhkan dialog antara kaum dan agama.

Yang kedua, pemerkasaaan ekonomi masyarakat majmuk melalui sektor ekonomi dan PKS.

Yang ketiga, sambutan perayaan bersama di peringkat Negeri, Parlimen serta DUN.

Yang keempat, pelancongan budaya dan keagamaan sebagai asas perpaduan.

Yang kelima, pengiktirafan terhadap sumbangan masyarakat bukan Islam dalam bidang politik dan sebagainya.

Yang keenam, menginstitusikan pusat institusi antara kaum (PEKA) dan…

Yang ketujuh, penghargaan kepada pelbagai kaum dalam konteks Kelantan. Itulah untuk mempromosikan Kelantan sebagai model perpaduan.

Kita telah mengadakan Karnival Perpaduan Kelantan yang telah diadakan pada 19 dan 20 Oktober yang lalu yang mana melibatkan 267 peserta daripada luar Kelantan yang terdiri daripada 9 negeri keseluruh Malaysia telah datang untuk menyertai karnival tersebut. Di mana kita mengadakan forum perpaduan masyarakat dan seterusnya makan malam perpaduan yang diadakan di Wat di Tumpat. Pada masa yang sama juga bagi mempromosikan aktiviti ataupun Kelantan sebagai model perpaduan kita telah mengadakan pertandingan TikTok Kelantan Model Perpaduan dan Alhamdulillah sambutan yang baik di mana kita

telah menerima lebih daripada 50 penyertaan daripada seluruh negara bukan sahaja rakyat Kelantan malah seluruh negara telah menyertai pertandingan TikTok Kelantan model perpaduan dan hasil daripada penelitian kita terkini video-video tersebut telah mendapat 337,000 *like,* 39,000 *share,* manakala *view* keseluruhan adalah sebanyak 3,646,815. Jadi Alhamdulillah satu pencapaian yang baik dan kalau kita lihat hari ini melihat terutama dalam media sosial TikTok dan sebagainya banyak video-video mempromosikan Kelantan sebagai model perpaduan.

Selain daripada itu saya ingin *highlight* disini ialah bagaimana sebuah negeri yang model perpaduan, bagaimana Kelantan telah mengangkat wakil-wakil kaum Islam ataupun bukan Melayu untuk berada dipersada pentadbiran negeri. Di mana jumlah Penghulu tanpa Mukim wakil kaum di Kelantan yang terdiri daripada Siam, Cina seramai 56 orang lelaki, 13 wanita di mana jumlah keseluruhannya adalah 69 orang. Manakala Ahli Majlis Kaum seluruh PBT dalam negeri Kelantan adalah 13 orang. Selain daripada itu, bagi mengiktiraf ataupun memberikan hak yang sama kepada rakan-rakan bukan Islam sejumlah 20 Wat Siam di Kelantan sejumlah 20 Wat Siam di Kelantan telah diwartakan di bawah pusat rekreasi dan kebudayaan oleh Kerajaan Negeri Kelantan dan di bawah seliaan Majlis Sangkar. Dan itulah menunjukkan bahawa kesungguhan Kerajaan Negeri dalam mempromosikan Kelantan sebagai model perpaduan.

Akhir sekali saya ingin *highlight* beberapa perkara tentang anak muda Kelantan. Secara umumnya kita melihat wakil daripada Galas, wakil daripada Kota Lama dan juga Nenggiri apabila membangkitkan isu anak muda kebanyakkan isu yang di *highlight* adalah isu-isu yang *negative* yang melibatkan anak luar nikah, yang melibatkan penyalahgunaan dadah, yang melibatkan penyerahan dan sebagainya. Cuma saya ingin tekankan di sini bahawa di sana banyak lagi perkara-perkara positif yang perlu kita highlightkan sebab perkara *negatife* ni sentiasa di bawa ke atas akhirnya mempengaruhi pemikiran-pemikiran anak muda yang lain. Jadi sebaik-baiknya kita sentiasa mempromosikan perkara-perlkara yang positif menyebabkan perkara yang *negatife* akan ditinggalkan oleh mereka. Sebagai contoh yang saya ingin *highlight* di sini antara kejayaan belia anak muda Kelantan adalah *environment* pelajar dari segi Universiti dan negeri. Di mana pelajar yang memasuki Universiti seramai 504,950 pelajar di mana 9.4% adalah anak-anak Kelantan. Jadi itu menunjukkan satu kejayaan yang cemerlang di kalangan belia-belia Kelantan.

Begitu juga kadar literasi anak Kelantan ataupun anak muda Kelantan adalah sebanyak 95% di kalangan belia sebagaimana yang saya sebutkan tadi pendaftaran di institusi pengajian tinggi hampir 10%.

Jadi itulah beberapa perkara yang ingin saya sebutkan di sini Insha Allah di peringkat Belia NGO dan Perpaduan Masyarakat sentiasa mengalu-alukan sebarang cadangan, pandangan untuk sama-sama kita majukan anak-anak muda Kelantan dan juga sukan di Negeri Kelantan.

Wallahua'lam wasalamualaikum warahmatulahi wabarakatuh….

**YB DATO' SPEAKER :**

Dipersilakan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Pembangunan Keluarga dan Wanita,

**YB PUAN HJH ROHANI BIN IBRAHIM :**

بسم الله الرحمن الرحيم

Allah S.W.T dalam surah Al-Tahrim ayat 6

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ قُوٓاْ أَنفُسَكُمۡ وَأَهۡلِيكُمۡ نَارٗا وَقُودُهَا ٱلنَّاسُ وَٱلۡحِجَارَةُ عَلَيۡهَا مَلَٰٓئِكَةٌ غِلَاظٞ شِدَادٞ لَّا يَعۡصُونَ ٱللَّهَ مَآ أَمَرَهُمۡ وَيَفۡعَلُونَ مَا يُؤۡمَرُونَ ٦

yang bermaksud;

*"Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada bakaran api neraka."*

Yang Berhormat Dato' Speaker, Terima kasih di atas peluang yang diberikan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Chempaka atas keprihatinan dan juga cakna mengenai isu keluarga iaitu pentingnya lelaki Qawwam dan perlunya pemerkasaan wali.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Secara mudahnya, lelaki Qawwam adalah lelaki yang bertanggungjawab dan berwibawa dalam menjalankan amanah terhadap keluarganya. Usaha melahirkan lelaki Qawwam ini bukan hanya tanggungjawab satu portfolio khusus semata-mata. Tetapi, ianya perlu sokongan, dokongan dan gerakan secara aktif merentasi semua portfolio. Justeru, Kerajaan Negeri Kelantan melalui UKEKWA

merasa bertanggungjawab untuk turut bersama-sama dalam memperksakan isu di atas. Antara program yang telah kita laksanakan adalah:

(1) KEM KEPIMPINAN BESTARI – yang mana memfokuskan kepada pembinaan jati diri dan sifat kepimpinan dalam kalangan remaja lelaki.

(2) KEM AKIL BALIGH - khusus kepada pelajar lelaki yang berumur 10-13 tahun

(3) PROGRAM BIG HERO – yang mana khusus kepada ketua keluarga yang mempunyai bermasalah yang terlibat dalam masalah berisiko tinggi iaitu berisiko tinggi adalah dadah seramai 300 orang dan Sasaran adalah prospek ataupun (banduan) yang akan dibebaskan. Program ini kita laksanakan di pusat permulihan akhlak Machang dan juga pusat reintegrasi Kuala Krai. Di samping itu kami juga turut menyantuni dan mengiktiraf golongan bapa. Antaranya …

(4) ANUGERAH SUAMI BUDIMAN dan ANUGERAH AYAH CEKAL dan juga Anugerah Suami Budiman. Sempena program Big Hero Anugerah Suami Budiman kepada suami yang menjaga isteri sakit terlantar manakala Anugerah Ayah Cekal diberikan kepada ayah yang berusaha membesarkan anak selepas kematian isteri. Ini adalah sebahagian program yang kita telah laksanakan bagi melahirkan lelaki Qawwam di Kelantan. Seterusnya, saya amat mengharapkan, agar Qawwamah ini dapat dimanfaatkan bagi melahirkan masyarakat yang sakinah, mawaddah warahmah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Saya mengambil kesempatan ini, merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada semua Yang Berhormat, semua pimpinan di Parlimen, DUN dan Mukim-mukim dan juga agensi-agensi yang terlibat dalam melaksanakan program yang terlibat dalam melaksanakan program oleh UKEKWA. Kerjasama dan komitmen tinggi anda semua, yang menjayakan lebih 800 program yang melibatkan portfolio Kebajikan Keluarga dan Wanita yang kita susun sepanjang tahun turun ke bawah yang mana ianya menyentuh seluruh rakyat Kelantan tanpa mengira bangsa agama dan fahaman politik.

**YB DR. HAFIDZAH BINTI HJ MUSTAKIM :** [MENCELAH]Speaker, untuk kepentingan awam..dekat Parlimen pun boleh celah..

**YB DATO' SPEAKER :**

Saya sudah buat ruling untuk melicinkan perjalanan hari ini kita minta supaya tidak ada sebarang pencelahan.

**YB DR. HAFIDZAH BINTI HJ MUSTAKIM :**

..tak boleh yer? Sebab semalam pendek dooh. Saya kira 13 minit jah bui.

**YB DATO' SPEAKER :**

Yang Berhormat sudah pun berucap semalam. Terima kasih, teruskan.

**YB PUAN HJH ROHANI BIN IBRAHIM :**

Kita kecek pahni eh… *putu halba tanda musim hujan dah tiba sama-sama kita doakan, tidaklah jadi bah kebajikan terjaga, keluarga dan wanita bahagia rakyat semua sepakat, Negeri kita baraqah.*

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin menyentuh pada Yang Berhormat Kelaboran yang mana membangkitkan kebimbangan berkenaan halangan untuk Wakil Rakyat memasuki kawasan sekolah atau PPS waktu banjir. Untuk makluman yang Yang Berhormat, terkini, pihak kami telah dimaklumkan bahawa pihak JPN tiada halangan untuk mana-mana Yang Berhormat ADUN atau YB Ahli Parlimen untuk turun menziarahi rakyat di PPS dalam kawasan masing-masing.

Namun, ianya perlulah dengan makluman pihak PKOB Jajahan, dan bersama dengan Penghulu Mukim dan wakil agensi berkaitan seperti JKM ataupun APM agar segala bentuk bantuan yang dibawa dapat diselaraskan dengan baik. Saya mengharapkan semua agensi dapat memberikan kerjasama yang baik tanpa mengaitkan isu politik khususnya ketika berlaku banjir. Sekian terima kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Dipersilakan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar.

**YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Firman Allah S.W.T....

وَجَعَلْنَا بَيْنَهُمْ وَبَيْنَ ٱلْقُرَى ٱلَّتِى بَٰرَكْنَا فِيهَا قُرًى ظَٰهِرَةً وَقَدَّرْنَا فِيهَا ٱلسَّيْرَ ۖ سِيرُوا۟ فِيهَا لَيَالِىَ وَأَيَّامًا ءَامِنِينَ ١٨

*Yang bermaksud : dan kami jadikan tempat tinggal mereka dengan bandar-bandar kami limpahkan dengan keberkatan beberapa buah bandar yang jelas kelihatan kemudian kami tentu jarak perjalan di antaranya lalu di katakankepada mereka berjalanlah kamu di bandar-bandar itu pada bila-bila masa yang kamu suka sama ada pada waktu siang ataupun malam dalam keadaan aman.*

Surah sabaa' ayat 18..

الحمد لله رب العالمين, والصلاة والسلام على اشرف الأنبياء والمرسلين, وعلى أله وصحبه أجمعين

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, pertamanya tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang Menteri Besar dan rakyat Negeri Kelantan di atas pembentangan bajet 2025 yang berjumlah RM1.45 billion dengan tema Keberkatan Kesejahteraan, Keseimbangan Untuk Kemakmuran Negeri. Terima kasih di atas peruntukkan kepada portfolio saya iaitu RM12 juta untuk Kelantanku Bersih untuk dibahagikan kepada 12 PBT, RM2 juta untuk propgram kesihatan dan Alhamdulillah tahun lepas kita dapat menfaatkan sumbangan one off kepada RM4,000 pesakit kronik Kelantan RM500,000 untuk alam sekitar dan selebihnya Rumah Mampu Milik Rakyat Kelantan sebanyak RM 9.6 juta untuk melaksanakan 4 projek.

Dan tahniah kepada Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan ada beberapa Yang Berhormat yang menyentuh portfolio saya iaitu Pulai Chondong, Gual Periuk, Jelawat, Salor, Kuala

Balah, Kota Lama, Gual Ipoh, Nenggiri tak hadir, Limbongan, Mengkebang, Kemuning dan juga ….oh hadir…dan juga Kelaboran.

Dan Pulai Chondong ada menyentuh mengenai cadangan supaya diwujudkan satu taman awam atau pun pusat rekreasi untuk pelajar KIAS *healing* istilahnya Insha Allah kita boleh cari kawasan yang sesuai kita tengok status tanah pemilikannya kita oleh bincang dengan EXCO Pendidikan kita cuba wujudkan satu taman rekreasi keperluan semasa rakyat untuk mengamalkan budaya hidup yang sihat. Sementara itu para pelajar boleh menggunakan taman *wetland* dalam pembinaan Insha Allah bakal siap tahun depan seluas 48 ekar di bawah kelolaan Majlis Daerah Ketereh iaitu 2 tasik buatan dan juga trek jogging dan segala infrastruktur untuk mengamalkan budaya hidup sihat.

Pertama isu kekotoran aduan daripada yang Berhormat Pulai Chondong dia dapati jalan protokol daripada Kok Lanas Ketereh sehingga pintu gerbang Tunjong... In sha Allah kita akan cuba ambil tindakan kita akan cuba bincang dengan PBT terlibat supaya berbincang balik dengan syarikat konsesi. Jalan tu kita berikan konsesi kepada sebuah syarikat swasta untuk menguruskan pembersihan awam dan d Machang tidak ada masalah saya ucapkan tahniah kepada Majlis Daerah Machang yang telah memasang banyak CCTV untuk memantau gelagat ataupun tabiat penduduk kita yang mana kita tengok dalam media sosial viral rakyat kita…RORO..bereti muto..bereti kereta RORO depe muko letak bawoh. Jadi dapat *respond* yang baik daripada masyarakat kesedaran bahawasanya perlunya kita mematuhi kaedah pembuangan sampah. Muslimin dan muslimat berat dia kata nak akat tok rok. Jadi kita simpan sampah sikit-sikit, buang sampah sikit-sikit kalu tunggu sampai 4 kilo baru kita nak pikul jadi tak rok. Kita ada sekilo kita tohok sekilo Insha Allah kita cuba dapat mengamalkan jadi tabiat yang baik membuang sampah pada waktu yang ditetapkan antara pukul 6 petang sehingga 8 pagi. 8 pagi kit amula kutip, kita tak nak lepas lori belake punggung lori pahtu kita gi letak sampah maka sampah tu akan nada sehingga waktu malamlah.

Yang tu daripada Pulai Chondong... seterusnya Gual Periok sebagaimana yang dijawab tadi oleh EXCO Pelancongan mengenai kesuraman di Rantau Panjanglah. Ialah kalau ikutkan pada kajian mendapati peniaga menjual barang yang sama bersaing sama sendiri tak polah. Satu lagi peniaga kita ni dia ambil barang daripada seberang dan dijual di sempadan kita. Jadi ambil barang daripada seberang tu RM kita jatuh

mahal doh modalnya. Mari jual di Rantau Panjang harganya jadi mahal lah. Jadi kita perlu cari kaedah sesuai kreativiti sebagaimana EXCO Pelancongan bagi tahu kita tidak lagi boleh jual pakaian, toto, pinggan mangkuk yang mana tidak mempunyai daya tarikan. Kita boleh jual barang elektrik yang tidak ada di sempadan Thailand barang-barang berjenama sebelah sana dia banyak menjual barang-barang kraftangan tempatan yang mana kita sendiri tak leh tiru. Ambo percaya kita boleh... peniaga-peniaga boleh mencari pembekal-pembekal dan pengusaha-pengusaha produk tradisional untuk kita tawarkan pada pengunjung luar mari sebabkan produk niche produk kita yang dijual tu tidak sama dengan produk sebelahThailand.

Dan kita amat mengharapkan supaya pihak Persekutuan ambo percaya siapnya bandar sempadan ni ia akan memberikan impak yang besar kepada penduduk Rantau Panjang selain siapnya infrastrutktur yang lengkap pastilah berlaku perubahan antara Rantau Panjang sedia ada kita boleh memberi saingan kepada bandar-bandar yang berada di seberang sana dan Insha Allah penduduk 3 wilayah Thai akan tertarik untuk masuk ke bandar sempadan kita.

Dan mengenai Jelawat, Jelawat menyentuh mengenai taman rekreasi yang mana kita telah hampir siap pembinaan yang dipohon oleh Jelawat pada Sidang yang lepas, Alhamdulillah sekarang ni dalam proses 60% kesiapan iaitu Taman Rekreasi Kampung Seneng seluas total nya 18 ekar dan untuk fasa pertama kita bangunkan seluas 1.8 ekar dan permintaan Jelawat untuk di *extend* atau dilanjutkan dengan pembinaan dan cadangannya dibina arena badminton, sepak takraw dengan lampu limpah dan Insha Allah kita akan pertimbangkan cadangan besar Jelawat untuk diwujudkan di lokasi tersebut Jelawat Square Dataran. Memang kita peringkat Negeri meletakkan sasaran untuk membina satu rekreasi untuk satu DUN dan banyak DUN kita telah bina pusat rekresi dan kita sedia menerima cadangan ADUN-ADUN yang mana belum dibina taman rekreasi masing-masing Insha Allah kita akan bincang dan kita boleh pertimbang untuk kita buat pengambilan sekiranya tak ada lokasi dan tanah Kerajaan yang sesuai dan satu lagi permintaan untuk dibina dewan serbaguna di tapak Pasar Pauh Lima. Insha Allah kita cuba check status tanah dan kita boleh fikirlah sama ada kita guna peruntukan daripada KT ataupun KPKT dan kita boleh mohon daripada pelbagai agensi.

Dan masalah semasa ke jalan tapak pelupusan Beris Lalang di mana tapak pelupusan ini menjadi tempat pelupusan sampah bagi 4 PBT MPKB-BRI, Bachok, Pasir Puteh dan Ketereh. 4 PBT berkongsi tapak pelupusan yang sama satu hari sebanyak 130 jentera lori sampah *compactor* yang melalui jalan tersebut untuk membuang sampah dan jalan yang dibina tidak dibina spesifikasi untuk kenderaaan berat *heavy duty road* dan didapati jentera ni melalui jalan yang dibina untuk orang kampung yang menggunakan spesifikasi Jalan Maris, jalan kampunglah maka pecah jalan. Saya telah mengadakan mesyurat tergempar dengan bahagian BKT dengan PPN, PBT-PBT insha Allah tahun depan kita akan cuba bina jalan konkrit khas untuk jentera berat dan kita tidak akan membenarkan jentera ni melalui jalan yang diguna oleh orang kampung dan harapan kita, kita dapat menggunakan jalan tersebut secara harmoni dan tahan lama Insha Allah.

Dan Salor membangkitkan tentang Kelantan Negeri paling selamat Semenanjung. Kerajaan Negeri yang mana indeks kita nombor 2 selepas Sabah. Sabah 105 jenayah bagi 105 penduduk paling selamat, Kelantan 96 lebih sore daripada 100,000 penduduk. Terengganu nombor 3… 100 jenayah dan 100,000 penduduk dan paling tercorok Kuala Lumpur lah 221 jenayah bagi 100,000 penduduk. Tahniah kepada Kelantan. Dan juga dibangkitkan…Salor ni puji belako nih… dan juga dibangkitkan Bandar Bahagia... bandar Bahagia kita di Kelantan seluruh daerah mencatat bandar Bahagia. Saya baca untuk makluman semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dan juga PBT lah. Jeli Bandar nombor 2 bahagia markah skor penuh 5… markah ada 5 penuhlah. 5.0 Jeli nombor 2 di Malaysia dan di Kelantan hanya 1 sahaja daerah belum lagi Bahagia walaupun viral walaupun sohor banyak projek turun dapat 3.67 iaitu Majlis Daerah Dabong dan apabila kita buat kajian Majlis Daerah Dabong ni belum Bahagia kerana penduduk resah. Stesen minyak dia belum siap, Balai Bomba baru siap dan Mahkamah Syariah dipohon kemungkinan dipercepatkan dan banyak infrastruktur asas yang belum ada di Dabong dan Insha Allah kita akan siapkan yang asas rakyat pun gembira ATM pun ada semua, homestay pun tak banyak benar lagi orang ramai mari 400 orang sekali mari jadi homestay ada dalam 10 butir jadi susahlah. Jadi kita akan cuba bantu untuk lengkapkan infrastruktur dan Insha Allah tahun depan kita akan pastikan semua bandar di Kelantan bandar yang Bahagia.

Dan disentuh juga Salor bandar mampan, dia gomo belako... bandar mampan ikut kepada indeks negara bandar mampan ambo nok share lah

sebab markah penuh belako semua PBT kita mencapai bandar mampan mencapai 80% ke atas. Tinggal lagi bandar Pasir Mas 79.3%. Tahun lepas bandar mampan belako tahun ni Pasir Mas menurun. Insha Allah tahun depan kita buat muhasabah kita buat surat analisis apa kekurangan yang dihadapi oleh Pasir Mas dan kita cuba bantu dan pastikan semua bandar di Kelantan ni bandar mampan dan nilai kemampanan, nilai kebahagiaan tidak diukur dengan banyaknya dengan bangunan pencakar langit, banyaknya pusat hiburan, banyaknya pusat membeli belah...dok.

Yang menilai ni indeks kebahagiaan bandar-bandar dunia yang dibuat oleh *western o*rang-orang baratlah. Orang Eropah tak tengok doh bandar-bandar apa ni ada bangunan 200…300 tingkat. Yang dia tengok kesejahteraan rakyat. Antara yang diukur iaitu ambo boleh kongsi garis panduan bandar mampan adil dan saksama, ihsan, aman, selamat, menghormati ilmu, sentiasa menghormati, cinta bersih cantik kerjasama, prihatin, alam sekitar, tidak membazir sumber dan cekap mengurus. Dia ada banyak *indicator*...kalau bahagia ada 14 indicator 6 komponen dan kalau bandar mampan tu dia ada lago skor-skor dia untuk mencapai indeks tu maknanya indeks mengukur dari segi banyak tempat hiburan modennya bandar tapi dia tengok kesejehteraan antara rakyat. Hubungan rakyat dengan pemimpin macam mana kita mencintai alam sekitar dan gaya hidup kita keamanan kita dan sebagainya.

Dan mengucap tahniah kepada semua PBT-PBT yang menjayakan semua program-program Kerajaan Negeri daripada Kelantanku Bersih, Promosi Tahun Melawat Kelantan, menganjurkan program-program di bawah Kerajaan Membangun Bersama Islam sepanjang tahun 2024 mengucapkan terima kasih kepada semua YDP-YDP, mantan YDP semua PBT yang menjayakan program-program sehinggalah Negeri kita menjadi Negeri paling selamat, bandar Bahagia, bandar mampan dan Insha Allah bandar sejahtera.

Hari ini Bersama-sama hadir MPWP Kuala Krai daripada DUN ambo tu tudung pink sebab tu keno kecek derah sikit tu ada penyokong. Dan kuala Balah ada menyentuh lagi bandar bahagialah... Jeli mencatat rekodlah 2019, 2021, 2023, 2024 daerah paling bahagia di Malaysia. 10 yang terbaik yang dipilih dari 10 tuh Jeli 4 tahun berturut-turut dengan skor 5% 2023 Jeli tak ada tapi Kuala Krai, Gua Musang terpilih 10 bandar bahagia 2022 dahulu dan juga Jeli tahniah *ASEAN Clean Tourist City Standard* sehingga 2026 …

**YB DATO' SPEAKER :**

Bandar Bahagia…Ahli-Ahli Yang Berhormat Bahagia jugak ker?

**YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :**

Yer...bahagia Insha Allah... dan dia juga telah mencalonkan diri untuk indeks kesejahteraan rakyat ni kajian mental rakyat. Tadi bahagia tu...mampan tu lain kesejahteraan satu lagi indeks mental psikologi rakyat belum ada keputusan lagi. Ada pun Kota Lama ni dia Doktor bahagian kesihatanlah memaklumkan Malaysia diramalkan menjadi negara menua 2030 kerana sebahagian besar rakyat berumur 60 tahun pada tahun 2030. Dan unjuran 2043 14%-15% rakyat akan berumur 65 tahun dan ini amat membebankan kerana kadar kelahiran anak kita di bandar merosot kerana dia panggil perkahwinan apa nih,... *child free* nikah tak sir anak. Itu masalah yang berlaku di bandar-bandar sehinggalah berlaku masalah bersekedudukan mugo tak nikah ni kea tak sir anak duduk sekali. Sebutir rumah tu ada 4 tino 4 jate bilik asing-asing tapi tak nikah mace negara barat. Itu negara barat antara benda-benda yang kita takut berlaku menular ke Pantai Timur jadi ada DINK istilah dia *Duo Income No Kids*.. bini kijo toklaki kijo kumpul pitih banyak tapi tak sir anak kerana kalau ada anak ngasuh RM800 sebulan kalau hantar sekolah RM1,000. Jadi liabiliti kepada keluarga maka mereka mementingkan kerjaya akan merbahayakan kepada pertumbuhan ekonomi negara 2024.. 2023 tak dok ore nak kerja.

Inilah yang berlaku dalam negara Jepun kerana dia menghadkan kelahiran berlaku di Singapore menghadkan kelahiran dalam satu masa orang tua belako tak dok orang muda. Dan indeks kesihatan mental belia Malaysia 2023 iaitu 71.9% sederhana yang mana indeks kesejahteraan psikologi Malaysia skor 6.9/8 sederhana dan itu sama sahaja di semua negeri kerana faktor yang sama dan Kelantan ambo tak dapat dia punya indeks kesihatan psikologi dan lebih kurang kita kira cuma peringkat Kelantan menyokong penuh Agenda Nasional Malaysia sihat ANMS untuk melahirkan rakyat yang sihat lagi sejahtera tahun 2020-2030. Kita lancarkan di Kelantan Sihat selain daripada Kelantanku Bersih dan Kelantan ni sihat…sihat badanlah. Banyak program yang kita buat sepanjang tahun dan pada bulan lepas kita buat sambutan bulan Malaysia sihat sejahtera sihat badan sihat mental di DUN Guchil.

Dan juga cara mengatasi masalah ni saranan daripada Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan untuk kita memperbanyakkan pusat taman rekreasi iaitu kita buat seiring untuk membolehkan semua rakyat meneroka alam semula jadi banyakkan program-program outdoor jangan duk pperak rumah hujung-hujung minggu... bawa la anak, bawalah bini kita teroka senarai-senarai pusat pelancongan daripada Jeli sapa Gua Musang Air Terjun, biar sapa Pengkalan Kubor sampai Semerak, pantai-pantai menarik dan tengah-tengah bandar daripada Kota Bharu dengan pusat rekreasi kita ada kolam air panas kita, sapalah ke Lojing. Banyak tempat menarik hujung minggu kita keluarlah bersama anak kita... bini kita dapat memberikan kasih sayang kepada anak dan mengeratkan dengan isteri kita iaitu syurga kita antara saranan JKM.

Dan mengenai mental kita dalam proses ambo dengan EXCO Wanita dan Perpaduan dalam proses untuk menwujudkan satu jawatankuasa khas untuk promosi kesihatan mental melibatkan semua agensi terlibat dan pendekatan holistik dan kita akan cari pelajar yang bermasalah, trauma ada psikologi, pekerja-pekerja swasta Kerajaan kita akan kenalpasti kita akan buat rujukan dan kita cuba rawat kaunselor-kaunselor peringkat Pusat dia ada talian HEAL untuk mengadu masalah cuma berbincang dengan pegawai JKM dia kata hok nelepon tu kecek kelate dan doktor jawab tu bahasa luar, tak jeliro. Jadi nak bui nasihat tu tidak jeliro. Kita akan cuba atasilah itu masalah yang berlaku loni. Kita Kelate ni kita pagar negeri kita tak bagi benda-benda tok molek masuk tapi ada benda kerik lah. Kita negeri *al-amru bil makruf* menyuruh kepada benda molek ,.. *walnahyu* mencegah kepada benda-benda mungkar. Tapi alik sana *al-amru bil makruf* jugak tapi *yakdu ani mungkar*…. dia bui benda-benda tak molek jadi kita buat pagar demo kerik… buat pagar demo kerik. Jadi tak selesai masalah jadi kita sama-sama mencegah benda-benda mungkar supaya kita dapat melahirkan masyarakat sihat, sejahtera dan juga sihat mentalnya.

Gual Ipoh... sikit lagi yer, mengucap tahniah ambo mengambil ucapan tahniah Gual Ipoh untuk ambo ucapkan tahniah balik kepada Majlis Daerah Tanah Merah kerana mendapat Anugerah Diamond oleh *Malaysian green technology and climate change MGTC* mendapat anugerah diamond di bawah *low carbon cities challenge 2030* berapa tahun mendapat anugerah Tanah Merah dianjurkan oleh Kementerian Sumber Asli dan alam sekitar pembaharuan iklim. Insha Allah dan Gual Ipoh selalu menyebut *Gulimard Bridge* dan ambo nak laporlah dan nilai pembangunan keseluruhan setakat ni *Gulimard Brigde* daripada 2021

dari zaman mantan EXCO lagi sehingga 2024 zaman ambo sebanyak 3.6 juta iaitu sumbangan bersama Negeri RM935,000…. KPKT RM965,000 and red sumber asli RM800,000 …. RAC RM400,000 MDTM RM500,000... KESEDAR RM300,000… KTMB menyumbang dari segi teknikal dan juga khidmat nasihat jadi terima kasih kepada semua agensi dan terima kasih kepada Negeri dan terima kasih juga kepada MDTM yang telah menyiapkan pembinaan semua infrastruktur, datarannya, kiost-kiost nya dan semua sekalilah dan Insha Allah kita doakan semoga permohonan Gual Ipoh untuk mendapat jalan akses daripada Gual Ipoh sehingga ke Biak Dabong ambo duk bice sedang menumpang nikmat, Insha Allah.

… dan Nenggiri potong dah jawab semula masuk jugaklah potong dah sakni nih. Dasar Perumahan Negara kita RMK 12 Kerajaan Persekutuan mensasarkan pembinaan 500,000 unit rumah kepada rakyat Malaysia Rumah Mampu Milik dan kita Kelantan bersama-sama cuma kita untuk penggal kedua ni tak buat kaedah *rent to own* (RTO) ni dia sewa dan juga miliki cuma sebelum ni zaman dulunya buat rumah awam kos rendah. Masalah sekarang kita ni kita cari tuan tak jupo. Dulu saem dengan mamat lori mari cari saem jupo.. royak bayar habis dah bos. Nama gapo? Dolloh tak dok dalam *agreement* tak leh nak *transfer* sebab tak dok *aggrement* dan rumah-rumah RMKR ini tidak dibayar dan Cuma terbaru ni kita bercadang untuk *rent to own* kepada RMK Telong di Bachok. Cuma ambo lebih utamakan keutamaan diberikan keutamaan kepada golongan-golongan OKU melibatkan OKU kita cuba *rent to own* yang melibatkan OKU menggunakan kemudahan penginapan yang selesa.

Dan untuk makluman Nenggiri untuk permohonan RMK boleh search *website e-perumahan.kelantan.gov.my* boleh daftar nama di Gua Musang kita akan bina rumah RMK telah dibina pun dah banyak PPR pun dah banyak bawah Galas ada 1000 unit tingkat 4 tak tahu isi ko dop loni 1000 unit dekat bomba tuh. Bandar Lama Gua Musang pun buat 800 unit 45,000 habis doh dan Insha Allah pada masa depan kita akan buat lagi cuma perlu daftar dengan e-perumahan.kelantan.gov.my dan PPR boleh buat *website* Jabatan Perumahan Negara cuma Nenggiri ni lokasinya tengah kita tak buat situlah takdop perancangan lagi dan Limbongan lagi bandar Jeli bahagia dan tahniah MPKB untuk makluman Limbongan tambah sikit selain daripada *best indeks cities* peringkat global daripada 1,000 bandar Kota Bharu mendapat 433 separuh oklah dan *south asean* Asia Tenggara tempat ke 16 dan terbaru bulan lepas MPKB mendapat tempat *champion* daripada Ketua Pengarah….. Malaysia atas *ease of doing business* projek-projek berskala kecil satu saja dapat

MPKB daripada seluruh 155 PBT di Malaysia. MPKB juga adalah bandar mampan dan juga bandar Bahagia dan mengenai Pasir Puteh MDPP mengenai keluhan kenaikan kadar cukai taksiran yang mana keluasan dan juga penambahan pegangan satu benda biasa dalam proses kita untuk membentuk sebuah bandar.

Maknanya kalau kena bayar cukai pintu tu akan jadi orang bandar la kitanya. Bukan hanya kita bayar cukai pintu tu dalam RM0.60... RM0.70 sahaja untuk satu hari jadi kita tanya bakpo tak kutip sampah? Kita bayar cukai pintu ni bukan hanya sampah saja. kita buka pintu pagar preeh mutor tubik jalan tar. Jalan tar tu PBT buat lah tu…tengah malam cahaya lampu…PBT buatlah tu. Longkang sepanjang Pasir Puteh berselirat longkang PBT jaga juga. Lembu mapuh tengah jale dalam bandar PBT cuci. Jadi kita bayar RM0.60 ni bukan hanya tugas PBT kutip sampah tapi segala infrastruktur dalam bandar tu kita rasa senang, rasa selamat, rasa suka bulah jale gi taman buleh beli tu nilai RM0.60 satu hari yang kita bayar kepada PBT. Ambo nak cerita takut rakyat ni kea dia kata ooo …. Sampah. Sedangkan segala infrastruktur kenikmatan bandar kerat pokok semua sekalilah sehelai daun luruh ke jalan pukul 5 pekerja buat kerja doh, kita tak bangun dia duk cuci doh. Kul 8 tu cuci doh jale. Nilai RM0.60 satu hari yang kita bayar.

Nilah yang kita perlukan daripada semua kita jelaskan tunggakan-tunggakan PBT Insha Allah kita dapat memberikan servis yang terbaik kepada PBT dan unjuran kita... kita tengok tunggakan cukai setiap PBT ni begitu tinggi. 30% cukai tertunggak setiap tahun. MPKB berapa tunggakan cukai yang tidak dijelaskan oleh penduduk. RM30 juta tunggakan cukai RM30 juta berbanding pendapatan MPKB RM70- RM80 juta setahun dan kita 2025 ni kita letak MPKB di naik taraf sebagai sebuah bandaraya kita nak capai RM100 juta. Jadi kita perlu kerjasama kepada semua penbayar cukai bayar cukai secara teratur Insha Allah kita akan berusaha memberikan servis yang terbiak. Jadi telur dengan ayam... cuci dulu baru kita bayar... bayar dulu cuci hok mana so. Sama-sama kita harmonikan sama-sama kita fahami jadi Insha Allah kita dapat jadikan PBT kita berdikari dan memberikan servis yang terbaik kepada rakyat kita. Jeram DO, Jeram Pasu, Jeram DO Insha Allah dalam dia tak banyak lagi perlu diinfrastrukturkan dan Jeram Pasu ni masalah kita banyak habis pitih kita comei mari palo air cabut habis. Jadi kita akan kaji semua kerana kena palo air.

Dan Mengkebang cadang supaya buat teater seni ganti panggung wayang. Teater seni ni banyak dipertayangkan di auditorium KL dan boleh kita *explorer* buat alternatif hiburan rakyat kita dan juga Kuala Krai daerah eco pelancongan betulah sebagaimana yang telah dinyatakan oleh EXCO Pelancongan tadi kita nak promote eko pelancongan ore nak mari tempat kita ni, nk tengok benda hok tak dop di tempat dia. Orang putih mari ni dia tak sir tengok bangunan besi, tempat-tempat disko hiburan. Dia mari nak tengok gapo hok takdok tempat dia. Tengok sungai, tengok jeram, tengok pokok getah...pelik mugo tak dok tempat dia. Kalu Kedah tu dia buat Muzium padi kita pun di tengok padi tahu doh pah tengok-tengok padi tapi benda tak dok di tempat kita. Jadi Mengkebang mintak Guillemard promote Teratak Abang Peah Swasta, Lata Berangin, Lata Pok Mad Kerinting pat ambo bedil kecik-kecik dulu…Lata Baling, Lata Y, Lata Lima, Air Terjun Raja Sakti terbaru. Banyak tempat-tempat menarik dan hok ambo sebut tu ada tempat-tempat menarik masing-masing dan kita tambah baik dan promote.

Dan Kemuning ada 2 lagi ambo ucap tahniah kepada NGO (SWISMA) Skuad Wanita Islam Machang dan juga (SUBIM) Sukarelawan Bakti Islam Machang yang menjayakan kempen kitar semula bersama dengan Majlis Daerah Machang dan juga KUMH setiap Jumaat dia buat kutipan barang kitar semula kumpul kutip botol dan bayaran itu disedekahkan kepada Tabung Palestin tema “Sampah Kepada Sedekah”. Tahniah kepada Machang dan ambo berharap tempat-tempat lain pun boleh tiru Machang. Hari Jumaat tubik pagi keliling rumah kutip-kutip kotak, botol-botol sampah kumpul wak gi ko masjid. Satu masa cukup telefon ko KUMH kita akan kutip dan kita akan bayar kita niatkan sedekahlah, sedekah dan Insha Allah cadangan DTRC sebelum ni kita sebut doh Insha Allah kita merancang untuk bina *drive thru recycle centre* pusat pengumpulan sampah secara pandu lalu di semua DUN Insha Allah perlu modal jugak tu.

Dan Kelaboran akhir sekali naiktaraf Pantai Geting kita buat dah iaitu dengan cadangan dibina jalan yang baik dan juga Menara tinjau seperti Pantai Irama Insha Allah kita beri pertimbangan dan juga masalah solat Jumaat para pengunjung yang berkunjung naik bot ke Pulau Suri dan juga Pulau Sri Tanjong. Pengjung 2,000 satu hari… hari Jumaat 2,000… hari Sabtu 2,000 takpo Sabtu Jumaat. Jadi 2,000 orang bot yang sedikit dekat-dekat bunyi bea nok gi cari bot tokdea. Tapi Pulau Sri Tanjong ni dia ada Masjid Insha Allah kita cuba buat trek dalam kampung tu buat

jalan konkrit supaya dapat menghubungkan Pulau Sri Tanjong dengan Masjid ada doh kemudahan-kemudahan cuma kita sedang supaya kita mintak pengusaha supaya boleh buat *buggy* ko lagumana hari Jumaat boleh punggah kot darat boleh mari untuk kita pastikan semua pengunjung hok musafir tak polah, hok local tempatan dapat solat Jumaat pada waktunya semasa mereka berkunjung menghidupkan pusat-pusat pelancongan yang ada di Tumpatlah.
Jadi itu sajalah yang menyentuh portfolio ambo dan ambo ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat atas cadangan-cadangan dan Insha Allah Kerajaan akan pertimbangkan dan Kerajaan akan berusaha sebaik mungkin akan cuba cari peruntukkan untuk kita merealisasikan hasrat-hasrat Yang Berhormat yang mana dipohon dan ambo percaya untuk kebahagiaan dan kesejahteraan rakyat dalam DUN kita.

وبا لله توفق والهدايه, السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**YB DATO' SPEAKER :**

Dipersilakan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta.

**YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD :**

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, firman Allah S.W.T

إِلَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ وَتَوَاصَوۡاْ بِٱلۡحَقِّ وَتَوَاصَوۡاْ بِٱلصَّبۡرِ ٣

*Maksudnya:' salinglah berpesan dengan kebenaran dan salinglah berpesan dengan kesabaran.*
*Surah Asr ayat ke 3.*

Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu saya merakamkan penghargaan tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Dato'

Panglima Perang Menteri Besar Kelantan yang telah pun membentangkan bajet keberkatan, kesejahteraan, keseimbangan untuk kemakmuran negeri dan pada teras yang pertamanya yang banyak melibatkan portfolio saya sendiri iaitulah teras pembangunan sahsiah berpandukan Al-Quran dan As-sunnah serta pembudayaan aman islami dengan peruntukan RM181.70 juta dan juga Pendidikan keagamaan termasuklah program-program yang melibatkan generasi Quran, membina generasi solat, membina remaja iman dan juga aktiviti-aktiviti amal islami sebanyak RM15.50 juta. Jadi ini adalah sebagai satu keutamaan yang telah diletakkan oleh pihak Kerajaan Negeri kepada pembudayaan aman islami yang sebenarnya pembudayaan aman islami ni tidak terhad kepada portfolio pembangunan Islam Dakwah sahaja tetapi ia meliputi ke semua portfolio-portfolio Ahli-Ahli Yang Berhormat ataupun EXCO kepimpinan Kerajaan Negeri kerana dari sedut berhibur pun perlu berteraskan kepada amal islami, dari sudut pelancongan pun perlu berteraskan kepada amal islami dan begitulah hal ehwal lain seluruhnya mesti berteraskan kepada pembudayaan amal islami ini.

Jadi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat termasuklah yang telah memberi insentif kepada pihak yang telah bertungkus lumus di dalam menyebarkan amal islami serta membina generasi-generasi pelapis supaya bertepatan dengan tindak tanduk mereka amal islami serta syariat islam iaitulah Yang Amat Berhormat telah mengumumkan untuk memberikan RM300 kepada Pengelola Pembantu Dakwah Halaqat bermula Januari 2025. Ini merupakan penghargaan yang sangat besar yang telah diberikan Kerajaan Negeri kepada pihak pengelola halaqat, pegawai dan pembantu termasuklah kepada guru-guru Al-Quran dan fardu ain sebelum ini mereka mendapat elaun RM200 ditambah kepada RM70 menjadikan RM 270 juga satu penghargaan yang besar untuk mereka bersemangat terus melaksanakan kerja-kerja di lapangan amal islami ini. Saya Yang Berhormat Dato' Speaker, semalam seramai 17 pembahas yang telah membahaskan ucapan dasar seramai 6 orang Ahli-Ahli Yang Berhormat telah menyentuh portfolio saya. Ada yang berbentuk persoalan dan ada yang berbentuk cadangan. Iaitu daripada Pulai Chondong, Galas, Jelawat, Mengkebang, Pengkalan Pasir dan juga Kelaboran.

Antara isu yang disentuh umpamanya oleh Galas berkaitan dengan didikan agama terhadap orang asli dan apa yang mualim-mualim dah lakukan tadi telah disentuh sepintas lalu oleh EXCO NGO yang juga ada melibatkan beberapa program yang melibatkan orang asli di bawah NGO

dan hal ehwal yang berkaitan dengan pentadbiran di bawah muaalim ini adalah dibawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan di mana untuk makluman muaalim yang telah dilantik oleh Jabatan Agama JAHEAIK mereka telah diberi penekanan Pendidikan agama dan dakwah ini di 5 pos setakat ini oleh muaalim. Mualim akan pergi ke Pos Balau, Pos Hau, Pasik, Tuil, Lojing. Di Lojing ni ada 2 iaitu di Sigal dan di Jekjok. Jadi program yang telah pun dilaksanakan iaitulah program kelas Fardhu Ain secara harian dan mingguan kepada orang-orang asli yakni dengan ditumpukan kepada modul yang telah dikeluarkan oleh JAHEAIK dan juga oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan untuk mereka amalkan terapkan didalam kehidupan mereka. Dan yang keduanya dengan diadakan program pengimarahan masjid dan surau di setiap Pos untuk solat berjemaah dan juga solat Jumaat dan sempena hari-hari kebesaran Islam.

Yang ketiganya, diadakan program-program santai umpamanya program tazkiran dalam kelompok yang lebih kecil bertujuan untuk memastikan belia ini tidak terjebak dengan aktiviti-aktiviti yang seumpama yang dinyatakan oleh Galas ketagihan alkohol yang melampau.

Yang keempatnya, ialah yang berbentuk program sukan seperti bolasepak, sepaktakraw dan lain-lain sukan dan yang kelima program khidmat masyarakat seperti membersihkan kawasan surau, pembinaan jambatan sementara dan program yang penting sekalinya ialah … orang asli dari dakwah bilhal. Itu kita *take care* dan pergi berjumpa dengan mereka bertanya khabar dan sebenarnya hal ini tanggungjawab yang besar perlu dimainkan oleh JAKOA yang berada di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah. Galas boleh pergi bagitahu Presiden Galas supaya akan turun. Kalau Galas tak pergi saya akan pergi turun jumpa dia. Jadi JAKOA ini sangat-sangat penting untuk mereka mengadakan program khusus kepada orang asli sebab dinyatakan didalam objektif yang ketiga di bawah Kementerian Desa ini iaitulah untuk memperkasakan masyarakat orang asli melalui Program Pembangunan Modul Insan Yang Komprehensif. Maksudnya ini adalah tanggungjawab yang agak besar yang perlu dilaksanakan. Jadi atas konsep federalisme itulah maka JAKOA juga seharusnya memberi penekanan kepada perkara ini.

Dan Pulai Chondong ada membangkitkan isu berkaitan dengan pentadbiran Mahkamah Syariah apakah perkara-perkara dan pencapaian yang telah dilakukan oleh peringkat Mahkamah Syariah dan sebenarnya di arus digitalisasi dan juga teknologi ini telah pun banyak

diupgred beberapa-beberapa perkara-perkara yang melibatkan sistem dan juga operasi di Mahkamah Syariah menggunakan sistem digital khususnya dalam pendaftaran tarikh penetapan perbicaraan melalui E-syariah telah pun diberi pemerkasaannya termasuklah platfoam segala jenis pendengaran iaitulah kes-kes yang tertentulah yang telah ditetapkan termasuklah yang telah pun dikuatkuasakan yang lama sudah kita harapkan yang sudah pun berlaku dan ditubuhkan 4 buah Mahkamah Tinggi Syariah iaitulah di Pasir Mas, di Bachok, di Tanah Merah dan juga di Machang yang telahpun berkuatkuasa mulai Julai 2024 yang lalu.

Ini antara pencapaian-pencapaian yang penting yang telah dilalui oleh Mahkamah Syariah sehingga ke hari ini dan Jelawat sendiri ada menyatakan tentang bagaimana untuk pengasingan Mahkamah Syariah termasuklah Jabatan Penguatkuasaan supaya bahagian Penguatkuasaan ini di *upgrade* menjadi Jabatan dan secara asasnya melalui mesyuarat yang telah dilakukan oleh satu Jawatankuasa Khas bagi mengkaji jawatan tertinggi ataupun Jawatan…. JKTT Jawatankuasa Khas mengkaji Jawatan-Jawatan Tingkatan Tertinggi Bilangan 1 Tahun 2015 telah pun membincangkan dan telah pun mengeluarkan satu model bersetuju untuk membuat satu peningkatan kepada 4 peringkat Mahkamah ini. Dan terkini pada 28 April 2024 yang lalu, pihak Jabatan Perkhidmatan Awam JPA telah mengeluarkan perjawatan yang telah diluluskan kepada setiap negeri-negeri sebagai panduan bagi pewujudan Mahkamah Rayuan Utama Syariah. Dan perkara ini sebenarnya telah kita nyatakan dan jawapannya telah dinyatakan pada persidangan yang lalu di mana kita tahu sehingga kini hanya ada satu sahaja peluang rayuan kepada mana-mana pesalah tetapi apabila kita mempunyai 4 tingkat Mahkamah ini iaitulah Mahkamah Syariah Utama maka akan membuka lebih peluang kepada pesalah untuk mereka membuat rayuan dan hal ini kita yakin apabila di Parlimen nanti RUU AKTA 355 dibentangkan dan diluluskan ia akan memberi perubahan-perubahan ini kepada negeri-negeri kepada tidak lagi 3 peringkat Mahkamah tetapi kepada 4.

Itu sudah tentu… jadi oleh kerana itu Kelantan dalam hal ini telah pun meneliti dan di dalam persediaan ke arah sebagaimana cadangan-cadangan pihak Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan cadangan tersebut. Dan saya ingin menyentuh sedikit tentang apa yang telah dinyatakan oleh gejala sosial baik Kota Lama, baik Nenggiri dan lain-lain termasuklah Limbongan bahawa kita seharusnya dalam isu-isu yang berlaku dalam negeri kita ini hal ehwal berkaitan dengan keadaan

situasi gejala sosial yang teruk ini dengan data-data yang dikeluarkan oleh mana-mana pihak oleh PDRM, AADK dan lain-lain. Yang penting jangan kita membahaskan data-data itu dengan neratif-neratif yang menakutkan meninggalkan trauma kepada rakyat kita khususnya ibubapa, keluarga dab komuniti masyarakat seharusnya kita cari solusi…mencari solusi-solusi yang …. dan cari kata sepakat untuk kita melaksanakan program-program yang boleh mengurangkan kadar sosial dan apa-apa masalah yang berlaku dalam masyarakat. Kita nak bekerjasama semua dalam hal ini sebab itu Kerajaan Negeri termasuklah dapat portfolio Pembangunan Islam dan Dakwah ini kita telah buat dan mengadakan program-program penghayatan dan keagamaan lain-lain untuk rekod dalam membina generasi solat sahaja.

Satu tahun kita telah mengeluarkan lebih 15,000 dan tahun 2024 ini kita telah mengeluarkan lebih 15,500 graduan daripada membina generasi solat yang mana seluruhnya 45 DUN yang ada 450 madrasah ataupun kilang-kilang pengeluar anak-anak muda di mana anak-anak muda itu ada di kalangan budak-budak ada syabab muda sehingga 18 tahun dan ada yang dewasa 18 hingga ke atas. Semua kategori-kategori ini di datakan dan diletakkan sebagai satu pelapis-pelapis untuk mereka mengerakkan pula melebarkan pula dakwah itu kepada seluruh tempat-tempat ataupun lokasi-lokasi yang lain termasuklah di dalam madrasah membina remaja iman yang kita bina setiap 50 orang daripada satu tempattermasuklah generasi Al-Quran yang Kerajaan telah memperuntukkan RM100 ribu pada setiap tahun demi untuk menjadi muda khususnya rakyat di Negeri Kelantan ini bebas daripada gejala-gelaja yang tidak dingini. Kerana kita menyakini dengan bahawa kita memperbanyakkan program-program kebaikan ini program-program keagamaan ini akan hilang keburukan-keburukan dan gejala sosial akan hilang sebab itu Nabi S.A.W bersabda dan iringilah kebaikan itu dengan kejahatan … iringilah kejahatan itu dengan kebaikan. Maknanya kita kena buat baik dengan perkara-perkara yang tidak betul.

Jadi sebab itu kita nak dalam hal ini kita nak semua pihak hendaklah mencari solusi bagaimana untuk kita nak memperbanyakkan perkara-perkara yang baik semua portfolio termasuklah berhibur cari musim-musim waktu-waktu yang sesuai. Jawatankuasa pembangunan Islam dan dakwah dalam tempoh musim tengkujuh ni musim banjir kita dah mula pada Oktober lagi supaya rakyat kita kurangkan hiburan bulan 11 bulan 12.. bulan 12 *stop* tangguhkan kerana kita yakin bulan ini adalah bulan banjir jadi kita nak imbangkan supaya tidak berlakunya banjir

yang tidak diingini banjir yang besar maka kita perbanyakkan amalan-amalan kebajikan, kebajikan tersebut dan kita selarikan dengan pergerakkan kerja-kerja rakyat kita supaya mereka dapat berhadapan dengan situasi-situasi getir ini dengan baik dan kita yakin sekiranya kita bersama-sama melakukan gerak kerja solat hajat suruh iman sahaja tetapi seluruh masyarakat di pejabatnya, di sekolahnya termasuklah di semua tempat, di rumah dan keluarga kita yakin tidak akan berlaku bencana-bencana yang besar banjir yang besar yang menakutkan yang akan meninggalkan trauma tidak akan berlaku dan Insha Allah segala data-data yang disebut bahawa gejala sosial keparahan budaya-budaya yang tidak baik itu dapat dikurangkan. Itulah pesanan yang besar yang telah saya nyatakan bagaimana saya nyatakan dalam hadis tadi.

Saya mengucapkan terima kasih juga kepada pihak beberapa Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengadakan program-program yang baik program-program ini mestilah dilaksanakan di DUN-DUN dan seluruh kawasan Kemuning telah mengadakan kempen Antidadah selama sebulan dan ini bagus dan DUN-DUN lain boleh panjangkan ke Pengkalan Pasir mengadakan program-program minda untuk pembentukan generasi-generasi anak muda yang sayangkan Islam dan apa nama terima kasih kepada pihak-pihak Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mencadangkan supaya diberi pemerkasaan dan kepada pusat Tarannum supaya lebih giat diperjalankan dan diperturunkan sehingga masyarakat lebih menyayangi untuk menjadikan Al-Quran ini sebagai suatu keutamaan di mana mereka berada.

Dan saya ingin menjawab yang Kelaboran yang ingin bertanyakan dengan soalan yang bertanyakan iaitulah yang berkaitan dengan adakah elaun imam yang daripada MAIK telah disalurkan kepada JPP. Yang saya nak nyatakan di sini memang bermula daripada November 2024 bayaran elaun yang melibatkan JAKIM ia telah disalurkan melalui JPP kita pun tak tahu apa pun dan sebab walaubagaimana untuk makluman semua Ahli-Ahli Yang Berhormat, imam ni tertakluk kepada MAIK 1994 jadi justeru pertukaran kewangan JAKIM yang bermula November 2024 in ia tidak memberi kesan kepada pelantikan pemindahan, pemecatan imam dan lain-lain tapi boleh jadi ia berlaku kepada soal apa nama di sekolah sebagaimana yang telah diungkitkan semalam tetapi kalau melibatkan imam-imam ini saya ingin menyatakan bahawa betul tetapi Ahli-Ahli Yang Berhormat dimaklumkan di sini bahawa bayaran elaun imam setakat ini dibuat melalui 3 sumber iaitulah MAIK, JHEAIK dan

juga JAKIM yang disalurkan melalui JPP bermula November ialah melalui JAKIM sahaja. Dan ia tidak melibatkan apa-apa masalah setakat ini tetapi kita seharusnya melihat daripada semua aspeklah. Kita minta semua pihak termasuk semua Kerajaan Persekutuan dan lain-lain supaya mempermudahkan urusan khususnya untuk penggerak amal islami di negeri kita ini baik imam baik atas nama guru-guru Al-Quran, pendakwah, guru takmir dan lain-lain.

Sebagaimana yang dicadangkan juga supaya diperbanyakkan program-program yang melibatkan penghayatan program penhayatan amal islami ini kita minta semua pihak agar memberi keutamaan kepada program-program yang melibatkan anak-anak muda khususnya zaman stress ataupun hari ini dianggap zaman yang melampau berfikir dan bertindak semua melampau dan kita telah pun berhadapan dengan semua situasi itu ada yang stress berfikir untuk membunuh diri dan lain-lain ini perkara yang mestilah diimbangkan dengan program-program yang berunsurkan nasihat keagamaan. Di bawah portfolio Islam dan keagamaan sendiri telah mengeluarkan satu produk tawasar iaitu saling berpesan khususnya baru-baru ini kita tumpukan 6 siri kita bekerjasama dengan KKM dan KKM telah mengambil video untuk sebaran iaitu untuk menghadapi bagaimana untuk kita memberikan suatu penyebaran satu supaya hadapi stress dengan cara yang tenang jangan terlalu tertekan sehingga membuat keputusan untuk membunuh diri dan lain-lain. Jadi hal ini perlu dipanjangkan oleh semua pihak tidak hanya yang melibatkan institusi keagamaan sahaja tetapi melibatkan semua portfolio-portfolio yang ada dalam negeri dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian yang berada di seluruh DUN yang tu kita dapat dipanjangkan kepada semua.

Saya di sini juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada seluruh agensi-agensi khususnya agensi-agensi yang berada di bawah portfolio saya di bawah JHEAIK, Jabatan Kehakiman Syariah, Jabatan Pegawai Syariah, Jabatan Mufti, MAIK, dan rakan-rakan strategik yang lain yang telah memberikan Kerjasama sepenuhnya di dalam membangunkan hal ehwal dan amal islami di negeri Kelantan ini dan kita doakan ianya diberkati oleh Allah S.W.T. 1,2,3,4,5,6,7,8, kalau kita semua sepakat Insha Allah dipermudahkan segala urusan…

وبا لله توفق والهدايه, السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

terima kasih Dato' Speaker.

**YB DATO' SPEAKER :**

Dipersilakan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan Pengajian Tinggi Teknologi Hijau, Digital dan Enovasi.

**YB DATO' HJ. WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :**

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Terima kasih pihak Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang Menteri Besar Kelantan membentangkan Bajet Negeri Kelantan 2025 yang bertemakan keberkatan kesejahteraan dan keseimbangan untuk kemakmuran Negeri dengan memperuntukkan dengan peruntukan yang agak tinggi khususnya kepada sektor Pendidikan. Ini menandakan fokus utama Kerajaan untuk melahirkan modal insan yang berkualiti memenuhi tuntutan Allah dan Rasulnya melalui sabda Nabi S.A.W **...**setiap anak yang diberikan kepada kita itu dalam keadaan suci bersih. maka tanggungjawab ibubapa untuk mempastikan bersih tu sampai akhir hayat untuk dikembalikan kepada Allah S.W.T maka itu menjadi tanggungjawab kita dan Nabi mengariskan cara untuk kita mendidik anak-anak

أدبوا أولادكم على ثلاث...

*didik anak ni perlu banyak yang perlu difokuskan iaitu 3 fokus utama yang pertama ajar anak kasih kepada nabi, yang kedua kasih kepada keluarga Nabi sahabat-sahabat dia dan yang ketiga watila watul qurran... ajar anak baca Quran.*

Dan inilah agenda utama pembentukan kokurikulam di Yayasan Islam Kelantan mengambil kira apa yang disabda oleh Nabi S.A iaitu sekolah aliran perdana ajar sejarah kita ajar jugak tapi kita di sekolah di bawah pentadbiran Yayasn Islam Kelantan di bawah Sirah Nabawi dan juga kita ajar dalam kurikulam iaitu Al-Quran bukan setakat tajwid bukan setakat

tafsir bahkan kita mangajar hafazan mengajar Al-Quran sebagaimana Kerajaan fokus dan memandang serius dengan mewujudkan 4 modul ataupun jenis tahfiz yang kita tawarkan di negeri Kelantan iaitu tahfiz biasa ni ada di Al-Kautsar Peringat dan juga Bunut Sarang Burung di Tumpat dan yang kedua tahfiz sains ibubapa nak anak dia hafaz Al-Quran jadi professional nak jadi doktor, nak jadi pilot boleh memasuki Sekolah Tahfiz Sains yang mana pencapaiannya adalah terbaik. Dan modul Tahfiz Sains Walqiraat melahirkan pakar-pakar Al-Quran dengan cara baca yang kita cuba didik anak-anak kita ni pakar dalam Al-Quran dan juga tahfiz kemahiran ataupun TVET yang ada di Beta Hulu.

Jadi terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam pembentangan bajet tersebut di mana Pulai Chondong membangkitkan agar TVET diberikan tumpuan di sesebuah sekolah dibawah Pentadbiran Yayasan Islam Kelantan. Jadi kita telah masukkan dalam perancangan di bawah Jawatankuasa Pengajian Tinggi Teknologi Digital dan Inovasi dan perancangan ini terlibat di sekolah-sekolah YIK yang terpilih. Manakala Pulai Chondong juga mencadangkan agar YIK menggubal kurikulam khas untukmenekankan perjuangan rakyat Palestin sudah ada di Yayasan Islam Kelantan dalam matapelajaran Tarikh Islam khususnya bersempena tajuk mengenai pembukaan Kota Baitul Maqdis pada zaman pemerintahan Umar Al Khattab.

Jadi pendekatan ini dapat diperkukuhkan kefahaman pelajar terhadap kefahaman sejarah Islam serta kepentingan Baitul Maqdis keagamaan dan perjuangan masa kini. Dan cadangan Yang Berhormat berhubung penggredan sekolah-sekolah Yayasan Islam Kelantan pula telah kita luluskan dalam mesyuarat Lembaga Yayasan Islam Kelantan siri ataupun Bilangan 1 tahun 2024. Maka ini juga selaras dengan penempatan pegawai serta guru yang setaraf dengan gred masing-masing. Inisiatif ini bagi memastikan pemerkasaan dan peningkatan taraf pengurusan sekolah.

Pulai Chondong juga mencadangkan agar Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) membangunkan kawasan tepian sungai berhampiran kampus. Jadi pihak KIAS mengambil inisiatif dengan kerjasama JPS Jabatan Pengairan dan Saliran membersihkan tepian sungai dan terima kasih kepada EXCO PBT yang menawarkan kerjasama Insha Allah dalam perancangan KIAS juga akan membina taman-taman rekreasi untuk kemudahan pelajar dan juga para ibubapa.

Seterusnya berhubung dengan Institut Bangsa Antarabangsa… Institut Bangsa Antarabangsa ditubuhkan dengan matlamat untuk menjadikan Pusat Pengajian Antarabangsa yang terbuka kepada semua lapisan masyarakat. Termasuk pelajar, mahasiswa, kakitangan Kerajaan, pekerja swasta dan orang awam. Dan yang terbaru kita buka kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat kita ajar Bahasa Cina dan ada hok pandai kecek Cina dah. [ KETUKAN MEJA OLEH AHLI-AHLI YANG BERHORMAT] Baru berapo kelas baru... berapo jam baru... boleh kecek Cina dah. Jadi antara kursus yang ditawarkan iaitu kursus secara terbuka jangka pendek, jangka panjang bergantung kepada jenis program yang ditawarkan di mana kita tawarkan kepada golongan awal remaja 10-12 tahun. Ini kursus *trilingual* Bahasa Arab, Bahasa Inggeris, Manderin. Juga kita tawarkan kepada golongan remaja untuk kursus pra SPM persediaan khas untuk pelajar Tahfiz dan Pondok yang ingin menyertai program-program *fast track* SPM dengan penekanan Bahasa Arab, Bahasa Inggeris dan juga Bahasa Melayu. Dan juga kita tawarkan kepada golongan belia lepasan SPM dan STAM iaitu kursus Bahasa Pra Universiti dan juga golongan dewasa. Ini yang menarik ni, golongan dewasa kita tawarkan juga untuk Bahasa Arab ibadat fokus penggunaan Bahasa Arab, solat dan juga ibadat khusus.

Yang keduanya kita tawarkan Bahasa Arab Al-Quran tentu peserta memahami Bahasa Arab untuk tadabbur Al-Quran sebagaimana yang disarankan oleh Pengkalan Pasir. Jadi kena hantar sinilah nak suruh pandai tadabbur Al-Quran. Insha Allah guru-guru yang berkelayakkan pakar akan mengajar peserta-peserta. Bahasa Arab Komunikasi untuk kegunaan harian, Bahasa Mandarin asas komunikasi membina kemahiran komunikasi dalam Bahasa Mandarin dan kursus Bahasa Arab untuk orang awam biasanya dijalankan pada hujung minggu Jumaat dan Sabtu dan modul ini di jalankan dengan setiap tahap mengambil masa 20-28 jam pengajian dalam tempoh 3-4 bulan. Dan juga KIAS menyediakan pengajian seolah-olah secara percuma untuk warga Dewan kalau boleh balik kempen untuk anak buah masing-masing di mana pengajian di peringkat Diploma selama 3 tahun Pengajian Islam, boleh minta dengan YAKIN anak Kelantan pinjaman YAKIN, tamat 3 tahun memperolehi Diploma layak sambung ke Al-Azhar Universiti sebabkita dah buat MOU dan Universiti Al-Azhar telah mengiktiraf KIAS boleh sambung untuk tahun 3 dan tahun 4 di Al-Azhar 2 tahun dan bila dapat tawaran boleh mohon pula pinjaman dengan YAKIN. Jadi sekiranya pelajar ni mendapat pointer 3.7 ke atas maka YAKIN akan *convert* pinjaman tersebut sebagai biasiswa. Itulah….

**YB DATO' SPEAKER :** [MENCELAH]

Yang Berhormat diminta untuk sambung sesi petang, boleh?

**YB DATO' HJ. WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :**

Boleh… terima kasih..

**YB DATO' SPEAKER :**

Ahli-Ahli Yang Berhormat saya berhasrat untuk menangguhkan persidangan dan Persidangan akan disambung semula pada jam 2.30 petang. Sekian terima kasih.

**PERSIDANGAN DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 1.00 TENGAHARI DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 2.30 PETANG.**

**PERSIDANGAN DEWAN DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 2.30 PETANG.**

**YB DATO' SPEAKER :**

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Dewan bersidang semula. Saya sekali lagi menjemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi untuk membuat Penggulungan. Silakan.

**YB DATO' HJ. WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya sambung penggulungan pada sesi pagi tadi. Yang mana ADUN Kuala Balah membangkitkan tentang penubuhan Sekolah Tahfiz di Jeli memanglah Arwah Tok Guru sebut dulu 1 Jajahan 1 tahfiz. Alhamdulillah sekarang ni Kerajaan telah berjaya menubuhkan setiap tahfiz di 9 jajahan tinggal 1 lagi di Jeli, dan menjadi hasrat Kerajaan untuk melahirkan penghafaz-penghafaz Al-Quran iaitu العلم فى صدور لا فى السطور او فى لكتاب ilmu di berada di dalam Al-Quran lebih-lebih lagi Al-Quran. Bukan dalam kitab... Jadi itulah hasrat Kerajaan jadi apa yang dibangkitkan oleh Kuala Balah pada masa kini, Yayasan Islam Kelantan telah mengenal pasti tapak untuk pembangunan Maahad Tahfiz dalam Jajahan Jeli bertempat di mukim Kuala Balah seluas 15 ekar bersebelahan dengan Balai Polis Kuala Balah. Yayasan Islam Kelantan telah membuat permohonan milik tanah serta membuat bayaran membuka fail kepada Pejabat Tanah dan Jajahan Jeli pada 17 Julai 2024. Status terkini, permohonan tersebut dalam tindakan sukat dan lapor di Pejabat Tanah dan Jajahan Jeli dan akan dipertimbangkan selanjutnya. Minta Yang Berhormat ambil perhatianlah.

ADUN Mengkebang mencadangkan agar kerajaan agresif mencari pelabur-pelabur, korporat-korporat yang dapat menyediakan biasiswa pelajar cemerlang. Jadi Cadangan ini baik dan boleh dibantu oleh PKINK dan PMBK.terima kasih… Mengkebang juga ada membangkitkan tentang Pemerkasaan Teknologi Internet of Things (IoT)

Kerajaan Negeri sedang meneliti aplikasi IoT dalam sektor pentadbiran awam, sektor pertanian, dan sektor-sektor lain untuk memaksimumkan kecekapan serta keberkesanan teknologi.

Kerajaan Negeri juga telah mengumpul dan juga telah menubuhkan pasukan pakar IT bagi membantu Kerajaan terutama bagi tujuan membawa masuk pelaburan digital ke negeri Kelantan khususnya bg projek Mini Lembah Silikon yang bakal dibangunkan di Tunjong (berdekatan stesen ECRL & juga KB Sentral). Kerajaan Negeri Kelantan bercadang untuk membangunkan Lembah Silikon Mini bagi mempercepat pembangunan industri dengan penglibatan swasta dan kerajaan negeri melalui program transformasi teknologi digital, program inovasi dan galakan pelaburan dalam kluster ekonomi dan industri digital. Cadangan ini sedang diteliti oleh PKINK dan agensi Sehenti ICT iaitu Kelantan ICT Gateway. Kerajaan Negeri Kelantan juga telah memberi penekanan dalam pemerkasaan pembangunan digital dalam aspek pelaburan dan pendidikan anak-anak.

Jadi Dalam aspek pelaburan, Kerajaan Negeri telah membangunkan Portal Invest Kelantan dalam Sistem e-Pelaburan. Inisiatif ini bertujuan memberikan kemudahan dari aspek penyampaian maklumat pelaburan di Negeri Kelantan kepada pihak pelabur yang berpotensi dan berminat dengan mewujudkan perkhidmatan secara dalam talian melalui Portal Invest Kelantan dan Sistem E-Pelaburan. Dengan inisiatif ini ianya dapat membantu meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan kerajaan dengan penggunaan ICT selaras ke arah transformasi digital. Perkara ini adalah terkandung dalam Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Kelantan yang telah dilancarkan pada awal tahun ini.

Untuk Penggunaan IOT dalam bidang pendidikan, pada masa ini Kerajaan Negeri melalui Kelantan ICT Gateway dan Yayasan Islam Kelantan sedang membangunkan Aplikasi Sistem Pengurusan Sekolah Bersepadu di bawah program Pendigitalan Sekolah2 Yayasan Islam Kelantan dengan permulaan untuk projek perintis ialah sekolah Maahad Sains Tok Guru, Pengkalan Chepa, Maahad Muhammad Lelaki dan Maahad Muhammadi Perempuan yang insha Allah akan dimulakan pada pertengahan tahun atau pertengahan Feb 2025. Kerana bagi sekolah ni nya sekolah *selected* dan sekolah berbayar maka sudah sewajarnya pelajar-pelajar sekolah ini dipantau pencapaian akademiknya. Jadi centralnya di Pejabat EXCO Insha Allah.

Mengkebang juga membangkitkan tentang Pengajian Sains dan Teknologi dimantapkan, aplikasi hafazan secara digital dilaksanakan YIK boleh adakan sesi libat urus secara town hall secara sedia ada. Terima kasih Mengkebang jadi penggunaan sains dan teknologi telah dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan penggunan peranti dan aplikasi terkini khususnya untuk mendapat akses mudah dalam sesuatu mata pelajaran. YIK juga telah membuka ruang penggunaan AI kepada guru-guru dengan kerjasama Arsyad Ayub Business School, UiTM Shah Alam. Satu bengkel melibatkan 80 peserta yang terdiri daripada jurulatih Utama dan pegawai YIK selama 3 hari. Begitu juga melalui kerjasama dan penglibatan dengan pelbagai program anjuran pelbagai pihak seperti agensi kerajaan negeri, MOSTI melalui Pusat Sains Negara, Persatuan STEM Kebangsaan, IPTA dan IPTS . Dua sekolah juga terpilih di dalam program rintis MyGuru iaitu portal pembelajaran secara maya. Jadi saya *try test* penggunaan secara maya dan kita pilih pelajar-pelajar lemah untuk mengikuti secara maya untuk meningkatkan kecemerlangan pada pelajar dan pembelajaran. Guru dan pelajar didedahkan tentang kecerdasan buatan, robotik, pengaturcaraan, dan analisis data

Kokurikulum tahfiz YIK menggunakan kaedah asal dalam proses penghafazan al Quran, iaitu secara talaqqi musyafahah dan tasmik, yang ni tak boleh tinggal la untuk mendapatkan keberkatan. walau bagaimanapun penggunaan digital telah dilaksanakan dalam penghafazan al Quran sebagai nilai tambah dan pengukuhan kepada kaedah asal. Kemodenan terkini kita gunakan untuk memantapkan lagi proses pelajar-pelajar cepat menguasai Al-Quran.

Yayasan Islam Kelantan mengikut sepenuhnya aktiviti kokurikulum sepertimana Kementerian Pendidikan Malaysia, jadi kita ikut sepenuhnya apa yang telah ditetapkan selaras dengan keperluan arus perdana sebagai nilai tambah 10 peratus untuk ke IPTA. Jadi kita ikut apa yang telah ditetapkan oleh pihak JPN. YIK juga mengikuti sepenuhnya pelbagai aktiviti Kokurikulum yg disusun oleh Jakim, KPM dan pelbagai Agensi Negeri dan Persekutuan sama ada bahagian Sukan, Ilmiah dan Badan Uniform.

Manakala Galas juga menimbulkan persoalan tentang pelaburan YIK terima kasih Melor yang telah menjawab persoalan ni dengan jelas ambo rasa tak keliru doh Cuma tambah sikit bila masuk ucapan Melor tu tambah sikit ucapan ambo. Dan ambo skipnya pertambahan bajet

Yayasan Islam Kelantan adalah menampung peningkatan perbelanjaan emolumen tahun 2025 yang melibatkan bilangan guru-guru, pegawai dan kakitangan YIK seramai 2,813 orang.

Perbelanjaan Emolumen YIK pada tahun 2025 dijangka meningkat sebanyak RM 17.0 juta tak pernah berlaku lagi nih pertambahan RM17 juta disebabkan oleh 9 'item'.....

| | |
|---|---|
| a. | Kenaikan Pergerakan Gaji Tahunan Biasa (KGT) |
| b. | Kenaikan Pangkat Secara Time Based (KUP) |
| c. | Pengisian kekosongan jawatan tetap bukan guru |
| d. | Lantikan skim Contract For Service (CFS) bagi kakitangan sokongan berelaun |
| e. | Tukar Lantik Guru Elaun kepada Sandaran |
| f. | Pengisian guru akibat pertambahan bilangan kelas tahun 2025…kita jangka kohor ramai minta YIK nih |
| g. | Pengisian kekosongan guru jawatan tetap |
| h. | Tukar lantik pekerja sambilan kepada pekerja berelaun |
| i. | Implikasi pelaksaanaan pelarasan mata gaji di bawah Skim SSPA sebanyak 8% yang melibatkan peruntukan tambahan sebanyak RM 17,034,262.12… |

satu peningkatan yang agak tinggilah. Jadi sudah pastinya YIK ni kena carilah modal yang diluluskan dalam bajet ni pun nak bayar gaji pun tak cukup lagi apatah lagi banjir nak mari pah nih, kerusi meja rosak lepas nih. Jadi YIK nak cepat benda tu kena cari pendapatan sendiri. Sebab tu lah ambo sebut baru nih YIK ni anak ramai duit tak berapa ada maka kena pandai cari make sendiri.

Berdasarkan asas-asas kenaikan emolumen seperti dinyatakan di atas, adalah wajar peruntukan bajet ditambah kepada Yayasan Islam Kelantan kerana pelaburan sedia ada tidak berupaya untuk menampung peningkatan keseluruhan perbelanjaan emolumen tahun 2025 yang

meningkat secara mendadak terutama apabila pelarasan mata gaji bagi pemakaian Pekeliling Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) menggantikan Sistem Saraan Malaysia Malaysia (SSM) bermula pada 01 Disember 2024.

Berhubung dengan Cadangan oleh ADUN Pengkalan Pasir pemerkasaan Pembangunan Digital dan Teknologi di Kelantan,

Kerajaan juga menubuhkan RDC (Reka Cipta dan Inovasi)
Sebuah RDC (Ruang Daya Cipta) akan ditubuhkan di UTC Kelantan melalui kerjasama Yayasan Inovasi Malaysia di bawah MOSTI. Pengarah YIM kata sendiri dan dia bersetuju untuk membuka ruang RDC dan ruang-ruang bersama melakukan inovasi untuk melahirkan pelajar-pelajar yang cekap dan berinovasi. Jadi RDC berfungsi sebagai hab untuk reka cipta, teknologi, dan inovasi, menyediakan pembelajaran, latihan, serta bantuan teknikal. Ia dilengkapi peralatan dan aplikasi teknologi Sains, Teknologi, Inovasi & Ekonomi (STIE), termasuk kemudahan cetakan 3D dan robotik. Dan Pendidikan dan Latihan Kemahiran Digital Bengkel AI dan Kreatif Digital: Fokus untuk belia dan beliawanis dalam membangunkan kemahiran teknologi kreatif. Latihan Usahawan Digital: Program khas untuk usahawan Kelantan, dikendalikan oleh Kelantan ICT Gateway.

Dan Peningkatan Infrastruktur Digital Kerjasama dengan SKMM memastikan kawasan bandar, luar bandar, dan komersil di Kelantan diliputi capaian internet stabil dan pantas, termasuk teknologi 5G. dan juga apa yang dibangkitkan oleh Nenggiri Insha Allah Kerajaan ambil maklum.

Berhubung Cadangan Aplikasi Hafazan Digital oleh ADUN Mengkebang, Kerajaan Negeri, melalui Kelantan ICT Gateway dan Yayasan Islam Kelantan, akan meneliti cadangan pembangunan Aplikasi Hafazan Digital untuk memperkasa pembelajaran hafazan secara interaktif.

ADUN Kemuning juga ada mencadangkan agar YIK memilih mana-mana sekolah untuk dilakasanakan TVET Pertanian di institusi YIK.

Jadi Kerajaan Negeri menyambut baik usaha menjadikan Kelantan sebagai pengeluar hasil tani terkemuka di Malaysia. Namun, berdasarkan Enakmen Yayasan Islam Kelantan (YIK) 1983 pindaan

2001, fokus utama YIK adalah terhadap penyebaran dan pengajaran agama Islam serta bahasa Arab.

Oleh itu, sebarang program atau inisiatif yang dirancang oleh YIK perlu selari dengan mandat utamanya, tanpa mengabaikan peluang untuk menyokong aspirasi negeri dalam bidang lain melalui kerjasama dengan agensi yang lebih berkaitan.

Walaubagaimanapun, terkini, Pusat Pengajian Pondok YIK telah memulakan usaha ini dengan Kerjasama KPKB. Yang mana tanah diPusat Pengajian YIK seluas 2 ekar di tanam Harum Manis. Dan Insha Allah musim akan mengeluarkan hasil bulan berapa Yang Berhormat EXCO Pertanian, bulan 3 ko bulan 4 dan sudah mengelaurkan hasil dan kita makan pun supo Perlis. Selepas pada ni tak kena gi Perlis dah paka gi Pondok Moden. Sambal-sambil gi ngaji kitab. Dan juga sawi, kangkong.

Dan Kelaboran membangkitkan TRS semoga dapat melonjakkan pencapaian SPM 2024 tahun ni. Jadi sebenarnya Dato' Speaker, timbulnya TRS bila kita nak melonjak pencapaian pelajar-pelajar kita seluruh negeri Kelantan. Jadi calon yang berada di Yayasn Islam Kelantan seramai 8,000 kita telah mengeluarkan bajet untuk pihak sekolah mengadakan kelas tambahan, motivasi, seminar dan seumpamanya dan selain Yayasan Islam Kelantan kita tak bleh masuk seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormatlah tapi tanggungjawab kita untuk atau memberi peluang kepada diaorang lebih-lebih lagi B40 maka timbullah idea kita nak buat tuisyen rakyat sejahtera. Kita buka di setiap 45 DUN. Jadi saya ucap tahniahlah semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengadakan tuisyen rakyat sejahtera yang diurusetiakan oleh Yayasan Islam Kelantan ILDAN dan nampaknya mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelajar-pelajar. Cuma tahun ni tahun permulaan kita mulakan dengan 4 subjek utama dengan peperiksaan mungkin tahun-tahun depan bila Nampak yang baik-baik kita akan teruskan walaupun kita mendapat halangan dan seumpamanya.

Jadi Kelantan Membangun Bersama Islam telah melahirkan apa yang disebut tadilah pelajar terbaik negara, sekolah terbaik negara, bandar paling Bahagia Jeli buleh 4 kali, MPKB mendapat anugerah Kelantan mendapat anugerah negeri paling selamat mengikut agensi perangkaan dan yang terbarunya Kelantan model perpaduan terbaik dan

pentadbiran Membangun Bersama Islam dan sekarang ni penghayatan Membangun Bersama Islam 34 tahun + 12 tahun dulu sifar rasuah. Dan kita juga dimomokkan pada awal 2000 dulu dengan Sekolah Agama Rakyat tempat melahirkan pengganas. Masa tu saya sebagai Pengetua ramai reporter-reporter mari tapi bila buat siasatan tak dok pun sekolah kita melahirkan pengganas.

Begitu juga sekarang ni kita dimomokkan dengan gejala sosial dengan pelbagai kajianlah royak sedangkan kita tidak diiktiraf sebagaimana yang saya sebutkan tadi tapi saya teringat arwah Tok Guru sebut tanah kita ni comel doh, tanah kita ni subur bila kita tanam tumboh molek mengeluarkan hasil yang baik. Cuma tanah-tanah tepi kita tu tak tanam molek reaa. Jadi makhluk-makhluk perosak mari menganggu tanaman kita. Jadi Ahli Yang Berhormat boleh pehedok… jadi nak kata gejala sosial tinggi dan sebagainya mungkin boleh buat kajian yang terperinci mari mana mari mana. Supo dulu lah Sekolah Agama Rakyat tempat melahirkan pengganas. Ambo jadi Pengetua 10 tahun, jadi Pegawai YIK 10 tahun. Jadi setakat ni nya tak dok. Cuma terbaru ni rasanya tak dok lagi.

Jadi sebagaimana yang disebut tu supo tadilah. Tendong minta pengesahan betul ko dop… kita gi YB gi nak bui derma kena tukar Guru Besar, apatah lagi kita nak melakukan program-program untuk gejala sosial. Sudah pastinya tokleh… ambo pun tokleh dan ambo pun sebut kepada Menteri dalam mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan yang ambonya setuju dia tak bui masuk pasal apanya tak sir bui habis duit. Kalu kita gi habis duit dok, ore minta. Takgi pun ore minta jugak... ble-ble gi kena pekdoh.

Jadi untuk akhirnya Yang Berhormat Dato' Speaker, akhirnya saya akhiri ucapan saya rebus ubi dimusim hujan,

*menjadi menu hidangan makanan,*
*terima kasih pihak Kerajaan,*
*bajet Pendidikan diutamakan,*
*semoga Hasrat dapat direalisasikan kemenjadian pelajar menjadi harapan,*
*sekian terima kasih.*

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Hj Wan Roslan Bin Wan Hamat, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Teknologi Hijau Digital dan Inovasi. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Hj Tuan Mohd Saripuddin Bin Tuan Ismail, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi untuk membuat penggulungan.

**YB DATO' HJ TUAN MOHD SARIPUDDIN BIN TUAN ISMAIL :**

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الحمد لله رب العالمين, والصلاة والسلام على اشرف الأنبياء والمرسلين, وعلى أله وصحبه أجمعين

Yang Berhormat Dato' Speaker saya mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang yang telah berjaya membentangkan Belanjawan Kelantan 2025 yang mana sebanyak RM6.76 juta untuk merealisasikan Kelantan sebagai Jelapang Makanan Negara. Saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas ruang dan peluang yang telah diberikan kepada saya bagi pihak Kerajaan untuk membuat sedikit penggulungan di atas perbahaan yang telah dibuat oleh beberapa Ahli-Ahli Dewan Ahli-Ahli Yang Berhormat semasa sesi perbahasan ucapan Belanjawan bagi tahun 2025.

Sebagaimana yang sedia maklum sektor pertanian merupakan pemangkin ekonomi negeri serta tunjang utama ekonomi Kelantan. Yang mana *food security* adalah menjadi keutamaan Negeri Kelantan dan juga negara kita Malaysia. Terdapat 8 Ahli Dewan menyentuh beberapa perkara yang berkaitan dengan sektor pertanian.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ADUN Pulai Chondong menyatakan pertanian adalah pemangkin utama ekonomi negeri Kelantan namun kekangan infrastruktur pengairan menjadi cabaran besar dalam meningkatkan produktiviti utamanya pengairan dan pengeluaran padi. Ia kita mengakui terutamanya kita mengalami beberapa cabaran pemanasan global..*global warming dan clamic change* perubahan iklim global dan juga kemarau yang extreme yang mana kita Insha Allah mesti membuat perancangan lebih rapi terutamanya untuk jangka masa

Panjang. Dicadangkan untuk jangka masa Panjang,pembinaan empangan Lebir sebagai sebahagian empangan pertanian di samping untuk mertigasi banjir, hidroelektrik, agro pelancongan dan lain-lain dapat direalisasikan kerana dengan terbinanya empangan ada sebahagiannya tujuan pertanian Insha Allah boleh menampung air pertanian seluruh Kelantan dan juga untuk jangka masa Panjang mengatasi masalah kekurangan air pertanian kita mengharapkan pihak KADA akan meneruskan cadangan *barrage* atau empangan jajar merentas sungai Kelantan dengan mengambil kira peraturan enakmen di bawah Jabatan Sumber Air Negeri Kelantan dapat direalisasikan. Insha Allah dengan beberapa perancangan untuk masa sederhana dengan pembinaan atau pembaikian... Di sungai Kelantan akan dapat mengatasi masalah kekurangan air untuk sawah-sawah padi.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Penglima Perang yang telah meluluskan bajet belanjawan 2025 ini bagi menaiktaraf Skim Pengairan Pertanian khususnya Skim Pengairan Belukar, Skim Pengairan Ulu Sat 1 dan Skim Pengairan Hilir Sat 2, Machang. Ianya adalah kesinambungan inisiatif Kerajaan dalam membangunkan Machang sebagai kawasan Jelapang baharu pengeluaran padi beras Kelantan.

Yang Berhormat Salor juga menyatakan walaupun sektor ekonomi pertanian negeri menguncup, namun pertanian dan sektor perikanan masih berpotensi besar untuk memberi impak kepada ekonomi, Negeri Kelantan sebagai bakul makanan negara. InsyaAllah banyak perancangan dan projek-projek sedang dibangunkan oleh agensi yang berkaitan dan juga syarikat-syarikat pelabur termsuk peruntukan yang adakan diberikan oleh Menteri Ekonomi berhasrat juga menjadikan Kelantan sebagai negeri bakul makanan negara.

Kuala Balah ada menyatakan kerajaan perlu mengurus sumber dengan lebih efisien melalui penggunaan teknologi dalam pertanian, perikanan, dan juga penternakan. Insha Allah kita akan melaksanakan mengikut kemampuan kita dengan bajet yang sedia ada.

Adapun cadangan untuk mengkaji kesesuaian penggantian getah dengan tanaman kelapa sawit mengikut trend semasa akan dilihat bersama dengan pihak-pihak terbabit dan agensi berkaitan termasuk perbincangan dengan agensi yang secara langsung terlibat dengan getah dan sawit seperti Lembaga Getah Malaysia, RISDA dan termasuk perbincangan dengan Persatuan Pemilik Ladang-Ladang Malaysia,

Persatuan Pekebun-Pekebun Kecil supaya dapat menjaga kebajikan dan juga penambahan hasil kepada tanaman ladang-ladang mereka.

Saya meraikan cadangan untuk membangunkan pusat pengumpulan hasil pertanian di Kuala Balah Insha Allah kita akan bincang dengan agensi yang berkaitan untuk diperhalusi dari segi lokasi dan bajetnya. Yang mana idea Kuala Balah juga selari dengan cadangan daripada Dabong iaitu program pembangunan

Idea Kuala Balah juga selari dengan cadangan dari Dabong, iaitu program pembangunan tanah terbiar secara komuniti serta memperkenalkan agropelancongan berasaskan komuniti dengan memanfaatkan potensi kawasan, menggabungkan elemen pelancongan dan pertanian untuk memberi peluang pekerjaan dan menjana ekonomi tempatan.

InsyaAllah saya sedia bekerjasama dengan YB Exco Pelancongan dalam mengangkat Agro Pelancongan sebagai alternatif penjanaan ekonomi kepada rakyat Kelantan.

Begitu juga Yang Berhormat Dabong dan Yang Berhormat Mengkebang mencadangkan perihal keperluan menggalakkan transformasi sektor pertanian melalui penggunaan teknologi seperti IoT, automasi dan sebagainya.

Saya amat bersetuju dengan cadangan ini. Melalui teknologi, ia bukan sahaja meningkatkan hasil dan produktiviti tetapi juga memberi nilai tambah kepada pendapatan rakyat luar bandar, terutama petani. Juga dapat menarik minat petani berkecimpung dalam sektor pertanian.

Kita sentiasa mengadakan Bengkel-bengkel teknologi seperti IoT Pertanian, Smart Farming, Drone, supaya kita dapat melahirkan pilot drone yang berlesen *Geographic Information System (GIS)* Pertanian dan teknologi pertanian organik serta lain-lain kursus dan bengkel berkaitan dengan teknologi pertanian.

Insha Allah jika sekiranya bajet teknologi pertanian kita dapat daripada Persekutuan ataupun KBKM banyak lagi kita dapat bangunkan modelisasi ataupun automasi juga agrorobatik yang melibatkan teknologi pertanian dapat kita pekenalkan kepada para petani kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Terima kasih kepada Yang Berhormat Limbongan yang mencadangkan untuk menjadikan Jeram Pasu sebagai Zon Hot Spot Penternakan.

Cadangan ini sebenarnya sudah selari dengan usaha kerajaan yang pada ketika ini sedang membangunkan Kelantan Biotech Livestock & Bio-ART Centre di Jeram Pasu. Pusat pembiabakaan ruminan ini akan diintegrasikan dengan kerjasama erat kerajaan negeri dan ECERDC membangunkan zon tanaman rumput untuk ternakan disana dan untuk para penternak yang lain. Untuk makluman juga, bersebelahan dengan BioArt Centre ini wujudnya MARDI Jeram Pasu yang sedang dalam penambahbaikan sebagai pusat Agro Pelancongan.

Yang Berhormat Kemuning mencadangkan pemerkasaan program pendidikan melalui TVET Pertanian yang dilihat sangat signifikan bagi meningkatkan pengeluaran hasil pertanian di negeri ini dan pembentukan budaya bertani di kalangan rakyat. Alhamdulillah cadangan ini selari dengan apa yang kami usahakan untuk makluman sading Dewan melalui perkumpulan Kelantan Berhad KPKB telah memperkenalkan pelajar pondok dan tahfiz melalui program Gerakan Al-Falah Pondok dan Tahfiz untuk mendapatkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 & Tahap 3. Sehingga kini terdapat Lima (5) buah Pondok & Tahfiz serta 1 Yayasan Anak Yatim telah mendapat Pengiktirafan dari Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia bagi mengambil Prantis dibawah Program SLDN (Sistem Latihan Dual Nasional) dibawah TVET Pertanian Tahfiz dan Pondok. Ianya dikira antara yang Pertama dalam Negara Malaysia.

Insya Allah menjelang April 2025, 125 Perantis Pondok Dan Tahfiz yang terlibat akan dapat sijil SKM. Insya Allah dan terima kasih juga untuk bajet Pendidikan Pertanian sebanyak RM 150,000 tahun hadapan Insha Allah kita akan memfokuskan juga sektor pertanian in kepada sekolah-sekolah terpilih yang boleh dilaksanakan program TVET ini.

Yang Berhormat Kelaboran menyentuh berkenaan dengan pembangunan kilang padi ataupun Kilang Padi Darul Naim serta pengeluaran Beras Darul Naim yang mana Insha Allah ia menjadi impian dan harapan yang menggunung dibawah sektor pertanian ia membantu para petani dan pesawah dan Kerajaan sedang menimbanglah beberapa cadangan dan juga kaeddah-kaedah menjayakan projek ini. Pembangunan ini dilihat berpotensi membangunkan pelbagai industri hiliran dan membuka ruang ekonomi kepada rakyat Kelantan khususnya kepada para petani.

Di mana daripada bahan-bahan lebihan beras bersih dari kilang padi ni seperti dedak halus, tenukut dan lain-lain akan membuka ruang pula kepada penghasilan makanan alternatif seperti pembuatan bokashi

makanan alternatif kepada ternakan ia pastinya dapat mengurangkan kos makanan pallet makanan ternakan yang sentiasa meningkat saban tahun yang menjadi cabaran kepada para penternak. Alhamdulillah Insha Allah

Alhamdulillah, insyaAllah, cadangan-cadangan dan pandangan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mengambil peluang dalam sesi perbahasan semalam akan diperhalusi dan diambil tindakan sewajarnya oleh saya dan kumpulan dibawah portfolio Pertanian, Industri Agro Makanan Dan Komoditi moga-moga kita sama-sama memastikan atau menjayakan Hasrat Kelantan sebagai Jelapang Makanan Negara.Akhir sekali lagi saya mengucapkan terima kasih diatas ruang yang diberikan dan juga cadangan yang berfaedah yang membina di dalam perbahasan persidangan kali ini.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**YB DATO' SPEAKER :**

Terima kasih Pengerusi Jawatankuasa Pertanian Agromakanan dan Komoditi. Seterusnya saya menjemput dan mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Izani Bin Hj Husin, Pengerusi Jawatankuasa Kerjaya Infrastruktur, Air Dan Pembangunan Luar Bandar... dipersilakan…

**YB DATO' DR. IZANI BIN HUSIN :**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Speaker, terima kasih kerana menjemput saya untuk memberi penggulungan. Beberapa orang ADUN telah menyentuh portfolio Kerjaraya Infrastruktur Air dan Pembangunan Luar Bandar. Antaranya ialah Pulai Chondong, Gual Ipoh, Gual Periok, Pengkalan Pasir, Limbongan dan Nenggiri.

Pulai Chondong menyentuh soal mengenai isu jalan sesak di Pulai Chondong ke Labok dan perkara ini telah maklum oleh JKR dan mengenai pandangan sama ada nak buat *flyover* ataupun dok. Setakat ini JKR memaklumkan tidak ada perancangan untuk pembinaan *flyover* namun dengan izin bagi mengatasi masalah kesesakan di kawasan ini JKR telah merancang jalan alternatif baru daripada kg Joh, Labok ke Mata Air. Projek ini telah dilluluskan di bawah peruntukan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dengan kos sebanyak RM57.5 juta

dan status terkini projek ini ialah sedang dalam pembinaan. Projek ini dijangka disiapkan pada tahun 2027. Oleh yang demikian, JKR menjangkakan aliran trafik akan lebih lancar kerana pada tahun 2027 juga, dijangka projek Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai dapat disiapkan dan dengan itu terdapat 3 jaringan jalan yang boleh digunakan oleh penduduk iaitu Jalan Joh ke Mata Air, Jalan Labok Ke Pulai Chondong dan Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai. Dan untuk mengurangkan kesesakan jalan raya hubungan JKR antara PDRM juga diambil kira.

Seterusnya, YB Gual Periok menyentuh berkenaan banyak sikit Gual Periok nih:- 1. Status Jambatan Pengkalan Kubor – Tak Bai 2. Status Jambatan Rantau Panjang – Sungai Golok 3. Pelan Mitigasi Banjir 4. Status Tebatan Banjir Sungai Golok dan juga Empangan Bukit Kwong. Empangan Bukit Kuwong yang dikatakan dikunci macam penjara orang tak boleh nak masuk. Jadi minta supaya Empangan Kwong ini dibuka untuk rekreasi. Bukit Kwong ni dibina pada tahun 1976 sudah tahun 1979. Kapasitinya disebut bahawa dianya peringkat sederhana tapi ia mempunyai bahaya tinggi. Ni dibuat oleh US Army corp and engineering dia sebut bahawa Bukit Kwong ni empangan nya bahaya peringkat tinggi. Itu yang disebut. Walaubagaimanapun kita tahu Bukit Kwong ni satu tempat yang comel yang duduknya di tempat berbukit bukau yang comel.

Jadi untuk hari tu JPS sebagai tuan rumah bolehlah meneliti apa yang disebut oleh UMS army coop tu betul ko dop kajian tu atau kajian semula sama ada benda ni boleh dibuka oleh orang ramai untuk tujuan rekreasi dan juga keselamatan. Gapo dio tu ambo kena cek balik dari sudut keselamatan empangan tu sendiri ko atau dari sudut keselamatan ataupun empangan tu sendiri selamat untuk orang ramai tu satu hal jugak. Demo gi mace-mace dih.. sapoh dok sapoh…jadi suka saya menjawab soalan-soalan yang dilontar oleh Gual Periok tu STATUS JAMBATAN PENGKALAN KUBOR – TAK BAI. Kerajaan Persekutuan telah pun meluluskan projek ini di bawah RMK 12 RP 3 untuk kerja-kerja awalan. Status terkini ialah dalam kajian awalan. Status terkini ialah kajian awalan Kajian Trafik telah siap dilaksanakan dan pada masa kini kerja-kerja kajian untuk alam sekitar (EIA) dan kajian impak sosial sedang dilaksanakan. Dan kajian-kajian ini Insha Allah akan selesai 2026. Makna kajian awalan siap 2026. Tak wak gertok lagi tuh baru kajian awalan.

Kemudian, merujuk kepada persoalan STATUS JAMBATAN RANTAU PANJANG – SUNGAI GOLO :- Status terkini projek pembinaan jambatan

Rantau Panjang – Sungai Golok dalam proses menandatangi *Memorandum Of Aggrement (MOA)* antara negara Malaysia dan Thailand, dan dijangka ditandatangani pada Disember 2024 yakni akhir Disember 2024. Sekiranya MOA ini berjaya ditandatangan pada Dis 2024 ini, proses tender pembinaan jambatan ini akan di buat terus pada Disember 2024 juga Insha Allah.

Seterusnya, berkenaan PELAN MITIGASI BANJIR, yang juga perkara sama dibangkitkan oleh YB Pengkalan Pasir :- Pada tahun ini, JPS telah menyediakan Pelan Induk Sistem Saliran Mesra (PISMA) bagi jajahan Kota Bharu, Tanah Merah dan Pasir Mas. Pelan ini juga akan diteruskan bagi tahun hadapan yang melibatkan jajahan Gua Musang, Kuala Krai, Machang, Pasir Puteh, Bachok, Jeli dan Tumpat. PISMA ini boleh dijadikan sebagai rujukan utama dalam menyediakan pelan saliran yang lebih berkesan bagi mengawal banjir secara lokaliti. Selain itu, pihak JPS juga sedang menyediakan Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM), yang bertujuan untuk menyediakan pelan-pelan penstrukturan dan baikpulih sungai, sumber air dan mitigasi banjir, serta peranan-peranan agensi kerajaan yang lain dalam pengurusan lembangan sungai tersebut.

Status Tebatan Banjir Sungai Golok:- hok ni agak meruncing sedikit kerana pandangan professional dan pandangan orang kampung tu dia jadi bertembung. Orang kampung tak boleh terima pandangan sungai ni sebagai penyelesai sebagai banjir pahtu dia gi katok lembangan tuh pecah tak bereti lagi sampai ko hari nih. Untuk menjawab persoalan ini pertama kajian ini kajian yang dibuat oleh prosesional yang nak royaknya bahawa proses tebatan ini adalah caranya terbaik untuk mengatasi banjir. Contoh mudah jah, bakpo alik siam jadi alik kita tak jadi. Kalu kita nak marah kepada lembangan sungai tak berjaya kenapa alik siam berjaya? Maknanya lembangan tu atas tok jadi adalah kerana kelambatan kesiapan lembangan tuh. Kalu siap awal alik siam kea dia buat cepat sudah kea, bila sudah cepat maka air tu tercegah daripada masuk Kawasan alik dia. Dan dia buat spillway juga supo kita. Bila air darat banyak dia buka habis pintu-pintu supaya air darat turun. Bila air sungai tu tinggi dia tutup habis spill way dia. Kita pun proses yang sama benda yang sama berlaku cuma kita berlaku sedikit kelewatan dalam persiapan…kesipan semua ni PLSB nih. Kita ada macam2 fasa..fasa 1, 2 dan 3…. kita ada fasa 1 kita buat kemudian kita ada masalah pengambilan tanah dan gapo semua kita beri tempoh masa sehingga hak baru ni kita siap 2025 hok baru cadangan baru. Ada pun peringkat kedua ni dia bermasalah sikit. Masalah sikit tender…. bila tender tak

cukup syarat tak ada yang boleh *qualified*… Jadi proses yang kedua ni di retander atau tender semula. Adapun yang ketiga ni dalam proses cuma baru 4% buat. Jadi dalam kajian professional kalau bandingkan dengan Thailand bila siap benda nih Insha Allah banjir tu akan boleh diatasi sedikit sebanyak. Ni pun masa tu banyak lagi 3 tahun lagi. 2024. 2025...2026 dan 2027 baru ... Apa pun dengan *spillway* buat gapo semua ni kita tambah 10 dengan hok pecah setengah pah tambah lagi 20 jadi kalau hujan ni kita harap air darat ni dapat keluar ke sungai dan Insha Allah dapat membantu mengatasi banjir kawasan Rantau Panjang.

Yang keseterusnya apa lagi eh… habis doh tu hok Gual Periok tu… yang seterusnya Gual Ipoh ni panje...Gual Ipoh ni dia minta Jambatan Pasir Kelang dikatakan sebagai projek sakit.

Status jambatan Pasir Kelang yang dikatakan sebagai projek sakit. Kemudian cadangan menaiktaraf jalan sekitar Gual Ipoh seperti jalan Biok – Peralla dan jugak jalan Ulu Bertam adapun status jambatan Pasir Kelang ni bakpo dia tidak sakit, ia lambat kerana jambatan sementara dia buat tu mengalamai masalah piling sistem dia. Situnya dale...sungai tu dale sangat jadi piling lambat dan juga sampah gegoh banyak situ jadi untuk itu dia jadi lambat sikit deh.

Cadangan menaiktaraf jalan-jalan ni umpama jalan Biok, Peralla Ulu Bertam yang kita telah angkat kepada KKDW yang kosnya RM600 juta. Jadi…tepuk sikit [DIIKUTI TEPUKAN DARI AHLI-AHLI YANG BERHORMAT] jadi KKDW telah lulus kerja awalan dan dia telah cadangkan kepada UPEN Kelantan. Cadangkan kita dah dan UPEN Kelantannya buat cadangan supaya buat jajaran baru. Jajaran baru ni lah yang JKR duk kira semula dan bentang balik jajaran baru kita ni dan UPEN pada tahun 2025. Kita ambil maklum dengan Insha Allah selesai kohor-kohor.

Nenggiri jalan rosak… YB Nenggiri juga membangkitkan isu-isu di kawasan beliau seperti:- 1. Jalan yang rosak disekitar kawasan Nenggiri. Dan keadaan lampu jalan di Nenggiri... nak wak gano nasib la Nenggiri [hok tu hok gurau deh] apa pun bagi menjawab kepada persoalan tersebut, pertama, Pihak JKR telah mengangkat permohonan peruntukan pada tahun 2024, namun disebabkan kekurangan peruntukan yang diluluskan kepada JKR, permohonan bagi kerja-kerja penyenggaraan bagi Jalan D235 Jalan Bertam Baru - Jerek, Jalan D29 Jalan Gua Musang-Jelawang akan diangkat semula dan menjadi sebahagian senarai keutamaan dalam permohonan penyenggaraan jalan negeri 2025. Kedua, berkenaan lampu jalan, Pihak JKR juga telah

mengangkat permohonan peruntukan pada tahun 2024, namun disebabkan kekangan peruntukan juga yang diluluskan kepada JKR, permohonan lampu jalan tu akan diangkat semula lepas pada ini insha - Allah.

JKR ni habis tea nak mikir semua jalan raya penghubung pengangkutan ni sangat penting. Comel jalan raya rangkaian dengan sendirinya akan meningkatkan peluang-peluang ekonomi atau dengan sendirinya sejajar jalan-jalan raya yang baik. Namun demikian ekonomi negeri Kelantan, semasa jumpa dengan Menteri Ekonomi kita sebut dah bahawa untuk menyelesaikan masalah penyelenggaraan sahaja jalan line putih dan sebagainya kita memerlukan lebih RM400 juta. Tetapi kita boleh RM 100 juta. Maknanya kita kurang RM 300 juta...bayangkan gelepar Pengarah JKR bila mari laporan bila mari pakat *complain* gotu goni... complain rakyat tu kita atar ke dio dek neh. Semua *complain* rakyat ambo atar kepada Pengarah JKR nak wak lagumana... gelepar... nyaknyo jugak ke dia. Tu tak marah lagi tu gelepar dah... [ SAMBIL TERGELAK KECIL] nak marah tak leh sebabnya dia habis tea duk ngejas keutamaan *priority* untuk menyelesaikan masalah-masalah kita. Jadi kekangan inilah sebab tu masa Menteri Ekonomi mari baru ni kita minta boleh *revised* lah… boleh review la apa tu peruntukan-peruntukan hok mari kepada Kelantan nih. Sama ada peruntukan kepada JKR, peruntukan kepada JPS dan sebagainya yang di bawah agensi Kerajaan Persekutuan ni duduk takut lama duk banyak tu sekian tahun nak-nak tahun.

Jadi oleh kerana tu kita dalam Dewan yang mulia ni juga kita rasa pihak Persekutuan boleh menilai ke semua portfolio-portfolio yang ada di Negeri Kelantan ni untuk ditambahkan bajet demi untuk kebaikan rakyat semualah rakyat Kelantan ni rakyat Persekutuan jugak. Ambo rasa tu lah hok ada…. bereti lagu tu dek neh. Aarrr… Chempaka pun tak royak dah la…oooo Limbongan... Limbongan sabit dengan ECRL dia kata kesan ECRL. Jadi ECRL ni Insha Allah tak dok kesan negatiflah yang adanya kesan positif dengan pembangunannya. Nombor satu jalan cepat pembangunan supa saya royak tadilah, bila pengangkutan *efficient* maka kerja-kerja atau perkembangan ekonomi akan jadi naik dengan sendirinya. Jadi kita tahniah dan yang keduanya nak maklumkan bahawa juga ECRL ni Kelantan hok cepat sekali. Dia ada masuk daripada Selangor masuk Pahang, masuk Kelantan. Kelantan hok cepat sekali cepat dari segi urusan tanah PTG first class kita puji hok tu, tahniah, cepat siap selesai dan ECRL pun puji kita terima kasih Kelantan buat kerja dengan cepat Alhamdulillah.

Kemudian dalam pelaksanaan dia tu ada tempat dia kambus situ sini sebab nak wak gotu goni. Insha Allah kalau banjir dia akan buang balik Insha Allah kita akan diatasi. Er,.. Pengkalan Pasir…hok Pengkalan Pasir ni sedak juga Pengkalan Pasir dia tanya dia jawab. Jadi kita paka jawapan dia la dih. Dia tanya hok jias tu dia kata peruntukan tolak dia kata nak minta pulak tahun depe. Haaa saya paka hok tuh [SAMBIL TERGELAK]. Jawapan hok tu la deh… Chempaka pulak minta jalan penghubung. Guano baik dia dengan Kijang... dia nak biar jalan Chempaka dengan Kijang ni berhubung hok tu dia minta. Jadi Alhamdulillahnya berkenaan dengan Langkah tersebut JKR telah mengambil langkah proaktif dengan mengangkat perkara tersebut sebagai projek utama di bawah RMK12 RP5 yang dianggarkan berjumlah sebanyak RM70.5 juta sedang menunggu kelulusan daripada pihak kementerian dan Insha Allah sekiranya tidak diluluskan, kita angkat pula lepas pada nih. Jalan tu ialah Jalan daripada Tok Sadang ia start kokni la dih... daripada Cabang 3 Kedai Buluh masuk kot tu, tubik kot Tok Sadang tubik kot Airport. Jalan tu diangkat daripada jalan tu kepada Jalan Negeri Insha Allah ia dibesarkan.

Ok setakat tu Yang Berhormat Speaker, setakat tu..

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**YB DATO' SPEAKER :**

Ok terima kasih… Dipersilakan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan Perindustrian Sumber Manusia, Perdagangan dan Keusahawanan.

**YB MEJAR (B) DATO' HJ MD ANIZAM BIN AB RAHMAN :**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Dr. Sri Amar Diraja Dato' Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah dan Syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang Dato' Menteri Besar Kelantan yang telah berjaya membentangkan Belanjawan Negeri 2025 dengan bertemakan Keberkatan Kesejahteraan, Keseimbangan dan Kemakmuran Negeri.

Terdapat beberapa orang Yang Berhormat telah membangkitkan perkara yang menyentuh pelaburan di Negeri Kelantan. Yan Berhormat Galas menyentuh bandar perabot di Kawasan perindustrian Gua Musang keluasan tapak 350 ekar pajakan 99 tahun, 16 lot individu, 86 ekar

setakat ini yang diangkat dalam pajak 2021 – 2120. Perundingan perlu membuat pindaan dan memgemukakan semula pelan yang melibatkan lot tersebut. Pihak Plan Malaysia memaklumkan sehingga kini pihak MAQIS masih belum mengemukakan pindaan semula plan kepada urusetia JKMPP sebagaimana dalam mesyurat Jawatankuasa Pemantauan Projek Pelaburan pada Bil.1 2024 yang lepas. Itulah kedudukannya dan selama itu PTG dan juga Kerajaan Negeri memantau secara rapat berkenaan dengan hal MAQIS ini.

Begitu juga dengan hal projek ladang hutan yang dibangkitkan tiada hal yang berkaitanlah dengan yang ini. Manakala KB Sentral pula sedang dalam pelaksanaan peringkat perak transit berhad dengan pihak ACC Sdn. Bhd tentang siasatan tanah konsep dan rekabentuk bangunan tersebut akan dibincangkan kemudian selepas ini. Ia adalah sebuah terminal gred A. Manakala Dato' Bentara permohonan kebenaran merancang telah diluluskan oleh Jawatankuasa kawalselia merangcang dan penyelaras aktiviti kemajuan projek pembangunan pada 20 Ogos 2024. Tertakluk kepada syarat-syarat tertentu yang perlu diambil tindakan oleh pihak pelabur.

YB Pulai Chondong ingin tahu berkenaan dengan kemajuan projek IBS di Labok. Terima kasih kepada Pulai Chondong *progress* fizikal setakat ini ialah 67.93%, delay atau lewat sedikit ialah sebanyak 13.83% (129 hari lewat). Tarikh siap yang baru 20hb September 2025 bahagian Infra. Manakala YB daripada Kota Lama sedang menyentuh tentang hal pekerjaan. Dalam sektor ekonomi di Negeri Kelantan ini menunjukan peluang pekerjaan baru membuka ruang untuk pelabur-pelabur tempatan untuk promosi produk-produk di Negeri Kelantan. Contohnya di kawasan Pengkalan Chepa rohm-elektronik mengambil pekerja lebih kurang 2,100 orang, Irawan Industries 371, Perang Nusa Glove 329, Ain Medicare 1300 dan …. Garment 200. Ini semua kebanyakkan ataupun mejoriti hampir 100% ialah rakyat Kelantan. Terima kasih kepada syarikat-syarikat tersebut yang telah mengambil dan juga syarikat-syarikat lain yang berada di Negeri Kelantan ini lebih kurang 7,000-10,000 pekerja kebanyakkannya orang Kelantan.

Tanpa sokongan logistik infrastruktur utiliti dan amatlah sukar kita bergerak selancar mungkin. Berkait rapat dengan semua sektor perkilangan, pembuatan pemasaran dan komunikasi dan pengangkutan dan perkhidmatan. Justeru itu kita amat berharap semua jabatan badan berkanun sektor swasta yang terlibat supaya negeri Kelantan menjadi

mesra pelabur mesra pelabur dan yang berwibawa atau yang betul-betul berminat untuk melabur di negeri Kelantan kita mengalu-alukan.

Terima kasih sekali lagi kepada semua pelabur-pelabur yang akan datang dan semasa yang akan datang ke negeri Kelantan supaya mengambil pekerja-pekerja daripada tempatan. Sama ada semi skill ataupun kemahiran. Insha Allah situasi di negeri Kelantan akan berubah pada tahun 2025 dan 2026, 2027 setelah siap rangkaian pengangkutan ECRL Kota Bharu-Kuala Lumpur- Gua Musang dan pembesaran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra. Oleh itu kita berharap ianya akan berjalan lancar.

Akhir kata saya ingin mengucapkan dan mengambil kesempatan ini terima kasih kepada YB daripada Kuala Balah telah menyebut tentang infact 2025 yang kita harap pada tahun hadapan benda yang sama kita akan buat yang lebih baik lagi dan kita akan jemput semua Wakil-Wakil Rakyat hadir, ADUN-ADUN hadir ke tempat tersebut. Itulah semangat yang ada dan saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua GLC yang terlibat dan yang mengambil bahagian di dalam *investment gateway to Malaysia* baru-baru ini dan terima kasih kepada YB Pengkalan Pasir yang menjadi speaker juga *invest grow* dan prosper Kelantan *segmen finance* Dan marketing dan lain-lain lagi. Bercambah ilmu pada infact forum tersebut.

*Kain songket benang sutera, lipat sebelit buat selempang,*
*Ilmu yang banyak ibarat cahaya, walaupun sedikit menjadi terang.*

وبا لله توفق والهدايه, السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**YB DATO' SPEAKER :**

Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri Besar.

**YB DATO' TIMBALAN MENTERI BESAR :**

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين, والصلاة والسلام على اشرف الأنبياء والمرسلين, وعلى أله وصحبه أجمعين

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Pertamanya saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan juga terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang Menteri Besar Kerajaan Negeri Kelantan yang telah berjaya membentangkan Bajet 2024 dengan jumlah RM1.54 billion Alhamdulillah Insha Allah semoga diberkati oleh Allah Taala.

Yang kedua, saya ingin mengambil peluang untuk mengucapkan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat kalau tak silap saya sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Speaker 17 orang telah mengambil bahagian dalam Perbahasan yang mana sudah tentunya mempunyai cadangan-cadangan yang sangat bernas juga imbasan-imbasan, teguran-teguran dan sebagainya. Ini adalah sesuatu yang baik bagi kita sama-sama membangunkan negeri yang kita kasih negeri yang kita sayang ini

بسم الله الرحمن الرحيم

وَٱلْبَلَدُ ٱلطَّيِّبُ يَخْرُجُ نَبَاتُهُۥ بِإِذْنِ رَبِّهِۦ ۖ وَٱلَّذِى خَبُثَ لَا يَخْرُجُ إِلَّا نَكِدًا ۚ كَذَٰلِكَ نُصَرِّفُ ٱلْءَايَٰتِ لِقَوْمٍ يَشْكُرُونَ ٥٨

Al-a'raf ayat 58.

Ayat ini saya ingin mulakan sangat cantik satu perumpamaan Allah S.W.T yang mempunyai maksud yang sangat mendalam walaupun ringkas tetapi penuh makna. Ada pun bumi yang baik ada pun negeri yang baik yang mana dijaga tanahnya subur berbaja kemudian disirami dengan air yang bersih sejuk dan juga jernih. Kemudian diletakkan padanya biji benih yang bermutu tinggi dan sama-sama dijaga agar ianya tidak dirosakkan oleh makhluk perosak yang ada di sekeliling dan ada di mana-mana. Kalau tidak di dalam rumah kita mungkin jiran tetangga kita yang boleh merosakkan tanaman-tanaman kita. Kemudian nantinya apa? Ia akan mengeluarkan pohon-pohon yang menghijau, mengeluarkan bunga yang beraneka warna cantik mata memandang harum baunya.

Kemudian ia kan mengeluarkan buah yang mana buahnya manis bermenafaat untuk manusia. Ada pun bumi yang keras bumi yang bernanah bumi yang berdarah tak dijaga lagi tak dikawal dengan rapi entah dari mana datangnya biji benih itu tumbuh nantinya keras berduri. Kalaupun ada bunga sakit mata memandang dan juga busuk baunya.

Dan kalau pun mengeluarkan buah-buahan itu mungkin pahit dan beracun dan ianya mudarat kepada manusia. " كذلك نصرف الآيات لقوم يشكرون " itulah Allah S.W.T berkali-kali memberikan perumpamaan-perumpamaan dan kebesarannya dan kita supaya boleh mempelajarinya itu adalah bagi orang-orang yang bersyukur.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Kita adalah pimpinan kepada negeri ini tidak kira daripada Kerajaan ataupun pembangkang lebih-lebih lagi dari pihak Kerajaan kalau kita fikir mempunyai jiwa agama. Maka dalam pemikiran kita tidak akan lepas dari satu ayat yang sentiasa menjadi tema bagi sebuah Kerajaan iaitulah "*baldatun toyibatun warobur ghafur*". Kita mahukan negeri kita ini adalah negeri yang baik dalam masa yang sama tidak baik muka buminya sahaja, Makmur dari segi ekonominya sahaja, maju dari sudut materialisma kebendaannya sahaja tetapi dalam masa yang sama mendapat keredaan daripada Allah S.W.T itulah yang kita inginkan dan *albadatul toyibitu* yang kita mahu biarlah negeri kita negeri Kelantan ini yang sama-sama kita jaga yang kita airi kita bajai supaya nantinya ianya tidak akan dirosak oleh mana-mana makhluk perosak dan kita dapati Alhamdulillah negeri kita ini daripada dahulu sampai satu ketika ia dikenali bumi serambi mekah satu ketika yang dikenali sebagai bumi kita ini dicucuran wahyu dan sampai satu saat kita pernah juga dikenali negeri dipimpin perubahan. Alhamdulillah pokoknya negeri kita ini negeri yang beragama.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian,

Walaubagaimanapun sudah biasa orang yang cantik biasanya menjadi perhatian begitu yer. Rumah yang indah akan sentiasa diteladani dan dicontohi. Sedikit kesalahan yang dilakukan oleh orang yang berakhlak mulia nantinya akan disebut-sebut dan nantinya akan sentiasa dibesar-besarkan. Kalau orang itu memang sudahpun begitu tidak ada siapa pun mengambil perhatian kepadanya. Dan kalau orang itu sudah pun begitu sifat maka ianya tidak akan ada siapa pun yang akan mengambil satu tauladan. Maka inilah tauladan yang sepatuTnya diambil oleh kita pimpinan Kerajaan Negeri Kelantan dan rakyat Negeri Kelantan. Kita sentiasa menjadi perhatian orang sedikit kita melakukan kesalahan ianya nanti akan diperbesar-besarkan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dikasihi sekalian, saya selalu sebut Ahli-Ahli Yang bahawa kita di negeri Kelantan ini ada kekurangan. Mungkin ada kekurangan tetapi tidak semestinya kekurangan itu tidak ada kelebihan. Negeri-negeri yang lain ada kelebihan tetapi tidak semestinya yang ada kelebihan itu tidak ada kekurangan. Kita tidak mahu sebut kekurangan-kekurangan orang lain tapi Alhamdulillah kita boleh sebut وَأَمَّا بِنِعْمَةِ رَبِّكَ فَحَدِّثْ Adapun kelebihan yang ada pada dia sebut ianya adalah nikmat Allah S.W.T bukan kamu sombong bukan kamu riak, tidak tetapi kamu sebagai panduan kepada orang lain.

Alhamdulillah saya bangun di sini untuk menggulung tetapi banyak sebenarnya yang telah digulung yang telah dijawab oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat pihak Kerajaan. Tapi saya rasa *excited* dalam Bahasa Inggeris atau kita rasa seronok apabila banyak sebenarnya kelebihan-kelebihan negeri kita ini dibangkitkan di sini. Selama ini kita tak besarkan pun tetapi apabila ada yang cuba memperbesarkan keburukan-keburukan yang kadang-kadang memang ada dalam diri kita sendiri pun dalam keluarga kita sendiri pun kalau nak cari keburukan memang ada. sebab itu kita cuba tonjolkan kelebihan-kelebihan yang ada pada diri kita. Alhamdulillah hari ini kita sangat seronok kita dengar bahawa rakyat Negeri Kelantan pencapaian yang begitu baik. Negeri Kelantan pencapaian negeri yang terbaik di semenanjung nombor 2 paling selamat dalam negara Malaysia ini. Bandar Kota Bharu adalah bandar terbaik nombor 16 di Asia Tenggara di peringkat dunia, Alhamdulillah ini adalah kelebihan-kelebihan yang ada kepada negeri kita rakyat kita Alhamdulillah.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Kita ada 93 buah sekolah agama saya Bina Insan…portfolio saya Bina Insan. Itu juga mencakupi portfolio saya. Ramai yang sebut daripada 17 Ahli Yang Berhormat 13 orang menyentuh portfolio saya. Yang tak sentuh portfolio saya…kalau saya boleh sebut Gual Ipoh yang tak berminat dengan portfolio saya. Tapi saya cukup berminat dengan rekreasi *Gulemard Bridge* dan saya minta supaya Yang Berhormat tolong jaga pastikan ianya menjadi rekreasi contoh kita buat kita jaga. Kadang-kadang kita buat.. mampu buat tapi kita tak mampu nak jaga… di rumah kita lah maksud saya. Kita mampu buat tapi kita tak mampu nak jaga. Yang ni kita buat dan kita jaga terutamanya soal kebersihan. Saya pergi ramai pengunjung... malam terutama ramai pengunjung dan orang kampung dapat mencari rezeki di situ tapi kadang-kadang sifat manusia

yang perlu dididik. Bukan rakyat Kelantan sahaja tapi di mana-mana sebab apa, saya baca dalam tiktok dia *complain* pastu dia kata ini bukan masalah rakyat Kelantan. Rakyat mana-mana pun ada yang sifat begini bukan ramai pun tapi sebahagian tapi sudah cukup untuk mencalarkan imej. Dalam keadaan cantik, menarik dan bersih supaya boleh menikmati suasana yang sangat cantik pada waktu malam di situ. Ada rezeki kita bangunkan pula di sebelah Paloh Rawa di tempat saya Insha Allah tolong bantu saya untuk bangunkan kawasan rekreasi di situ. Dalam DUN Temangan dia ada *side of the bridge* la maksud saya dengan izin..

Saya tanpa menyebut semua saya nak kata beginilah. Tuan-tuan yang dikasihi sekalian, kita ada 93 buah Sekolah Agama yang Kerajaan Negeri tanggung kita ada satu-satu masa 36,000 orang pelajar yang Kerajaan Negeri tanggung. Kita ada 2,600 guru-guru dan kakitangan yang Kerajaan Negeri tanggung. Kita nak sebut kelebihan yang ada pada kita. Adakah negeri lain yang ada sebegitu? Ini kelebihan yang ada pada kita tanpa kita merendahkan mana-mana negeri dengan menyebut namanya tak ada. kita sebut secara umum begitu... negeri lain mungkin ada sekolah waktu petang dan sebagainya. Tapi sekolah kita ini adalah sekolah integrasi daripada tingkatan 1 sampailah kepada tingkatan 6 STAM tak ada STPM sekolah-sekolah agama kita tak ada sekolah STPM. Kalau kita tanya kenapa tak ada STPM? Kerana sampai STAM. Habis STAM semua pelajar sekolah agama kita masuk Universiti ataupun mana-mana institusi pengajian tinggi. Alhamdulillah itu kelebihan kita dan disebutkan tadi dikira satu persatu mana universiti pelajar Kelantan yang tidak ramai? Mana institusi pengajian tinggi yang pensyarah tidak ramai? Mana jabatan-jabatan Kerajaan yang pekerjanya tidak daripada Kelantan ramai? Mana? Pejabat-pejabat swasta, *company-company* dan sebagainya yang tidak ada negeri rakyat negeri Kelantan. Adakah kerana mereka tidak ada pekerjaan di Kelantan? Bukan masalah mereka tidak ada pekerjaan di Kelantan. Ianya kerana mereka layak untuk mengisi jawatan itu di mana-mana dalam negara. Itu kelebihan kita. Alhamdulillah.

Saya nak cerita saya pernah mengikuti satu rombongan yang diketuai oleh Yang Berhormat Dato' Speaker, beberapa tahun yang lalu..tidak berapa… 2 tahun yang lepas…kita melawat ke satu negeri saya tak mahu sebut negeri mana di bawah YAKIN kita melawat satu sekolah yang sangat hebat di negeri tersebut. Sekolah berasrama penuh yang sangat ternama yang melahirkan orang-orang yang ternama di situ. Di situ ada lebih 80 orang guru…. 84 gitu daripada 80 lebih gitu, 41 orang guru

daripada Kelantan [ KEDENGARAN KETUKAN MEJA OLEH BEBERAPA AHLI YANG BERHORMAT] bukan sahaja dalam bidang agama saja tidak… yang mengajar sains, yang mengajar matematik dan sebagainya. 41 orang daripada Kelantan jumlah semuanya 80 lebih sikit... 41 adalah daripada Kelantan. Ini kelebihan rakyat negeri Kelantan. Rakyat negeri Kelantan pergilah anda ke mana-mana kami sentiasa menyanjung anda dan kami sentiasa memandang tinggi anda dan bukti bahawa anda yang terbaik.

Saya suka baca buku HAMKA dia menceritakan tentang budaya orang-orang minang tak silap saya orang-orang minang anak laki-laki duduk satu tempat di anggap kurang bermaruah. Anak-anak lelaki tempat tidurnya bukan dibilik tetapi di surau. Anak-anak lelaki bukannya di kampung tapi di perantauan. Keluar cari pengalaman tuntut ilmu tapi ibu dan ayah di rumah jangan lupa mereka berbaktilah kepada mereka. Nantinya anak Kelantan memenuhi sifat sedemikian. Bekerja di mana-mana mencari peluang yang ada tetapi pantang cuti sahaja berduyun mereka pulang ke kampung. Hari raya sahaja penuh mereka balik ke Kelantan. Ini bagi saya adalah satu sifat yang terpuji dan dipuji oleh Professor Hamka. Alhamdulillah ini sifat rakyat Negeri Kelantan. Sebab itu bagi saya kita berbangga.

Walaubagaimanapun memang nak bekerja di negeri sendiri tak po Alhamdulilah, Kerajaan Negeri Kelantan kita ada 11 orang termasuk juga Menteri Besar. Mereka ini bekerja untuk memakmurkan negeri kita ini. Sebelum ini sebagaimana yang disebut inilah satu-satunya negeri yang tidak ada jaringan lebuhraya inilah satu-satunya negerinya yang memang kita tidak Airport Antarabangsa tapi kita *Domestic Airport the busy* yang paling sibuk, Alhamdulillah. Kita tidak ada *seaforce* ramai yang datang jumpa kita untuk melabur. Kita tahu mereka sudah tentu buat kajian tapi akhirnya mereka kata apa. Kalau begitu pastikan kamu ada jaringan lebuhraya. 10 tahun lagi kami datang. Maknanya Pelaburan daripada luar mesti jaringan lebuhraya nak kena ada. Kenapa mereka nak melabur di Kota Bharu kalau mereka terpaksa bawa barang-barang ke Kuantan, lebih baik melabur di Kuantan. Maka apabila mereka melabur di Kuantan dibina kilang-kilang di sana maka anak-anak Kelantan tidak ada masalah langsung.

Alhamdulillah dalam soal itu tetapi kita ucap terima kasih daripada zaman Dato' Seri Najib lagi yang telah menajalah kita kata begitulah ECRL ini adalah senario baru bagi Kelantan. Saya selalu menyebut kepada EXCO *investment* Dato' Mejar dan pegawai-pegawai Kerajaan pun

dan saya hari ini saya nak sebut lagi moga-moga pegawai Kerajaan bekerjasama dengan kita semua. Apabila ECRL siap beroperasi nanti pada 2027 orang datang daripada Kuala Lumpur turun ECRL ke Tunjong tiba-tiba mereka melihat apa yang ada? Apa yang ada sekitar Tunjong ini tidak ada. Ini adalah sesuatu yang rugi maka dalam hal ini saya bertanggungjawab dalam soal pembangunan wilayah. Antara fokus Kerajaan Negeri untuk memastikan Tunjong itu dan kita nak *priority* kepada Tunjong itu selari dengan 2027 ECRL turun di situ dan ada sesuatu disitu. Kita dalam hal ini nak minta agensi-agensi permudahkan dan percepatkan kita nak bangunkan Tunjong sesuai dengan apa yang kita nak bangunkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan Insha Allah sekurang-kurangnya masa depan yang sangat baik untuk negeri Kelantan. Kita kurang dari aspek itu tapi kita lebih dari aspek yang lain. Saya selalu katakan kita sering membelanjakan RM130 juta lebih. Apa yang kita bina? Kita bina insan… orang lain bina bangunan. Itu kelebihan dia, ini kelebihan kita. Ini *niche* yang ada pada Kerajaan Negeri Kelantan.

Bayangkanlah kalau RM130 juta itu kita buat bangunan dan berapa bangunan yang kita boleh buat dalam masa setahun? Kalau dalam masa 10 tahun jumlanya lebih daripada RM1 billion mungkin Kota Bharu kita boleh bandingkan dengan bandar-bandar besar yang lain tapi itu bukan soal kita...itu bukan fokus kita sebab kita berbagi sebab orang lain soal Pendidikan islam kita bagi kepada Kelantan. Kami ambil tanggungjawab ini. Rumah kami buruk tak pe tapi anak-anak kami mendapat Pendidikan yang sempurna. Bukan soal agama sahaja, anak-anak daripada Yayasan Islam Kelantan pernah menjadi pelajar terbaik SPM peringkat nasional. 22 A …22 subjek sekarang ni kalau kata straight A 12 subjek sahaja. Ini produk Yayasan Islam Kelantan kalau kata A straight tu maksudnya 22 subjek. Bukan 12 subjek sehinggalah Kerajaan Kementerian membuat syarat sehingga 12 sahaja. Tapi dulu pelajar-pelajar daripada Yayasan Islam Kelantan 22 subjek Nik Madihah, Siti Fatimah dapat *straight* A22 subjek A nya hafaz Al-Quran.

Ini adalah kelebihan-kelebihan kita… kawan saya daripada negeri yang maju dia kata sheikh, kami datang dari negeri yang maju tapi dalam masa yang sama kalau nak belajar agama mesti datang ke Kelantan. Dia minta 2 orang anaknya yang kembar nak msuk Maahad Tahfiz Sains + anak saudaranya tapi semuanya *excellent.* Minta tolong tapi saya kata minta maaf saya tak boleh tolong. Tengok merit macamanalah. Tiba-tiba dia telefon, dia kata' sheikh 3… 3 dapat. Kami punyalah suka macam dapat lailaturqadar.

Kita seronok ke Kuala Lumpur tengok bangunan tinggi, kita seronok ke Johor tengok tempat-tempat yang menarik. Orang lain seronok datang ke Kelantan sebab dia tengok aspek itu sebab itu saya kata masing-masing ada kelebihan. Yang masing-masing ada kekurangan dan kita tidak pernah sebut kekurangan-kekurangan orang lain. Sekali sekala kita nak sebut kelebihan-kelebihan kita. Mudah-mudahan kita menjadi contoh kepada orang lain.

Saya ditanya oleh pemberita anak-anak Kelantan daripada Kelantan nak masuk *nightclub* dan sebagainyalah. Jujuk-jujuk saya kata ada 2. Kita sangat sedih dengan apa yang berlaku. Ini adalah tanggungjawab kita mendidik anak-anak kita tapi dalam masa yang sama kenapa mereka keluar daripada Kelantan kerana kita tidak ada apa yang mereka nak itu di Kelantan. Pemberita tanya saya, kekurangan hiburankah di Kelantan? Kita tidak pernah kekurangan hiburan di Kelantan. Pergilah ke Kota Bharu di waktu malam... macam-macam kita ada bentuk hiburan tapi hiburan yang mereka cari itu tidak ada di Kelantan sebab itu mereka keluar mungkin. Tapi walaubagaimanapun kita sedih dan tak nak anak-anak kita terlibat dengan gejala-gejala yang sedemikian tetapi kita kena tengok bilangannya sebenarnya kalau nak dibandingkan dengan 1.9 juta rakyat Negeri Kelantan. Kalau nak dibandingkan dengan 36,000 pelajar-pelajar sekolah agama yang ada di Negeri Kelantan ini. Jumlahnya kecil tapi walaupun kecil kita tetap bertanggungjawab.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Kita ada Yang Berhormat Kota Lama menyebut satu kajian yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan iaitulah kajian kesihatan dan mobility negara 2022. Iaitulah satu muhasabah bagi kita Alhamdulillah kita menyambut baik dan dalam masa yang sama kita sendiri pun ada kajian. Ia kajian kita bukan dibuat oleh Kerajaan Negeri semata-mata tapi kita buat dengan institusi pengajian tinggi IPTS dan juga IPTA yang bukan di Kelantan… bukan daripada Kelantan dan pengkajinya juga adalah Professor-Professor yang pengkajinya bukan rakyat daripada Negeri Kelantan. Kita panggil indeks sosioekonomi indeks sosio takwa rakyat Negeri Kelantan. Kita nak nilai sejauh mana penghayatan rakyat negeri Kelantan terhadap agamanya maka Alhamdulillah saya tak nak perincikan lagi di sini. Alhamdulillah tinggi markah kita, alhamdulillah tinggi markah kita. Walaubagaimanapun ia menyediakan ruang kepada kita untuk kita melihat mana-mana yang kurang untuk kita memperbaiki mana-mana yang dikira sebagaimana yang boleh merosakkan. Itu kelebihan apabila kita buat kajian sebegitu dan kajian itu pun kita ambil

kira. Saya sudah baca kajian itu diambil rawak daripada 16 buah sekolah agama.

Kita untuk memerangi gejala sosial ini kita telah menubuhkan satu jawatankuasa induk kita bukan duduk diam kita bukan tengok sahaja. Jawatankuasa induks memerangi gejala sosial yang mana dianggotai bukan sahaja agensi Kerajaan Negeri tetapi juga agensi-agensi Kerajaan Persekutuan Jabtan Pendidikan Negeri, pihak Polis, Antidadah dan boleh dikatakan semua agensi yang terlibat dalam soal moral, akhlak dan sebagainya ini. Kita buat..kita pecahkan kepada 9 kluster dan ianya berjalan dan Kerajaan Negeri memperuntukkan satu peruntukkan yang khusus bagi memerangi gejala sosial ini dan saya rasa kita dapat lihat lah…saya dapat satu laporan apabila saya minta daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan merujuk data Statistik yang merekod Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan menunjukkan trend penurunan bagi kes mengandung luar nikah remaja berumur 15-19 tahun di Kelantan iaitu sebanyak 146 kes bagi tahun 2021 turun kepada 136 kes …turun kepada 136 kes bagi tahun 2022 dan 61 kes jadi signifikan. Besar penurunan itu bagi tahun 2023, Langkah program yang kita buat melalui EXCO Wanita, EXCO Belia, Pendidikan dan sebagainya ada kesan kepada masyarakat. Bilangan kes khalwat di Kelantan turut mengalami penurunan iaitu 196 kes pada tahun 2022 hanya kepada 86 kes untuk tahun 2023.

Apa yang saya nak bagitahu bahawa benda-benda sebegini di mana-mana pun ada tapi apa tindakan kita dan apa kesannya dan itu yang kita nak tengok. Alhamdulillah ada kesan dengan apa yang telah kita buat ini. Chempaka terima kasih kat sini ada melainkan 3 orang, semua lelaki. Satu cabaran bagi orang lelaki Qawwam... kita ada dasar lelaki Qawwam. Dalam islam *al-rijal qawamu ala nisa'* orang lelaki ini ni memimpin menjadi pemimpin kepada orang Perempuan. Maksudnya mempunyai satu tanggungjawab yang besar dalam rumahtangga. Tanggungjawab yang besar dalam masyarakat dan negara. Dasar lelaki Qawwam kita akan letakkan di bawah bina insan. Kita akan letakkan di bawah ILDAN… programnya memang berjalan itu yang Chempaka nak tahu. Diletakkan di bawah bina insan Unit Bina Insan di bawah saya dan juga ILDAN tetapi sebagaimana yang disebutkan oleh YB Wanita tadi kak Nie tadi bahawa programnya sudah berjalan dan ianya satu tanggungjawab semua bukan tanggungjawab bina insan sahaja tetapi semua pun telah mengambil tanggungjawab itu. Cuma kita bukan lelaki yang lemah, orang lelaki hebat di Kelantan tetapi orang perempuan di Kelantan ini hebat.

Kita nak kata hebat daripada orang lelaki tapi memang hebat orang perempuan di Kelantan kita hebat. Sehinggakan boleh menyayangi orang lelaki... saya pergi satu kursus online *business* yang dibuat oleh UMK bersama dengan agensi Kerajaan Negeri Kelantan. Satu sesi ada 100 orang semua Wanita. Saya kata mana lelaki? Dia kata" YB ini yang ketiga, kedua dan pertama juga Wanita. Ini orang Wanita Kelantan usahawan bukan duduk diam tak ada…orang lelaki juga sama. Mereka memimpin pergi sahaja ke pasar Khadijah kita akan dapati baru ni duta Amerika Syarikat datang ke Kelantan. Saya kata pergi ke Pasar Khadijah… yess dia kata memang ada dalam *schedule* kami luar biasa dia kata di Pasar Khadijah dan saya dimaklumkan di Pasar Siti Khadijah dimaklumkan oleh Presiden Peniaga di Pasar Siti Khadijah kalau tak betul saya dapat maklumat daripada dia dan boleh *verify* dengan dia balik.

Dia kata di Pasar Siti Khadijah di samping jual sayur, jual beras, jual dodol ada 64 gerai yang menjual emas di Pasar Siti Khadijah bukan di bandar Kota Bharu… di Pasar Siti Khadijah. 64 kedai emas… satu lagi kehebatan rakyat Kelantan yang hari ini kita sebut Alhamdulillah sebab itulah Kementerian Pendidikan... semasa dia nak buat Universiti Usahawan UMK itu the *niche* keusahawanan kerana orang Kelantan begitu. Maka sekali lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian kenapa orang Kelantan bertebaran dalam negara kita? Kerana mereka usahawan… itu jawapannya, bukan soal mereka tak nak bekerja dan sebagainya kerana jiwa mereka jiwa usahawan. Kerana Kuala Lumpur itu bukan negeri Selangor… Kuala Lumpur milik kita semua... milik juga Negeri Kelantan. Jadi kalau mereka berniaga di Kelantan mereka mungkin mendapat RM200. Kalau mereka berniaga di Kuala Lumpur dapat RM400 kerana harga di Kelantan RM2 harga di Kuala Lumpur RM4. Jiwa usahawan mengatakan kalau begini biarkan anak saya berniaga di Kuala Lumpur, saya kekal di Kelantan. Itu jiwa perniagaan biar sebegitu…

Alhamdulillah Yang Berhormat Dato' Speaker,

Enakmen Kanun Jenayah Syariah juga disebut dan telah disebut oleh YB EXCO Agama tadi. Tapi apa yang saya nak sebut saya lupa nak menjawab satu soalan yang… soalan tambahan daripada Kota Lama iaitu kenapa kita tidak biarkan sahaja maksudnya Mahkamah Sivil la kerana dia ada *enforcement mechanisma* ada polis dan sebagainya. Maksudnya saya faham... maksudnya bahawa keselahan-kesalahan yang dibatalkan dalam kes Nik Elin itu sudah ada dalam bidang kuasa Persekutuan... sudah ada dalam bidang Mahkamah Sivil biarkan Mahkamah Sivil. Ok, saya

bercakap berkenaan Mahkamah Syariah dan kedudukannya. Kenapa kita pertahankannya... saya ambil masa sejam dalam sesi Dewan yang lalu boleh rujuk, saya tak nak bincang lagi soal itu yer... tetapi Yang Berhormat tetapi Eki Putra Mubarak lawan Kerajaan Negeri Selangor kerana kesalahan meliwat. Dia ada pesta seks sejenis di Bangi ke Kajang YB Melor?

Di Bangi pesta seks sejenis kemudian ditangkap kemudian dia didakwa di Mahkamah Syariah di Selangor pada tahun 2019 dan Mahkamah memutuskan bahawa Mahkamah Syariah bukan sahaja tidak ada kuasa tetapi Dewan Undangan Negeri Selangor itu sendiri pun tidak ada bidang kuasa sebenarnya untuk membuat undang-undang tersebut dan satu batal. Tetapi dalam kes Enakmen Kanun Jenayah Syariah Negeri Kelantan ini 16 kesalahan seksyen telah dibatalkan. Tapi Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sampai hari ni YB Melor boleh betulkan saya sampai hari ini Eki Putra tidak pernah didakwa di Mahkamah Sivil walaupun ada mekanisma-mekanisma *enforcement.* Tidak didakwa terlepas dari Mahkamah Syariah tapi tidak didakwa sampai ke hari ini.

Isunya bukan masalah tidak didakwa atau didakwa… perbahasan kita kenapa kita nak gantikan adakah soal Mahkamah itu yang kita nak pertahankan. Itu sahaja bidang kuasa milik Kerajaan Negeri juga yang selama ini berjalan serentak dengan Mahkamah Sivil yang sikit itu pun nak disabar dan bagi kita... kita nak itulah yang kita mesti pertahankan kerana kita tahu bukan soal undang-undang itu bertindih tetapi soal orang nak mencabar Mahkamah Syariah. Ini disebut YB Melor bentangkan. Satu usul khas dalam sesi yang lalu dan akhirnya atas kesedaran Ahli-Ahli Yang Berhormat … minta maaf Nenggiri yang tak sokong? Yang lain tak sokong? Betulkan Nenggiri? Betulkan YB tak sokong? Sebab masa tu YB belum ada di sini [ DIIKUTI GELAK KETAWA AHLI-AHLI YANG BERHORMAT] jangan silap yer... nanti tak pasal-pasal YB kata jumpa diluar. Saya orang tua, YB orang muda lagi. Semua sokong... YB Nenggiri sebelum ni pun sokong sebulat suara bahawa mesti kita akan ganti. Alhamdulillah kita dah bentuk Jawatankuasa mengantikannya itu sahaja yang kita ada kita nak pertahankan. Bukan isu pun selama ini berjalan dengan baik tidak ada apa. Alhamdulillah DPRK dan juga Qiraat diulas tadi.

Alhamdulillah DPRK terlaksana di Yayasan Islam Kelantan tapi Yang Amat Berhormat Dato' Bentara Kanan Menteri Besar pada waktu itu mendakwa kita tidak boleh mendidik anak-anak sekolah kita didik dengan Aqil Rabbani tak boleh sebab nanti anak-anak akan keluar balik

ke rumah ibubapa dia macammana? Adik beradik dia macam mana? Jiran tetangga dia macam mana. Kalau rumah dia bersih tidak ada ular tidak ada tikus, tapi kalau jiran-jiran kita memelihara Lalang dan sebagainya kita juga terkesan. Maka MB kata rakyat Negeri Kelantan mesti didik dengan Rabbani juga. Maka atas sebab itulah kita buat satu program yang kita namakan sebagai Komuniti Rabbani. Komuniti Rabbani ini sedang bergerak dalam negeri kita memang sebagaimana yang dicadangkan oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat semalam bahawa kita nak pastikan ianya berjaya kalau tidak 100% pun sekurang-kurangnya buat permulaan 60% pun sudah cukup bermaruah. Dan Insya Allah kita akan pastikan ianya nanti satu lagi Kelantan memimpin perubahan. Satu lagi Kelantan dapat menunjukkan contoh yang baik kepada orang lain, Insya Allah terima kasih.

Tuntutan royalti terima kasih kepada Yang Berhormat Galas, saya ingin merakamkan penghargaan atas sokongan Yang Berhormat daripada Galas pandangan dan juga perhatian malah Yang Berhormat supaya boleh pergi jauh mencabar keabsahan kesahihan Akta Laut Wilayah 2012 ini saya rasa telah pun dijelaskan oleh Yang Berhormat daripada Melor sewaktu Perbahasan semalam dan sebenarnya sayalah yang telah membentangkan usul supaya Dewan ini menolak Akta Laut Wilayah pada tahun 2015 dan disokong semua pada waktu itu tetapi sebagaimana yang disebut bahawa kita berusaha untuk mengambil satu kaedah damai. Kita tidak mahu lagi sentiasa mengambil jalan konfrontasi apatah lagi Kerajaan ini Kerajaan Madani. Konsep Madani ialah dasar yang menekankan prinsip keadilan, kebajikan, kebebasan dan integriti dalam pembangunan dan rakyat sebagai sebuah negara yang berpegang sebagai prinsip Madani. Kita percaya bahawa masalah ini harus diselesaikan secara adil harmoni melalui perundingan yang ikhlas tanpa membangkitkan perbalahan antara Kerajaan Negeri dengan Persekutuan. Saya yakin Galas tidak bermaksud agar Kelantan berbalah dengan Persekutuan tidak bermaksud begitu yer… apabila mencadangkan supaya mengambil langkah untuk mencabarnya tidak.

Tadi pun dihuraikan kepada kita bahawa YB tadi YB Kerajaan Tempatan tadi dalam menandatangani Perjanjian 1974 antara Petronas dengan negeri-negeri jelas di situ. Saya masih ingat Yang Mulia Tengku Razalegh Hamzah dia pernah menyebut bahawa "dia kata, budak darjah 4 pun faham perjanjian ini, 2 mukasurat sahaja. *Very simple aggrement* budak darjah 4 pun faham perjanjian ini menjadi hak siapa?

Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam konsep Madani ini saya menyeru agar Kerajaan Persekutuan memberikan perhatian yang sewajarnya dan berusaha untuk menyelesaikan isu-isu royalti ini dengan adil dan dengan cara penuh harmoni. Kami berjanji kami di Kelantan yang di tunjukkan oleh Yang Berhormat Dato' Penglima Perang tidak berniat untuk menimbulkan perbalahan tetapi hanya menuntut hak yang telah dijanjikan kepada negeri dan juga rakyat kami. Seperti yang kita tahu penyelesaian melalui perundangan bukan sahaja memakan masa yang panjang tetapi juga memerlukan kos yang tinggi dan kita sudah pun ada pengalaman dan ianya tidak memberikan manfaat yang segera kepada rakyat. Kita percaya bahawa ada jalan penyelesaian yang lebih baik dan lebih *effective* melalui rundingan agar segala urusan ini dapat diselesaikan dengan cara yang berlandaskan kemakmuran untuk rakyat. Cara yang penuh ihsan bukan bermaksud wang ihsan... cara yang penuh ihsan. Wang ihsan lain… royalti lain.

Allah berfirman sebagaimana yang kita tahu

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَى أَهْلِهَا

Surah An-Nisa ayat 58

Ini kita pegang jawatan ini amanah... kita Kerajaan Amanah rakyat untuk kita perjuangkan kita perjuangkan. Melalui cara apa? Melalui cara demokrasi *federalisme* melalui cara Mahkamah kita telah lalui itu dan kita telah sentiasa cuba kaedah yang kita rasa yang lebih baik Insha Allah dengan penuh rasa hormat. Saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan tidak mahu isu royalti in berterusan menjadi perbalahan antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan. Dengan penuh hormat juga kita mengajak Persekutuan untuk mempertimbangkan semula kedudukan ini dan menyelesaikan isu royalti dengan cara yang membawa manfaat bersama tanpa kita mengorbankan prinsip keadilan dan perpaduan yang menjadi asas kepada negara dan menjadi asas negeri kita.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian,

Portfolio saya adalah juga berkenaan dengan pembangunan wilayah dan kadang-kadang ia bertindih dengan *investment* yang telah pun dijawab oleh YB Dato' Mejar tadi berhubung dengan bandar Dato' Bentara. Alhamdulillah ia adalah projek kendali PMBK Dato' EXCO *investment* EXCO Pelaburan telah menjawab hari ini. Cuma Lojing, Galas ada menyebut Lojing bagaimana pelan jangka Panjang telah menyebut

inisiatif ini tidak terganggu oleh aktiviti penerokaan tanah yang berlaku di Tanah Tinggi Lojing.

Rancangan Khas RKK Tanah Tinggi Lojing Pelan Tindakan Khas Tanah Tinggi Lojing dan Rancangan Tempatan Jajahan Gua Musang merupakan mekanisma kawalan pembangunan bagi memastikan kegunaan zoning tanah yang ditetapkan dan boleh dipatuhi dan mempunyai kawalan daripada aspek pembangunan dan kita buat hakiki itu sendiri pun bertujuan untuk mengawal bagi maksud yang sama satu pekeliling Pembangunan Negeri Bilangan No.2 tahun 2020 telah diwujudkan bagi tujuan menambah baik pertanian di kawasan pembangunan tanah tinggi Lojing dengan menetapkan keperluan kebenaran merancang bagi kawasan-kawasan pertanian. Penerokaan dapat dipantau dengan lebih baik dengan penguatkuasaan Kerajaan Negeri Kelantan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan ditubuhkan oleh pihak Berkuasa Negeri untuk memperkasakan penguatkuasaan dan semua kesalahan mengikut perundangan di bawah bidang kuasa pihak berkuasa Negeri.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Seterusnya ini masih lagi Galas satu persatu yang telah disebutkan dan sebahagiannya telah dijawab tiada yang kena mengena dengan portfolio saya tetapi portfolio saya bertindih dengan *environment* dan lain-lain lagi yang saya rasa mungkin tidak disentuh tapi biarlah saya sedikit sebanyak menyentuhnya iaitulah sebab dia sebut semalam yer.. Timbalan Menteri Besar adakah telah tubuhkan satu Jawatankuasa. Memang itu saya pernah sebut dulu iaitulah bagaimana kita nak memelihara alam sekitar dalam masa yang sama kita nak mengatasi masalah konfliks antara haiwan-haiwan liar dan juga manusia yang memang berlaku kita dapati kerap juga akhir-akhir ini. Kerajaan Negeri telah menubuhkan jawatankuasa induk, ditanya saya kata setuju untuk menubuhkan jawatankuasa.

Apabila saya bincang dengan pegawai sebenarnya yang pertama Kerajaan Negeri telah menubuhkan satu akaun Amanah konservasi hidupan liar Negeri Kelantan sejak tahun 2022 dan dalam mesyuarat EXCO yang lepas kita telah tubuhkan satu tabung yang mana tabung ini kita akan buat kita akan kenakan kepada operator-operator, usahawan-usahawan yang terlibat di kawasan-kawasan perhutanan dan sebagainya untuk mesti menyumbang supaya kita dapat mengambil tindakan bagaimana kita nak *conserve* bagaimana kita nak menjaga alam sekitar dan dalam masa yang sama kita nak jaga kepentingan bukan sahaja manusia tetapi juga haiwan. Dan selain daripada itu kita ada satu

jawatankuasa besar yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang Dato' Menteri Besar iaitulah Jawatankuasa Pembangunan Negeri yang nama penuh begitulah lebih kurang yang minggu lepas kita bermesyuarat ada 2 perbincangan dan dibentangkan iaitulah bagaimana mengurangkan konfliks antara manusia dan gajah kerap kali berlaku. Kerajaan Negeri telah berbincang bagaimana kesesuaian mewujudkan koridor gajah di Jeli. Tapi nak pindah satu ekor gajah di maklumkanlah kita memerlukan RM50,000 sebab itu kita memerlukan sumbangan itu. Kita cadang nak buat koridor gajah di Jeli. Kuala Balah mungkin boleh tanya nanti… kemudianlah bukan sesi ini ..cadangan ini masih walaubagaimanapun masih dalam pertimbangan Kerajaan mengambil kira aspek-aspek yang lainlah tapi hasil dari perbincangan itu yang dicadangkan kepada kitalah bagaimana operasinya ditunjukkan kepada kita.

Di samping itu juga, ada cadangan juga daripada CATS. CATS ni adalah singkatan daripada *Conversation Assured Tiger Standards* Taman Negara dia datang kepada kita masih lagi berbincang soal komfliks antara manusia dengan haiwan liar bagaimana nak mengatasinya yang dibincangkan kepada kita dalam masa yang sama berlaku konfliks antara harimau dengan manusia jangan harimau dibunuh. Jadi dia mementingkan bagaimana nak mengekalkan manusia dalam masa yang sama juga nak mengekalkan kehidupan haiwan. Itu pun juga kita ambil cadangan-cadangan mereka untuk kita pertimbangkan.

Jawatankuasa saya juga ialah integriti akhir sekali yang disebut Alhamdulillah kita baru menyambut Ulang Tahun ke 34 Membangun Bersama Islam. Alhamdulillah dari zaman Tok Guru ke zaman Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang…. Ini kelebihan 34 tahun *zero case corruption* tidak ada kes rasuah mungkin itu juga diambil kira. Kenapa Kelantan dianggap selamatlah saya rasa.

Saya mengucapkan tahniah kalaulah pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Kelantan tidak faham apa maksud Membangun Bersama Islam... kalaulah kakitangan Kerajaan Negeri Kelantan tidak faham maksud Ubudiyyah, Masuliyyah dan juga Itqan sudah tentu kita dapat lagi mencapai kejayaan sebegitu. So ucap tahniah kepada pegawai-pegawai, kakitangan-kakitangan Kerajaan yang mengambil tangungjawab untuk memahami aspirasi Kerajaan Negeri.

Akhir sekali Yang Berhormat-Yang Berhormat Dato' Speaker, tadi saya ada sebut bahawa yang cantik itu sentiasa diperhati. Rumah yang indah itu apabila orang nak buat rumah dia akan di tengok rumah kita untuk

dijadikan contoh. Saya berpesan kepada pimpinan Kerajaan Negeri Kelantan, jaga kecantikan, keindahan, syahsiah dan juga budi pekerti kita. Jangan sampai ada orang sebut kerana orang sentiasa memerhatikan kita.

Saya juga ingin berpesan kepada seluruh rakyat negeri Kelantan apa yang baik tentang orang perkatakan diri kita, pasti kan apa yangmereka kata itu betul. Apa yang tidak baik mereka katakan tentang diri kita, buktikan apa yang mereka katakan itu tidak betul. Dan saya ingin berpesan kepada anak-anak Kelantan, usahawan-usahawan, pendidik, alim ulamak yang ada diluar daripada Kelantan yang mencurahkan baktinya bukannya pada negeri ini negara dan ummah ini bahawa anda semua hebat, pastikan juga bahawa anda semua akan menjadi contoh tauladan kepada orang lain sebagaimana negeri kita menjadi pemimpinkepada orang lain. Buktikan kita sentiasa terbaik, Insha Allah…

وبا لله توفق والهدايه, السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**YB DATO' SPEAKER :**

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang Menteri Besar untuk membuat Penggulungan.

**YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين, والصلاة والسلام على اشرف الأنبياء والمرسلين, وعلى أله وصحبه أجمعين

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ ٱللَّهِ لِنتَ لَهُمْ ۖ وَلَوْ كُنتَ فَظًّا غَلِيظَ ٱلْقَلْبِ لَٱنفَضُّوا۟ مِنْ حَوْلِكَ ۖ فَٱعْفُ عَنْهُمْ وَٱسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِى ٱلْأَمْرِ ۖ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُتَوَكِّلِينَ ١٥٩

Yang bermaksud *: "Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu), dan pohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Mengasihi orang-orang yang bertawakal kepadaNya." (Surah Ali Imran: 159)*

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Marilah sama-sama kita memuji Allah dengan setinggi-tinggi kesyukuran kerana dengan keizinan-Nya kita dapat menyempurnakan Perbahasan Bagi Belanjawan 2025 sempena Persidangan Kali Ketiga Bagi Tempoh Penggal Kedua Dewan Negeri Kelantan Yang Ke-15 Tahun 2024.

Kesyukuran yang paling besar sekali adalah di atas nikmat persaudaraan dan ukhuwwah Islamiyyah ini yang menjadikan kita semua sepakat dalam menjunjung kesucian Islam dan mengangkat martabat syariat Islam di bumi Kelantan.

Saya mengajak kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk mengambil peluang ini untuk memperkukuhkan kerjasama dalam meletakkan Islam sebagai solusi di bawah fasa pentadbiran Membangun Bersama Islam.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2025.

Seramai 17 Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Perbahasan Bajet kelmarin dan hari ini. Ahli-ahli Yang Berhormat diberi peluang untuk menyatakan cadangan dan pandangan masing-masing melibatkan semua portfolio Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Penghargaan dan terima kasih saya ucapkan.

Berdasarkan perkara-perkara yang dibahaskan, terdapat beberapa perkara utama yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang mana sangat penting untuk diberikan perhatian dan sudah pun diberi jawapan oleh pihak Kerajaan menerusi penggulungan oleh Yang

Berhormat Dato' Timbalan Menteri Besar dan juga Barisan Ahli Exco sebentar tadi. Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam soalan tambahan sebelum ini YB Galas ada membangkitkan berkaitan status permohonan milik peneroka Felda Chiku 1.

Untuk maklumat Yang Berhormat Galas, mengikut rekod Pejabat Tanah dan Jajahan Gua Musang terdapat 437 peneroka Felda Chiku 1 yang melibatkan 1,042 permohonan Lot iaitu 437 Lot rumah dan 605 Lot kebun yang melibatkan 2,309.94 Hektar.

Permohonan tersebut telahpun mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri namun begitu peneroka masih belum membayar premium tanah tersebut. Hanya membayar deposit permohonan sahaja. Jadi kita dengar daripada Yang Berhormat Galas kata dah bayar... tak bayar. Deposit lain…premium keseluruhan lain. Saya harap kita kena telitikan maklumat kalau tidak kita sama ada sengaja ataupun tak sengaja menyebarkan maklumat yang tidak betul. Dalam tiktok dah keluar dah, premium dah bayar, Kerajaan Negeri tak bagi pemilikan. Ini tak … dan saya harap benda ni tak berlakulah selepas daripada ini. Sebab tu dalam Islam bila kita dengar sesuatu berita kita kena *"fatabayanu"* fatabayanu kena selidik. Ada *qira'at "tasaba'tu"* kena check betul-betul. *"fatabayanu"* boleh…" *"fatasa'batu" ada qira'at* lain. أَنْ تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهَالَةٍ Supaya kamu tidak menimpakan musibah kepada sesuatu kaum dalam keadaan kamu tidak mengetahui hakikat sebenar kamu jahil. Jadi kita sebar benda nih, bila kita whatsaap kita kata tanya, tanya sebar difahami oleh masyarakat bahawa Kerajaan ni tak peduli tentang pemilikan tanah rakyat. Ini tak sepatutnya berlaku. Melalui notis 5A yang akan dikeluarkan oleh Pejabat Tanah premium hendaklah dibayar dalam tempoh 4 bulan dari tarikh notis 5A …

## MASALAH TEKNIKAL AUDIO

**PERSIDANGAN DITANGGUHKAN PADA JAM 4.30 PETANG DAN DISAMBUNG PADA JAM 9.00 PAGI ESOK.**

**PERSIDANGAN KALI KETIGA (BELANJAWAN)**
**BAGI TEMPOH PENGGAL YANG KEDUA**
**DEWAN NEGERI KELANTAN KELIMABELAS**
**==========**
**[24 JAMADIL AWAL 1446H / 26HB NOVEMBER 2024]**

**AHLI-AHLI YANG HADIR**

| BIL | NAMA | KAWASAN |
|---|---|---|
| 1. | **YB DATO' SRI AMAR D'RAJA DATO' HJ MOHD AMAR B ABDULLAH**<br>***S.J.M.K.,D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)*** | **PANCHOR / SPEAKER** |
| 2. | **YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' HJ MOHD NASSURUDDIN B HJ DAUD**<br>***S.J.M.K.,D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)***<br>(Pengerusi Jawatankuasa Perancangan, Pentadbiran Awam, Kewangan, Ekonomi & Tanah) | **MERANTI / MENTERI BESAR** |
| 3. | **YB DATO' DR. HJ MOHAMED FADZLI B DATO' HJ HASSAN**<br>***D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)***<br>(Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wilayah, Sumber Asli, Integriti, Pembangunan Insan & Undang-undang) | **TEMANGAN / TIMBALAN MENTERI BESAR** |
| 4. | **YB MEJ. (B) DATO' HJ MD ANIZAM B AB RAHMAN**<br>***D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)***<br>(Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia. Perdagangan & Keusahawanan) | **KEMAHANG** |
| 5. | **YB DATO' DR. IZANI B HAJI HUSIN**<br>***D.J.M.K. (Kelantan)***<br>(Pengerusi Jawatankuasa Kerjaraya, Infrastruktur, Air & Pembangunan Luar Bandar) | **KIJANG** |
| 6. | **YB TUAN HJ SARIPUDIN B TUAN ISMAIL**<br>***J.M.K. (Kelantan)***<br>(Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan & Komoditi) | **SELISING** |

| | | |
|---|---|---|
| 7. | **YB HJ WAN ROSLAN B WAN HAMAT**<br>***J.M.K., A.S.K.***<br>(Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital & Inovasi) | **PENGKALAN KUBOR** |
| 8. | **YB MOHD ASRI B MAT DAUD**<br>(Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan & Hubungan Seranta) | **DEMIT** |
| 9. | **YB TUAN HILMI B ABDULLAH**<br>(Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan & Alam Sekitar) | **GUCHIL** |
| 10. | **YB PUAN HJH ROHANI BT IBRAHIM**<br>***J.M.K., S.M.K.***<br>(Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga & Wanita) | **TANJONG MAS** |
| 11. | **YB ZAMAKHSHARI B MUHAMAD**<br>(Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, NGO & Perpaduan Masyarakat) | **APAM PUTRA** |
| 12. | **YB DATUK KAMARUDIN B MD NOR**<br>***D.M.S.M., A.M.N.***<br>(Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian & Warisan) | **AYER LANAS** |
| 13. | **YB DATO' MOHAMED FARID B MOHAMED ZAWAWI**<br>***D.I.M.P.*** | **KOK LANAS / TIMBALAN SPEAKER** |
| 14. | **YB DATO' BENTARA KANAN USTAZ DATO' HJ AHMAD B YAKOB**<br>***S.J.M.K., D.J.M.K., S.M.K., J.P.*** | **PASIR PEKAN** |
| 15. | **YB DATO' HJ ABDUL FATTAH B MAHMOOD**<br>***D.J.M.K., J.M.K.*** | **BUKIT PANAU** |
| 16. | **YB TUAN HJ ABD. RAHMAN B YUNUS**<br>***J.M.K.*** | **PASIR TUMBOH** |
| 17. | **YB TUAN HJ MOHD FAUZI B ABDULLAH**<br>***J.M.K*** | **MANEK URAI** |
| 18. | **YB TUAN HJ MOHD HUZAIMY B CHE HUSSIN**<br>***J.M.K., A.K.*** | **PANTAI IRAMA** |

| | | |
|---|---|---|
| 19. | **YB TUAN ROZI B MUHAMAD**<br>**J.M.K** | **TENDONG** |
| 20. | **YB TUAN AZHAR B SALLEH**<br>***A.S.K.*** | **PULAI CHONDONG** |
| 21. | **YB TUAN HJ ZURAIDIN B ABDULLAH** | **CHETOK** |
| 22. | **YB TUAN MOHD RUSLI B ABDULLAH** | **WAKAF BHARU** |
| 23. | **YB KU MOHD ZAKI B KU HUSIN** | **DABONG** |
| 24. | **YB TUAN MOHD RODZI B JAAFAR** | **GAAL** |
| 25. | **YB TUAN HJ MOHD ADANAN B HASSAN**<br>***J.M.K.*** | **KELABORAN** |
| 26. | **YB TUAN WAN ROHIMI B WAN DAUD**<br>***A.K., J.S.M.*** | **MELOR** |
| 27. | **YB TUAN KAMARUZAMAN B MOHAMAD**<br>***J.S.M.*** | **GUAL PERIOK** |
| 28. | **YB TUAN NIK BAHRUM B NIK ABDULLLAH**<br>***A.S.K.*** | **CHEMPAKA** |
| 29. | **YB TUAN BAHARI B MOHAMAD NOR** | **GUAL IPOH** |
| 30. | **YB NOR ASILAH BT MOHAMED ZIN** | **LIMBONGAN** |
| 31. | **YB TUAN ZAMERI B MAT NAWANG** | **JELAWAT** |
| 32. | **YB TUAN MOHAMAD NASRIFF B DAUD @ DAUD YATIMEE** | **PENGKALAN PASIR** |
| 33. | **YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN**<br>***A.K.*** | **BUNUT PAYONG** |
| 34. | **YB DATO' SHAARI B MAT HUSSAIN**<br>***D.P.T.J.*** | **PALOH** |
| 35. | **YB DATO' ABDUL HADI B AWANG KECHIL**<br>***D.P.S.K., P.S.K. (Kelantan), J.M.N., K.M.N.*** | **KUALA BALAH** |
| 36. | **YB TUAN ZUBIR B ABU BAKAR** | **MENGKEBANG** |
| 37. | **YB TUAN SAIZOL B ISMAIL** | **SALOR** |

| | | |
|---|---|---|
| 38. | **YB TUAN HARUN B ISMAIL** | **TAWANG** |
| 39. | **YB TUAN AHMAD ZAKHRAN B MAT NOOR** | **KEMUNING** |
| 40. | **YB TUAN MOHD ALMIDI B JAAFAR** | **BUKIT BUNGA** |
| 41. | **YB TUAN NOR SHAM B SULAIMAN** | **SEMERAK** |
| 42. | **YB TUAN MOHD AZIZI B ABU NAIM** | **NENGGIRI** |
| 43. | **YB DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM** | **KOTA LAMA** |
| 44. | **YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN B HASHIM** *J.M.K.* | **GALAS** |

**TIDAK HADIR DENGAN MAAF :**

| | | |
|---|---|---|
| 1. | **YB DATO' SR HJ AZAMI B MOHD NOR** *D.J.M.K.,J.M.K.* | **KADOK** |

**AHLI MENURUT**
**PERKARA 13(3)**
**UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN TUBUH KERAJAAN KELANTAN,**
**BAHAGIAN PERTAMA**

YB DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD
[DATO' KAYA SETIA SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN]
*S.P.S.K.,D.P.S.K.(KELANTAN),P.S.K.,B.S.K.,A.S.K.*

YB DATO' IDHAM BIN HAJI ABD GHANI
[PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI KELANTAN]
*D.P.S.K. (Kelantan)*

YBM TENGKU KAYA PERKASA
DATO' DR TENGKU MOHAMED FAZIHARUDEAN BIN TENGKU FEISSAL
[PEGAWAI KEWANGAN NEGERI KELANTAN]
*D.J.M.K. (Kelantan)*

**SETIAUSAHA DEWAN NEGERI**
**KELANTAN**

[MOHD FADZIL AZNAN BIN ABDUL AZIZ]
*A.S.K.*

**PERSIDANGAN KALI KETIGA**
**BAGI TEMPOH PENGGAL KEDUA [BELANJAWAN]**
**DEWAN NEGERI KELANTAN**
**YANG KELIMABELAS**
**PADA 19, 22, 23, 24 DAN 25 JAMADIL AWAL 1446H /**
**[ 21HB, 24HB, 25HB, 26HB DAN 27HB NOVEMBER 2024]/**
**HARI KHAMIS, AHAD, ISNIN, SELASA, DAN RABU**
**==========**

**SETIAUSAHA :** Susunan Urusan Persidangan Yang Pertama , Doa….

**I. … DOA**

**[ SAMBIL BERDIRI ]**

**II. SOALAN-SOALAN YANG DIBERITAHU**

**SETIAUSAHA :** Susunan Urusan Persidangan Yang Kedua, Soalan-Soalan Yang Diberitahu.

Soalan-soalan yang dikemukakan untuk mendapat **Jawapan Mulut.**

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Dipersilakan Yang Berhormat Kuala Balah..

**YB. DATO' ABDUL HADI BIN AWANG KECHIL :**

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, mohon jawapan saya kepada soalan nombor 1. Terima kasih.

*Saolan 1 :*

*[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, sejauh manakah perlaksanaan Program Komuniti Rabbani (K-Rabb) telah mencapai objektif Dasar Penghayatan MBI?*

**YB DATO' DR. MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN :**

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Speaker dan juga terima kasih kepada Yang berhormat Kuala Balah, saya ingin membaca sepotong ayat al-quran:

Allah SWT berfirman,

{ مَا كَانَ لِبَشَرٍ أَن يُؤۡتِيَهُ ٱللَّهُ ٱلۡكِتَٰبَ وَٱلۡحُكۡمَ وَٱلنُّبُوَّةَ ثُمَّ يَقُولَ لِلنَّاسِ كُونُواْ عِبَادٗا

لِّي مِن دُونِ ٱللَّهِ وَلَٰكِن كُونُواْ رَبَّٰنِيِّـۧنَ بِمَا كُنتُمۡ تُعَلِّمُونَ ٱلۡكِتَٰبَ وَبِمَا كُنتُمۡ تَدۡرُسُونَ }

Surah Āli-'Imrān: 79

Ayat ini lebih kurang bermaksud bahawa Rasulallah SAW begitu juga dengan nabi-nabi yang sebelum daripada itu diutuskan oleh Allah SWT untuk mengajak manusia hanya menjadi hamba kepada Allah SWT. Para Rasul dan Para Nabi itu tidak mengajak manusia untuk menyembah mereka, tidak. Tetapi mengajak manusia untuk menjadi كُونُواْ رَبَّٰنِيِّـۧنَ بِمَا كُنتُمۡ

تُعَلِّمُونَ ٱلۡكِتَٰبَ وَبِمَا كُنتُمۡ تَدۡرُسُونَ

dengan segala wahyu yang diturunkan oleh Allah SWT dengan hikmahnya yang berikan oleh Allah kepada para rasul itu mengajak manusia untuk manusia menjadi Insan Rabbani.

Apa maksud Insan Rabbani?

Insan Rabbani bermaksud mereka yang sedar siapa diri mereka kemudian mereka menyembah Allah SWT menjadi hamba kepada Allah dalam segenap kehidupan mereka. Hamba bukan bermaksud hanya beribadah di masjid sahaja tetapi sebagai seorang bapa ataupun sebagai

seorang isteri ataupun sebagai seorang anak, jiran tertangga, harta dan sehinggalah di tempat kerja. Sama ada menjadi pegawai ataupun ketua-ketua jabatan ataupun di sawah ladang sebagai seorang petani. Sebab itulah di dalam konsep ini Kerajaan Negeri Kelantan telah memperkenalkan Bertani Satu Ibadah untuk memberikan maksud bahawa menjadi hamba Allah itu di mana-mana bukan di masjid sahaja. Dan dalam konteks ini Kerajaan Negeri Kelantan di bawah tiga tonggak kepada Membangun Bersama Islam itu ada Ubudiyyah salah satunya, selain daripada Mas'uliyyah. Ubudiyyah itu mengajak manusia supaya sedar tentang diri mereka, siapa walaupun di mana kedudukan mereka berada tinggi ataupun rendah mereka tetap hamba kepada Allah SWT.

Jadi untuk memahamkan maksud Ubudiyyah ini kepada rakyat. Alhamdulillah kepada kakitangan Kerajaan sentiasa ada program-program yang menjelaskan tentang Ubudiyyah ini. Tetapi kepada rakyat keseluruhan ini hampir 1.9 juta rakyat Kelantan ini.

Bagaimana kita nak memahamkan mereka juga tentang konsep Ubudiyyah kepada Allah SWT untuk menjadi hamba kepada Allah SWT maka sebab itulah Kerajaan Negeri Kelantan satu lagi memperkenalkan apa yang kita panggil sebagai Program Komuniti Rabbani.

Program Komuniti Rabbani ini mempunyai beberapa tahap iaitu lah tahap pertama kita membangunkan modul budaya komuniti Rabbani dengan menjemput pakar-pakar dalam daripada kalangan ahli akademik, pegawai-pegawai kerajaan begitu juga daripada kalangan ahli-ahli politik daripada pelbagai agensi Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan.

Kita bentuk modul Rabbani Alhamdulillah telah pun ada manakala tahap kedua membangunkan sekumpulan jurulatih yang terdiri daripada pelbagai agensi seperti daripada KIAS daripada Yayasan Islam Kelantan daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan daripada PBT dan juga daripada Urusetia Kerajaan Negeri Kelantan.

Kita latih mereka kita panggil *training for trainers*. Mereka ini diberi latihan untuk menjadi penggerak utama dalam menyampaikan dan menterjemahkan K-RABB kepada pepimpinan masyarakat dan juga masyarakat setempat. Seramai 52 orang dilantik sebagai jurulatih utama

selain menjadi tenaga utama semasa siri-siri kursus K-RABB untuk pimpinan masyarakat, mereka juga turut menjadi duta-duta bergerak untuk menyampaikan informasi K-RABB sama ada secara lansung ataupun secara tidak lansung kepada masyarakat.

Tahap yang ketiga kita memperkenalkan K-RABB kepada pemimpin masyarakat dari semua daerah seluruh Kelantan. Sebanyak 16 siri Kursus Kepimpinan Komuniti telah dihadiri lebih kurang 650 orang peserta dalam tempoh tersebut. Mereka diberi latihan kefahaman tentang bagaimana K-RABB mampu menjadi panduan dan asas yang kuat di dalam mewujudkan masyarakat yang berpegang kepada Al-Quran dan juga sunnah. Di antara pimpinan utama yang terpilih adalah kalangan pegawai-pegawai Kerajaan, pembantu Halaqat dan juga penghulu kursus. Sepanjang yang diadakan ini pihak urusetia telah berjaya mendapatkan imput-imput yang sangat berguna mengenai isu dan latar belakang kehidupan masyarakat setempat.

Tahap keempat adalah pengahayatan ke peringkat komuniti akar umbi di mana sebanyak 135 siri-siri Ceramah K-RABB seluruh negeri telah diadakan dengan 3 tempat dalam setiap DUN dalam Negeri Kelantan yang terpilih kita juga mula menggerakkan penulisan buku Tafaqquh, buku Tafaqquh secara ilmiah berasaskan kepada 9 budaya K-RABB yang mana ia akan dijadikan sebagai rujukan di siri-siri kuliah di Negeri Kelantan.

Kita juga menyediakan bahan-bahan untuk promosi K-RABB secara berterusan, menyiapkan lagu dikir barat K-RABB yang boleh dimainkan di mana-mana sahaja. Sekiranya kita ada program ia termasuk jugak lah dengan menyediakan *video clip* yang masih lagi sebenarnya dalam penyuntingan tetapi akan dilancarkan, In Shaa Allah tidak lama lagi. Dalam siri dan visi kita bermatlamatkan pengukuhan organisasi pelaksanaan peringkat negeri, jajahan dan lokaliti. Selain itu, cadangan-cadangan program serta kaedah penilaian keberkesanan juga akan menjadi panduan pelaksanaan dalam bentuk aktitviti-aktiviti kemasyarakatan. Walaubagaimanapun Ahli-ahli Yang Berhormat ianya masih lagi di peringkat permulaan mempunyai satu tugas yang panjang, satu tugas yang berat untuk kita menyampaikan kepada lebih kurang 1.9 juta rakyat negeri Kelantan. Terima kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Silakan soalan tambahan Kuala Balah..

**YB DATO' ABDUL HADI BIN AWANG KECHIL :**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Besar bagi saya dasar Membangun Bersama Islam ni satu dasar jangka masa panjang. *Effectiveness* nye sampai kita mati bahkan selepas itu, selepas dunia hari ini. Maknanya K-RABB mesti jugak satu yang jangka masa yang panjang. Untuk mencapai satu dasar yang betul-betul jangka panjang.

Persoalan saya ialah strategi-strategi khusus untuk pastikan program K-RABB untuk mencapai MBI ni. Penghayatan yang baik ini strategi-strategi khusus yang boleh kita lakukan dan atau hendak kita dilakukan. Terima kasih.

**YB DATO' DR. MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN :**

Terima kasih kepada Kuala Balah sekali lagi ya. Kita ada perancangan jangka panjang sebagaimana yang saya jelaskan tadi ia adalah satu program jangka panjang untuk keseluruhan rakyat Negeri Kelantan. Maka untuk tujuan tersebut kita telah mengadakan beberapa strategi antaranya ialah kita mengukuhkan kerjasama antara agensi-agensi Kerajaan samaada negeri atau persekutuan bersama dengan NGO dan juga komuniti setempat. Yang mana saya lupa tadi untuk beritahu bahawa ILDAN berperanan dalam menjadi koordinator tetapi ia bukan tanggungjawab ILDAN sahaja kerjasama yang sangat penting adalah daripada semua terutamanya pegawai-pegawai, agensi-agensi kerajaan negeri dan persekutuan, NGO-NGO, masjid-masjid dan juga pimpinan rakyat setempat.

Yang seterusnya adalah kita mewujudkan kerjasama di peringkat pusat akar umbi masyarakat umpanya di pejabat, ketua jajahan, penggawa, penghulu begitu juga masjid-masjid dan surau - surau untuk kita jadikan ia menjadi pusat aktiviti masyarakat dalam pada masa yang sama perlaksanaan K-RABB. Seterusnya adalah promosi kesedaran In Shaa Allah secara menyeluruh dan juga memperluaskan program melalui

media. Kita akan adakan Kempen Media Rabbani, K-RABB, laman web aplikasi-aplikasi dan media sosial khas. Kita juga akan buat video-video kreatif dokumentari, artikel, dan juga In Shaa Allah e-book.

Lepastu kita akan terus mengadakan program-program tahunan di seluruh negeri- negeri Kelantan. Kita ada program yang telah dibuat oleh agensi-agensi dan juga oleh urusetia-urusetia. Kita tidak akan membuat program secara sendirian, tidak. Selain daripada kita dapat menjimatkan masa, tenaga dan juga kewangan. Ianya juga kita dapat *incooperate* dalam program yang sedia ada. Kita akan menumpang program urusetia wanita contohnya, urusetia penerangan, urusetia belia dan sebagainya. Selain daripada itu untuk memastikan keberkesanan memang buat permulaan akan ada kelemahan-kelemahan yang sangat ketara dan sangat nyata. Untuk itu lah kita akan adakan satu penilaian daripada masa ke semasa. In Shaa Allah terima kasih saya mengharapkan agar semua daripada kita memainkan peranan penting bagi menjayakan program yang Allah SWT perintahkan :

كُونُواْ رَبَّٰنِيِّـۧنَ بِمَا كُنتُمۡ تُعَلِّمُونَ ٱلۡكِتَٰبَ وَبِمَا كُنتُمۡ تَدۡرُسُونَ

Rabbaniyyin bermaksud jaga diri kamu, dalam masa yang sama jaga keluarga kamu, dan para alim ulamak mentafsirkan Rabbaniyyin juga orang yang tidak hanya mementingkan diri tetapi mereka berada di tengah-tengah masyarakat, memimpin masyarakat dan memberi kerjasama dan bantuan kepada masyarakat. Itulah yang dimaksudkan dengan Insan Rabbaniyyin. Terima kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Silakan Tawang…

**YB TUAN HARUN BIN ISMAIL :**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, Alhamdulillah tengok kepada modul hasrat dan cita-cita untuk melihat rakyat Kelantan ini berpandukan kepada komuniti yang Rabbani. Persoalannya adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menjadikan budaya K-RABB ini sebagai warden model kepada negeri-negeri lain?

**YB DATO' DR. MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN :**

Terima kasih kepada Tawang. "eh betul kei?" Tawang (ketawa), terima kasih. Kawan saya, sahabat saya dari universiti lagi. Takut-takut dia kata tok kenal dio lah. Alhamdulillah, okay terima kasih Tawang. Sebagaimana yang saya katakan dalam penggolongan semalam. Kalau kita nak jadi contoh kepada orang lain, kita mesti mempunyai kualiti terbaik, baru lah ore nak contoh mencontohi kita. Contoh tauladan yang baik ini adalah Rasulullah SAW, kerana baginda adalah insan yang mempunyai خلقٍ عظيم akhlak yang amat baik, sama lah juga kalau kita tak dok sesuatu kita tak boleh bagi kepada orang lain. فقد الشيء لا يعطي betul dh ke Yang Berhormat Dato' Panglima Perang? Orang yang tidak mempunyai sesuatu dia tak boleh bagi benda tu kepada orang lain, sama lah juga kalau kita nak jadi contoh kepada orang lain. Kita diri kita sendiri tu mesti mempunyai sifat yang terpuji lelaki Qawwam yang disebut semalam adakah lelaki-lelaki kita ini, ibubapa kita boleh dicontohoi oleh orang lain. Oleh kerana kita ni sentiasa menjadi perhatian kepada orang lain. Yang cantik itu sentiasa diperhati pantang ada sedikit kekurangan orang akan nampak. Rumah yang cantik akan sentiasa menjadi contoh kalau ada yang rosak, orang akan terus pergi tegur. Orang akan kato rumoh comey doh ado hok rosak sikit jadi keno gi baiki cepat-cepat.

Jadi sebab itulah harapan kita lah kepada rakyat Negeri Kelantan dengan K-RABB ini, kita nk menjadi yang terbaik dari sudut Akhlak, dari sudut Syahsiah, terbaik sebagai Hamba kepada Allah SWT dalam diri dia, keluarga dia, masyarakat dan rumah tangga dia. Itu mempunyai satu jangka masa yang panjang. Tapi ke arah itu kita nak bagi contoh yang terbaik kepada orang lain, In Shaa Allah apabila rakyat dapat melihat kejayaan K-RABB dengan sendiri mereka akan cari kita. Banyak benda di PRK yang kita buat dasar pendidikan Rabbani yang kita buat sudah ada yang datang sudah ada yang menyatakan bahawa boleh tak kami nak bawa dasar pendidikan Rabbani dengan sedikit modifikasi untuk dilaksanakan di sekolah-sekolah dalam Negeri kami.

Alhamdulillah, begitu lah juga dengan dasar pendidikan Rabbani. Sebab itu lah saya nak sekali lagi lah saya nak menyeru kepada rakyat Kelantan. Kita berbangga dengan anak-anak Kelantan kalau lah mereka dapat memberikan contoh yang baik kepada orang lain. Duduk la di mana sahaja, samada dalam Negeri Kelantan atau pun di luar Negeri Kelantan. Kita berbangga apabila ianya menjadi contoh kepada orang lain. Kita tidak berbangga sekiranya anak-anak Negeri Kelantan ini menjadi sebutan dengan keburukan tidak, tapi menjadi sebutan dengan kebaikan. Itu yang menjadi kebanggaan kita. Terima kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Dipersilakan Manek Urai.

**YB TUAN HAJI MOHD FAUZI BIN ABDULLAH :**

بسم الله الرحمن الرحيم

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Speaker, mohon jawapan soalan saya nombor 2.

*Soalan 2 :*

*[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah Kerajaan bercadang untuk menambah menerima peserta beras Al-it'am?]*

**YB DATO' HAJI TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :**

بسم الله الرحمن الرحيم

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato Speaker, terima kasih Manek Urai.

Program Skim Al-It'aam yang bermula pada tahun 2011 telah tiga (3) kali membuat penambahan penerima iaitu pada tahun 2011 dengan 180 orang penerima setiap DUN, tahun 2013 dengan 250 penerima setiap DUN, dan pada tahun 2020 dengan 300 orang penerima setiap DUN.

Selaras dengan MOTO Kerajaan Negeri Kelantan, negeri berkebajikan buat rakyat yang memerlukan bantuan.

Skim Al-It'aam kekal relevan dengan pemberian beras, gula dan minyak masak. Walaupun 3 *item* ini terkadang mengalami masalah pembekalan akibat kesan kenaikan harga dan kekurangan bekalan dalam pasaran. Kerajaan tetap berusaha supaya skim ini berjaya dijayakan. Justeru itu, kajian lanjut akan dibuat oleh pihak Kerajaan jika berlaku pertambahan bajet kesan pertambahan peserta dan alternatif pemberian bekalan.

In Shaa Allah sekiranya cadangan mengeluarkan beras ini berjaya, bekalan beras akan terjamin. In Shaa Allah sekian terima kasih.

**YB. DATO' SPEAKER :**

Dipersilakan soalan tambahan.

**YB TUAN HAJI MOHD FAUZI BIN ABDULLAH :**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Terima kasih juga kepada pihak Exco yang sentiasa prihatin untuk rakyat sentiasa membuat menambah baik. Soalan tambahan saya apakah perancangan Kerajaan dalam menambah baik skim bantuan Al-It'aam ini bagi tahun 2025?

**YB DATO' HAJI TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :**

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih soalan tambahan Manek Urai.

In Shaa Allah kerajaan dalam prosess menyediakan satu modul Pembangunan Insan Bertani Satu Ibadah yang akan diterapkan kepada semua penerima melalui khidmat DUN supaya penerima beras ini juga menjadi seorang insan yang bertaqwa dan yang sesuai dengan komuniti Rabbani tadi.

Selain itu Kerajaan akan berusaha menambah jumlah penerima khususnya melibatkan penerima orang asal secara berperingkat-peringkat. In Shaa Allah.

**YB DATO' SPEAKER :**

Silakan Jelawat.

**YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker.

Semenjak beberapa minggu yang lalu kita dengar mengenai dengan kekurangan bekalan beras putih tempatan. Walaupun Malaysia ini merupakan negara yang ramai petani atau pun orang yang menanam padi dan sebagainya.

Dan ini mungkin merupakan satu kegagalan Presiden parti Kota Lama. Sebagai Menteri keterjaminan bekalan makanan.

**[KEDENGARAN GELAK KETAWA DARI YB DI DALAM DEWAN]**

**YB PUAN DR HAFIDZAH BINTI HAJI MUSTAKIM :**

Celahan, celahan, celahan….

**YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :**

Ini soalan, soalan tambahan bukan ada celahan pun…..

**YB DR HAFIDZAH BINTI HAJI MUSTAKIM :**

Nak bagi penjelasan saja…..

**YB DATO' SPEAKER :**

Ok, ok sekarang soalan….

**YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :**

Jadi soalan saya, apakah cabaran utama dalam menjayakan Skim Al-It'-aam ini? Okay terima kasih.

**YB TUAN HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :**

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya nak merujuk kepada Peraturan Dewan. Empat perkara peraturan dewan, perkara 46 -13A seseorang ahli dilarang menyindir ahli-ahli yang lain mempunyai tujuan yang serong. Terima kasih.

Saya harap Jelawat tarik balik, acap kali dh saya duk dengar ni.

**YB DATO' SPEAKER :**

Ringkaskan soalan dan itu sahaja, dan tidak perlu untuk memberi ucapan.

**YB DATO' HAJI TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker atas soalan tambahan daripada Jelawat.

Memang cabaran utama dalam menjayakan program Skim Al-It'aam ini ialah pembekalan. Tiga barang asas ini memang menjadi cabaran utama kepada pihak yang menguruskannya iaitu Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB). Bagi tahun 2024 kita merasakan ia berada di kemuncak cabaran di mana barang beras dan minyak merupakan barang utama sering mendapatkan perhatian daripada Kerajaan Malaysia. Kenaikan harga akibat monopolitik tingkah laku pemborong beras dan pemborong gula memberi kesan kepada harga pembelian.

Bekalan beras tempatan agak berlaku kenaikan harga lantai pembelian padi daripada RM 1200 Ringgit Malaysia metrik tan kepada RM1300 metrik tan dan dikatakan berlaku juga penyelewengan penukaran beras tempatan kepada beras import.

Begitu juga berlaku pada gula pemborong gula membuat ketetapan cuba membuat ketetapan pilihan akibat berlaku penyesaran subsidi Kerajaan untuk mengurangkan beban dan kewangan Negara oleh Kerajaan Persekutuan dengan memberi pilihan jualan *per pack* gula bersubsidi dan *per pack* gula premium yang perlu ditanggung oleh pembekal dalam peroleh di pasaran.

Manakala minyak masak bersubsidi berlaku juga dikatakan ketirisan minyak, minyak masak hingga ke luar negara jiran dan menyebakan dalam pasaran negara berlaku pengurangan minyak dan sukar diperolehi pembekal dan bekalan bagi minyak masak pek 1kg subsidi pihak pembekalan telah menukar dengan bihun. Satu pek untuk buat sementara waktu sehinggalah bekalan minyak masak bersubsidi pulih sepenuhnya.

In Shaa Allah pihak KPKB selaku urusetia program perlu kreatif dan membina hubungan yang baik dengan pemain Penindustri bekalan asas

agar jaminan bekalan ketiga-tiga bahan utama tadi sentiasa ada untuk mejayakan Skim Al-It'aam ini. Sekian terima kasih.

**YB DR HAFIDZAH BINTI HAJI MUSTAKIM :**

Penjelasan, mohon penjelasan.

**YB DATO' SPEAKER :**

Saya teruskan dengan Chetok… Silakan.

**YB TUAN ZURAIDIN BIN ABDULLAH :**

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Speaker.

Mohon jawapan soalan saya nombor 3..

*Soalan 3 :*

*[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri dalam memastikan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) mencapai taraf university penuh menjelang tahun 2027]*

**YB DATO' HJ. WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :**

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Speaker.

Selain daripada memastikan KIAS mempunyai rekod pengurusan yang baik dan sistem pengurusan yang berkualiti. Kerajaan Negeri membantu KIAS dari segi perancangan dan sumber kewangan jangka panjang yang kukuh seperti menyediakan geran pelancaran sebanyak RM10 Juta setahun bagi tempoh 5 tahun.

Menyediakan premis yang baik dan lengkap serta kondusif untuk pengajaran dan pembelajaran dengan kemudahan fizikal seperti makmal, dewan kuliah, bilik kuliah yang lengkap dan mencukupi.

Terima kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Silakan soalan tambahan…

**YB TUAN ZURAIDIN BIN ABDULLAH :**

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Exco di atas jawapan tadi.

Soalan saya ialah Kerajaan telah meletakkan sasaran tahun 2027 untuk KIAS untuk mencapai taraf universiti penuh. Soalan saya adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menambah peruntukkan sedia ada penuh kepada KIAS supaya KIAS dapat mencapai taraf universiti penuh di tahun 2027? Terima kasih.

**YB DATO' HJ.WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :**

Terima kasih Dato' speaker, dan terima kasih kepada Chetok atas soalan tambahan.

Kerajaan Negeri secara dasarnya tiada halangan bagi menambah peruntukkan yang lebih besar kepada KIAS bagi memastikan perancangan naik taraf universiti penuh pada tahun 2027 tercapai. Untuk itu KIAS telah diarah agar menyediakan pelan perancangan akademik, Pembangunan dan pemasaran yang komprehensif memastikan setiap sen yang dilaburkan oleh pihak Kerajaan Negeri akan menghasilkan pulangan berbentuk sumber manusia sama ada pensyarah, pelajar mahupun pengurusan yang terlatih dan cemerlang dalam bidang masing-masing.

Begitu juga peruntukkan yang besar bagi pembangunan perasanan dapat meningkatkan lagi imej dan kemudahan taraf sebuah universiti yang menjadi pilihan ramai. Terima kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Okay, silakan Kota Lama.

**YB DR. HAFIDZAH BINTI HAJI MUSTAKIM :**

Terima kasih Yang Berhormat Exco atas penjelasan.

Soalan saya adalah apakah perancangan Kerajaan Negeri disebalik kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh KIAS tadi? Saya bertanya jugak tentang perancangan Kerajaan Negeri terhadap Kebajikan Guru-guru YIK yang merasakan bahawa setengahnya belum masih diserapkan ke jawatan tetap walaupun saya

**YB DATO' SPEAKER :**

Ringkaskan soalan ya….

**YB DR. HAFIDZAH BINTI HAJI MUSTAKIM :**

Jadi setengah nye jugak berada dalam lantikan kontrak sebulan ke sebulan, jadi ini mungkin mereka ingin bertanyakan apakah nasib mereka. Sebenarnya dan apakah perancangan Kerajaan Negeri tadi. Terima kasih.

**YB DATO' HJ. WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :**

Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan asalnya KIAS tapi takpolah ko YIK pun. Pasal YIK ni ambo ngajar dengan YIK ni gaji RM404. Tapi sekarang ni gaji RM2,000 paling kurang yang ada Ijazah jadi memang Kerajaan ada perancangan kearah penambahbaikkan sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Panglima Perang. Kerajaan menerima kenaikkan gaji 13%. Semua kakitangan termasuk Guru-guru di Yayasan Islam Kelantan. Cuma kita tok leh nak banding lah pok dengan anok, kita nok banding Kementerian. Tu lah tapi bukei jadi halangan untuk kita menaikkan gaji tapi komitmen kita kalu buleh nk buwi lebih nak buwi belako. Sebab itulah kita perjuangkan supaya royalti dibayar kepada Kerajaan Negeri Kelantan.

**[KEDENGARAN TEPUKKAN MEJA DI DALAM DEWAN]**

In Shaa Allah dalam perancangan dapat dilaksanakan dengan cepat. Terima kasih Yang Berhormat Dato' speaker.

**YB DATO' SPEAKER :**

Teruskan , dipersilakan Manek Urai.

**YB TUAN HAJI MOHD FAUZI BIN ABDULLAH :**

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan soalan saya nombor 4. Terima kasih.

*Soalan Nombor 4:*

*[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah terdapat pertambahan hasil pasir daripada pembinaan lebuh raya dari Kuala Krai ke Sungai Rakit, Gua Musang?]*

**YB DATO' DR. HAJI IZANI BIN HUSIN :**

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Manek Urai.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada JKR kerana telah berjaya beki benda ni dengan kos RM 965 ribu. Selesai doh dan penyerahan akan berlansung pada bulan ni. Tahniah ya kepada JKR yang kerana dapat buat dengan baik. In Shaa Allah terima kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Silakan Manek Urai , tambahan.

**YB TUAN HAJI MOHD FAUZI BIN ABDULLAH :**

Terima kasih Dato' Speaker, tambahan tu tak ade cuma nak ucap terima kasih kepada pihak Kerajaan yang telah menyiapkan jalan daripada tarikh yang ditentukan. Terima kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Kita teruskan dengan Gual Ipoh, Silakan.

**YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR :**

بسم الله الرحمن الرحيم

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Pohon jawapan untuk soalan saya nombor 5.

*Soalan 5 :*

*[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, berapa banyak PBT, Majlis Daerah yang melaksanakan twin cities (Bandar berkembar) bagi meningkatkan prestasi atau menjadi sukatan bagi kecemerlangan dan sejauhmana keberkesanan?*

**YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :**

بسم الله الرحمن الرحيم

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' speaker, terima kasih kepada Gual Ipoh yang bertanyakan mengenai PBT atau Majlis Daerah yang melaksanakan *'twin cities'* atau bandar berkembar bagi meningkatkan prestasi atau menjadi sukatan kecermerlangan dan sejauh mana keberkesanan.

Untuk makluman Gual Ipoh setakat ni hanya satu PBT sahaja yang melaksanakan program *'twin cities'* atau bandar berkembar iaitu Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB-BRI). Program ini dilaksanakan antara Bandar Kota Bharu dengan *Kasoka City* di Jepun.

Antara program yang dilaksanakan adalah program silang budaya antara ahli yang telah bermula pada tahun 2019 lagi. Hasil daripada pertukaran kakitangan ini dapat meningkatkan mutu gerak kerja organisasi yang dilaksanakan sebagaimana yang dilaksanakan di negara Jepun dan untuk makluman bandar berkembar ini bermula setelah terbinanya Kilang ROHM-Wako di Pengkalan Chepa dan hasil daripada pembinaan kilang tersebut kita dapat mengadakan program bandar berkembar dan dilaksanakan hubungan persahabatan setiap tahun istimewanya *'twin*

*cities'* ini kita dipinang, kita dipinang oleh *Kasoka City* untuk dijadikan sebagai bangunan berkembar dan pada tahun 2019 genap 20 tahun sambutan *'twin cities'* antara *Kasoka City* dan juga Kota Bharu. Dan kita telah menghantar sejak bermulanya dengan seorang pegawai iaitu jika boleh dinyatakan di sini Saudara Azman Mat Daham untuk berkursus di Jepun, sebab tu dia pengacara majlis dia buleh kecek jepun. Hasil daripada kejayaan program bandar berkembar ni lah. Dan sukacita saya nyatakan bahawasanya pemilik kepada ROHM-Wako juga telah dikurniakan Anugerah Darjah Kebesaran oleh Sultan Kelantan bawah gelaran Datuk Paduka kerana berjaya membawa hasil pelaburan yang tinggi ke Kelantan dan hasis sebagai tanda penghargaan persahabatan tersebut telah dibina Menara jam persahabatan di hadapan Pasar Siti Khadijah pada tahun 2019 sempena 20 tahun sambutan dan juga pembinaan atas pembinaan taman ke atas Bangunan Jepun di Kelantan, Taman Al-Fursan Pengkalan Chepa dan kos telah berjaya membawa kehadiran pelancong Jepun untuk melawat Kota Bharu dan telah diadakan satu festival "Kelantan Jepun" yang diadakan pada tahun 2022 di mydin mall tunjong. Untuk menjalinkan budaya Jepun dan juga budaya Kelantan.

Dan antara pencapaian yang telah diperolehi hasil daripada program *"twin cities"* antara *Kasoka City*, Jepun dan juga Kota Bharu. Terima kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Silakan Gual Ipoh.

**YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR :**

Terima kasih kepada Yang Berhormat Exco di atas jawapan itu tadi.

Soalan kedua saya apakah pihak PBT ada perancangan untuk membantu Majlis Daerah Tanah Merah yang akan bersama dengan *Kanchanaburi Municipality* dalam membuat hubungan *'twin cities'* ataupun *'sister cities'* utamanya dalam dua bandar yang mempunyai trek kereta api, dan dua bandar yang mempunyai jambatan yang sezaman sama lebih kurang Sejarah *World* apa ni *memory* tu.

Yang ketiganya, ada hubung kait dengan dua bandar yang terlibat dengan buruh paksa. Apatah lagi sekiranya berlaku lagi silam budaya dan

kesenian kerana Bandar Kanchanaburi sendiri Kanchanaburi adalah singkatan….

**YB DATO' SPEAKER :**

Ringkaskan Soalan yaa..

**YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR :**

Bahasa melayu kita yang bermaksud emas barangkali. Itu soalan kedua saya, terima kasih.

**YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :**

Terima kasih soalan tambahan daripada Gual Ipoh. Dia tanya jugok gulimat dio. Jadi untuk makluman semua ahli dewan saya telah juga dijemput untuk bersama-sama dalam rombongan yang telah diketuai oleh Yang Amat Berhormat Dato' Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan pada 2 minggu lepas. 2 minggu lepas untuk sama-sama melawat dia panggil apa *'River Kwai'* Jambatan Kereta Api yang menentangi Sungai Kwai, Kwei, macam tu lah sebutan dia di Thailand. Dan dibawa melawat *cemetary* tanah perkuburan di Kanchanaburi yang mana di sana disemadikan buruh paksa yang meninggal semasa tempoh pembinaan semasa perang dunia lah dan sememangnya kita di pihak PBT berhasrat untuk menjalinkan hubungan silang budaya dengan Kanchanaburi.

Dan kita ingin menumpang popularati *require fabrish* yang terkenal di zaman dunia dan kita jadikan program tersebut sebagai *'twin cities'* tetapi *'sister cities'*. Kerana kita agak terkebelakang baru hendak mempromosikan Gulimat *bridge* kita manakala jika kita telah begitu selesa dengan kehadiran jutaan pengunjung setiap tahun ke *River Kwai Bridge* lah.

Dan begitu untuk masa ini agar keberkesanaan yang kita harapkan dari pihak di sana bersifat duduk apa dia dah tinggi sama diri sama tinggi kita telah membentangkan *proposal* kita mereka lebih tertarik dengan sebagaimana Dato Exco beritahu air terjun nya dia berlainan daripada kita dan kita akan membuat satu surat rasmi lah daripada lawatan tersebut untuk kita nyatakan secara rasmi hasil daripada lawatan rasmi untuk kita nyatakan secara tertulis hasrat sebenar kita dan In Shaa Allah

bersama-sama kita akan memperkasakan promosi *Gulimat Bridge* dan kita. kemungkinan kita boleh menjemput *Tourism* daripada Kanchanaburi untuk sama-sama datang ke tempat kita untuk melihat Jambatan Kusial yang sebenar dan kita juga akan cuba mendatangi satu MOU dalam masa terdekat lah untuk kita sambung hasrat murni Adun Gual Ipoh lah.

Untuk kita pastikan segala kelebihan yang ada di *Kwai Bridge* dapat juga kita bawa ke Tanah Merah dan juga Kelantan. In Shaa Allah, terima kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Silakan Galas..

**YB TUAN HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :**

Terima kasih Dato Speaker.

Saya ucap tahniah lah kepada Kerajaan Negeri kerana bandar kota bharu kita ni difahamkan dipinang oleh Kasoka Jepun untuk jadi *'twin cities'*.

Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan pertama saya adakah dari segi koloborasi *'twin cities'* ni. Apakah kelebihan yang kita dapat dengan '*twin cities'* ni? Adakah dari segi pengurusan sampahnya ke, sistem peparitan ke? Atau dari segi kecekapan budaya kerja ke?

Dan yang kedua, Yang Berhormat Exco ada sebut beberapa kali berkenaan dengan bandar Bahagia yang kita capai. Tahniah lah kepada Jeli dan Negeri Kelantan. Cuma saya ingin bertanya apakah kriteria-kriteria pemilihan kita menjadi Bandar Bahagia ni? Adakah dari segi *administrative*, ataupun bagaimana? Terima Kasih.

**YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :**

Terima kasih soalan Galas.

Semasa penggulungan saya telah nyatakan sepintas yang lalu kriteria-kriteria ataupun indakator pemilihan atau permakahan *rating* yang telah diberikan oleh penilai untuk memastikan bandar tersebut mencapai tahap bahagia ataupun sederhana bahagia ataupun kurang bahagia. Tiga tu lah huk ada, memandangkan ia adalah soalan ditanya secara rasmi

maka saya akan rujuk kepada Laporan Kebahagiaan Malaysia Tahun 2024, dinyatakan dalam buku laporan ini, semua laporan terperinci setiap bandar di Malaysia dan di setiap negeri lah. Memandangkan soalan secara rasmi, jadi saya akan jawab secara rasmi lah. Jadi saya memulakan apa ni dengan masa lah tapi saya rasa memberi manfaat lah kepada seluruh ahli dewan dan juga wakil-wakil dari PBT dan YDP yang berada di sini.

Komponen pengukuran kebahagiaan dunia dibahagi kepada enam komponen utama. Yang pertama memohon izin jika dicapitol, *social support, healty life expentency, freedom to make life choices, generosity perception and the absence of corruption*. Dan kenyataan di sini saya mohon baca, *Income health having someone to count on, having a sence of freedom to make a key life of decision. Generosity and the absence of corruption, all play strong roles in supporting life evaluations.*

Maknanya disini pendapatan, kesihatan seseorang bersama kita mempunyai rasa kebebasan untuk membuat keputusan *genorisity* ke kemurahan dan *absence of corruption* (ketiadaan unsur-unsur rasuah), memain peranan penting dalam *supporting life evaluations*.

Untuk membantu penilaian hidup itu peringkat dunia lah. Dia ada paras *indicator*. Yang pertama pasal yang semalam saya bagithu ia tidak menilai bangunan ataupun tempat hiburan ataupun sebagainya, tetapi yang pertama pekerjaan, pengangkutan, keagamaan, kesihatan, undang-undang dan keselamatan, politik dan kerajaan, makanan tempat tinggal, sumber tenaga alam sekitar, kesejahteraan, keluarga dan pendidikan, *diversity* masalah sosial. Komunikasi dan teknologi penglibatan penduduk ekonomi dan perniagaan *indicator*, pengukur tahap kualiti hidup dekat dunia lah.

Dan sehingga Mac 2023 Negara Finland telah diiktiraf sebagai negara paling Bahagia di dunia sebanyak 6 kali berturut-turut. Itu *benchmark* Malaysia lah. Dan untuk tahun 2023 Malaysia mendapat kedudukan ke 55 daripada 157, 137 negara yang dinilai.

Masuk kepada peringkat nasional, peringkat nasional ada beberapa *indicator* yang saya akan bacakan secara sepintas lalu. Cuma dia ada 14 soalan yang akan ditanya kepada *responden.*

Yang pertama tahap tekanan/stress kehidupan anda sekarang. Teras mereka akan jawab berpuas hati dengan kesihatan sekarang? Bahagia dengan keluarga saudara mara? Seronok bekerja? Berpuas hati dengan pengurusan kewangan diri sekarang? Hubungan dengan jiran? Seronok terlibat dengan aktiviti komuniti dari Kawasan anda? Selesa dan selamat di tempat kerja anda? Berpuas hati dengan kemudahan awam yang disediakan? Berpuas hati dengan kemudahan infrastruktur yang disediakan? Berpuas hati dengan perkhidmatan PBT di tempat anda? Berpuas hati dengan perkhidmatan swasta di tempat anda? Berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh pimpinan tempatan di kawasan anda? Berpuas hati dengan kualiti alam sekitar di tempat anda?

Ini 14 komponen penilaian, aspek utama dinilai 14 komponen dan antara *indicator* tu lepas belako lah. Dan saya bacakan secara terperinci lah untuk makluman semua ahli dewan lah.

Markah Kelantan, Kelantan mendapat skor 4.31 per 5, alam sekitar 4.3, dan tempatan 4.25, perkhidmatan swasta 4.25, perkhidmatan PBT 4.26, infrastruktur asas 4.21, kemudahan asas 4.34, kediaman 4.34, komuniti 4.35, hubungan dengan jiran 4.36, kewangan 4.25, keseronokan bekerja 4.33, keluarga Bahagia 4.44, Kesihatan 4.33, tahap stress 4.34, dan kalau kita tengok negara kita yang terdekat iaitu kita 4.31 per 5 terdekat kita 4.35 per 5 negeri Johor. Negeri Johor atas sikit pada kita dan ini adalah *indicator-indicator* yang pertama dinilai.

Saya mohon semua PBT dapat maklum dan kita rangka lah apa-apa program untuk kita jadikan sebagai penilaian untuk kita melepasi indeks skor sebahagian bukan semua bagi mendapat tempat 2. Ada 10 PBT akan diumumkan sebagai bandar paling bahagia, saya tak tahu tapi ada 10 PBT pernah dirapatkan pada tahun 2022 Kuala Krai dan Gua Musang. Jadi kita nak tahun lepas 10 teratas tu semua Kelantan semua, In Shaa Allah terima kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Silakan Bukit Bunga..

**YB TUAN MOHD ALMIDI BIN JAAFAR :**

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan pada soalan saya nombor 6.

*Soalan 6 :*

*[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, kesediaan Kerajaan Negeri untuk menaik taraf tempat rekreasi seperti padang bola yang terletak di atas tanah persendirian terutama padang bola di kampung.]*

**YB TUAN ZAMAKHSHARI BIN MUHAMAD :**

بسم الله الرحمن الرحيم

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Dato' Speaker, terima kasih Bukit Bunga atas soalan yang ditanya.

Kerajaan Negeri sangat *committed* untuk memastikan kemudahan satu DUN, satu padang bola yang kompentitif ataupun yang memenuhi piawan, In Shaa Allah walaubagaimanapun ia akan mengikuti tatacara yang ada. Jadi dalam kes yang ditanya iaitu tentang kemudahan padang bola yang terletak di atas tanah persendirian, pihak Kerajaan Negeri hanya menyalurkan peruntukan khusus bagi tempat sukan, ataupun di atas tanah pihak berkuasa tempatan. Maknanya tanah tu perlu di bawah PBT ataupun di bawah Pejabat Tanah ataupun PTK.

Oleh yang demikian, tiada peruntukkan khusus daripada Kerajaan Negeri bagi menaik taraf taman awam, ataupun rekreasi bagi tanah persendirian. Dan juga kalau kita rujuk juga tiada peruntukkan daripada KPKT bagi menaik taraf di atas tanah persendirian walaubagaimanapun bagi

memenuhi hasrat Kerajaan untuk memastikan satu DUN, satu padang bola yang mengikut perpiawan, pihak DUN di mintak untuk berbincang dan mengadakan rundingan dengan Pejabat Tanah untuk mengenal pasti tanah-tanah yang ada dalam DUN tersebut untuk kita jadikan padang bola pertama di DUN berkenaan. Sekian terima kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Silakan Bukit Bunga.

**YB TUAN MOHD ALMIDI BIN JAAFAR : :**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Exco di atas jawapan yang diberikan sebentar tadi.

Soalan saya adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengadakan Kerjasama dengan pihak Swasta atau pihak Syarikat Korporat untuk menaja projek menaik taraf padang bola ini di kampung bagi mengurangkan beban kos kepada pihak Kerajaan. Sekian terima kasih.

**YB TUAN ZAMAKHSHARI BIN MUHAMAD :**

Terima kasih atas soalan tambahan, secara umumnya Kerajaan Negeri tiada halangan malah menggalakkan sekiranya ada mana-mana Syarikat swasta yang terlibat dalam sukan untuk sama-sama membantu membina kemudahan sukan. Terima kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Silakan Kuala Balah.

**YB DATO' ABDUL HADI BIN AWANG KECHIL :**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, pada 10 hari bulan oktober tahun ini, tahun 2024 pihak Pejabat Tanah telah meluluskan satu tanah seluas 3.5 hektar di Kampung Bukit Tok Ali untuk dijadikan riadah, tempat riadah atau sukan.

Dan saya telah berbincang dengan Yang Berhormat Exco sendiri bersama dengan Tuan D.O kita. Dan ada satu kesatuan di situ telah membuat cadangan mungkin cadangan saya adalah mohon dapatkan pandangan daripada Yang Berhormat Exco mengenai perkara ini. Terima kasih.

**YB TUAN ZAMAKHSHARI BIN MUHAMAD :**

Terima kasih atas soalan ataupun maklumat yang diberikan. Secara umumnya proses untuk menaik taraf padang bola tadi maknanya setelah pihak DUN mengenal pasti lokasi dan telah dipersetujui oleh pihak berkuasa tempatan maka permohonan boleh diangkat melalui pihak berkuasa tempatan untuk kepada Exco dan In Shaa Allah pihak Exco akan berbincang dengan Upen untuk penyaluran dana dan saluran itu akan peruntukkan itu akan turun melalui PBT. Jadi proses menaik taraf itu akan diuruskan oleh PBT. Terima kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Silakan Dabong.

**YB TUAN KU MOHD ZAKI BIN KU HUSSIN :**

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 7 pohon jawapan.

*Soalan 7 :*

*[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah perkembangan terkini Pusat Taranum Kelantan dan perancangan memperluaskan pendidikan taranum kepada generasi muda?]*

**YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD :**

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Dabong mempersoalkan tentang perkembangan terkini Pusat Taranum dan bagaimana Kerajaan telah memperluaskan agenda ini untuk makluman selepas pada Kerajaan Negeri melancarkan pusat taranum pada 14 Mei yang lalu. Maka pada 29 Jun 2024 Kerajaan Negeri di peringkat melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan telah pun memulakan kelas yang pertama dan tenaga pengajar yang kita ambil terdiri daripada tenaga pengajar yang berpengalaman seramai 5 orang semuanya itulah yang pertamanya Datuk' Hajjah Faridah binti Hj Mat Saman yang ia ini Datuk' Hajjah Faridah ini telah memenangi 8 kali Musabaqah di Peringkat Antarabangsa. Ini antara kecemerlangan Datuk Hajjah Faridah sendiri

dan beliau bersanggupan untuk menjadi mentor kepada Pusat Taranum ini.

Yang keduanya ialah Sheikh Hisham Abdul Bari Mohd Rojeh sebagaimana kita maklum dan beliau akan mengfokuskan kepada falsohah, ya Datuk Hajjah Faridah tadi tarannum.

Kemudian yang ketiganya ialah Ustaz Haji Yahya Bin Daud juga akan mengfokuskan kepada Taranum dan suara yang jugak menjadi Qari di peringkat antarabangsa.

Yang keempatnya ialah Ustaz Haji Mohd Hussein Bin Yunus yang jugak fokus kepada Taranum dan suara yang jugak bekas Qari antarabangsa.

Dan yang kelima ialah Ustaz Haji Mohd Bahri Abdullah ialah yang akan mengfokuskan kepada tajhwid dan fasohah kerana kita akan mengutamakan pelajar-pelajar ini dari sudut folsohah dan juga tajhwid itu jugak pada peringkat permulaan kerana dalam Taranum Al-Quran ni markah yang tertinggi walaupun di fokusnya kepada berlagu dan bertaranum tapi markah tertinggi dalam bacaan al-quran ialah tajhwid iaitu 40, taranum hanya 25, falsohah 20, dan suara 15 dan jadi perkembangan menarik setelah daripada buka kelas tersebut seramai 50 orang telah pun sertai. Dan 18 yang terpilih, yang terpilih bermaksud mereka mempunyai suara yang baik dan sudah mempunyai sedikit sebanyak ilmu-ilmu asas tentang al-quran.

Di kalangan mereka adalah anak-anak muda, dan dikalangan mereka adalah pensyarah. Pensyarah dari Kolej, Universiti KIAS daripada YEIK dan anak-anak muda yang lain. Manakala 32 orang yang lain adalah peserta umum yang ada rata-rata berumur 50 tahun ke atas. Dan setakat ini Kerajaan Negeri melalui JAHEIAK telah memperluaskan iklan taranum ini melalui website JAHEIAK dan lain-lain untuk dipanjangkan kepada Jabatan serta agensi luar untuk menarik minat generasi pelapis khususnya di kalangan anak-anak muda. Sekian terima kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Silakan Dabong soalan tambahan …

**YB TUAN KU MOHD ZAKI BIN KU HUSSIN :**

Yang Berhormat Dato' Speaker.

Jadi kita boleh pehe doh bahawasanya rakyat Kelantan ni mempunyai banyak kelebihan soro sedak.

Jadi soalan tambahan saya apakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memperluaskan pendidikan taranum ke masjid-masjid ataupun surau-surau bagi memastikan seni ini dapat diwarisi oleh generasi muda di seluruh negeri Kelantan.

**YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD :**

Terima kasih Dabong di atas soalan tambahan tersebut. Ya memang begitu lah hakikatnya kita akan memperluaskan ke masjid-masjid ke surau-surau dan untuk maklumat sejak daripada 1940 an lagi di Negeri Kelantan ini begitu giat dengan ilmu-ilmu berlagu ataupun taranum Al-Quran. Sehinggalah tahun 60an, 1960 an apabila masyhur ketika itu Guru-guru Al-Quran khusunya daripada Mesir yang mana Taranum Al Misri.

Taranum dari Mesir ni mendapat tempat di seluruh dunia termasuklah di Malaysia, jadi ramai anak-anak murid daripada orang-orang melayu ini belajar taranum Al Misri ini dan mereka mengpopularkan di negara termasuklah di negeri ini dan termasuklah antaranya Haji Ahmad bin Mat Som Pergau yang Kerajaan Negeri melantik beliau sebagai Guru Lagu. Nama pada masa itu ialah Guru Lagu itu sekitar 70an, Pas sendiri telah mentadbir antara 59 hingga 78, fasa pertama di situ kita mempergiatkan Hal Ehwal yang berkaitan dengan Al-Quran dan Taranum ini sudah ada Guru lagu dia iaitu diberi tanggungjawab kepada Haji Ahmad Bin Mat Som Pergau kemudian dilantik ajk-ajknya untuk memperluaskan Al-Quran iaitulah Haji Mohamad Fadhil Daud, Haji Hassan Musa, Hajjah Faridah Mat Saman dan Hajjah Satina ataupun Hajjah Siti Nur Ismail, semua ini mendapat johan dalam pertandingan di peringkat mahupun kebangsaan dan ada yang di peringkat antarabangsa dan mereka telah memperluaskan di surau-surau termasuklah di masjid, termasuklah di pada masa itu umpamanya pada tahun 1997 hingga tahun 2009 dan Datuk Hajjah Faridah Binti Hj Mat Saman sendiri telah membuka pusat

Taranumnya di Pejabat Kodi di Kuala Krai pada masa itu untuk melabelkan pengajian-pegajian taranum ini.

Dan sehingga kini lah pusat-pusat pengajian ini berlarutan dan diteruskan di semua tempat termasuklah mereka-mereka yang mahir dalam taranum membuka kelas-kelas di rumah di kediaman mereka sendiri. Seumpama Hj. Mohamd Fadhil Daud, seminggu sekali buka kelas taranum di rumahnya.

Dan saya nak ucapkan tahniah lah antaranya Halaqah pertama iaitu Halaqah Kawasan Pasir Putih setelah daripada kita menubuhkan pusat taranum maka dia telah pusat taranum pertama yang diadakan di khidmat pusat DUN seramai 20 orang, kanak-kanak yang dipilih

[KEDENGARAH KETUKAN MEJA DI DALAM DEWAN]

Untuk belajar taranum di Pasir Putih, jadi ini satu usaha yang baik yang kita mintak seluruh pihak Halaqah di Kawasan-kawasan yang lain jugak dapat mencotohi. Dan di masjid-masjid, di surau umpamanya Masjid Sultan Ismail Petra Kubang Kerian, kelas mingguan hari ahad selepas Isyak, Masjid Al-Muhaimin Mukim Kok Lanas setiap jumaat selepas kuliah Al-Dhuha Masjid Ahmadi Bukit Tiu setiap malam Jumaat, Masjid Sultan Ismail Petra Tanah Merah secara mingguan dan banyak surau-surau yang lain dan ada pusat khidmat dun yang telahpun membuka pusat kelas taranum ini.

Jadi usaha ini telah pun disambut oleh Dabong, dan kita nak lepasni kita nak Dabong pulak ada Pusat Taranum. Yang dibuka oleh apa ni dengan makluman Alhamdulillah dalam apa ni majlis membina generasi solat yang telah dilakukan pada beberapa bulan yang lalu. Johan Tilawah Al-Quran di peringkat anak muda, kanak-kanak baru berumur 16, 17 tahun telah mempunyai suara begitu hebat, begitu mantap dan ramai yang hadir nyatakan ini boleh menjadi juara di peringkat antarabangsa.

Walaupun dia pada masa kini baru saja berumur 16,17 tahun, macam tahun 2023 daripada Tanah Merah, Seriti Sekolah Intergrasi Islam Tanah Merah kemudian pada tahun ini yang mendapat Johan Tilawah ialah Muhammad Syakir Syafie daripada Kubang Kerian dan yang mendapat Naib Johan Najman Anira dari Pasir Putih dan tempat ketiga Muhamad

Firdaus Muhamad Fairuz daripada Kuala Krai yang nama-nama ini akan dilatih untuk mereka In Shaa Allah akan menjadi pelapis dalam bidang taranum Al-Quran ini sendiri.

Seterunya menaikkan imej Kelantan secara berkekalan dalam nasional hinggalah peringkat antarabangsa. In Shaa Allah. Terima kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Silakan Mengkebang.

**YB TUAN ZUBIR BIN ABU BAKAR :**

بسم الله الرحمن الرحيم

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan saya.

Boleh nyatakan adakah *syllabus* khusus yang diguna pakai oleh peserta di pusat taranum Kelantan tersebut? Okay terima kasih..

**YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD :**

Terima kasih Mengkebang, rasanya Mengkebang berminat ye untuk Mengkebang punya suara. Alhamdulillah.

**YB TUAN ZUBIR BIN ABU BAKAR :**

Terima kasih.

**YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD :**

Sudah tentu lah, apa ni. Sudah ada *syllabus* yang telah ditetapkan oleh Pusat Taranum ini. Saya tidak berhasrat untuk baca *syllabus* tersebut. Cuma untuk maklumannnye telah diberi tanggungjawab khusus kepada 5 tenaga pengajar dan mentor tadi dalam *syllabus* bermula kelas 8.30 pagi hingga 5.00 petang. Setiap minggu tersebut dari sudut tajhwid, falsohah dan suara. Sebab bidang suara pun ada *syllabus* tertentu. Jadi ambik masa 3 hari tak habis, kita nak bincang.

Dan untuk makluman saya juga nak sebut di sini bahawa Kerajaan Negeri Kelantan sangat memberikan keutamaan dalam hal ini sehingga Kerajaan Negeri sanggup memberi Insentif yang besar kepada pemenang Al-Quran ini. Umpamanya tahun ini juara adik Qayyim kita mendapat sebuah kediaman yang berharga RM458 ribu. Jadi penghargaan….

**[KENDENGARAN KETUKAN MEJA DI DALAM DEWAN]**

Jadi penghargaan sebelum pada ini Arwah Ustaz Zul Helmi, Ustaz Abdullah Fahmi semuanya sudah mendapat rumah yang mana insentif awal bermula dari RM 2,000 ringgit sejak dari tahun 60an telah diperbesar oleh Kerajaan Negeri harini. Memandangkan bahawa usaha ini untuk mengekalkan pelapis untuk mencintai Al-Quran untuk berterusan. Terima kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Silakan Kemuning..

**YB TUAN AHMAD ZAKHRAN BIN MAT NOOR :**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 8 izinkan saya pohon jawapan. Terima kasih.

*Soalan 8 :*

*[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah aktiviti-aktiviti kesenian dan kebudayaan negeri termasuklah sukan tradisional yang diberi perhatian dan sokongan oleh Kerajaan Negeri Kelantan, dan sejauh mana usaha Kerajaan Negeri Kelantan untuk memartabatkan kesenian dan kebudayaan tersebut di mata dunia.]*

**YB DATUK KAMARUDDIN BIN MD NOR :**

بسم الله الرحمن الرحيم

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada yang berhormat Kemuning. Dan bagi menjawab soalan yang dikemukan seperti berikut :

Aktiviti-aktiviti Kesenian dan Kebudayaan Negeri termasuklah sukan tradisional yang diberi perhatian dan sokongan oleh Kerajaan Negeri ialah antaranya bidang persembahan seperti Dikir Barat, Wayang Kulit, dan juga bidang Tenunan dan Kraf Tangan seperti Batik, Songket, dan juga bidang Kraftangan ni Anyaman tikar, daripada mengkuang dan lain-lain produk busana pakaian tradisional termasuk jugak alat-alat muzik seperti Gong, Banubi ketuk dan lain-lain.

Ini semua adalah dalam perhatian Kerajaan dengan tujuan untuk membantu mempromosikan lagi termasuk juga bidang Kulineri, Makanan masakan tradisional yang antaranya menjadi *hashtag* Tahun Melawat Kelantan pada tahun ini. Kemudian Yang Berhormat Kemuning jugak ingin bertanya mengenai usaha Kerajaan untuk mempertabatkannya di peringkat antarabangsa.

Jadi untuk tujuan itu kita tahu ini melibatkan kos yang agak besar jadi kita dokumenkan benda-benda yang tadi dan untuk edarkan melalui *tourism* Malaysia supaya ia dapat diedarkan kepada pejabat-pejabat *tourism* di seluruh negara, seluruh dunia yang ada pejabatnya.

Di samping itu, peranan yang dimainkan oleh kepintaan besar kita di beberapa negara juga banyak membantu contohnya pada bulan Oktober tahun ini Duta Besar Malaysia ke U.S Amerika Syarikat telah mengadakan satu Expo mengenai songket dan diadakan di rumah kediaman terutamanya duta besar kita dan dirasmikan oleh Yang Amat Mulia Tengku Mahkota Kelantan, yang jugak Yang Berhormat MB turut hadir dalam acara ini. Dan mendapat liputan yang sangat baik di kalangan peminat seni dan juga media Amerika Syarikat.

Selain daripada itu, Yang Amat Mulia Dato' Tengku Bendahara yang juga menjadi penasihat kepada Museum Negeri telah mengadakan busana muslim *'Islamic Fesyen'* di Bangkok pada bulan September tahun ini di bawah naungan Istana Sultan Raja Thailand. Jadi pendedahan benda begini telah banyak membantu untuk meingkatkan Kelantan ke seluruh dunia. Terima kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Silakan soalan tambahan Kemuning.

**YB TUAN AHMAD ZAKHRAN BIN MAT NOOR :**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker dan terima kasih kepada Yang Berhormat Exco Pelacongan atas penerangan lah sebentar tadi. Jadi soalan tambahan saya adalah apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam untuk mendokumentasikan sebagai usaha untuk salah satu cara untuk promosikan seni warisan yang telah disebutkan sebentar tadi seperti dikir barat, wayang kulit, kraftangan, songket, alat musik, gong kertuk, kulineri dan banyak lagi lah yang disebutkan tadi. Jadi apakah usaha yang dibuat untuk mendokumentasikan perkara-perkara seni warisan tersebut? Terima kasih..

**YB DATUK KAMARUDDIN BIN MD NOR :**

Terima kasih Yang Berhormat Kemuning, saya dukacita melaporkan bahawa usaha-usaha telah dan sedang dibuat mengenai mengabadikan dalam bentuk filem ataupun video dan untuk edaran dan makluman kepada semua pengunjung ataupun mereka yang ingin berkunjung ke Kelantan, yang sedang diusahakan sekarang ini yang belum kita terbitkan lagi ialah bidang dokumentasi mengenai makanan tradisional yang sudah siap ialah puteri mandi, akok, lompat tikam, jeruk maman, pinde tapei, dan ketupat sotong.

Aaa ini adalah yang telah siap ni, ketupat sotong ni di musim sotong lah. (gelak ketawa), dan ada lagi In Shaa Allah beberapa lagi jenis makanan tradisional lagi yang sedang dalam senarai untuk disiapkan. Jadi itu, kesemua ini yang dikomuntasikan ini oleh Yang Berhormat ADUN Kemuning tadi macam wayang kulit, dikir barat, wau bagaimana nak buat

beberapa jensi produk dan juga alat-alat musik seperti macam mana nak buat rebana ubi, kertuk, gong dan lain-lain lagi. Itu sudah siap dan ini sedang kita edarkan kepada Pejabat Tourism Malaysia di Kuala Lumpur untuk edarannya di pejabat-pejabat Tourism Malaysia di luar negeri.

In Shaa Allah dalam iklan kita nanti juga akan kita akan masukkan semua ini yang sedang kita usahakan untuk kita iklan produk kebudayaan Kelantan ini melalui media kapal terbang. Terima kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Silakan Wakaf Bharu.

**YB TUAN MOHD RUSLI BIN ABDULLAH :**

بسم الله الرحمن الرحيم

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Speaker, jadi Negeri Kelantan ni kita tahu kaya dengan kesenian, dan kebudayaan apatah lagi Bandar Kota Bharu diiktiraf peringkat asia Tenggara dalam dunia, jadi soalan tambahan saya apakah Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk mengadakan festival kebudayaan tahunan di peringkat antarabangsa? Sekian terima kasih.

**YB DATUK KAMARUDDIN BIN MD NOR :**

Terima kasih atas cadangan Yang Berhormat Wakaf Bharu, untuk maklumkan kita bercadang untuk buat satu Mahraja yang ini apa Pesta, Festival. Betul ke istilah tu? Mahrajan Festival kebudayaan melayu dan islam pada tahun 2025 In Shaa Allah.

**YB DATO' SPEAKER :**

Silakan Gual Ipoh.

**YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR :**

Xièxiè, Xièxiè Yang Berhormat Dato' Speaker, Ni Hao Ma? Zao Shang Hao. Wo Ai Ni… (gelak ketawa).

Pohon jawapan untuk soalan saya nombor 9.

*Soalan 9 :*

*[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah langkah-langkah bagi Pembangunan daerah Lojing lebih komprehensif dan sesuai dengan daerah cuaca yang sejuk seperti Cameron Highland?]*

**YB DATO' DR. MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN :**

بسم الله الرحمن الرحيم

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Gual Ipoh. Akhirnya Gual Ipoh ada jugak soalan untuk saya. Terima kasih ya. Bukan gulimak yang tentunya. (gelak ketawa).

Perancangan yang utama di Tanah Tinggi Lojing adalah untuk mencapai Pembangunan yang mampan maka strategi-strategi yang berkesan harus digariskan bagi memelihara memulihara alam sekitar, mewujudkan kawasan berbudaya maju untuk pembangunan ekonomi serta membentuk penempatan yang sesuai didiami memenuhi keperluan masyarakat setempat, perancangan pemajuan yang rancangan khas kawasan tinggi Lojing telah dirangka sebagai garis panduan bagi membolehkan dilaksanakan secara *dynamic* dan juga *holistic.*

Berdasarkan hakiki lojing yang telah diadakan penumpuan pembangunan adalah melibatkan yang pertama Pembangunan Institusi iaitu perumahan, pendidikan dan juga kesihatan. Seterusnya pembangunan kemudahan masyarakat seperti kawasan rehat, rawat, masjid, tandas awam dan lain-lain. Seterusnya kawasan rekreasi adalah juga ialah kawasan lapang, pembangunan pertanian tanah tinggi pelaksanaan melalui agensi-agensi di bawah Kerajaan Negeri, ECRDC.

Projek tenusu dan juga Lembaga Kemajuan Kelantan Kesedar, lagi adalah Pembangunan Infrastruktur juga inteliti juga seperti jalan raya, sistem peparitan pepaipan, tenaga elektrik dan juga lain-lain. Kita juga merancang pembangunan *commercial*, pembangunan-pembangunan perniagaan pusat penyelidikan ataupun RND, pembangunan Agro, Eco Pelancongan seperti pusat-pusat rafflesia, *Glamping Site*, Taman Rusa dan

*Herbarium*, tanaman pokok hutan, pusat peranginan sigar, penanaman 40 pokok durian pelbagai spesis, pusat penyelidikan dan lain-lain. Terima kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Silakan Gual Ipoh soalan tambahan.

**YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR :**

Soalan kedua saya adalah sekiranya kita ke Cameron highland kita biasanya melihat ladang teh, boleh ke kalau kita ke Lojing kita mempunyai taman bunga yang berskala besar dan mereka boleh *enjoy* dengan bunga-bunga seperti Tulip dan Lavender dan berbagai-bagai bunga yang sesuai dengan kawasan iklim sejuk di mana ia menjadi satu trending bagi orang-orang untuk mengunjungi lojing pada mungkin suatu ketika dulu, kita boleh buat Flora fest untuk mengajak pengunjung daripada Cameron Highland juga boleh berkunjung ke Lojing. Terima kasih.

**YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN :**

Terima kasih terhadap soalan tambahan daripada Gual Ipoh, terima kasih. Saya rasa itu agak satu cadangan yang baik dan kita pun memang cuba mengadakan bersama pihak berkuasa di Lojing.

Kita akan jadikan pusat penganginan Lojing itu sebagai contoh kepada kita Pembangunan Pelancongan. Hari ini kita dapati ramai yang melancong ke Lojing dengan keluarga tetapi dalam masa yang sama ada rungutan kerana ramai berlaku kesesakan di lalu lintas dan sebagainya. Dan itulah peluang yang boleh kita ambil limpahan daripada Lojing itu dan kita bangunkan limpahan dari Cameron Highland. Kita bangunkan Lojing di Kawasan-kawasan penempatan penginapan dan juga yang dicadangakan itu Kawasan tanaman bunga dan sebagainya. Itu adalah antara perancangan-perancangan kita, In Shaa Allah.

Semalam disebutkan, saya tak ingat siapa ya. Sebenarnya hasil dari Lojing itu telah dibawa ke Cameron Highland. Sayur-sayuran, bunga-bungaan kalau kita ke Lojing kita akan dapati ruas sayup mata memandang

pertanian kita tetapi akhirnya *product* of Cameron highland tidak *product* of Lojing Kelantan.

Ini adalah sebenarnya kerugian kepada rakyat dan juga negeri kita, bukan bukan maksudnye kita nak menanam di Cameron highland. Dia jauh lebih dahulu daripada kita tetapi apa yang kita buat itu hendaklah membawa nama Kelantan. Inilah antara perkara yang sedang kita rancang untuk kita buat di Lojing, pusat pengumpulan hasil-hasil tanaman pertanian dan juga bunga-bungaan kita. Di samping tempat untuk pelancongan. Terima kasih sekali lagi kepada Gual Ipoh.

**YB DATO' SPEAKER :**

Silakan Galas.

**YB TUAN HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker,

Memandangkan kawasan Lojing ni dalam kawasan Galas saya bersetuju dengan apa yang ditarakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Besar tadi, sayur tepat kito, tomato tepat kito, tetapi yang dapat hasil ialah di kawasan lain. Saya cadangkan supaya kita kenakan cukai dan ada peruntukkan undang-undang yang boleh kita ambil.

Soalan kedua saya, hakisan tanah yang *serious* di kawasan Lojing juga berlaku akhir-akhir ini yang telah menjejaskan kualiti air dan keselamatan penduduk. Justeru bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan pemantauan dan tindakan penguatkuasa lebih baik berkesan bagi melindungi Kawasan ini daripada terus terancam?

Terima kasih.

**YB DATO' DR. MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN :**

Okay ya, kita ada enekmen pertanian, dan juga perbekalan air dan sebagainya lah. Kita akan pastikan yang kita akan menguatkuasakan itu dan penguatkuasaan nye ini saya mohon dari pihak yang terlibat daripada jabatan-jabatan kita memberikan perhatian yang lebih, lebih lagi sebab kita memang antara *priority* yang ada pada kita sekarang

adalah Lojing dan juga Gunung Chamah yang sebagaimana diberitahu kepada kita dan membangunkan Gunung Chamah.

Saya ambil peluang lah untuk sedikit mempromosi Gunung Chamah. In Shaa Allah Gunung Chamah ini dalam kawasan Gua Musang, kita akan selain daripada ekonomi Alhamdulillah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad ke V, Sultan Kelantan sendiri telah menitahkan agar pembangunan ini dilakukan dengan teliti dan juga terpelihara. Jadi In Shaa Allah kita ambik pengajaran dari Cameron Highland, daripada Lojing sendiri kita akan bangunkan pusat penanginan Gunung Chamah dengan cara Lestari menjaga alam sekitar dan antara yang lainnya hanya 20% sahaja untuk pembangunan, 40% lagi dikekalkan dengan rupa bentuk yang asal, dan 40% lagi adalah dengan tanaman-tanaman yang sesuai dengan keadaan di Gunung Chamah tadi.

Ini satu lagi produk pelancongan tanah tinggi yang sedang kita usahakan di Kelantan, In Shaa Allah cadangan tadi sangat baik dan memang kita saya dimaklumkan bisikan oleh Dato' Setiausaha Kaya Setia tadi memang kita sedang mengkaji untuk sebelum kita adakan Pusat Pengumpulan kita sendiri, hasil kita yang di bawa keluar daripada negeri sedikit sebanyak ada bayaran ataupun kita katakan cukai tadi tertentu untuk digunakan sebagai faedah rakyat dan juga ekonomi Negeri Kelantan. Terima Kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Silakan Limbongan.

**YB PUAN NOR ASILAH BINTI MOHAMED ZIN :**

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kita,

Pohon soalan nombor 10.

*Soalan 10 :*

*[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, tahap saraan diri (self sufficiency ratio) perbekalan ayam pendaging (poultry industry dari 2019-2024)]*

**YB DATO' HAJI TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :**

بسم الله الرحمن الرحيم

Yang Berhormat Dato' Speaker terima kasih Limbongan.

Tahap Sara diri (SSL) untuk Daging Ayam bagi tahun 2019 sehingga 2023 adalah seperti berikut :

| Tahun | SSL (%) |
|---|---|
| 2019 | 20.22 |
| 2020 | 11.24 |
| 2021 | 10.58 |
| 2022 | 17.67 |
| 2023 | 19.75 |

Setakat ini belum ada data SSL bagi tahun 2024, tahap sara diri menurun daripada tahun 2019 sehingga tahun 2021 adalah sebab kesan Pandemic Covid-19, manakala 2021 sehingga tahun 2023 terdapat peningkatan berikutan pemulihan daripada Pandemic tersebut.

Jumlah ternakan ayam untuk dikira sebagai Ladang mengikut enakmen Peladangan Unggas 2005 ialah 500 ekor keatas. Di Kelantan kini terdapat 294 ladang ayam terbuka, 24 ladang ayam pedaging tertutup, 1 ladang ayam bako tertutup. Dengan jumlah ternakan ayam pedaging setahun melebihi RM 5.42 juta ekor. Dengan keluaran ayam pedaging yang sekitar RM 37 ribu tan setahun. Sekian terima kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Soalan tambahan, sila.

**YB PUAN NOR ASILAH BINTI MOHAMED ZIN :**

Okay, terima kasih kepada Dato' Speaker dan terima kasih kepada Exco yang menjawab soalan saya. Soalan tambahan saya apakah hasil

pelaksanaan program laksanaan ternakan ayam kacuk dan ayam penelur yang telah dijalankan oleh pihak PKNKB?

**YB DATO' HAJI TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :**

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih soalan tambahan Limbongan. Melalui program melalui Kerajaan Negeri bersama dengan agensi. Yang Kumpulan Pertanian Berhad dengan bantuan khidmat penasihat teknikal daripada Jabatan Vertinar Kelantan kita tengok pada rekod ternakan ayam kampung kacuk ayam berwarna ni.

Pada tahun 2019 di Jajahan Pasir Putih melibatkan dengan peserta seramai 20 orang, peserta Penternakan ayam kampung kacuk ini diberikan dengan permulaan anak ayam sebanyak 500 ekor. KPKB bertindak sebagai *agent* beli balik ternakan ayam peserta. Sebahagian peserta telah menjadi usahawan ternak secara *Contract Farming* dengan PKKB dan telah mencapai ternakan sebanyak sehingga 5000 ekor.

2020 kesan akibat Covid-19 KPKB telah mengubah strategi dalam membina usaha ternak di mana ternakan ayam kampung asli pula dijadikan pilihan diperkenalkan kepada usaha penternak bermula pada tahun 2021 di Jajahan Machang melalui melibatkan 15 orang peserta.

Pada tahun 2022 di Jajahan Kota Bharu melibatkan 15 orang peserta dan pada tahun 2023 di Jajahan Pasir Putih melibatkan 20 orang peserta.

Program ayam kampung asli ini agak berjaya disebabkan hasil ternakan bermula daripada telur ayam kampung. Ini sangat berkhasiat ni, anak ayam kampung, ayam bakor, induk dewasa dan ayam pencen boleh dijual dan boleh pendapatan bagi usahawan ternak. Bagi tahun 2024 melalui peruntukkan khas daripada Kementerian Keterjaminan Makanan KPKM, KPKB telah memperkenalkan kepada Penternak Kelantan Program ternakan ayam penelur ia selaras dengan krisis kekurangan telur ayam dalam pasaran. KPKM telah menyokong penuh program ini di mana seramai 25 orang peserta telah dibantu dan dipantau oleh KPKM ni bagi memastikan program ternakan ayam penelur dengan Kerjasama KPKM tadi dapat berjalan dengan baik. Sekian terima kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Aaa, silakan Gual Periok..

**YB TUAN KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD :**

Terima kasih Dato' Speaker, terima kasih di atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Exco, cuma saya ingin tanya apakah cabaran utama yang dihadapi untuk mendapat taraf tahap SSL ini dengan lebih baik dan apakah usaha yang telah diadakan untuk mencapai tahap SSL dengan lebih baik? Terima kasih.

**YB DATO' HAJI TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :**

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih soalan tambahan daripada Gual Periok.

Antara cabaran yang dihadapi oleh penternak di Kelantan, ternakan ayam ini ialah kita di Kelantan tidak ada kilang ataupun pengeluaran makanan ternakan sendiri. Makanan ternakan di Kelantan ini bergantung kepada pengimport daripada luar seperti dedak, jagung semuanya diimport termasuk soya. Jadi apabila berlaku turun naik nilai mata wang menyebabkan harga makanan menjadi tidak stabil. Jadi ni kadang-kadang menjadi cabaran besar kepada para penternak untuk mendapatkan makanan ternakan ataupun *pellet* yang berkualiti. Begitu juga kita tengok bekalan kadang-kadang menjadi berkurangan apabila gangguan *logistic* terutama gangguan bencana musim tengkujuh ni banjir dan sebagainya.

Begitu juga kita di Kelantan ni tidak ada *Hatchery* Pusat penetasan yang besar semuanya kecil-kecil kita masih memerlukan anak ayam import atau daripada negeri lain seperti Perak, Selangor dan Johor. Jadi penternak kecil ini sering bergantung kepada pembekal besar yang mana kadang-kadang berlaku gangguan *logistic* jugak jadi antara penyelesaian kita buat ialah kita menggalakkan para penternak hasilkan makanan *alternatif* sendiri dengan bahan-bahan yang sedia ada di tempat kita. Begitu juga dengan kita melakukan bengkel melaksanakan bengkel dan juga latihan-latihan dan memberi peralatan penetasan kepada penternak supaya mereka boleh menghasilkan anak ayam sendiri dengan bantuan teknikal daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Sekian terima kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya bercadang untuk menangguhkan dewan kita pada pagi ini. Dewan akan bersambung semula pada jam 11.00 pagi.

**PERSIDANGAN DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 10.30 PAGI DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 11.00 PAGI.**

**PERSIDANGAN DEWAN DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 11.00 PAGI**

**[ Rang Undang-Undang Yang Ketiga ]**

**SETIAUSAHA :** Rang Undang-Undang Yang Ketiga, YB HILMI BIN ABDULLAH akan mencadangkan Rang Undang-Undang Kawalan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 2024.

**RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT HIBURAN 2024.**

==========

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

[ BACAAN KALI PERTAMA ]

**YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH**: Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan suatu Rang Undang-Undang yang bergelar –

**SUATU ENAKMEN BERTUJUAN UNTUK MENGADAKAN PERUNTUKAN BAGI KAWALAN DAN PELESENAN HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT HIBURAN DAN UNTUK MENGADAKAN PERUNTUKAN BAGI PERKARA-PERKARA YANG BERKAITAN DENGANNYA**

hendaklah dibaca bagi Kali Yang Pertama.

**YB PUAN HJH ROHANI BINTI IBRAHIM**: Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

**YB DATO' SPEAKER** : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-Undang tersebut hendaklah dibaca bagi Kali Yang Pertama.

**SETIAUSAHA : SUATU ENAKMEN BERTUJUAN UNTUK MENGADAKAN PERUNTUKAN BAGI KAWALAN DAN PELESENAN HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT HIBURAN DAN UNTUK MENGADAKAN PERUNTUKAN BAGI PERKARA-PERKARA YANG BERKAITAN DENGANNYA**

**[PERATURAN-PERATURAN DAN PERINTAH-PERINTAH TETAP 122 ]**

**YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH** : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap 122 dipakai bagi maksud membolehkan saya menjalankan Rang Undang-Undang ini pada semua tingkatan dalam Persidangan ini pada hari ini juga.

**YB PUAN HJH ROHANI BINTI IBRAHIM :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

**YB DATO' SPEAKER:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada di hadapan kita sekarang ialah satu cadangan supaya Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap 122 dipakai bagi maksud membolehkan Rang Undang-Undang ini dijalankan pada semua tingkatan dalam Persidangan Dewan pada hari ini juga.

Dengan demikian, saya kemukakan cadangan tersebut bagi diundi.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT YANG BERSETUJU, KATA "SETUJU", AHLI-AHLI YANG TIDAK BERSETUJU, KATA "TIDAK**".

Dipersetujukan.

**[ BACAAN KALI KEDUA ]**

**YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH** : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memberitahu bahawa saya akan mencadangkan bacaan bagi Kali Yang Kedua bagi Rang Undang-Undang ini dalam Persidangan Dewan pada hari ini juga.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

**SUATU ENAKMEN BERTUJUAN UNTUK MENGADAKAN PERUNTUKAN BAGI KAWALAN DAN PELESENAN HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT HIBURAN DAN UNTUK MENGADAKAN PERUNTUKAN BAGI PERKARA-PERKARA YANG BERKAITAN DENGANNYA**

hendaklah dibaca bagi Kali Yang Kedua.

**[ UCAPAN USUL ]**

أعوذ بالله من الشيطان الرجيم

بسم الله الرحمن الرحيم

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنكُمْ ۖ فَإِن تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ۚ ذَٰلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

*"Yang Bermaksud : Wahai orang yang beriman taatilah Allah SWT dan taatilah Rasul dan ulli amri kekuasaan di antara kamu. Kemudian jika kamu berbeza pendapat tentang sesuatu maka kembalikanlah pada Allah yakni Al-Quran dan Rasul sunnahnya jika kamu sebenarnya beriman kepada Allah SWT dan hari akhirat yang kemudian itu lebih baik bagimu dan paling baik akibatnya."*

*Surah An-Nisa' Ayat 59.*

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon untuk memberitahu bahawa saya akan mencadangkan bacaan kali yang kedua bagi Rang Undang-Undang Kawalan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan Kelantan 2024 dalam persidangan dewan pada hari ini juga.

Yang berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan satu Rang Kawalan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan Kelantan 2024 yang digubal bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kawalan dan perlesenan hiburan dan tempat-tempat hiburan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan dengannya.

Yang Berhormat Dato' Speaker dan sidang dewan sekalian, tidak dapat kita nafikan bahawa hiburan merupakan satu perkara yang disenangi oleh naluri fitrah manusia memandangkan ia adalah jalinan antara keindahan bahasa, keunikan budaya dan kecantikan seni yang mampu melahirkan emosi-emosi positif di dalam diri kita. Islam adalah agama yang sangat meraikan dan tidak pernah menghalang naluri fitrah manusia asalkan kekal dipandu oleh syariat Islam. Kerajaan Negeri

bertanggungjawab dalam melestarikan warisan seni dan budaya masyarakat tempatan supaya tidak lapuk ditelan zaman.

Kerajaan Negeri juga perlu mengambil kira kelangsungan hidup penggiat Industri Seni Tempatan dengan memastikan aktiviti-aktiviti hiburan berlandaskan islam boleh dijalankan di negeri Kelantan. Justeru itu ia amatlah penting untuk Kerajaan Negeri Kelantan menggubal dan menguatkuasakan satu undang-undang negeri yang berteraskan syariat Islam khusus bagi mengawal perlesenan hiburan dan tempat-tempat hiburan dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Enakmen Kawalan Hiburan Dan Tempat-Tempat Hiburan Negeri Kelantan Tahun 1998 telah digubal dan diluluskan pada 08 November 1998 bagi menggantikan ordinan Panggung Wayang Dan Tempat-Tempat Hiburan 1955 iaitu perluasan kepada Kelantan yang telah dimansuhkan enakmen ini yang telah berkuatkuasa pada 15 Jun 1959 melalui satu pemberitahuan yang disiarkan dalam warta pada 10 Jun 1959.

Sejak pemakaian dan penguatkuasaan enakmen ini tiada sebarang pindaan atau penambahbaikan dibuat sehingga sekarang memandangkan sudah 26 tahun berlalu dengan tiada sebarang pindaan seiring dengan perubahan masa terdapat banyak kelompangan yang menimbulkan kesulitan dari segi perlaksanaannya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sehubungan dengan itu, bermula pada 2023 Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Teknikal mengkaji perlaksanaan Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan Negeri Kelantan telah ditubuhkan dan mendapati bahawa adalah lebih baik untuk satu Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan yang baru digubal untuk menggantikan Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan Negeri Kelantan 1998.

Penggubalan enakmen yang baru ini selari dengan hasrat Pihak Berkuasa Negeri untuk menukar Pegawai Perlesenan Hiburan daripada Ketua Jajahan pada Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan. Oleh itu, enakmen yang baru juga digubal dengan mengambil kira perubahan masa memastikan tiada lagi kelompangan undang-undang dan menjamin perlaksanaan yang lebih efektif. Nilai-nilai Islam dalam hiburan tidak pernah ditinggalkan sejajar dengan dasar "Membangun Bersama Islam".

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kali Ke 8, 2024 yang bersidang pada 08 Mei 2024 telah meluluskan Rang Undang-Undang Kawalan Hiburan Dan Tempat-Tempat Hiburan Kelantan 2024. Dan seterusnya untuk dibentangkan dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri pada hari ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian saya mohon untuk membacakan fasal-fasal yang terdapat dalam Rang Undang-Undang Kawalan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan Kelantan 2024. Untuk makluman Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian enakmen ini mempunyai enam bahagian yang terdiri daripada 48 seksyen dan satu jadual.

Dengan izin, bahagian satu, enakmen yang dicadangkan memperkatakan perkara permulaan.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuatkuasaan enakmen yang dicadangkan.

Fasal 2 mengandungi peruntukan pemakaian enakmen yang dicadangkan.

Fasal 3 mengandungi ta'rif yang beberapa perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam enakmen yang dicadangkan.

**Bahagian 2.**

Enakmen yang dicadangkan memperkatakan peruntukan yang berhubungan dengan perlantikan pegawai perlesen, kuasa Pihak Berkuasa Negeri dari mengeluarkan arahan dan pemberi kuasaan kepada Pegawai Awam dan Pegawai Pihak Berkuasa Tempatan.

Fasal 4, fasal 4 bertujuan untuk memberikan kuasa Pihak Berkuasa Negeri untuk melantik pegawai pelesen bagi menjalankan kewajipan-kewajipan dibawah enakmen yang dicadangkan.

Fasal 5 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Pihak Berkuasa Negeri bertanggungjawab mengeluarkan Arahan Am kepada pegawai perlesen tentang perjalanan kuasa dan juga budi bicara dalam perlaksanaan arahan tersebut.

Fasal 6, bertujuan untuk menentukan kuasa kepada pegawai perlesen untuk memberi kuasa kepada mana-mana Pegawai Awam atau Pegawai

Pihak Berkuasa Tempatan untuk menjalankan fungsi orang yang diberi kuasa.

**Bahagian 3.**

Enakmen yang dicadangkan memperkatakan peruntukan yang berhubungan dengan perlaksanaan aktiviti hiburan dan pelesenan tempat hiburan.

Fasal 7 bertujuan untuk melarang hiburan diadakan di mana-mana tempat atau dengan apa-apa bentuk hiburan selain daripada tempat dan bentuk hiburan yang dilesenkan. Pelanggaran peruntukan ini menjadikan satu kesalahan yang boleh dihukum dengan denda tidak melebihi RM50 ribu ataupun menjaraan tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

Fasal 8 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa permohonan untuk mendapatkan lesen hendaklah dibuat kepada pegawai pelesen dalam borang dan kaedah yang akan ditetapkan. Pegawai pelesen boleh menghendaki pemohon untuk memberikannya apa-apa maklumat tambahan.

Fasal 9 bertujuan untuk memperuntukkan kuasa kepada pegawai perlesen untuk menghendaki pemohon memberinya skrip berhubung persembahan lakonan atau simbol muzik termasuk persembahan pentas atau arahan lain bagi persembahannya. Dan maklumat lain yang dikehendakinya bagi maksud memutuskan sama ada hendak diberikan lesen atau sebaliknya.

Fasal 10 bertujuan untuk memberi kuasa budi bicara kepada pegawai pelesen dalam meluluskan pemberian lesen. Fasal ini juga memperuntukkan bahawa lesen tempat hiburan dalam mana-mana kawasan Pihak Berkuasa Tempatan tidak akan diberikan melainkan jika pemohon mengemukakan lesen yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan atau kelulusan bertulis Pihak Berkuasa Tempatan untuk menjadikan tempat itu sebagai tempat hiburan.

Fasal 11 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa lesen akan dikeluarkan apabila dibayar *fee* yang ditetapkan. Semua bayaran *fee* lesen hendaklah dimaksudkan ke dalam kumpulan wang disatukan negeri atau kumpulan yang mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan.

Fasal 12 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa sesuatu lesen yang dikeluarkan adalah sah pada suatu tempoh yang ditentukan oleh pegawai perlesen tetapi tidak boleh melebihi satu tahun.

Fasal 13 memperuntukan setiap lesen yang dikeluarkan hendaklah tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan oleh pegawai perlesen. Fasal ini juga memperuntukan hukuman denda tidak melebihi RM30 ribu ataupun pemenjaraan tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

Fasal 14 bertujuan untuk mengadakan peruntukan larangan ke atas mana-mana orang yang mengadakan hiburan yang mengandungi, mempromosi, mempunyai atau diselitkan dengan unsur yang dinyatakan dibawah perenggan A sehingga H. Fasal ini juga memperuntukan hukuman denda tidak melebihi RM30 ribu atau pemenjaraan selama tempoh 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

Fasal 15 bertujuan untuk memberi kuasa kepada pegawai perlesen untuk menghendaki mana-mana orang memberikan cagaran tidak melebihi RM50 ribu dalam bentuk yang akan ditentukan oleh pegawai perlesen bagi pematuhan apa-apa syarat sekatan peruntukan enakmen yang dicadangkan atau peraturan-peraturan dibawahnya.

Fasal 16 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan tidak mempamerkan lesen tempat hiburan dan lesen hiburan di tempat hiburan pada setiap masa.

Fasal 17 bertujuan untuk memperuntukan bahawa lesen tidak boleh diperbaharui sebagai suatu hak.

Fasal 18 bertujuan untuk memberi kuasa pada pegawai perlesen untuk membatalkan suatu lesen jika berlaku pelanggaran mana-mana syarat sekatan atau peruntukan dibawah enakmen yang dicadangkan atau peraturan-peraturan dibawahnya.

Fasal ini juga menyatakan perlaksanaan penyampaian notis pembatalan dan penyampaian itu tidak menghalang suatu pendakwaan dibuat ke atas mana-mana orang yang melakukan pelanggaran tersebut.

Fasal 19 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa rayuan terhadap keputusan syarat dan sekatan untuk oleh pegawai perlesen perlu ditahankan cagaran dan pembatalan lesen boleh dimaklumkan

secara bertulis pada Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dalam tempoh 30 hari selepas diberitahu tentang keengganan pelanggaran syarat atau sekatan pelucuthakan cagaran atau pembatalan lesen.

Fasal 20 bertujuan untuk mengadakan peruntukan melarang mana-mana orang memberikan, membahagi-bahagikan, menjual atau menawarkan untuk menjual apa-apa tiket atau *mekanisme* yang seumpamanya sama ada secara fizikal atau elektronik untuk menghadiri mana-mana hiburan melainkan jika permohonan lesen telah diluluskan. Fasal ini juga memperuntukan hukuman bagi apa-apa pelanggaran.

Fasal 21 bertujuan untuk memperuntukan keperluan untuk mendapatkan kebenaran pemunya atau pengurusan tempat hiburan atau oleh pengelola hiburan bagi menjual membahagikan, mengedarkan atau menawarkan atau mempamerkan tiket atau *mekanisme* seumpamanya bagi memasuki suatu tempat hiburan ditempat atau *mekanisme* elektronik yang ditetapkan.

**Bahagian 4**

Enakmen yang dicadangkan memperkatakan peruntukan berhubungan dengan penguatkuasaan, penyiasatan, penangkapan, penyitaan pelucut hakkan dan lain-lain.

Fasal 22 bertujuan untuk memberi kuasa kepada mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada inspektor atau mana-mana orang diberi kuasa untuk masuk tanpa waran atau notis mana-mana tempat hiburan yang sedang diadakan atau dicadangkan hendak diadakan pada bila masa yang munasabah dengan tujuan untuk menentukan sama ada gejala sama ada segala peraturan-peraturan dibawah enakmen yang dicadangkan dipatuhi.

Fasal 23 bertujuan untuk memberi kuasa kepada pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada inspektor atau orang diberi kuasa untuk menutup suatu tempat hiburan jika berlaku apa-apa pelanggaran.

Fasal 24 bertujuan untuk memberi kuasa pada pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada inspektor atau orang diberi kuasa untuk menghendaki mana-mana orang yang dipercayai melakukan kesalahan dan memberikan butiran seperti nama, nombor kad pengenalan dan alamatnya.

Fasal 25 bertujuan untuk memberi kuasa kepada pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada inspektor atau orang diberi kuasa menangkap tanpa waran terhadap mana-mana orang yang dipercayai telah melakukan suatu kesalahan terhadap enakmen yang dicadangkan.

Fasal 26 bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengeledah mana-mana tempat dan memeriksa mana-mana orang yang dipercayai mempunyai kaitan dalam pengurusan atau penganjuran hiburan tersebut.

Fasal 27, 28, 29 dan 30 bertujuan untuk mengadakan peruntukan berhubungan dengan penyitaan dan pelucuthakan dan barang-barang sitaan dibawah enakmen yang dicadangkan. Mahkamah membuat perintah bagi pelucuthakan atau pelepasan apa-apa jua barang yang disita tetapi jika dibuktikan bahawa sesuatu kesalahan yang telah dijalankan dan bahawa benda-benda itu ialah hal perkara atau telah digunakan dalam melaksanakan kesalahan itu.

Perintah pelucuthakan adalah dibuat jika tiada pendakwaan berkenaan dengan apa-apa jua barang yang disita. Benda-benda itu hendaklah disifatkan telah terlucut hak apabila tamat tempoh satu bulan kalendar melainkan jika tuntutan dibuat mengikut cara yang dinyatakan dalam Fasal 30.

Fasal 31 bertujuan untuk mengadakan peruntukan berhubungan dengan kos menanggung barang yang di sita hendaklah menjadi hutang yang perlu dibayar pada Pihak Berkuasa Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan sekiranya mana-mana orang yang didapati bersalah atas suatu kesalahan.

Fasal 32 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa tiada seorang berhak kepada kos atau ganti rugi dalam mana-mana prosiding di hadapan mahkamah yang berbangkit daripada apa-apa penyitaan melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

Fasal 33 memperuntukkan penghalangan mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada inspektor atau mana-mana orang yang diberi kuasa dalam perjalanan tugas-tugas mereka akan menjadi suatu kesalahan yang boleh di denda tidak melebihi RM10 ribu atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

Fasal 34 memperuntukan mana-mana orang yang menggunakan atau mendedahkan kepada mana-mana orang lain apa-apa maklumat adalah melakukan suatu kesalahan.

Fasal 35 memperuntukan kuasa pegawai polis adalah disifatkan tidak disentuh.

**Bahagian 5**

Enakmen yang dicadangkan memperkatakan peruntukan yang berhubungan pendakwaan.

Fasal 36 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa pendakwaan bagi kesalahan dibawah enakmen yang dicadangkan boleh dimulakan dengan keizinan pendakwa raya.

Fasal 37 bertujuan untuk memperuntukkan mana-mana orang yang melakukan atau meninggalkan apa-apa perbuatan atau perkara yang bersalahan dengan Fasal 7 adalah dianggap telah dilakukan oleh atau dengan kebenaran penduduk atau pemunya premis atau tanah itu.

Fasal 38 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa pemunya dianggap melakukan kesalahan dibawah Fasal 7 hendaklah memberi maklumat yang diperlukan untuk membuktikan kesalahan tersebut telah dilakukan oleh orang lain.

Fasal 39 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa seseorang penduduk yang berada di dalam tempat hiburan atau melarikan diri dari tempat hiburan dianggap telah mengadakan hiburan tanpa lesen.

Fasal 40 memperuntukkan prinsipal atau majikan dianggap melakukan kesalahan dibawah enakmen yang dicadangkan terhadap apa-apa perbuatan ataupun perkara dilakukan atau ditinggal oleh ejen, penjawat ataupun pekerja.

Fasal 41 bertujuan untuk memperuntukkan supaya pengarah, pengurus setiausaha atau pegawai yang seumpamanya bagi sesuatu kumpulan orang sama ada di perbadankan atau tak diperbadankan boleh disifatkan liabiliti bagi sesuatu kesalahan yang dilakukan oleh kumpulan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa persetujuannya atau pembiarannya atau bahawa telah melakukan usaha sewajarnya untuk mencegah pelakuannya.

Fasal ini juga menjadikan seseorang pengkongsi, ejen atau pengkhidmatnya bertanggungan bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan pekongsinya melainkan jika dia membuktikan kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya atau persetujuannya dan bahawa dia telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang perlu untuk mencegahnya.

Fasal 42 bertujuan untuk memberi kuasa kepada pegawai pelesen atau orang diberi kuasa untuk mengkompaun kesalahan-kesalahan yang ditetapkan sebagai boleh di kompaunkan.

Fasal 43 menyatakan penalti am bagi kesalahan-kesalahan jika tiada penalti yang nyata diperuntukan baginya.

**Bahagian 6**

Enakmen yang dicadangkan berhubung dengan peruntukan-peruntukan yang dinamakan perkara am.

Perkara 44 memberikan kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk meminda jadual-jadual.

Fasal 45 bertujuan untuk memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk mengecualikan apa-apa hiburan dan tempat-tempat hiburan daripada peruntukan enakmen yang dicadangkan.

Fasal 46 bertujuan untuk memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri membuat peraturan-peraturan enakmen yang dicadangkan.

Fasal 47 bertujuan untuk mengadakan peruntukan pemansuhan.

Dan akhir sekali, fasal 48 bertujuan untuk mengadakan peruntukan kecualian dan peralihan.

Yang Berhormat Dato' Speaker dan Ahli Dewan sekalian kerajaan Negeri Kelantan merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membuat Rang Undang-Undang Kawalan Hiburan Dan Tempat-Tempat Hiburan Negeri Kelantan Tahun 2024 ini.

Akhirnya Kerajaan Negeri Kelantan berharap agar Rang Undang-Undang

Kawalan Hiburan atau Tempat-Tempat Hiburan di Kelantan 2024 ini akan mendapat sokongan penuh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya mohon mencadangkan.

**YB PUAN HJH ROHANI BINTI IBRAHIM** : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

**YB DATO' SPEAKER** : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada dihadapan kita sekarang ialah satu Rang Undang-Undang yang bergelar Suatu Enakmen bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kawalan dan pelesenan hiburan dan tempat-tempat hiburan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Sekarang saya kemukakan Rang Undang-Undang tersebut bagi **perbahasan.**

**[ PERBAHASAN OLEH AHLI-AHLI YANG BERHORMAT ]**

Chempaka.

**YB TUAN NIK BAHRUM BIN NIK ABDULLLAH :**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Mulia Dato' Speaker, Alhamdulillah setelah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinnya kita dapat bersama-sama pada hari ini untuk membincangkan suatu agenda yang amat penting bagi negeri kita iaitu setelah penggubalan RUU Enakmen Kawalan Hiburan Dan Tempat Hiburan Kelantan 2024.

Pada kesempatan pada kali ini saya ingin mengambil kesempatan ini untuk ucapkan tahniah kepada pihak yang terlibat dalam penggubalan dan pembentangan enakmen baru ini yang bertujuan untuk menggantikan enakmen lama yang telah sekian lama diguna pakai. Usaha ini mencerminkan komitmen kita dalam memastikan pelaksanaan undang-undang yang relevan dengan perkembangan semasa selari dengan nilai-nilai murni yang kita pegang sebagai sebuah negeri yang bercita-cita untuk membawa asas-asas islam.

Perubahan ini juga saya percaya bahawa adalah untuk disesuaikan dengan keperluan semasa lantaran peredaran zaman yang memasukkan unsur-unsur tafsiran semula hiburan untuk merangkumkam aktiviti hiburan moden seperti jualan tiket secara digital dan promosi yang dibuat secara digital serta memperkenalkan permohonan lesen penjualan tiket dan serahan notis secara elektronik yang selaras dengan perkembangan teknologi semasa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, salah satu penambahbaikan ketara dalam enakmen baru ini ialah peningakatan kadar denda untuk beberapa kesalahan seperti yang kita dapat lihat dalam apa ini kesalahan kerana mengadakan hiburan tanpa lesen daripada RM20 ribu kepada RM50 ribu. Peruntukan untuk yang berlanggar lesen, lesen yang melanggar syarat atau sekatan daripada RM10 ribu kepada RM30 ribu dan ada juga berkenaan dengan kadar cagaran untuk mengadakan hiburan dinaikkan daripada kadar RM20 ribu kepada RM50 ribu.

Peningkatan hukuman ini bukan sahaja memberi isyarat jelas kepada pengangjur hiburan yang tidak bertanggungjawab malah menunjukkan kesungguhan Kerajaan Negeri untuk memastikan segala peraturan yang digariskan itu dipatuhi. Dia memberi amaran kepada sesiapa sahaja yang cuba melanggar undang-undang sama ada dengan sengaja atau tidak, sama ada tidak memohon permit ataupun gagal mematuhi syarat yang ditetapkan bahawa tindakan tegas akan di ambil terhadap mereka.

Saya juga ingin menarik perhatian kepada insiden yang berlaku baru-baru ini di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) di Bachok di mana Pihak Berkuasa sehingga terpaksa mengambil tindakan drastik dengan mematikan bekalan elektrik untuk menghentikan aktiviti hiburan yang tidak mematuhi peraturan. Tindakan ini walaupun tegas tentunya bukan sahaja yang kita harapkan berlaku lagi di masa hadapan. Ia bukan sahaja menyebabkan kesipuan kepada pihak yang terlibat tetapi juga menimbulkan persepsi negatif di kalangan masyarakat. Dengan penggubalan enakmen baru ini kita berharap insiden seperti ini dapat di elakkan melalui penguatkuasaan yang lebih tersusun dan berkesan.

Saya juga mengalukan beberapa penambahbaikan lain seperti larangan terhadap aktiviti hiburan yang mengandungi atau mempromosikan

unsur-unsur bercanggah dengan akhlak tatasusila dan moral. Ini termasuklah aktiviti yang menyokong atau menomalisasikan LBGTQ memecah belahkan keharmonian kaum, menghina agama serta pergaulan bebas antara lelaki dan wanita.

Satu lagi pembaharuan yang saya ingin sentuh ialah berkenaan dengan anggapan-anggapan dalam bahagian lima pendakwaan yang melibatkan anggapan mengenai pesalah, anggapan terhadap pemunya premis, anggapan mengenai penduduk dan kesalahan oleh majikan. Anggapan-anggapan ini memberikan penekanan kepada tanggungjawab setiap individu sebagai anggota masyarakat.

Sebagai contoh jika hiburan yang bercanggah dengan enakmen berlaku di dalam premis atau tanah milik seseorang maka pemilik tersebut bertanggungjawab untuk melaporkannya kepada Pihak Berkuasa. Ia mengajar kepada kita bahawa menjaga kain sendiri adalah penting tetapi pada masa yang sama kita juga perlu prihatin terhadap kain orang lain.

Tanggungjawab bersama ini penting untuk memastikan perlaksanaan undang-undang yang lebih berkesan. Kita tidak boleh bersikap lepas tangan kerana setiap tindakan kita membawa kepada implikasi kepada masyarakat keseluruhannya. Namun saya ingin mengingatkan bahawa sebaik mana sekalipun undang-undang digubal dia tidak akan berfungsi dengan baik tanpa penguatkuasaan yang cekap dan professional. Pegawai pelesen, pegawai penguatkuasa, pegawai penyiasat dan pendakwa memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan keberkesanan undang-undang ini.

Saya mencadangkan agar satu program latihan komprehensif disediakan untuk semua pihak yang terlibat dalam penguatkuasaan enakmen ini. Saya difahamkan bahawa berdasarkan kepada Fasal 1 enakmen ini akan mula berkuatkuasa pada 01 Januari 2025 lebih kurang sebulan saja lagi dan tentulah latihan ini amat perlu kerana ia sepatutnya merangkumi aspek pemahaman undang-undang, teknik penguatkuasaan serta pendekatan yang bijaksana dalam menangani isu-isu berkaitan. Dengan persediaan yang rapi kita yakin bahawa setiap pegawai dapat melaksanakan tugas mereka dengan integriti dan kompetensi yang tinggi.

Seterusnya Yang Berhormat Mulia Dato' Speaker, menyentuh khusus berkait dengan peruntukan dalam RUU ini saya ingin mencadangkan beberapa perkara. Yang pertama adalah mengenai penggunaan sistem digital yang kita sekarang ini berada dalam dunia digital. Saya mencadangkan bahawa proses permohonan lesen seperti yang diperuntukan pada bahagian 2, bahagian 3 boleh dipermudahkan melalui perlaksanaan sistem digital sepenuhnya. Sistem ini akan membolehkan pemohon memantau status permohonan secara masa nyata meningkatkan ketelusan dan mengurangkan peluang untuk salah guna kuasa.

Penggunaan sistem digital ini juga penting untuk mempercepatkan proses perlesenan dan meningkatkan ketelusan yang mana ia boleh menjadi penyelesaian yang efektif untuk mengelakkan campur tangan manusia yang boleh mengundang ketidakadilan dalam proses perlesenan.

Yang kedua, Fasal 10 dalam enakmen RUU ini memberikan kuasa budi bicara kepada pegawai pelesen. Tetapi garis panduan operasi yang jelas dan spesifik sepatutnya perlu disediakan untuk memastikan keputusan yang dibuat itu adalah berdasarkan kepada kriteria objektif bagi mengelakkan salah guna kuasa. Saya percaya bahawa besar kemungkinannya tidak ada, tidak akan berlaku tetapi ialah kita sebagai manusia tentulah perkara tersebut boleh berlaku. Jadi sebab itulah kita memerlukan kepada satu garis panduan yang jelas bagi menjelaskan apa yang dimaksudkan dengan budi bicara pegawai.

Yang Berhormat Mulia Dato' Speaker, enakmen baru ini adalah merupakan satu langkah yang besar ke arah memastikan hiburan Kelantan terus berkembang serta terkawal, beretika dan harmoni dengan prinsip islam. Ia bukan bertujuan untuk menyekat hiburan tetapi adalah untuk memastikan ia dilaksanakan dalam kerangka yang memelihara nilai-nilai agama dan budaya kita.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan tahniah pada semua pihak yang terlibat dalam penggubalan RUU ini semoga ianya menjadi pemangkin kepada sebuah masyarakat yang lebih harmoni dan bertanggungjawab. Saya pohon untuk menyokong. Sekian,

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**YB DATO' SPEAKER :**

Galas.

**YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :**

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Mulia Speaker. Pertamanya saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana telah pun mengangkat pindaan enakmen kawalan hiburan di mana kita akan sama-sama in shaa Allah sama-sama menyokong cadangan Rang Undang-Undang RUU Kawalan Hiburan Dan Tempat Hiburan 2024.

Dalam perbahasan pada kali ini Yang Berhormat Dato' Speaker saya gemar untuk mengutarakan beberapa pertanyaan dan cadangan untuk perhatian dan juga pertimbangan daripada Kerajaan Negeri untuk kita sama-sama melihat RUU ini bukan saja memberi manfaat kepada kerajaan tetapi dalam masa yang sama ia juga memberi manfaat kepada rakyat di negeri kita ini.

Yang pertama ialah berkaitan dengan isu kebebasan dan hak asasi. Bagaimanakah RUU ini menjamin keseimbangan antara kawalan hiburan dan hak asasi rakyat Kelantan untuk berhibur secara bermoral seperti yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan. Dan apakah *mekanisme* untuk memastikan kuasa penguatkuasaan tidak disalahgunakan hingga menghakis hak individu ataupun kumpulan tertentu.

Dari segi ekonomi saya begitu berharap dan teruja dengan tindakan anak-anak muda kita yang melaksanakan *trend,* mengadakan ekspo di setiap daerah. Dan saya kira di daerah-daerah kita telah pun didatangi oleh anak-anak muda kita yang menganjurkan ekspo dan dalam masa yang sama mereka membawa konsep hiburan untuk memasarkan produk-produk mereka, SME dan sebagainya.

Saya ambil contoh yang paling berjaya yang ada di negeri kita seperti Yaya Empire, Raja Perfume dan juga Mega Ekspo Bossku yang berjaya menarik minat puluhan ribu untuk hadir ke ekspo mereka. Dan ramai anak-anak muda kita yang terlibat dengan *"business online"* yang terlibat dengan SME berjaya memasarkan produk masing-masing. Apabila ramai yang datang ke ekspo mereka maka produk mereka akan laku. Dan cara tarikan mereka ialah melalui hiburan. Saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh sahabat kita sebentar tadi, Chempaka berkaitan dengan insiden yang berlaku di Universiti Malaysia Kelantan.

Walaubagaimanapun, alangkah elok ataupun lebih harmoni kalau kita menggunakan budi bicara sebagaimana yang dikatakan oleh Chempaka tadi pada malam tersebut saya melihat secara *live* ada lebih kurang 10 000 apa ni pengunjung yang datang masuk ke Universiti Malaysia Kelantan. Benar mungkin ada kekhilafan dari segi permohonan permit dan sebagainya tetapi cara kita mematikan bekalan elektrik dilihat agak kurang harmoni. Benar mungkin dari segi undang-undang ia betul. Tetapi dari segi budi bicara dengan kehadiran puluhan ribu yang datang ke Universiti Malaysia Kelantan dan tindakan itu sedikit sebanyak menggambarkan kepada kita tidak ada budi bicara…

**YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG : [MENCELAH]**

Boleh minta laluan…

**YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :**

…. kerana …

**YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :**

Sikit jah. Galas, terima kasih Galas. Soalan saya, adakah… pencerahan daripada Galaslah yang malam dekat, dekat UMK tersebut, Galas menonton secara *live*, kebetulan saya pun ada di situ. Saya lagi *live* daripada Galas.

**YB DATO' SPEAKER :**

Yang Berhormat tengok konsert jugok?

**YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :**

Kebetulan dekat rumah saya dan saya pergi membeli belah di situ. Kebetulan XPDC baru *start* satu lagu. Dan soalan saya, dalam kawasan Universiti tersebut sesuai ataupun tidak sebenarnya dengan konsert XPDC, konsert *rock* yang berat begitu?

**YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :**

Terima kasih. Saya kira Yang Berhormat pergi bukan sekadar untuk membeli-belah tetapi juga mungkin untuk melihat konsert XPDC, mungkin, mungkin.

**YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG : [MENCELAH]**

Saya minat SEARCH.

**YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :**

Dan pada saya XPDC mungkin Yang Berhormat tidak pernah lihat sebelum daripada ini. Dan apa tujuan mungkin 10 ribu pengunjung yang dikatakan hampir 10 ribu pengunjung datang pada malam itu mungkin kerana minat kepada kumpulan ini.

**YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD : [MENCELAH]**

Melor mintak sikit?

**YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :**

Kalau sekiranya … ambo perabih hokni dulu. Pahtu ambo wi ko Melor.

**YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD :**

Marin ambo bui ko Galas …

**YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :**

Takpo ambo bui pahni, kita perabih apa ni Jelawat dulu. Begini maksud saya Yang Berhormat. Pada malam tersebut kita ada peruntukan undang-undang iaitu mengenakan denda RM20 ribu kepada penganjur. Cadangan saya alangkah murni, lebih murni kita mengenakan denda kepada penganjur selepas penganjuran kerana apa? Kerana malam itu ramai yang datang dan ramai yang datang membeli-belah.

Saya tidak menghalang penguatkuasaan undang-undang, maksud sayanya saya tidak menghalang tetapi alangkah lebih murni andai kira ada budi bicara kerana orang telah ramai datang dan polimik ini berlangsung. Saya kira Yang Berhormat pun tahu perkara ini dan kita kira ianya boleh kita bincangkan bersama, itu sahaja cadangan saya. Tetapi saya tidak halang itu kuatkuasa dan juga kuasa undang-undang yang diambil oleh pihak yang terlibat…

**YB DATO' SPEAKER :**

Melor minta laluan?

**YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD :**

Sikit yah, sikit yah … kalau boleh saya tambah tutup lampu di UMK itu sudah pukul 12 dah. Pukul 12 malam tu nok nyanyi lagi. Tok munasabah la kalau pihak berkuasa kita tidak ambil tindakan apa-apa …

**YB DATO' SPEAKER :**

Yang Berhormat …

**YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD :**

Saya dimaklumkan Dato' Speaker … terima kasih.

**YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :**

Saya setuju, saya setuju dengan persoalan Dato' Speaker. Tadi pun Jelawat ada jawab doh baru satu lagu lampu dimatikan. Jadi nih Yang Berhormat tidak mati pukul 12. Demo ni pun tahu sebab penganjuran

seperti ini bukan kali pertama dan ambo raso Melor pun keno buat jugoklah nok tengok ramai orang mari. Baik yang kedua … sila …

**YB DATO' SPEAKER :**

Kota Lama minta laluan …

**YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :**

Tok habis doh hari ni …

**YB DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM :**

Sikit sahaja YB Galas. Saya juga ingin menyatakan apa sokongan kita kepada sebarang penambahbaikan undang-undang di negeri kita termasuk RUU kawalan hiburan dan tempat hiburan ini asalkan ianya akan bermunafaat untuk rakyat. Cuma mungkin tambahan saya kepada Galas ya baru-baru ini kita kira sambutan kemerdekaan yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan selain pembarisan terdapat juga aktiviti hiburan yang dipersembahkan ya. Dan kita juga dalam keadaan begitu kita nampak juga berlaku contohnya ada juga diadakan penganjuran *Half Marathon* KB ini …

**YB DATO' SPEAKER :**

Soalan, soalan Yang Berhormat …

**YB DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM :**

Ya, kita lihat ada juga percampuran di antara lelaki dan perempuan, jadi seolah-olah ini kita bercakap tadi tentang perlaksanaan apa ni akta ini dibawah oleh perlaksana sedangkan tadi disebutkan tentang program-program yang dijalankan oleh anak-anak muda ya pengusaha kosmetik ini yang dianjurkan di perkarangan MYDIN MALL Tunjong itu dikenakan pelbagai syarat. Jadi kita amat bimbang …

**YB DATO' SPEAKER :**

Soalan Yang Berhormat, soalan …

**YB DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM :**

Jadi …

**YB DATO' SPEAKER :**

Apa soalannya …

**YB DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM :**

Sebenarnya ini adalah untuk menyokong apa yang disebutkan oleh Galas. Kita tak mahu ada …

**YB DATO' SPEAKER :**

Yang Berhormat boleh berucap lepas ini …

**YB DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM :**

…. ada *double standard* yang, yang berlaku nanti dalam perlaksanaan.

**YB DATO' SPEAKER :**

Yang Berhormat mengambil masa Galas.

**YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :**

Baik saya bersetuju dengan, saya faham maksud Kota Lama tadi Yang Berhormat Dato' Speaker. Dalam kita melaksanakan Rang Undang-Undang ini jangan ada diskriminasi ataupun pilih kasih. Jangan kita nampak Rang Undang-Undang ini terpakai untuk orang lain tetapi tidak untuk kita program-program Kerajaan Negeri. Makanya kita mengharapkan agar Rang Undang-Undang ini juga terpakai untuk semua pihak secara adil, telus dan tidak pilih kasih.

Kemudian dari segi perlaksanaan saya juga nak bertanya kepada Yang Berhormat EXCO, apakah definisi jelas …

**YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD : [MENCELAH]**

Yang Berhormat Dato' Speaker …

**YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :**

Bercanggah dengan akhlak dan moral. Yang Berhormat Speaker, saya tidak bercadang untuk memberi laluan lagi kerana telah banyak masa di ambil …

**YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD :**

Sikit saja Yang Berhormat …

**YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :**

Kecuali Yang Berhormat Speaker nak tambah masa untuk saya …

**YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD :**

Boleh ambik masa untuk soalan?

**YB DATO' SPEAKER :**

Bergantung pada Yang Berhormat Galas kalau dia bagi laluan, boleh …

**YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :**

Kalau Yang Berhormat Dato' Speaker kata boleh tambah masa …

**YB DATO' SPEAKER :**

Masa takde tambahan … masa biasa saja.

**YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :**

Ok minta maaf Tendong … kita bincang luar lah.

**YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD :**

Sikit tokleh sikit?

**YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :**

Kita bice luarlah. Yang Berhormat Dato' Speaker apakah definisi hiburan yang bercanggah dengan akhlak dan moral? Adakah ia bergantung kepada tafsiran individu atau ada garis panduan konkrit berkenaan dengan perkara ini. Bagaimana dengan hiburan ataupun tempat hiburan masyarakat bukan islam? Seperti di kawasan saya kita ramai masyarakat orang Asli, adakah ada peruntukan tambahan berkenaan dengan akta ini untuk mereka yang bukan beragama islam?

Yang Berhormat Dato' Speaker, tadi Yang Berhormat EXCO ada membacakan berkenaan dengan penyitaan peralatan elektronik. Dalam situasi menyita peralatan elektronik ini, apakah prosedur untuk melindungi hak pemilik peralatan termasuk hak untuk merayu dan menuntut ganti rugi dan saya juga bersetuju dengan apa yang dikatakan Chempaka sebentar tadi berkenaan dengan penguatkuasaan denda daripada RM20 ribu kepada RM50 ribu ialah satu ketegasan daripada kita.

Cuma pertanyaan saya Yang Berhormat Dato' Speaker, berkenaan dengan denda daripada RM20 ribu kepada RM50 ribu, adakah satu *impirical study* telah dibuat memandangkan angka RM50 ribu ini cukuplah tinggi terutamanya kepada anak-anak muda kita pasca pandemik untuk mengadakan program-program expo yang melibatkan acara hiburan.

Dan Yang Berhormat Dato' Speaker, adakah kenaikan denda dinyatakan dalam Rang Undang-Undang ini berdasarkan stastistik atau data yang menunjukkan hukuman sebelum ini tidak berkesan daripada RM20 ribu kepada RM50 ribu. Adakah hukuman RM20 ribu baru-baru ini tidak berkesan?

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga nak bertanya adakah Kerajaan Negeri sebelum daripada kita berunding di sini untuk mencapai kata sepakat telah mengadakan libat urus dengan ataupun mengambil pandangan semua pihak termasuk daripada pengusaha hiburan, belia dan masyarakat umum sebelum daripada RUU ini dibentangkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga nak bertanya berkenaan dengan hiburan dalam kawasan sekolah, IPT dan juga premis persendirian. Tadi Chempaka ada sebut kalau sekiranya ada orang buat dalam kawasan kita, tanah kita, kita boleh laporkan. Tapi bagaimana kalau di kawasan persendirian sendiri ataupun dalam kawasan rumah dia sendiri dia buat hiburan ataupun panggil artis dan sebagainya. Jadi adakah ia juga terguna pakai di dalam enakmen ini. Dan saya juga berharap kawalan hiburan ini benar-benar memberi impak positif kepada pembangunan moral masyarakat.

Dan Yang Berhormat Dato' Speaker, telah adakah kajian atau data konkrit yang menunjukkan hubungan langsung dengan hiburan tertentu dengan kemerosotan moral ataupun tatasusila di negeri kita ini. Dan kita berharap benda ini tidak ada berkaitan kerana sebelum pada akta ini bukan akta baru, akta hiburan ini telah ada sejak daripada tahun 1998. Cuma sekarang ini kita nak bubar untuk menambahbaik enakmen akta hiburan ini.

Dan sekali lagi Yang Berhormat Dato' Speaker, saya bersetuju dan menyokong penuh enakmen pindaan ini Rang Undang-Undang Kawalan Hiburan Dan Tempat Hiburan 2024, cumanya saya selarilah dengan hasrat Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri Besar yang menyatakan bahawasalah marilah sama-sama kita mencari jalan untuk memudahkan bukan memayahkan dan kalau boleh saya dengar daripada Yang Berhormat EXCO mengatakan nak mendapatkan permit untuk melaksanakan program-program yang bersifat hiburan ini perlu melalui banyak peringkat.

Jadi banyak peringkat ini bagus dari segi pemantauan tetapi dari segi birokrasinya kena tengok juga Yang Berhormat EXCO takut-takut ianya payah sebagaimana yang di amal sekarang saya rasa dah cukup kena ada daripada penggawa, kena ada daripada majlis, kena ada daripada ketua polis itupun mungkin sudah mengambil masa yang lama.

Dan adakah prosedur khas ditetapkan berapakah tempoh masa yang boleh dipatuhi selepas daripada permohonan data. Mungkin ada satu garis panduan dalam tempoh berapa hari kelulusan akan keluar ataupun keputusan akan keluar sama ada lulus ataupun tidak lulus. Yang nak

berhibur, kita. Dan yang nak menganjurkan hiburan ini juga saya percaya ialah rakyat kita.
Maka dalam kita nak menguatkuasakan undang-undang eloklah kiranya saya ulangi budi bicara, amaran dan pengajaran lisan dan kaunseling sebagaimana hasrat dan juga cadangan daripada EXCO Agama kita, kita nak *educate* rakyat kita ini supaya mematuhi dan dalam masa yang sama kita tak nak kejadian-kejadian pelanggaran kepada undang-undang ini berulang. Maka wajarlah kalau kesalahan yang pertama itu dibukakan ruang rayuan. Tetapi bukan kita nak menggalakkan untuk mereka melanggar peraturan. Ianya untuk memberi ruang kepada mereka supaya tidak mengulangi kesilapan-kesilapan yang berkaitan dengan pelanggaran undang-undang. Galas mohon menyokong, terima kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Ada yang nak ? kalau takde sape-sape, Kemuning, sila.

**YB TUAN AHMAD ZAKHRAN BIN MAT NOOR :**

أعوذ بالله من الشيطان الرجيم

بسم الله الرحمن الرحيم

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker yang telah memberikan ruang kepada Kemuning untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-Undang Kawalan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan Kelantan Tahun 2024 yang dirangka untuk menggantikan Enakmen Kawalan Hiburan Dan Tempat-Tempat Hiburan 1998. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada pihak-pihak yang terlibat dalam merangka Rang Undang-Undang ini.

Alhamdulillah, Enakmen Kawalan Hiburan Rang Undang-Undang yang kita bentangkan pada hari ini telah diluluskan pada tahun 1998 bagi menggantikan enakmen sebelum itu iaitu Enakmen Panggung Wayang Dan Tempat Hiburan Awam 1936. Maknanya sebelum daripada mula merdeka hingga tahun 1998 negeri kita ini menggunakan undang-undang hiburan yang diperkenalkan oleh penjajah bagi tahun 1936 dengan

beberapa pindaan yang dibuat kemudiannya. Dengan terbatalnya Enakmen Hiburan 1936 pada tahun 1998 barulah Kerajaan Negeri Kelantan pada masa itu mempunyai kuasa yang luas untuk mengawal semua jenis kesenian dan hiburan dalam negeri ini pada waktu itu.

Kini 26 tahun telah berlalu. Enakmen Kawalan Hiburan Dan Tempat-Tempat Hiburan 1998 digunakan oleh Kerajaan Negeri Kelantan tanpa dibuat sebarang pindaan sehingga ke hari ini. Namun sesuai dengan situasi dan keadaan semasa wajarlah pada hari ini kerajaan membentangkan satu Rang Undang-Undang baru bagi menggantikan enakmen tersebut. Secara dasarnya dan pada asasnya saya menyokong penuh rang undang-undang yang dibentangkan. Namun setelah saya meneliti dari satu fasal ke satu fasal saya merasakan perlu ada sedikit penjelasan atau penambahbaikan berkenaan beberapa perkara dalam Rang Undang-Undang ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mula-mula saya nak rujuk pada bahagian 4 Dato' Speaker, Fasal 22 hingga 32 mukasurat 96 sehingga 104 Rang Undang-Undang yang dibentangkan berkaitan dengan penguatkuasaan iaitu kuasa memasuki, menyiasat, menutup, menangkap dan mendapatkan maklumat daripada orang yang disyaki melakukan kesalahan menggeledah tempat yang disyaki seterusnya kuasa menyita barang yang digunakan sebagai alat hiburan itu dan akhirnya kuasa melupuskan atau disebut dalam Rang Undang-Undang ini sebagai lucut hak.

Yang Berhormat Dato' Speaker, penguasaan seperti mana yang telah disebutkan dalam bahagian 4 ini ialah elemen kritikal sahaja. Jarang-jarang berlaku tapi pada pandangan saya memerlukan penambahbaikan kepada peruntukan sedia ada untuk memastikan perlaksanaannya adil dan berkesan. Contohnya kuasa untuk masuk dan menyiasat tanpa waran dalam Fasal 22 adalah langkah drastik yang hanya boleh digunakan dalam keadaan kritikal namun ia memerlukan garis panduan operasi yang ketat untuk mengelak penyalahgunaan kuasa dan melindungi hak asasi pemilik premis.

Pada pandangan saya penguatkuasaan undang-undang ini memerlukan integrasi teknologi seperti penggunaan kamera badan untuk pegawai

penguatkuasa merekodkan tindakan mereka. Ini bukan sahaja memastikan ketelusan dan pemantauan terhadap tindakan pegawai tersebut tetapi juga menjadi bukti kukuh jika terdapat pertikaian undang-undang kemudiannya.

Selain itu, saya juga ingin mencadangkan agar diadakan satu latihan berterusan sepertimana yang telah disebutkan oleh Chempaka sebentar tadi untuk pegawai penguatkuasa. Latihan ini boleh dibuat secara berkala mengenai tafsiran enakmen ini prosedur penguatkuasaan dan komunikasi dengan masyarakat. Dengan adanya latihan ini akan meningkatkan *professionalisme* dan kepercayaan masyarakat terhadap penguatkuasaan.

Untuk permulaan tindakan awal yang wajib dibuat dan saya percaya memang akan dibuat adalah sesi penerangan atau taklimat ataupun kursus kepada semua penguatkuasa berkenaan enakmen ini sendiri. Apa beza dengan Enakmen 1998 dan apa yang boleh mereka buat, apa yang mereka tak boleh buat, boleh ditaklimatkan.

Cadangan saya lagi agar dibuat audit oleh badan bebas berkenaan penguatkuasaan sepertimana daripada Fasal 27 hingga 30 untuk memastikan setiap tindakan yang dibuat adalah mematuhi undang-undang dan etika professional. Jika ada penambahbaikan dari segi audit sebegini saya percaya penguatkuasaan yang dibuat akan lebih telus professional dan diterima baik oleh masyarakat.

Ok yang Dato' Speaker, Yang Berhormat Dato' Speaker itu cerita semasa tangkapan. Sekarang saya ingin bercerita pula tentang penyitaan. Ini selepas menyita barang-barang ada dua kemungkinan akan berlaku sama ada barang-barang tersebut akan dilucut hak dan lupus, dilupuskan ataupun barang tersebut dilepaskan dan dikembalikan kepada pemunya asal. Terutama sekali saya nak cerita pasal lucut hak. Lucut hak ni dilupuskanlah. Maksudnya lepas tangkap dan sita barang siasatan dibuat dan mendapati apa dia kalau tengok, kejap ya. Lucut hak ni boleh berlaku dalam dua situasi. Fasal 29 jika orang yang ditangkap itu didakwa pelucutan hak, pelucuthakan jika ada pendakwaan dan Fasal 30 jika tiada pendakwaan pun kena lucut hak juga apabila tamat satu bulan dari tarikh penyitaan.

Kita tengok Fasal 30 mukasurat 102, kalau tiada pendakwaan maksudnya selepas tangkap dan sita barang dan siasatan dibuat dan mendapati tiada kesalahan dilakukan maka tiada pendakwaan dan orang itu akan dilepaskan tapi barang tak lepas secara automatik. Dia kena buat satu notis bertulis untuk memohon balik barang itu. Kalau dia tak buat notis bertulis barang itu akan lupus selepas satu bulan. Ini kalau dia pandai buat surat sendiri, notis bertulis sendiri oklah. Kalau dia jumpa *lawyer, lawyer* akan caslah sikit.

Jadi cadangan saya Yang Berhormat Dato' Speaker, takpe kalau jumpa saya, kita boleh rundinglah harga muroh-muroh. Jadi cadangan saya Dato' Speaker, Yang Berhormat Dato' Speaker, supaya disediakan satu borang khas, boring khas yang *standard* yang bertindak sebagai notis bertulis tersebut. Jadi tak perlulah orang yang menuntut tu pening kepala nak buat surat. Borang ini boleh di jadualkan dilampirkan sebagai jadual kepada enakmen ini ataupun diletakkan di mana-mana peraturan dibawah enakmen ini kemudiannya.

Kita tengok Fasal 30(3), pegawai pelesen boleh bagi balik kepada orang tersebut barang-barang tu ataupun dia boleh rujuk kepada Majistret. Ini tiada pendakwaan ni kepala dia pelucuthakan kan jika tiada pendakwaan. Pendakwaan takde tapi barang-barang itu selepas dapat notis bertulis itu pegawai pelesen boleh bagi balik kepada orang itu atau dia boleh rujuk kepada Majistret. Arr masuk mahkamah pulok, *lawyer* lagi. Duit lagi *lawyer.* Tapi takpe cuma saya mencadangkan comel doh, cantik supaya benda ini mendapat satu apa dia keputusan yang adil di mahkamah. Cantik sebenarnya cuma saya ingin mencadangkan agar diadakan satu garis panduan khusus yang mesti dipatuhi oleh pegawai pelesen.

Dalam situasi mana pegawai pelesen hendaklah mengembalikan barang yang di sita dan dalam keadaan mana pegawai pelesen perlu rujuk kepada mahkamah supaya tidak ada pilih kasih. Kot-kot ada setengah-setengah keadaan eh dia dapat balik barang yang disita. Dalam keadaan tertentu eh dia kena rujuk mahkamah, jadi dia ada satu garis panduan khusus yang boleh juga dibuat kemudian, In Shaa Allah. Itu kalau gi mahkamah lah. Kalau kita tok gi mahkamah, barang-barang itu hendaklah dikembalikan balik kepada pemunya dan dia dibaca sekali dengan kurungan (8).

Apabila dibagi balik kepada pemunya, pegawai pelesen boleh mengarahkan supaya barang, benda, dokumen atau peranti elektronik

yang disita dilepaskan menurut sub seksyen (3) haa yang tadilah. Orang yang menuntut itu hendaklah membayar apa-apa bayaran termasuk kos bagi memindah, menyita dan menyimpan benda itu dalam jagaan sebelum benda itu dilepaskan.

Jadi bab-bab kos ini juga saya mohonlah supaya benda ini boleh di tidak menjadi satu kewajipan ataupun ada satu garis panduan berkenaan dengan kos agar ia tidak membebankan rakyat kitalah dalam membayar kos ini supaya ia menjadi satu kos yang mana boleh di, boleh diterima oleh semua orang untuk membayarnya, in shaa Allah.

Dan kalau boleh sekiranya ada pulok satu pengecualian boleh diberikan oleh pegawai pelesen kepada orang-orang tertentu. Naya jugok kalau barang tu barang dia takpo kalau contohnya Pusat Khidmat DUN bagi pinjam barang. Barang itu kena sita. Tok pasal-pasal Pusat Khidmat DUN kena bayar pulok…

**YB DATO' SPEAKER : [MENCELAH]**

Pusat Khidmat buat konsert ke?

**YB TUAN AHMAD ZAKHRAN BIN MAT NOOR :**

Dok, contohnya ada kenduri kahwin Yang Berhormat Dato' Speaker, contohnya ada kenduri kahwin, dia pun datanglah mitok PA sistem dengan Pusat Khidmat DUN. Pusat Khidmat DUN pun bagilah apa dia PA system dan PA sistem itu tak guna secara betul. Ada pulak artis wanita, dan disita, tiba-tiba apabila sita kita kena bayar pulok. Arr kesianlah. Begitu juga dengan orang yang menyewakan PA sistem. Orang yang menyewakan PA sistem, dia tak terlibat kalu kiranya tapi apabila disita dan tidak bersalah pun tidak didakwa pun. Tapi dia dibayar mungkin ada pengcualian-pengecualian seperti kes-kes begini untuk difikirkan kemudianlah daripada ini, in shaa Allah.

Jadi cadangan sayanya secara umumnya adalah agar pelucuthakan barang yang di sita ini yang dicipta dari fasal 27 hingga 30 ini dilakukan secara penuh ketulusan. Dan pemilik barang yang disita ini diberi peluang untuk membela diri melalui saluran undang-undang dan juga apa dia orang kata satu budi bicaralah diberikan sebelum pelucuthakan dibuat

secara muktamad. Jadi yang lain cantik belako saya baca dia suka, cuma saya mencadangkanlah agar berkaitan dengan apa yang disebutkan …

**YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD : [MENCELAH]**

Kemuning minta sikit …

**YB TUAN AHMAD ZAKHRAN BIN MAT NOOR :**

Sila, sila …

**YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD :**

Kemuning ni setuju ke tak setuju lucut hak ni? Ialah saya pun pengalaman jadi Ahli Majlis. Dia buat konsert betullah kadang-kadang kita tak boleh tangkap pelakunya tapi kesalahan dan *crime scene* termasuk juga bahan-bahan bukti.

Kalau kita meringankan soal pelucut hak dia dapat barang itu dia buat lagi, dop? Jadi kita kena mengetatkan undang-undang yang dicadang yang saya berpandangan bahawa untuk mengetatkan. Sebab itu ada beberapa peruntukan anggapan *presumption,* anggapan terhadap pemilik premis…

**YB DATO' SPEAKER :**

Soalan Yang Berhormat ?

**YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD :**

Soalan dia, tadilah soalan dia hok mulo-mulo. Terima kasih.

**YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :**

Kemuning satu, satu lagi. Kemuning minta laluan Kemuning. Ok terima kasih. Kemuning ya, setuju tak dengan saya bahawa bawah Akta Dadah, Akta Dadah berbahaya FOP, *Forfeiture of Property* juga ada pelucuthakan harta, terima kasih.

**YB TUAN AHMAD ZAKHRAN BIN MAT NOOR :**

Ya, ya saya tahu dan saya pun tulah saya setujulah. Dan saya bersetuju akan berkenaan dengan apa dia Rang Undang-Undang ini. Saya bukan tak setuju, cuma saya ini untuk penambahbaikan boleh dibuat kemudian melalui peraturan, melalui garis panduan yang boleh dibuat kemudian.

Dan sebenarnya bagi saya undang-undang ini betul ada tapi ada benda yang boleh mengatasi undang-undang iaitu budi bicara. Budi bicara inilah yang mengatasi undang-undang yang mana boleh dipertimbangkan melalui tindakan-tindakan yang saya syorkan kepada pihak penguatkuasa dan juga pegawai pelesen dan orang-orang yang terlibatlah dalam penguatkuasaan ini.

Saya ingin memetik sedikit apa ucapan, perbahasan daripada Chempaka dan juga Galas sebentar tadi berkenaan dengan rumah apa dia satu program hiburan yang dibuat di Bachok, jadi saya, saya melihat memanglah dalam enakmen ini tiada fasal dalam undang-undang ini yang menyentuh hal-hal yang berkaitan dengan program hiburan yang dibuat di rumah ibadat bukan islam ataupun majlis keagamaan bukan islam. Tapi pada pandangan saya mungkin sudah ada wajar untuk diadakan satu peruntukan khusus yang memberikan sedikit kelonggaran kepada orang bukan islam untuk membuat majlis hiburan di rumah ibadat mereka atau majlis keagamaan mereka dengan syarat-syarat yang tertentu yang mesti dipatuhi pada peraturan-peraturan yang dibuat dibawah enakmen ini kemudiannya. Sekiranya dipersetujuilah oleh apa dia di dewan yang mulia ini.

Pada dasarnya saya Yang Berhormat Dato' Speaker, yang lain tu memang molek belako doh. Saya memohon …

**YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :**

Boleh celoh sikit ?

**YB TUAN AHMAD ZAKHRAN BIN MAT NOOR :**

Ya, ya …

**YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :**

Nak tanya Kemuning, Kemuning duk baca draf enakmen ini ada jupo ko dok, boleh ko dok …

**YB DATO' SPEAKER :**

Yang Berhormat bagi laluan ke? Kalau bagi laluan duduk dulu.

**YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :**

Bunyi ya doh sakni …

**YB DATO' SPEAKER :**

Ok sila …

**YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :**

Gapo doh nok tanyo sakni? Di tempat kenduri, tempat kenduri ataupun acara sambutan perasmian dan sebagainya yang juga melibatkan sambutan mungkin ada nyanyian, adakah ini juga terlibat dalam enakmen?

**YB TUAN AHMAD ZAKHRAN BIN MAT NOOR :**

Ada, ada Yang Berhormat.

**YB DATO' SPEAKER :**

Sepatut tanya EXCO tu …

**YB TUAN AHMAD ZAKHRAN BIN MAT NOOR :**

Tapi soalan tu memang EXCO perlu jawablah. Memang ada, memang ada. Dia tok la royak, dia tak bagitahu secara khusus gitu. Semua kalu nok cerito belako payohlah tapi dia termasuk tempat-temapat hiburan itu ada. Ada apa-apa yang dibuat hiburan di atas. Boleh rujuk, boleh baca dan boleh diterangkan oleh EXCO kemudiannya.

**YB DATO' SPEAKER :**

Galas biasa buat kot …

**YB TUAN AHMAD ZAKHRAN BIN MAT NOOR :**

Jadi saya dengan ini menyokong, memohon untuk menyokong Rang Undang-Undang Kawalan Hiburan 2024 ini. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker.

**YB DATO' SPEAKER :**

Kota Lama.

**YB DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM :**

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih kepada Dato' Speaker, yang mengizinkan Kota Lama untuk bersama-sama membahaskan pindaan ataupun enakmen, pindaan enakmen kawalan hiburan dan tempat hiburan. Saya menyokong pindaan enakmen kawalan hiburan ini …

**YB DATO' SPEAKER :**

Bukan pindaan Yang Berhormat … Ini enakmen yang baru. Bukan pindaan. Enakmen ini akan menggantikan enakmen yang lama.

**YB DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM :**

Terima kasih kerana membetulkan. Saya lihat bahawa ini adalah antara usaha Kerajaan Negeri meningkatkan pengutakuasaan dan mewujudkan garis panduan yang ditambah baik dalam mengawal hiburan dan juga tempat hiburan. Dan saya nampak ini sebagai usaha kita untuk menjalankan Amar Ma'ruf dan Nahi Mungkar. Dan oleh sebab itu saya tolak sebarang kenyataan yang mengatakan bahawa kami yad'u anil mungkar.

Jadi ada beberapa perkara yang mungkin saya sentuh tak banyak pun. Salah satunya adalah tentang seksyen pematuhan syariah iatu pemakaian iaitu yang mana saya mahu garis panduan yang jelas kerana diperingkat perlaksanaannya nanti mungkin akan ada kefahaman atau halangan di situ, ya. Contohnya saya sebut ada satu dalam satu program Festival Srikandi yang mana penganjurnya mahu membawa *women bikers* seramai 300 orang ke negeri Kelantan.

Tetapi ketika perbincangan dengan pemberi lesen maka dibangkitkan tentang pemakaian *women bikers* ini. Jadi kita betul kita nak patuh syariah

tetapi kita juga perlu menjaga sebab ia akan memberi kesan kepada pelancongan ke negeri Kelantan. Jadi ini diperingkat perlaksanaan ya Dato' Speaker yang perlu kita jelas daripada sudut itu. Ya kita memang nak kita berpakaian syariah …

**YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG : [MENCELAH]**

Kota Lama minta laluan …

**YB DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM :**

Ya tetapi …

**YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :**

Kota Lama minta laluan …

**YB DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM :**

Ya ok saya beri laluan …

**YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :**

Soalan secara ringkasnya Kota Lama. Adakah maksudnya Kota Lama ini memberi kebebasan kepada sesiapa sahaja yang nak datang ke Kelantan ini kena pakai apa sahaja. Begitu?

**YB DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM :**

Jadi ini yang saya kena betulkan. Seperti semalam disebutkan bahawa kami yad'u anil mungkar. Adalah tak betul. Ini sangkaan yang amat jahat. Saya bercakap begitu …

**YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD : [MENCELAH]**

Melor minta menjelas …

**YB DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM :**

Bayangkan saya sambung …

**YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD :**

Melor minta perjelas.

**YB DATO' SPEAKER :**

Jawab soalan dulu.

**YB DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM :**

Ya maknanya tak betul apa sangkaan daripada Jelawat. Ada saya sebut bahawa saya mengizinkan orang lain atau saya mengizinkan berpakaian bagaimanapun …

**YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :**

Saya tanya …

**YB DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM :**

Jadi saya jawab. Mungkin jawapan saya itu menyentuh sikit hati Jelawat. Tapi saya nak menyebutkan ya kita berpakaian syariah. Tapi dalam islam juga ianya tidak boleh menghukum orang lain yang tidak berfikir, tidak berpakaian sebagaimana yang kita pakai. Jadi ya dalam kita punya …

**YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD :**

Kota Lama, Kota Lama saya minta laluan …

**YB DATO' SPEAKER :**

Melor minta laluan …

**YB DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM :**

Saya bagi laluan sikit lagi. Saya habis ayat dulu boleh? Arr tanya lah, tanya …

**YB DATO' SPEAKER :**

Nak habiskan ayat …

**YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD :**

Kita tugas ini tugas kerajaan bukan soal menghukum. Kerajaan mesti menguatkuasakan sesuatu untuk menjaga tatacara, adab dan akhlak rakyat. Bukan soal menghukum. Jadi bila kerajaan nak menguatkuasakan sesuatu mesti ada *policy* dan undang-undang. Dan di Kelantan kita ini polisinya sangat jelas. Jadi kena ikutlah bukan soal menghukum.

**YB DATO' SPEAKER :**

Soalannya?

**YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD :**

Takdok soalan, royak jah ko dio …

**YB DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM :**

Jadi sebenarnya Jelawat, Melor kita ini serupo, kita nok bendo molek. Saya rasa saya tak bercanggah pun dengan Jelawat, dengan Melor dalam sudut ini. Cuma tadi kita bangkitkan tentang bila dilaksanakan dan pernah berlaku pun di sana ada pelbagai-bagai tafsiran dari sudut pemberi lesen. Belum mari lagi *bikers* ni royak doh kata ni takut tok pakai hok molek. Sedangkan kalau kita perhatikan orang yang tak berpakaian mengikut syariah pun, bila dia mari Kelantan dia akan berselendang. Peratilah. Jadi oleh sebab itu, moleklah betul dop?

Jadi memang kita nak lagu tu. Tapi ada perkara kadang-kadang kalau bila kita buat contohnya ini semua *underground* apa yang terjadi. Contohnya,

kita buat satu program digital. Nak galakkan ni, MDEC mari nah Kelantan. Pergi kat Aeonmall. Ada apa ni pengucap wanita. Maka ada disebutkan ada salah seorang daripada penguatkuasa yang naik kata tokleh orang tino duk atas.

Jadi ini ya memang kita kena jelaskan supaya ini betul ko dok ni. Tapi nak sebut ni itu yang dihadapi oleh orang bila mari Kelantan. Jadi kita kena melihat betul-betul penguatkuasa kita ni. Adakah apa tu akta-akta atau peraturan ini dibuat untuk menunjukkan kuasa? Tu memang tokleh dia ni buat. Jadi saya pergi kepada *point* seterusnya adalah penguatkuasaan lesen hiburan ini kan, bila disebut ada peraturan kena minta dalam sebulan contohnya ya, adakah dia sama? Mohon lesen untuk konsert dengan mohon kebenaran untuk buat dikir barat dalam majlis Kota Lama, contohnya. Sama dok sebulan keno mintok jugok. Jadi inipun adalah satu perkara yang perlu dipertimbangkan. *The gravity*, besarnya benda itu kalau konsert ia sebulan.

Tapi kalau kita nak buat majlis contohnya majlis pun ada setengah itu kita tak plan pun sebulan. Boleh tak di sana betul, saya percaya kepada Kemuning, atau sokong Kemuning, budi bicara seperti ini. Jadi itu ya, ini perkara-perkara yang saya rasa kita perlu lihat dan tengok supaya disana tidak ada apa yang sebutkan tadi *double standard.* Kita buat takpo, orang lain buat kita akan tengok teliti satu-satu. Dan saya sebutkan ini adalah sebagaimana menyuarakan ya kegusaran dalam kalangan anak muda yang mahu berkarya. Dan mereka menghormati sebenarnya ya …

**YB TUAN NIK BAHRUM BIN NIK ABDULLLAH : [MENCELAH]**

Yang Berhormat …

**YB DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM :**

Ya, ok …

**YB DATO' SPEAKER :**

Chempaka minta laluan …

**YB TUAN NIK BAHRUM BIN NIK ABDULLLAH :**

Ada sebut apa ni kata, apa ni kita buat boleh, orang lain buat tokleh tu boleh bagi contoh ke? Hak pernah berlaku hok di Kelantan. Nak tahu tu.

**YB DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM :**

Yang ni contohnyalah sebelum saya buat baru-baru ini sebelum malam 31 Ogos 2024 dianjurkan program di program Kerajaan Negeri di *half marathon*. Memang bila perlaksanaan itu akan berlaku ada percampuran lelaki dan perempuan contohnya kan. Semua boleh menganggap itu sebagai satu kadang keadaan yang berlaku tetapi bila ini yang disebutkan anak-anak muda ini ya pengusaha kosmetik yang menganjurkan apa tu satu program ataupun *event* di perkarangan Mydin Mall maka dia kenakan pelbagai syarat.

Ya bagi mereka maksud dia tadi saya sebenarnya tidak menghalang pun perlu ada ya dia punya pemisahan antara lelaki dan perempuan dan sebagainya. Tetapi dia mesti konsisten dan dilihat konsisten. Dan apa yang saya suarakan adalah apa yang rakyat suarakan ya. Jadi kita boleh persoalkan tapi itulah yang berlaku dibawah.
Jadi *point* dia adalah ini Tuan Speaker, Dato' Speaker kita kena mendengarlah apa yang berlaku. Mungkin *problem*nyo tidak pada enakmen yang ini pun tetapi dalam penguatkuasaan tadi. Ataupun perlaksanaan tadi. Ok, saya sambung sedikit.

Dari sudut ini mungkin saya berharaplah di sana ada juga garis panduan yang jelas yang juga memudahkan. Ya saya suka mengulangi apa yang diperintahkan oleh agama kita jangan menyusahkan …

**YB TUAN KU MOHD ZAKI BIN KU HUSIN *:* [MENCELAH]**

Dabong ingin mencelah …

**YB DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM :**

Jadi … ok Dabong.

**YB TUAN KU MOHD ZAKI BIN KU HUSIN *:***

Kalau boleh kita nok tengoklah hok Kota Lama kata *double standard* tu, acu bagi contoh sikit. Mana contoh? Lepas tu kita kata satu lagi antara laki-laki dan perempuan kalu gi di Mekah sekalipun kita akan keluar pintu yang sama. Laki-laki dan perempuan kena tengok suasana. Suasana yang berlaku tu.

**YB DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM :**

Ok saya tidak berhajat untuk memanjangkan isu ini tapi itu adalah ok ni kita buat peraturan dan melaksanakannya dan dilihat oleh rakyat. Jadi kita kena peratikan mana yang kita rasa maknanya kita buat kalau kita kata orang lain contoh kena betul asing. Kita kena asingkan walaupun kita memang nampak contoh dalam larian dan sebagai amat sukar mengasingkan ya pengasingan itu berlaku yang mungkin mudah untuk kita laksanakan dalam bentuk konsep, pertunjukkan dan sebagainya ya.

Seterusnya, dalam peraturan perlaksanaan tu mungkin kita boleh perincikan ya maknanya untuk konsert begini peraturannya, untuk dikir barat contohnya begini perlaksanaannya. Dan bagi saya ini sebagai membantu kita punya industri perlancongan, kebudayaan kita perlu menggalakkan ya mana-mana majlis kita ini di, di meriahkan dengan dikir barat. Tetapi mungkin ada peraturan yang urus dikir barat ini ke tidak akan sangat melanggar apa perkara-perkara yang mahu kita cegah dalam hiburan. Jadi perlu ada peraturan yang jelas ya. Dan saya juga ingin membangkitkan di sini karaoke contohnya karaoke berlesen dan sebagainya. Dan juga tempat-tempat shisha contohnya.

Mungkin perlu Exco jelaskan apa keadaan semasa daripada sudut ini sebab saya melihat ya masih ada lagi café-café shisha yang berlaku, yang ada yang adakah itu sebenarnya bagaimana kita punya peraturan di negeri Kelantan ya. Dan tuan Yang Dipertua ramai juga yang minta saya tanyakan sebenarnya bila berlaku apa RUU hiburan ini, adakah ini satu langkah Kerajaan Negeri mahu membolehkan ya pawagam diadakan di Kelantan ini sebagaimana dia ada di negeri Terengganu. Jadi mereka bertanyakan bahawa anak muda ini dia kalau boleh nak tengok sini, tokse

tengok macam contoh baru ni Mat Kilau ataupun filem-filem patriotik itu pergi sampai ke Terengganu.

Jadi mungkin ya saya serupa dengan tuan-tuan dan puan-puan. Kita nak yang baik, kito tokse hok tok baik. Justeru saya melihat … ok Ustaz Azhar Pulai Chondong kita kena bagi … Pulai Chondong kita kena bagi …

**YB TUAN AZHAR BIN SALLEH : [MENCELAH]**

بسم الله الرحمن الرحيم

Yang Berhormat Dato' Speaker, YB Kota Lama ni suaminya orang Pulai Chondong sebab itu dia bagi saya mencelah sekejap. Saya tengok loni bila dibangkit soal pawagam oleh beberapa pihak EXCO, rasa sekarang tidak di Kelantan kita telah lama tutup pawagam. Saya rasa tidak ada keperluan. Setuju ko dop? Loni orang tengok dalam telefon, rumah pun TV 100 inchi ada di rumah boleh tehe tengok doh neftlix dan sebagainya. Saya pun tengok dalam tu Mat Kilau. XPDC, XPDC saya tok minatlah. Boleh jadi YB Galas beraso minat, dop? Tapi YB Galas ni dia banyak berlapik sikit. Kota Lama terang dan jelas jadi saya nampak tidak ada keperluan dari segi pawagam.

**YB DATO' SPEAKER :**

Soalannya setuju ke tidak ?

**YB TUAN AZHAR BIN SALLEH :**

Setuju ko dok?

**YB DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM :**

Saya rasa kadang-kadang apa yang perlu secara *personal*, peribadi tidak sama dengan kehendak daripada rakyat kita. Itu semua orang jelas ya. Cuma bila …

**YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :**

Kota Lama, Kota Lama ….

**YB DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM :**

Bincang ya …

**YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :**

Minta sekali lagi …

**YB DATO' SPEAKER :**

Jelawat minta laluan.

**YB DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM :**

Dia minat benar ko saya ni …

**YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :**

Ok Kota Lama kata sebut tadi bahawa kemahuan rakyat. Ok ada tak statistik berapo peratus rakyat yang mahu kepada pawagam ni, berapo peratus yang tidak mahu kepada pawagam ini? Ada statistik dop?

**YB DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM :**

Ok saya rasa yang tu tu, moga kita pembangkang kita takdok prasarana. Jelawat dengan EXCO la buat kajian tu. Moga ni apa keperluan rakyat Kelantan. Cuma kita melihat membawakan suara rakyat yer bahawa mungkin apabila cara kita nak hidupkan Bangunan Parkson yang sudah lama tidak ber apa tu dah mati la situ tu, mungkin itu antara satu caranya.

Jadi ini pertanyaan dan bila bertanya jangan pula berkata saya YB Kota Lama mahu pawagam. Itu, itu mungkin dah di salah boleh di salah ertikan oleh rakyat ya. Saya ulang, saya mahu kita buat الأمر بالمعروف والنهي عن المنكر. Tetapi dalam konteks kalau nak cakap pasal pawagam ya sekarang ini ada ….

**YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN ADBUL GHANI : [MENCELAH]**

Kota Lama …

**YB DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM :**

Ada keluarga, ada ruang keluarga di dalamnya …

**YB TUAN MOHD AZMAWI FIKRI BIN ADBUL GHANI : [MENCELAH]**

Ya, boleh…? Setuju tak Kota Lama bahawasanya kita berada dalam dewan merupakan membawa hasrat kepada rakyat. Apa yang kita nyatakan di sini merupakan hasrat daripada rakyat. Saya bersetuju dengan Kota Lama apa keinginan orang muda nak pawagam tapi kita perlu menghormati keputusan daripada Kerajaan Negeri. Cumanya apa yang disampaikan oleh Kota Lama merupakan hasrat daripada pemuda ataupun anak-anak muda di Negeri Kelantan, terima kasih.

**YB DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM :**

Terima kasih Nenggiri. Tu sebab ada *supporter* yang baru ni. Jadi Alhamdulillah Tuan Speaker saya merasakan dalam konteks ini kita semua mahukan kebaikan untuk negeri ini tapi saya melihat ya saya menyokong Enakmen RUU Hiburan Dan Tempat Hiburan ini.

Cuma kita berharap bahawa segala terutama ketika penguatkuasaan dan perlaksanaan perkara-perkara yang kita bincangkan ya dalam dewan ini boleh diperhalusi ya demi kesejahteraan rakyat. Terima kasih dengan ini Kota Lama menyokong RUU Kawalan Hiburan Dan Tempat Hiburan.

**YB DATO' SPEAKER :**

Ada? Tendong.

**YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD :**

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الحمد لله رب العالمين, والصلاة والسلام غلى أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصهبه أجمين

رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِّن لِّسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Terutama sekali saya bangun untuk menyatakan sokongan kepada enakmen baru yang di baru saja di, di cadangkan, dibentangkan oleh pihak kerajaan sebentar tadi.

Secara ringkasnya di masa yang singkat ini saya ingin nyatakan bahawa ini merupakan satu langkah kerajaan untuk mempastikan segala bentuk program dan juga hiburan-hiburan yang di yang ada di negeri Kelantan ini sentiasa dipatuhi dan juga sentiasa mendapat perhatian, perhatian daripada rakyat bahawa kita di negeri Kelantan ini selain daripada kita membenarkan hiburan-hiburan itu tetapi dalam waktu yang sama juga kita mendidik rakyat supaya terlebih memahami bahawa hiburan itu walaupun tidak dilarang dalam agama tetapi pengawalan kepada sesuatu perlaksanaan itu mesti dikawal.

Selain daripada kerajaan sentiasa mendidik rakyatnya terutama di negeri Kelantan juga perlu kepada undang-undang, satu garis panduan yang jelas daripada kerajaan dan hari ini kita lihat satu penambahbaikan apabila ada beberapa enakmen yang kita lihat adanya penambahan kepada denda dan sebagainya.

Dan saya mendengar daripada sahabat-sahabat dalam perbahasan pada pagi ini saya lihat seolah-olah enakmen yang ada di negeri Kelantan ini menjadi satu benda tidak semua Ahli Dewanlah. Satu dua Ahli Dewan sahaja, yang memperlihatkan seolah-olah begitu payahnya untuk berhibur di Negeri Kelantan ini. Dengan bersandarkan kepada enakmen-enakmen yang ada. Sebenarnya daripada dulu enakmen ini telahpun wujud 2011. Tak silap di Negeri Kelantan ini enakmen hiburan dan soal

untuk mematuhi ataupun untuk mendapat kelulusan daripada pihak kerajaan sebenarnya tak payah, tak payah. Yang payahnya ialah untuk mematuhi, itu sahaja.

Dan apabila dipertikaikan benda ini seolah-olah kita melihat undang-undang yang ada ini membuatkan kita payah untuk kita langgar. Jadi kenapa kita menjurus kepada ke arah itu? Sebagai contoh di, apa UMK yang disebut-sebutkan tadi. Err ambo tok gilah. Tok gi tengok. Tok gi pat konsert pun tok gi, dalam *youtube* pun tok gi. Cuma mendapat berita selepas daripada itu.

Dan kita mendapat maklumat yang mengambil tindakan ini bukan orang kampung, bukan orang sebarang tapi dia adalah penguatkuasa yang mempunyai *authority* dan sudah tentulah dalam kes yang menjadi, seolah-olah digambarkan satu tindakan yang zalim. Tak adil kepada program itu apabila dimatikan elektrik. Kita yakin kuatkuasa tidaklah setaro TNB pun dio nok gi potong rumah orang notis dua, tiga kali dia atar. Tu kes tak bayar bil. Penguatkuasa sudah ada tindakan yang lebih baik daripada itu. Sebelum daripada tindakan terakhir dibuat. Chempaka sebut sehingga terpaksa dimatikan api. Apa maksud tu sehingga terpaksa dimatikan elektrik. Maksudnya itulah langkah terakhir. Sebab kita tak mahu di Kelantan ini berlaku tindakan-tindakan yang diluar daripada kehendak syariat dan juga kehendak undang-undang negeri Kelantan.

Kita tengok di Kelantan ini bila kita buat garis panduan adanya enakmen dan terlaksananya program tetapi bila berlaku sedikit saja kesilapan daripada pihak penganjur yang tidak bertanggungjawab, siapa yang diserang? Adakah pihak penganjur yang diserang ataupun Kerajaan Negeri yang diserang? Kerajaan Negeri.

Oleh kerana itu, peringatan dan juga langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mempastikan bahawa undang-undang ini dipatuhi adalah bukan setakat undang-undang sahaja tetapi lebih daripada untuk mendidik rakyat supaya rasa kebertanggungjawaban itu lebih, lebih dipatuhi. Sebagai contoh, untuk sita barang. Saya setuju sebab yang bertanggungjawab dalam perlaksanaan program ini adalah penganjur. Apa-apa yang dilibatkan dalam program itu adalah semuanya cadangan dan juga permohonan daripada penganjur. Kalau alat-alatan ini disita

sekalipun yang bertanggungjawab adalah penganjur bukan kerajaan yang zalim. Tetapi kerana penganjur itu tidak bertanggungjawab.

Dan walaupun kita letak banyak mana sekalipun undang-undang melalui denda dan sebagainya saya rasa ini adalah langkah kerajaan untuk mengawal bahawa rakyat Kelantan ini perlu kepada hiburan dan hiburan itu perlu dipandu. Kita tak nak kalau timbul isu, isu yang diviralkan. Rakyat Kelantan, anak muda Kelantan ramai gi alik Golok gi duk berhibur sano, takdok hiburan di Kelantan. Nok ko hiburan supo Golok kita wak masuk di Kelantan. Nok ko dok? Makna kita tokse oleh kerana itu panduan dan juga garis panduan ini perlu diperkasakan dan bukan saja di enakmen ini malah penguatkuasaan juga perlu jelas dan tindakan perlu di ambil. Rundingan, budi bicara itu sudah semestinya di mana-mana kerajaan pun akan berlaku di mana-mana kes yang ada. Yang kita tidak kata bila berlaku kes kita gi serbu, kita buat tindakan yang tidak ada rundingan. Mustahil daripada dulu lagi kerajaan kita dan percayalah di Kelantan ini macam wayang gambar apa tu dia panggil pawagam.

Pawagam kita tahu antara waktu, masa lalu sehingga ke sekarang ini apa ni zaman milenieum maknanya perubahan-perubahan dan kita yakin bahawa kerajaan sentiasa mengkaji kesesuaian-kesesuaian untuk rakyat Kelantan. Sebab itu kita Alhamdulillah di Kelantan ini sentiasa melihat dalam apa bentuk program, apa bentuk dasar dan apa juga bentuk program yang dilaksanakan oleh kerajaan tidak terlepas daripada panduan yang dipandu oleh Al-Quran dan juga Hadis. Dan In Shaa Allah inilah pembentukan sahsiah bukan saja program yang kita nak tuju tetapi yang lebih utama adalah sahsiah rakyat itu sendiri supaya membangun selari dengan penghayatan *"Membangun Bersama Islam"*.

Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Ya siapa nak berucap? Kalu tak ada saya persilakan Yang Berhormat Exco untuk membuat penggulungan.

**YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :**

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada semua sahabat-sahabat Yang Berhormat yang telah bangun untuk memberikan pendapat dan juga membahaskan Rang Undang-Undang Enakmen Kawalan Hiburan Dan Tempat-Tempat Hiburan untuk tahun 2024. Ada beberapa Ahli Yang Berhormat telah membuat perbahasan iaitu Chempaka, Galas, Kemuning, Kota Lama dan juga Tendong, Tendong.

Saya kalau ikut saya sebagai peguam ini saya kena jawab belako. Kalau kita tak jawab sor kalah la kita. Tapi memandangkan kita dalam sidang DUN masanya singkat, saya akan cuba jawab yang sempat saya tulis, saya petik sebagai respon dan juga pencerahan, pencerahan pada Ahli Yang Berhormat dan juga kepada semua pendengar secara *online* mengenai cadangan Kerajaan Negeri untuk mengubal satu Rang Undang-Undang baru penambahbaikan seolah kita tahu yang lebih baik pada masyarakat demi kita menjaga kebahagiaan, kesejahteraan dan juga keamanan selaku rakyat Kelantan.

Untuk makluman walaupun kita nampak, kita agak tegas dalam melaksanakan penguatkuasaan kepada hiburan, untuk makluman kepada Yang Berhormat semua saya laporkan sepanjang tahun 2024 sehingga ke hari ini untuk hiburan. Kalau kita buka medsos, Facebook baik, Instagram baik, Youtube baik kita tulis konsert Kelantan. Tiap-tiap minggu ada konsert. Tiap-tiap minggu ada pesta, pesta makanan 'viral', 'food festival', Bossku macam-macam. Dianjurkan oleh anak muda tempatan dan juga *event manager* daripada luar yang mana mendapatkan sambutan yang menggalakkan. Terima kasih kepada semua penganjur makna kita raikan program-program sebegini untuk tahun hadapan dan seterusnya untuk 'expo' pesta makanan kita amat menggalakkan. Dan tak ada rekod kita sekat doh. UMK jalan. Kot makanan pesta makanan Bossku berjalan sepanjang tujuh hari. Cuma berlaku banjir dan banjir ini memanglah dinasihatkan oleh orologi ya supaya rakyat tidak keluar kemana-mana, pelakar-pelakar.

Jadi kalau kita buat program di padang ini pun dah satu pelanggaran kepada tegahan dikeluarkan oleh Jabatan Meteodologi Kebangsaan. Dan berlaku hari kedua air sekat betislah. Dan kita melalui budi bicara tulah, nyanyi ni dia ada banyak bahasa banyok jenis dikir kampung. Yang hadir orang kampong jelah. 40 butir rumoh sekitar. Kita panggil artis dikir, ramai sikit tapi luar daripada Kelantan tok mari. Kita panggil penyanyi ada album, dop? Zon timur akan mari, dok? Zon timur. Jadi budi bicara itu berbeza. Kalau kita panggil Dato' M. Nasir ho pecoh panggung kita. Tok pade wak padang tuh, dop? Kena wak stadium. Ha itu budi bicara atau lokasi. Budi bicara segmen penonton, jumlah penonton yang datang dan budi bicara tengok keadaan trafik berbeza-beza, bergantung kepada artis yang datang.

Begitu juga kalau kita tengok pada deposit dia kata sebagai oleh Galas deposit yang tinggi itu RM20 ribu, RM50 ribu. RM20 ribu ni 1998 dulu, RM20 ribu. Kalau kita Galas wak *agreement* rumah dengan ambo di Bandar Utama 10 tahun lepas harga boleh tahan. Loni kalau jual rumah dia 2024 sekali ganda. Dan ini tahun 1998, RM20 ribu. Ambo nok tanyo pada semua, dah 26 tahun berapa sepatutnya nilai gandaan yang kenakan? Sepatut beratus ribu bagi ambo. RM20 ribu ke RM50 ribu, RM30 ribu sahaja. RM20 ribu zaman dulu orang tok mari di Kelantan, tok kenal Kelantan yang menyanyi. Yang pertama masuk menyanyi, Mawi. Tok Guru benar Mawi, tahun berapo? Ambo pun tok tahu tahun berapo tapi Mawi masuk menyanyi, Dato' Tan Sri Anuar Musa masa tu dop? Buat satu jawatankuasa khas. Bice tu 3 bulan, empat bulan untuk kita nak kawal penonton yang ghairah mari tiga, empat bulan jawatankuasa. Tapi kita loni, kita *take for granted* kita wak permohonan tiga hari sebelum program. Tiga hari sebelum program. Tapi kita sewa speaker ni PA System ini sebulan lepas lagi.

Kita panggil artis sebulan lepas lagi. Bukan marin dulu. Kita buka bazar-bazar *food festival* sebulan lepas lagi. Nak cari kontena nok bowok barang-barang khemah ni. Kenapa untuk program hiburan kita mintak tiga hari sebelum program. Nok bincang dengan kita, nak ambik *sign* Tok ngulu, nok ambik *sign* Tok gawa, nok ambik sign OCPD. Nok jupo YDP. YDP nok tengok Tok ngulu akan beri komen keadaan sekitar masyarakat sesuai, tok sesuai. Sapo nak mari? Kalu artis dikir ni takpolah.

Tapi kalu artis nok mari tu deposit RM50 ribu bayaran pada artis RM30 ribu. Deposit RM20 ribu. Kalu langgar syarat brutang pulok dengan kita. Artis loni bukan supo dulu. Kalu ada album minimum RM10 ribu. RM100 ribu. Satu lagu RM100 ribu bayaran pada artis. Ambo malas sebutlah UMK tapi dah sebut menjadi perbualan hangat di Kelantan pulok. Sepanjang 2024 kita hanya kenakan 9 kompaun setakat sejarah 20 tahun tu ada satu kes kita dakwa. Takdok pendakwaan. Nok kato lineunnya Kelantan pada hiburan. 9 kes kompaun. Paling banyak Tanah Merah empat kes. Jumlah kompaun RM1 600. Bukannya kita empat kes tu RM1 600 bukan kita nok *punishment.* Bukan hukuman. Tapi sebagai *education.* Pendidikan pada penganjur dan rakyat.

Nombor dua, MPKB. Seluas-luas MPKB separuh rakyat Kelantan duk MPKB bermacam hiburan kalau di Dataran Warisan nak, nak malam. Nak, nak minggu dataran bandaraya program hiburan. Sepanjang setahun tiga kompaun sahaja dikeluarkan. Katanya nasihat oo banyoklah nasihat royak ko penganjur, wak gitu, wak gini RM10 ribu sahaja, ni la kompaun. Dan terakhir Ketereh. Tanah Merah, Ketereh, MPKB. Dua kompaun. RM2000 sahaja. PBT lain takdok kenakan kompaun. Tok banyok sebenarnya. Data yang ambo kumpul daripada semua PBT-PBT berapa bilangan kompaun dan jumlah kompaun sepanjang tahun 2024. Tahun lepas kemungkinan takdok. Kita isu baru ni di Bachok. Di Bachok ni disebabkan dia banyok berlaku kes-kes, dok. Yang pertama berlaku di Tokong.

Kalau ikut pada pekeliling kita, garis panduan kita memanglah kita ada satu pengecualianlah khas kepada, hokni banyok tulis, cari semula deh. Dia ada kita buat dalam enakmen. Enakmen ini dia punya enakmen ibu, dia ada lepas ini dia keluar garis panduan, kita akan keluar peraturan dan setiap permohonan dia ada syarat-syarat tambahan ikut kesesuaian tempat. Nak wak laut lagumana, nok wak bukit lagumana, nok wak tengah bandar lagumano? Hok tu syarat-syarat dalam lesen dia ada beberapa bendalah, dop? Kita kecek ni enakmen ibu. Hok secara globallah, secara umum.

Diperincikan oleh garis panduan, ada peraturan pulok, teknikal dia pulok dia ada pulok syarat-syarat mengenai contohnya ada pengecualian-pengecualian, tu budi bicara. Kalau tengok pada garis panduan kita, dia

berikan pengecualian khas kepada program-program berbentuk pengecualian dan taraf eksklusif. Hokni ni berada dalam garis panduan. Dokumen nombor dua lepas ni.

Garis panduan peraturan akan terpakai walaupun kita pindah hok baru ni kita kuatkuasa 01 Januari garis panduan peraturan lama akan terpakai sehinggalah kita keluarkan garis panduan peraturan yang terbaru. Dia tidak batal ni walaupun Chempaka kata lagu mano berlaku. Kita kuatkuasa 01 Januari, garis panduan tok buat lagi ni terpakai sehinggalah dia akan sama. Dok hokni ni tidak payah bowok ko dewan, EXCO saja *endolse* akan terpakai. Dalam ini ada pengecualian taraf eksklusif. Kerajaan Negeri boleh mengecuali dalam ni pun ada ni. Dalam buku kita ni ada ni, ada dia beri kuasa pada negeri Bahagian 6, pelbagai. Kuasa untuk meminda jadual, kuasa negeri.

Fasal 45, dia panggil fasal sebab dia tok jadi undang-undang. Dia jadi seksyen, tukar deh. Pengecualian Pihak Berkuasa Negeri 45 boleh tertakluk kepada budi bicaranya mengecualikan mana-mana hiburan kecuali atau kelas hiburan atau tempat hiburan atau kelas tempat hiburan daripada mana-mana peruntukan. Enakmen ini atau peraturan-peraturan dibawahnya. Jadi kita buat peraturan ini. Kerajaan Negeri boleh mengecuali memberi taraf ekslusif kepada mana-mana jenis, kelas hiburan hurai balik ok 1998 hiburan, tempat hiburan yang dikategori dari sebagai eksklusif iaitu diadakan khusus untuk tujuan adat dan agama lain, yang pertama.

Yang kedua, di gelanggang seni hok mari dok. Pelancong mari tu dia bawak non Muslim nok buat persembahan. Kita benarlah. Bukannyo orang Islam joget. Tempat orang tertutup acara rasmi Seni Kebudayaan Perlancongan, acara hiburan tertentu. Program sambutan istana goni bawah taraf eksklusif. Dan untuk apa ni kita bagi taraf kelas eksklusif kepada persembahan di mana, di Bachok haritu, dok?

Pelanggaran dibuat bila penganjur tak dapat mengawal kehadiran pengunjung Muslim. Syarat kita eksklusif untuk dialah. Penyanyi buka aurat atas *stage*. Hok tengok dia, dok? Tapi kita kenakan kompaun ya, nok kompaun dia rayu kito tok cas pun sebagai pengajaran. Dan Bachok hok berlaku baru ni goyang gerudi. Dok, goyang gerudi. Wanita Muslimah

pakai tudung molek comellah tuannyo. Kaba-kaba duk gelek-gelek berlubang lantai. Tapi berlaku benda tu tu, viral kemudian. Dua tahun lepas berlaku. Kita tok tahu.

Serupo polis ni kan polis ni dok hari-hari berlaku jenayah curi. Tapi hok dio igat hok dio tahu jelah. Hok tok tahu nok igat lagumano. Begitulah berlaku hiburan tempat kito. Nuh pulau alik ambo bahagia. Penyanyi yang sama dijemput majlis kahwin, dok. Ambo gi, dio balik. Jupo atas bot. Masuk bahagia. Jupo orang kampong, oo YB lewat sikit dia kata. Ho bakpo? Ooo mari gelek. Segar angin, jadi bahagia. Jadi kita nok kato lagumana benda telah berlaku tapi dalam enakmen baru kita ni dok dia ada anggapan. Anggapan-anggapan ni lah yang mana kalau kita dapat maklumat "viral'.

Dalam medsos berlaku hiburan kita boleh panggil anggapan telah berlaku hiburan tanpa lesen. Kita panggil tuan rumah, kita panggil. Ataupun kumpulan dikir. Kumpulan dikir pun kita panggil penganjur. Haa ni antara kelebihan yang kita buat yang mana *loose* ada kelompangan *lacuna in law.* Dalam enakmen lama. Enakmen lama masa tu tu, kena papan tu telefon gapo tu, *Blackberry* tu mungkin takdok, dop.

Dio loni mungkin benda-benda yang berlaku kita tahu-tahu tu di hotel. Puok-puok *founder*, dop. Isi borangnya berehla anugerah tu anugerah ni. Kaba-kaba duduk seminggu telefon lagumano YB Kelantan Darul konsep kita panggil. Loni berlaku tubik gelek, kita pun ah sudoh. Tok tahu. Enakmen lama tokleh panggillah, dop penganjur tu. Jadi kita pege pemilik premis. Bo lah buat kita kata. Tapi kita tidok tarik lesen. Kita tidak kompaun. Kita bagi pendidikan. Berapa lama doh pendidikan ni. 26 tahun lah. Loni sampai masa kita perkasakan. Kalau tidak orang akan perlekeh negeri kita. Satu-satu negeri orang tengok konsert Islam lagumano, nyanyi islam. Kelantan orang tengok. Sukan Islam, Kelantan orang tengok. Renang Islam lepas ni Kelantan orang tengok. Pelancongan Islam, Kelantan orang tengok. Seluruh Malaysia, seluruh dunia nok tengok segala segmen islamik hidup manusia ni mano? Di Kelantan. Pasti kita dapat pahala kitanya. Walaupun tok berlaku zaman kita. Zaman Tok Guru tok berlaku, dok. Perlaksanaan yang komprehensif. Zaman kita berlaku Tok Guru boleh pahala.

Alhamdulillah rakyat Kelantan semua boleh pahala sebab kita mencegah kemungkaran. Walaupun ngecik takpo, pahala. Nok pahala ni sekso walaupun setitik besarla mugo milik Tuhan. Kalu nok jawab jadi ceramah ambo ni. Oklah ambo gi pado sikit-sikitlah. Masa pun ada 15 minit lagi ambo gulung. Ok ambo gi kepada yang pertama sekali Chempaka. Terima kasih kepada Chempaka untuk penambahbaikan cadangan untuk permohonan secara *online*, dok secara *online*. Kita garis panduan kita permohonan dibuat 30 hari, dop. Yela mana-mana program di universiti ko di mana 30 harilah. Kita panggil Tok Ngulu, kita panggil Tok Gawo. Segmen masing-masing kita panggil *traffic*. *Traffic* dia tengok *traffic*lah. Lokasi mana buat. Kalu tempat sumbak kalu panggil Mawi tok lepas. Dok kalu Mawi *level* dia, stadium. Level dia, dop? Ambo keno sebut pulok UMK ni UMK.

Jadi sebelum daripada permit tak diberikan pada program untuk tujuh hari tu seminggu sebelum tu Mawi dah masuk UMK. Masuk permit dibuat tiga hari sebelum la. Tak dapat permitlah. Jadi merayu, merayu pada EXCOlah, dop. Tiket RM50. Mawi nok jumpa. Kata tak payah jumpalah ginilah. Ginilah ambo bagi kelonggaran. Kadang-kadang Mawi ni dia berdamping oleh Tok Guru. Tok Guru ni tapis dohlah. Layak, lulus *recommended* masuk Kelantan, dia bereh. Tiga hari sebelum dia pun mari. Dia punya *manager.* Gini ambo kato tokleh kutip tiket RM50. Sebab dia tok wak permohonan, kita ada cukai hiburan. Setiap 25% kena bagi pada negeri tapi tok runding. Nok kutip tiket tokleh. Walaupun dia buat tertutup dalam universiti melibatkan penglibatan ramai memang dia jadi hiburan. Automatik kalu Mawi gak *level* dio RM20 ribu mesti kita ambik deposit, masa ni RM20 ribu jugoklah. Dia punya siling RM20 ribu. Takpolah kalu ambo benar cuma ambo kato tok payoh kutip tiket buat tukar walaupun kos tubik doh, wak konsert RM50 *per entry.* Ambo kato toksoh wak konsert lah. Jadi tukar kepada persembahan amal demi Palestin sebab tak sesuai loni Palestin kena bunuh. Hari-hari mati. Musim tengkujuh meteordologi kata jangan buat hiburan.

Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang keluar amanat kita bermunajat kepada Allah Taala. Saksi keluarkan pekeliling, seluruh masjid sembahyang hajat, pahtu mari nok wak konsert, bercanggah dengan dasar negeri musim tengkujuh loni ni. Tapi kerana doh nok mari ambo bagi atas kuasa ambo, ambo kato ambo wi kelonggaran dengan

syarat buat persembahan amal, kutipan Palestin kalu rakyat jawab ambo boleh jawab balik. Justifikasi tu ada. Dato' Dr. Izani suruh batal kalu kironyo tapi takpolah ambo EXCO masa ni key. Dulu dia bos ambo dia ada kuasa. Tapi ambo ada kuasa untuk isu ini. Jadi ambo kena bicara ambo benar.

Duduk empat, lima hari mari pulok hok seminggu, hok besar nok turun tu Jamal Abdillah. Seminggu sebenarnya itu dimulai dengan XPDC. Buat permohonan tiga hari sebelum tu. Tiga hari jadi program ini kita XPDC ni kali keempat doh di Kelantan ni. Dia buat *tour* tok berapo jem kita halang di Tumpat, ambo rasmi. Dato' Bentara Kanan tempat dia, dop. Ambo rasmi. Jupo XPDC di azan Maghrib oh bagus kato. Azan Maghrib di Pantai Ndo. Pantai Ndo lepas tu buat pulok di tempat Dato' Dr. Izani di PCB haa PCB, kita benar. Pecoh panggungla tapi orang 'viral' walaupun buat sekatan pagar, perempuan sebelah, laki sebelah, dop. Jadi hok *cyber trooper* dia cari jugok pat takup. Hok tu masalah. Penguatkuasa jaga doh, Rela puluh-puluh orang molek doh ada pat takup sikit situ dia ambik gambar dia viral. Itu masalah kita. Sor Malaysia hentam kita.

Jadi Zamani masuk pahtu Sofaz kata seluruh artis Malaysia ni masukla sebab kita tiap-tipa minggu kita ada pesta makanan. Kita tak pernah menghalang, kita duk royak doh untuk apa ni, saya ada lagi sepuluh minit. Cadangan Chempaka baguslah kita tambah baik secara *online*. Monitor saya minta urusetia biasa *online* ni saya minta 30 hari. Sebelum program selama 30 hari kita bagi *green lane* pada permohonan.

Dan juga untuk kursus pastinya wak kursus dan kursus yang penting kita buat ni nok ajar penguatkuasa kita buka IP, *investigation paper.* Kalau ada berlaku pelanggaran ini pulok kena ada pulok pelan kunci, pelan rajah la macam-macam. Kita nak ajar penguatkuasa sebab apa takdok ilmu sebab kita tok rajin dakwa, tak rajin saman. Kecek kiro gak, kalu berat benar kita mapuh api gitulah. Macam baru ni UMK pulok doh.

Segala bentuk persembahan EXCO berjalan lancar molek. Cuma ada lima kita tok benar. Melibatkan artis-artis luarlah. Artis luar baru ni XPDC ni kalau kita kata tokleh nyanyila, jupo dengan peminatlah. Jumpa peminat sahaja. Dilarang tapi dilanggar larangan nak sor lagu jugok, jadi tutup api. Sebelum dia tu sembilan lagu doh nyanyi. Sembilan doh sebelum tu, dop?

Lagu kesepuluh ni nok nyanyi jugok. Dey selagu pun takpo doh. Sor lagu jadi isu besar seolah-olah mencabar *authority* Pihak Berkuasa. Polis telefon kalau lawan lagi dia kata keno igat doh ni sebab menghalang tugas penjawat awam yang mana yang hadir haritu pegawai agama, penguatkuasa yang ada tauliah untuk buat penguatkuasaan. Tok sepatutnya doh runding tok sepatut berlaku begitulah. Kita bagi budaya Dikir Barat, dikirlah. Dikir, Dikir Baratlah. Artis tempatan kita bagi. Artis-artis luar ni dia akan mari malam tu orang pado Pahang, orang pado Terengganu, orang pado Perak segmen dia lain. Hoktulah ambo ceritanya. Kita memang berbudi bicara. Cuma kita mintak gak permohonan awallah untuk kita, kita tapis, dan juga kita bagi apa ni cadangan balas.

Budi bicara Fasal 10 tadi budi bicara tadi sapo nok mari kita pun tok tahu. Tokleh bagi kuasa pada YDP nok royak tokleh, tokleh nok royak. Kemungkinan *Coldplay* mari tahun depan, nok royak payoh. Budi bicara juga, dia insafkan. Dia masuk islam boleh terima budi bicara, tok tahu nok mari sebab tu RM50 ribu loni ni, nuh nok mari apa ni, nuh hok Arab nuh dop Amr Diad, RM100 ribu.

Baru ni Rodtang mari, RM200 ribu, mari tok berlawan. Mari sajo RM200 ribu bayar sajo.

**YB DATO' DR. IZANI BIN HAJI HUSIN :**

Yang Berhormat Speaker, boleh ko nok, nok tamboh sikit …. Pasal sebut nama ambo etep.Pasal sebut sangat. Gini yah nok tanyo nyo apa tu YB EXCO setuju ko dok dengan ambo bahawa apabila lemohnyo undang-undang ni demo ni pakai langgar kotse. Buat ikut dey seolah-olah kita takdok kerajaan takdok gapo demo ni. Sapa ko peringkat intelek hok reti tiga, empat professor pun jadi seolah tok tahu undang-undang ini. Setuju ko dok bahawa dengan buat hokni ni kita rasa lebih kuat, lebih gagoh untuk kerajaan jago rakyat dia. Terima kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Ini luar biasa ni EXCO tanyo EXCO ni.

**YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :**

Ambo setujulah. Ambo mitok masuk dalam penggulungan ambo. Sebab kita ni terlalu berlembut. Ambo oyak dok *event manager take for granted.* Dia ingat permohonan untuk tiga hari lulus belakolah, dok gitu, dok gitulah. Kebetulan kita dalam proses untuk kuatkuasa, dok. Jadi kalu hari ni mari, lagumano minggu hok lepas lulus, bentang hok baru jadi kita nok daulat la, daulat EXCO ni, haa gituh. Hok Chempakalah. Kemudiannya Galas, Galas lebih kurang isu kebebasan hak asasi manusia macam tulah di Kelantan, islam ni dia ada kalau jate tino dok, hak asasi ni dia ada **الأدلة**

Keadilan, boleh makan belako, boleh hidup belako, bulih kijo belako. Keadilan,

المساواة

sama tak sama jate tino ni. Kalu terlanjang beza lalu doh. Orang tino baju kurung nok sama dengan jate pakai baju seluar jean, tokleh. Fitrah, melanggar fitrah. Sebab itu kita tentang LGBT ni malas ceramah LGBT ni lamo plok jadi ni. Tok sama, dok.

Hok asasi kita bagi hok asasi tapi persamaan tok sama, tok sama. Budaya Melayu dengan Barat tok sama. Orang mari hingguk palo tempat kita pun kita tokleh hingguk doh. Tok sama doh. Kuasa di salah guna. Kita Kelantan ini ada satu kes salah guna kuasa melibatkan duit la. Apa lagi salah guna kuasa. nok wi kelulusan orang nyanyi ni gak In Shaa Allah kita guna kuasa kita sebaiknya. Dan kita mengalukan trend Expo tadi bagaimana, kita menyokong Dato' EXCO Perlancongan. Kalau tengok pada program dia ni gak memang viral belako. Nok pesta pasal makanan, dengan hiburan-hiburan pesta kerisnya, pesta waunya, rakit, macam-macam, dok. Jadi membantu pada ekonomi kita.

Dan kebetulan UMK ni nitizen duduk cerita hok USIM, konsert di universiti tok sesuailah. Komen-komen nitizen ni tok sesuai institusi intelek melahirkan cendikiawan manusia yang menjadi rujukan harapan masyarakat, kaba-kaba dia hingguk sama-sama dengan mereka yang mengutamakan hiburan sebagai makanan dalam kehidupan. Sikit lagi in shaa Allah.

Kota Lama, Kota Lama ni mencelah. Dia cerita mengenai sukan *half marathon*. Dia orang mari nok hungga ni, dia mari nok hiburan ni lain. Orang mari nok hiburan ni dia cari tempat dio nok berselo, sejam, dua jam dia nok beralung dok dengan pok-pok dia. Jadi orang mari nok hungga ni gak dia tokdey fikir nok duduk doh. Dia pecoh habis cuma berlakulah percampuran. Percampuran pun tokde kenal tokde tengok. Kalu hiburan gak dio mesej lah. Eh tepon ambo ni tokleh tekan nombor dia kato.

Ho mitok nombor mek sebeloh ni key wi telefon dia. Ni taktik biasa guna ni, haa tuh. Cara-cara orang datang duduk untuk berhibur yang mana *gender* umur yang sama, orang takut benar, tengoh viral, dok. Setuh kulit raaa doh sero. Segmen orang berhibur ni lain. Segmen orang bersukan ni. Dia berbeza. Tokleh samakan dengan marathon cuma adalah orang-orang hok terlalu islamik. Ooo bercampur dia kata. Bagus jugok peringatan kepada penganjur pada kita pada EXCO. Lepas pada ni gak walaupun suruh sembahyang berjemaah doh tapi ada jugok orang cari titik hitam dalam kertas yang putih, tulah sifat manusia milenium la bukan akhir zaman. Milenium la dia kata.

**YB DATO' SPEAKER :**

Yang Berhormat minta sambung sesi petang.

**YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :**

Hoo sambung …

**YB DATO' SPEAKER :**

Haa panjang lagi napok tu banyak pengalaman Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat saya berhasrat untuk menangguhkan persidangan. Persidangan ditangguhkan dan persidangan akan disambung pada petang jam 02.30 petang nanti. EXCO akan menyambung penggulungan sebagaimana biasa. Jadi persidangan ditangguhkan. Sekian terima kasih.

**PERSIDANGAN DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 12.59 TENGAHARI DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 02.30 PETANG.**

**PERSIDANGAN DEWAN DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 02.30 PETANG**

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Sidang disambung semula. Saya menjemput Yang Berhormat EXCO untuk menyambung penggulungan oleh pihak kerajaan. Dipersilakan Yang Berhormat.

**YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :**

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada sahabat-sahabat Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan untuk kita meluluskan Rang Undang-Undang Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan di Kelantan Bagi Tahun 2024. Dan saya mohon untuk menyambung penggulungan untuk menjawab beberapa soalan daripada Yang Berhormat tadi setakat Galaslah. Galas saya telah menjawab sebahagian pertanyaan Galas dan seterusnya untuk mengenai isu *morality* dan juga beza akhlak dan morallah. Untuk kita membezakan mengenai apa ni adat dan budaya, akhlak dan juga moral.

Akhlak ni kita Kelantan selaku yang mana 99% penduduk kepada Muslim dan bakinya non-Muslim kita menghormati budaya non-Muslim yang mana kalau kita belajar di sekolah orang Melayu, Orang Islam kita ni dia belajar akhlak manakala yang bukan melayu, bukan islam moral. Moral ni dia berbeza mengikut budaya. Kalau kata non-Muslim seluar pendek masih lagi bermoral, tapi kalau yang muslim sudah tidak bermoral. Yang tu melanggar akhlak tu. Itu kalau apa ni kalau ikut pada sebahagian kita tadi berhenti di persembahan hiburan yang mana diadakan di sebuah tokong siam yang viral itu hari yang mana telah dibuat laporan polis oleh Ketua Wanita Keadilan Kelantan melaporkan berlaku satu persembahan

tanpa lesen. Kita pun tahu, kita sedar berlaku satu hiburan tanpa permit telah disemak. Ianya mempunyai permit tapi dibuat di tempat persendirian iaitu di sebuah tokong di Bachok dan berlaku hiburan di mana menjolok mata bagi Muslim tetapi persembahan biasa bagi non-muslim. Itu hok beza moral dan juga akhlak.

Dan seterusnya saya ingin menjawab soalan-soalan daripada Galas, Galas bertanya mengenai sitaan, saya akan jawab sekali dengan Kemuning juga pertanyaan mengenai sitaan dan juga proses dan prosedur dan seterusnya mengenai jika berlakunya mengenai apakah prosedur yang perlu dipatuhi bagi pemilik premis contohnya kenduri kahwin. Banyak berlaku kenduri kahwin tengok dalam TikTok, tengok-tengok ada majlis karaoke. Kalau kepada enakmen kita gubal sekiranya melibatkan hiburan, karaoke perlu memohon permit hiburan daripada Pihak Berkuasa Tempatan. Jadi kalau nak karaoke dalam rumah bersama dengan anok bini, bersama mahram takdok masalah. Tapi kalau kita jemput orang luar berkaraoke terbuka di premis, tempat kenduri, jika tidak dipohon permit akan boleh dikenakan kompaun. Tu pun masih lagi atas budi bicara kita.

Seterusnya mengenai birokrasi. Birokrasi timbul jika kita memohon permohonan, saya ulang lagi tak sampai satu minggu, tiga hari, empat hari birokrasilah. Sebab perlu mohon berjumpa penghulu, berjumpa penggawa, berjumpa OCPD, berjumpa YDP mendapat ulasan. Tapi jika penganjur acara mengikut tatacara sebenar sebulan sebelum program in shaa Allah tiada birokrasi yang akan berlakulah. Tu saya dapat menjawab pertanyaan daripada Galas dan saya berpindah kepada Kemuning.

Kemuning bertanya mengenai isu perundanganlah. Beliau telah menyentuh bahagian IV iaitu tatacara prosedur bermula daripada kuasa untuk menyiasat, menangkap, menyita, melucuthakan. Dok juga soalan daripada Galas kalau ikut kepada enakmen kalau kita baca segala tatacara yang dilaksanakan dibawah enakmen yang akan kita luluskan ini. Kuasa diserahkan kepada mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada inspektor. Saya perlu betulkan persepsi. Bukannya kuasa diberikan kepada pegawai penguatkuasa PBT. Ini merupakan kes bukan jenayah kuasa, apa ni separuh jenayah. Kuasa-kuasa bawah tatacara *criminal procedure code,* Kanun Tatacara Jenayah, jadi ada

prosedur dia. Kuasa apa ni *wasted* di turunkan kepada mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada inspektor untuk mengeledah untuk menangkap, untuk menyoal siasat, untuk menyita seterusnya diserahkan kepada pegawai polis dan dibawa kes tu kepada majistret bukan kepada pegawai pelesen.

Pegawai pelesen adalah pegawai yang mengawal selia mengurus tadbir enakmen yang digubal oleh Kerajaan Negeri yang berlaku pelanggaran kuasa bertindak berpindah kepada mana-mana pegawai polis yang mana pangkat tidak lebih rendah daripada inspektor. Tengok dia punya perkataan daripada muka surat 100, 101, 102, 103, 104 sampailah habis bahagian IV mana-mana inspektor, mana-mana pegawai polis yang rendah pada inspektor mana-mana pegawai polis, mana-mana pegawai polis itulah ayat yang digunakan. Maknanya kita apa ni dapat menyelesaikan isu masalah yang dibangkitkan oleh Galas tadi iaitu penyalahgunaan kuasa ataupun audit ataupun semua berkaitan dengan tatacara untuk mengendalikan kes-kes yang melibatkan pelanggaran kepada enakmen ini.

Seterusnya soalan Kemuning berkaitan dengan apa ni dengan pelucuthakan ataupun pelepasan barang kes diberi contoh, contohnya PKD, Pusat Khidmat DUN meminjamkan peralatan siar raya kepada rakyat ataupun mana-mana pemohon berlaku pelanggaran di panggil artis hok goyang gerudi jugok. Maka tidak mohon permit hiburan ataupun memohon melanggar syarat lesen maka kita pun ambil tindakan kita, sita.

Sita paling itu pun speakerlah sita ni. Tidak menyebabkan benda lain bas, lori takdok speakerlah. Dok, speaker siar raya. Ikut pada Galas, ada doh ruang untuk kita selaku pemilik untuk memohon barang kes dalam tempoh siasatan. Dan ada klausa sekiranya tiada pendakwaan maka kita, tiada pendakwaan makna kita kompaunlah. Maka kalau kena apa ni ditangkap ada dua sama ada pegawai penyiasat akan mendakwa. Kalau tak dakwa, dia akan tawar kompaun. Kalau tawar kompaun Pihak Berkuasa akan beri notis selama 30 hari untuk mengambil balik barang yang disita. Dan timbul isu daripada Kemuning dan di ambil balik kita kena bayar. Ialah bayar untuk kos-kos simpanan storang, dok.

Kalau kita PBT kita igat lembu dok, buh dalam kandang kita kena jaga lembu, kena wi makan, wi air. Tujuh hari gak kena la dua tiga ratus. Ha tu kos yang terlibat dalam kes-kes yang melibatkan pelanggaran kepada syarat-syarat lesen. Dan ada juga yang tidak didakwa barang yang dirampas dilupuskan. Dilupuskan. Dengan ini saya boleh bagi contohnya, contoh kita, kita serbu atau buat operasi satu program hiburan, bulan lepas berlaku di Pasir Mas, lumba kura-kura. Tapi kita sempat sekat lumba kura-kura dalam satu 'ekspo'lah. 'Ekspo' makanan viral tapi kita sempat sekatlah tok payoh buat lumba kura-kura ini.

Yang 'viral' kalau kata di Tiktok, dok lumba siput. Dia buh lambang bendera Kelantan, bendera Terengganu dia tanding antara negeri. Dia bu tengok siput jalan dop. Takdok permitlah. Kita sitalah. Kita ambil kura jadi barang kes kalau nak dakwa. Dua tiga hari tu gak memang mapuhla barng tu jadi kita lupuslah. Kalau nak mohon kembali kura-kura kita boleh atas budi bicara. Itu contoh-contoh barang-barang yang kita lupuskan walaupun tiada pendakwaan. Itu antara pertanyaan daripada Kemuning saya harap dapat menjawab. Dan laginya mengenai, tadi pengecualian Fasal 25 dah diberikan mengenai rumah ibadat saya dah bagi contoh. Itulah Kemuning selesai.

Dan seterusnya Kota lama. Kota Lama membangkitkan mengenai keluar daripada tajuklah. Wayanglah keluar daripada tajuk dan juga *double standard.* Saya pun dah jawab tadi *double standard*. Aeonmall ada wanita bangun untuk berucap tapi saya rasa bukan majlis pengucapan tu kemungkinan untuk hiburan. Untuk persembahan memang kita sekatlah. Kalau berucap takdok masalah dan memang 30 hari kita minta untuk permohonan tiap-tiap kali mengadakan persembahan dan ada kemungkinan *double standard* tu kita bangkitkan semasa sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Tuanku, memanglah tengok kalau mereka yang tidak memahami enakmen kita yang tidak pernah membaca garis panduan kita, tak pernah melihat syarat-syarat lesen dan juga peraturan-peraturan yang ditetapkan, dia ada pengecualian. Pengecualian contohnya kita lihat baru ni Pesta Taman.

Pesta taman dia ada persembahan daripada kalau kita apa ni tengok golongan bukan lelaki yang menari. Dia ada pengecualian. Pengecualian *start* daripada 1998 dahulu, persembahan dibenarkan bagi kanak-kanak perempuan yang berumur 12 tahun ke bawah untuk membuat

persembahan. Jadi baru ni tu hok tino tu semua bawah 12 tahun. Boleh menyanyi, boleh menari. Cuma timbul isunya kemungkinan dia punya bentuk tubuh tu agak apa ni besar sikitlah. Itu antara pengecualian kita bagi kepada persembahan-persembahan untuk menampilkan bakat kanak-kanak. Dan laginya isu kosmik saya dah jawab. Shisha ni pun keluar daripada tajuk tapi saya jawablah.

Kita Kelantan ini memang satu negeri yang mana tak benarkan operasi shisha. Lama tahun 1990 lagi dan juga vape kita tidak benar. Yang ada tu dibuat secara haram tetapi kenapa tak ada tangkapan dan laporan. Ada laporan kita terus buat serbuan dan 12 bulan saya musnahkan shisha 400 botol lebih shisha kita gelek, kita rampas. Berlaku rampasan. Kita selalu buat penguatkusaan sehari ke sehari. Vape kita buat tapi vape dia ada isu operasi bersepadulah. Vape ni dia punya kuasa bawah Jabatan Farmasi. Farmasi boleh tengok kandungan nikotin. Nikotin tu melebihi kandungan yang dibenarkan baru dia rampas. Kita tak boleh rampas. Kita hanya tengok syarat lesen.

Begitu juga *vape device* kita panggil. *Vape device* tu kita tak boleh rampas, kita lesen saja. Yang boleh merampas iaitu SIRIM. Yang mana *device* yang digunakan tiada kelulusan SIRIM, kita boleh rampas dan kita boleh musnahkan dan kita di pihak PBT memang kita tak pernah keluarkan lesen untuk vape ataupun shisha.

Seterusnya saya akhirlah, banyak Kota Lama saya tulis ni. Kota Lama pawagam. Pawagam ni ginilah, pawagam ni kita setakat ini kita tak bukalah. Tak buka kerana kita tengok manfaat kurang berbanding mudarat yang boleh timbul akibat pawagam. Kalau YB Kota Lama tengok yang 'viral', *posting* daripada Kelantan kita nama dop? Gi tunjuk suasana dalam pawagam. *Row* depan satu pasangan, *row* dua tiga kosong belakang baru ada. Ho dio wak benda tok molek lah. Berat. Malas nok sebutlah. Itu adegan dalam pawagam. Dan kita tak dapat pastikan mereka yang gi pawagam ni contohnya Kuala Krai mari kampung saya dok, mari Kota Bharu laki, perempuan. Hok jate ada motor, hok jate ada motor. Dia mari daripada Kuala Krai ke Kota Bharu tu sejam setengah, tok tahu gapo berlaku.

Lelaki sebeloh, tino sebeloh, tengoh ni keluarga, sejam setengah. Lepas tu dia tubik dia takup kelik. Hok takup ni kita takut. Ha lepas tu habis cerita pukul 11, nok balik mok maroh. Telefon mok takpolah angoh tido rumah

saim. Saim ni kita takut duduk mano saim. Ha tu kita tokleh nok baco jadi kita kiraسد الذرائع tu letok pagar awal-awal. Ambo gulung semalam pun kita Kelantan Tok Guru pagar pun awal-awal tapi ada benda krik sokmo. Jadi pawagam ni antara yang mengrik pagar kita. Semalam pun, tadi YB Kota Lama kata seolah-olah ambo bagitahu pada dia يَدْعُونَ إِلَى الْمُنكَرِ .

Tok betul ambo bukan peribadi ataupun tuju kepada bodi Kota Lama, ambo cerita kita Kelantan ni satu negeri Membangun Bersama Islam, kita menyuruh benda molek, kita menghalang benda tok molek. Tapi peringkat dasar negara, negara ni bukan bodi DUN mana-mana.

Masih lagi belum menghalang segala kemungkaran dengan kita punya *tag line* Madani tu. Madani pada ambo gak suruh benda molek, benda mungkar laranglah. Itulah sunnah kerajaan islam yang sebenar. Tapi kita mohon supaya ada usaha-usaha untuk menyekat benda-benda mungkar sebab kita nak jadikan negeri kita ini negeri yang mana menyuruh pada kebaikan dan mencegah pada kemungkaran supaya mendapat

بَلْدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ

Dan juga akhir sekali Tendong. Tendong terima kasih atas sokongan Tendong ambo tak ingin mengulas dan akhir sekali ambo memohonlah kepada semua penggiat seni di Kelantan supaya kita sama-sama sayangi kebudayaan kita, seni budaya kita yang mana kita ada seni asli. Dikir Barat, Dikir Barat. Ada ngarut-ngarut loni zaman Tok Guru. Arwah Tok Guru menang tahun 1990 diharamkan segala bentuk hiburan. Haram belako, dikir tokleh, mokyong tokleh, noro tokleh, Dikir Barat tokleh belako. Bakpo? Sebab kita mewarisi budaya-budaya sebelum tahun 1990. Sebelum 1990 ni Kelantan ni gak, ambo tahun 1990 tingkatan satu. Masa tu sekoloh Arab mujurlah. Jadi sebelum 1990 orang kato *Paris Of Malaya*, gelaran. Lepas tu ada tempat *'various park'* tu tok tahulah tempat. Kita orang kampungkan, macam-macam.

Cuma di tempat ambo, ambo kecik ambo ingat dulu ada pawagam di Kuala Krai ini sebeloh bangunan Tabung Haji, dok lepas Maghrib ambo sembahyang jemaahlah mugo ayoh ambo Tok Imam, dok. Tok dengar orang ngajar, lepas Maghrib empat, lima orang gatih basikal gi bandar. Kita congek basikal, dok kita pulas tayar. Kita guna dynamo key masa tu.

Tayang di panggung wayang bukan gi masuk tengok wayang, kita tengok sakelar… sakelar tu ambo ingat lagi sapa loni. Barang-barang tok molek tu masuk dalam palo pah ko hari ni nok royak. Barang tok molek kalu masuk nok tubik payoh. Sakelar tu tajuk filem "*Adam And Eve".* Nabi Adam, Nabi Hawa, dok. Jadi gambar terlanjang. Sakelar tu telanjang tok tahulah filem lagumano. Hok nok katonyo teruknya peninggalan sebelum daripada tahun 1990.

Arwah Tok Guru naik jadi MB dia batal belako. Terkejut habis. Maka hoktu cerdiknya arwah Tok Guru. Dia batal supaya sor Malaysia terkejut. Sudoh batal habis hiburan. Jadi sor sorang mari. Bank mari, bakpo Tok Guru batal? Molek kita wak transaksi dengan Kelantan. Dia kata boleh tapi ambo nok demo bukok akaun Islam. Sor boleh. Transaksi islam. Bakpo tu kita dikir molek-molek ni, haa boleh. Tapi demo kena buang kata-kata lucah. Benda-benda tok molek dalam seni ni ambo kena buang. Sini budaya molek untuk nasihat orang, tarik orang, guna seni dengan untuk dakwah. Dua boleh seni, pahtu nok wak wayang kulit. Hok tubik apa ni hok kayangan, tok kayangan benda khurafat.

Dia kata boleh buat. Wayang kulit moden. Tukar sikit tapi *still* wayang kulit. Mokyong boleh buat. Loni hok tokleh wak belako tu boleh semula tetapi dengan konsep yang baru. Arwah Tok Guru tok guno cara PMX, islamisasi. Tok guno. Mengislamkan benda payoh, dok. Tapi kita buat benda yang baru. Jadi lama-lama ambo sebut tadi kita jadi rujukan semua. Artis-artis yang telah berhijrah. Dato' tok pakai tudung mari jupo Tok Guru, Amy Search mari jupo Tok Guru. Awie jupo Tok Guru, dop. Pengiktirafan artis-artis terkenal dengan kaedah hikmah yang mana Tok Guru buat. Macam kita ni pun hari ni kita buat enakmen hiburan dengan 50 ribu diberi tunjuk sor Malaysia orang mari. Tok Guru wak hudud hoktu terkejut blako, hudud. Walaupun tak dapat laksana Alhamdulillah Brunei dapat laksana. Kita ni selaku ADUN dipilih kita laksana tugas kita sebagai pemerintah yang diberi kuasa laksanakan hukum-hukum Allah SWT di bumi.

Jadi ambo mitok merayu pada penggiat seni kita meraikan bakat anda tapi kalu Dikir Barat jangan wak masuk orang tino mari gelek. Hoktu luar tok tahu mari mano. Bukan orang Islam, bukan anak gadis melayu. Kalu dikir, dikirlah. Bakpo hok mari gelek puloknyo. Hoktu menyebabkan budak-budak kecil bagi dia oo rupanya dikir barat ni dia ada orang tino

mari lompat atas pentas gelek. Jadi punoh budok-budok. Rosak budaya kita sebenar. Kita nak kembalikan semula kesenian yang sebenar. Demo nok dikir, dikir yang sebenar. Ni lah warisan kita. Nok main wayang kulit, wayang kulit yang sebenar. Nok main gapo-gapo pun kita buat benda-benda yang mana tidak mencemar nama …

**YB DATO' DR. IZANI BIN HAJI HUSIN :**

Yang Berhormat Speaker, boleh ke nak mencelah sikit?

**YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH** :

Budaya kita …

**YB DATO' DR. IZANI BIN HAJI HUSIN :**

YB EXCO …

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

YB Hilmi, YB Dr. Izani nak mencelah …

**YB DATO' DR. IZANI BIN HAJI HUSIN :**

Sikit jah ambo nok tanyonyo, masa sebelum 1990, Tok Guru tutup habis beki semula ikut cara dia. Loni kalau napok tok dengar kata nok tanyo orang tu boleh tutup semula ko? Tutup boleh 2, 3 tahun, beki semula, dia turut semula baru kita bukok pulok. Boleh ko lagu tu?

**YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH** :

Ya terima kasih Yang Berhormat Tok Guru ambolah. Bahagian sekat lesen. Jadi dia berlaku sedikit berbeza. Zaman Tok Guru dulu memang berat benar la. Berat benar. Orang kato nok gi alik Siam tok payoh gi. Kota Bharu pade Kelantan tahun 1990. Nok beki tu tak mampu. Kita punya pentadbiran pun tok pehe lagi. Apa tu "Membangun Bersama Islam". Rakyat pun laro. Sebab ambo kato benda-benda hok tok molek dia masuk ni mudoh tersebar, kita nok kikis tubik ni kan payoh sebab Tok Guru sekat belako. Kita bina semula zaman tu. Kita pun dah bawah tiga dasar "Membangun Bersama Islam", "Merakyat Membangun Bersama Islam", penghayatan tapi kita tengok …

**YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :**

Yang Berhormat Speaker, minta laluan juga sebab Kijang minta laluan tadi, Jelawat pun minta laluan. Terima kasih YB EXCO. Mengikut statistik DOSM tahun 2022 berhubung dengan kesalahan jenayah seksual di Malaysia. Selangor 807, Sabah dan Labuan 300, Kuala Lumpur dan Putrajaya 283, Johor 269, Pinang 264 dan Kelantan dibawah 153.

Dan kalau mengikut Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan *Mobility* 2022, berhubung dengan kes alkohol, Kelantan 6.4, Johor 18.7, Pulau Pinang 30.4, Sabah 22.2, Sarawak 44, Kuala Lumpur 22. Di semua statistik ini adakah EXCO, Yang Berhormat EXCO setuju dengan saya bahawa statistik berhubung dengan arak, alkohol ataupun jenayah seksual ini sebenarnya ada kaitan dengan hiburan yang melampau, yang biasanya melalaikan dan biasanya sudah ataupun habis program tu lepas pukul 12 malam dan mereka ada peluang untuk melakukan sama ada minum arak, alkohol ataupun melakukan jenayah seksual ini. Terima kasih itu saja.

**YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH** :

Nok pengesahan la dok? Pengesahan ni dia refleklah, reflek, reflek. Setujulah dengan apa ni *survey* darpada DOSM tadi. Kita ni Kelantan ini sebenarnya seolah menjadi *filter,* penapis pada benda-benda hok mari Thailand di Kelantan ini, kalu dadah ni sakut kita dulu. Sakut kita tu ber tan-tan dadah tu dirampas bukan orang Kelantan guna tapi dirampas di tempat kita. Jadi dalam rekodnya macam kita gunalah. Tapi jumlah rampasan berlaku di Kelantan. Ha itu antara masalah kita.

Kalau kata Malaysia ni bukan Kelantan loni lah ambo raso beratlah. Jadi kerajaan Malaysia kena bersyukur Kelantan, Kedah, Perlis yang jadi *filter* kepada untuk mengurangkan budaya bergejala ataupun jenayah yang dibawa daripada sempadan untuk masuk di tempat kita.

Jadi ambo rasa itu sahajalah ambo rasa cukup setakat itu dan ambo harap sokongan daripada semua sama-sama kita bersatu, wakil rakyat yang dilantik rakyat untuk bersama-sama kita memastikan segala hiburan yang kita anjur yang dilaksanakan oleh NGO, PRT, anak-anak muda kita patuh pada enakmen yang kita akan luluskan dan ini untuk kita pastikan anak-anak muda kita, masyarakat kita itu masing-masing menjadi rakyat yang mana mempunyai nilai-nilai moral yang tinggi, mempunyai akhlak, akhlak yang tinggi. In sha Allah kita dapat hidup dalam suasana yang

harmoni dan bahagia, in shaa Allah. Sekian saja untuk penggulungan saya akhiri dengan Assalamualaikum WBT.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan Dato' Dr. Fadzli Bin Haji Hassan untuk membuat penggulungan.

**YB DATO' DR. HJ MOHAMED FADZLI BIN DATO' HJ HASSAN :**

أعوذ بالله من الشيطان الرجيم

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين, والصلاة والسلام غلى أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصهبه أجمين

رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي* وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي* وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِّن لِّسَانِي * يَفْقَهُوا قَوْلِي

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, yang pertama saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang telah dibentangkan oleh Exco berkenaan dengan Rang Undang-Undang Kawalan Hiburan Dan Tempat Hiburan Kelantan dan juga penggulungan yang telah dibuat. Kalau saya boleh bagi markah saya bagi A+ di atas penggulungan. Siap, lengkap, menjawab persoalan dan saya sangat berpuas hati. Saya kira Ahli-Ahli Yang Berhormat juga sangat berpuas hati di atas penjelasan tersebut dan saya juga mengucapkan tahniah pada semua yang mengambil bahagian dalam perbahasan tersebut sama ada di pihak kerajaan ataupun di pihak pembangkang semuanya menyokong, ya.

Dan kita semua adalah mewakili rakyat bukan di sebelah pembangkang sahaja mewakili rakyat. Kita semua yang ada ini semuanya mewakili rakyat. Kita dipilih oleh rakyat dan dalam pilihanraya yang lepas golongan muda telah bersama dengan parti yang memerintah Kelantan ini. Maknanya golongan muda bersama dengan kita. Dan kita juga mewakili golongan muda. Saya nak sebut ya bukan Barisan Nasional atau

Pakatan Harapan sahaja mewakili golongan muda, kita juga mewakili golongan muda dan saya bangun untuk penggulungan sebagaimana yang diberikan, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberikan ruang kepada saya untuk menggulung walaupun lengkap sangat memuaskan. *Excellent*, cemerlang kita berikan kepada pembentang Yang Berhormat EXCO tadi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat saya bangun bukan untuk mengajar Ahli-Ahli Yang Berhormat di sini sebab saya cukup faham tentang pengalaman, ilmu yang ada kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat. latar belakangnya semua hebat-hebat daripada golongan professional, asatizah sampailah kepada agamawan dan juga sampailah kepada aktivis masyarakat. Dan bersama dengan kita juga ada pegawai, ada tetamu yang memang mempunyai pengalaman yang luas dan juga mempunyai ilmu yang tinggi. Tetapi perbahasan kita di dewan ini rupa-rupanya disiar keluar secara *live.* Jadi ramai orang rakyat dapat mengikuti perbahasan kita di sini.

Jadi mereka mempunyai latar belakang yang berbeza daripada kita mungkin, ada yang sama, ada yang berbeza dan ada yang merupakan rakyat biasa yang memerlukan kepada panduan, pedoman dan juga penjelasan.

Jadi di sini saya bangun untuk memberikan sedikit latar belakang supaya mungkin ada yang keliru dan menganggap apabila banyak perbahasan dengan menggunakan pelbagai bahasa. Jadi maksud pelbagai bahasa tadi ialah cara penyampaian. Mungkin juga ada yang keliru yang mungkin menganggap bahawa kita kerajaan ingin menyekat. Manakala pembangkang mewakili rakyat ha itu perlu diperjelaskan kepada rakyat semua. Itu maksud kenapa saya bangun bagi menggulung walaupun ianya telah dijelaskan oleh EXCO yangmembentangkan ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker dan juga semua Ahli-Ahli Yang Berhormat kita adalah wakil rakyat yang mewakili rakyat. Dalam masa yang sama kita ialah pembuat undang-undang ataupun dipanggil sebagai *the legislator*. Dalam sebuah negara yang moden kita tahu, dalam dewan, dewan ini ada tujuh orang pengamal ataupun Ahli Undang-Undang. Sebab itulah dibahaskan tadi mengikut undang-undang. Jadi saya nak bagitahu bahawa dalam sebuah negara moden dia panggil *the apparatus of the modern government.* Dia ada tiga institusi yang penting. Satu *legislator,*

yang kedua dia panggil *executive,* dan yang ketiga dia panggil *judiciary.* Itu semua kita faham ya. Dalam Bahasa Arab dia ada التشريع dia ada تَنْفِيذ dan dia ada القضاء ini sistem.

Dalam islam pun begitulah. Dan ditulis dalam, dalam sistem perundangan islam pun ada tiga begitu. Kita termasuk dalam apa yang dipanggil sebagai pembuat undang-undang. Nantinya akan ada yang melaksanakan undang-undang itu. Kita yang membuat undang-undang jangan kita mempersoalkan yang melaksanakan undang-undang kerana mereka ada peraturan. Ada kaedahnya. Dan nantinya kalau kita tidak berpuas hati dengan orang yang melaksanakan undang-undang dia ada satu lagi iaitu *judiciary*. Rakyat yang tidak berpuas hati yang menganggap bahawa undang-undang ini dibuat comel doh tapi perlaksanaannya tak betul. Ada kekurangan ya, ada penyelewengan. Maka ada satu lagi institusi yang dipanggil sebagai *judiciary* atau القضاء.

Disitu mana-mana sahaja boleh bawak dan disitulah tempat untuk kita mendapat keadilan, ya. Sebab itulah dalam hal itu kita di sini kita membuat undang-undang sebaiknya. Semua yang berbahas tadi menyumbang untuk memperbaiki undang-undang tersebut tetapi jangan sekali-sekali kita bermaksud untuk *interfere* dengan makna kata kita seolah-oleh menggambarkan ketidakpercayaan kita kepada orang yang melaksanakan undang-undang iaitu dari pihak *executive.*

Yang Berhormat Dato' Speaker, semalam saya ada membaca sepotong ayat Al-Quran dan di sokong oleh ayat Al-Quran yang lain البلدة الطيبة dan dalam ayat Al-Quran yang lain بَلْدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُور

Itulah yang menjadi hasrat kita Yang Berhormat Dato' Speaker. Sebab itu kita katakan bahawa kita ada Enakmen Kawalan Hiburan. Saya tidak pasti sama ada negeri-negeri lain juga ada enakmen yang berupa sebegitu. Dan kalaupun mereka ada mungkin mereka ada tetapi intipatinya saya juga kurang pasti adakah ia sama dengan apa yang kita maksudkan.

Tetapi matlamat utama daripada kenapa kita buat undang-undang ini bagi menggantikan undang-undang yang lama. Ya nak ganti bukan kita

nak buat pindaan, kita nak ganti. Undang-undang yang lama pada tahun 1998. Berjalan orang menganggap bahawa kita nak mengekang. Rupanya kita difahamkan tadi hanya ada satu sahaja pendakwaan dalam tempoh tersebut. Maknanya kita bukan, bukan sekali-kali nak mengekang, tidak. Cuma kita nak kaji yang kita cuba untuk mengatur susun, kita cuba untuk mendidik.

Kalau kita nak sembahyang hatta kita nak solat sekalipun ada kaedah dan caranya. Itu kita nak mendekati Allah SWT. Ada cara dan kaedahnya. Maka islam datang untuk mengatur kehidupan kita bukan saja soal kita nak sembahyang tapi dalam segenap kehidupan kita. Dan kita sebagai orang yang bertanggungjawab diberikan Allah amanah untuk duduk di sini mentadbir masyarakat maka kitalah orang yang bertanggungjawab untuk bagaimana menyusun, mengatur kehidupan negeri kita termasuklah juga mendidik rakyat memberi pedoman, memberi nasihat dan dalam masa yang sama mengatur kehidupan rakyat kita.

Sebab itulah kita kena ingat ya Alhamdulillah negeri yang kita ini negeri yang 95% adalah Muslim. Dalam masa yang sama orang-orang bukan Islam Alhamdulillah kita contoh perpaduan yang saya rasalah yang kita kata terbaiklah Alhamdulillah, ya kita kata terbaiklah. Kalau kita tidak terbaik pun kita boleh kata *second to none.*

Sebab rakyat Kelantan ini Cina ke, Siam ke, India ke, boleh hidup dan boleh bertutur dalam Bahasa Kelantan dan mereka lebih suka begitu cara hidup pakai kain pelikat dan sebagainya. Jadi Alhamdulillah mereka selesa dalam keadaan yang ada pada hari ini. Sebab itulah ya kita sebagai pemimpin, Allah SWT memberikan amanah ini dan para ulamak dia telah menetapkan dalam kaedah dia تصرف الامام على الرعية منوط بالمصلحة

Kerajaan, pemimpin yang memerintah, yang mentadbir negeri, yang mentadbir negara mestilah mentadbirnya mengikut maslahah. Apa itu maslahah? Maslahah itu bermaksud apa yang mendatangkan kebaikan kepada rakyat. Apa yang mendatangkan kemaslahatan, kebaikan kepada rakyat? Apa kebaikan kepada rakyat? Kebaikan kepada rakyat bukan mengikut akal pemikiran kita.

وَعَسَى أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَهُوَ خَيْرٌ لَكُمْ وَعَسَى أَنْ تُحِبُّوا شَيْئًا وَهُوَ شَرٌّ لَكُمْ

Kadang-kadang kalau ikut pemikiran kita, kita anggap benda itu baik. Tapi sebenarnya ia adalah merosakkan kita. Kadang-kadang kita menganggap benda itu buruk tapi sebenarnya ia adalah untuk kebaikan kita. Sebab itulah apa yang dikatakan maslahah itu adalah apa yang ditentukan oleh Allah SWT bukan mengikut neraca pemikiran kita.

Jadi apabila pemerintah itu diwajibkan منوط بالمصلحة Maslahah itu adalah mengikut peraturan-peraturan Allah SWT. Dalam hal ini ulamak mengkaji keseluruhan perintah Allah dalam Al-Quran dan Al-Sunnah. Akhirnya para ulamak, para usuluddin membuat kesimpulan bahawa semua perintah-perintah Allah SWT, semua larangan-larangan Allah SWT yang ada dalam Al-Quran, yang ada dalam hadis Nabi SAW adalah untuk satu benda sahaja. Iaitulah menjaga الضروريات الخمس menjaga lima perkara asas bagi kehidupan manusia di atas dunia. Iaitulah yang pertama dia panggil حفظ الدين agama. Semua peraturan, perintah, wajib ataupun haram adalah yang pertama untuk menjaga agama.

Yang kedua semuanya perintah larangan oleh Allah SWT untuk

حِفْظ النَّفس

jaga manusia, diri manusia, nyawa manusia yang ketikanya adalah untuk حفظ العقل menjaga pemikiran, akal manusia.

Yang keempat adalah حِفْظ النَّفس untuk menjaga keluarga dan nasab keturunan manusia. Yang keseterusnya yang kelima adalah untuk menjaga حفظ المال . Menjaga harta manusia.

Kenapa orang mencuri dihukum dengan hukuman yang berat jika sabit kesalahan? Potong tangannya. Kalau tak sabit tak boleh. Kenapa untuk menjaga harta? Kenapa diharamkan arak? Untuk menjaga akal. Kenapa membunuh dihukum qisas? Untuk menjaga nyawa. Kenapa orang murtad dihukum dengan seberat-berat hukuman? Untuk menjaga agama dan sebagainya.

حلالا طيبا makanlah bukan sahaja makanan yang halal tetapi makanan yang baik, kenapa? Untuk menjaga tubuh badan dan juga akal yang sihat. Kenapa haramnya zina? Untuk menjaga keturunan. Inilah ya, maka kita kerajaan sentiasa berusaha atas maslahah itulah. Untuk menjaga kelima-lima perkara itulah. Sebab itulah kita sentiasa berfikir untuk membuat bagaimana kaedahnya supaya yang dikatakan sebagai *objective of the Syariah* tadi yang dikatakan sebagai matlamat syariat itu diturunkan tadi.

Ya yang dikatakan sebagai مقاصد الشريعة tadi dapat kita laksanakan kerana apa? Kerana ia memang menjadi tanggungjawab kita. Makanya kita mesti buat peraturan dan juga undang-undang sebab kita kerajaan. Matlamat dari kita buat satu-satu undang-undang, satu-satu peraturan ini adalah جَلب المصلحة untuk kita mencapai tujuan kemaslahatan kepada rakyat tadi. ودرء المفاسد dan menjauhkan segala kemudharatan kepada rakyat. Itu kaedah yang telah ditentukan oleh para ulamak. Sebab itulah ada dia panggilودرء المفاسد .

Cara kita menterjemah, cara kita mengaplikasikan, cara kita membuat hukum hakam adalah antaranya melalui سد الذرائع. Kadang-kadang kita tengok benda itu baik. Tetapi lebih baik kita sekat awal-awal kerana hujungnya nanti boleh membawa kepada keburukan. Ha itu سد الذرائع.

Jadi inilah yang kita buat ini setelah begitu lama kita ada enakmen tersebut kita buat baru bukan sebab kita nak memperketatkan, bukan sebab kita nak menghalang sebaliknya perkembangan semasa, bentuk hiburannya, kecanggihan teknologi dan sebagainya itu. Maka kita rasakan bahawa kita perlu perluaskan juga dengan luasnya aktiviti masyarakat undang-undang juga mesti kita luaskan supaya ianya tidak berada di takup 1998. Supaya ianya ada satu peruntukan yang khas bagi memudahkan pihak eksekutif melaksanakan tanggungjawabnya.

Hiburan yang ada pada hari ini tidak ada pada tahun 1998. Begitu juga dengan alat yang ada pada tahun ini pada tahun itu tidak ada. Dan juga tujuan daripada kita, kita buat undang-undang baru. Ini bukan kita nak

kata bahawa undang-undang lama itu tidak bagus. Dalam konsep undang-undang apabila satu-satu undang-undang itu dibuat, ya perlembagaan bukan main susah nak pinda perlembagaan tapi semenjak daripada merdeka sampai sekarang sudah berpuluh ataupun beratus kali perlembagaan itu dipinda bukan apa yang ada dulu tidak bagus. Tetapi yang ada dulu sesuai untuk waktu itu.

Sekarang ini kita lihat aktiviti muda-mudi itu berkembang dan kita kena berkembang sekali dengan aktiviti mereka, memperluaskan. Mungkin undang-undang yang ada dulu menyekat kebebasan mereka maka kita perluaskan sesuai dengan keadaan yang ada pada hari ini. Ya kita nak memudahkan lagi. Kita nak mengajak supaya datang ke Kelantan. Buat apa sahaja di Kelantan. Kita pandu mereka, mereka datang ke Kelantan. Boleh ke tidak buat begini. Kita kata boleh buat begini.

Allahyarham Tok Guru tiba-tiba membenarkan Mawi datang ke Kelantan. Semua orang takboleh nak terima akal tapi apabila Mawi datang ke Kelantan masa tu baru orang melihat bahawa bagaimana persembahan Mawi dan kita boleh melihat bagaimana ia ditempat penonton-penonton itu dipisahkan lelaki dan juga perempuan. Sebelum itu mungkin tidak ada perkara yang sebegitu.

Dan sekarang orang boleh melihat kalau kita nak buat ada caranya. Orang yang sama mahu Mawi juga. XPDC tu sudah beberapa kali saya difahamkan dia membuat persembahan di Kelantan. Malah ada yang dirasmikan oleh EXCO Kerajaan Negeri sendiri pun. Bukan kita haramkan XPDC. Kita haramkan, bukan kita haramkan sebenarnya cuma kita kuatkuasakan undang-undang apabila ianya tidak dipatuhi. Haram dalam konteks islam ini ada dua Ahli-Ahli Yang Berhormat. Satu, حرم لذاته haram dengan sebab awal-awal lagi dia haram. Daging khinzir sebab apa pun dia haram daripada awal lagi.

Yang kedua, haram ni حرم لغيره maksudnya *because of something else.* Dia tu halal. Tapi ada benda lain yang masuk. Jadi dia haram. Tiba-tiba ada benda lain masuk apabila kita sekat persembahan Dikir Barat sebagai contohnya bukan kita haramkan persembahan dikir barat tapi masuk unsur-unsur yang haram tadi. Tiba-tiba penganjur baguslah. Dia jemput persembahan Dikir Barat. Ya memang bagus. Baik kata-katanya dan

sebagainya. Tiba-tiba entah yang entah dari mana lompat ke atas pentas perempuan pulak tu, dengan pakaian yang mungkin menjolok mata kemudian buat tarian gerudi kat situ maka dia jadi haram. حرم لغيره, haram sebab adanya unsur yang diharamkan tadi maka waktu itu kita kena sekat. Sekat itu bermaksud bukan kita sekat pertunjukkan, Dikir Barat tidak.

Persembahan dikir barat tak salah pun dia. Penganjur tak salah pun dia. Dia mana tahu ada orang melompat kat atas maka kita kena hentikan. Ha itu ya. Jadi di sini maksud saya adalah dalam peraturan ini ada kaedah-kaedahnya. Bukan kita laksanakan secara semborono sebegitu sahaja.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dikasihi sekalian, saya nak berbalik kepada kenapa kita gantikan tadi. Dalam aspek undang-undang ya kadang-kadang kita ganti dengan sebab tadi dengan sebab yang telah saya sebutkan. Yang keduanya ada *loophole* ada kelemahan-kelemahan. Yang ketiganya ada, ada benda-benda yang kita perlu masukkkan sesuai dengan peredaran zaman dan sebagainya. Undang-undang ini dia ada berbagai *approach*, dia ada *golden approach*, dia ada *golden purpose* dan *literal*, caranya. Jadi kita melihat semua perkara-perkara tersebut dan kita pilih satu yang terbaik untuk rakyat.

Jadi saya sekali lagi saya nak sebut bahawa datang ke Kelantan terutamanya dalam tahun ini. Buatlah nak buat Food Festival ataupun apa saja. Ya Dato' EXCO Perlancongan, Ahli-Ahli Yang Berhormat sedar ataupun tidak tema perlancongan tahun 2024 Kelantan adalah 3F. *Food, Family And Festival.* Makan orang datang ke Kelantan memang untuk makan. Jangan lupa bawak keluarga, *family*. Dan *festival*, perayaan. Macam-macam perayaan yang kita ada. Macam-macam *festival* yang kita ada bawak ke sini. Bila bawak ke sini. Kita pun boleh berhibur bersama dengan keluarga kita, rakyat boleh mencari rezeki dan ekonomi kita semakin rancak, wang kita bertukar aktif daripada seorang ke seorang kita boleh membina generasi berekonomi keusahawanan dan sebagainya.

Kita nak buka sesiapa sahaja. Tinggal lagi mana tempat yang kita pergi ada peraturan. Di situ kita nak bagitahu bahawa ini sahaja peraturan yang kita ada. Mana boleh negara tidak ada peraturan. Nak membentuk sebuah negara, nak membentuk sebuah negeri selain dari sempadan dia mesti

ada kerajaan dan juga dia mesti ada peraturan. Itu tiga asas kepada negara moden.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita nak jadikan negeri Kelantan contoh ya, kita nak jadikan Kelantan ni contoh ya. Hari ni ya mungkin ada orang yang menyebut itu sahaja yang Kelantan buat, sentiasa nak menyekat. Tapi suatu hari nanti mereka akan dapat melihat apa yang kita buat, Alhamdulillah. Waktu itu sekali lagi kita akan menjadikan contoh kepada orang lain dan ambiklah apa yang kita buat ini untuk dilaksanakan di negeri tuan-tuan. Tok Guru dulu masa dia memperkenalkan pelbagai dasar pada mula-mulanya dicemuh. Cuti dua hari seminggu, bilik tiga, rumah tiga bilik ya dan sebagainya tetapi akhirnya ditiru dengan rasa malu-malu oleh orang lain, Alhamdulillah.

Yang ni pun kita nak buat supaya orang lain dapat melihat kalau ada kelemahan-kelemahan mereka boleh baiki dan mereka boleh dilaksanakan mereka dapat pahala In Shaa Allah kita dapat pahala.

Tuan-tuan yang dihormati lagi dikasihi sekalian, kita nak *filter* tadi. Kita nak rakyat kita baik. Sebab negeri kampung halaman individu ini boleh membentuk masyarakat yang baik. Ada satu kisah, Nabi SAW sendiri yang saya sahkan dengan Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang, hadis ini متفق عليه tuan-tuan pernah dengar hadis yang ada dalam sahih Al-Bukhari dan juga Muslim yang diriwayatkan oleh Sa'I Al-Kudhri sahabat Nabi SAW, hadis Sa'I Al-Kudhri. Hadis ini ada juga dalam Iman An-Nawawi dalam bab taubah bagaimana saya tak nak baca matan hadis tu dalam Bahasa Arab dia panjang.

Nak ceritanya ada seorang yang ganas yang membunuh 99 orang. Dia dah bunuh 99 orang Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kemudian timbul rasa keinsafan. Akhirnya dia cari bagaimana kaedah untuk kembali kepada agama. Dan dia ditunjukkan kepada seorang ahli ibadah. Kuat ibadah dia. Tetapi kurang ilmu dia. Kurang hikmah dia. Dan orang ini jumpa dengan ahli ibadah dia tanya, Syeikh, tuan saya telah membunuh 99 orang. Bolehkah saya bertaubat?

Ahli ibadah tersebut dia kurang ilmu dan juga kurang hikmah, dia kata 99 orang *no way* tak boleh taubat lagi dah. Kamu dalam neraka. Tiba-tiba dia marah, hati dia keras. Dibunuhnya orang itu. Jadi 100. Kemudian dia tanya adakah tidak orang yang alim di tempat ini untuk saya jumpa dia

dan dia ditunjukkan kepada orang alim. Dia pergi cari orang alim itu dan dia tanya ya, dia tanya orang alim itu dia bagitahu cerita dia. 99 orang dah dia bunuh dan baru sehari dua lepas la mungkin atau tadi la mungkin saya ada bunuh seorang lagi. Orang itu pulak kuat ibadah. Boleh ke tidak saya bertaubat? Si Alim, ya dia alim. Sebab itu dia boleh jawab dengan cara berhikmah. Dan itu pun kaedah mengikut cara islamiah. Dia kata tidak ada halangan untuk kamu bertaubat kepada Allah SWT walaupun kamu membunuh 100 orang yang tidak berdosa sebelum ini. Jadi itu antara kamu dengan Allah SWT.

Dia rasa sangat gembira, sangat suka. Bagaimana caranya wahai Si Alim. Orang alim itu bagitahu kepada dia ya انْطَلِقْ إلى أرض كذا وكذا. Kamu pergi ke satu tempat. فإنَّ بها أُناسًا يَعْبُدُونَ اللَّهَ فاعْبُدِ اللَّهَ معهُمْ di sana kamu dapati manusia di sana berhambakan dirinya kepada Allah SWT maka di situ kamu bertaubat. Dan perhambakanlah diri kamu kepada Allah SWT bersama dengan mereka. ولا ترجع إلى أرضك Jangan kamu balik kepada tempat asal kamu. Jangan kamu balik ke rumah kamu kampung halaman kamu فإنها أرض سوء kerana tempat kamu itu adalah tempat yang tidak baik. Tempat yang banyak maksiat.

Kalau kamu nak jadi baik pergi cari satu tempat yang baik yer dan dia Alhamdulillah Allah SWT campakkan kepada dia keinginan itu dan dia berjalan untuk pergi ke tempat yang ditunjukkan oleh si alim tadi. Tiba-tiba, tiba di pertengahan jalan dia meninggal dunia. Mati dia. Bila mati malaikat rahmat dengan malaikat azab datang. Malaikat rahmat kata orang ini nak bertaubat, syurga dia. Malaikat azab kata dia sudah bunuh 100 orang, dia belum lagi sempat ke sana. Dia masih lagi di pertengahan. Aku nak bawak dia ke neraka. Bergaduh, istilahnya bergaduhlah ya, istilahnya apa? Begitulah lebih kurang antara dua malaikat. Ini berlaku pada Bani Israel ya bukan umat Nabi Muhammad SAW, Bani Isreal. Tapi diceritakan oleh Nabi kita Muhammad SAW.

Dalam keadaan keduanya tadi berbahasnya Allah SWT mengutuskan seorang lagi malaikat. Ada yang kata dalam dia datang dalam bentuk manusia, kenapa? Maka kedua-duanya menceritakan tentang apa yang berlaku. Maka malaikat tadi kata, ukur. Ukur daripada sini ke tempat

kampung halaman dia dan sini ke kampung halaman yang dia nak tuju. Mana lebih dekat? Kalau dekat kepada kampung halaman, kamu malaikat azab kamu ambil. Kalau dekat kepada tempat yang dia nak tuju untuk bertaubat, kamu malaikat rahmat kamu ambil. Maka ukur.

Dan ada Riwayat yang mengatakan Allah SWT perintahkan kepada bumi di sebelah kebaikan untuk jadi dekat, rapatkan ya. Ada satu riwayat begitu. Dan maka apabila di ukur dekat sekitar شبرا. Sejengkal sahaja ke tempat yang dia nak tuju untuk dia bertaubat. Ada riwayat kata Allah SWT yang arahkan bumi supaya begitu. Maka dia di ambil oleh malaikat rahmat.

Nak ceritanya banyak pengajaran daripada hadis itu. Taubat, sesiapa sahaja boleh bertaubat walaupun banyak mana kesalahan. Tapi yang relevan dengan apa yang kita nak lakukan di sini adalah kita secuba seboleh mungkin untuk menjadikan negeri kita ini طيب bukan sahaja ada رب الغفور. Tuhan yang redha kepada negeri kita. Kita tidak mampu sebenarnya untuk buat 100% tetapi sekurang-kurangnya kita berusaha. Ada kelemahan, ada kelemahan dan ini kita baiki lagi. Akan ada lagi Rang Undang-Undang nanti untuk membaiki sebarang kelemahan di situ In Shaa Allah. Dan inilah jangan, jangan kita tak buat langsung, kita, kita buat.

Dan Kota Lama, Kota Lama. Saya mengambil kesempatan, saya setuju Kota Lama sokong, Galas sokong, Nenggiri sokong, terima kasih. Tetapi saya, saya agak terkilan apabila Kota Lama kata tadi walaupun menyokong sebab itu saya bangun untuk memberikan penjelasan. Saya takut orang dibawah sana kurang faham nanti buat kesimpulan. Bukan saja orang dibawah sana tapi saya takut nanti ada orang yang masuk dalam Facebook ke TikTok ke, dalam laporan dan sebagainya istilah "kamu buat boleh, kami buat tak boleh". Istilahnya apa tadi yang digunakan tadi ya? Bukan, bukan *double standard* itu satu. Satu istilah yang saya, ayat yang digunakan tadi, ya. Kita buat takpolah, orang lain, kita buat boleh, orang lain buat, tokleh. Begitu ya.

Kita, kita edih kalau itu berlaku. Tapi kita mintak tunjuk bukti tadi secara spesifik. Sebab kalau betul-betul itu kita nak tengok siapa dan kenapa?

Kita nak panggil orangnya kenapa, berlaku sebegitu? Sebab kita tak nak benda itu berlaku. Tetapi YB tak menunjukkan secara spesifik. Di mana? Kesalahannya apa? Siapa? Saya bimbang benda ini akan di ambil dan disebarkan oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab.

Sebab itulah saya minta supaya mereka juga mendengar penjelasan ini. Penjelasan daripada EXCO kita dan sebagainya. Kalau betul ada selepas daripada ini terus laporkan kepada Pejabat Menteri Besar kepada saya. Tapi kena buktilah. Begitu juga apabila kita membentangkan, bertanyakan soalan berbahaskan di sini, istilah itu saya tahu. Istilah itu digunakan oleh setengah-setengah daripada penulis dalam media sosial untuk memburukkan pihak-pihak tertentu termasuklah juga memburukkan Kerajaan Negeri.

Kalau kita ambik istilah itu nantinya ia akan jadi galak di media sosial. Sedangkan kita tidak dapat membuktikan kes secara spesifik di mana. Jadi saya harap benda-benda yang sebegini kita kena, bukan saja Kota Lama, atau bukan pembangkang tetapi pihak kerajaan juga. Jangan ikut orang lain, negeri lain tapi kita kena tunjukkan bagaimana sepatutnya ya di sini.

Dan akhirnya, saya bersama dengan EXCO Kerajaan Tempatan, kita ingin nasihatkan kepada semualah. Yang pertama kepada penganjur. Ikut peraturan tidak ada masalah sedikit pun, ikut peraturan. Patuhi peraturan. Dalam masa yang sama kena berhati-hati ya. Nantinya penganjur akan mendapat nama yang tidak baik sebab tadilah. Apa yang berlaku katanya dua tahun lepas itu di mana di salah satu daerahlah ya. Apa yang berlaku itu penganjur tak tahu pun tiba-tiba ada orang melompat naik buat tarian gerudi. Katanya lah begitu. Kena berhati-hati sebelum di ambil tindakan dan sebagainya, penganjur sendiri sebab nantinya rosak namanya.

Yang kedua, para artis. Artis luar Kelantan datang ke Kelantan Alhamdulillah, dia bertudung dan sebagainya kerana mereka faham dan mereka tahu artis-artis yang ada ni banyak buat persembahan di Kelantan. Jadi mereka faham. Dalam hal itu, kita nak jugak supaya artis ini sedikit sebanyak difahamkan oleh pihak penganjur apa yang sebenarnya dibenarkan di Kelantan dan apa perkara-perkara yang menjadi undang-undang Negeri Kelantan ini yang tak boleh dilanggar

kerana Kelantan nak jaga rakyatnya. Begitu ya. Di lain tempat mungkin dibenarkan tetapi tidak sesuai keadaannya di Kelantan.

Dan yang ketiga begitu juga penonton. Saya rasalah apa yang berlaku di UMK itu bukan semuanya pelajar UMK, mungkin orang luar pun yang datang ke situ. Tapi yang disebut sebut namanya akhirnya UMK. Tak pasal-pasal. Sedangkan yang datang 10 000 ataupun lebih daripada itu tu mungkin orang luar, begitu. Jadi dalam hal ini kita nak jaga semua saja asalkan berada di sini tertakluk kepada undang-undang dan peraturan enakmen ini. Kita nak jaga semua orang. Daripada negeri, negerinya kenapa? Kerana nantinya tadilah ada orang yang akan mengambil kesempatan sengaja datang antara 10 000 yang datang itu ada yang sengaja datang bawak kamera nak cari di mana point-point yang boleh dijadikan sebagai alasan untuk memburukkan, tengok negeri Pak Lebai istilah dia. Negeri lebai pun ini boleh berlaku. Kata saja kepimpinan ulamak, tak pasal-pasal kita yang berada dalam dewan ini kena.

Sedangkan kita dah buat undang-undang yang baik, yang kita telah bincangkan. Dan apabila disebut nama, saya, saya juga pernah duduk di universiti satu masa dulu. Ada juga yang terlibat dengan pentadbiran. Kita tahu universiti ini tempat mengasuh, tempat mendidik anak-anak kita. Tempat kita menyampaikan ilmu pengetahuan dan budi bahasa. Di tempat saya dahulu dia kata apa *garden of knowledge and virtue.* Ini adalah taman untuk mencari ilmu dan juga membina sahsiah.

Jadi dalam hal ini saya rasa tempat-tempat yang sebegini. Mengutamakan pendidikan dalam masa yang sama adalah mendidik supaya pelajar-pelajar kita nanti boleh menjadi contoh tauladan kepada orang lain. Dan saya yakin apa yang berlaku kepada UMK itu bukan salah UMK tetapi yang menganjurkan itu ia perlu bukan saja patuh daripada awal lagi tetapi hendaklah perhatikan. Kadang-kadang tak pasal-pasal dengan sebab perbuatan orang lain nama kita yang rosak.

Dalam hal itu sekali lagilah saya buat kesimpulan terima kasih kepada semua yang telah memberikan pandangan daripada kedua-dua belah pihak. Kita semuanya menyokong. Kita laksanakan dahulu. Nanti kalau ada kelemahan kita boleh baiki di mana-mana In Shaa Allah ruang yang kita ada cukup-cukup luas dan daripada masa ke semasa kita baiki In Shaa

Allah apa yang kita nak sebut adalah apa yang kita buat ini adalah untuk mencapai بَلْدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُور

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada di hadapan kita sekarang ialah satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

**SUATU ENAKMEN BERTUJUAN UNTUK MENGADAKAN PERUNTUKAN BAGI KAWALAN DAN PELESENAN HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT HIBURAN DAN UNTUK MENGADAKAN PERUNTUKAN BAGI PERKARA-PERKARA YANG BERKAITAN DENGANNYA**

hendaklah dibaca bagi Kali Yang Kedua.

**SETIAUSAHA : SUATU ENAKMEN BERTUJUAN UNTUK MENGADAKAN PERUNTUKAN BAGI KAWALAN DAN PELESENAN HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT HIBURAN DAN UNTUK MENGADAKAN PERUNTUKAN BAGI PERKARA-PERKARA YANG BERKAITAN DENGANNYA**

[ TINGKATAN JAWATANKUASA ]

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :** Sekarang Dewan bersidang sebagai **Jawatankuasa.**

**[ COKMAR DITURUNKAN ]**

**SETIAUSAHA :** Fasal 2

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :** Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 3

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :** Fasal 3 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 4

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :** Fasal 4 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 5

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :** Fasal 5 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 6

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :** Fasal 6 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 7

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :** Fasal 7 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 8

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :** Fasal 8 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 9

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :** Fasal 9 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 10

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :** Fasal 10 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 11

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :** Fasal 11 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 12

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :** Fasal 12 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 13

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :** Fasal 13 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 14

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :** Fasal 14 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 15

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :** Fasal 15 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 16

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :** Fasal 16 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 17

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :** Fasal17 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 18

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :** Fasal 18 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 19

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :** Fasal 19 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 20

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :** Fasal 20 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 21

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :** Fasal 21 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 22

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :** Fasal 22 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 23

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :** Fasal 23 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 24

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :** Fasal 24 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 25

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :** Fasal 25 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 26

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :** Fasal 26 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 27

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :** Fasal 27 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 28

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :** Fasal 28 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 29

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :** Fasal 29 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 30

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :** Fasal 30 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 31

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :** Fasal 31 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 32

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :** Fasal 32 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 33

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :** Fasal 33 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 34

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :** Fasal 34 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 35

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :** Fasal 35 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 36

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :** Fasal 36 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 37

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :** Fasal 37 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 38

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :** Fasal 38 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 39

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :** Fasal 39 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 40

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :** Fasal 40 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 41

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :** Fasal 41 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 42

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :** Fasal 42 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 43

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:** Fasal 43 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 44

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :** Fasal 44 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 45

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :** Fasal 45 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 46

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :** Fasal 46 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 47

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:** Fasal 47 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 48

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:** Fasal 48 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 1 dan Fasal-Fasal Mengundangkan.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :** Fasal 1 dan Fasal-Fasal Mengundangkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Persidangan Dewan disambung semula.

**[ COKMAR DINAIKKAN ]**

[ BACAAN KALI KETIGA ]

**YB HILMI BIN ABDULLAH :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memberitahu bahawa satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

**SUATU ENAKMEN BERTUJUAN UNTUK MENGADAKAN PERUNTUKAN BAGI KAWALAN DAN PELESENAN HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT HIBURAN DAN UNTUK MENGADAKAN PERUNTUKAN BAGI PERKARA-PERKARA YANG BERKAITAN DENGANNYA**

telah ditimbang dalam Peringkat Jawatankuasa fasal demi fasal dan telah dipersetujukan tanpa sebarang pindaan.

Dengan demikian, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

**SUATU ENAKMEN BERTUJUAN UNTUK MENGADAKAN PERUNTUKAN BAGI KAWALAN DAN PELESENAN HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT HIBURAN DAN UNTUK MENGADAKAN PERUNTUKAN BAGI PERKARA-PERKARA YANG BERKAITAN DENGANNYA**

hendaklah dibaca bagi Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

**YB HJH ROHANI BINTI IBRAHIM :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada di hadapan kita sekarang ialah satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

**SUATU ENAKMEN BERTUJUAN UNTUK MENGADAKAN PERUNTUKAN BAGI KAWALAN DAN PELESENAN HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT HIBURAN DAN UNTUK MENGADAKAN PERUNTUKAN BAGI PERKARA-PERKARA YANG BERKAITAN DENGANNYA**

hendaklah dibaca bagi Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT YANG BERSETUJU, KATA "SETUJU", AHLI-AHLI YANG TIDAK BERSETUJU, KATA "TIDAK".**

Dipersetujukan

Rang Undang-Undang tersebut hendaklah dibaca bagi Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

**SETIAUSAHA :** Enakmen Ini bolehlah dinamakan Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan (Kelantan) 2024. Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2025.

**Rang Undang-Undang Yang Ketiga diterima dan diluluskan.**

**DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI OLEH BADAN UNDANGAN BAGI NEGERI KELANTAN.**

**[ Rang Undang-Undang Yang Keempat ]**

**SETIAUSAHA :** Rang Undang-Undang Yang Keempat, **YB DATO' DR. IZANI BIN HUSIN** akan mencadangkan Rang Undang-Undang Sumber Air Negeri Kelantan (Pindaan)2024

**RANG UNDANG-UNDANG SUMBER AIR NEGERI KELANTAN (PINDAAN) 2024**

==========

[ BACAAN KALI PERTAMA ]

**YB DATO' DR IZANI BIN HUSIN** : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan suatu Rang Undang-Undang yang bergelar –

**SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN SUMBER AIR NEGERI KELANTAN 2019**

hendaklah dibaca bagi Kali Yang Pertama.

**YB DATO' HJ TUAN SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL** : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER** : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-Undang tersebut hendaklah dibaca bagi Kali Yang Pertama.

**SETIAUSAHA : SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN SUMBER AIR NEGERI KELANTAN 2019**

**[PERATURAN-PERATURAN DAN PERINTAH-PERINTAH TETAP 122 ]**

**YB DATO' DR IZANI BIN HUSIN :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap 122 dipakai bagi maksud membolehkan saya menjalankan Rang Undang-Undang ini pada semua tingkatan dalam Persidangan ini pada hari ini juga.

**YB DATO' HJ TUAN SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL:** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada di hadapan kita sekarang ialah satu cadangan supaya Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap 122 dipakai bagi maksud membolehkan Rang Undang-Undang ini dijalankan pada semua tingkatan dalam Persidangan Dewan pada hari ini juga.

Oleh yang demikian, saya kemukakan cadangan tersebut untuk diundi.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT YANG BERSETUJU, KATA "SETUJU", AHLI-AHLI YANG TIDAK BERSETUJU, KATA "TIDAK**".

Dipersetujukan.

**[ BACAAN KALI KEDUA ]**

**YB DATO' DR IZANI BIN HUSIN**: Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memberitahu bahawa saya akan mencadangkan bacaan bagi Kali Yang Kedua bagi Rang Undang-Undang ini dalam Persidangan Dewan pada hari ini juga.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

**SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN SUMBER AIR NEGERI KELANTAN 2019**

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memberitahu bahawa saya akan mencadangkan bacaan bagi Kali Yang Kedua bagi Rang Undang-Undang Sumber Air Negeri Kelantan Pindaan 2024 dalam Persidangan Dewan pada hari ini juga.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-Undang Sumber Air Negeri Kelantan Pindaan 2024 bagi tujuan untuk meminda Seksyen 2, seksyen 12 dan seksyen 5 termasuk mengadakan sub seksyen baharu 12(g) dan 12(h) serta memotong sub seksyen 25(10) perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kelantan ke atas cadangan pindaan Enakmen Sumber Air Negeri Kelantan

2019, Enakmen 13 dan persetujuan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kali Ke-18, 2024 mengenai cadangan pindaan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Enakmen Sumber Air Negeri Kelantan merupakan suatu enakmen adalah satu undang-undang yang diwujudkan untuk mengurus, melindungi dan mengawal penggunaan serta pemuliharaan sumber air di negeri Kelantan. Enakmen ini bertindak sebagai garis panduan utama bagi pengurusan sumber air merangkumi aspek pengeluaran, pengagihan, penggunaan serta pemuliharaan air di negeri ini serta perkara-perkara yang berhubungan dengannya dan berkuatkuasa pada 19 Disember 2020.

Namun menurut enakmen ini tiada peruntukan dinyatakan berkenaan tafsiran serta hal yang berkaitan dengan air pulih guna. Enakmen sedia ada juga tidak membenarkan *double gazzete* ataupun isytiharan kawasan sumber air melalui pewartaan bagi mana-mana kawasan yang telah diisytiharkan atau diwartakan melalui undang-undang lain pindaan yang dicadangkan ini adalah berasaskan kerana ianya akan menjamin kelestarian sumber air di negeri ini.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan Kali Ke-18, 2024 telah memutuskan untuk Enakmen Sumber Air Negeri Kelantan 2019 dipinda melalui Rang Undang-Undang ini dan seterusnya untuk dibentangkan dalam persidangan Dewan Undangan Negeri pada hari ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon untuk membacakan fasal-fasal yang terdapat dalam Rang Undang-Undang Sumber Air Negeri Kelantan Pindaan 2024 iaitu enakmen ini.

Untuk makluman Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, enakmen ini mengandungi empat fasal.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuatkuasa enakmen yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda Seksyen 2 enakmen 13 untuk memansuhkan takrif air dipulih guna.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda  Perenggan 12(1) untuk memasukkan sub perenggan G dan H yang memperuntukkan perluasan kawalan air termasuk proses-proses dalam kitaran sumber air seperti penghasilan air yang dipulih guna daripada *influence* melalui perlesenan pengestoran air

dipulih guna dan penggunaan semula atau boleh memproses pelepasan sisa *influence* atau apa-apa pencermar bagi penghasilan air yang dipulih guna. Apa-apa jenis air lain atau apa-apa bahan sebelum ia dilepaskan kembali ke dalam mana-mana sumber air.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 25 untuk memansuhkan subseksyen 25(10) bagi memastikan mana-mana kawasan tanah atau badan air atau sebahagiannya yang telah diwartakan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain masih perlu diwartakan semula dibawah seksyen 25(1) untuk pengisytiharan kawasan tanah atau badan air atau bahagiannya atau sebahgiannya sebagai kawasan perlindungan.

Yang Berhormat Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Dewan sekalian, kerajaan Negeri Kelantan merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membuat atau membaiki undang-undang sumber air Negeri Kelantan pindaan 2024 ini.

Akhirnya Kerajaan Negeri Kelantan berharap agar Rang Undang-Undang Sumber Air Negeri Kelantan Pindaan 2024 ini akan mendapat sokongan penuh oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya mohon mencadangkan.

**YB DATO' HJ TUAN SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL:** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

**YB DATO' SPEAKER :** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada di hadapan kita sekarang ialah satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

**SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN SUMBER AIR NEGERI KELANTAN 2019**

Sekarang saya kemukakan Rang Undang-Undang tersebut bagi **perbahasan.**

**[ PERBAHASAN OLEH AHLI-AHLI YANG BERHORMAT ]**

**[ PENGGULUNGAN OLEH PIHAK KERAJAAN ]**

Tiada yang nak bahas. Oleh kerana tiada perbahasan, tidak ada penggulungan.

**YB DATO' SPEAKER :** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada di hadapan kita sekarang ialah satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

**SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN SUMBER AIR NEGERI KELANTAN 2019**

hendaklah dibaca bagi Kali Yang Kedua.

**SETIAUSAHA : SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN SUMBER AIR NEGERI KELANTAN 2019**

[ TINGKATAN JAWATANKUASA ]

**YB DATO' SPEAKER :** Sekarang Dewan bersidang sebagai **Jawatankuasa.**

**[ COKMAR DITURUNKAN ]**

**SETIAUSAHA :** Fasal 2

**YB DATO' SPEAKER :** Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 3

**YB DATO' SPEAKER :** Fasal 3 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 4

**YB DATO' SPEAKER :** Fasal 4 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 1 dan Fasal-Fasal Mengundangkan.

**YB DATO' SPEAKER :** Fasal 1 dan Fasal-Fasal Mengundangkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Persidangan Dewan disambung semula.

**[ COKMAR DINAIKKAN ]**

[ BACAAN KALI KETIGA ]

**YB DATO' DR. IZANI BIN HUSIN :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memberitahu bahawa satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

**SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN SUMBER AIR NEGERI KELANTAN 2019.**

telah ditimbang dalam Peringkat Jawatankuasa fasal demi fasal dan telah dipersetujukan tanpa pindaan.

Dengan demikian, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

**SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN SUMBER AIR NEGERI KELANTAN 2019.**

hendaklah dibaca bagi Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

**YB DATO' HJ TUAN SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL:** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

**YB DATO' SPEAKER :** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada di hadapan kita sekarang ialah satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

**SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN SUMBER AIR NEGERI KELANTAN 2019.**

hendaklah dibaca bagi Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT YANG BERSETUJU, KATA "SETUJU", AHLI-AHLI YANG TIDAK BERSETUJU, KATA "TIDAK".**

Dipersetujukan

Rang Undang-Undang tersebut hendaklah dibaca bagi Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

**SETIAUSAHA :** (1) Enakmen Ini Bolehlah Dinamakan Enakmen Sumber Air Negeri Kelantan (Pindaan) 2024 (2) Enakmen ini Hendaklah Mula Berkuat Kuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta.*

**Rang Undang-Undang Yang Keempat diterima dan diluluskan.**

**DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI OLEH BADAN UNDANGAN BAGI NEGERI KELANTAN.**

**[ Rang Undang-Undang Yang Kelima ]**

**SETIAUSAHA :** Rang Undang-Undang Yang Kelima,

**YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR** akan mencadangkan Rang Undang-Undang Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri (Pindaan) 2024.

**RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA PERKHIDMATAN NEGERI (PINDAAN) 2024**

**YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR** : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan suatu Rang Undang-Undang yang bergelar –

**SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN NEGERI 1959.**

hendaklah dibaca bagi Kali Yang Pertama.

**YB DATO' TIMBALAN MENTERI BESAR** : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

**YB DATO' SPEAKER** : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-Undang tersebut hendaklah dibaca bagi Kali Yang Pertama.

**SETIAUSAHA : SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN NEGERI 1959.**

**[ PERATURAN-PERATURAN DAN PERINTAH-PERINTAH TETAP 122]**

**YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR** : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap 122 dipakai bagi maksud membolehkan saya menjalankan Rang Undang-Undang ini pada semua tingkatan dalam Persidangan ini pada hari ini juga.

**YB DATO' TIMBALAN MENTERI BESAR** : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

**YB DATO' SPEAKER:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada di hadapan kita sekarang ialah satu cadangan supaya Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap 122 dipakai bagi maksud membolehkan Rang Undang-Undang ini dijalankan pada semua tingkatan dalam Persidangan Dewan pada hari ini juga.

Dengan demikian, saya kemukakan cadangan tersebut bagi diundi.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT YANG BERSETUJU, KATA "SETUJU", AHLI-AHLI YANG TIDAK BERSETUJU, KATA "TIDAK**".

Dipersetujukan.

**[ BACAAN KALI KEDUA ]**

**YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR** : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memberitahu bahawa saya akan mencadangkan bacaan bagi Kali Yang Kedua bagi Rang Undang-Undang ini dalam Persidangan Dewan pada hari ini juga.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

**SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN NEGERI 1959.**

hendaklah dibaca bagi Kali Yang Kedua.

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين, والصلاة والسلام غلى أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصهبه أجمين

قال الله وتعالى

وَشَاوِرْهُمْ فِي الأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللهِ إِنَّ اللهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ

*Maksudnya : Bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan kamu. Kemudian setelah kamu berazam untuk melakukan sesuatu setelah bermesyuarat maka hendaklah kamu bertawakal kepada Allah SWT kerana sesungguhnya Allah SWT mengasihi orang-orang yang bertawakal kepadanya.*

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon untuk memberitahu bahawa saya akan mencadangkan bacaan kali yang kedua bagi Rang Undang-Undang Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Pindaan 2024 dalam persidangan Dewan pada hari ini juga.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-Undang bernama Rang Undang-Undang Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri 1959 Pindaan 2024 bagi tujuan meminda peruntukan dalam jadual serta menggantikan jadual dengan jadual yang baharu.

Cadangan pindaan ini adalah bagi memasukkan peruntukan-peruntukan pindaan kepada jadual Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri 1959 yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada tahun 2013 dan juga 2020. Dan mengemaskini pindaan kepada jadual Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri 1959 dengan menggantikannya dengan jadual yang baharu tarikh kuatkuasa yang dicadangkan pada pindaan ini ialah pada 01 Januari 2025. Pindaan-pindaan ini akan melibatkan perubahan kadar gaji dan beberapa elaun bagi Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ahli-Ahli Suruhanjaya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri 1959 merupakan suatu enakmen bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pembayaran imbuhan kepada Ahli Suruhanjaya

Perkhidmatan Negeri. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan telah bersetuju untuk enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri 1959 dipinda melalui Rang Undang-Undang ini dan seterusnya untuk dibentangkan dalam persidangan Dewan Undangan Negeri pada hari ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon untuk membacakan fasal-fasal yang terdapat dalam Rang Undang-Undang Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Pindaan 2024 enakmen ini.

Untuk makluman Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, enakmen ini mengandungi dua fasal. Iaitu fasal pertama mengandungi tajuk ringkas dan permulaan beberapa tarikh kuatkuasa enakmen yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda beberapa peruntukan dalam jadual serta menggantikan jadual dengan jadual yang baharu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan Negeri Kelantan merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membuat Rang Undang-Undang Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Pindaan 2024 ini.

Akhirnya kerajaan Negeri Kelantan berharap agar Rang Undang-Undang Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Pindaan 2024 ini akan mendapat sokongan penuh Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pohon mencadangkan. Sekian, terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN MENTERI BESAR** : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

**YB DATO' SPEAKER :** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada di hadapan kita sekarang ialah satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

**SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN NEGERI 1959.**

Sekarang saya kemukakan Rang Undang-Undang tersebut bagi **perbahasan.**

**[ PERBAHASAN OLEH AHLI-AHLI YANG BERHORMAT ]**

**[ PENGGULUNGAN OLEH PIHAK KERAJAAN ]**

Oleh kerana tiada perbahasan, tidak ada penggulungan.

**YB DATO' SPEAKER :** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada di hadapan kita sekarang ialah satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

**SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN NEGERI 1959.**

hendaklah dibaca bagi Kali Yang Kedua.

**SETIAUSAHA : SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN NEGERI 1959.**

[ TINGKATAN JAWATANKUASA ]

**YB DATO' SPEAKER :** Sekarang Dewan bersidang sebagai **Jawatankuasa.**

**[ COKMAR DITURUNKAN ]**

**SETIAUSAHA :** Fasal 2

**YB DATO' SPEAKER :** Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :** Fasal 1 dan Fasal-Fasal Mengundangkan.

**YB DATO' SPEAKER :** Fasal 1 dan Fasal-Fasal Mengundangkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Persidangan Dewan disambung semula.

**[ COKMAR DINAIKKAN ]**

[ BACAAN KALI KETIGA ]

**YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR** : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memberitahu bahawa satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

**SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN NEGERI 1959.**

telah ditimbang dalam Peringkat Jawatankuasa fasal demi fasal dan telah dipersetujukan tanpa pindaan.

Dengan demikian, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

**SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN NEGERI 1959.**

hendaklah dibaca bagi Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

**YB DATO' TIMBALAN MENTERI BESAR** : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

**YB DATO' SPEAKER :** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada di hadapan kita sekarang ialah satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

**SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN NEGERI 1959.**

hendaklah dibaca bagi Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT YANG BERSETUJU, KATA "SETUJU", AHLI-AHLI YANG TIDAK BERSETUJU, KATA "TIDAK".**

Dipersetujukan

Rang Undang-Undang tersebut hendaklah dibaca bagi Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

**SETIAUSAHA :** Enakmen Ini Bolehlah Dinamakan Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri (Pindaan) 2024. Perenggan 2 (a), (b), (c) dan (d)

pada pindaan Jadual hendaklah disifatkan mula berkuat kuasa pada 20 Februari 2013.
Perenggan 2 (e), (f) dan (g) pada pindaan Jadual hendaklah disifarkan mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2020.
Perenggan 2 (h) pada pindaan Jadual hendaklah mula berkuat kuasa pada Januari 2025.

**Rang Undang-Undang Yang Kelima diterima dan diluluskan.**

**DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI OLEH BADAN UNDANGAN BAGI NEGERI KELANTAN.**

**YB DATO' SPEAKER :**

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian saya berhasrat untuk menangguhkan persidangan. Persidangan akan ditangguhkan dan akan disambung semula pada hari esok 27 November 2024 pada jam 09.00 pagi. Persidangan ditangguhkan dengan bacaan tasbih kafarah dan surah Al-Asr.

**PERSIDANGAN DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 04.05 PETANG DAN AKAN BERSIDANG SEMULA PADA ESOK HARI 27 NOVEMBER 2024 JAM 09.00 PAGI.**

**PERSIDANGAN KALI KETIGA (BELANJAWAN)**
**BAGI TEMPOH PENGGAL YANG KEDUA**
**DEWAN NEGERI KELANTAN KELIMABELAS**
**==========**
**[25 JAMADIL AWAL 1446H / 27HB NOVEMBER 2025]**

**AHLI-AHLI YANG HADIR**

| BIL | NAMA | KAWASAN |
|---|---|---|
| 1. | **YB DATO' SRI AMAR D'RAJA DATO' HJ MOHD AMAR B ABDULLAH**<br>***S.J.M.K.,D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)*** | **PANCHOR / SPEAKER** |
| 2. | **YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' HJ MOHD NASSURUDDIN B HJ DAUD**<br>***S.J.M.K.,D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)***<br>(Pengerusi Jawatankuasa Perancangan, Pentadbiran Awam, Kewangan, Ekonomi & Tanah) | **MERANTI / MENTERI BESAR** |
| 3. | **YB DATO' DR. HJ MOHAMED FADZLI B DATO' HJ HASSAN**<br>***D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)***<br>(Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wilayah, Sumber Asli, Integriti, Pembangunan Insan & Undang-undang) | **TEMANGAN / TIMBALAN MENTERI BESAR** |
| 4. | **YB MEJ. (B) DATO' HJ MD ANIZAM B AB RAHMAN**<br>***D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)***<br>(Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia. Perdagangan & Keusahawanan) | **KEMAHANG** |
| 5. | **YB DATO' DR. IZANI B HAJI HUSIN**<br>***D.J.M.K. (Kelantan)***<br>(Pengerusi Jawatankuasa Kerjaraya, Infrastruktur, Air & Pembangunan Luar Bandar) | **KIJANG** |
| 6. | **YB TUAN HJ SARIPUDIN B TUAN ISMAIL**<br>***J.M.K. (Kelantan)***<br>(Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan & Komoditi) | **SELISING** |

| | | |
|---|---|---|
| 7. | **YB HJ WAN ROSLAN B WAN HAMAT**<br>***J.M.K., A.S.K.***<br>(Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital & Inovasi) | **PENGKALAN KUBOR** |
| 8. | **YB MOHD ASRI B MAT DAUD**<br>(Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan & Hubungan Seranta) | **DEMIT** |
| 9. | **YB TUAN HILMI B ABDULLAH**<br>(Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan & Alam Sekitar) | **GUCHIL** |
| 10. | **YB PUAN HJH ROHANI BT IBRAHIM**<br>***J.M.K., S.M.K.***<br>(Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga & Wanita) | **TANJONG MAS** |
| 11. | **YB ZAMAKHSHARI B MUHAMAD**<br>(Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, NGO & Perpaduan Masyarakat) | **APAM PUTRA** |
| 12. | **YB DATUK KAMARUDIN B MD NOR**<br>***D.M.S.M., A.M.N.***<br>(Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian & Warisan) | **AYER LANAS** |
| 13. | **YB DATO' MOHAMED FARID B MOHAMED ZAWAWI**<br>***D.I.M.P.*** | **KOK LANAS / TIMBALAN SPEAKER** |
| 14. | **YB DATO' BENTARA KANAN USTAZ DATO' HJ AHMAD B YAKOB**<br>***S.J.M.K.., D.J.M.K., S.M.K., J.P.*** | **PASIR PEKAN** |
| 15. | **YB DATO' HJ ABDUL FATTAH B MAHMOOD**<br>***D.J.M.K., J.M.K.*** | **BUKIT PANAU** |
| 16. | **YB TUAN HJ ABD. RAHMAN B YUNUS**<br>***J.M.K.*** | **PASIR TUMBOH** |
| 17. | **YB TUAN HJ MOHD FAUZI B ABDULLAH**<br>***J.M.K*** | **MANEK URAI** |
| 18. | **YB TUAN HJ MOHD HUZAIMY B CHE HUSSIN**<br>***J.M.K., A.K.*** | **PANTAI IRAMA** |

| | | |
|---|---|---|
| 19. | **YB TUAN HJ ZURAIDIN B ABDULLAH** | **CHETOK** |
| 20. | **YB TUAN MOHD RUSLI B ABDULLAH** | **WAKAF BHARU** |
| 21. | **YB KU MOHD ZAKI B KU HUSIN** | **DABONG** |
| 22. | **YB TUAN HJ MOHD ADANAN B HASSAN**<br>***J.M.K.*** | **KELABORAN** |
| 23. | **YB TUAN WAN ROHIMI B WAN DAUD**<br>***A.K., J.S.M.*** | **MELOR** |
| 24. | **YB TUAN NIK BAHRUM B NIK ABDULLLAH**<br>***A.S.K.*** | **CHEMPAKA** |
| 25. | **YB TUAN BAHARI B MOHAMAD NOR** | **GUAL IPOH** |
| 26. | **YB NOR ASILAH BT MOHAMED ZIN** | **LIMBONGAN** |
| 27. | **YB TUAN ZAMERI B MAT NAWANG** | **JELAWAT** |
| 28. | **YB TUAN MOHAMAD NASRIFF B DAUD @ DAUD YATIMEE** | **PENGKALAN PASIR** |
| 29. | **YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN**<br>***A.K.*** | **BUNUT PAYONG** |
| 30. | **YB DATO' SHAARI B MAT HUSSAIN**<br>***D.P.T.J.*** | **PALOH** |
| 31. | **YB DATO' ABDUL HADI B AWANG KECHIL**<br>***D.P.S.K., P.S.K. (Kelantan), J.M.N., K.M.N.*** | **KUALA BALAH** |
| 32. | **YB TUAN ZUBIR B ABU BAKAR** | **MENGKEBANG** |
| 33. | **YB TUAN SAIZOL B ISMAIL** | **SALOR** |
| 34. | **YB TUAN HARUN B ISMAIL** | **TAWANG** |
| 35. | **YB TUAN AHMAD ZAKHRAN B MAT NOOR** | **KEMUNING** |
| 36. | **YB TUAN MOHD ALMIDI B JAAFAR** | **BUKIT BUNGA** |
| 37. | **YB TUAN NOR SHAM B SULAIMAN** | **SEMERAK** |

| | | |
|---|---|---|
| 38. | **YB TUAN MOHD AZIZI B ABU NAIM** | **NENGGIRI** |
| 39. | **YB DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM** | **KOTA LAMA** |
| 40. | **YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN B HASHIM** *J.M.K.* | **GALAS** |

**TIDAK HADIR DENGAN MAAF :**

| | | |
|---|---|---|
| 1. | **YB DATO' SR HJ AZAMI B MOHD NOR** *D.J.M.K., J.M.K.* | **KADOK** |
| 2. | **YB TUAN ROZI B MUHAMAD** **J.M.K** | **TENDONG** |
| 3. | **YB TUAN AZHAR B SALLEH** *A.S.K.* | **PULAI CHONDONG** |
| 4. | **YB TUAN MOHD RODZI B JAAFAR** | **GAAL** |
| 5. | **YB TUAN KAMARUZAMAN B MOHAMAD** *J.S.M.* | **GUAL PERIOK** |

**AHLI MENURUT**
**PERKARA 13(3)**
**UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN TUBUH KERAJAAN KELANTAN,**
**BAHAGIAN PERTAMA**

YB DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD
[DATO' KAYA SETIA SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN]
*S.P.S.K.,D.P.S.K.(KELANTAN),P.S.K.,B.S.K.,A.S.K.*

YB DATO' IDHAM BIN HAJI ABD GHANI
[PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI KELANTAN]
*D.P.S.K. (Kelantan)*

YBM TENGKU KAYA PERKASA
DATO' DR TENGKU MOHAMED FAZIHARUDEAN BIN TENGKU FEISSAL
[PEGAWAI KEWANGAN NEGERI KELANTAN]
*D.J.M.K. (Kelantan)*

**SETIAUSAHA DEWAN NEGERI**
**KELANTAN**

[MOHD FADZIL AZNAN BIN ABDUL AZIZ]
*A.S.K.*

**PERSIDANGAN KALI KETIGA**
**(BELANJAWAN)**
**BAGI TEMPOH PENGGAL KEDUA**
**DEWAN NEGERI KELANTAN**
**YANG KELIMABELAS TAHUN 2024**
**PADA 19, 22, 23, 24 DAN 25 JAMADIL AWAL 1446H BERSAMAAN 21HB, 24HB, 25HB, 26HB DAN 27HB NOVEMBER 2024/ KHAMIS, AHAD, ISNIN, SELASA DAN RABU**
**==========**

**SETIAUSAHA :**

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Persidangan Kali Ketiga (Belanjawan) Bagi Tempoh Penggal Kedua, Dewan Negeri Kelantan Kelimabelas, Hari Kelima.

الفا تحه **.....**

**I. .. DOA.**

**[ SAMBIL BERDIRI ]**

**II. .. SOALAN-SOALAN YANG DIBERITAHU.**

**SETIAUSAHA :** Susunan Urusan Persidangan Yang Kedua, Soalan-soalan Yang Diberitahu.

Soalan-soalan yang dikemukakan untuk mendapat Jawapan Mulut.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Dipersilakan Yang Berhormat Paloh.

**YB DATO' SHAARI BIN MAT HUSSAIN :**

YB Dato' Speaker, mohon jawapan soalan saya nombor 1.

Soalan 1 :

*Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah usaha dan perancangan jangka panjang kerajaan negeri Kelantan dalam merancakkan pembangunan di sekitar kawasan terminal / stesyen ECRL yang dijangka siap pada tahun 2026?*

**YB DATO' DR. IZANI BIN HUSIN :**

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menjawab bagi pihak Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri Besar… sangkut banjir… tokdea nak sapa.

Dalam merancakkan pembangunan di sekitar kawasan Terminal Stesen ECRL yang dijangka siap pada tahun 2026, Kerajaan melalui beberapa projek Economic Accelerator Projects (EAP) telah merancang dan mengambil tindakan sebagaimana berikut :

a) Pembangunan di sekitar Stesen Bandar Baru Tunjung, kita ada 2 stesen, satu stesen di Tunjung, satu stesen di Pasir Puteh. Jadi pembangunan di Tunjung iaitu pembangunan institusi kerajaan dan pengajian yang sedang berlaku sekarang ini.

b) Pembangunan komersil dan bercampur *mix development* termasuk lah otocity, industri kecil dan sederhana (IKS), perumahan, perhotelan dan gedung-gedung perniagaan.

c) Yang ketiga, menyokong rangkaian Transit Orientated Development (TOD) melalui pelaksanaan projek KB Sentral dan juga Stesen ECRL. Meningkatkan taraf liputan di jalan Bandar Baru Tunjung melalui pembangunan jalan dalaman Bandar Baru Tunjung dan projek pembesaran jalan persekutuan sedia ada.

d) Seterusnya, pembangunan bandar baru berkonsep pintar atau smart city iaitu Madinah As-Salam dan Madinah Ramadhan sebagai pusat penguasaan ilmu Islam.

e) Seterusnya, pembangunan stesen di sekitar Stesen ECRL Pasir Puteh, Stesen ECRL Pasir Puteh akan berfungsi sebagai Cargo

Orientated Development (COD) dan Transit Orientated Development (TOD).

f) Pembangunan sokongan lain termasuk lah pembangunan kawasan perindustrian Tok Bali atau Tok Bali Industrial Park. Pembangunan kawasan pelabuhan perikanan Tok Bali atau Tok Bali Fisheries Park.

g) Pembangunan bercampur di sekitar kawasan Stesen ECRL Pasir Puteh. Pembangunan bercampur oleh PKINK. Cadangan pembangunan Inland Port Tok Bali, *spurline* dari Stesen ECRL Pasir Puteh ke Tok Bali bagi menyokong aktiviti perdagangan. Terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Silakan Paloh, soalan tambahan.

**YB DATO' SHAARI BIN MAT HUSSAIN :**

Terima kasih YB Dato' Speaker. Soalan tambahan apakah mekanisme dan perancangan yang dilakukan okeh Kerajaan Negeri kepada pihak pemaju agar pembangunan di Tunjung tidak terencat. Terima kasih.

**YB DATO' DR. IZANI BIN HUSIN :**

Terima kasih YB. Terdapat beberapa mekanisme dan perancangan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri kepada pihak pemaju agar pembangunan di Tunjung tidak terencat sebagaimana berikut.

Kerajaan Negeri telah mewujudkan satu jawatankuasa kawal selia merancang dan menyelaras aktiviti-aktiviti kemajuan projek pembangunan Negeri Kelantan dibawah JKMPP. Dimana jawatankuasa ini memberi kelulusan segera pelan-pelan pembangunan bagi mana-mana projek yang berimpak tinggi seperti di Bandar Baru Tunjung. Pembangunan di Tunjung banyak melibatkan lot-lot tanah individu dan ianya melibatkan proses pengambilan tanah.

Oleh itu, bagi mempercepatkan proses berkenaan Kerajaan Negeri telah mewujudkan satu unit pasukan petugas khas pengambilan tanah di bawah Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan bagi tujuan

mempercepatkan proses pengambilan balik tanah khususnya di Bandar Baru Tunjung. Setelah pemaju mendapat hak milik, pemaju berkenaan mesti lah memulakan pemajuan ataupun bangunan mereka dalam tempoh masa tertentu dari tarikh pemaju menerima hak milik. Syarat ini termaktub di dalam perjanjian antara pemaju Perbadanan Bandar Baru Tunjung (AUDIO TIDAK BERFUNGSI) sekiranya berlaku sebarang perlanggaran syarat-syarat berkenaan. Terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Silakan Salor.

**YB TUAN SAIZOL BIN ISMAIL :**

Terima kasih Dato' Speaker. Sebenarnya soalan kepada TMB. Memandangkan Tunjung ni sendiri merupakan salah satu daripada kawasan yang terlibat dengan DUN saya sendiri lah di Salor. Jadi soalan tambahan saya adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menjadikan Bandar Baru Tunjung ini sendiri sebagai bandar pintar sepenuhnya dengan lengkap kemudahan infra digitalnya, sistem pengurusan sisa pepejalnya. Itu lah soalan saya memandangkan kesannya kepada penduduk di DUN saya lah. Terima kasih.

**YB DATO' DR. IZANI BIN HUSIN :**

Terima kasih Salor. Patut Salor tokleh tanya mugo timbalan ambo Exco. Tapi kerana dia tanya TMB kea. Okay Kerajaan Negeri sememangnya merancang untuk membangunkan Bandar Baru Tunjung sebagai bandar pintar selain bandar-bandar lain di Negeri Kelantan bagi mencapai kemajuan mampan dan memenuhi keperluan masyarakat masa depan.

Usaha ini selaras dengan dokumen perancangan kawasan khas Bandar Baru Tunjung 2035 yang menetapkan konsep *smart Islamic city* atau perbandaran Islam pintar iaitu pembangunan bandar yang berintegrasikan elemen-elemen Islam dengan aplikasi bandar pintar. Pada masa ini beberapa inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui PLAN Malaysia Kelantan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) termasuk Blueprint Bandar Pintar Negeri Kelantan 2040 dan Pelan Tindakan Bandar Pintar MPKB-BRI.

Penyediaan *blueprint* dan pelan tindakan ini bertujuan memastikan perancangan dan pembangunan yang sistematik dan menyokong aspirasi nasional untuk menjadi sebuah negara pintar atau *smart nation*. Antara ciri utama yang dirancang untuk bandar pintar di Kelantan adalah pembangunan tenaga hijau mesra alam termasuk penggunaan tenaga solar dalam sistem penjimatan tenaga, penyediaan infrastruktur digital seperti rangkaian 5G untuk komunikasi yang pantas dan efisien, pelaksanaan sistem pengurusan sisa pintar menggunakan teknologi pemantauan dan penghasilan sisa, peningkatan jaringan pengangkutan dan mobiliti pintar untuk memudahkan pergerakan penduduk.

Pihak UPEN juga telah mewujudkan pelan induk mampan. Manakala, PLAN Malaysia sedang melengkapkan kajian menyeluruh untuk blueprint bandar pintar. Langkah ini adalah manifestasi komitmen Kerajaan Negeri dan PBT untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat menjadikan lebih moden, selesa dan mesra alam serta bergerak seiring dengan perkembangan teknologi hijau. Terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Saya persilakan Kemuning.

**YB TUAN SAIZOL BIN ISMAIL :**

Yang Berhormat Dato' Speaker, mohon jawapan bagi soalan nombor 2.

Soalan 2 :

*Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri Kelantan dalam menyediakan bantuan dan kemudahan yang diperlukan oleh pesawah-pesawah padi di negeri ini.*

**YB DATO' HJ. WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :**

Yang Berhormat Dato' Speaker, tuannya terlekat banjir.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Sekiranya ada wakil daripada Kerajaan yang boleh memberikan jawapan. Silakan.

**YB DATO' HJ. WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :**

Yang Berhormat Dato' Speaker, usaha-usaha Kerajaan Kelantan dalam menyediakan bantuan dan kemudahan yang diperlukan oleh pesawah-pesawah padi di negeri ini adalah melalui beberapa agensi iaitu seperti berikut:-

a) IADA Kemasin Semerak yang menyediakan bantuan dari segi program gotong-royong yang melibatkan para pesawah dan para pegawai dari IADA Kemasin Semerak. Program gotong adalah seperti kawalan perosok, penyakit dan rumpai, dimana pihak IADA Kemasin Semerak menyediakan racun yang bersesuaian dengan aktiviti gotong-royong tersebut.

b) Yang keduanya, melaksanakan program-program ke arah pengurusan tanaman padi yang lebih efisien antaranya adalah program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB). Program Smart SBB merupakan salah satu inisiatif kerajaan dalam menyatukan pengurusan tanah sawah secara pertanian berpusat supaya dapat mengoptimumkan penggunaan sumber dan meningkatkan kecekapan aktiviti penanaman dan pengeluaran hasil lepas tuai serta meningkatkan hasil seterusnya pendapatan pesawah.

c) Yang ketiganya, menyediakan kursus dan latihan kepada para pesawah dan peserta Industri Makanan & Asas Tani (IMAT) bagi peningkatan ilmu pengetahuan dan juga kemahiran, penerapan teknologi terkini, mengamalkan amalan pertanian yang baik, peningkatan berkualiti produk serta pengurusan perniagaan yang lebih cekap.

d) Dan yang keempatnya, menyediakan kemudahan pinjaman peralatan dan jentera bagi kegunaan para pesawah di lapangan seperti mesin pelerai padi, combine harvester, dron pam axial dan lain-lain yang berkaitan.

e) Yang kelima, melaksanakan program pengapuran bagi lot-lot sawah terpilih. Ini bertujuan memastikan kadar ph tanah stabil dan bersesuaian untuk aktiviti penanaman padi.

f) Dan yang keenamnya, melaksanakan program perataan sawah bagi tujuan meningkatkan keseragaman tanah, memudahkan pengurusan pengedalian air dan meningkatkan hasil pertanian. Keseluruhannya, dengan melaksanakan program perataan sawah ini, para pesawah dapat meningkatkan produktiviti dan efisiensi dalam aktiviti pertanian mereka.

g) Dan yang ketujuh, menyediakan dan menambah bilangan pam bergerak di kawasan perkhidmatan bagi menampung kapasiti pengairan sedia ada dengan peruntukan sebanyak RM1 juta.

h) Menambah bilangan Pam Diesel, Screw Pump', "Tube Well" dengan kedalaman melebihi 100 serta "Axial Pump" bagi menampung kapasiti pengairan sediada dengan peruntukan Rm 1 juta.

i) Yang kesembilan, menyenggara infrastruktur pengairan yang rosak supaya sistem pengairan berjalan dengan baik dan lancer dengan peruntukan sebanyak RM6.8 juta.

j) Yang kesepuluhnya, IADA Kemasin Semerak akan terus giat bekerjasama dengan Bahagian Pengairan Dan Saliran Pertanian (BPSP) dalam memastikan pembinaan sistem pengairan tanaman padi di skim-skim pengairan yang belum lengkap di jajahan Pasir Puteh dapat diteruskan sehinggalah ianya siap dibina. Sehingga kini, 3 tender sedang dalam proses perolehan bagi pembangunan skim pengairan iaitu Skim Semerak Hilir, Skim Sg Yong serta Skim-Skim Kecil sekitar Gong Layak Tengah, Gong Layak Besar dan Gong Lesong. Ketiga-tiga tender ini dianggarkan bernilai RM130 juta. Dia Gong ni tempat tinggi deh, bukan Gong tok cerdik.

k) Yang kesebelas, menggerakkan Agen Pengembangan Kawasan dengan aktif dan efektif supaya maklumat-maklumat, teknologi dan pendekatan yang lebih efisien dapat disampaikan kepada petani.

Manakala, Pejabat Pertanian Negeri Kelantan, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri Kelantan menguruskan kawasan padi di luar skim pengairan iaitu luar Jelapang dengan menyediakan peruntukan pembangunan di bawah Program Pembangunan Industri Padi yang

diterima bawah RMK ke-12 sebanyak RM1.8 juta yang dikhaskan untuk kawasan padi luar jelapang. Bagi tahun 2024, sebanyak RM400 000 telah diperuntukan oleh Kerajaan Negeri dalam membantu 68 orang pesawah melibatkan keluasan 245 hektar kawasan padi. Peruntukan tersebut digunakan untuk meningkatkan hasil dan pendapatan pesawah dengan kerja-kerja pemulihan tanah, menyediakan air bawah tanah, bekalan pam serta infrastruktur lain.

Selain itu, sebanyak RM1.1 juta peruntukan diterima daripada kerajaan persekutuan dalam melaksanakan kerja-kerja pengapuran kawasan padi di lima jajahan dengan keluasan 1000 hektar melibatkan 394 orang pesawah. Selain daripada itu, Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) juga dapat membantu pesawah yang terkesan dengan bencana sama ada kemarau, banjir dan juga serangan perosak dan penyakit. Sehingga Oktober 2024, peruntukan sebanyak RM11.945 juta telah diterima melibatkan 5872 orang pesawah yang terkesan akibat bencana alam seperti banjir dan kemarau.

Manakala KADA, kemudahan Infrastruktur pengairan dan saliran pihak KADA menyediakan kemudahan infrastruktur pengairan dan saliran kepada pesawah bagi mengairi air ke petak-petak sawah. KADA mempunyai 3 stesen pam utama iaitu Stesen Pam Kemubu, Stesen Pam Lemal dan Stesen Pam Kasa. Ketiga-tiga stesen pam ini berfungsi mengepam air dari Sungai Kelantan dan seterusnya mengairi ke bendang-bendang padi. Pihak KADA juga akan menyelenggara infrastruktur ini dari masa ke semasa bagi mempastikan bekalan air kesawah-sawah padi berjalan dengan baik dan teratur.

Manakala bantuan baja padi. Pihak KADA menyediakan bantuan baja subsidi kepada pesawah-pesawah dibawah seliaannya bagi menjamin padi dapat tumbuh dengan baik dan mempunyai kualiti yang terbaik. Bagi musim 1/2024 pihak KADA telah membekalkan bantuan baja subsidi sebanyak 555 121 beg kepada 7439 orang petani dalam kawasan KADA. Baja ini termasuk baja NPK sebanyak 147 673 beg, manakala baja urea sebanyak 114 853 beg dan baja sebatian sebanyak 292 595 beg. Keseluruhan peruntukan adalah sebanyak RM25 908 264.80.

Dan insentif racun. Pihak KADA juga menyediakan bantuan racun kepada pesawah-pesawah padi. Racun-racun ini dibekalkan dalam pelbagai jenama dan jenis bagi menghindari pokok padi daripada pelbagai penyakit dan juga serangan dari makhluk perosak seperti

serangga dan lain-lain. Pada musim pertama 2024 pihak KADA telah memperuntukkkan sebanyak RM4 800 062.26 bagi penyediaan insentif racun kepada pesawah padi dalam kawasan KADA.

Manakala bantuan kemarau dan banjir kepada petani yang mengalami kemusnahan ke atas tanaman padi akibat daripada kesan kemarau dan juga banjir, pihak KADA juga telah menyediakan bantuan bencana berbentuk wang tunai kepada mereka. Sebagai contohnya pihak KADA telah menyediakan peruntukan sebanyak RM9 790 613.64 kepada 4616 petani yang telah mengalami musibah.

Manakala bantuan tunai pesawah bagi meringankan beban serta membela nasib pesawah, pihak Kementerian Pertanian & Keterjaminan Makanan (KPKM) telah menyediakan Bantuan Tunai Pesawah sebanyak RM600 kepada setiap pesawah dimana peruntukan ini adalah RM200 sebulan akan diagihkan untuk tempoh 3 bulan atau semusim penanaman padi. Bagi fasa 2/2023, pihak KADA telah memperuntukkan sebanyak RM4 321 200 untuk tujuan ini yang melibatkan bilangan petani yang menerima seramai 7202 orang. Terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Silakan Kemuning soalan tambahan.

**YB TUAN SAIZOL BIN ISMAIL :**

Terima kasih Dato' Exco atas jawapan. Pertamanya saya ucap terima kasih, ambil kesempatan di sini ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Exco atas bantuan, peruntukan khususnya kepada Salor lah sebelum ni semasa kemelut kemarau di negeri kita bantuan "Tube Well" sebagai contohnya. Cuma sepertimana diterangkan sebentar tadi, boleh saya tahu perkembangan terkini berhubung dengan status pam Rumah Pam Kemubu yang dikhabarkan dalam proses untuk pembaikan. Terima kasih.

**YB DATO' HAJI TUAN SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :**

بسم الله الرحمن الرحيم

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih soalan tambahan daripada Salor. Beberapa pembinaan ataupun pembaikian sedang dibuat lah oleh pihak KADA. Pertama, membina dan menyiapkan Stesen Pam Kemubu 3 dan lain-lain berkaitan di dalam kawasan KADA jajahan Kota Bharu Selatan, Kota Bharu Stesen Pam Kemubu 3 dengan paras gumbaan 2.0 meter lah ke atas dapat menyelesaikan kira-kira 60% masalah air yang rendah di Stesen Pam Kemubu berbanding dengan stesen pam sedia ada iaitu Kemubu 1 4.9 meter, Stesen Kemubu 2 3.4 meter. Dimana Stesen Pam Kemubu 3 ni 2 meter paras air sudah boleh sedut. Projek ini telah ditawarkan pada 28 Mac 2023 dengan jangkaan siap pada tahun 2025 tahun depan. Status terkini dalam pelaksanaan kerja-kerja di tapak yang sedang giat dijalankan.

Yang kedua, membaik pulih infrastruktur pengairan benteng sementara ship pile Kemubu dan kerja-kerja lain berkaitan bagi skim pengairan Kemubu KADA Kelantan. Tujuan kerja-kerja pembaikan ship pile ini adalah untuk meningkatkan paras air Kelantan ke paras melebihi 4.9 meter secara konsisten bagi membolehkan semua pam Rumah Pam Kemubu 1, 2 dan 3 dapat berfungsi dengan baik. Pada masa ini, paras air Sungai Kelantan ni sebelum banjir lah ni hari ni tinggi sangat dah. Maknanya 2-3 minggu lepas sekitar 3 meter menyebabkan semua pam belum dapat digunakan tapi hari ini air dah lebih dah lah. Air banjir dah. Jadi status terkini dalam proses permohonan NOC untuk pohon peruntukan bagi *stabilities*, *study* dan pelantikan perunding bagi tujuan tersebut. Maknanya dalam proses doh tu In Shaa Allah.

Yang ketiga, mereka bentuk dan membina menyiapkan sistem pam boleh alih dan kerja-kerja berkaitan bagi pengairan di Stesen Pam Kemubu dan Lemal KADA secara rundingan terus. Kontrak ini telah ditawarkan kepada Ari Usaha Murni Sdn Bhd. Tarikh milik tapak ialah pada 21 Oktober 2024. Pada 21 Oktober 2024 telah diadakan mesyuarat milik tapak antara pengurusan KADA bersama Syarikat Ari Usaha Murni Sdn Bhd di Pejabat KADA. Mesyuarat penyelarasan membincang CPM dan teknikal telah diadakan pada Khamis lepas 14 November dimana status terkini pelaksanaan ialah kerja-kerja awalan di tapak In Shaa Allah.

Barangkali dengan pengurusan pengerusi KADA baru nanti akan dia bergerak lebih cepat, lebih baik In Shaa Allah.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Silakan Mengkebang.

**YB TUAN ZUBIR BIN ABU BAKAR :**

Terima kasih Dato' Speaker. Soalan tambahan saya memandangkan Machang jiran saya, takdok wakil Machang hari ini tenggelam banjir. Jadi soalan saya apakah status pelaksanaan projek pembekalan air pertanian kepada pesawah padi di Kampung Selimbar Guntong, Kemuning Machang. Okay terima kasih.

**YB DATO' HAJI TUAN SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :**

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih soalan tambahan daripada Mengkebang. Dia bertanya bagi pihak Machang. Alhamdulillah kerja-kerja membina sistem pengairan dan kerja-kerja berkaitan di bendang Selimbar Guntong, Machang telah selesai dilaksanakan oleh pasukan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kelantan. Dengan jumlah peruntukan sebanyak RM241 000 projek dilaksanakan pada pertengahan Julai 2024 dan siap pada akhir Oktober 2024. Dengan terlaksana projek ini seramai 25 orang pesawah di kawasan tersebut akan menikmati manfaatnya nanti dalam pengeluaran hasil tanaman padi di kawasan tersebut. In Shaa Allah pihak Jabatan Pertanian juga akan sentiasa memantau aktiviti penanaman padi dan kebajikan para pesawah di kawasan tersebut dengan bantuan input-input yang berkaitan. Sekian terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Saya persilakan Melor.

**YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD :**

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon jawapan bagi soalan saya nombor 3.

Soalan 3 :

*Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, keluasan tanah-tanah kerajaan yang digunakan oleh Tenaga Nasional Berhad, bagi tujuan pembinaan pelbagai kemudahan utiliti seperti substation TNB, pencawang serta laluan jajaran kabel bervoltan tinggi dalam negeri Kelantan. Adakah kerajaan negeri bersedia untuk mengenakan apa-apa bentuk bayaran atau pampasan bagi penggunaan tanah-tanah yang berkenaan?*

**YB DATO' DR. HAJI IZANI BIN HUSIN :**

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Melor. Kerajaan Negeri telah meluluskan Enakmen Hak Akses dan Penggunaan Tanah Infrastruktur Utiliti Negeri Kelantan dan menubuhkan Bahagian Koridor Infrastruktur dan Sistem Maklumat Geospatial, Pejabat Setiausaha Kerajaan Neger Kelantan bagi tujuan mengenalpasti dan mengenakan bayaran yang sewajarnya ke atas penggunaan tanah-tanah oleh TNB atau mana-mana pembekal utiliti untuk tujuan penyediaan infrastruktur utiliti. Sehubungan dengan itu, pengenaan caj-caj sewajarnya akan dikenakan berdasarkan keluasan tanah, jenis dan tujuan struktur serta tempoh kegunaan.

Spesifik untuk apa tu TNB keluasan tanah yang telah diberi kepada TNB ialah seluas 122.84 hektar dan cukai tahunan kepada TNB untuk tujuan akses itu adalah RM839 541 setahun. Sebelum pada ini, sebelum pada Enakmen Akses ini kita menggunakan peraturan-peraturan PTG untuk mengenakan caj-caj kepada pengguna. Yakni Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Bilangan 5 82 Pekeliling 19 dan seterusnya lah menggunakan pekeliling-pekeliling. Setakat itu dulu terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Silakan Melor soalan tambahan.

**YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD :**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker dan Yang Berhormat Dato' Exco atas jawapan itu. Soalan tambahan saya ialah selain daripada caj-caj yang dikenakan bagi pembinaan pencawang ini adakah terdapat ataupun kerajaan mengenakan apa-apa caj untuk kegunaan sungai untuk empangan seperti Empangan Nenggiri dan lain-lain.

**YB DATO' DR. HAJI IZANI BIN HUSIN :**

Terima kasih Melor. Jawapan pendeknya ada. Nok panjang... panjang sikit kita ada perjanjian khusus antara TNB dengan Kerajaan Kelantan mengenai royalti air, penggunaan royalti air dan caj-caj royalti air kepada kerajaan oleh Empangan Nenggiri. Antaranya penggunaan terowong kita sebanyak RM500 000 lebih setahun, royalti penggunaan air sebanyak RM3.2 juta dan lesen takungan air RM 11 500 setahun. Ini adalah caj-caj yang terkandung dalam perjanjian antara Kerajaan Negeri dengan Nenggiri. Namun demikian oleh kerana benda itu tak siap lagi maka tak caj lagi lah. Nanti sudoh hok ni kita caj In Shaa Allah. Okay terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Silakan Wakaf Bharu.

**YB TUAN HAJI MOHD RUSLI BIN ABDULLAH :**

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan apakah insentif yang akan diberikan oleh Kerajaan kepada penduduk yang ingin tukar kepada solar. Sekian terima kasih.

**YB DATO' DR. HAJI IZANI BIN HUSIN :**

Terima kasih Wakaf Bharu. Soalan itu minta notis lah, tokleh nok jawab. Minta notis kita hantar bertulis lah In Shaa Allah.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Saya persilakan Pasir Tumboh.

**YB DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN YUNUS :**

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, mohon jawapan soalan saya nombor 4.

Soalan 4 :

*Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, Apakah strategi kerajaan bagi memperkukuhkan promosi KIAS di dalam usaha menarik pelajar -pelajar antarabangsa?*

**YB DATO' HJ. WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :**

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih Pasir Tumboh ambil berat tentang KIAS. Antara strategi Kerajaan bagi memperkukuhkan promosi kemasukan pelajar antarabangsa ke KIAS ialah dengan membantu KIAS merangka gerak kerja promosi secara langsung di sekolah-sekolah terpilih di beberapa daerah di Thailand. Contoh kita buat *change student* ataupun pertukaran pelajar baru-baru ni dengan beberapa buah sekolah di Thailand dan juga Kemboja yang menggunakan sukatan kita. Contohnya, untuk peperiksaan SMU sahaja calon daripada Kemboja ni 400 orang lebih kurang. Indonesia dan juga Singapura dengan mengadakan taklimat kepada pelajar-pelajar yang disasarkan kerana dengan mereka memasuki KIAS, mereka akan mendapat Ijazah Sarjana Muda kalau dia ni tak nak menamatkan pengajian di KIAS, mereka boleh belajar di KIAS selama 3 tahun untuk memperolehi diploma dan boleh sambung ke Al-Azhar, Mesir untuk tahun 3 dan tahun 4. Itu kemudahan atau kita mendapat pengiktirafan daripada Al-Azhar, Mesir bersama dengan KIAS. Selain itu, melalui hubungan rasmi dengan organisasi, Yayasan, Jam'iyyah, NGO dan juga institusi pengajian di negara sasaran dari aspek hubungan promosi dan juga mendapatkan tajaan biasiswa kepada pelajar antarabangsa. Terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Silakan Melor soalan tambahan. Maaf Pasir Tumboh ye.

**YB DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN YUNUS :**

Terima kasih kepada Kerajaan yang telah menjawab soalan saya nombor 4 tadi. Dan saya intro dulu Yang Berhormat Dato' Speaker. KIAS ini kebetulan berada di dalam DUN Pasir Tumboh dan sayanya masa belajar dulu belajar di luar negara dan ada beberapa perkara yang saya rasa yang perlu kita ambil pelajar daripada negara-negara terutamanya di Madinah sekarang ini. Universiti Madinah, Islamic University Pakistan Islamabad. Cara bagaimana mereka ini untuk menarik pelajar-pelajar luar terutamanya ialah pelajar daripada negara yang kita kata negara bukan Islam lah yakni negara Thailand, negara Afrika dan negara ni. Dia ada kuota-kuota khusus untuk negara-negara tersebut dengan beberapa insentif. Soalan saya bagaimanakah Kerajaan merancang untuk memperkenalkan KIAS secara meluas terutamanya di peringkat antarabangsa. Satu soalan... dan soalan kedua, adakah terdapat peruntukan ataupun insentif khas disediakan bagi menarik kemasukan pelajar daripada negara-negara luar. Sekian terima kasih.

**YB DATO' HJ. WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :**

Terima kasih Dato' Speaker atas soalan tambahan Pasir Tumboh, cakna pasal kawasan dia kita pun mengharapkan kerjasama dia banyok bui sikit peruntukan kepada KIAS untuk aktiviti anak-anak pelajar kita. Jadi bagi tujuan memperkenalkan KIAS di persada antarabangsa sebagai sebuah IPT yang menjadi pilihan, KIAS telah mengadakan kerjasama dengan institut pengajian tinggi dan badan peringkat antarabangsa sama ada kerjasama akademik mahupun *non-academic*.

Pada awal tahun ini, KIAS telah memeretai persefahaman dengan Japan Dakwah Centre yang berpusat di Osaka. Jepun pun kita nak bawa mari sebab dalam jawapan Kerajaan banyak mengadakan kerjasama dengan Jepun. Jadi Jepun bagi tujuan pendedahan industri melalui dakwah kepada non-muslim di sana. Seterusnya, pengukuhan jalinan persefahaman dengan Jinan University, Guangzhou bagi pengajian Bahasa Mandarin serta penempatan pelajar di Ez-Zituona University, Tunisia. Jadi awal tahun baru ini pun bersama dengan Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang kita telah menandatangani MOU

dengan Ez-Zitouna University, Tunisia yang dia bersetuju lepasan KIAS boleh sambung ke peringkat ijazah di Universiti Ez-Zitouna, Tunisia. Dan dengan Jinan tadi kita buat MOU, dan pertamanya kita ajar Bahasa Cina kepada YB kita. Jadi YB tu telah memulakan kelas di KIAS sebagai promosi kita bahawa YB kita pun bukan orang cina boleh bercakap cina doh. Banyok doh dale Dewan harini sebelum ni pun mula cakap cina dah. Itu satu perkembangan yang baik lah sebagai satu promosi dan lawatan kerja yang telah disebut tadi lah bersama dengan Menteri Besar.

Dalam masa yang sama KIAS telah terlibat dalam penyertaan dan penganjuran seminar antarabangsa sama ada di peringkat dalam mahupun luar negara serta merancang untuk memperluaskan jaringan dengan negara Thailand, Kemboja, Filipina dan meneroka pasaran saudara muslim di negara China. Semua usaha ini dilakukan bagi memperkenalkan KIAS di mata antarabangsa. Manakala insentif yang disediakan adalah berbentuk penghapusan yuran pengajian. Jadi peruntukan hok ado nyo setakat tu dulu lah... hok rok nyo... hok mampu nyo iaitu penghapusan yuran pengajian bagi pelajar yang mencapai tahap kecemerlangan tertinggi. Boleh tinggi yuran free. Diikuti pemotongan yuran mengikut pencapaian mereka.

Mereka juga ditawarkan untuk menyambung pengajian di peringkat lebih tinggi di KIAS dengan kadar diskaun yuran yang menarik. Lepas KIAS tu dia nak sambung lagi maka kita bui diskaun-diskaun, potongan-potongan yang menarik agar mereka menghabiskan di peringkat ijazah di KIAS. Dan bidang baru juga kita membuka pengajian di peringkat KIAS ini ke peringkat Sarjana, Master. Dan In Shaa Allah kita telah sedang mengusahakan untuk sampai ke peringkat PhD. Jadi saya mempelawakan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian untuk mana-mana nak sambung pengajian di peringkat Master dan In Shaa Allah sikit lagi peringkat PHD tok payoh gi jauh, dekat jah buleh gi berulang tiap-tiap hari. Terima kasih Dato' Speaker.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Silakan Galas.

**YB TUAN HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Tahniah lah kepada Kerajaan Negeri yang menganjurkan kelas Bahasa Cina untuk seluruh

Ahli Yang Berhormat tapi dia tok ajok Galas dan lain-lain. Galas pun nok belajar jugok Bahasa Cina.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya memuji lah usaha KIAS yang telah pun melantik Majlis Agama Islam Narathiwat yang dilantik sebagai wakil KIAS untuk promosi pengambilan pelajar untuk melayakkan pelajar ke KIAS. Soalan saya setakat ini Yang Berhormat sejauh mana pengambilan pelajar dapat dibuat terutamanya pelajar-pelajar daripada Narathiwat dan tadi ada disebut soal pembiayaan fleksibel kepada pelajar-pelajar ini. Dan saya rasa itu adalah usaha yang baik. Soalan yang kedua, KIAS sasar 2000 pelajar capai status universiti penuh. Setakat ini ada 1200 kita memerlukan 800 lagi, jadi dalam pandangan dan juga pengetahuan Yang Berhormat sejauh mana ataupun selama mana usaha untuk menjadi universiti penuh ini dapat tercapai. Terima kasih.

**YB DATO' HJ. WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :**

Terima kasih Dato' Speaker, daripada Galas kita membuka sapo-sapo nok gi, nok belajar Bahasa Cina, Bahasa Arab buleh sebab kita ada Institut Bahasa Antarabangsa di KIAS (IBA), bukan setakat Bahasa Arab saje. Jadi sekarang ini meneroka ke Bahasa Cina, Bahasa Jepun boleh lah pelbagai bahasa. Bahasa Melayu pun ada kita. Jadi untuk promosi ini kita telah menubuhkan taskforce untuk kempen termasuk luar negara. Jadi sekarang ini kita sedang membuka pendaftaran pelajar baru. Jadi kita tak dapat lagi lah maklumat berapo pelajarnya hok baru daripada luar negara ini, sedang membuka untuk November – Disember ini. Jadi sapo-sapo hok ado kenalan hok ingin belajar di Kelantan di KIAS boleh berbuat demikian lah. Syarat-syarat yang telah dikeluarkan oleh pihak KIAS.

Dan setakat ini nya 1200 pelajar, nak 800 lagi kita tubuh taskforce untuk kempen. Dan orang panggil *fix deposit* kita Yayasan Islam Kelantan lah sebab pelajar-pelajar Yayasan Islam Kelantan ini ada 35 000 orang dan kita berkempen kita orang Kelantan ni sebenarnya tidak berapa tahu kita menyediakan sebagaimana saya sebut kelmarin lah seolah-olah pendidikan percuma. Sebab belajar di KIAS ni, setengah pelajar-pelajar kita ni dia takut ko Bahasa Arab. Lepas pada PMR, dulu PMR takut ko SMU lari, bukan lari maknanya pindah sekolah. Kemudian, bila lepas SPM dia taknak ambik STAM sebab STAM payoh dia kata 13 subjek wajib lulus belako, dok lulus satu subjek setahun dia kena tunggu. Jadi KIAS sebenarnya menyediakan pendidikan pitah, maknanya lepas SPM boleh

masuk KIAS dan boleh sambung pelajaran ke Al-Azhar, Mesir sebab kita mendapat pengiktirafan daripada Al-Azhar, Mesir belajar di KIAS 3 tahun dan boleh minta pinjaman YAKIN. YAKIN bui pinjaman 3 tahun. Tamat diploma boleh sambung ke Al-Azhar, Mesir.

Dan sekarang ini satu lagi laluan yang kita dapat ialah ke Tunisia, baru ni kita gi dan menerima. Dan akhir bulan ni Timbalan Rektor Universiti Zitouna nok mari pulok ke Kelantan nok tengok KIAS, Pondok Moden kita yang mana baru ni kita hantar 8 orang pelajar Pondok Moden kita untuk belajar di Zitouna, sebuah universiti yang tertua dalam dunia. Tempat Ibnu Khaldum hebat, sumber ilmu pengajian ilmu di sana. Jadi sapa di Mesir tahun 3 tahun 4, boleh mitok pulok pinjaman YAKIN. Dan dapat pointer 3.7 YAKIN akan *convert* sebagai biasiswa.

Jadi sebab tu lah saya kata seolah-olah pendidikan percuma. Jadi saya menyeru lah kepada Ahli Yang Berhormat sekalian boleh sapa ko rakyat-rakyat DUN masing-masing hok tok dapat tawaran ke universiti-universiti awam maka masuk lah KIAS In Shaa Allah kita mampu melahirkan pelajar-pelajar yang cemerlang kerana tenaga-tenaga pengajar di KIAS adalah merupakan pakar-pakar antara yang teramai lah memiliki PhD pensyarah-pensyarah di KIAS. Jadi itu adalah promosi kita untuk melebarkan info ini, pengetahuan ini ke seluruh terutamanya rakyat kita lah di Negeri Kelantan. Terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Saya persilakan Kota Lama.

**YB DR. HAFIDZAH BINTI HAJI MUSTAKIM :**

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Terima kasih Dato' Speaker. Kepada semua saya ingin bertanya ni hao ma, soalan saya pohon dijawab soalan nombor 5.

Soalan 5 :

*Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, status Penyakit tidak berjangkit di negeri Kelantan bagi tahun 2022 sehingga kini serta perbandingannya dengan status penyakit berjangkit di negeri ini.*

**YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :**

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Ni hao ma dih... hao... ta cha hao. Terima kasih kepada Kota Lama atas soalan. Untuk makluman Kota Lama yang bertanyakan mengenai penyakit tidak berjangkit dan penyakit yang berjangkit. Dua penyakit lah. Untuk status penyakit tidak berjangkit di Negeri Kelantan mengikut dapatan kajian baru Tinjauan Kesihatan Dan Mobiliti 2015 sehingga 2023 atau National Health and Mobility Survey (NHMS), 4 hari kita duk sebut NHMS. Penyakit tidak berjangkit, tinjauan ini mendapati bahawasa penyakit tidak berjangkit di Kelantan bagi yang berumur 18 tahun ke atas menurun diabetes, untuk diabetes kencing manis lah daripada 19.5% pada tahun 2019 iaitu seramai 219 000 orang yang berumur 18 tahun ke atas lah diabetes kepada 16.3% pada tahun 2023.

Tinjauan pada tahun 2023 mendapati sebanyak 10% yang mengetahui status diabetes, manakala 6.3% tidak mengetahui mereka menghidap diabetes... haa toktahu. Diabetes meningkat mengikut usia namun ramai yang tidak sedar bahawa mereka menghadapinya, penyakit kencing manis ramai tak tahu.

Yang kedua, hypertency tekanan darah tinggi lah menurun daripada 37.1% pada tahun 2019 sebanyak 415 000 penduduk 18 tahun ke atas kepada 27.9% pada tahun 2023. Pesakit yang tidak mengetahui status penyakit hypertency menurun daripada 21% pada tahun 2019 kepada 12% 2023. Ini adalah hasil-hasil daripada program-program kempen terutamanya di bawah Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) setiap bulan setiap Jabatan Kesihatan diarah mengadakan kempen. Itu antaranya memberi kesedaran kepada penduduk rakyat Kelantan supaya mengetahui jenis-jenis penyakit dan mengadakan saringan penyakit secara berkala lah.

Dan yang ketiga, hypercholestrolemia iaitu kolestrol menurun daripada 51% pada tahun 2019 kepada 34.9% pada tahun 2023. Walau bagaimanapun, kadar kolestrol ini hypercholestrolemia melebihi kadar kebangsaan iaitu 33%, kita 34% Kelantan. Dan *prevelance* berlebihan berat badan di kalangan dewasa statik daripada 28.5% pada tahun 2019 kepada 28.2% pada tahun 2023, statik tak ada perbezaan. Manakala *prevelance* obesiti BMI melebihi 30 ke atas pula menunjukkan peningkatan daripada 16.2% pada tahun 2015, 20% pada tahun 2019 kepada 23.4% pada tahun 2023. Lebih daripada separuh iaitu 51% rakyat Kelantan mempunyai masalah berat badan dan juga obesiti. Makna Kelantan separuh, separuh berat badan ni... termasuk ambo sekali lah ni In Shaa Allah jadi motivasi kepada kita. Makna separuh okay, separuh berat sikit.

Bagi golongan remaja pula antara umur 13 hingga 17% *prevelance* berlebihan berat badan stabil untuk remaja kita pada kadar 15.2%... tok start make lagi remaja ni... pada tahun 2017 kepada 15.6% tahun 2022. Manakala obesiti meningkat daripada 11.3% tahun 2017 kepada 13.3% pada tahun 2022. Panjang jugok kesihatan ni takpo lah kito mitok masa.

Bagi kanak-kanak bawah 5 tahun prevelance kurang berat badan, kurang zat nutrisi kurang, make nugget sosej budak-budak ni meningkat daripada 16.8% pada tahun 2016 kepada 19.6% pada tahun 2022. Bantut menurun daripada 34% pada tahun 2016 kepada 23% pada tahun 2022 dan susut menurun daripada 12% tahun 2016 kepada 10.6% pada tahun 2023.

Ini yang penting bagi kes serangan penyakit jantung yang dimasukkan ke hospital Negeri Kelantan trend peningkatan ketara dilihat daripada hanya 5669 kes pada tahun 2022 kepada 6153 kes pada tahun 2023. Peningkatan 1000 orang lebih. Dan juga bagi penyakit mental pula 4.6 penduduk di Malaysia berumur 16 tahun ke atas mengalami kemurungan. Bilangan penduduk yang mengalami kemurungan meningkat dua kali ganda dari tahun 2019 sehingga 2023. Dua kali ganda peningkatan pesakit mental. Namun tiada statistik masalah kesihatan mental di Kelantan kerana limitasi kajian. Kita nak ni tapi dia kata takdok statistik yang jelas. Itu untuk penyakit tidak berjangkit, yang kedua penyakit berjangkit.

Analisa data penyakit berjangkit di Kelantan dari tahun 2020 hingga minggu epik 45 tahun 2024 yang merangkumi 5 penyakit utama yang

dilaporkan. Yang pertama, demam denggi. Kedua, Covid-19. Ketiga, keracunan makanan. Keempat, Tuberkulosis dan penyakit kaki, tangan dan mulut (HFMD). Beberapa trend yang penting dapat diperhatikan sebagaimana berikut :

i. Demam denggi menunjukkan peningkatan ketara daripada 1227 kes pada tahun 2022 kepada 2790 kes pada tahun 2023. Mencatat peningkatan sebanyak 127.3% pada tahun 2023, peningkatan 127% lah. Pada tahun 2024 tahun ni kes terus meningkat sebanyak 7.6% menjadikan jumlah keseluruhan 3003 kes sehingga minggu epik 45. Denggi ketara.

ii. Yang kedua, keracunan makanan memperlihatkan trend peningkatan yang konsisten daripada 910 kes pada tahun 2022 kepada 1323 kes pada tahun 2023 iaitu peningkatan sebanyak 45.5%. Kes terus meningkat pada tahun 2024 sebanyak 28.1% dengan jumlah keseluruhan 1694 sehingga minggu epik 45. Manakala Covid-19 menurun lah.

iii. HFMD juga menunjukkan trend penurunan yang memberangsangkan. Kes menurun daripada 7723 pada tahun 2022 kepada 6552 kes pada tahun 2023. Penurunan sebanyak 14.6%.

iv. Dan juga Tuberkulosis juga mencatat trend yang lebih stabil. Kes meningkat sedikit daripada 1138 kes pada tahun 2022 kepada 1220 kes pada tahun 2023. Itu peningkatan sebanyak 7.2%.

Secara keseluruhannya, Covid-19, HFMD menunjukkan penurunan yang positif sementara demam denggi, keracunan makanan memerlukan perhatian khusus untuk mengawal peningkatan yang berterusan.

Bagi mengatasi situasi ini, beberapa tindakan yang disarankan oleh JKM termasuk yang pertama, peningkatan pendidikan kesihatan awam, memperkasakan program kesedaran mengenai kebersihan diri. Yang ketiga, keselamatan makanan dan pencegahan penyakit. Yang kedua, kawalan tempat pembiakan nyamuk. Seterusnya, meningkat usaha penghapusan tempat pembiakan nyamuk untuk mengurangkan penularan demam denggi.

Dan rumusan perbandingan antara penyakit tidak berjangkit dan penyakit berjangkit berdasarkan analisa kedua-dua pernyataan tadi

terdapat perbezaan trend yang ketara antara penyakit tak berjangkit dengan penyakit berjangkit di Kelantan sepanjang tempoh yang dilaporkan. Secara keseluruhannya, beberapa penyakit tak berjangkit utama seperti diabetes, hypertency dan hypercholestrolemia menunjukkan penurunan yang positif. Namun begitu, isu berat badan berlebihan, obesiti dan kesihatan mental kekal menjadi cabaran utama yang memerlukan perhatian yang serius. Dan bagi penyakit berjangkit pula terdapat variasi trend yang ketara dalam 5 penyakit utama di Kelantan, keracunan makanan dan demam denggi menunjukkan peningkatan ketara dari tahun 2022 hingga tahun 2024 menandakan perlunya langkah kawalan yang lebih berkesan.

Kesimpulannya, Kelantan sedang berdepan dengan situasi *double burden of disease* dimana terdapat peningkatan kedua-dua kategori penyakit tidak berjangkit dan penyakit berjangkit. Masalah budaya makan lewat malam dan makan makanan yang tidak berkhasiat perlu ditangani segera. Kemudahan tempat-tempat rekreasi, taman awam dan kompleks sukan perlu diperbanyakkan supaya lebih ramai masyarakat dapat mengamalkan cara hidup aktif dan sihat. Pendekatan yang menyeluruh dan berfokus diperlukan untuk menangani kedua-dua *double burden of disease* ini demi meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan rakyat Kelantan. Terima kasih.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Silakan Kota Lama.

**YB DR. HAFIDZAH BINTI HAJI MUSTAKIM :**

Terima kasih Yang Berhormat Exco atas penjelasan dan kejayaan menurunkan sebahagian daripada statistik penyakit tidak berjangkit. Mengawali untuk soalan saya berhubung dengan penyakit tidak berjangkit di negeri ini saya ingin menarik perhatian Dewan bahawa 2 hari lepas 25 November adalah Hari Penghapusan Keganasan Terhadap Wanita dan bermulanya Kempen 16 Hari Menghentikan Keganasan Terhadap Wanita Peringkat Dunia sehingga 10 Disember ini Hari Hak Asasi Dunia. Dan kita tahu keganasan paling dasyat abad ini adalah pembunuhan atau *genocide* yang kini mengorbankan 44 000 rakyat Palestin kebanyakannya wanita dan kanak-kanak.

Dan saya ingin merakamkan di Dewan ini ucapan terima kasih saya kepada Kerajaan Negeri Kelantan melalui kenyataan Timbalan Menteri Besar menyokong gesaan Perdana Menteri Malaysia untuk menyingkirkan Israel daripada Pertubuhan Bnagsa-Bangsa Bersatu dan ini satu cara kita sokong dan dokong. Soalan saya apakah polisi dan tindakan Kerajaan Negeri bagi membantu kesihatan mental emosi, rohani dan fizikal... mental, emosi, rohani, dan fizikal 1670 wanita mangsa keganasan yang dilaporkan di negeri ini antara tahun 2020 hingga 2023. Dan soalan pendek saya nombor 2, terima kasih kerana menyatakan perkembangan terkini tentang masalah satu lagi penyakit tidak berjangkit iaitu masalan kebantutan ianya adalah kelaparan tersembunyi hidden hunger, isu makanan tidak berkhasiat yang menghasilkan kebantutan susut badan dan obesiti. Jadi apakah mungkin perlu diterangkan bagaimana kita tadi berjaya menurunkan kadar kebantutan dan apakah langkah-langkah yang disarankan untuk terus mengekalkan mahu menurunkan kebantutan dalam kalangan kanak-kanak. Terima kasih.

**YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :**

Soalan ni mari doktor tanya lawyer, lawyer boleh jawab ni pusing sebenarnya. Tapi soalan rasmi, kita jawab secara rasmi. Ambo baru tahu ambo tok tu mano mengenai isu keganasan wanita. Jadi diletakkan oleh ADUN  Kota Lama bahawa penyakit tidak berjangkit dok, bagi ambo penyakit tak berjangkit berkaitan kesihatan dalam tubuh lah. Penyakit tak berjangkit ni dia kita make kita minum. Cuma antara penyakit tak berjangkit itu mental, kita letak kategori keganasan rumah tangga bawah mental lah.

Kita pun duka cita lah nyatakan oleh Kota Lama iaitu 1760 dilaporkan kes keganasan rumah tangga di Kelantan antara 2020 sehingga 2023 untuk 3 tahun 1700 telah dilaporkan. Kita di Malaysia dia ada Akta Keganasan Rumah Tangga dan antara akta ni akta yang digeruni oleh kaum lelaki, ada pro dia ada cons dia. Dia menjadi tok molek nyo berlaku salah faham antara isteri dan suami. Kemungkinan isterinya balik lewat, keluar rumah tak minta izin, kalu ikut Islam nusyuz lah. Kita boleh lah rotan sikit tapi kita ikut undang-undang sivil walaupun suami merotan isteri, dia buat report polis kena igak lah esok suami masuk lokap. Reman menyebabkan suami masuk lokap hanya nak menegur isteri, kemungkinan betul kemungkinan tak betul tapi kita nak selesai masalah rumah tangga tu kira kerat rotan lah. Sepatut isteri ni lapor kepada tok

imam kalu ikut pada kita lapor dulu ke imam bayar 2 ringgit ko lagu mano kea.

Yelah... dia berkaitan dia kena kembali kepada agama. Cuma untuk perbandingan kalu ambo rasa kita bandingkan data ni dengan negeri-negeri lain lah untuk kita tengok setakat mana keseriusan isu rumah tangga di Kelantan. Pahni ambo cuba buat kajian lah 1700 di Kelantan tengok Terengganu berapa, KL berapa, Johor berapa, kita tengok setakat mana kita punya ranking trend yang berlaku di Kelantan tu lah. Kalu ikut Islam nya ada beberapa kriteria untuk suami memilih isteri. Semalam dibacakan hadis oleh Yang Berhormat Dato' TMB, ambo tok ingat doh لأَرْبَعِ الْمَرْأَةُ تُنْكَحُ kahwini lah isteri sebab 4 kriteria لِمَالِهَا kerana harta dia, وَلِجَمَالِهَا kerana kecantikannya, وَلِحَسَبِهَا kerana keturunannya وَلِدِيْنِهَا kerana agama dia In Shaa Allah kita memilih isteri yang beragama, isteri ini akan ada satu kaedah untuk menyelesaikan masalah suami isteri. Kalau memilih isteri yang kurang beragama masalah dengan suami dia tidak kecek kiro dengan tok laki, dio kecek dengan saeng dio.

Jadi ada masalah dengan tok laki... tok laki aku semale dio oyak gini ko saeng dio mung jange oyak ko ore kito duo, tokdea dua lakoh tubik doh viral doh jabat dio. Kawe ni masalah dengan suami masalah dengan isteri tu antara masalah. Dan untuk isteri pilih suami satu saje lelaki yang bertakwa. Lelaki bertakwa ni kalu dio suko kepada mu dio akan rai dio akan pujo akan junjung kamu wahai perempuan. Kalu laki ni bertakwa dia tok suko kepada mu, dio takkan khianat kepada mu. Tu antara cara pilih pasangan tu bermula, daripada situ bermulanya kita selesai masalah rumah tangga. Ambo rasa tu lah jawapan ambo untuk kita respon mengenai masalah keganasan rumah tangga. Kita memang berhasrat lah untuk menyambut baik segala program-program peringkat persekutuan diadakan di peringkat negeri untuk menjaga martabat wanita dan Islam pasti lah sebuah agama yang mana zaman Jahiliyah meletakkan wanita daripada bawah naik ke atas. Kelantan pun ada exco wanita, tok ngulu wanita, majlis-majlis wanita. Banyok hok laki dapat wanita pun dapat, Al-Adalah Al-Musawah In Shaa Allah. Sekian.

**YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :**

Sebelum saya teruskan suka lah saya ingatkan kepada Yang Berhormat soalan yang ditanya soalan tambahan harus lah berkaitan dengan soalan asal. Soal berkaitan dengan penyakit tidak berjangkit dan penyakit

berjangkit, jadi jangan lah kita kata kita buka soalan yang bunyi macam sama tapi tidak sama. Silakan Bunut Payong.

**YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN :**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Ini soalan yang berkaitan dengan penyakit. Di musim banjir... musim banjir ramai terlibat dengan banjir, ada kita buka pusat-pusat pemindahan sementara. Cuma saya nak tahu sejauh mana persediaan Kerajaan Negeri untuk mengurangkan risiko penyakit bawaan air yang mungkin merebak sewaktu musim banjir ini.

**YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :**

Ya soalan yang sesuai. Masa yang sesuai kita dalam musim tengkujuh. Jadi ambo daripada Kuala Krai nak mari ke sini tadi. Ada dua tiga halangan, satu air naik di Tahfiz Pulai Chondong, berhenti situ tapi kita mari dengan 4x4, kemudian di Kok Lanas sekat pingge air, masuk jale kapung. Jadi ada sekatan. Dan kita peringkat negeri kita ada jawatankuasa pengurusan bencana dan pastilah dalam tu ada wakil daripada Jabatan Kesihatan untuk kesihatan awam yang menyelenggara dan juga menetapkan prosedur-prosedur yang perlu dipatuhi oleh semua PPS tempat pemindahan banjir macam untuk pengendali makanan, kita YB Exco Kebajikan telah memohon dari awal supaya semua adun dapat memberikan nama petugas-petugas pengendali jurumasak lah untuk kita suntik dan juga ada SOP dan sementara tu supaya tak berlaku penyakit yang berjangkit, kalau musim covid diasingkan khemah. Situasi semasa akan dikawal selia oleh petugas kesihatan di daerah masing-masing. Kalau ada masalah kita akan refer kepada petugas kesihatan, kalau ada masalah dialisis, kena laporkan kepada ketua PPS bahawasanya kita ni perlu dialisis.

Kita akan sediakan ambulans, kita akan sedia bot daripada awal, ni ada penyakit jantung, kita tak letak tingkat 4 lah dia nya, kita letak bawah. Tu antara penyelesaian-penyelesaian asas lah. Yang kita memang cakna setiap kali adanya perpindahan di mana-mana PPS ambo percaya semua petugas yang telah dilantik mengikut kepakaran, pengalaman pengetahuan dah tahu cara untuk bertindak atas situasi-situasi yang berlaku di tempat PPS masing-masing. Terima kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Silakan Tawang.

**YB TUAN HARUN BIN ISMAIL :**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan kepada soalan saya nombor 6.

Soalan 6 :

*[ Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah langkah-langkah yang diambil bagi menghadapi musim tungkujuh pada tahun ini terutama di kawasan yang teruk menghadapi banjir?]*

**YB PUAN HJH. ROHANI BIN IBRAHIM :**

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato Speaker, terima kasih pada YB Tawang,

Saya ingin mengambil kesempatan untuk menjawab bagi soalan Bunut Payong yang tidak sempat dijawab pada hari kedua. Sebagaimana yang kita tahu terkini hujan telah turun dengan lebatnya di Negeri Kelantan dan secara umumnya berlaku kenaikan air di tempat-tempat yang berisiko tinggi untuk berlakunya banjir. Terkini… perkembangan terkini mengenai PPS yang telah dibuka sehingga pukul 9 pagi tadi iaitu sebanyak 40 buah pusat pemindahan sementara yang melibatkan 8 daerah di Negeri Kelantan dan melibatkan 1,952 orang dari 602 keluarga dan dimaklumkan ianya semakin meningkat. Apapun kita teruskan berdoa semoga dipermudahkan urusan rakyat Kelantan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Kelantan sinonim dengan banjir hampir setiap tahun dalam skala biasa namun dalam sejarah banjir besar di Kelantan telah merekodkan pada tahun 1926, 1967 iaitu selepas 41 tahun, 2004 iaitu selepas 37 tahun dan 2014 selepas 10 tahun. Ianya bermaksud bukanlah kitaran 10 tahun secara berturut-turut. Kita doakan semoga sejarah 2014 tidak berulang lagi pada tahun ini

insyaAllah. Walaubagaimanapun kerajaan Negeri Kelantan mengambil serius mengenai kesiap-siagaan awal secara bersepadu dan merentasi pelbagai agensi berdasarkan pengalaman yang lalu iaitu 2014. Kita telah mengadakan beberapa siri pertemuan dengan agensi-agensi berkaitan bencana sejak September lagi. Bagi mendapatkan maklumat terkini mengenai tahap kesiap-siagaan bagi menghadapi monsun timur laut 2024, 2025 yang dijangkakan berlaku November hingga Mac 2025.

Antaranya kita mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri JPBN Kelantan bagi menyelaraskan persediaaan bagi menghadapi monsun timur laut ini. Ianya telah dipengerusikan oleh Dato' Kaya Setia, Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan. Setelah mendapat maklum mengenai amaran keadaan cuaca monsun timur laut, pihak MET Malaysia. Perkara yang paling awal yang diambil adalah kerahan dan gesaan kepada masjid, surau dan agensi-agensi dan rakyat Negeri Kelantan agar mengadakan solat hajat bagi mendoakan keselamatan dan dijauhkan daripada bencana banjir pada tahun ini. Saya pohon agar semua pihak dapat perhebatkan solat hajat di masjid-masjid dan surau dan memohon para imam boleh memperingatkan kepada semua ahli Qariah agar mengambil langkah keselamatan diri dan ahli keluarga terutamanya anak-anak. Sentiasalah patuh pada arahan pihak berkuasa dari semasa ke semasa dan pantaulah anak-anak agar tidak bermain di tempat-tempat yang dijangka ataupun dikira berbahaya kepada keselamatan nyawa lah.

Dari segi persiapan pusat pemindahan sementara PPS sebanyak 459 pusat pemindahan sementara telah dikenalpasti dengan jumlah kapasiti 186,440 orang bersedia untuk dibuka berbanding pada tahun lepas hanya 214 PPS yang telah dibuka dengan menampung seramai 46,618 orang.

Setiap jajahan juga diminta menambah baikpulih pusat pemindahan sementara yang aktif yang telah dikenalpasti bagi memerlukan penambahbaikan. Kerja-kerja ini telah dibuat sebanyak 38 PPS dan diharap ianya telah selesai dilaksanakan dan dengan bajet sebanyak 810,000 yang disalurkan oleh NADMA. Dari segi persiapan bekalan makanan, pihak JKM telah menyediakan sebuah depo simpanan utama untuk keperluan banjir ini di peringkat negeri. 6 buah stor bencana daerah dan 160 buah pengkalan hadapan di seluruh negeri. Sebanyak 85

pembekal barangan keperluan bencana telah dilantik di semua jajahan yang mana akan diuruskan oleh Jawatankuasa Makanan di PPS masing-masing. Sehubungan dengan keputusan kerajaan negeri menetapkan semua PPS akan menyediakan makanan bermasak melalui kaedah gotong-royong sebagaimana yang disebutkan oleh exco PBT tadi. Pihak JKM yang dibantu oleh penggawa, penghulu telah menyediakan petugas memasak bagi PPS seluruh Kelantan dan kita mengharapkan ianya dapat diselesaikan dengan cara cukup harmoni dan terbaik.

Dari segi kesiap-siagaan maklumat cuaca semasa pihak JPS Negeri Kelantan telah menyediakan sebanyak 108 stesen telemetri, hujan dan aras air. 59 buah siren amaran banjir. 107 buah tolok arus. 5 buah webcam. 137 pam bergerak dan 1 empangan pertanian dan 4 kolam takungan air. Sekali lagi saya ingin tegaskan kepada semua penduduk di sekitar yang berisiko banjir perlu sentiasa peka kepada siren amaran banjir yang dibuat, jangan ambil mudah mengenai amaran yang dikeluarkan oleh pihak yang berwajib. Elakkan kita membiarkan keluarga kita bermain di tempat-tempat yang dijangka berbahaya. Sebagai langkah kritikal segera yang khusus bagi kawasan yang sangat berisiko banjir, yang buruk di Rantau Panjang. Pihak JPS Pasir Mas telah menyegerakan projek pembinaan 20 unit laluan air keluar bagi Projek PLSB Sungai Golok Fasa 1 dan benteng yang pecah semasa MTL tahun lalu tidak akan ditambat kembali bagi mengurangkan kesan banjir di kawasan Rantau Panjang. Ini telah di-detailkan oleh YB Exco Infra pada pergolongan yang lepas. Sebanyak 618 lokasi telah disenaraikan sebagai *'hot spot'* banjir bagi tahun 204 di seluruh Negeri Kelantan yang telah dikenal pasti oleh pihak Jambatan Bomba dan Penyelamat dan ini bagi meningkatkan kesiapsagaan penduduk berkenaan dan semua untuk bantuan. Dari segi tenaga kerja dan peralatan, seramai 7,209 anggota ataupun petugas yang terdiri daripada APM, Bomba, PDRM, Rela, ATM dan 10 agensi lain akan digerakkan bersama 19,619 buah pelbagai aset berbanding dengan tahun lepas. Seramai 7,147 anggota dengan 17,147 aset sahaja. Semoga ianya dipermudahkan urusan kita.

Jabatan Kebajikan Masyarakat juga telah mengadakan siri latihan amal simulasi iaitu di jajahan Tanah Merah dan juga Pasir Puteh sebagai latihan kemahiran. Kita juga dimaklumkan peruntukan sebanyak 550,000 daripada pihak Nadma telah disediakan untuk tujuan kos tuan operasi dan makan minum petugas serta penyelamat banjir. Jabatan

Bomba Negeri Kelantan juga telah memaklumkan bahawa telah menyediakan sebuah helikopter bakal akan ditempatkan di Negeri Kelantan dan satu regional forward base akan berpengkalan di Akademi Bomba Wakaf Tapai, Terengganu sebagai kumpulan sokongan bagi wilayah timur. Angkatan Pertahanan Awam Negeri Kelantan juga memaklumkan telah mengaktifkan team paras pasukan respon sokongan bencana iaitu satu kumpulan sokongan kepada negeri-negeri berdekatan sekiranya terkesan dengan banjir dalam tempoh MPL ini. Di peringkat Jawatankuasa Kebajikan Bencana Negeri Kelantan, persiapan juga telah dilakukan lebih awal iaitu kita mengadakan Mesyuarat Penyelarasan bersama dengan agensi dan juga kita mengadakan latihan kesiap-siagaan sukarelawan menghadapi bencana bersama NGO kepada lebih 100 orang sukarelawan pelbagai latar belakang.

Taklimat penyelarasan dan kesiapsagaan kebajikan monsun timur laut yang menghimpunkan jawatankuasa penyelaras bantuan bencana peringkat dun-dun, penggawa, badan-badan NGO dan juga agensi yang berkaitan. Majlis ramah mesra Hi-Tea bersama NGO Kebajikan dan Bencana yang mana kita telah menghimpunkan lebih 34 NGO dari pelbagai kepakaran seperti pasukan kenderaan 4x4, pasukan radio amateur dan lain-lain yang aktif membantu ketika banjir. Kita sangat mengalu-alukan sokongan dan dokongan daripada rakan-rakan NGO yang sangat bersemangat dalam membantu memberikan kebajikan kepada mangsa banjir.

Selain dari itu kita mengadakan kempen-kempen kepada rakyat yang mana kita telah dan sedang dijalankan iaitu melalui papan iklan elektronik dan iklan poster maya dan juga edaran flyers dan poster fizikal mengenai tips menghadapi banjir ke seluruh rakyat Negeri Kelantan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengambil kesempatan pada pagi ini mengucapkan jutaan penghargaan yang tidak terhingga kepada semua pihak yang telah memberikan komitmen yang terbaik secara langsung dan tidak langsung dalam usaha kesiap-siagaan negeri bagi menghadapi sebarang kemungkinan bencana ini.

Kerjasama yang sangat baik oleh agensi penyelamat dalam membantu melatih mempersiapkan para sukarelawan dari pelbagai NGO perseorangan terlibat juga amat-amat dihargai. Akhir, kita doakan

semoga banjir di Negeri Kelantan ini dipermudahkan urusan dan diberikan kerahmatan kepada semua rakyat Kelantan insyaAllah.

Sekian..

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**YB DATO' SPEAKER:**

Tawang, soalan tambahan?

**YB TUAN HARUN BIN ISMAIL :**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Exco. Alhamdulillah nampaknya persiapan begitu detail dan panjang yang telah disebut oleh Kerajaan Negeri. Namun, adakah disana ada persiapan dalam bentuk yang lain lagi iaitu persiapan dalam bentuk rohani? Makanan rohani untuk mengelakkan daripada stress dan sebagainya kepada mangsa-mangsa yang berada di pusat pemindahan sementara, sekian.

**YB PUAN HJH. ROHANI BIN IBRAHIM :**

Terima kasih yang bertanya. Rohani yang menjawab harini. Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagaimana makluman semua Negeri Kelantan di bawah jawatankuasa pemindahan sementara kita ada 2 jawatankuasa tambahan iaitu jawatankuasa aktiviti dan jawatankuasa ibadah. Di PPS jawatankuasa aktiviti ini berperanan untuk mengatur pengisian program bagi mangsa banjir di PPS untuk mengelakkan mereka merasa tertekan dan dalam masa yang sama mereka akan menjadi lebih terisi masa dengan aktiviti yang disusun oleh NGO mesra dibawah seliaan Kerajaan Negeri Kelantan dan juga NGO-NGO lain yang turut membantu JKM.

Antara aktiviti yang dibuat adalah aktiviti kanak-kanak, tazkirah, solat berjemaah, gotong royong dan aktiviti lain mengikut kesesuaian di PPS. Pada kali ini seramai 194 kaunselor akan bersiap sedia untuk bertugas sebagai psychology support team (PST) di PPS bagi membantu mangsa-mangsa banjir yang memerlukan bantuan. Sekian.

**YB DATO' SPEAKER :**

Silakan Wakaf Bharu.

**YB TUAN MOHD RUSLI ABDULLAH :**

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker. Jadi hujan lebat semalam, Wakaf Bharu antara yang terkena ataupun melanda banjir di Wakaf Bharu dan dimana pagi ni nya pukul 9:30, 1 PPS telah dibuka, mangsanya dalam 110 orang melibatkan 20 keluarga. Soalan tambahan, bagaimanakah kerajaan untuk memastikan PPS dan juga kelengkapan mencukupi untuk menampung mangsa-mangsa banjir? Sekian, terima kasih.

**YB PUAN HJH. ROHANI BIN IBRAHIM :**

Terima kasih kepada Yang Berhormat Wakaf Bharu. Dari sudut peralatan keperluan di PPS, kita insyaAllah sekiranya tidak ada berlaku bencana yang luar biasa, insyaAllah keperluan itu mencukupi, cuma kena berdaftar gi di PPS, insyaAllah kita akan memberikan bantuan yang selayaknya.

Sekian.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**YB DATO' SPEAKER :**

Dipersilakan Yang Berhormat Semerak.

**YB TUAN NORSHAM BIN SULAIMAN:**

Terima kasih Dato' Speaker. Soalan saya nombor 7 pun jawapan.

Soalan 7 :

*[ Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah status terkini pembangunan Kompleks Sukan Bukit Merbau?]*

**YB TUAN ZAMAKHSHARI BIN MUHAMAD :**

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Dato' Speaker terima kasih Semerak atas soalan yang ditanya berkenaan status terkini pembangunan kompleks sukan Bukit Merbau. Pembangunan Madinah Ar-Riadhah Bukit Merbau atau lebih dikenali sebagai Kompleks Sukan Bukit Merbau merupakan kolaborasi pembangunan bersama diantara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dalam membangunkan kemudahan sukan bertaraf kebangsaan bagi tujuan penganjuran temasya sukma Kelantan 2028 dan seterusnya membudayakan gaya hidup sihat bagi rakyat negeri ini dengan fasiliti yang lebih sempurna sebagaimana dalam pembentangan ataupun jawapan daripada Exco Kesihatan tadi maknanya untuk mengurangkan obesiti. Kita menggalakkan gaya hidup sihat bagi rakyat Kelantan insyaAllah.

Pada masa ini kerja-kerja tanah di tapak sedang giat dilaksanakan dengan hampir keseluruhan tapak pembangunan venue sukan telah siap untuk diserahkan kepada Jabatan Kerja Raya Malaysia bagi tujuan pembinaan-pembinaan venue utama termasuklah tapak stadium utama, kompleks dan squash dan gelanggang bowling padang. Peratusan semasa pembangunan kerja tanah adalah 70.9% berbanding dengan jadual sebenar yang sepatutnya 79% maknanya lewat lebih kurang 8% dengan kelewatan 45 hari. Kerja-kerja tanah bagi pembinaan jalan utama juga giat dilaksanakan dengan panjang keseluruhan adalah 2.854 kilometer dan status kemajuan fizikal adalah 51% untuk jalan utama kesiapannya adalah 51%. Faktor utama kelewatan berlaku adalah disebabkan kerja-kerja mengebom batu hampar yang sangat besar dan rumit serta diluar jangkaan asal. Kontrak kerja tanah bagi pembangunan ini adalah di bawah peruntukan kerajaan negeri dengan kontrak sebanyak RM62 juta.

Pada masa yang sama, kerja-kerja pembangunan infra dan utiliti bagi Madinah ar-riadhah sedang dijalankan. Kalau tadi kerja tanah, hokni kerja infra dan utiliti. Salah satu aspek penting dalam projek ini adalah kerja- kerja pemasangan paip utama yang telah dimulakan dengan peratusan kemajuan kerja fizikal sebenar adalah 31% bagi utiliti dan

sedang mengikut jadual yang ditetapkan. Pemasangan sistem retikulasi air ini merangkumi sejauh 2 kilometer di sepanjang jalan masuk utama. Selain itu pembinaan rumah pam dan tangki sedutan juga telah dimulakan dengan mencapai kemajuan fizikal sebanyak 14.92%. Pembinaan infra yang giat ini dilaksanakan untuk memastikan bekalan air yang mencukupi dan sistem utiliti yang efisien bagi kompleks sukan ini.

Kontrak untuk pembangunan infra ini adalah juga dibawah peruntukan kerajaan negeri dengan nilai kontrak semasa yang ditetapkan sebanyak RM53 juta. Manakala kontraktor utama untuk stadium utama telah memasuki tapak. Maksudnya walaupun kerja tanah ini belum siap sepenuhnya tapi dia mempunyai komponen-komponen yang banyak. Jadi makna komponen untuk stadium utama ni sudah boleh dimasuki dan kerja-kerja awalan seperti pembinaan tapak bagi stadium utama kini sedang dijalankan. Eh sorry. Pembinaan pejabat tapak ataupun *'sight office'* bagi stadium utama ini sudah dilaksanakan. Pada masa yang sama, kerja-kerja asas tapak seperti ujian cerucuk ataupun *'testing pile'* juga sedang dilakukan untuk memastikan kestabilan dan keselamatan struktur yang akan dibina. Sementara itu, bagi pembinaan arena tertutup, jangkaan SST adalah pada 9 Disember. Maknanya bulan depe insyaallah akan ada SST bagi stadium tertutup. 8 sasar menembak SST adalah pada 28 Oktober 2024. Kompleks hoki jangkaan SST adalah 25 Julai 2025. Projek-projek ini berada dalam peringkat proses perolehan di Jabatan Kerja Raya Malaysia yang menunjukkan kemajuan positif dalam usaha membangunkan kemudahan sukan.

Bagi pembinaan pusat squash, jangkaan SST adalah pada 15 Ogos 2025 dan gelanggang bowling padang jangkaan SST adalah pada 15 Ogos 2025. Projek-projek ini secara umumnya masih berada dalam peringkat penyediaan dokumentasi sebelum dapat diangkat ke proses perolehan menandakan langkah berterusan dalam memastikan semua kemudahan dapat disediakan seiring dengan peruntukan yang telah diluluskan dalam Rolling Plan 2 RMK12 insyaAllah. Segala perancangan ini telah diselaraskan bersama oleh kerajaan negeri dan JKR Malaysia bagi memastikan semua venue sukma Kelantan dapat disiap menjelang akhir tahun 2027. Sekian terima kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Silakan soalan tambahan, Semerak.

**YB TUAN NORSHAM BIN SULAIMAN :**

Terima kasih Dato' Speaker

Bilakah jangkaan kita Kompleks Bukit Merbau ini akan siap sepenuhnya? Dan apakah kemudahan-kemudahan lain yang ada dalam Kompleks ini? Terima kasih.

**YB TUAN ZAMAKHSHARI BIN MUHAMAD :**

Ok terima kasih Semerak atas soalan tambahan.

Secara keseluruhannya pembangunan Kompleks Sukan Bukit Merbau ini sebagaimana disebut tadi sedang berjalan dengan lancar dengan sedikit kelewatan disebabkan beberapa faktor yang disebutkan tadi di mana dari segi perancangannya dijangka bahawa keseluruhan pembangunan akan siap sepenuhnya menjelang Ogos 2027. Dimana tarikh akhir berdasarkan perancangan seluruh pembinaan frasarana sukan akan siap menjelang Ogos 2027 sebelum Sukma Kelantan 2028. Manakala venue-venue utama dia ada ataupun saya sebut sini tentang masterplan keseluruhan di Kompleks Sukan Bukit Merbau, dia ada 12 termasuk kemudahan-kemudahan.

Yang pertama, Stadium Utama Bukit Merbau yang sudah dalam fasa pembinaan.

Yang kedua, Stadium Hoki dalam proses perolehan.

Yang ketiga, arena tertutup serbaguna dalam proses perolehan.

Yang keempat, lapang sasar menembak dalam proses perolehan.

Yang kelima, Kompleks Squash dalam penyediaan dokumen.

Yang keenam, Gelanggang Longball dalam penyediaan dokumen.

Yang ketujuh, pembinaan ataupun padang Ragbi dalam penyediaan dokumen.

Yang kelapan, padang bola sintetik belum bermula.

Dan komponen-komponen lain adalah Masjid Bukit Merbau, Sekolah Sukan, pembangunan bercampur bermakna termasuk kediaman dan sebagainya. Dan yang terakhirnya adalah Medan Usahawan ataupun Medan Selera. Itulah antara komponen-komponen yang terlibat dalam pembangunan Kompleks Sukan Bukit Merbau. Terima kasih.

**YB DATO' SPEAKER :**

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya berhasrat untuk menangguhkan dewan pada pagi ini. Dewan akan disambungkan semula pada jam 11:00 pagi.

**PERSIDANGAN DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 10.30 PAGI DAN AKAN BERSAMBUNG SEMULA PADA JAM 11.00 PAGI**

**PERSIDANGAN DEWAN DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 11.00 PAGI**

**YB DATO' SPEAKER :**

Persidangan Dewan disambung semula.

**SETIAUSAHA :**

**[ Rang Undang-Undang Yang Keenam ]**

Rang Undang-Undang Yang Keenam.. **YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR** akan mencadangkan Rang Undang-Undang (Elaun dan Keutamaan) Majlis Perajaan dan Majlis Penasihat Raja 1964.

**RANG UNDANG-UNDANG (ELAUN DAN KEUTAMAAN) MAJLIS PERAJAAN DAN MAJLIS PENASIHAT RAJA 1964.**

==========

[ BACAAN KALI PERTAMA ]

**YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR** :

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan suatu Rang Undang-Undang yang bergelar –

> **SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA UNDANG-UNDANG (ELAUN DAN KEUTAMAAN) MAJLIS PERAJAAN DAN MAJLIS PENASIHAT RAJA 1964.**

hendaklah dibaca bagi Kali Yang Pertama.

**YB DATO' TIMBALAN MENTERI BESAR** :

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

**YB DATO' SPEAKER** :

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-Undang tersebut hendaklah dibaca bagi Kali Yang Pertama.

**SETIAUSAHA : SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA UNDANG-UNDANG (ELAUN DAN KEUTAMAAN) MAJLIS PERAJAAN DAN MAJLIS PENASIHAT RAJA 1964.**

**[ PERATURAN-PERATURAN DAN PERINTAH-PERINTAH TETAP 122]**

**YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR** :

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap 122 dipakai bagi maksud membolehkan saya menjalankan Rang Undang-Undang ini pada semua tingkatan dalam Persidangan ini pada hari ini juga.

**YB DATO' TIMBALAN MENTERI BESAR** :

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

**YB DATO' SPEAKER :**

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada di hadapan kita sekarang ialah satu cadangan supaya Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap 122 dipakai bagi maksud membolehkan Rang Undang-Undang ini dijalankan pada semua tingkatan dalam Persidangan Dewan pada hari ini juga.

Dengan demikian, saya kemukakan cadangan tersebut bagi diundi.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT YANG BERSETUJU, KATA "SETUJU", AHLI-AHLI YANG TIDAK BERSETUJU, KATA "TIDAK**".

Dipersetujukan.

**[ BACAAN KALI KEDUA ]**

**YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR** :

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memberitahu bahawa saya akan mencadangkan bacaan bagi Kali Yang Kedua bagi Rang Undang-Undang ini dalam Persidangan Dewan pada hari ini juga.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

**SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA UNDANG-UNDANG (ELAUN DAN KEUTAMAAN) MAJLIS PERAJAAN DAN MAJLIS PENASIHAT RAJA 1964.**

hendaklah dibaca bagi Kali Yang Kedua.

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين, والصلاة والسلام على اشرف الأنبياء والمرسلين, وعلى أله وصحبه أجمعين

وَعَدَ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ مِنكُمْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِى ٱلْأَرْضِ كَمَا ٱسْتَخْلَفَ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ وَلَيُمَكِّنَنَّ لَهُمْ دِينَهُمُ ٱلَّذِى ٱرْتَضَىٰ لَهُمْ وَلَيُبَدِّلَنَّهُم مِّنۢ بَعْدِ خَوْفِهِمْ أَمْنًا ۚ يَعْبُدُونَنِى لَا يُشْرِكُونَ بِى شَيْـًٔا ۚ وَمَن كَفَرَ بَعْدَ ذَٰلِكَ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَٰسِقُونَ ٥٥

*Maksudnya : Allah menjanjikan orang-orang yang beriman dan beramal soleh dari kalangan kamu wahai ummat Nabi Muhammad S.A.W bahawa ia akan menjadikan khalifah-khalifah yang memegang kuasa pemerintahan di bumi sebagaimana dia menjadikan orng-orang sebelum daripada mereka khalifah-khalifah yang berkuasa dan ia akan mengembangkan dan akan mengeluarkan agama mereka iaitu agama Islam yang telah diredainya untuk mereka. Dan dia juga akan mengantikan mereka dengan keamanan setelah mereka mengalami ketakutan dari ancaman musuh. Mereka terus beribadat kepada ku dan tidak mempersekutukan yang lain denganku dan ingatlah dengan sesiapa kufur dan ingkar sesudah itu maka mereka adalah orang-orang yang derhaka.*

*Surah An-Nur ayat 55*

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Saya mohon untuk memberitahu bahawa saya mohon mencadangkan bacaan kali yang kedua bagi Rang Undang-Undang (Elaun dan Keutamaan) Majlis Perajaan dan Majlis Penasihat Raja Pindaan 2024 dalam Persidangan Dewan pada hari ini juga.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Saya mohon untuk mencadangkan satu Rang Undang-Undang (Elaun Dan Keutamaan) Majlis Perajaan Dan Majlis Penasihat Raja Pindaan 2024 bagi tujuan meminda seksyen 3 dan seksyen 5 Undang-Undang dan Elaun Dan Keutamaan) Majlis Perajaan Dan Majlis Penasihat Raja 1964.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Saya mohon untuk membacakan fasal-fasal yang terdapat dalam Rang Undang-Undang (Elaun dan Keutamaan) Majlis Perajaan dan Majlis Penasihat Raja Pindaan 2024 enakmen ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, dan Yang Berhormat sekalian, Enakmen ini mengandungi 3 fasal iaitu fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan permulaan tarikh kuatkuasa Enakmen yang dicadangkan. Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 3 dengan menggantikan subseksyen 1 yang baru untuk memasukkan peruntukan elaun-elaun dalam jadual kepada Enakmen Ibu dan memotong Subseksyen 2.

Fasal 3 bertujuan untuk menggantikan seksyen 5 dengan seksyen yang baru. Akhirnya Kerajaan Negeri Kelantan berharap agar Rang Undang-Undang Elaun and Keutamaan Majlis Perajaan dan Majlis Penasihat Raja Pindaan 2024 ini akan mendapat sokongan penuh Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan.

**YB DATO' TIMBALAN MENTERI BESAR** :

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

**YB DATO' SPEAKER** :

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada dihadapan kita sekarang ialah satu Rang Undang-Undang yang bergelar Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen (Elaun dan Keutamaan) Majlis Perajaan Dan Majlis Penasihat Raja 1964.

Sekarang saya kemukakan Rang Undang-Undang tersebut bagi **perbahasan.** Tiada perbahasan? Ok, tiada perbahasan, tiada penggulungan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada di hadapan kita sekarang ialah satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

> **SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA UNDANG-UNDANG (ELAUN DAN KEUTAMAAN) MAJLIS PERAJAAN DAN MAJLIS PENASIHAT RAJA 1964.**

hendaklah dibaca bagi Kali Yang Kedua.

**SETIAUSAHA : SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA UNDANG-UNDANG (ELAUN DAN KEUTAMAAN) MAJLIS PERAJAAN DAN MAJLIS PENASIHAT RAJA 1964.**

[ TINGKATAN JAWATANKUASA ]

**YB DATO' SPEAKER :** Sekarang Dewan bersidang sebagai **Jawatankuasa.**

**[ COKMAR DITURUNKAN ]**

**SETIAUSAHA :**

Fasal 2

**YB DATO' SPEAKER :**

Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :**

Fasal 3.

**YB DATO' SPEAKER :**

Fasal 3 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :**

Fasal 1 dan Fasal-Fasal Mengundangkan.

**YB DATO' SPEAKER :**

Fasal 1 dan Fasal-Fasal Mengundangkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Persidangan Dewan disambung semula.

**[ COKMAR DINAIKKAN ]**

[ BACAAN KALI KETIGA ]

**YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR** :

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memberitahu bahawa satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

> **SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA UNDANG-UNDANG (ELAUN DAN KEUTAMAAN) MAJLIS PERAJAAN DAN MAJLIS PENASIHAT RAJA 1964.**

telah ditimbang dalam Peringkat Jawatankuasa fasal demi fasal dan telah dipersetujukan tanpa pindaan.

Dengan demikian, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

> **SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA UNDANG-UNDANG (ELAUN DAN KEUTAMAAN) MAJLIS PERAJAAN DAN MAJLIS PENASIHAT RAJA 1964.**

hendaklah dibaca bagi Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

**YB DATO' TIMBALAN MENTERI BESAR** :

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

**YB DATO' SPEAKER :**

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada di hadapan kita sekarang ialah satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

> **SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA UNDANG-UNDANG (ELAUN DAN KEUTAMAAN) MAJLIS PERAJAAN DAN MAJLIS PENASIHAT RAJA 1964.**

hendaklah dibaca bagi Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT YANG BERSETUJU, KATA "SETUJU", AHLI-AHLI YANG TIDAK BERSETUJU, KATA "TIDAK".**

Dipersetujukan

Rang Undang-Undang tersebut hendaklah dibaca bagi Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

Enakmen Ini bolehlah dinamakan Undang-Undang (Elaun dan Keutamaan) Majlis Perajaan dan Majlis Penasihat Raja (Pindaan) 2024.
Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2025.

**Rang Undang-Undang Yang Keenam diterima dan diluluskan.**

**DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI OLEH BADAN UNDANGAN BAGI NEGERI KELANTAN.**

---

**[ Rang Undang-Undang Yang Ketujuh ]**

**SETIAUSAHA :**

Rang Undang-Undang Yang Ketujuh, **YB DATO' TIMBALAN MENTERI BESAR** akan mencadangkan Rang Undang-Undang Perhutanan Negara (Pemakaian) (Pindaan (No.3) 2024.

**RANG UNDANG-UNDANG PERHUTANAN NEGARA (PEMAKAIAN) (PINDAAN (NO.3) 2024.**

==========

[ BACAAN KALI PERTAMA ]

**YB DATO' TIMBALAN MENTERI BESAR** : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan suatu Rang Undang-Undang yang bergelar –

> **SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN PERHUTANAN NEGARA (PEMAKAIAN) 1985.**

hendaklah dibaca bagi Kali Yang Pertama.

**YB MEJAR (B) DATO' HJ MD ANIZAM B AB RAHMAN**:

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

**YB DATO' SPEAKER** :

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-Undang tersebut hendaklah dibaca bagi Kali Yang Pertama.

**SETIAUSAHA :**

**SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN PERHUTANAN NEGARA (PEMAKAIAN) 1985.**

**[ PERATURAN-PERATURAN DAN PERINTAH-PERINTAH TETAP 122]**

**YB DATO' TIMBALAN MENTERI BESAR** :

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap 122 dipakai bagi maksud membolehkan saya menjalankan Rang Undang-Undang ini pada semua tingkatan dalam Persidangan ini pada hari ini juga.

**YB MEJAR (B) DATO' HJ MD ANIZAM B AB RAHMAN**:

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

**YB DATO' SPEAKER :**

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada di hadapan kita sekarang ialah satu cadangan supaya Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap 122 dipakai bagi maksud membolehkan Rang Undang-Undang ini dijalankan pada semua tingkatan dalam Persidangan Dewan pada hari ini juga.

Dengan demikian, saya kemukakan cadangan tersebut bagi diundi.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT YANG BERSETUJU, KATA "SETUJU", AHLI-AHLI YANG TIDAK BERSETUJU, KATA "TIDAK**".

Dipersetujukan.

**[ BACAAN KALI KEDUA ]**

**YB DATO' TIMBALAN MENTERI BESAR** :

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memberitahu bahawa saya akan mencadangkan bacaan bagi Kali Yang Kedua bagi Rang Undang-Undang ini dalam Persidangan Dewan pada hari ini juga.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

**SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN PERHUTANAN NEGARA (PEMAKAIAN) 1985.**

hendaklah dibaca bagi Kali Yang Kedua.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Saya mohon untuk memberitahu bahawa saya akan membaca Bacaaan Kali Yang Kedua bagi Enakmen Rang Undang-Undang Perhutanan Negara (Pemakaian) (Pindaan No.3) 2024 pada persidangan Dewan pada hari ini juga.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 1 November 2023 telah membuat keputusan untuk mengkaji keperluan untuk meminda Enakmen Perhutanan Negara (Pemakaian)1985. Pindaan ini bertujuan untuk mengawal selia aktiviti karbon di Negeri Kelantan lantaran aktiviti karbon hutan berpotensi menjadi satu punca hasil baharu kepada Kerajaan Negeri pada masa hadapan disamping menggalakkan pemeliharaan dan pemuliharaan hutan di negeri ini.

Cadangan Pindaan Rang Undang-Undang ini telah diperhalusi dan diperakui oleh Jawatankuasa Kecil Perhutanan (JKKP) Bil.2/2024 untuk diangkat bagi pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan.

Selanjutnya Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 2 Oktober telah membuat keputusan bersetuju untuk Rang Undang-Undang ini dikemukakan kepada persidangan Dewan Negeri pada kali ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Rang Undang-Undang ini hanya melibatka Pindaan kepada 2 peruntukan sahaja dalam Enakmen Perhutanan Negara (Pemakaian) 1985 iaitu untuk mentafsirkan stok karbon dan gas rumah hijau di dalam mana-mana hutan dalam negeri ini sebagai Pihak Berkuasa Negeri untuk mengadakan kaedah berkenaan kawal selia aktiviti karbon hutan dan perkara-perakara yang berkaitan dengannya.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Saya mohon untuk membacakan fasal-fasal yang terdapat dalam Rang Undang-Undang Enakmen Perhutanan Negara (Pemakaian) (Pindaan No.3) 2024 "Enakmen ini". Untuk makluman Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Enakmen ini mengandungi 3 fasal iaitu:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan permulaan tarikh kuatkuasa Enakmen yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan meminda Seksyen 2 Enakmen Ibu dengan memasukkan perenggan (d) berkenaan stok karbon dan gas rumah hijau didalam mana-mana hutan di dalam tafsiran "Hasil Hutan".

Fasal 3 bertujuan meminda subsekyen 111 (2) Enakmen Ibu dengan memasukkan perenggan (x) yang memberi punca kuasa bagi pihak Berkuasa Negeri untuk membuat kaedah berkenaan kawal selia aktiviti karbon hutan dan perkara yang berkaitan.

Yang Berhormat Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Dewan sekalian,

Kerajaan Negeri Kelantan merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam merangka Rang Undang-Undang Enakmen Perhutanan Negara (Pemakaian) (Pindaan No.3) 2024 ini.

Akhirnya, Kerajaan Negeri Kelantan berharap agar Rang Undang-Undang Perhutanan Negara (Pemakaian) (Pindaan No.3) 2024 ini akan mendapat sokongan penuh Ahli-Ahli Yang Berhormat demi mantapkan pentadbiran dan pengurusan hutan di Negeri Kelantan.

Saya mohon mencadangkan.

**YB MEJAR (B) DATO' HJ MD ANIZAM B AB RAHMAN**:

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

**YB DATO' SPEAKER** :

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada dihadapan kita sekarang ialah satu Rang Undang-Undang yang bergelar Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Perhutanan Negara (Pemakaian) 1985.

Sekarang saya kemukakan Rang Undang-Undang tersebut bagi **perbahasan.**

Tidak ada perbahasan, tidak ada penggulungan.

**YB DATO' SPEAKER :** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada di hadapan kita sekarang ialah satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

> **SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA PERHUTANAN NEGARA (PEMAKAIAN) 1985.**

hendaklah dibaca bagi Kali Yang Kedua.

**SETIAUSAHA :**

**SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN PERHUTANAN NEGARA (PEMAKAIAN) 1985.**

[ TINGKATAN JAWATANKUASA ]

**YB DATO' SPEAKER :**

Sekarang Dewan bersidang sebagai **Jawatankuasa.**

**[ COKMAR DITURUNKAN ]**

**SETIAUSAHA :**

Fasal 2

**YB DATO' SPEAKER :**

Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :**

Fasal 3

**YB DATO' SPEAKER :**

Fasal 3 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**SETIAUSAHA :**

Fasal 1 dan Fasal-Fasal Mengundangkan.

**YB DATO' SPEAKER :**

Fasal 1 dan Fasal-Fasal Mengundangkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Persidangan Dewan disambung semula.

**[ COKMAR DINAIKKAN ]**

[ BACAAN KALI KETIGA ]

**YB DATO' TIMBALAN MENTERI BESAR** :

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memberitahu bahawa satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

**SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN PERHUTANAN NEGARA (PEMAKAIAN) 1985.**

telah ditimbang dalam Peringkat Jawatankuasa fasal demi fasal dan telah dipersetujukan tanpa pindaan.

Dengan demikian, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

**SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN PERHUTANAN NEGARA (PEMAKAIAN) 1985.**

hendaklah dibaca bagi Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

**YB MEJAR (B) DATO' HJ MD ANIZAM B AB RAHMAN**:

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

**YB DATO' SPEAKER :**

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada di hadapan kita sekarang ialah satu Rang Undang-Undang yang bergelar –

> **SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN PERHUTANAN NEGARA (PEMAKAIAN) 1985.**

hendaklah dibaca bagi Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT YANG BERSETUJU, KATA "SETUJU", AHLI-AHLI YANG TIDAK BERSETUJU, KATA "TIDAK".**

Dipersetujukan

Rang Undang-Undang tersebut hendaklah dibaca bagi Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

**SETIAUSAHA :** Enakmen Ini bolehlah dinamakan Enakmen Perhutanan Negara (Pemakaian) (Pindaan No.3) 2024. Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta.*

Rang Undang-Undang Yang Ketujuh diterima dan diluluskan.

**DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI OLEH BADAN UNDANGAN BAGI NEGERI KELANTAN.**

---

**YB DATO' SPEAKER :**

Alhamdulillah kita telah membentang, membahas dan meluluskan 7 Rang Undang-Undang dan saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam perbahasan dan dalam membincangkan usul-usul yang telah dikemukakan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya berhasrat untuk menangguhkan Persidangan dengan mengguna pakai Perkara 9 Peraturan-Peraturan

dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Kelantan, saya menangguhkan Persidangan ini sehingga tarikh yang akan diberitahu kelak. Persidangan ditangguhkan dengan bacaan Tasbih Kafarah dan Suratul Asr'.

**PERSIDANGAN DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 11.30 PAGI DAN AKAN BERSIDANG SEMULA PADA TARIKH YANG AKAN DIBERITAHU KELAK.**